



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN BADAN-BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN TAHUN 2018 SIRI 3

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN
BADAN-BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
TAHUN 2018
SIRI 3

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KANDUNGAN

KANDUNGAN

Muka Surat

PENDAHULUAN	A - 1
1 JABATAN PERDANA MENTERI	
• Unit Perancang Ekonomi	
- Pengurusan Program Peningkatan Kapasiti dan Kapabiliti Kumpulan Khusus	1 - 1
• Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	
- Projek Menaik Taraf Sistem Bekalan Air FELDA	1 - 41
2 KEMENTERIAN KEWANGAN	
• Jabatan Akauntan Negara Malaysia	
- Pengurusan Pembangunan <i>Integrated Government Financial Management Accounting System</i> (iGFMAS)	2 - 1
• Menteri Kewangan Diperbadankan	
- Pengurusan Sistem Landasan <i>Mass Rapid Transit</i> (MRT) Laluan 1	2 - 45
3 KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN	
• Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)	
- Pengurusan Aktiviti Kawalan Import Konsainan Pertanian	3 - 1
4 KEMENTERIAN KERJA RAYA	
• Jabatan Kerja Raya	
- Pengurusan Cerun di Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia	4 - 1
5 KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN	
- Pengurusan Program Perumahan Penjawat Awam Malaysia di Wilayah Persekutuan Putrajaya	5 - 1
• Jabatan Perumahan Negara	
- Pengurusan Program Perumahan Rakyat Berkonsepkan <i>Rent To Own</i>	5 - 41

6 MAJLIS KESELAMATAN NEGARA KEMENTERIAN DALAM NEGERI	
• Kementerian Pertahanan	
• Kementerian Kewangan	
• Kementerian Luar Negeri	
• Kementerian Pertanian dan Industri Makanan	
• Kementerian Pengangkutan	
- Aktiviti Kawalan Keselamatan dan Penguatkuasaan Zon Maritim Malaysia	6 - 1
• Kementerian Kewangan	
• Kementerian Pertahanan	
- Aktiviti Kawalan Keselamatan dan Penguatkuasaan Sempadan Darat Malaysia	6 - 43
7 KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA	
- Pengurusan Program Bekalan Makanan Bermasak di Sekolah Berasrama	7 - 1
• Bahagian PERMATA	
- Pengurusan Program PERMATA Negara	7 - 41
PENUTUP	B - 1
AKRONIM	C - 1

PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti kementerian/jabatan/agensi serta pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan. Laporan mengenai pengauditan yang dijalankan hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Dewan Rakyat. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara (JAN) telah menjalankan empat (4) jenis pengauditan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Penyata Kewangan - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;

1.2. Pengauditan Pematuhan - untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di kementerian/jabatan persekutuan telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan;

1.3. Pengauditan Prestasi - untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan Persekutuan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan; dan

1.4. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan - untuk menilai sama ada pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan dengan teratur.

2. Pengauditan Prestasi dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 serta berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *The International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI). Laporan pada kali ini mengandungi perkara yang telah dibangkitkan hasil daripada pengauditan terhadap 12 program/projek/aktiviti di 10 kementerian. Pengauditan yang dijalankan antara lain meliputi aspek pengurusan program/aktiviti, pengurusan sistem dan pembinaan.

3. Pada kebiasaannya, LKAN hanya dibentangkan sebanyak dua (2) siri sahaja bagi setiap tahun. Bagaimanapun untuk LKAN tahun 2018, JAN menerbitkan tiga (3) siri LKAN berikutan dengan penambahan bilangan pengauditan prestasi untuk tahun 2018. Pada asalnya, LKAN Siri 3 ini dijadual untuk dibentangkan dalam sidang Dewan Rakyat pada bulan Mac 2020. Namun disebabkan oleh penangguhan sidang Dewan Rakyat dan Perintah Kawalan Pergerakan akibat Covid-19, kerja-kerja pemuktamadan LKAN Siri 3 turut terjejas. Walaupun terdapat kelewatan dalam pembentangannya di Dewan Rakyat, namun nilai penemuan audit dan *lessons learnt* yang dilaporkan LKAN Siri 3 ini

masih relevan dalam menambah baik pengurusan program/aktiviti Kerajaan Persekutuan.

4. Secara umumnya, program/projek/aktiviti Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan mengikut tujuan yang ditetapkan. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan seperti sasaran output dan *outcome* yang ditetapkan tidak dapat dicapai atau tidak boleh dinilai kerana sasaran kuantitatif, mekanisme dan indikator tidak ditetapkan, serta data berkaitan tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Selain itu, masih berlaku kes pembayaran tidak teratur, kelemahan pentadbiran kontrak, kerja/bekalan/perkhidmatan tidak mengikut spesifikasi/tidak berkualiti, pembaziran serta ketidakcekapan dalam pengurusan aset dan pungutan hasil Kerajaan.

5. Kelemahan tersebut antara lain disebabkan oleh kecuaian dalam mematuhi peraturan/prosedur yang ditetapkan oleh Kerajaan serta kurang teliti semasa merancang program/projek/aktiviti dan menetapkan skop serta spesifikasi kontrak. Selain itu, ia juga disebabkan pemantauan yang tidak dijalankan dengan kerap dan teliti terhadap kerja kontraktor/perunding, kurang kemahiran dalam pengurusan projek dan kurang memberi perhatian terhadap keberhasilan/impak sesuatu program/projek/aktiviti.

6. Seperti tahun yang lalu, Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Ketua Pengarah Badan Berkanun Persekutuan selaku ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan dalam laporan ini untuk tujuan pengesahan. Pemerhatian Audit telah dikemukakan kepada ketua jabatan terlibat dan mereka juga telah dimaklumkan mengenai isu yang dibangkitkan semasa *Exit Conference* diadakan. Penemuan Audit yang penting sahaja telah dilaporkan dalam laporan ini untuk memaklumkan kepada *stakeholders* mengenai kelemahan yang dikesan. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 63 syor untuk diambil tindakan oleh kementerian/jabatan/agensi berkenaan.

7. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan memantapkan usaha penambahbaikan dalam pelaksanaan aktiviti Kerajaan. Selain meningkatkan akauntabiliti dan integriti penjawat awam, laporan ini juga diharap dapat membantu menimbulkan kesedaran melalui *lessons learnt* bagi membolehkan Kerajaan mendapat *value for money* untuk setiap perbelanjaan yang dibuat.

8. Status isu dan tindakan terkini Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri 3, boleh diakses oleh auditi dan orang awam melalui *Auditor General's Dashboard* di Portal Jabatan Audit Negara. Mekanisme ini telah berjaya membantu kementerian/jabatan/agensi Kerajaan untuk menyalurkan maklum balas dengan cepat, pantas serta meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti. Hal ini membuktikan komitmen dan keprihatinan Kerajaan dalam menjelaskan kedudukan terkini isu yang dibangkitkan

dalam Laporan Ketua Audit Negara serta menyalurkan status tindakan yang telah diambil.

9. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai kementerian/jabatan/badan berkanun Persekutuan yang telah memberi kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan Audit Negara yang telah berusaha gigih serta memberi sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
14 Mei 2020

1

JABATAN PERDANA MENTERI

- **Unit Perancang Ekonomi**
 - Pengurusan Program Peningkatan Kapasiti dan Kapabiliti Kumpulan Khusus
- **Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)**
 - Projek Menaik Taraf Sistem Bekalan Air FELDA

UNIT PERANCANG EKONOMI

Pengurusan Program Peningkatan
Kapasiti dan Kapabiliti Kumpulan Khusus

**JABATAN PERDANA MENTERI
UNIT PERANCANG EKONOMI
PENGURUSAN PROGRAM PENINGKATAN KAPASITI
DAN KAPABILITI KUMPULAN KHUSUS**

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditan melibatkan penilaian terhadap program latihan kemahiran untuk kumpulan sasar yang terdiri daripada isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40) bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 yang meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi program dan pengurusan program.
- Bagi prestasi program, pencapaian output dinilai terhadap penyertaan peserta manakala penilaian *outcome* adalah kebolehpasaran peserta untuk mendapat pekerjaan dan peningkatan pendapatan bulanan peserta selepas menghadiri latihan yang dijalankan.
- Pengurusan program pula dinilai terhadap enam (6) perkara iaitu pencapaian kewangan, pemilihan agensi pelaksana dan penyedia perkhidmatan, pengurusan peruntukan oleh agensi pelaksana, pelaporan pelaksanaan program, pengendalian program oleh agensi pelaksana dan pemantauan program melibatkan peruntukan yang diluluskan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018.
- Pengauditan melibatkan Unit Perancang Ekonomi (UPE) sebagai penyelaras utama program, tiga (3) agensi penyelaras iaitu Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK), Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) serta enam (6) agensi pelaksana.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Kerajaan memperuntukkan dana berjumlah RM258.29 juta bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 bagi pengurusan Program Peningkatan Kapasiti dan Kapabiliti Kumpulan Khusus (PPKK) yang berbentuk latihan jangka pendek dan panjang untuk disertai oleh kumpulan B40.
- Tujuan bantuan dari segi latihan diberi oleh Kerajaan adalah untuk meningkatkan kemahiran peserta bagi membolehkan peserta mendapat pekerjaan dan meningkatkan pendapatan isi rumah.
- PPPK bukan sahaja memberi implikasi kewangan yang tinggi kepada Kerajaan, bahkan merupakan salah satu inisiatif Kerajaan untuk mengurangkan kadar kemiskinan.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya berdasarkan skop pengauditan, dapat dirumuskan bahawa PPKK tidak dilaksanakan dengan cekap dan berkesan di mana rekod peserta tidak diselenggara untuk menilai pencapaian *outcome*. Selain itu, kelemahan dalam pemantauan, pemilihan agensi pelaksana, penyedia perkhidmatan dan program yang bersesuaian menyebabkan objektif program yang ditetapkan tidak tercapai. Kelemahan yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:
 - Penyertaan peserta hanya 38.5% daripada sasaran yang ditetapkan. Keadaan ini berlaku kerana hanya 11 daripada 22 latihan dijalankan bersesuaian dengan objektif PPKK. Kebolehpasaran peserta untuk mendapat pekerjaan dan peningkatan pendapatan bulanan isi rumah peserta tidak dapat dinilai kerana data peserta tidak dapat disahkan.
 - Wujud kelemahan dalam pengurusan kewangan melibatkan prestasi perbelanjaan yang rendah iaitu hanya 54.4% daripada keseluruhan peruntukan yang disalurkan.
 - Pelantikan agensi pelaksana dan penyedia perkhidmatan yang tidak mengikut garis panduan.
 - Pengurusan peruntukan yang lemah oleh agensi pelaksana melibatkan perbelanjaan program yang tidak mengikut kelulusan, bayaran balik program yang dijalankan sebelum perjanjian ditandatangani berjumlah RM3.5 juta, pindahan dana program tanpa kelulusan dan perbelanjaan tidak dibenarkan berjumlah RM377,000.
 - Laporan program yang dikemukakan oleh agensi pelaksana dan penyedia perkhidmatan adalah berbeza dengan baki dana sebenar. Laporan akhir program latihan kemahiran yang dikemukakan oleh agensi pelaksana juga diragui kesahihannya.
 - Wujud kelemahan pengendalian program oleh agensi pelaksana di mana pemilihan 465 peserta tidak mengikut garis panduan yang ditetapkan, pembayaran berjumlah RM2.16 juta tidak mengikut tatacara kewangan dan penyedia perkhidmatan melantik pihak ketiga untuk melaksanakan program berjumlah RM870,000 bagi pihaknya tanpa kelulusan.
 - Pemantauan tidak dilaksanakan dengan berkesan oleh Bahagian Pembangunan Ekuiti (BPE)/agensi penyelaras/agensi pelaksana.

JABATAN PERDANA MENTERI

UNIT PERANCANG EKONOMI

1. PENGURUSAN PROGRAM PENINGKATAN KAPASITI DAN KAPABILITI KUMPULAN KHUSUS

FAKTA UTAMA PENGURUSAN PPKK

RMKe-10	RM258.29 Juta	11 Jabatan/NGO
• PPKK bermula dan diteruskan ke RMKe-11	• Jumlah peruntukan diluluskan (2016 hingga 2018)	• Agensi pelaksana lantikan Unit Perancang Ekonomi (UPE)
Unit Perancang Ekonomi (UPE)	Menetapkan dasar pelaksanaan PPKK, melantik dan mengajihkan peruntukan kepada agensi penyelaras/agenzi pelaksana.	
Bahagian Pembangunan Ekuiti (BPE)	Bertanggungjawab untuk menyelaras PPKK dan melaksanakan pemantauan. BPE juga berperanan sebagai agensi pelaksana bagi program khas di bawah PPKK iaitu Program Pemerkaan Masyarakat 1Malaysia (PPM1M).	
Agensi Penyelaras	Mengajih/membayar peruntukan kepada agensi pelaksana/penyedia perkhidmatan dan melaksanakan pemantauan terhadap agensi pelaksana berkaitan.	
Agensi Pelaksana	Melantik penyedia perkhidmatan untuk menjalankan program yang telah diluluskan oleh UPE, membuat pembayaran kepada penyedia perkhidmatan dan menjalankan pemantauan terhadap penyedia perkhidmatan.	
Penyedia Perkhidmatan	Institut Latihan Kemahiran Awam dan Swasta serta syarikat dan pertubuhan yang dilantik oleh agensi pelaksana untuk menjalankan program/latihan yang telah diluluskan.	

1. LATAR BELAKANG

1.1. Program Peningkatan Kapasiti dan Kapabiliti Kumpulan Khusus (PPKK) merupakan program yang dilaksanakan dalam bentuk latihan kemahiran, pembangunan keusahawanan dan pendidikan kepada kumpulan sasar bagi meningkatkan status sosioekonomi mereka. Program ini adalah program khas Unit Perancang Ekonomi (UPE) bermula pada Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) untuk menyokong satu (1) daripada tujuh (7) teras strategik iaitu Menuju Ke Arah Pembangunan Sosioekonomi secara Inklusif. Program ini telah diteruskan bagi Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Tumpuan bagi teras strategik ini adalah isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40) melibatkan kumpulan sasaran (khusus) seperti berikut:

- a. isi rumah berpendapatan rendah (kurang daripada RM2,848);
- b. anak negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak;
- c. Orang Asli;
- d. belia tercincir/berisiko tinggi;
- e. ibu tunggal;
- f. anak yatim, gelandangan, anak-anak yang diabaikan; dan
- g. kumpulan-kumpulan lain yang bersesuaian.

1.2. UPE diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) sejak penubuhannya pada tahun 1961. Mulai bulan Mei 2018, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) telah ditubuhkan dan mengambil alih sebahagian besar peranan dan fungsi yang sebelum ini dilaksanakan oleh UPE. Bahagian Pembangunan Ekuiti (BPE) (dahulunya dikenali sebagai Seksyen Pengagihan Ekuiti) bertindak sebagai penyelaras PPKK secara keseluruhan. BPE juga bertindak sebagai agensi pelaksana bagi program khas PPKK iaitu Program Pemerkasaan Masyarakat 1 Malaysia (PPM1M). Bagaimanapun mulai Mac 2020, peranan menyelaras PPKK telah diletakkan semula di bawah UPE, JPM.

1.3. Empat (4) latihan/program dilaksanakan di bawah PPKK iaitu latihan kemahiran, keusahawanan, pendidikan dan program-program khas. Peruntukan PPKK ini disalurkan kepada agensi pelaksana yang terdiri daripada Kementerian/Kerajaan Negeri, agensi Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO). Agensi pelaksana seperti dalam **Jadual 1** perlu mengemukakan laporan kepada BPE sebaik sahaja program berakhir.

JADUAL 1
SENARAI AGENSI PELAKSANA PPKK

BIL	AGENSI PELAKSANA
1.	Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB)
2.	Yayasan Tindakan Afirmatif Baharu (Yayasan NAAM)
3.	Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM)
4.	Mahasiswa Turun Parlimen (MANTAP)
5.	Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)
6.	Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)
7.	Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Semenanjung Malaysia/BPE, MEA
8.	Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Sabah
9.	Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Sarawak
10.	Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP)
11.	Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)

Sumber: BPE, MEA

1.4. Berdasarkan Sistem Pemantauan Projek II (SPP II), siling peruntukan yang ditetapkan bagi tahun 2016 hingga 2018 adalah berjumlah RM285 juta. Bagaimanapun, peruntukan yang diluluskan bagi tiga (3) tahun tersebut berjumlah RM258.29 juta. Perincian agihan peruntukan kepada agensi pelaksana adalah seperti dalam **Jadual 2**.


JADUAL 2
AGIHAN PERUNTUKAN KEPADA AGENSI PELAKSANA
BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

BIL	AGENSI PELAKSANA	TAHUN (RM Juta)			JUMLAH (RM Juta)
		2016	2017	2018	
1.	YPPB	1.95	3.50	5.45	10.90
2.	Yayasan NAAM	18.0	-	-	18.00
3.	DPMM	-	-	5.07	5.07
4.	MANTAP	4.38	0.32	-	4.70
5.	JAKOA	8.0	24.0	18.5	50.50
6.	AADK	1.7	0.55	-	2.25
7.	UPEN Semenanjung Malaysia/BPE, MEA	8.0	40.9	18.6	67.50
8.	UPEN Sabah	12.0	30.0	18.84	60.84
9.	UPEN Sarawak	12.0	12.0	12.0	36.00
10.	KWP	-	2.27	-	2.27
11.	KPT	-	0.26	-	0.26
JUMLAH		66.03	113.8	78.46	258.29

Sumber: Laporan Waran BV300, Tahun 2016 hingga 2018

1.5. Peruntukan telah diagih kepada agensi pelaksana melalui dua (2) kaedah iaitu secara terus dan melalui agensi penyelaras. Peruntukan secara terus diagihkan oleh UPE kepada JAKOA, YPPB, UPEN Sabah, UPEN Sarawak, MANTAP, AADK, KWP dan KPT. Agihan kepada Yayasan NAAM, DPMM dan UPEN Semenanjung Malaysia/BPE pula melalui agensi penyelaras yang dilantik iaitu KBS, TERAJU dan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK). Agensi pelaksana berperanan melantik penyedia perkhidmatan yang terdiri daripada Institut Latihan Kemahiran Awam dan Swasta (ILKA/ILKS), syarikat dan pertubuhan untuk melaksanakan program/latihan yang telah diluluskan. Carta alir proses pelaksanaan PPK melibatkan agensi penyelaras dan agensi pelaksana adalah seperti dalam **Rajah 1**.

RAJAH 1
CARTA ALIR PROSES PELAKSANAAN PPKK MELIBATKAN
AGENSI PELAKSANA DAN AGENSI PENYELARAS



Sumber: Jabatan Audit Negara

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan PPKK telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif PPKK iaitu membangunkan sosioekonomi secara inklusif melalui peningkatan pendapatan bulanan dan kebolehpasaran untuk kumpulan sasar mendapatkan pekerjaan.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi program dan pengurusan program. Prestasi program meliputi pencapaian output dan pencapaian *outcome*. Pengurusan program pula meliputi enam (6) perkara iaitu pencapaian kewangan, pemilihan agensi pelaksana dan penyedia perkhidmatan, pengurusan peruntukan oleh agensi pelaksana, pelaporan pelaksanaan program, pengendalian program oleh agensi pelaksana dan pemantauan program melibatkan peruntukan yang diluluskan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018.

3.2. Bagi pencapaian kewangan PPKK, pengauditan tertakluk kepada limitasi kerana penilaian Audit hanya berdasarkan laporan/dokumen kewangan yang dikemukakan oleh agensi pelaksana yang dipilih sebagai sampel memandangkan BPE tidak menyediakan laporan kewangan program keseluruhan. Pihak Audit telah menjalankan pengauditan secara persampelan yang meliputi enam (6) iaitu (54.5%) daripada 11 agensi pelaksana yang menerima peruntukan berjumlah RM212.81 juta (82.4%) di mana peruntukan keseluruhan RM258.29 juta. Agensi pelaksana yang dipilih adalah UPEN Semenanjung Malaysia/BPE, UPEN Sabah, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB), Yayasan Tindakan Afirmatif Baharu (Yayasan NAAM) dan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM).

3.3. Pemilihan sampel terhadap penyedia perkhidmatan adalah 28 iaitu 20% daripada jumlah penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh enam (6) agensi pelaksana terbabit bagi tahun 2016 hingga 2018. Pihak Audit juga telah menjalankan semakan terhadap proses kelulusan, pembayaran dan pemantauan melibatkan penyaluran peruntukan melalui agensi penyelaras di Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) dan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU).

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak dan menganalisis minit mesyuarat, rekod kewangan, dokumen kontrak, laporan penyedia perkhidmatan/agensi pelaksana berkaitan latihan/program yang dijalankan dan pemantauan oleh pihak berkaitan. Temu bual, perbincangan dan soal selidik telah diadakan bersama peserta dan pegawai yang terlibat di BPE, PTPK, enam (6) agensi pelaksana yang dipilih serta penyedia

perkhidmatan yang dilantik oleh agensi pelaksana terbabit. Pemeriksaan fizikal juga telah dijalankan di 26 premis penyedia perkhidmatan untuk menentukan lokasi sebenar dan keadaan semasa premis.

5. RUMUSAN AUDIT

5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Februari hingga Jun 2019 merumuskan perkara seperti berikut:

a. Prestasi Program

Sasaran penyertaan peserta tidak tercapai dengan 38.5% penyertaan berbanding sasaran kerana hanya 11 daripada 22 latihan/program yang dilaksanakan memenuhi objektif PPKK. Ketepatan bilangan penyertaan peserta juga tidak dapat disahkan kerana tiada penyelarasan dan dokumen sokongan untuk membuktikan kehadiran peserta serta data yang dikemukakan tidak selari dengan pembayaran yang dibuat. Objektif PPKK untuk meningkatkan kebolehpasaran peserta bagi mendapatkan pekerjaan sekaligus meningkatkan pendapatan bulanan isi rumah peserta tidak dapat dinilai kerana data peserta tidak dapat disahkan bagi mengukur tahap pencapaian *outcome* program. Hasil analisis Audit terhadap maklum balas 868 borang kaji selidik mendapati peningkatan pendapatan peserta melebihi RM1,200 masih gagal dicapai keseluruhannya.

b. Pengurusan Program

Bagi aspek pengurusan PPKK, terdapat beberapa perkara yang perlu dipertingkatkan kerana ia boleh memberi kesan kepada tahap kecekapan BPE/UPE dan agensi pelaksana dalam melaksanakan PPKK. Antara kelemahan pengurusan PPKK adalah pelantikan agensi pelaksana dan latihan/program yang dijalankan tidak bersesuaian, pelaksanaan program oleh penyedia perkhidmatan yang tidak mengikut garis panduan dan pemantauan yang kurang berkesan oleh BPE/UPE/agensi penyelaras/agensi pelaksana. Kelemahan pengurusan oleh agensi pelaksana menyebabkan peserta yang menyertai PPKK tidak mendapat manfaat sepenuhnya. Keadaan ini memberi ruang kepada penyalahgunaan kuasa, seterusnya membawa kepada ketirisan dana yang disalurkan.

5.2. Penemuan utama Audit yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- penyertaan peserta hanya 38.5% daripada sasaran yang ditetapkan. Keadaan ini berlaku kerana hanya 11 daripada 22 latihan dijalankan bersesuaian dengan objektif PPKK. Kebolehpasaran peserta untuk mendapat pekerjaan dan

- peningkatan pendapatan bulanan isi rumah peserta tidak dapat dinilai kerana data peserta tidak dapat disahkan;
- b. wujud kelemahan dalam pengurusan kewangan melibatkan prestasi perbelanjaan yang rendah iaitu hanya 54.4% daripada keseluruhan peruntukan yang disalurkan;
 - c. pelantikan agensi pelaksana/penyedia perkhidmatan yang tidak mengikut garis panduan menyebabkan latihan/program tidak bersesuaian dilaksanakan;
 - d. pengurusan peruntukan yang lemah oleh agensi pelaksana melibatkan perbelanjaan program yang tidak mengikut kelulusan, bayaran balik program yang dijalankan sebelum perjanjian ditandatangani berjumlah RM3.50 juta, pindahan dana program tanpa kelulusan dan perbelanjaan tidak dibenarkan berjumlah RM377,000;
 - e. laporan program yang dikemukakan oleh agensi pelaksana dan penyedia perkhidmatan adalah berbeza dengan baki dana sebenar. Laporan akhir program latihan kemahiran yang dikemukakan oleh agensi pelaksana juga diragui kesahihannya;
 - f. wujud kelemahan pengendalian program oleh agensi pelaksana di mana pemilihan 465 peserta tidak mengikut garis panduan yang ditetapkan, dan pembayaran berjumlah RM2.16 juta tidak mengikut tatacara kewangan serta penyedia perkhidmatan melantik pihak ketiga untuk melaksanakan program berjumlah RM870,000 bagi pihaknya tanpa kelulusan; dan
 - g. pemantauan tidak dilaksanakan dengan berkesan oleh BPE/agensi penyelaras/agensi pelaksana.

6. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Perkara yang ditemui serta maklum balas daripada MEA dan agensi terlibat telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 1 Oktober 2019. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti dalam perenggan berikut:

6.1. Prestasi PPKK

6.1.1. Pencapaian Output

- a. PPKK di bawah RMKe-11 telah menyasarkan penyertaan 100,000 peserta menjelang tahun 2020. Empat (4) kategori latihan/program yang dijalankan adalah latihan kemahiran, keusahawanan, pendidikan dan program khas.

- b. Semakan Audit terhadap enam (6) sampel agensi pelaksana mendapati 22 latihan/program telah dilaksanakan sepanjang tahun 2016 sehingga 30 April 2019 dengan penyertaan 198,413 peserta. Bagaimanapun, hanya 11 daripada 22 latihan/program dengan kos berjumlah RM 97.33 juta yang dilaksanakan oleh lima (5) agensi pelaksana adalah bersesuaian dengan objektif PPKK iaitu untuk meningkatkan kebolehpasaran dan pendapatan peserta. Kesemua latihan/program yang dilaksanakan oleh DPMM tidak bersesuaian dengan objektif yang ditetapkan di mana program yang dijalankan hanya mensasarkan golongan usahawan yang terdiri daripada ahli DPMM. Justeru, jumlah penyertaan yang dikira sebagai output adalah 38,530 peserta iaitu 38.5% daripada sasaran.
- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati ***data penyertaan peserta bagi latihan/program yang dianjurkan oleh Yayasan NAAM diragui ketepatannya kerana ketiadaan dokumen sokongan yang lengkap*** untuk membuktikan kehadiran peserta. Perincian bagi 22 latihan/program yang dilaksanakan adalah seperti dalam **Jadual 3** dan **Jadual 4**. BPE selaku penyelaras utama PPKK juga gagal mengemukakan laporan keseluruhan pencapaian PPKK sepanjang pengauditan dilaksanakan.

JADUAL 3
BILANGAN PENYERTAAN PESERTA BAGI PPKK
BAGI TAHUN 2016 SEHINGGA 30 APRIL 2019

BIL.	AGENSI PELAKSANA	JENIS LATIHAN/PROGRAM	BIL. PESERTA	KOS PROGRAM (RM Juta)
1.	YPPB	Pembangunan Keupayaan Etnik Minoriti di Sabah	236	2.37
		Pembangunan Keupayaan Etnik Minoriti di Sarawak	125	0.96
		Initiatif Intervensi Pendidikan Belia B40 dan Asnaf	Program Belum Bermula	0
2.	Yayasan NAAM	Program Pembudayaan Kemahiran Belia	2,140	8.55
		Program Kemahiran Keusahawanan Wanita	3,093	5.45
3.	JAKOA	Latihan Kemahiran & Kerjaya	3,525	25.66
		Program NBOS JAKOA – PDRM	130	0.44
		Program Pembangunan Minda Insan	25,193	2.88
4.	UPEN Semenanjung Malaysia/BPE, MEA	Kemahiran/Keusahawanan	941	7.48
		PPM1M	431	1.54
5.	UPEN Sabah	Kemahiran/Keusahawanan	2,716	42.00
JUMLAH			38,530	97.33

Sumber: Laporan Prestasi PPKK oleh Agensi Pelaksana dan Lawatan Fizikal Audit

JADUAL 4
LATIHAN/PROGRAM YANG TIDAK BERSESUAIAN DENGAN OBJEKTIF PPKK

BIL.	AGENSI PELAKSANA	JENIS LATIHAN/PROGRAM	PERINCIAN PROGRAM	BIL. PESERTA
1.	YPPB	Inisiatif Bantuan Pengangkutan untuk Murid Miskin di Sekolah-Sekolah di Kota Belud, Sabah	Bantuan pengangkutan trak <i>pickup</i> , van dan basikal kepada 382 pelajar sekolah rendah dan menengah bagi 5 tahun melibatkan sembilan (9) sekolah di Kota Belud, Sabah.	382
		Inisiatif Bantuan Tambang Pengangkutan untuk Murid Miskin di Sekolah-Sekolah Seluruh Malaysia	Bantuan tambang pengangkutan selama 1 tahun melibatkan 2,000 pelajar di seluruh Malaysia.	2,000
2.	Yayasan NAAM	Program Pembangunan Karier dan Kerjaya Remaja	Program sehari berkaitan pendedahan bidang kemahiran bersesuaian, aktiviti promosi dan publisiti serta kerjaya dan kebolehpasaran.	19,070
		Program Pembudayaan Kepimpinan Belia	Program sehari berkaitan kepimpinan dan pembangunan diri, panduan <i>reskilling</i> dan <i>upskilling</i> serta melahirkan belia cintakan negara dan pemimpin negara.	15,270
		Program Mesra Bersama Rakyat	Program sehari bersama Timbalan Menteri KBS berkaitan konsep keluarga bahagia negara harmoni, kemahiran keibubapaan dan peranan serta tanggungjawab terhadap anak.	18,289
3.	DPMM	<i>I Am Usahawan (IAMU) – Awareness: Go 4.0</i>	<i>Outcome</i> program IAMU tertumpu kepada peningkatan kualiti usahawan Bumiputera yang telah berada dalam industri. Antaranya adalah:	3,400
		<i>I Am Usahawan (IAMU) – Upskilling</i>	<ul style="list-style-type: none"> mengumpul usahawan Bumiputera yang kompetitif; dan menjadikan DPMM sebagai satu hub untuk pembangunan, promosi dan penggubalan polisi keusahawanan Bumiputera. 	475
		<i>I Am Usahawan (IAMU) – Go To Market</i>		0
4.	JAKOA	Jom Masuk PLKK	Promosi/ <i>roadshow</i> latihan kemahiran yang disediakan oleh JAKOA kepada Orang Asli	4,383
		Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP)	Tuisyen dijalankan bagi pelajar yang menghadapi peperiksaan UPSR, PT3 dan SPM.	310
		Program Bersama Rakyat	Program jalinan mesra pemimpin bersama Orang Asli dan Program Transformasi Nasional 2050 (TN50).	96,304
JUMLAH				159,883

Sumber: Laporan Prestasi PPKK oleh Agensi Pelaksana dan Lawatan Fizikal Audit

Maklum balas MEA yang diterima pada 7 Oktober 2019

MEA telah mengemukakan laporan yang dikemukakan oleh agensi pelaksana. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa agensi yang masih belum mengemukakan laporan walaupun telah diberi peringatan berulang kali. MEA sedang mendapatkan laporan-laporan pelaksanaan program dan mengemas kini pangkalan data sedia ada berkaitan pelaksanaan program.

Beberapa program tambahan terpaksa diadakan untuk menarik peserta menyertai program. Walaupun program tersebut tidak memberikan *outcome* secara langsung dari segi peningkatan pendapatan, ia membantu kumpulan sasar dalam jangka masa panjang bagi mengelakkan daripada keciciran, meningkatkan prestasi akademik serta sahsiah kumpulan sasar.

Maklum balas yang diterima pada 27 September 2019

(i) YPPB

Program Inisiatif Intervensi Pendidikan Belia B40 dan Asnaf masih belum dimulakan kerana kelulusan pelaksanaan program adalah pada 7 Ogos 2018 dan perancangan program sedang dijalankan bersama penyedia perkhidmatan yang terdiri daripada agensi Kerajaan Negeri dan badan kebajikan.

(ii) DPMM

Setiausaha Agung (SUA) DPMM yang baru telah membekukan Program IAMU pada 7 September 2018. Oleh itu, pelaksanaan kesemua sub-program bawah Program *I Am Usahawan* (IAMU) tidak lengkap dan tidak dapat mencapai sasaran yang ditetapkan.

(iii) JAKOA

Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP) dapat dinilai melalui peningkatan pencapaian pendidikan yang menjadi kesinambungan ke arah peningkatan kualiti hidup dan ekonomi generasi belia beliawanis Orang Asli. Hasil cadangan dan idea para peserta Orang Asli dari program TN50 adalah digunakan untuk input kerangka Rancangan Malaysia Keduabelas (RMKe-12) (Tahun 2021-2025).

Pada pendapat Audit, sasaran penyertaan peserta yang ditetapkan UPE tidak tercapai dan tidak dapat disahkan memandangkan data yang dikemukakan tidak disertakan dengan dokumen sokongan yang lengkap. Pelaksanaan 11 program yang tidak meningkatkan pendapatan kumpulan B40 menyebabkan objektif utama PPKK tidak tercapai.

6.1.2. Pencapaian *Outcome*

a. Tahap Pencapaian *Outcome* Tidak Dapat Dinilai

- i. Mengikut Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012, Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan Persekutuan dan Ketua Eksekutif Badan Berkanun Persekutuan bertanggungjawab memastikan Laporan Penilaian *Outcome* disediakan bagi program atau projek pembangunan di bawah pengawasan masing-masing. Berdasarkan Sistem Pemantauan Projek II (SPP II), *outcome* yang disasarkan bagi PPKK adalah 80% (80,000) daripada 100,000 peserta berjaya mendapat pekerjaan selepas menyertai

latihan/program yang dijalankan. Seterusnya, meningkatkan pendapatan bulanan isi rumah peserta antara RM1,200 hingga RM1,500 atau lebih melalui pekerjaan atau perniagaan.

- ii. Semakan Audit mendapati ***tahap pencapaian outcome program tidak dapat dinilai kerana BPE tidak menyediakan data peserta untuk mengukur peratus kebolehpasaran peserta dalam bidang pekerjaan/keusahawanan***. Perkara ini menyebabkan pengesahan peningkatan pendapatan terhadap peserta tidak dapat dilakukan.
- iii. Sesi temu bual dan pengumpulan data telah dibuat ke atas agensi pelaksana dan penyedia perkhidmatan semasa lawatan fizikal dijalankan pada bulan Februari hingga April 2019 bagi menilai pencapaian outcome PPKK. Didapati ***hanya 11 daripada 22 latihan/program yang dilaksanakan menghasilkan outcome yang ditetapkan*** yang mana 11 latihan/program tersebut menyediakan latihan kemahiran bagi meningkatkan kebolehpasaran peserta dalam bidang pekerjaan.

Maklum balas MEA yang diterima pada 27 September 2019

MEA sentiasa memastikan agensi pelaksana melaporkan status pelaksanaan program berdasarkan templat yang telah disediakan yang merangkumi data pelatih yang telah bekerja, tidak bekerja dan melanjutkan pelajaran. Beberapa agensi masih tidak mengemukakan laporan walaupun setelah diberi peringatan berkali-kali.

b. Kebolehpasaran Peserta dan Peningkatan Pendapatan Peserta

- i. Para 4.4 (iii) Garis Panduan PPKK RMKe-11 yang dikeluarkan oleh UPE menyatakan penyedia perkhidmatan perlu memastikan 80% daripada keseluruhan peserta yang menyertai program latihan kemahiran mendapat pekerjaan atau memulakan perniagaan. Pendapatan bulanan isi rumah peserta juga perlu meningkat di antara RM1,200 hingga RM1,500 atau lebih. Penyedia perkhidmatan perlu melaksanakan *tracer study* bagi penyediaan data tersebut dan dikemukakan kepada UPE.
- ii. *Tracer study* merangkumi pengumpulan maklumat peserta selepas menyertai program yang ditawarkan. Maklumat yang dikumpul adalah pekerjaan semasa peserta dan gaji yang diperolehi beserta dokumen sokongan seperti surat tawaran pekerjaan dan slip gaji.

iii. Pengukuran *outcome* dengan tepat tidak dapat dibuat oleh pihak Audit kerana data pekerjaan semasa dan gaji peserta tidak dikemukakan. Selain itu, data yang dikemukakan juga tidak disertakan dengan dokumen sokongan.

iv. Semakan Audit mendapati hanya 16 daripada 28 penyedia perkhidmatan (57.1%) menyediakan laporan *tracer study*. Didapati **peratusan kebolehpasaran peserta hanyalah 15%**



Peratusan peserta yang mendapat pekerjaan setelah tamat latihan

manakala pendapatan bulanan isi rumah peserta di antara RM1,000 hingga RM13,000. Bagaimanapun, data ini tidak dapat disahkan kerana hanya dua (2) penyedia perkhidmatan (12.5%) sahaja yang mengemukakan dokumen sokongan yang lengkap. Perincianya adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
STATUS KEBOLEHPASARAN PESERTA PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN

BIL.	AGENSI PELAKSANA	P.P*	PESERTA			ANGGARAN PENDAPATAN PESERTA (RM)	CATATAN
			JUMLAH	MENDAPAT PEKERJAAN	PERATUS MENDAPAT PEKERJAAN (%)		
1.	YPPB	1	65	64	98.5	1,198 – 2,474	Maklumat lengkap dengan dokumen sokongan.
2.	Yayasan NAAM	4	4,600	Tiada Maklumat	-	Tiada Maklumat	Penyedia perkhidmatan tidak diarahkan menjalankan <i>tracer study</i> .
3.	JAKOA	4	430	100	23.3	1,000 – 2,000	<ul style="list-style-type: none"> Tiga (3) daripada 10 program mengemukakan <i>tracer study</i>. <i>Tracer study</i> hanya dilaksanakan bagi latihan/program yang dijalankan pada tahun 2016.
4.	UPEN Semenanjung Malaysia/ BPE, MEA	9	623	334	53.6	1,000 – 13,000	Sembilan (9) daripada 19 program belum tamat latihan semasa pengauditan. Hanya satu (1) penyedia perkhidmatan menyediakan maklumat peserta yang lengkap dengan dokumen sokongan.
5.	UPEN Sabah	10	1,470	578	39.3	1,000 – 1,500	Tiga (3) penyedia perkhidmatan belum menyediakan laporan <i>tracer study</i> kerana dua (2) program belum tamat dan satu (1) program baru menamatkan latihan.
JUMLAH		28	7,188	1,076	15.0	1,000 – 13,000	

Sumber: Laporan *Tracer Study* Dikemukakan Agensi Pelaksana/Penyedia Perkhidmatan

Nota: P.P* – Penyedia Perkhidmatan

Maklum balas yang diterima pada 27 September 2019

(i) MEA

Maklumat data pekerjaan dan gaji bagi peserta adalah sukar didapati berikutan dokumen tersebut adalah berbentuk peribadi. Pada kebiasaannya, data tersebut diperolehi berdasarkan perbincangan antara pihak ILKS dengan bekas peserta dan dilaporkan dalam laporan pelaksanaan program. Peserta PPKK terdiri daripada pelbagai sektor pekerjaan dan ada yang bekerja dari rumah seperti ibu tunggal yang mengikuti kursus jahitan dan menjalankan perniagaan dari rumah. Justeru, pendapatan yang diterima peserta tidak tetap, bersifat *seasonal* dan tidak dapat dibuktikan melalui dokumen sokongan.

(ii) JAKOA

JAKOA telah membuat penambahbaikan sistem kebolehpasaran peserta dan pemantauan pekerjaan dengan mewajibkan semua penyedia perkhidmatan untuk memberi surat tawaran pekerjaan dan dokumen bertulis pendapatan seperti slip gaji sebagai dokumen yang perlu disertakan mulai tahun 2018.

(iii) UPEN Sabah

UPEN Sabah sedang membuat pengemaskinian ke atas *tracer study* penyedia perkhidmatan berkaitan.

c. Penilaian Terhadap Kebolehpasaran dan Pendapatan Peserta yang Telah Tamat Menjalani Latihan/Program

Pihak Audit menjalankan penilaian terhadap kebolehpasaran dan pendapatan peserta yang telah menamatkan latihan/program melalui kaji selidik secara atas talian bermula April hingga Jun 2019 dan menerima maklum balas daripada 868 responden.

- i. Analisis Audit ke atas maklum balas 868 responden bagi soal selidik Audit terhadap peserta yang telah menamatkan program mendapati 79.6% (691 peserta) tidak bekerja sebelum menyertai PPKK. Perinciannya adalah seperti dalam **Carta 1**.



Sumber: Borang Soal Selidik Jabatan Audit Negara

ii. Semakan Audit selanjutnya mendapati, ***70.8% (615 peserta) memperoleh pendapatan kasar melebihi RM1,200 sebulan setelah menyertai PPKK.*** Walau bagaimanapun, 5% (43 peserta) masih gagal mendapatkan pekerjaan selepas menyertai PPKK. Berdasarkan maklum balas tersebut, didapati sasaran *outcome* bagi meningkatkan tahap kebolehpasaran peserta setelah menyertai PPKK tercapai. Namun begitu, ***objektif untuk meningkatkan pendapatan peserta melebihi RM1,200 sebulan masih belum dicapai secara keseluruhannya.*** Ringkasan analisis Audit berkaitan pendapatan peserta selepas menyertai PPKK adalah seperti dalam **Carta 2**.



Sumber: Borang Soal Selidik Jabatan Audit Negara

Maklum balas MEA yang diterima pada 27 September 2019

Pendapatan peserta selepas menyertai program yang tidak mencapai sasaran RM1,200 adalah bergantung kepada jenis pekerjaan yang dilakukan oleh peserta. Hal ini kerana terdapat peserta tidak bekerja, bekerja secara separuh masa di rumah, menjadi usahawan dan bekerja di luar bidang yang dilatih. Kursus-kursus yang ditawarkan adalah berdasarkan permintaan industri setempat dan diberi jaminan untuk mendapatkan pekerjaan selepas tamat program. Walau bagaimanapun, tahap motivasi, kemauan peserta untuk meningkatkan pendapatan isi rumah serta kekangan lain menyebabkan peserta tidak berjaya mendapatkan pendapatan yang disasarkan.

Pada pendapat Audit, kegagalan BPE menyediakan data dan rekod pendapatan peserta menyebabkan pengukuran keberkesanan PPKK secara keseluruhannya tidak dapat dinilai. Bagaimanapun, berdasarkan maklum balas borang kaji selidik menunjukkan penurunan peratusan peserta tidak bekerja setelah menyertai latihan/program PPKK iaitu daripada 79.6% kepada 5%.

6.2. Pengurusan Program

Pengurusan program meliputi enam (6) perkara iaitu pencapaian kewangan, pemilihan agensi pelaksana dan penyedia perkhidmatan, pengurusan peruntukan oleh agensi pelaksana, pelaporan pelaksanaan program oleh agensi pelaksana dan penyedia perkhidmatan, pengendalian program oleh agensi pelaksana dan pemantauan program. Penemuan Audit yang perlu diberikan perhatian dinyatakan seperti dalam perenggan berikut:

6.2.1. Pencapaian Kewangan

- a. Pelaksanaan PPKK adalah menggunakan peruntukan pembangunan yang diterima daripada UPE dan diagihkan terus kepada agensi pelaksana/melalui agensi penyelaras. Bagi tempoh dari tahun 2016 hingga 2018, sejumlah RM258.29 juta telah diagihkan kepada 11 agensi pelaksana. Peruntukan dan perbelanjaan PPKK bagi enam (6) agensi pelaksana adalah seperti dalam **Jadual 6**.



Peratusan peruntukan dibelanjakan bagi tempoh 2016 hingga 2018

JADUAL 6
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PPKK
BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

BIL.	AGENSI PELAKSANA	PERUNTUKAN (RM Juta)			PERATUS PERBELANJAAN (%)
		DILULUSKAN	DITARIK SEMULA	PERBELANJAAN	
1.	Yayasan NAAM	18.0	-	18.0	100.0
2.	JAKOA	50.5	12.86	35.74	94.9
3.	DPM	5.07	-	4.43*	87.4
4.	UPEN Sabah	60.84	-	38.43	63.2
5.	YPPB	10.9	-	4.85	44.5
6.	UPEN Semenanjung Malaysia/BPE, MEA	67.50	-	7.35	10.9
JUMLAH		212.81	12.86	108.80	54.4

Sumber: Waran Peruntukan, Laporan Perbelanjaan

Nota: (*) - Rekod Perbelanjaan DPMM Adalah Sehingga 30 November 2018

- b. Semakan Audit sehingga 31 Disember 2018 mendapati perbelanjaan bagi enam (6) agensi pelaksana adalah sejumlah RM108.80 juta, iaitu 54.4% daripada peruntukan yang diterima. UPEN Semenanjung Malaysia/BPE, MEA menunjukkan prestasi perbelanjaan yang terendah iaitu hanya RM7.35 juta (10.9%) berbanding RM67.50 juta peruntukan yang diterima. Prestasi perbelanjaan yang rendah ini disebabkan oleh kelewatan jawatankuasa PTPK (agensi penyelaras) membuat pengesahan kelulusan permohonan penyedia perkhidmatan yang dikemukakan oleh UPEN Semenanjung Malaysia dan BPE, MEA. Didapati

kelulusan di pihak UPE adalah pada 21 Jun 2016 manakala pengesahan di pihak jawatankuasa PTPK adalah pada 10 November 2016 menyebabkan program hanya bermula pada 2 Januari 2017. Pihak Audit juga mendapati kelewatan UPE melulus dan menyalurkan peruntukan kepada YPBB dan UPEN Sabah menyebabkan dua (2) agensi pelaksana ini lewat untuk membelanjakan peruntukan yang diberi.

Maklum balas PTPK yang diterima pada 27 September 2019

UPE telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM58.50 juta pada 17 Oktober 2017 yang mana pada masa tersebut PTPK sedang disiasat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung Program Pembiayaan Kepada Golongan B40. Selain itu, didapati kertas cadangan yang dikemukakan oleh penyedia perkhidmatan tidak lengkap, menyebabkan PTPK tidak dapat memproses permohonan tersebut pada tahun berkenaan.

Pada pendapat Audit, peratus perbelanjaan yang rendah menunjukkan wujud kelemahan dalam perancangan PPKK menyebabkan program lewat dilaksanakan.

6.2.2. Pemilihan Agensi Pelaksana/Penyedia Perkhidmatan

a. Pemilihan Agensi Pelaksana (NGO) dan Penyedia Perkhidmatan Tidak Mengikut Garis Panduan yang Ditetapkan

- i. Garis Panduan PPKK telah menyenaraikan peranan dan tanggungjawab NGO dan penyedia perkhidmatan seperti berikut:
 - NGO/penyedia perkhidmatan perlu mempunyai kepakaran, pengalaman serta kapasiti untuk melaksanakan semua program yang dikenalpasti.
 - NGO/penyedia perkhidmatan perlu mempunyai hubungan dengan pihak industri bagi memastikan peserta mendapat pekerjaan selepas tamat latihan kemahiran.
- ii. Berdasarkan analisis Audit, dua (2) penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh Yayasan NAAM tidak mempunyai pengalaman dan kapasiti untuk melaksanakan program latihan. Malahan, satu (1) daripada penyedia perkhidmatan tersebut yang bernombor pendaftaran 002858002-M baru mendaftarkan perniagaan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) pada 2 Julai 2018, iaitu tiga (3) hari sebelum menandatangani perjanjian bersama Yayasan NAAM. Pihak Audit juga mendapati pelantikan penyedia perkhidmatan tersebut pada 5 Julai 2018 bagi melaksanakan program

kemahiran belia dengan nilai kontrak berjumlah RM0.73 juta tidak mendapat kelulusan Jawatankuasa Pemilihan KBS. Lawatan yang dijalankan pada bulan April 2019 mendapati dua (2) penyedia perkhidmatan tersebut tidak mempunyai kemudahan dan ruang pembelajaran yang sesuai seperti dalam **Gambar 1** hingga **Gambar 4**. Perinciannya adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
PENYEDIA PERKHIDMATAN TIDAK MEMPUNYAI KAPASITI MENJALANKAN LATIHAN

BIL.	PENYEDIA PERKHIDMATAN	LATIHAN DIJALANKAN	NILAI KONTRAK (RM Juta)	PEMERHATIAN SEMASA LAWATAN FIZIKAL
1.	001513840-U	Pertanian Moden	3.60	Premis penyedia perkhidmatan adalah ruang terbuka di tapak rezab TNB di Taman Maluri. Latihan diadakan di bawah jejambat. Tiada kemudahan ruang pembelajaran.
2.	002858002-M	Membuat kek dan pastri	0.73	Premis adalah di lot kedai makan di Brickfields. Program dijalankan di empat (4) lokasi yang disewa daripada pihak lain.
JUMLAH			4.33	

Sumber: Lawatan Fizikal Audit

GAMBAR 1



Tapak Rezab TNB, Taman Maluri
Lokasi Premis Pertanian Moden Adalah Ruang Terbuka yang Mana Latihan Diadakan di Bawah Jejambat
(26.03.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



GAMBAR 3



Lot Kedai Makan, Brickfields
Lokasi Premis Membuat Kek dan Pastri adalah di Lot Kedai Makan yang Mana
Tiada Kelengkapan dan Peralatan yang Sesuai di Premis Berkenaan
(28.03.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4



iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati penyedia perkhidmatan lantikan Yayasan NAAM bernombor pendaftaran 690329-P tidak mempunyai hubungan dengan pihak industri bagi memastikan peserta mendapat pekerjaan selepas tamat latihan kemahiran. Latihan yang dilaksanakan oleh penyedia perkhidmatan tersebut adalah penternakan lembu tenusu. Analisis Audit mendapati ***modul latihan tidak bersetujuan dengan kumpulan B40 kerana modul tersebut lebih menumpukan persediaan sebagai penternak lembu yang memerlukan modal besar*** sekiranya ingin memulakan perniagaan sendiri.

Maklum balas MEA yang diterima pada 27 September 2019

Program IAMU adalah program yang dicadangkan oleh pihak DPMM dan mendapat sokongan daripada Pejabat Perdana Menteri. Pejabat Perdana Menteri juga telah mengarahkan penyaluran peruntukan kepada pihak DPMM dengan kadar segera. Justeru, UPE telah melantik TERAJU sebagai penyelaras bagi pelaksanaan program ini.

Maklum balas TERAJU yang diterima pada 27 September 2019

TERAJU telah dilantik oleh UPE/MEA untuk menjadi penyelaras bagi Program IAMU selepas kelulusan program dibuat oleh UPE/MEA.

Maklum Balas daripada KBS yang diterima pada 7 April 2020

Penyedia Perkhidmatan 002858002-M telah ditubuhkan pada tahun 2006. Program latihan pertanian moden telah dibuat di atas tapak rezab TNB Taman Maluri kerana kawasan ini mempunyai banyak kemudahan seperti pengangkutan awam. Pihak KBS dan EPU telah melawat tapak latihan ini bagi tujuan pemantauan dan telah memberikan arahan penambahbaikan. Latihan bagi pembuatan kek dan pastri pula telah diadakan di beberapa tempat di seluruh Malaysia termasuk lokasi yang dilawati oleh pihak Audit.

Pada pendapat Audit, pemilihan agensi pelaksana dan penyedia perkhidmatan tidak mengikut garis panduan yang ditetapkan. Hal ini boleh menjaskan pencapaian objektif program memandangkan peranan agensi pelaksana dan penyedia perkhidmatan adalah penting dalam memastikan kejayaan PPKK.

b. Lantikan Penyedia Perkhidmatan oleh Jabatan Kerajaan Tidak Mengikut Garis Panduan yang Ditetapkan

- i. Garis Panduan PPKK juga menyenaraikan tatacara pemilihan penyedia perkhidmatan yang perlu dipatuhi agensi pelaksana yang terdiri daripada kementerian/jabatan Kerajaan. Antaranya ialah kementerian/jabatan Kerajaan hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Penilaian Program di peringkat agensi/negeri. Tujuan penubuhan jawatankuasa ini adalah untuk membuat penilaian ke atas kertas cadangan yang dikemukakan oleh penyedia perkhidmatan.
- ii. Semakan Audit mendapati UPEN Sabah tidak menubuhkan Jawatankuasa Penilaian Program. Penyedia perkhidmatan hanya mengemukakan kertas cadangan kepada Bahagian Penyusunan Pembangunan Semula Sosio-Ekonomi, UPEN Sabah dan kelulusan akan dikeluarkan oleh bahagian terbabit. Keadaan ini menyebabkan kos setiap peserta yang dikenakan oleh penyedia perkhidmatan berbanding tempoh pelaksanaan latihan/program tidak dinilai sewajarnya.
- iii. Semakan Audit juga mendapati **penyedia perkhidmatan lantikan UPEN Sabah mengenakan kos latihan/program lebih tinggi berbanding kos yang ditetapkan oleh PTPK**. PTPK merupakan agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) yang berperanan menyediakan pembiayaan skim latihan kemahiran. PTPK telah menyediakan Jadual Kadar Program yang diselaraskan dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) bagi tujuan pemilihan penyedia perkhidmatan berauliah. Analisis Audit mendapati perbezaan kos bagi setiap peserta adalah di antara RM3,600 hingga RM18,050. Perbandingan kos dan tempoh pelaksanaan latihan/program yang dijalankan adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
PERBANDINGAN KOS KURSUS PENYEDIA PERKHIDMATAN LANTIKAN UPEN SABAH DENGAN PENYEDIA PERKHIDMATAN LANTIKAN PTPK

BIL.	PENYEDIA PERKHIDMATAN	LATIHAN/PROGRAM DIJALANKAN	UPEN SABAH		PTPK		PERBEZAAN (RM)
			TEMPOH LATIHAN (BULAN)	KOS SETIAP PESERTA (RM)	TEMPOH LATIHAN (BULAN)	KOS SETIAP PESERTA (RM)	
1.	0872690V	Jurukimpal Arka Logam (<i>Welding</i>) Tahap 3	1	18,762	12	11,800	6,962
		<i>Scaffolding</i> Level 1, DOSH Certificate	1	15,900	3	6,445	9,455
2.	PBR0011	Pembuatan Pakaian Wanita Tahap 1 SKM	6	10,000	6	6,400	3,600
3.	SCBA023	Pembuatan Pastri Level 2 SKM	8	22,400	6	8,350	14,050
		Pembuatan Pastri Level 3 SKM	8	22,400	12	12,350	10,050

BIL.	PENYEDIA PERKHIDMATAN	LATIHAN/ PROGRAM DIJALANKAN	UPEN SABAH		PTPK		PERBEZAAN (RM)
			TEMPOH LATIHAN (BULAN)	KOS SETIAP PESERTA (RM)	TEMPOH LATIHAN (BULAN)	KOS SETIAP PESERTA (RM)	
4.	491535-V	Juruteknik Automotif Tahap 2	12	20,700	12	14,900	5,800
		Juruteknik Automotif Tahap 3	12	21,700	12	12,600	9,100
		Pemasangan & Penyelenggaraan Elektrik Tahap 2	12	20,700	12	12,300	8,400
		Peralatan Penyamanan Udara (HVAC) Tahap 3	12	20,800	12	13,150	7,650
		Penyediaan & Pembuatan Makanan	12	25,134	9	13,300	11,834
		Pembuatan Pastri Level 2	12	26,400	6	8,350	18,050
JUMLAH			1 – 12	224,896	3 – 12	119,945	104,951

Sumber: Baucar Bayaran, Surat Tawaran Latihan Penyedia Perkhidmatan dan Jadual Kadar Program PTPK

Maklum balas UPEN Sabah yang diterima pada 27 September 2019

Penyedia perkhidmatan yang dipilih adalah berdasarkan kepada keperluan semasa negeri Sabah. Keutamaan diberi kepada bidang perkhidmatan, pembinaan, industri minyak dan gas perindustrian serta industri kreatif. Bagaimanapun, atas teguran Audit, bagi peruntukan tahun 2018 dan seterusnya, UPEN telah menubuhkan Jawatankuasa Penilaian Program. UPEN Sabah mengambil maklum mengenai perbezaan antara kursus yang dianjurkan di antara penyedia perkhidmatan lantikan UPEN Sabah dengan penyedia perkhidmatan lantikan PTPK dan akan mengadakan perbincangan dengan pihak berkaitan mengenai perbezaan kos tersebut.

Pada pendapat Audit, kegagalan menubuhkan Jawatankuasa Penilaian Program menyebabkan UPEN Sabah tidak mendapat nilai terbaik dari segi kos dan tempoh pelaksanaan latihan bagi setiap latihan/program yang dilaksanakan.

6.2.3 Pengurusan Peruntukan oleh Agensi Pelaksana

a. Perbelanjaan Tidak Mengikut Kelulusan UPE/TERAJU

- i. Klausula 6.1(a) perjanjian antara TERAJU dengan DPMM menyatakan DPMM hendaklah menggunakan peruntukan yang disalurkan sebagai mana yang telah diluluskan seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROGRAM IAMU
SEHINGGA 30 NOVEMBER 2018

BIL.	JENIS SUB PROGRAM	PERUNTUKAN DILULUSKAN OLEH UPE/TERAJU (RM Juta)	PERBELANJAAN (LAPORAN PERBELANJAAN) (RM Juta)	PERBELANJAAN (LEJAR AKAUN MAYBANK) (RM Juta)
1.	IAMU – Awareness: Go 4.0	2.50	4.14	4.79
2.	IAMU – Upskilling	1.50	0.29	
3.	IAMU – Go-to-market	1.07	0	
JUMLAH		5.07	4.43	4.79

Sumber: Surat Kelulusan Program, Rekod Pembayaran dan Laporan Perbelanjaan IAMU, Lejar Akaun Maybank

- ii. Semakan Audit mendapati sehingga 30 November 2018, perbelanjaan berjumlah RM4.43 juta telah dibuat oleh DPMM. Walau bagaimanapun, semakan Audit terhadap lejar akaun program IAMU yang diselenggarakan oleh DPMM menunjukkan perbelanjaan sehingga 30 November 2018 adalah berjumlah RM4.79 juta. Didapati DPMM telah membelanjakan peruntukan bagi sub-program *Awareness: Go 4.0* dengan jumlah RM1.64 juta lebih tinggi daripada yang diluluskan dan tiada sebarang perbelanjaan dibuat bagi sub program *Go-to-Market*.

b. Bayaran Balik Program IAMU Awareness Sebelum Perjanjian Ditandatangani

- i. Perjanjian antara TERAJU dengan DPMM telah ditandatangani pada 10 April 2018. Berdasarkan *Schedule 4* perjanjian tersebut, program IAMU dirancang untuk dimulakan pada bulan Mei 2018 hingga Mac 2019.
- ii. Semakan Audit mendapati **DPMM telah memindahkan sejumlah RM3.50 juta dana IAMU ke akaun induk pada 17 Julai 2018 bagi bayaran balik program IAMU Awareness yang telah dilaksanakan pada bulan Januari 2018 iaitu program yang dijalankan sebelum perjanjian dimuktamadkan**. Perbelanjaan tersebut tidak disertakan dengan sebarang dokumen sokongan untuk pengesahan Audit.

c. Pindahan Dana Dibuat Selepas Arahan Pembekuan oleh TERAJU

- i. TERAJU telah mengarahkan pembekuan transaksi terhadap akaun program IAMU melalui rujukan notis TERAJU/STKM/NGO(37/18) bertarikh 7 November 2018 kerana terdapat aduan penyelewengan dana DPMM.

Sehubungan itu, TERAJU telah melantik firma Audit swasta untuk menjalankan pengauditan terhadap program IAMU bermula pada 26 November 2018 dan DPMM dilarang untuk melaksanakan sebarang transaksi sehingga pengauditan selesai.

- ii. Semakan Audit mendapati ***DPMM telah memindahkan dana IAMU berjumlah RM0.25 juta ke akaun induk DPMM pada 26 November 2018, iaitu 19 hari selepas notis pembekuan dikeluarkan oleh TERAJU.***

Maklum balas TERAJU yang diterima pada 22 April 2020

TERAJU telah menggantung program IAMU dan melantik KPMG untuk melakukan Audit ke atas program tersebut pada November 2018. Hasil pengauditan tersebut telah dikongsikan kepada MEA dan Jabatan Audit Negara (JAN). Pemantauan yang dibuat ke atas program ini adalah berdasarkan laporan bulanan yang dihantar oleh pihak DPMM dan pembentangan oleh DPMM di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk. Pihak TERAJU tidak mempunyai akses kepada akaun bank program (di bawah nama DPMM) dan tidak dapat mengesan perbelanjaan sebenar program tersebut. Pihak TERAJU juga telah mengambil tindakan undang-undang ke atas DPMM bagi menuntut semula baki dana program ini.

Pada pendapat Audit, TERAJU telah mengambil tindakan sewajarnya dengan menggantung program IAMU. Pihak Audit juga berpendapat bahawa kelemahan proses pemantauan dari segi memfailkan laporan bulanan yang disokong dengan dokumen lengkap boleh mendedahkan kepada penyalahgunaan dana.

d. Perbelanjaan Tidak Dibenarkan

- i. Artikel 4.3(a) dan 4.3(b) Memorandum Persefahaman antara KBS dan Yayasan NAAM menyatakan peruntukan yang disalurkan hendaklah dibelanjakan untuk kegunaan PPKK serta skop yang telah dipersetujui oleh UPE dan tidak boleh digunakan untuk tujuan lain. Artikel 2.1 b (vi) pula menyatakan Yayasan NAAM hendaklah melaksanakan Program Kerjasama bermula pada 20 Jun 2016 dan berakhir pada 31 Disember 2016 dengan mematuhi garis panduan teknikal dari segi piawaian/kualiti dan perkhidmatan yang dikehendaki.
- ii. Semakan Audit mendapati ***Yayasan NAAM telah mendepositkan RM10 juta daripada peruntukan yang disalurkan ke akaun simpanan tetap bermula September 2016 sehingga***

31 Oktober 2017. Keadaan ini menyebabkan program lewat dimulakan di mana sehingga 31 Disember 2016, hanya RM2.84 juta (15.8%) yang dibelanjakan daripada keseluruhan peruntukan berjumlah RM18 juta.

- iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati Yayasan NAAM telah membuat pindahan wang dari akaun khas PPKK ke akaun utama Yayasan NAAM di Alliance Bank mulai bulan Jun 2017 hingga Oktober 2017 melalui empat (4) transaksi berjumlah RM338,000. Ketua Pengarah UPE telah membuat teguran terhadap pemindahan dana PPKK ke akaun utama Yayasan NAAM melalui surat bertarikh 26 April 2018. Bagaimanapun, Yayasan NAAM tetap meneruskan transaksi pemindahan dana pada 18 Jun 2018 berjumlah RM39,000. Perinciannya adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
TRANSAKSI PINDAHAN DARI AKAUN PPKK
KE AKAUN UTAMA YAYASAN NAAM

BIL.	TARIKH	AMAUN (RM)
1.	15.06.2017	148,000
2.	10.07.2017	140,000
3.	08.09.2017	30,000
4.	02.10.2017	20,000
5.	18.06.2018	39,000
JUMLAH		377,000

Sumber: Lejar dan Penyata Bank Akaun PPKK Yayasan NAAM

Maklum balas KBS yang diterima pada 7 April 2020

Cadangan untuk memindah dana RM18 juta daripada akaun utama Alliance Bank ke RHB Bank dilakukan kerana pihak pengurusan NAAM mendapat tahu RHB menawarkan faedah simpanan harian ke atas simpanan semasa. Kelewatan pelaksanaan PPKK adalah disebabkan pihak penyedia perkhidmatan yang dilantik lewat menyelesaikan program sebelumnya.

Pada pendapat Audit, kelemahan pemantauan di peringkat KBS memberikan ruang kepada risiko penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa oleh Yayasan NAAM. Kelemahan ini juga telah memberi ruang kepada Yayasan NAAM menyalah guna dana untuk tujuan selain daripada objektif program.

6.2.4. Pelaporan Pelaksanaan Program oleh Agensi Pelaksana dan Penyedia Perkhidmatan

Agensi pelaksana bertanggungjawab untuk mendapatkan laporan status pelaksanaan PPKK daripada penyedia perkhidmatan yang dilantik bagi menyediakan Laporan Kemajuan Suku Tahun dan Kewangan kepada BPE, selaras dengan Garis Panduan PPKK yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati penyedia perkhidmatan tidak mengemukakan laporan/mengemukakan laporan tidak tepat mengenai penyertaan peserta dan program/latihan yang dijalankan seperti berikut:

a. Laporan Kemajuan Bulanan DPMM Tidak Tepat

- i. Berdasarkan perjanjian antara TERAJU dengan DPMM pada 10 April 2018, program IAMU bermula pada bulan Mei 2018 hingga Mac 2019. DPMM dikehendaki mengemukakan Laporan Kemajuan Bulanan IAMU sehingga tamat tempoh pelaksanaan IAMU iaitu pada 31 Mac 2019.
- ii. Semakan Audit mendapati DPMM telah mengemukakan Laporan Kemajuan Bulanan bagi tiga (3) bulan sahaja iaitu bulan Jun hingga Ogos 2018. Bagaimanapun, DPMM gagal mengemukakan laporan tersebut bermula September 2018 sehingga program berakhir. Semakan selanjutnya mendapati baki dana yang dilaporkan dalam Laporan Kemajuan bulan Julai dan Ogos 2018 adalah berbeza dengan baki di akaun bank program IAMU seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
PERBELANJAAN DILAPORKAN BERBANDING PENYATA AKAUN IAMU

BIL.	LAPORAN KEMAJUAN	PERBELANJAAN DILAPORKAN (RM Juta)	BAKI DILAPORKAN (RM Juta)	BAKI DI AKAUN IAMU (RM Juta)	PERBEZAAN BAKI (RM Juta)
1.	Jun 2018	0.21	4.86	4.86	-
2.	Julai 2018	0.16	4.70	1.24	3.46
3.	Ogos 2018	0.69	4.01	1.18	2.83

Sumber: Laporan Kemajuan Bulanan DPMM dan Penyata Akaun IAMU

- iii. Notis Penamatan Perjanjian IAMU dikeluarkan pada 12 Februari 2019 dan DPMM dikehendaki memulangkan dana berjumlah RM4.01 juta berdasarkan laporan perbelanjaan terakhir yang dikemukakan pada Ogos 2018. Bagaimanapun, sehingga 27 September 2019, pihak DPMM masih gagal untuk memulangkan dana tersebut.

Maklum balas TERAJU yang diterima pada 22 April 2020

TERAJU telah menuntut pulangan dana sebanyak RM4.01 juta daripada DPMM atas dakwaan penyalahgunaan dana. TERAJU telah berusaha untuk menyelesaikan perkara ini secara baik. Namun, pihak DPMM tidak memberi kerjasama dalam memberi persetujuan mengenai lantikan mediator (pendamai). TERAJU telah meneruskan tindakan undang-undang terhadap DPMM bermula pada Oktober 2019 bagi menuntut pulangan dana. Yang Arif Hakim Mahkamah telah mengarahkan agar sesi pendamaian (*mediation*) di antara TERAJU dan DPMM dijalankan. Sekiranya sesi pendamaian ini gagal mencapai sebarang keputusan, kes ini perlu dibawa ke sesi timbang tara (*arbitration*). Sesi pendamaian yang telah ditetapkan pada 26 Mac 2020 telah ditunda sehingga 10 Jun 2020 oleh kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dikeluarkan.

Pada pendapat Audit, tiada pengesahan terhadap laporan kemajuan bulanan yang dikemukakan oleh DPMM, menunjukkan wujud kelemahan dalam mekanisme pemantauan di peringkat TERAJU.

b. Kesahihan Laporan Akhir Program Latihan Kemahiran Lantikan Yayasan NAAM Diragui

- i. Para 5.3 Garis Panduan PPKK menyatakan satu laporan akhir/analisis impak mesti dikemukakan oleh NGO/agensi swasta kepada UPE setelah program tamat. Yayasan NAAM telah melantik penyedia perkhidmatan 690329-P untuk melaksanakan Program Ternakan Lembu Tenusu dan sasaran yang ditetapkan adalah 1,000 peserta dengan kos berjumlah RM4 juta. Berdasarkan modul latihan yang dikemukakan, tempoh yang diperlukan setiap peserta untuk melengkapkan modul program berkenaan adalah selama 12 minggu.
- ii. Berdasarkan laporan akhir yang dikemukakan oleh penyedia perkhidmatan, lima (5) sesi latihan telah dijalankan bermula Mei 2017 hingga Ogos 2018 dengan penyertaan seramai 1,013 peserta. Analisis Audit terhadap rekod pendaftaran mendapati sesi latihan yang dijalankan kurang daripada 12 minggu. Semakan fizikal terhadap premis penyedia perkhidmatan tersebut mendapati kemudahan yang disediakan hanya mampu menempatkan maksimum 200 peserta pada satu masa. Berdasarkan kapasiti tersebut, penyertaan 1,013 peserta hanya akan dicapai pada April 2019. Perincian analisis Audit adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
PERBANDINGAN LAPORAN YANG DIKEMUKAKAN 690329-P
DENGAN ANALISIS AUDIT

BIL.	SESI LATIHAN	LAPORAN PENYEDIA PERKHIDMATAN 690329-P		ANALISIS AUDIT BERDASARKAN MODUL LATIHAN	
		TEMPOH LATIHAN	BILANGAN PESERTA	TEMPOH LATIHAN	BILANGAN PESERTA
1.	Sesi 1	Mei & Julai 2017	143	12 minggu Mei, Julai & Ogos 2017	143
2.	Sesi 2A	Ogos & Sept. 2017	182	12 minggu Sept. – Nov. 2017	182
3.	Sesi 3	Januari 2018	120	12 minggu Januari – Mac 2018	120
4.	Sesi 4	Februari & Mac 2018	154	12 minggu Mei – Julai 2018	154
5.	Sesi 5	Mei – Ogos 2018	414	12 minggu Ogos – Oktober 2018	200
6.	Sesi 6	-	-	12 minggu Nov. – Januari 2019	200
7.	Sesi 7	-	-	12 minggu Februari – April 2019	14
JUMLAH			1,013		1,013

Sumber: Laporan Program Ternakan Lembu Tenuku

- iii. Yayasan NAAM juga telah melantik dua (2) penyedia perkhidmatan iaitu PPM-003-14-22102013 dan 002858002-M bagi menjalankan program Latihan Kemahiran Keusahawanan Wanita. Maklumat perjanjian antara kedua-dua penyedia perkhidmatan dengan Yayasan NAAM adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
MAKLUMAT PERJANJIAN DI ANTARA PENYEDIA PERKHIDMATAN
DENGAN YAYASAN NAAM

BIL.	MAKLUMAT PERJANJIAN	PPM-003-14-22102013	002858002-M
1.	Nilai Kontrak	RM4,400,000	RM730,000
2.	Tempoh Kontrak	29.09.2016 – 28.03.2017	09.07.2018 – 09.10.2018
3.	Bilangan Peserta Perlu Dilatih	2,200	400
4.	Tempoh Latihan Setiap Peserta	3 bulan	3 bulan
5.	Lokasi/Siri Latihan	110 lokasi di 13 negeri (20 peserta di setiap lokasi)	4 lokasi (100 peserta di setiap lokasi)
6.	Kemudahan dan Alat Bantuan Mengajar	Makan & minum peserta/alatan mengikut jenis latihan	Makan & minum peserta/alatan & bahan penyedia kek
7.	Elaun Peserta	RM300 (RM100 sebulan seorang)	RM300 (RM100 sebulan seorang)

Sumber: Kontrak Perjanjian Antara Penyedia Perkhidmatan dan Yayasan NAAM

- iv. Hasil lawatan Audit terhadap premis dua (2) penyedia perkhidmatan tersebut mendapati pertubuhan dan syarikat ini wujud di lokasi yang dinyatakan. Walau bagaimanapun, **pihak Audit tidak dapat mengesahkan**

pelaporan yang dikemukakan kerana borang pendaftaran peserta, laporan kehadiran, rekod pembayaran elaun dan senarai tenaga pengajar tidak dikemukakan kepada pihak Audit.

Maklum balas KBS yang diterima pada 7 Oktober 2019

Mengikut pemantauan KBS, penyedia perkhidmatan telah melaksanakan latihan mengikut jumlah program dan lokasi yang dinyatakan.

Pada pendapat Audit, program latihan oleh penyedia perkhidmatan lantikan Yayasan NAAM dilaksanakan tetapi pengesahan tidak dapat dilakukan kerana ketiadaan dokumen sokongan yang lengkap.

6.2.5. Pengendalian Program oleh Agensi Pelaksana

a. Pemilihan Peserta Tidak Mengikut Garis Panduan yang Ditetapkan

Para 3.2 Garis Panduan PPKK RMKe-11 menetapkan kumpulan sasar bagi peserta PPKK terdiri daripada isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40) iaitu berpendapatan kurang daripada RM2,848 sebulan berdasarkan data *Household Income and Expenditure Survey (HIES)* tahun 2016 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

- i. Semakan Audit mendapati empat (4) penyedia perkhidmatan melibatkan dua (2) agensi pelaksana telah memilih **50 peserta yang berpendapatan isi rumah melebihi kadar pendapatan isi rumah B40 iaitu antara RM3,000 hingga RM10,000**. Perinciannya adalah seperti dalam **Jadual 14**.



Bilangan peserta yang mempunyai pendapatan bulanan melebihi kadar B40 antara RM3,000 hingga RM10,000

**JADUAL 14
PESERTA PPKK YANG BERPENDAPATAN MELEBIHI RM2,848**

BIL.	PENYEDIA PERKHIDMATAN	AGENSI PELAKSANA	BIL. PESERTA BERPENDAPATAN MELEBIHI RM2,848	PENDAPATAN ISI RUMAH (RM)
1.	PKI0043	UPEN Sabah	3	3,000 – 4,200
2.	TIOG051	UPEN Sabah	1	3,000
3.	X-1112871	UPEN Sabah	3	3,000 – 3,200
4.	690329-P	Yayasan NAAM	43	3,000 – 10,000
JUMLAH			50	3,000 – 10,000

Sumber: Borang Pendaftaran Peserta/Surat Pengesahan Pendapatan dan Penyata Gaji Peserta

- ii. Kumpulan sasar bagi peserta PPKK di bawah pelaksanaan Yayasan NAAM pula adalah belia berisiko tinggi, belia miskin bandar, belia lepasan PMR/SPM (berkelulusan rendah), belia berkemahiran tetapi tidak mempunyai sijil, kawasan yang mempunyai populasi belia yang tinggi dan belia di kawasan setinggan dan estet. Merujuk kepada Seksyen 2 Akta Pembangunan Belia dan Pertubuhan Belia 2007, belia ditafsirkan sebagai seorang yang berumur tidak kurang 15 tahun dan tidak lebih 40 tahun.
- iii. Semakan Audit mendapati 415 peserta (7.9%) daripada 5,233 peserta Program Pembudayaan Kemahiran Belia dan Kemahiran Keusahawanan Wanita tidak tergolong dalam kumpulan sasar yang ditetapkan di mana **357 peserta (86%) daripada 415 peserta tersebut berumur antara 42 hingga 81 tahun.**
- iv. Berdasarkan surat permohonan dana program IAMU yang dikemukakan DPMM kepada Jabatan Perdana Menteri pada 23 Februari 2018, antara objektif yang disasarkan bagi program tersebut adalah untuk memberi kesedaran dan latihan kepada segenap lapisan masyarakat. Sebahagian daripada program tersebut turut direka khas untuk pendedahan mengenai Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) kepada guru dan pelajar.
- v. Semakan dan temubual Audit mendapati **kumpulan sasar bagi program IAMU ini bukan daripada kumpulan yang ditetapkan dalam Garis Panduan PPKK RMKe-11 oleh UPE.** Semakan terhadap kertas kerja yang dilampirkan bersama perjanjian antara DPMM dengan TERAJU mendapati kumpulan sasar terdiri daripada ahli DPMM sendiri. Ahli DPMM terdiri daripada *emerging entrepreneurs, startups, microenterprises, SMEs, Bumi Corporate Champions* yang semuanya terdiri daripada ahli perniagaan yang telah berada dalam industri serta bukan daripada kumpulan B40. Semakan selanjutnya mendapati tiada sebarang program yang dianjurkan oleh DPMM yang mensasarkan pelajar sekolah dan guru seperti yang dinyatakan dalam kertas kerja permohonan kepada UPE.
- vi. Didapati pemilihan peserta yang tidak mengikuti syarat yang ditetapkan berlaku kerana tanggungjawab pemilihan peserta diserahkan sepenuhnya oleh agensi pelaksana tanpa kawalan/pemantauan daripada agensi pelaksana/BPE.

Maklum balas UPEN Sabah yang diterima pada 27 September 2019

UPEN Sabah terlepas pandang tujuh (7) peserta yang telah melebihi pendapatan isi rumah RM2,848 seperti yang ditetapkan.

Maklum balas MEA yang diterima pada 27 September 2019

Program IAMU adalah program yang dicadangkan oleh pihak DPMM dan mendapat sokongan daripada Pejabat Perdana Menteri. Pejabat Perdana Menteri juga telah mengarahkan penyaluran peruntukan kepada pihak DPMM dengan kadar segera. Justeru, UPE melantik TERAJU sebagai penyelaras bagi pelaksanaan program ini.

Maklum balas TERAJU yang diterima pada 27 September 2019

TERAJU telah dilantik oleh UPE/MEA untuk menjadi penyelaras bagi Program IAMU selepas kelulusan program dibuat oleh UPE/MEA.

Pada pendapat Audit, pemilihan peserta yang tidak mematuhi garis panduan yang ditetapkan boleh menjaskannya pencapaian matlamat asal program iaitu untuk membantu kumpulan B40 meningkatkan pendapatan.

b. Proses Pembayaran kepada Penyedia Perkhidmatan

i. Pembayaran Dibuat Walaupun Perkhidmatan Belum Disempurnakan Sepenuhnya

- Para 3.1.c perjanjian antara Yayasan NAAM dengan penyedia perkhidmatan 690329-P menyatakan pembayaran akhir 20% perlu dibuat oleh Yayasan NAAM setelah latihan/program disempurnakan sepenuhnya oleh penyedia perkhidmatan dengan melatih seramai 1,000 peserta Kursus Penternakan Lembu Tenusu.
- Semakan Audit mendapati Yayasan NAAM telah membuat pembayaran penuh kepada penyedia perkhidmatan tersebut walaupun perkhidmatan belum disempurnakan. Yayasan NAAM telah membuat pembayaran akhir 20% berjumlah RM0.80 juta melalui dua (2) pembayaran iaitu pada 13 Mac 2018 dan 24 April 2018 sedangkan program tersebut berakhir pada 27 Ogos 2018.

ii. Rekod Pengesahan Bayaran kepada Peserta Tidak Dikemukakan

- Para 3.3. D(i) Garis Panduan PPKK menyatakan antara kos yang termasuk dalam kadar bantuan maksimum adalah bayaran yuran pengajian kepada penyedia perkhidmatan termasuk kos bantuan peralatan/alat bantuan mengajar, kos menduduki peperiksaan, kos logistik dan wang saku kepada peserta (mengikut kadar kelulusan semasa yang digunakan). Para 6.6 pula menetapkan supaya NGO/penyedia perkhidmatan menyediakan salinan dokumen perbelanjaan seperti baucar, resit atau apa-apa dokumen yang setara

bagi tujuan semakan untuk memastikan penggunaan peruntukan adalah mematuhi peraturan kewangan.

- Unjuran Program dan Perbelanjaan Yayasan NAAM Bagi Tahun 2016 telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemilihan KBS pada 1 September 2016. Kadar peruntukan yang diluluskan bagi enam (6) program kemahiran belia terbahagi kepada dua (2) iaitu yuran pengajian dan elaun sara hidup. Kadar elaun sara hidup seorang peserta yang diluluskan mengikut penyedia perkhidmatan dan jumlah elaun sara hidup yang telah dibayar kepada penyedia perkhidmatan adalah seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
KADAR ELAUN SARA HIDUP YANG DILULUSKAN
BAGI PROGRAM KEMAHIRAN BELIA YAYASAN NAAM

BIL.	PENYEDIA PERKHIDMATAN	LATIHAN/PROGRAM YANG DILULUSKAN	JUMLAH PESERTA	KADAR ELAUN SARA HIDUP (RM)	JUMLAH ELAUN SARA HIDUP DIBAYAR (RM Juta)
1.	001513840-U*	Pertanian Moden	1,015	300	0.30
2.	690329-P*	Latihan Kemahiran Perniagaan Lembu Tenusu	1,025	300	0.31
3.	IP0169350-P	Sistem Maklumat	100	300	0.03
4.	812409-D	Kemahiran Wanita - Jahitan	100	300	0.03
5.	PPM-003-14-22102013*	Kemahiran Wanita - Kosmetik/Pastri/Manicure	2,388	300	0.72
6.	002524803-W	Bimbingan Awal Kanak-kanak	200	300	0.06
JUMLAH					1.45

Sumber: Unjuran Program dan Perbelanjaan Yayasan NAAM Tahun 2016

Nota: (*) - Tiada Rekod Pembayaran Elaun Sara Hidup

- Merujuk kepada kadar yang diluluskan, jumlah elaun sara hidup peserta yang dibayar kepada penyedia perkhidmatan adalah berjumlah RM1.45 juta. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati Yayasan NAAM tidak menyediakan garis panduan mengenai kaedah pembayaran dan rekod pembayaran elaun yang perlu diselenggara oleh penyedia perkhidmatan. Lawatan fizikal dan semakan dokumen di tiga (3) premis penyedia perkhidmatan (001513840-U, 690329-P dan PPM-003-14-22102013) mendapati **tiada rekod pembayaran elaun sara hidup diberi kepada peserta yang berjumlah RM1.33 juta**.



RM1.33 Juta

Jumlah elaun sara hidup peserta yang tiada rekod pembayaran/penerimaan

- Pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan bilangan peserta yang telah menerima elaun sara hidup memandangkan bukti terimaan elaun oleh peserta sama ada melalui resit atau rekod tandatangan gagal dikemukakan oleh penyedia perkhidmatan.

Maklum balas KBS yang diterima pada 7 April 2020

Pihak Yayasan NAAM telah meluluskan pembayaran awal kepada penyedia perkhidmatan 690320-P kerana pihak penyedia perkhidmatan memerlukan aliran tunai bagi menjalankan program.

Pada pendapat Audit, manipulasi atau penyelewengan terhadap elaun sara hidup yang diperuntukkan kepada peserta boleh berlaku dengan ketiadaan dokumen sokongan bagi mengesahkan pembayaran telah dibuat.

iii. Lebihan Bayaran Insurans Dibuat kepada Penyedia Perkhidmatan Lantikan JAKOA

- Para 29.1 perjanjian antara JAKOA dengan penyedia perkhidmatan menetapkan penyedia perkhidmatan bertanggungjawab mengambil insurans bagi setiap peserta sepanjang tempoh latihan/program dijalankan.
- Semakan Audit terhadap invoice dan polisi insurans kelompok yang dikemukakan oleh pihak penyedia perkhidmatan mendapati JAKOA telah membuat lebihan bayaran berjumlah RM22,569 bagi insurans kelompok yang dituntut oleh penyedia perkhidmatan. Semakan Audit mendapati perbezaan premium insurans yang dibayar oleh penyedia perkhidmatan kepada syarikat insurans dengan tuntutan yang dibuat kepada JAKOA adalah antara RM1,554 hingga RM6,351. Keadaan ini berlaku kerana tiada semakan silang dibuat terhadap tuntutan dan dokumen sokongan yang dikemukakan oleh penyedia perkhidmatan. Perincianya adalah seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
LEBIHAN BAYARAN INSURANS DIBUAT KEPADA PENYEDIA PERKHIDMATAN

BIL	PENYEDIA PERKHIDMATAN	SYARIKAT INSURANS	NO./TARIKH BAUCAR	AMAUN DITUNTUT (RM)	PREMIUM INSURANS SEBENAR (RM)	PERBEZAAN BAYARAN (RM)
1.	877337-U	The Pacific Insurance Bhd.	B3443/ 19.08.2016	1,750.00	195.50	1,554.50
2.	711612-U	Agro Bank	B3445/ 19.09.2016	2,000.00	212.00	1,788.00

BIL	PENYEDIA PERKHIDMATAN	SYARIKAT INSURANS	NO./TARIKH BAUCAR	AMAUН DITUNTUT (RM)	PREMIUM INSURANS SEBENAR (RM)	PERBEZAAN BAYARAN (RM)
3.	838817-A	AIG Insurance	B4138/ 02.11.2016	2,450.00	47.70	2,402.30
4.	838817-A	Takaful Ikhlas Bhd.	B4858/ 02.12.2016	7,500.00	1,149.00	6,351.00
5.	838817-A	Takaful Ikhlas Bhd.	B0848/ 31.03.2017	7,500.00	1,325.00	6,175.00
6.	877337-U	The Pasific Insurance Bhd.	B3806/ 11.10.2017	4,000.00	1,631.80	2,368.20
7.	1015588-P	Chubb Insurance Berhad	B5309/ 05.12.2017	3,000.00	1,070.00	1,930.00
JUMLAH				28,200.00	5,631.00	22,569.00

Sumber: Baucar Bayaran Tahun 2016 – 2017 dan Polisi Insurans Kelompok

Maklum balas JAKOA yang diterima pada 27 September 2019

Pembayaran dibuat berdasarkan keputusan Jawatankuasa Pemutus Sebutharga Peringkat Jabatan yang telah diluluskan.

Pada pendapat Audit, pembayaran yang dibuat kepada penyedia perkhidmatan tidak mengikut nilai premium insurans sebenar.

c. Penyedia Perkhidmatan Melantik Pihak Ketiga Melaksanakan Program

- i. Para 3.3(iv) Garis Panduan PPKK menyatakan NGO/Institut Latihan Kemahiran Swasta (ILKS)/Pusat Latihan Swasta (PLS) perlu mempunyai kepakaran, pengalaman serta kapasiti untuk melaksanakan program-program yang dikenal pasti. Sekiranya NGO/ILKS/PLS mempunyai perancangan untuk melaksanakan program secara kerjasama dengan NGO/ILKS/PLS lain, perkara tersebut perlu dinyatakan dalam kertas cadangan.
- ii. UPEN Sabah telah melantik 0872690V untuk menjalankan dua (2) program latihan dengan peruntukan berjumlah RM0.87 juta. Tempoh pelaksanaan program diluluskan adalah bermula 4 Disember 2017 sehingga 31 Januari 2018 dengan jumlah keseluruhan adalah 50 peserta. Perinciannya adalah seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
MAKLUMAT LATIHAN/PROGRAM YANG DILULUSKAN

BIL.	LATIHAN/PROGRAM	TEMPOH LATIHAN (BULAN)	BIL. PESERTA DILULUSKAN	JUMLAH KOS DILULUSKAN (RM Juta)
1.	<i>Scaffolding Level 1</i>	1	25	0.40
2.	<i>Welding 6G Level 3</i>	1	25	0.47
JUMLAH			50	0.87

Sumber: Surat Lantikan UPEN Sabah (Ruj:UPEN(S):500-8/8Klt.21(72)


- iii. Semakan Audit mendapati 0872690V telah membuat tuntutan kepada UPEN Sabah berjumlah RM397,500 bagi pelaksanaan program *Scaffolding Level 1*. Bagaimanapun, hasil temu bual dan semakan Audit mendapati 0872690V telah melantik pihak ketiga iaitu Akademi Binaan Malaysia (ABM) Sabah untuk melaksanakan program *Scaffolding Level 1*.
- iv. Semakan Audit seterusnya terhadap invois yang dikemukakan oleh ABM kepada 0872690V mendapati caj yang dikenakan ABM Sabah kepada penyedia perkhidmatan bagi menjalankan program *Scaffolding Level 1* hanya berjumlah RM47,515. Didapati **0872690V telah menuntut bayaran 836.6% lebih tinggi daripada nilai kos yang dikenakan oleh ABM Sabah yang menjalankan program tersebut.**
- v. Pihak 0872690V juga telah melantik ABM untuk melaksanakan program *Welding 6G Level 3* bagi pihaknya dan tuntutan berjumlah RM470,000 telah dibuat kepada UPEN Sabah. Pihak Audit telah menghubungi ABM Sabah untuk pengesahan pelaksanaan program. ABM Sabah telah memaklumkan melalui emel pada 21 Jun 2019 bahawa **ABM Sabah hanya melaksanakan program *Scaffolding Level 1* sahaja dan tidak melaksanakan program *Welding 6G Level 3* bagi pihak 0872690V.**
- vi. Semakan Audit selanjutnya mendapati **tempoh pelaksanaan latihan/program Welding 6G Level 3 yang dijalankan oleh 0872690V hanya selama satu (1) bulan. Bagaimanapun, tempoh pelaksanaan latihan/program yang sama oleh penyedia perkhidmatan lantikan PTPK yang mendapat akreditasi Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) adalah selama 18 bulan.** Analisis Audit mendapati kos yang dikenakan terhadap seorang peserta oleh 0872690V adalah RM6,962 lebih tinggi daripada penyedia perkhidmatan lantikan PTPK menjadikan perbezaan kos keseluruhan program ini adalah RM174,050. Perinciannya adalah seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
PERBEZAAN TEMPOH PELAKSANAAN DAN KOS PESERTA
DI ANTARA 0872690V DENGAN PENYEDIA PERKHIDMATAN LANTIKAN PTPK

LATIHAN/ PROGRAM	BIL. PESERTA	0872690V		PENYEDIA PERKHIDMATAN LANTIKAN PTPK		PERBEZAAN KOS SEORANG PESERTA (RM)	PERBEZAAN KOS KONTRAK (RM)
		TEMPOH LATIHAN (BULAN)	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH LATIHAN (BULAN)	NILAI KONTRAK (RM)		
Jurukimpal Arka Logam (<i>Welding</i>) Level 3	25	1	18,762	12	11,800	6,962	174,050

Sumber: Baucar Bayaran, Surat Tawaran Latihan Penyedia Perkhidmatan dan Jadual Kadar Program PTPK

vii. Selain melantik ABM Sabah sebagai pihak ketiga untuk menjalankan program latihan bagi pihaknya, 0872690V juga telah menggunakan perkhidmatan sewa dewan, peralatan, penginapan, pengangkutan, makan dan minum untuk 50 peserta yang dibekalkan oleh OIHSB04. Semakan Audit mendapati invois bernombor OIH/MVT(UPEN)-01-2017/18 yang dikemukakan oleh OIHSB04 kepada penyedia perkhidmatan 0872690V adalah meragukan. Bayaran berjumlah RM277,500 sepatutnya dibuat kepada OIHSB04 bagi perkhidmatan yang telah dibekalkan, sebaliknya arahan bayaran dibuat ke akaun Bank Kuwait Finance House milik 0872690V seperti dalam **Gambar 5**.



GAMBAR 5

Invois OIHSB04 kepada 0872690V
- Invois yang Dikemukakan oleh
OIHSB04 Menuntut Bayaran kepada
0872690V Namun Pembayaran
Diarahkan ke Akaun 0872690V
(15.03.2018)
(Sumber: 0872690V)

Maklum balas UPEN Sabah yang diterima pada 27 September 2019

Garis Panduan PPKK Tahun 2016 tidak menyatakan sama ada pelantikan pihak ketiga dibenarkan atau sebaliknya dalam perkara ini. Ini juga dapat memberi peluang kepada penyedia perkhidmatan Bumiputera untuk melibatkan diri dalam program PPKK. Berhubung dengan isu penyedia perkhidmatan 0872690V yang dibangkitkan pihak Audit, UPEN Sabah akan meneliti perkara ini dengan pihak yang terbabit.

Pada pendapat Audit, proses pelantikan penyedia perkhidmatan oleh UPEN Sabah tidak mengambil kira keupayaan dan kewibawaan penyedia perkhidmatan dalam melaksanakan latihan/program. Selain itu, pemantauan adalah lemah dan ini mendedahkan kepada risiko penyelewengan dan penyalahgunaan dana seperti dalam penemuan Audit.

6.2.6. Pemantauan Program

Garis Panduan PPKK telah menetapkan prosedur kawalan dan pengesanan yang perlu dipatuhi oleh agensi pelaksana di mana perjanjian antara agensi pelaksana dan penyedia perkhidmatan perlu dimeterai. Agensi pelaksana juga perlu mengemukakan Laporan Kemajuan Suku Tahun dan Kewangan program serta menyediakan Laporan Akhir/analisis impak. Bagaimanapun, garis panduan tersebut tidak menetapkan dengan jelas tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh agensi pelaksana.

a. UPEN Sabah Tidak Melaksanakan Prosedur Kawalan dan Pengesanan

Semakan Audit mendapati tiada perjanjian dibuat di antara UPEN Sabah dengan penyedia perkhidmatan yang dilantik. Pihak UPEN Sabah hanya mengeluarkan surat tawaran kepada penyedia perkhidmatan yang diluluskan oleh Pengarah UPEN Sabah. Keadaan ini menyukarkan pihak Kerajaan untuk mengambil tindakan ke atas mana-mana penyedia perkhidmatan yang gagal melaksanakan PPKK dan potensi berlakunya penyelewengan terhadap dana yang diberikan.

b. KBS Tidak Melaksanakan Pemantauan Terhadap Yayasan NAAM

- i. Artikel 3 Memorandum Persefahaman di antara KBS dengan Yayasan NAAM pula menyatakan Yayasan NAAM dan KBS perlu menuju Jawatankuasa Pemantauan Induk di dalam Jawatankuasa Tindakan Pembangunan KBS yang akan bermesyuarat sekurang-kurangnya satu kali sebulan untuk memantau pelaksanaan dan prestasi perbelanjaan terhadap peruntukan

PPKK. Jawatankuasa Pemantauan Induk juga boleh menjalankan audit terhadap pelaksanaan program dan dana PPKK.

- ii. Semakan Audit mendapati KBS telah menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan Induk bagi memantau pelaksanaan dan prestasi perbelanjaan Yayasan NAAM terhadap PPKK. Bagaimanapun, KBS gagal untuk menjalankan pemantauan dengan berkesan terhadap program yang dilaksanakan oleh Yayasan NAAM. Hal ini menyebabkan tiada verifikasi terhadap laporan program dibuat dan semakan Audit mendapati telah berlaku ketidakpatuhan dalam pelaksanaan program.

c. BPE Menjalankan Pemantauan Dengan Kurang Berkesan

- i. Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012 menyatakan Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan Persekutuan dan Ketua Eksekutif Badan Berkanun Persekutuan bertanggungjawab memastikan Laporan Penilaian *Outcome* disediakan bagi program atau projek pembangunan di bawah pengawasan masing-masing.
- ii. Semakan Audit mendapati BPE tidak menyediakan status perbelanjaan dan program PPKK secara keseluruhan di mana BPE tidak mendokumentasi laporan yang dikemukakan oleh agensi pelaksana dengan lengkap. Maklumat perbelanjaan dan status program hanya diperolehi oleh pihak Audit menerusi agensi pelaksana/penyedia perkhidmatan. Keadaan ini akan menyukarkan BPE yang bertindak sebagai penyelaras program untuk membuat Laporan Penilaian *Outcome* bagi PPKK.
- iii. BPE juga bertindak sebagai agensi pelaksana bagi Program Kemahiran/Keusahawanan di negeri Selangor dan Kelantan di mana pemilihan penyedia perkhidmatan di dua (2) negeri tersebut diproses terus oleh BPE. Keadaan ini juga sama bagi PPM1M di mana semua penyedia perkhidmatan membuat permohonan terus kepada BPE. Pihak Audit mendapati tiada data perbelanjaan, status program dan *tracer study* yang dikemukakan oleh BPE yang bertindak sebagai agensi pelaksana bagi dua (2) program ini.
- iv. Pihak Audit mendapati BPE telah menjalankan pemantauan khas ke atas pelaksanaan PPKK oleh Yayasan NAAM pada 30 Oktober 2017 hingga 20 Januari 2018 dan mengesan berlaku beberapa ketidakpatuhan terhadap peraturan kewangan. Hasil temubual Audit, pihak BPE telah mengadakan beberapa siri perbincangan susulan bersama KBS terhadap ketidakpatuhan tersebut. Berdasarkan maklum balas yang diterima, pihak MEA telah

mengarahkan Yayasan NAAM untuk memulangkan baki peruntukan yang tidak dibelanjakan pada 4 Oktober 2018. Walau bagaimanapun, sehingga 27 September 2019 Yayasan NAAM masih belum memulangkan baki peruntukan berkenaan.

Maklum balas MEA yang diterima pada 27 September 2019

MEA mengambil maklum dan menyedari akan kelemahan dari segi pemantauan dengan berkesan. Bagaimanapun, MEA sedang merancang untuk menambah baik mekanisme pemantauan yang lebih berkesan seperti mengadakan mesyuarat pemantauan dengan lebih kerap, membuat kajian impak terdapat pelaksanaan program PPKK sepanjang RMKe-11 dan mengadakan lawatan pemantauan dengan lebih kerap.

Maklum balas UPEN Sabah yang diterima pada 27 September 2019

UPEN Sabah mengambil maklum pandangan untuk penambahbaikan tersebut khususnya dengan tujuan bagi melindungi kepentingan Kerajaan Negeri sekiranya penyedia perkhidmatan gagal melaksanakan program sepenuhnya.

Maklum balas KBS yang diterima pada 7 April 2020

Pihak KBS akan terus berusaha berhubung dengan pihak Yayasan NAAM untuk memastikan segala keperluan program dipenuhi.

Pada pendapat Audit, wujud kelemahan yang jelas dalam pemantauan program yang memberi impak kepada pencapaian objektif PPKK.

7. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya berdasarkan skop pengauditan, dapat dirumuskan bahawa pengurusan Program Peningkatan Kapasiti dan Kapabiliti (PPKK) tidak dilaksanakan dengan cekap dan berkesan di mana rekod peserta tidak diselenggara untuk menilai pencapaian *outcome*. Selain itu, kelemahan dalam pemantauan, pemilihan agensi pelaksana, penyedia perkhidmatan dan program yang bersesuaian menyebabkan objektif program yang ditetapkan tidak tercapai.

8. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa hadapan dan objektif program dapat dicapai, adalah disyorkan kepada pihak terlibat untuk mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:

- 8.1. UPE hendaklah menyediakan pangkalan data untuk merekod maklumat peserta terlibat bagi memudahkan penilaian output dan *outcome* program dibuat;
- 8.2. Pemilihan peserta hendaklah ditentukan oleh UPE/agensi Kerajaan bagi memastikan peserta terdiri daripada kumpulan yang disasarkan;
- 8.3. UPE perlu menyenaraikan latihan/program terlebih dahulu sebelum pemilihan agensi pelaksana dibuat dan hanya meluluskan latihan/program berdasarkan garis panduan yang ditetapkan bagi memastikan permohonan adalah selari dengan objektif program;
- 8.4. UPE/agensi penyelaras hendaklah memastikan penyaluran peruntukan berdasarkan kemajuan program dan mengkaji semula keperluan menyalurkan peruntukan secara *lump sum* kepada NGO;
- 8.5. UPE/agensi penyelaras perlu menetapkan mekanisme yang jelas bagi meningkatkan pemantauan secara menyeluruh terhadap aktiviti dan perbelanjaan Agensi Pelaksana. Lawatan berkala dan mengejut perlu dilaksanakan semasa latihan/program dijalankan; dan
- 8.6. UPE hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan bagi menyiasat kelemahan yang membawa kepada ketirisan dan kerugian dana Kerajaan. Di samping itu, laporan polis perlu dibuat bagi kes yang mempunyai unsur penipuan/penyalahgunaan kuasa.

LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (FELDA)

Projek Menaik Taraf Sistem
Bekalan Air FELDA

**JABATAN PERDANA MENTERI
LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN
(FELDA)**
PROJEK MENAIK TARAF SISTEM BEKALAN AIR FELDA

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditan melibatkan penilaian terhadap pelaksanaan projek Menaik Taraf Sistem Bekalan Air FELDA yang melibatkan dua (2) projek. Projek pertama ialah Projek Menaik Taraf Sistem Bekalan Air di Seluruh FELDA Negeri Pahang bagi tempoh 45 bulan mulai bulan Mac 2013 hingga September 2016. Projek kedua ialah Projek Menaik Taraf Sistem Bekalan Air FELDA Seluruh Negara bagi tempoh 36 bulan mulai bulan Januari 2016 hingga Disember 2018.
- Bagi prestasi projek, dua (2) perkara yang dinilai merangkumi pencapaian fizikal projek dan pencapaian *outcome*.
- Pengurusan projek pula dinilai terhadap enam (6) perkara iaitu prestasi kewangan, pengurusan nilai, pentadbiran kontrak, peruntukan kerja-kerja awalan, kualiti kerja pembinaan dan pemantauan.
- Pengauditan telah dijalankan di Unit Kawal Selia FELDA, Jabatan Perdana Menteri (JPM); Unit Perancang Ekonomi; Ibu Pejabat FELDA; Pejabat Perunding Pengurusan Projek; Operator Air Negeri (Pahang, Kelantan, Kedah, Perlis dan Negeri Sembilan); rancangan FELDA yang berkaitan; Felda Engineering Services Sendirian Berhad dan Felda Investment Corporation Integrated Property Management Sendirian Berhad.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Kerajaan telah menyalurkan sejumlah RM621 juta sehingga tahun 2018 untuk pelaksanaan projek Menaik Taraf Sistem Bekalan Air FELDA.
- Tujuan utama projek adalah untuk mengurangkan gangguan bekalan air dan kadar kehilangan air tidak berhasil di rancangan FELDA yang terlibat.
- Projek menaik taraf ini bukan sahaja memberi manfaat kepada penduduk rancangan FELDA, bahkan juga penduduk sekitar rancangan bagi bekalan air bersih.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, kedua-dua projek tidak dilaksanakan secara berhemat, cekap dan berkesan kerana ianya telah lewat disiapkan dari tarikh siap asal yang ditetapkan. Kelewatan ini menyebabkan objektif untuk mengurangkan gangguan bekalan air dan kadar air tidak berhasil masih belum tercapai. Sehingga projek siap sepenuhnya, objektif untuk mengurangkan gangguan bekalan air dan *Non-Revenue Water* (NRW) masih belum menunjukkan pengurangan yang ketara. Bagi aspek pengurusan projek pula, terdapat kelemahan dalam prestasi kewangan, pengurusan nilai, pentadbiran kontrak, peruntukan kerja-kerja awalan, kualiti kerja pembinaan dan pemantauan seperti berikut:
 - Kedua-dua projek iaitu Projek Negeri Pahang dan Projek Seluruh Negara tidak disiapkan dalam tempoh yang dirancang kerana kajian awal tidak dirancang secara menyeluruh.
 - Penilaian *outcome* masih belum dilaksanakan bagi kedua-dua projek.
 - 16 pakej Projek Negeri Pahang telah berlaku *time at large* antara 135 hingga 824 hari dan sembilan (9) pakej Projek Seluruh Negara telah berlaku *time at large* antara 11 hingga 246 hari.
 - Sebanyak 12 justifikasi Lanjutan Masa (EOT) meliputi tempoh 14 hingga 182 hari boleh dielakkan jika perancangan lebih teliti sejak awal pelaksanaan projek.
 - Pembekalan tujuh (7) kenderaan berjumlah RM0.92 juta yang bertentangan dengan peraturan.
 - Pembayaran tidak teratur (*improper payment*) kepada kontraktor berjumlah RM706,400 bagi item pejabat tapak yang digabungkan.
 - Kerajaan mengalami kerugian berjumlah RM49,860 akibat lebih tuntutan kadar levi Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang telah diluluskan kepada kontraktor.
 - Kelemahan dalam pemantauan pembinaan meliputi kerja tidak mengikut spesifikasi dan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994, Suruhanjaya Tenaga.
 - Loji Rawatan Air Bukit Sagu di bawah Pakej 10 Projek Negeri Pahang bernilai RM17.63 juta tidak beroperasi mengakibatkan kehilangan peralatan bernilai RM86,000.
 - Penyusupan tebing (*river bank filtration*) bagi Pakej 80 berjumlah RM6.89 juta gagal membekalkan sumber air mengikut kapasiti secara konsisten.

JABATAN PERDANA MENTERI LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (FELDA)

1. PROJEK MENAIK TARAF SISTEM BEKALAN AIR FELDA

FAKTA UTAMA PROJEK MENAIK TARAF SISTEM BEKALAN AIR FELDA

RMKe-10	RM452 Juta	81 Pakej
• Projek Negeri Pahang	• Peruntukan yang diterima	• Dipecahkan mengikut daerah dan skop kerja seperti pembinaan/naik taraf/baik pulih loji dan pam, pembinaan tangki serta pembekalan dan penggantian paip
RMKe-11	RM500 Juta	77 Pakej
• Projek Seluruh Negara	• Peruntukan yang diterima	• Dipecahkan mengikut negeri dan skop kerja seperti pembinaan/naik taraf/baik pulih loji dan pam, pembinaan tangki serta pembekalan dan penggantian paip
FELDA	Menaik taraf infrastruktur bekalan air secara berperingkat di kawasan-kawasan FELDA yang terpilih	
Perunding Pengurusan Projek (PMC)	• PMC yang dilantik bertanggungjawab sebagai Pegawai Penguin projek • Projek Negeri Pahang: Felda Engineering Services Sendirian Berhad (FESSB) • Projek Seluruh Negara: Felda Investment Corporation Integrated Property Management Sendirian Berhad (FIC IPM)	
Operator Air Negeri	Semua asset bekalan air FELDA yang telah dinaik taraf diserahkan kepada pihak berkuasa air negeri/operator air negeri yang dilesenkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)	

1. LATAR BELAKANG

1.1. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan [Federal Land Development Authority (FELDA)] telah ditubuhkan pada 1 Julai 1956 di bawah Ordinan Kemajuan Tanah 1956 dengan objektif membasmi kemiskinan melalui pembangunan tanah dan penempatan semula masyarakat luar bandar. FELDA bertanggungjawab menyediakan infrastruktur yang lengkap dan moden di Rancangan FELDA bagi meningkatkan sosioekonomi dan kualiti hidup masyarakat peneroka serta merapatkan jurang antara bandar dan kawasan luar bandar.

1.2. Berdasarkan minit mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 14 September 2011 dan semasa Pembentangan Bajet 2012 pada 7 Oktober 2011, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM400 juta bagi pelaksanaan kerja-kerja menaik taraf sistem bekalan air kawasan FELDA di negeri Pahang. Pelaksanaan ini kerana negeri tersebut mengalami gangguan air yang kritikal. Semua asset bekalan air FELDA yang telah dinaik taraf akan diserahkan kepada operator air negeri yang dilesenkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Pada 6 Jun 2014, Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah meluluskan pertambahan kos projek berjumlah RM52 juta menjadikan kos keseluruhan projek berjumlah RM452 juta. Projek Menaik Taraf Sistem Bekalan Air di Seluruh FELDA Negeri Pahang (Projek Negeri

Pahang) telah dipecahkan kepada 81 pakej yang dibahagikan kepada tiga (3) zon mengikut daerah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
BILANGAN PAKEJ MENGIKUT ZON/DAERAH BAGI PROJEK NEGERI PAHANG

ZON	DAERAH	BILANGAN PAKEJ
1	Jerantut, Temerloh, Bentong, Raub dan Lipis	21
2	Maran dan Bera	36
3	Kuantan, Pekan dan Rompin	24
JUMLAH		81

Sumber: Fail Jabatan Pentadbiran, FELDA

1.3. Pada 23 Oktober 2013 pula, Kementerian Kewangan memaklumkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada ketika itu telah bersetuju supaya RM500 juta digunakan pada tahun 2014 bagi membayai Projek Menaik Taraf Sistem Bekalan Air FELDA Seluruh Negara (Projek Seluruh Negara). Projek ini dibahagikan kepada empat (4) zon yang ditetapkan oleh FELDA dan dipecahkan kepada 77 pakej melibatkan 11 negeri seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
BILANGAN PAKEJ MENGIKUT ZON/NEGERI BAGI PROJEK SELURUH NEGARA

ZON	NEGERI	BILANGAN PAKEJ
Timur	Kelantan	13
	Terengganu	10
Tengah	Pahang	1
	Sabah	3
Selatan	Negeri Sembilan	11
	Melaka	3
	Johor	12
Utara	Perak	12
	Kedah	5
	Perlis	5
	Selangor	2
JUMLAH		77

Sumber: Fail Jabatan Pentadbiran, FELDA


Nota: Penetapan Zon/Negeri oleh Pihak FELDA

1.4. FELDA telah melantik dua (2) syarikat sebagai Perunding Pengurusan Projek [*Project Management Consultant (PMC)*] yang turut bertanggungjawab sebagai Pegawai Penguasa (PP) projek. Felda Engineering Services Sendirian Berhad (FESSB) telah dilantik sebagai PMC bagi Projek Negeri Pahang dengan fi bernilai RM36.16 juta iaitu pada kadar 8% daripada kos keseluruhan projek. Manakala bagi Projek Seluruh Negara, Felda Investment Corporation Integrated Property Management Sendirian Berhad (FIC

IPM) dilantik dengan fi bernilai RM44 juta iaitu pada kadar 8.8% daripada kos keseluruhan projek.

1.5. Objektif utama kedua-dua projek ini adalah untuk mengurangkan gangguan bekalan air dan kadar kehilangan air tidak berhasil [*Non-Revenue Water (NRW)*] di rancangan FELDA yang terlibat. Skop kerja projek bermula daripada awal punca air diperoleh sehingga agihan bekalan air terawat kepada penduduk rancangan merangkumi pembinaan/naik taraf/baik pulih loji dan pam, pembinaan tangki serta pembekalan dan penggantian paip seperti dalam **Carta 1**.

CARTA 1
GAMBARAN SKOP KERJA SISTEM BEKALAN AIR



Sumber: Laman Sesawang SPAN

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada Projek Menaik Taraf Sistem Bekalan Air FELDA diurus dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan iaitu mengurangkan gangguan bekalan air dan kadar kehilangan NRW.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Skop pengauditan ini meliputi dua (2) bidang utama iaitu prestasi dan pengurusan projek bagi tahun 2013 hingga 2018. Bagi prestasi projek, dua (2) perkara yang dinilai

merangkumi pencapaian output dan pencapaian *outcome*. Enam (6) perkara yang dinilai bagi pengurusan projek adalah prestasi kewangan, pengurusan nilai, pentadbiran kontrak, peruntukan kerja-kerja awalan, kualiti kerja pembinaan dan pemantauan.

3.2. Pengauditan telah dijalankan di Unit Kawal Selia FELDA (UKSF), EPU, Ibu Pejabat FELDA, pejabat Perunding Pengurusan Projek, Operator Air Negeri (Pahang, Kelantan, Kedah, Perlis dan Negeri Sembilan) dan rancangan FELDA yang berkaitan. Sebanyak 25 daripada 81 pakej telah dipilih sebagai sampel bagi Projek Negeri Pahang yang meliputi lapan (8) daerah. Bagi Projek Seluruh Negara sebanyak 15 daripada 77 pakej telah dipilih sebagai sampel Audit. Pemilihan sampel adalah berdasarkan skop kerja, lokasi dan pakej yang dikenal pasti bermasalah bagi kedua-dua projek seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
PAKEJ YANG DIAUDIT

PROJEK	BIL. PAKEJ KESELURUHAN	SAMPEL AUDIT		BIL. PAKEJ TERLIBAT	NEGERI/ DAERAH
		BIL.	(%)		
Projek Negeri Pahang	81	25	30.9	7	Maran
				2	Bera
				4	Bentong
				1	Kuala Lipis/Raub
				1	Temerloh
				4	Pekan
				5	Kuantan
				1	Rompin
				4	Johor
Projek Seluruh Negara	77	15	19.5	2	Kedah
				4	Kelantan
				3	Negeri Sembilan
				2	Perlis
JUMLAH	158	40			

Sumber: Fail Jabatan Pentadbiran FELDA

3.3. Semasa pengauditan, pihak Audit berhadapan dengan limitasi apabila pengesahan penilaian *outcome* tidak dapat dibuat kerana data berkaitan aduan bekalan air, kos operasi penyenggaraan, kapasiti pengeluaran air dan kadar NRW tidak diuruskan oleh pihak FELDA. Pengesahan hanya dapat dibuat berdasarkan data yang diperolehi daripada operator air negeri.

4. METODOLOGI PENG AUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data yang berkaitan dengan Projek Negeri Pahang dan Projek Seluruh Negara. Pemeriksaan fizikal Audit terhadap projek telah dijalankan antara bulan Oktober hingga

November 2018. Selain itu, perbincangan dan temu bual turut dijalankan bersama pegawai terlibat bagi mendapatkan penerangan lanjut. Soal selidik juga telah diedarkan kepada peneroka FELDA yang dilawati bagi mendapatkan maklum balas berkaitan bekalan air yang diagihkan.

5. RUMUSAN AUDIT

5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga November 2018 merumuskan perkara berikut:

a. Prestasi Projek

Projek Negeri Pahang masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan mengikut jadual setakat bulan Disember 2018 dengan peratus siap sebenar 99.94%. Sebanyak 75 pakej telah disiapkan manakala enam (6) pakej melibatkan empat (4) loji rawatan air dan dua (2) muka sauk masih belum siap sepenuhnya. Manakala bagi Projek Seluruh Negara sebanyak lapan (8) pakej yang belum ditender, 23 pakej telah disiapkan dan 46 pakej masih belum siap. Perkara ini menjadikan peratus siap sebenar adalah 59% berbanding 92% mengikut jadual iaitu lewat jadual 33%. Punca berlaku kelewatan adalah perubahan/penambahan skop atas permintaan pihak pengurusan air negeri dan kelewatan pelaksanaan pengujian dan pentaulahan. Penilaian *outcome* bagi kedua-dua projek tersebut belum dilaksanakan dan pengukuran pencapaian *outcome* hanya boleh diperolehi berpandukan data di pejabat operator air negeri yang terlibat.

b. Pengurusan Projek

Pengurusan Projek Menaik Taraf Sistem Bekalan Air FELDA boleh ditambah baik khususnya berkaitan prestasi kewangan, pengurusan nilai, pentadbiran kontrak, peruntukan kerja-kerja awalan, kualiti kerja pembinaan dan pemantauan bagi memastikan pengurusan projek dilaksanakan dengan teratur.

5.2. Penemuan utama Audit yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- a. kedua-dua projek iaitu Projek Negeri Pahang dan Projek Seluruh Negara tidak disiapkan dalam tempoh yang dirancang kerana kajian awal tidak dirancang secara menyeluruh;
- b. penilaian *outcome* masih belum dilaksanakan bagi kedua-dua projek;
- c. 16 pakej Projek Negeri Pahang telah berlaku *time at large* antara 135 hingga 824 hari dan sembilan (9) pakej Projek Seluruh Negara telah berlaku *time at large* antara 11 hingga 246 hari;

- d. sebanyak 12 justifikasi Lanjutan Masa (EOT) meliputi tempoh 14 hingga 182 hari boleh dielakkan jika perancangan lebih teliti sejak awal pelaksanaan projek;
- e. pembekalan tujuh (7) kenderaan berjumlah RM0.92 juta yang bertentangan dengan peraturan;
- f. pembayaran tidak teratur (*improper payment*) kepada kontraktor berjumlah RM706,400 bagi item pejabat tapak yang digabungkan;
- g. Kerajaan mengalami kerugian berjumlah RM49,860 akibat lebih tuntutan kadar levi Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang telah diluluskan kepada kontraktor;
- h. kelemahan dalam pemantauan pembinaan meliputi kerja tidak mengikut spesifikasi dan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994, Suruhanjaya Tenaga;
- i. Loji Rawatan Air Bukit Sagu di bawah Pakej 10 Projek Negeri Pahang bernilai RM17.63 juta tidak beroperasi mengakibatkan kehilangan peralatan berjumlah RM86,000; dan
- j. penyusupan tebing (*river bank filtration*) bagi Pakej 80 berjumlah RM6.89 juta gagal membekalkan sumber air mengikut kapasiti secara konsisten.

6. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Perkara yang ditemui serta maklum balas telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 27 September 2019. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:

6.1. Prestasi Projek

6.1.1. Pencapaian Fizikal Projek

- a. Mengikut syarat kontrak bagi Projek Negeri Pahang dan Projek Seluruh Negara, kontraktor perlu menyiapkan projek pada tarikh siap asal iaitu bulan September 2016 dan Disember 2018 masing-masingnya dalam tempoh 45 bulan dan 36 bulan daripada tarikh pemilikan tapak. Bagaimanapun kedua-dua projek ini tidak dapat disiapkan pada tarikh siap asal, sebanyak 52 EOT telah diluluskan bagi Projek Negeri Pahang dengan tarikh siap baru pada 31 Mei 2018. Manakala bagi Projek Seluruh Negara sebanyak 25 EOT telah diluluskan dan tarikh siap baru projek ialah pada 31 Disember 2019.
- b. Setakat bulan Disember 2018, ***peratus siap sebenar keseluruhan projek bagi Projek Negeri Pahang adalah 99.94%*** iaitu lewat jadual 0.06%. Kelewatan ini berpunca daripada enam (6) pakej yang masih belum siap sepenuhnya. ***Projek Seluruh Negara peratus siap sebenar adalah***

59% berbanding 92% mengikut jadual iaitu lewat jadual 33%.

Kelewatan ini melibatkan 46 pakej yang belum siap dan lapan (8) pakej yang belum ditender iaitu masih dalam proses reka bentuk. Butiran lanjut pencapaian keseluruhan projek adalah seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4
PENCAPAIAN KESELURUHAN PROJEK SEHINGGA BULAN DISEMBER 2018**

PROJEK	TARIKH MULA ASAL	TARIKH SIAP ASAL	TARIKH SIAP SEMASA	STATUS PAKEJ			PRESTASI KEMAJUAN (%)	
				KESELURUHAN	SIAP	BELUM SIAP	JADUAL	SEBENAR
Projek Negeri Pahang	Mac 2013	September 2016	31 Mei 2018	81	75	6	100	99.94
Projek Seluruh Negara	Januari 2016	Disember 2018	31 Disember 2019	77	23	54	92	59

Sumber: Fail Jabatan Pentadbiran FELDA

c. Semakan Audit terhadap pencapaian empat (4) skop kerja, iaitu kerja-kerja penggantian paip, pembinaan tangki baru, naik taraf/baik pulih loji dan rumah pam mendapat secara keseluruhannya skop kerja yang ditender telah dilaksanakan. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan antara skop kerja yang telah ditender dengan kerja yang telah dilaksanakan di tapak bagi kerja penggantian paip. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5
PENCAPAIAN OUTPUT BAGI PROJEK NEGERI PAHANG DAN SELURUH NEGARA SEHINGGA BULAN DISEMBER 2018**

SKOP KERJA/PROJEK	SKOP KERJA YANG TELAH DITENDER		KERJA YANG TELAH DILAKUKAN		PERBEZAAN		ULASAN AUDIT
	PAHANG	SELURUH NEGARA	PAHANG	SELURUH NEGARA	PAHANG	SELURUH NEGARA	
Penggantian Paip (km)	919.86	612.32	945.18	612.32	25.32	-	<p>Projek Negeri Pahang Terdapat lebihan perbezaan penggantian paip sebanyak 25.32 kilometer (km) yang tidak melibatkan peningkatan kos kerana anggaran nilai yang ditender adalah tinggi</p> <p>Pengiraan Kos: Skop kerja yang ditender: RM277.27 juta</p> <p>Skop kerja yang dilaksanakan dan dibayar: RM275.80 juta</p>
Pembinaan Tangki Baru (Bil.)	11	8	11	8	-	-	Projek telah dilaksanakan mengikut skop kerja yang ditender
Menaik Taraf/Baik Pulih Loji (Bil.)	14	7	14	7	-	-	

SKOP KERJA/PROJEK	SKOP KERJA YANG TELAH DITENDER		KERJA YANG TELAH DILAKSANAKAN		PERBEZAAN		ULASAN AUDIT
	PAHANG	SELURUH NEGARA	PAHANG	SELURUH NEGARA	PAHANG	SELURUH NEGARA	
Baik Pulih Rumah Pam (Bil.)	14	10	14	10	-	-	

Sumber: Laporan FESSB dan FIC IPM

Maklum Balas FELDA yang Diterima pada 24 Jun 2019

FELDA memaklumkan baki kerja 0.01% bagi Projek Negeri Pahang hanya melibatkan kerja pengujian, pentaulahan dan penyerahan sistem bekalan air dan lain-lain kerja berkaitan kepada pihak operator Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP). Tarikh jangkaan siap adalah pada bulan Disember 2019 yang melibatkan Pakej 10, Pakej 80 dan Pakej 7. Bagi Projek Seluruh Negara, terdapat isu-isu semasa yang tidak dapat dielakkan seperti perubahan tapak, pampasan kepada peneroka, perubahan reka bentuk dan lain-lain yang menyebabkan kerja-kerja bagi projek tersebut tidak dapat disiapkan seperti mana jadual. Isu utama kelewatan adalah disebabkan oleh kadar nilai deposit kerja Jabatan Kerja Raya (JKR) berbeza semasa Bengkel Makmal Pengurusan Nilai [*Value Management (VM)*] dengan kadar sebenar semasa pembinaan. Kerja terpaksa diberhentikan sementara sehingga kadar deposit dimuktamadkan dan permit kerja JKR diterima yang melibatkan 19 pakej.

Pada pendapat Audit, prestasi kedua-dua projek tidak memuaskan kerana tidak dapat disiapkan mengikut tarikh siap asal yang ditetapkan.

6.1.2. Pencapaian *Outcome*

- Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012 mengenai Garis Panduan Penilaian Program menetapkan Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan membuat penilaian *outcome* dan impak terhadap sesuatu program yang dilaksanakan. Penilaian tersebut bertujuan mengukur sama ada dasar atau program yang dilaksanakan telah mencapai objektif yang ditetapkan serta memberi manfaat kepada golongan sasar. Berdasarkan Laporan Pengurusan Nilai, pengukuran *outcome* bagi Projek Negeri Pahang dan Projek Seluruh Negara adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
PENGUKURAN *OUTCOME* BERDASARKAN LAPORAN PENGURUSAN NILAI

PROJEK	OUTCOME
Projek Negeri Pahang	<p>Aduan berkaitan bekalan air di kawasan FELDA Negeri Pahang dapat dikurangkan daripada 250 bilangan kepada 50 bilangan (sebanyak 80%)</p> <p>Kos operasi penyediaan bekalan air di kawasan FELDA di negeri Pahang dapat dikurangkan sejumlah RM2.4 juta setahun daripada keseluruhan kos operasi penyediaan bekalan air di kawasan FELDA Pahang oleh PAIP</p>

PROJEK	OUTCOME
	Pengurangan kadar kehilangan air tidak berhasil (NRW) di dalam kawasan FELDA daripada 56% kepada 45%
	Jumlah bekalan air ke kawasan FELDA di Negeri Pahang dapat ditingkatkan melalui penambahan kapasiti bekalan air
Projek Seluruh Negara	Meningkatkan kesejahteraan hidup peneroka di 317 Rancangan FELDA seluruh negara
	Kos penyenggaraan sistem bekalan air dapat dikurangkan dengan penggantian paip, pam, loji dan tangki lama kepada yang baru
	Mengurangkan kadar air tidak berhasil (NRW) di 317 Rancangan FELDA seluruh negara

Sumber: Laporan Pengurusan Nilai, EPU bagi Projek Negeri Pahang dan Projek Seluruh Negara

- b. Semakan Audit mendapati FELDA masih belum melaksanakan penilaian *outcome* bagi kedua-dua projek tersebut kerana sehingga 31 Disember 2018 projek belum siap sepenuhnya. Peratus siap bagi Projek Negeri Pahang adalah 99.94% dan 59% bagi Projek Seluruh Negara.
- c. Sungguhpun demikian, pihak Audit telah mengambil inisiatif untuk membuat penilaian *outcome* berdasarkan peratus penyiapan Projek Negeri Pahang yang hampir siap. Melalui data dari pihak PAIP mengenai kapasiti pengeluaran air, kos operasi penyenggaraan, bilangan aduan dan kadar NRW, satu analisis telah dibuat untuk melihat trend bagi tahun 2013 hingga 2018 seperti dalam **Jadual 7.**

JADUAL 7
DATA BEKALAN AIR PAHANG BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2018

BIL.	PERKARA	TAHUN						GRAF PENINGKATAN DAN PENURUNAN
		2013	2014	2015	2016	2017	2018	
1.	Kapasiti Pengeluaran Air [Juta Liter/Sehari (JLH)]	1,056	1,067	1,121	1,108	1,120	1,157	
2.	Kos Operasi Penyenggaraan Air (RM Juta)	128.49	141.10	174.56	185.39	184.70	188.60	
3.	Bilangan Aduan oleh Pengguna Yang Diterima Syarikat Operator Air (Kes)	2,965	3,134	2,911	2,742	2,930	2,532	



Sumber: Laporan Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP)

- d. Analisis Audit selanjutnya terhadap data PAIP hanya dapat dibuat bagi tahun 2017 dan 2018 memandangkan tarikh siap asal Projek Negeri Pahang adalah pada bulan September 2016. Penemuan Audit adalah seperti berikut:
- kapasiti pengeluaran air bagi tahun 2018 telah menunjukkan peningkatan sebanyak 37 JLH berbanding tahun 2017 iaitu daripada 1,120 JLH ke 1,157 JLH. Penambahan kapasiti bekalan air ini secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan yang tidak ketara terhadap jumlah bekalan air ke kawasan FELDA;
 - kos operasi penyenggaraan air bagi tahun 2018 iaitu RM188.6 juta menunjukkan peningkatan sejumlah RM3.9 juta berbanding tahun 2017. Peningkatan kos operasi penyenggaraan di negeri Pahang tidak sejajar dengan penetapan *outcome* Projek Negeri Pahang iaitu mengurangkan kos operasi sejumlah RM2.4 juta setahun daripada keseluruhan kos operasi penyediaan bekalan air di kawasan FELDA Pahang oleh PAIP;
 - bilangan aduan terhadap paip bocor dan pecah serta gangguan bekalan air oleh pengguna bagi seluruh Negeri Pahang tahun 2018 semakin berkurangan daripada 2,930 kepada 2,532 iaitu penurunan sebanyak 398 kes berbanding tahun 2017. Bagaimanapun pihak Audit tidak dapat mengesahkan penurunan ini adalah secara langsung di kawasan FELDA; dan
 - kadar kehilangan NRW bagi tahun 2018 adalah 49.2% menunjukkan peningkatan 1.7% berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan kadar NRW di negeri Pahang secara tidak langsung menunjukkan kadar NRW yang tinggi di kawasan FELDA. Pencapaian ini masih tidak memenuhi sasaran yang ditetapkan di dalam VM iaitu 45%.

e. Penilaian Tahap Kepuasan Pengguna

Pihak Audit telah mengedarkan 150 borang soal selidik untuk menilai tahap kepuasan kualiti bekalan air yang dibekalkan melalui projek Menaik Taraf Sistem Bekalan Air FELDA, bagi kedua-dua projek. Penilaian kepuasan dibuat

berdasarkan kekerapan gangguan bekalan air, kekeruhan air (kotor/berkarat) dan tekanan air (rendah/perlahan). Sejumlah 122 responden peneroka melibatkan 72 peneroka Projek Negeri Pahang dan 50 peneroka Projek Seluruh Negara telah memberi maklum balas.

- Berdasarkan analisis Audit bagi Projek Negeri Pahang, sejumlah 144 kes atau 66.7% masih mengalami gangguan bekalan, kekeruhan dan tekanan air lebih lima (5) kali setahun. Manakala bagi Projek Seluruh Negara sejumlah 117 kes atau 78% kurang mengalami gangguan bekalan, kekeruhan dan tekanan air kurang lima (5) kali setahun. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 8** serta **Carta 2** dan **3**.


JADUAL 8
KEKERAPAN MASALAH BEKALAN AIR
YANG DIHADAPI OLEH PENEROKA FELDA BAGI TAHUN 2018

PROJEK	PERKARA	KEKERAPAN			
		≤ 5 KALI SETAHUN	PERATUS (%)	> 5 KALI SETAHUN	PERATUS (%)
Projek Negeri Pahang	Gangguan Bekalan Air	24	33.3	48	66.7
	Kekeruhan Air (Kotor/Berkarat)	22	30.6	50	69.4
	Tekanan Air (Rendah/Perlahan)	26	36.1	46	63.9
	JUMLAH	72	33.3*	144	66.7*
Projek Seluruh Negara	Gangguan Bekalan Air	36	72	14	28
	Kekeruhan Air (Kotor/Berkarat)	42	84	8	16
	Tekanan Air (Rendah/Perlahan)	39	78	11	22
	JUMLAH	117	78*	33	22*


Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

Nota: (*) - Purata Peratus

CARTA 2
KEKERAPAN MASALAH BEKALAN AIR
YANG DIHADAPI OLEH PENEROKA
FELDA NEGERI PAHANG



CARTA 3
KEKERAPAN MASALAH BEKALAN AIR
YANG DIHADAPI OLEH PENEROKA
FELDA SELURUH NEGARA



Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara Berdasarkan Edaran Soal Selidik Bagi Tahun 2018

ii. Analisis selanjutnya mendapati bagi **Projek Negeri Pahang, 55 daripada 72 responden kurang berpuas hati terhadap kualiti bekalan air**. Perkara yang menyebabkan responden tidak berpuas hati antaranya adalah **kerana masalah kebocoran paip yang lewat dibaik pulih, empangan pecah serta air menjadi keruh apabila musim hujan dan pembuangan sampah sarap ke dalam sungai**. Bagi **Projek Seluruh Negara, 23 daripada 50 responden berpuas hati dengan kualiti bekalan air yang dibekalkan**.

Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 9** serta **Carta 4 dan 5**.

JADUAL 9
TAHAP KEPUASAN PENEROKA FELDA TERHADAP KUALITI AIR YANG DIBEKALKAN BAGI TAHUN 2018

PROJEK	BIL. PENEROKA	TAHAP KESELURUHAN KUALITI BEKALAN AIR KE RUMAH			
		MEMUASKAN	PERATUS (%)	KURANG MEMUASKAN	PERATUS (%)
Projek Negeri Pahang	72	17	23.6	55	76.4
Projek Seluruh Negara	50	27	54	23	46
JUMLAH	122	44		78	

Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

CARTA 4
TAHAP KEPUASAN PENEROKA FELDA NEGERI PAHANG TERHADAP KUALITI AIR YANG DIBEKALKAN



CARTA 5
TAHAP KEPUASAN PENEROKA FELDA SELURUH NEGARA TERHADAP KUALITI AIR YANG DIBEKALKAN



Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara Berdasarkan Edaran Soal Selidik Bagi Tahun 2018

Maklum Balas FELDA yang Diterima pada 24 Jun 2019

FELDA memaklumkan penilaian *outcome* akan dilaksanakan bagi kedua-dua projek setelah siap sepenuhnya.

Pada pendapat Audit, kelewatan penyiapan kedua-dua projek telah menyebabkan peneroka FELDA di kawasan yang terlibat belum menikmati kemudahan yang sepatutnya.

6.2. Pengurusan Projek

6.2.1. Prestasi Kewangan

Berdasarkan Arahan Perbendaharaan 54, Pegawai Pengawal dikehendaki mengawal perbelanjaan berkenaan projek yang diperuntukkan dalam Maksud Perbelanjaan Anggaran Belanjawan di bawah kawalannya supaya peruntukan tidak terlebih dibelanjakan. Semakan Audit mendapati sehingga tahun 2018, FELDA telah menerima peruntukan berjumlah RM621 juta iaitu sejumlah RM452 juta bagi Projek Negeri Pahang dan sejumlah RM169 juta bagi Projek Seluruh Negara. Semakan selanjutnya mendapati FELDA telah membelanjakan sejumlah RM592.12 juta atau 95.3% daripada peruntukan yang telah diterima. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan status baki peruntukan bagi Projek Negeri Pahang berjumlah RM27.49 juta sama ada dapat digunakan sepenuhnya memandangkan peratus siap sebenar projek telah mencapai 99.4%. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 10** dan **11**.

JADUAL 10
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROJEK NEGERI PAHANG
BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2018

PERUNTUKAN			PERBELANJAAN	BAKI	PERBELANJAAN (%)
DILULUSKAN (RM Juta)	TAMBAHAN (RM Juta)	YANG DITERIMA (RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
400.00	52.00	452.00	424.51	27.49	93.9

Sumber: Fail Jabatan Pentadbiran FELDA

JADUAL 11
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROJEK SELURUH NEGARA
BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

PERUNTUKAN		PERBELANJAAN	BAKI	PERBELANJAAN (%)
DILULUSKAN (RM Juta)	YANG DITERIMA (RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
500.00	169.00	167.61	1.39	99.2

Sumber: Fail Jabatan Pentadbiran FELDA

Maklum Balas FELDA yang Diterima pada 24 Jun 2019

FELDA memaklumkan sehingga bulan April 2019 jumlah yang telah dibelanjakan bagi Projek Negeri Pahang berjumlah RM 424.67 juta. Jumlah anggaran keseluruhan perbelanjaan adalah berjumlah RM430 juta. Baki RM5.33 juta adalah bagi menyiapkan baki kerja termasuk kos pengurusan. Lebihan penyaluran peruntukan

sejumlah RM22 juta merupakan penjimatan pelaksanaan projek. FELDA akan membelanjakan lebihan tersebut setelah ketiga-tiga pakej iaitu Pakej 7, 10 dan 80 yang belum selesai diserahkan kepada PAIP. Bagi Projek Seluruh Negara sehingga bulan April 2019, jumlah perbelanjaan adalah RM190.46 juta.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan projek adalah selari dengan pelaksanaannya.

6.2.2. Pengurusan Nilai

- Mengikut Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Bilangan 3 Tahun 2009 bertarikh 29 Disember 2009, semua projek bernilai RM50 juta dan ke atas hendaklah melalui proses Makmal Pengurusan Nilai [*Value Management (VM)*]. Selain itu, Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Bilangan 1 Tahun 2015 bertarikh 30 November 2015 turut menyatakan Kementerian/Agensi adalah bertanggungjawab mengambil tindakan susulan bagi memastikan apa-apa keputusan dan persetujuan yang telah dicapai semasa Pengurusan Nilai dipatuhi dan dilaksanakan. VM bagi Projek Negeri Pahang telah dilaksanakan pada dua (2) sesi iaitu 27 Februari hingga 2 Mac 2012 dan 17 hingga 20 April 2012. Bagi Projek Seluruh Negara, VM telah dilaksanakan pada dua (2) sesi iaitu 20 hingga 22 Januari 2016 dan 26 hingga 28 Januari 2016.
- Semakan Audit bagi Projek Negeri Pahang mendapati perbezaan antara keputusan VM dan pelaksanaan kerja sebenar yang melibatkan kuantiti dan pertambahan kos adalah berjumlah RM53.20 juta. Sebab utama perbezaan ini antaranya adalah kerana keperluan sebenar di tapak serta kehendak operator air negeri tidak dapat dikenal pasti sewaktu VM dilaksanakan seperti dalam **Jadual 12**. Perbezaan pelaksanaan Projek Seluruh Negara dengan keputusan yang diperakui semasa VM tidak dapat ditentukan lagi kerana peratus siap projek yang masih rendah iaitu 59%.

JADUAL 12
PERBANDINGAN SKOP KERJA PENGURUSAN NILAI DENGAN
KERJA YANG TELAH DILAKSANAKAN BAGI PROJEK NEGERI PAHANG

SKOP KERJA	PENGURUSAN NILAI		KERJA YANG TELAH DILAKSANAKAN		PERBEZAAN	
	KUANTITI	KOS (RM Juta)	KUANTITI	KOS (RM Juta)	KUANTITI	KOS (RM Juta)
Penggantian Paip (km)	976.2	252.60	945.2	275.80	(31.02)	23.20
Pembinaan Tangki Baru (Bil.)	14	17.44	14	19.96	-	2.52
Menaik Taraf/Baik Pulih Loji (Bil.)	15	61.46	14	88.51	(1)	27.05
Baik Pulih Rumah Pam (Bil.)	10	1.03	14	1.46	4	0.43
JUMLAH		332.53		385.73		53.20

Sumber: Laporan Pengurusan Nilai dan Laporan FESSB

Maklum Balas FELDA yang Diterima pada 24 Jun 2019

FELDA memaklumkan perbezaan panjang paip, bilangan loji, kapasiti tangki dan bilangan rumah pam yang digantikan adalah disebabkan semasa proses VM dilakukan Kerja Ukur Kejuruteraan di tapak masih belum dilakukan. Oleh itu, VM yang dibuat tidak berdasarkan reka bentuk terperinci, andaian kemungkinan, kekangan, risiko yang boleh berubah dan sebagainya yang sememangnya akan berbeza dengan keperluan sebenar di tapak. Anggaran kos dan skop kerja hanyalah berdasarkan anggaran harga awalan dan reka bentuk awalan sahaja yang berdasarkan kadar harga mengikut projek sebelum ini.

Pada pendapat Audit, objektif melaksanakan pengurusan nilai untuk mendapat kos projek berunsurkan pencapaian matlamat (*fit for purpose*) sebelum projek mula dilaksanakan tidak tercapai kerana ketiadaan maklumat terperinci untuk menilai kos projek dengan lebih tepat.

6.2.3. Pentadbiran Kontrak

a. Kelewatian Perakuan EOT

Perenggan 12.9.2 Manual Perolehan FELDA (Edisi Pertama 2015) dan Perenggan 2.9 Garis Panduan Urusan Kontrak dan Bekalan (Edisi 1 Mei 2009) menyatakan semua kelulusan permohonan EOT hendaklah menggunakan Borang Kontrak 57 yang ditandatangani Pengarah Pentadbiran FELDA. Selain itu, Perenggan 6.8 Lampiran 2.26 PK 2.1, 1PP menyatakan Pegawai Penguasa (PP) perlu mengeluarkan Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa sebelum tamat tempoh kontrak yang dibenarkan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

- i. 16 pakej dengan 27 Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa (Borang 57) bagi Projek Negeri Pahang yang dikeluarkan oleh PP telah melangkaui tarikh tamat kontrak dan berada dalam keadaan *time at large* antara 135 hingga 824 hari. Perkara ini berpunca daripada kelewatian permohonan EOT oleh kontraktor. Analisis Audit mendapati 24 daripada 27 atau 92.6% permohonan EOT telah lewat dikemukakan kepada PP antara 40 hingga 473 hari seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
KELEWATAN PERAKUAN DAN PERMOHONAN EOT

PAKEJ	BIL. EOT	TARIKH MULA	TARIKH SIAP ASAL/ SEMASA (a)	TARIKH PERMOHONAN KONTRAKTOR (b)	TARIKH PERAKUAN KELULUSAN EOT (c)	TEMPOH KELEWATAN PERAKUAN (HARI) (d) (d = c - a)	TEMPOH KELEWATAN PERMOHONAN (HARI) (e) (e = b - a)
1	1	01.12.2014	21.02.2016	20.04.2016	05.07.2016	135	59
	2		31.05.2016	17.03.2017	28.04.2017	332	290
	3		31.07.2017	12.02.2018	22.03.2018	234	196

PAKEJ	BIL. EOT	TARIKH MULA	TARIKH SIAP ASAL/ SEMASA (a)	TARIKH PERMOHONAN KONTRAKTOR (b)	TARIKH PERAKUAN KELULUSAN EOT (c)	TEMPOH KELEWATAN PERAKUAN (HARI) (d)	TEMPOH KELEWATAN PERMOHONAN (HARI) (e)
					(d = c - a)		(e = b - a)
2	1	01.12.2014	29.11.2015	20.04.2016	05.07.2016	219	143
	2		31.05.2016	17.03.2017	28.04.2017	332	290
	3		31.07.2017	06.02.2018	22.03.2018	234	190
5	1	01.12.2014	29.11.2015	20.04.2016	05.07.2016	219	143
	2		31.05.2016	24.02.2017	28.04.2017	332	269
6	1	03.06.2013	01.06.2014	21.04.2014	17.11.2014	169	*(41)
	2		20.12.2014	29.01.2015	04.06.2015	166	40
	3		15.04.2015	09.05.2016	10.08.2016	483	390
7	1	03.06.2013	01.06.2014	28.09.2014	17.11.2014	169	119
	2		31.12.2014	22.06.2015	03.09.2015	246	173
	3		31.07.2015	31.05.2016	10.08.2016	376	305
	4		30.08.2016	08.05.2017	28.07.2017	332	251
8	1	05.04.2013	03.04.2014	15.10.2014	12.02.2015	315	195
9	1	25.11.2013	31.08.2014	14.08.2015	02.12.2015	458	348
10	1	03.06.2013	29.06.2014	07.05.2015	03.09.2015	431	312
15	1	05.04.2013	03.04.2014	23.07.2014	17.11.2014	228	111
	2		06.10.2014	TM	02.12.2015	422	TM
18	1	05.04.2013	03.04.2014	24.03.2014	05.07.2016	824	*(10)
19	1	05.04.2013	03.04.2014	01.10.2014	01.04.2015	363	181
55	1	05.04.2013	03.04.2014	30.06.2014	17.11.2014	228	453
65	1	04.03.2013	02.03.2014	27.06.2014	07.04.2016	767	117
68	1	05.04.2013	03.04.2014	12.02.2015	01.04.2015	363	315
72	1	18.02.2013	16.02.2014	01.02.2015	30.06.2015	499	350
80	1	14.12.2015	18.09.2016	23.11.2017	19.12.2017	457	473

Sumber: Dokumen Kelulusan EOT

Nota: (*) - Permohonan EOT Tidak Melebihi Tempoh Siap Asal/Semasa

TM - Tiada Maklumat

- ii. Sembilan (9) daripada 15 pakej bagi Projek Seluruh Negara yang dikeluarkan oleh PP telah melangkaui tarikh tamat kontrak dan berada dalam keadaan *time at large* antara 11 hingga 246 hari seperti dalam **Jadual 14**. Kelewatan ini berpunca daripada kelulusan Jawatankuasa Perolehan FELDA yang lewat dilaksanakan.

JADUAL 14
TEMPOH KELEWATAN KELULUSAN EOT
OLEH JAWATANKUASA PEROLEHAN

BIL.	PAKEJ	NO. EOT	KELEWATAN (HARI)
1.	20	1	115
2.	23	1	25
3.	24	1	246

BIL.	PAKEJ	NO. EOT	KELEWATAN (HARI)
4.	46	1	109
5.	47	1	109
6.	57	1	11
7.	58	1	67
8.	66	1	165
9.	76	1	109

Sumber: Dokumen Kelulusan EOT

b. Justifikasi Kelulusan Lanjutan Masa (EOT)

Berdasarkan 1PP, PK 2.1 Lampiran 2.26, Perenggan 6.8 menyatakan EOT dari segi perundangan dan syarat-syarat kontrak secara amnya boleh diluluskan. Kelulusan tersebut berlandaskan kelewatian oleh sebab-sebab *neutral*/ contohnya cuaca luar biasa, *force majeure* seperti darurat, rusuhan dan banjir besar di luar jangkaan serta kelewatian yang disumbangkan oleh pihak Kerajaan atau mana-mana pihak yang mana Kerajaan bertanggungjawab. Analisis Audit terhadap 25 pakej Projek Negeri Pahang mendapat sebanyak 12 justifikasi EOT meliputi tempoh antara 14 hingga 182 hari boleh dielakkan jika perancangan yang teliti dibuat di peringkat awal pelaksanaan projek, iaitu di peringkat pra pembinaan. Butiran lanjut analisis EOT dan ulasan Audit terhadap kemunasabahan justifikasi adalah seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
JUSTIFIKASI LANJUTAN MASA
YANG TELAH DILULUSKAN BAGI PROJEK NEGERI PAHANG

PAKEJ	NO. EOT	SEBAB	TEMPOH YANG DILULUSKAN (HARI)	ULASAN AUDIT
A. Perubahan Reka bentuk				
1	1	Perubahan Reka Bentuk <i>Piling</i> Kepada <i>Raft Foundation</i>. Pertukaran reka bentuk daripada <i>piling</i> kepada <i>raft foundation</i> di kawasan <i>aerator</i> , kedudukan <i>aerator</i> baru terdapat longkang dan paip air mentah. Kelulusan pelan perubahan lokasi baru pada 1 April 2015.	14	EOT boleh dielakkan sekiranya penentuan tapak dimuktamadkan sejak peringkat perancangan.
B. Penambahan Kuantiti				
2	1	Penambahan kuantiti besi bagi <i>Steel Trusses over crossing</i> .	46	EOT boleh dielakkan sekiranya perkara ini dimuktamadkan sejak peringkat perancangan.
C. Perubahan Skop Kerja				
9	1	Perubahan skop kerja <i>starter panel</i> untuk pam air bersih di Loji Air Lepar Hilir dan Loji Air Chini.	60	EOT boleh dielakkan sekiranya terdapat koordinasi yang baik dengan pihak PAIP dan sepatutnya telah dimuktamadkan sejak peringkat perancangan.
9	1	Perubahan skop kerja tangki <i>flocculator</i> dan <i>sedimentation</i> di Loji Air Chini bagi memenuhi keperluan Loji.	40	EOT boleh dielakkan sekiranya terdapat koordinasi yang baik dengan pihak PAIP dan sepatutnya telah dimuktamadkan sejak peringkat perancangan.

PAKEJ	NO. EOT	SEBAB	TEMPOH YANG DILULUSKAN (HARI)	ULASAN AUDIT
D. Penambahan/Pengurangan Skop Kerja				
9	1	Pertambahan skop kerja mereka bentuk dan menyiapkan <i>Stop-Log</i> bagi menyekat air masuk ke dalam <i>pump sump</i> di muka sauk sedia ada Loji Air Chini.	75	EOT boleh dielakkan sekiranya perkara ini telah dimuktamadkan sejak peringkat perancangan.
9	1	Pertambahan skop kerja mereka bentuk dan menyiapkan penyambungan paip baru ke paip sedia ada untuk sistem pam air mentah di muka sauk Loji Air Chini.	14	EOT boleh dielakkan sekiranya terdapat koordinasi yang baik dengan pihak PAIP dan sepatutnya telah dimuktamadkan sejak peringkat perancangan.
9	1	Pertambahan skop kerja mereka bentuk dan menyiapkan paip air masuk di <i>aerator</i> sedia ada.	21	
10	1	Kajian dan siasatan lanjut untuk mencari sumber air mentah di lokasi lain berhampiran disebabkan lokasi asal pembinaan <i>intake</i> tidak mempunyai sumber air yang mencukupi.	182	EOT boleh dielakkan sekiranya perkara ini telah dimuktamadkan sejak peringkat perancangan.
10	1	Kerja-kerja membina <i>Sludge Lagoon</i> seperti yang diminta oleh pihak Pengurusan Air Pahang (PAIP) bagi memenuhi syarat Jabatan Alam Sekitar.	90	
10	1	Pihak PAIP bersetuju untuk mengeluarkan skop kerja <i>intake</i> dari kontrak asal dan kerja-kerja dan reka bentuk sistem elektrikal seperti <i>booster transformer</i> , <i>voltage stabilizer</i> dan <i>surge suppression equipment</i> perlu dirombak semula.	90	EOT boleh dielakkan sekiranya perkara ini telah dimuktamadkan sejak peringkat reka bentuk.
65	1	Kerja tambahan melalui <i>Engineer Instruction Number 1</i> .	120	EOT boleh dielakkan sekiranya perkara ini telah dimuktamadkan sejak peringkat perancangan.
72	1	Tambahan kerja untuk paip MSCL 150mm berserta kerja-kerja <i>tapping</i> di Felda Bukit Kuantan setelah pemotongan <i>tee</i> dijalankan terdapat kawasan yang tidak menerima bekalan air dari sumber paip baru. Ini adalah kerana kawasan tersebut tidak termasuk dalam skop kerja penanaman paip. Pertambahan jajaran paip bersaiz 150mm sepanjang 410m berserta 6 <i>tapping</i> .	25	EOT boleh dielakkan sekiranya perkara ini telah dimuktamadkan sejak peringkat perancangan dan koordinasi yang baik dengan pihak PAIP.

Sumber: Dokumen Kelulusan EOT

Maklum Balas FELDA yang Diterima pada 24 Jun 2019

FELDA memaklumkan justifikasi EOT bagi Projek Negeri Pahang adalah melibatkan perkara-perkara di luar jangkaan kontrak asal, mengikut keadaan sebenar di tapak, seperti perubahan dan pertambahan skop kerja, pertambahan kuantiti dan sebagainya yang perlu dijalankan bagi melengkapkan kontrak di atas permintaan operator PAIP. Selain itu, kelewatan permohonan oleh kontraktor disebabkan ketidakcukupan dokumen sokongan sering kali menjadi punca kelewatan. FELDA akan mengemas kini proses permohonan EOT supaya tempoh kelulusan dapat disingkatkan dan mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Perolehan perlu diadakan lebih kerap.

Pada pendapat Audit, pengurusan EOT yang tidak cekap bagi pakej yang terlibat telah menyebabkan berlakunya *time at large* yang mana Kerajaan kehilangan hak untuk menetapkan tempoh penyiapan kontrak. Selain itu, kelemahan dalam perancangan telah menyebabkan EOT yang diluluskan memberi kesan terhadap tarikh penyiapan projek. Oleh itu, objektif projek dalam mengurangkan gangguan bekalan air kepada pengguna masih belum tercapai sepenuhnya.

6.2.4. Peruntukan Kerja-Kerja Awalan (*Preliminaries*)

a. Pembekalan Kenderaan yang Bertentangan dengan Peraturan

- i. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 1999, Perenggan 3.1 menyatakan Kerajaan boleh mendapatkan perkhidmatan kenderaan projek. Kemudahan kenderaan yang disediakan adalah hak milik kontraktor dan hendaklah sentiasa di bawah kawalannya.
- ii. Semakan Audit terhadap 15 pakej Projek Seluruh Negara mendapati tujuh (7) kenderaan Ford Ranger 4 *Wheel Drive Double Cabin* baharu telah dibekalkan berjumlah RM924,600. Pembekalan ini dilaksanakan bagi memenuhi obligasi kontrak bagi ketujuh-tujuh pakej tersebut yang menyatakan kenderaan yang dibekalkan akan menjadi hak milik FELDA setelah Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Semakan Audit terhadap Sijil Bayaran Kemajuan terkini mendapati pembayaran telah dilaksanakan berjumlah RM849,611 iaitu antara 80% hingga 98% bagi perolehan kenderaan tersebut. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
PEMBEKALAN KENDERAAN PROJEK SELURUH NEGARA

PAKEJ	NILAI DI BILL OF QUANTITIES (RM)	NOMBOR/TARIKH SIJIL BAYARAN KEMAJUAN	BAYARAN KEPADA KONTRAKTOR	
			AMAUN (RM)	(%)
9	130,000	9 / 27.12.2018	120,823	93.0
24	130,000	2 / 06.07.2018	104,000	80.0
29	128,600	21 / 03.01.2019	126,028	98.0
33	128,000	9 / 12.08.2018	120,320	94.0
40	128,000	13 / 25.02.2019	125,440	98.0
57	150,000	6 / 23.09.2018	142,500	95.0
58	130,000	1 / 24.11.2018	110,500	85.0
JUMLAH	924,600		849,611	

Sumber: Dokumen Kontrak dan Baucar Bayaran Projek Seluruh Negara

- iii. Bagaimanapun, pembelian kenderaan ini adalah bertentangan dengan peraturan yang ditetapkan dan telah menyebabkan peningkatan harga kontrak bagi ketujuh-tujuh pakej berjumlah RM924,600.

Maklum Balas FELDA yang Diterima pada 25 April 2019

FELDA memaklumkan empat (4) pakej 9, 24, 57 & 58 menaik taraf loji dan penanaman paip melibatkan jalan masuk yang tidak berturap dan sukar dilalui oleh kenderaan biasa. Tiga (3) pakej 29, 33 & 40 iaitu pakej membekal melibatkan pergerakan petugas pemantauan untuk kawasan yang luas. Berkenaan perkara kenderaan yang dibekalkan akan menjadi hak milik FELDA setelah Sijil Perakuan Siap Kerja, *Bill of Quantity* pakej yang ditawarkan telah menyatakan bahawa kenderaan tersebut akan menjadi milik FELDA.

Pada pendapat Audit, pembekalan kenderaan bagi Projek Seluruh Negara yang tidak wajar diperuntukkan telah menyebabkan peningkatan harga kontrak berjumlah RM924,600.

b. Pejabat Tapak Pegawai Penguasa Tidak Disediakan Mengikut Kontrak

- i. Berdasarkan *Bill of Quantities* (BQ), kontraktor hendaklah menyediakan kabin pejabat tapak untuk kegunaan Pegawai Penguasa (PP) atau wakil yang dilantik bagi tujuan pemantauan semasa projek dilaksanakan. Pejabat tapak yang disediakan oleh kontraktor mempunyai kemudahan seperti peralatan komputer, peralatan pejabat, alat keselamatan dan lain-lain. Selain itu, 1PP WP 10.3 menyatakan Pembayaran Tanpa Kuasa/Salah/Pembayaran Tidak Sepatusnya (*improper payment*) ialah pembayaran yang dibuat dengan tidak seujar sama ada dari segi bertentangan dengan peruntukan undang-undang, peraturan atau tidak mengikuti syarat-syarat, kaedah atau tatacara yang ditetapkan bagi sesuatu pembayaran.
- ii. **Pemeriksaan fizikal Audit terhadap Projek Seluruh Negara bagi sembilan (9) pakej mendapati tiada kabin pejabat tapak disediakan seperti yang dinyatakan dalam BQ.** Berdasarkan temubual bersama wakil PMC, pihak Audit dimaklumkan terdapat penggabungan pejabat tapak bagi beberapa pakej telah dilaksanakan bagi memudahkan urusan pemantauan. Selanjutnya, analisis Audit terhadap Sijil Bayaran Kemajuan terkini mendapati walaupun pejabat tapak telah digabungkan, namun bayaran bagi item pejabat tapak di bawah setiap pakej masih dilaksanakan. Kesan daripada keadaan ini **bayaran tidak teratur (*improper payment*) berjumlah RM706,400** seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
PENGGABUNGAN PEJABAT TAPAK PEGAWAI PENGUASA

ALAMAT PEJABAT TAPAK PP	PEJABAT TAPAK YANG DIGABUNGKAN		
	BILANGAN PAKEJ	PAKEJ	JUMLAH BAYARAN KEPADA KONTRAKTOR (RM)
Bangunan GPW Lama, Felda Chiku 01, Gua Musang, Kelantan	4	Pakej 2	60,900
		Pakej 14*	36,800
		Pakej 45	58,800
		Pakej 46*	57,000
		JUMLAH	213,500
No. 5, Tingkat 1, Jalan Nagasari 22, Taman Segamat Baru, Segamat, Johor	2	Pakej 20*	8,500
		Pakej 64	31,500
		JUMLAH	40,000
No. 33 Tingkat 1, Jalan Niaga 8, Kota Tinggi, Johor	3	Pakej 24	31,500
		Pakej 26*	45,000
		Pakej 66	68,000
		JUMLAH	144,500
No.3, Tingkat Atas, Jalan Mabsuri, Tanah Merah, Kelantan.	3	Pakej 3	58,100
		Pakej 16	33,500
		Pakej 47*	77,600
		JUMLAH	169,200
FELDAJAYA Raja Alias	3	Pakej 57*	35,000
		Pakej 60	25,500
		Pakej 61	33,000
		JUMLAH	93,500
Kompleks Kakitangan Kumpulan Felda, Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan	3	Pakej 58*	10,500
		Pakej 59	35,200
		Pakej 62	Pembayaran belum dilaksana
		JUMLAH	45,700
JUMLAH KESELURUHAN	18		706,400

Sumber: Sijil Bayaran Kemajuan Projek Seluruh Negara

Nota: (*) Tujuh (7) Pakej yang Dilawati yang Melibatkan Penggabungan Pejabat Tapak

Maklum Balas FELDA yang Diterima pada 24 Jun 2019

FELDA memaklumkan terdapat penggabungan pejabat-pejabat tapak bagi pakej-pakej tertentu. Penggabungan pakej-pakej tersebut mengambil kira pakej yang banyak menyebabkan pemantauan dan pengawasan yang sukar. Pejabat tapak yang digabungkan adalah melibatkan pakej-pakej yang berhampiran. Jangkaan tempoh masa pemantauan di tapak bagi sebahagian kontrak juga pendek. Pejabat tapak boleh disewa pada struktur bangunan yang tetap adalah lebih selamat berbanding kabin. Tempoh penggunaan pejabat oleh PP boleh diatur lebih panjang. Perancangan awal bagi projek akan datang akan dibuat dengan teliti supaya sebarang penggabungan dapat ditentukan lebih awal.

Pada pendapat Audit, pengurusan pejabat tapak adalah tidak teratur kerana pembayaran (*improper payment*) dibuat bagi penggabungan kabin pejabat tapak berjumlah RM706,400.

c. Levi CIDB Terlebih Bayar

- i. Seksyen 34 Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) 1994 (Akta 520) menyatakan kontraktor yang mempunyai kontrak kerja pembinaan melebihi RM500,000 dikehendaki membayar levi dengan kadar 0.25% daripada jumlah kontrak tersebut. Selain itu, Perintah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (Pengenaan Levi) 2003 yang berkuat kuasa 1 Julai 2003 menetapkan kadar levi yang dikenakan ke atas kontraktor dikurangkan menjadi 0.125% daripada jumlah kontrak tersebut. Berdasarkan item dalam BQ kontrak menyatakan *the contract shall comply to Part VII of the Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia Act 1994 and the Construction Industry (Levy Collection) Regulation 1996 and shall submit a notification on Form CIDB L1/96 to the Lembaga not later than 14 days the issuance of the Letter Of Acceptance/Letter Of Award/of any document that constitutes acceptance of contract works, or not less than 14 days before the commencement of the works, whichever date is earlier.*
- ii. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Disember 2018, 14 pakej bagi Projek Negeri Pahang telah disediakan akaun muktamad. Daripada jumlah ini, **sebanyak 12 pakej mempunyai kadar levi yang terlebih nyata dalam BQ berjumlah RM49,860 telah terlebih tuntut oleh kontraktor.** Kelemahan ini berlaku kerana penyediaan spesifikasi dan dokumen tender oleh PMC tidak dibuat dengan teliti. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 18.**

JADUAL 18
SENARAI PAKEJ DENGAN KADAR LEVI CIDB
TERLEBIH NYATA BERDASARKAN AKAUN MUKTAMAD
BAGI PROJEK NEGERI PAHANG SEHINGGA BULAN DISEMBER 2018

BIL.	NO. PAKEJ	KOS KONTRAK (RM)	NILAI LEVI 0.125% DARIPADA NILAI KONTRAK (RM)	BQ AKHIR (RM)	PERBEZAAN	
					NILAI (RM)	(%)
1	38	3,411,744	4,265	15,261	10,996	258
2	65	2,285,038	2,856	10,000	7,144	250
3	37	3,984,574	4,981	12,013	7,032	141
4	19	1,748,999	2,186	7,500	5,314	243
5	55	2,303,725	2,880	7,000	4,120	143
6	67	2,700,000	3,375	7,000	3,625	107
7	72	4,158,570	5,198	8,500	3,302	64

BIL.	NO. PAKEJ	KOS KONTRAK (RM)	NILAI LEVI 0.125% DARIPADA NILAI KONTRAK (RM)	BQ AKHIR (RM)	PERBEZAAN	
					NILAI (RM)	(%)
8	81	2,113,405	2,642	5,500	2,858	108
9	15	1,877,000	2,346	5,000	2,654	113
10	9	6,600,000	8,250	10,000	1,750	21
11	18	1,145,000	1,431	2,000	569	40
12	6	7,602,844	9,504	10,000	496	5
JUMLAH TERLEBIH NYATA					49,860	

Sumber: Pengesahan Bayaran Levi CIDB

Maklum Balas FELDA yang Diterima pada 24 Jun 2019

FELDA memaklumkan kadar harga bayaran levi dalam BQ adalah ditetapkan oleh kontraktor yang mengambil kira kos-kos lain yang berkaitan urusan pembayaran levi seperti pengangkutan, pengurusan dan sebagainya. Justeru itu, kontraktor perlu menanggung sebarang kekurangan atau pertambahan kos yang berkaitan bagi urusan pembayaran levi ini. Item bayaran levi akan dikeluarkan daripada BQ untuk tender-tender akan datang.

Pada pendapat Audit, item dalam BQ tidak selari dengan kadar yang ditetapkan oleh CIDB dan telah menyebabkan Kerajaan terlebih bayar berjumlah RM49,860.

d. Penentuan Harga Item di Dokumen Kontrak Tidak Teratur

Dokumen kontrak boleh ditakrifkan sebagai dokumen yang mengandungi perkara-perkara perjanjian pihak-pihak berkontrak untuk pelaksanaan sesuatu projek. Ia menetapkan dan menghuraikan hak dan kewajipan pihak-pihak dalam kontrak. Kewajipan am kontraktor ialah untuk melaksanakan kerja dengan memenuhi kehendak dokumen kontrak. Semakan Audit berkaitan dokumen kontrak bagi Projek Seluruh Negara adalah seperti berikut:

i. *Smartphone dan prepaid*

- Berdasarkan item di bawah *Bill A - Site Office* dokumen kontrak menyatakan setiap pakej yang dilaksanakan akan menerima beberapa buah *smartphone* dan dibekalkan dengan *prepaid* mengikut dokumen kontrak masing-masing untuk memudahkan urusan kerja yang dilaksanakan.
- Semakan lanjut mendapati sebanyak 24 *smartphone* bagi 12 pakej telah dibekalkan dengan kos *prepaid* sejumlah RM6,300 setiap bulan mengikut

tempoh kontrak. ***Keperluan mendapatkan bekalan smartphone bagi setiap pakej adalah melebihi daripada sepatutnya.*** Pihak Audit tidak dapat mengesahkan butiran pembelian bagi setiap *smartphone* kerana jumlah bayaran yang ditunjukkan di dalam lampiran BQ adalah *lump sum*. Walau bagaimanapun, jumlah keseluruhan bayaran yang telah dibuat bagi item *prepaid* bulanan ialah RM69,600. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 19
PEMBEKALAN SMARTPHONE DAN PREPAID

NO. PAKEJ	AMAUAN SITE OFFICE DALAM BQ (LUMP SUM) (RM)	SMARTPHONE		BAYARAN BULANAN (RM)	TEMPOH KONTRAK (BULAN)	JUMLAH BAYARAN (RM)
		BILANGAN	PREPAID (RM)			
9	35,000	3	X *	TB	TB	TB
14	45,000	2	300	600	12	7,200
20	17,000	2	300	600	12	7,200
23	25,000	2	300	600	12	7,200
24	45,000	2	300	600	7	4,200
26	50,000	2	300	600	7	4,200
46	60,000	2	300	600	12	7,200
47	80,000	2	300	600	12	7,200
57	50,000	2	300	600	12	7,200
58	40,000	2	300	600	12	7,200
66	80,000	2	300	600	12	7,200
76	35,000	1	300	300	12	3,600
JUMLAH		24	3,300	6,300		69,600

Sumber: Dokumen Kontrak Projek Seluruh Negara

Nota: (*) Item *Prepaid* Tiada Dalam BQ

TB - Tidak Berkenaan

Maklum Balas FELDA yang Diterima pada 7 Februari 2020

Pihak FELDA mengambil maklum berkenaan teguran tersebut dan telah melakukan semakan semula terhadap BQ bagi projek-projek baru dan pakej-pakej yang belum ditender/ditawarkan bagi mematuhi pekeliling tersebut.

ii. *Testing*

- Berdasarkan item di bawah *Bill A – Testing*, dokumen kontrak menyatakan "*The contractor must at his own cost carry out all test which are provided for in the specification or which are intended by the contract*" dan "*The contractor must provide free of charge such assistance, labour, materials, electricity, fuel, stores, apparatus, be instruments and other things as may requisite and as may be reasonably demanded to carry out the test of inspection*".

- Semakan Audit mendapati kontraktor telah mengenakan caj bagi elemen *testing* di BQ bagi tiga (3) pakej Projek Seluruh Negara. Caj berjumlah RM172,200 ini adalah bertentangan dengan klausu di atas kerana kos tersebut seharusnya dibiayai oleh pihak kontraktor. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
KOS *TESTING* YANG TIDAK WAJAR DIKENAKAN

NO. PAKEJ	ITEM DI BQ	AMAUN (RM)
9	<i>Testing</i>	102,200
	<i>Training, Testing, Commissioning and Maintenance</i>	66,000
14	<i>Testing</i>	2,000
57	<i>Testing</i>	2,000
JUMLAH		172,200

Sumber: Dokumen Kontrak dan Baucar Bayaran Projek Seluruh Negara

Maklum Balas FELDA yang Diterima pada 7 Februari 2020

Nilai yang dimasukkan oleh kontraktor semasa peringkat tender merupakan anggaran kasar bagi kos perjalanan yang merangkumi tiket kapal terbang, kos lojistik dan penginapan pegawai/jurutera/wakil Pihak Berkuasa Tempatan. Item di dalam BQ adalah bukan item *Provisional* yang mana tiada penambahan atau pengurangan nilai akan dibuat jika kos ini bertambah atau berkurangan. Selain itu semakan terhadap klausu-klausu akan dibuat bagi memastikan pentafsiran tepat. Jika sebaliknya, maka perubahan nilai akan dibuat dengan pengurangan nilai kontrak. Sekiranya telah dibayar, maka pemotongan akan dibuat ke atas wang jaminan pelaksanaan atau kutipan semula jumlah tersebut daripada kontraktor.

iii. Insurans

- Insurans adalah elemen yang penting di dalam projek pembinaan dan ketidakpatuhan terhadap syarat-syarat pengambilannya mengikut syarat kontrak. Insurans tanggungan awam perlu diambil oleh pihak kontraktor bagi melindungi lialibiliti kontraktor terhadap kecederaan dan kematian orang awam serta kerosakan harta semasa pelaksanaan kerja akibat kecuaian kontraktor dan sub-kontraktor. Sementara insurans pampasan pekerja menyatakan dalam kontrak pembinaan, terdapat syarat-syarat khusus mengenai keperluan kontraktor mengambil insurans pampasan pekerja.

- Semakan Audit terhadap 10 sijil insurans dan dokumen kontrak mendapati ***pihak kontraktor telah terlebih nyata premium insurans yang dibayar di BQ berjumlah RM87,549***. Nilai terlebih nyata adalah merupakan perbezaan antara nilai yang dibayar oleh kontraktor dan nilai yang dinyatakan dalam BQ. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
NILAI INSURANS YANG TERLEBIH NYATA

PAKEJ	TARIKH MULA	TARIKH AKHIR	BQ AKHIR (RM)	PREMIUM YANG DIBAYAR KONTRAKTOR				JUMLAH (RM)	PERBEZAAN (RM)		
				INSURANS TANGGUNGAN AWAM		INSURANS PAMPASAN PEKERJA					
				ASAL (RM)	LANJUTAN MASA PERTAMA (RM)	ASAL (RM)	LANJUTAN MASA PERTAMA (RM)				
			(a)	(b)	(c)	(d)	(e)	(f) = (b+c+d+e)	(a-f)		
9	15.05.2017	11.11.2018	17,570	7,901	*TM	3,337	*TM	11,238	6,332		
14	21.08.2017	18.08.2018	17,299	4,037	*TM	1,884	*TM	5,921	11,378		
20	15.06.2017	13.06.2018	7,500	4,086	*TM	1,634	*TM	5,720	1,780		
23	21.08.2017	19.08.2018	6,500	4,199	*TM	1,680	*TM	5,879	621		
26	15.01.2018	12.08.2018	30,000	5,778	*TM	2,311	*TM	8,089	21,911		
46	15.05.2017	13.05.2018	10,000	3,068	1,551	1,227	1,227	7,073	2,927		
47	15.05.2017	13.05.2018	22,500	4,883	4,494	1,953	1,953	13,282	9,218		
57	21.08.2017	19.08.2018	37,160	8,924	6,014	4,164	*TM	19,102	18,058		
58	21.08.2017	19.08.2018	20,000	7,958	*TM	3,183	*TM	11,141	8,859		
66	15.05.2017	13.05.2018	16,000	3,780	2,731	1,512	1,512	9,535	6,465		
JUMLAH								87,549			

Sumber: Dokumen Kontrak dan Baucar Bayaran Projek Seluruh Negara

Nota: (*TM) - Tiada maklumat kerana semasa pengauditan dijalankan projek masih berjalan

Maklum Balas FELDA yang Diterima pada 7 Februari 2020

Nilai premium insurans adalah bergantung kepada nilai kontrak dan RM1 juta kecacatan bahan. FELDA mengambil maklum terhadap lebihan nilai tercatat di dalam BQ. Pelarasan harga akan dibuat pada bayaran akhir kontraktor berdasarkan nilai sebenar premium insurans dan juga tempoh siap sebenar kontrak. Jika didapati nilai tuntutan sebenar adalah lebih rendah daripada nilai di dalam BQ akhir, maka pelarasan nilai akhir akan dibuat dan ditolak daripada nilai kontrak atau wang jaminan perlaksanaan.

6.2.5. Kualiti Kerja Pembinaan

Pelaksanaan kerja yang berkualiti daripada aspek spesifikasi, kesesuaian dan kekemasan akan menjamin keberkesanan penggunaan bangunan dalam keadaan kondusif dan selamat. Kerja yang tidak mengikut spesifikasi dengan penggunaan bahan yang tidak berkualiti boleh menjelaskan kualiti pembinaan. Perkara ini terjadi kerana kelemahan pemantauan dalam pelaksanaan kerja yang boleh membahayakan keselamatan pengendali. Contoh kerja-kerja yang tidak mematuhi spesifikasi/tidak berkualiti adalah seperti berikut:

a. Loji Rawatan Air Jawi Jawi dan Sungai Temau (Pakej 6 dan 7) – Kerja Elektrik

- i. Peraturan-peraturan Elektrik 1994, Suruhanjaya Tenaga, Peraturan 19 (1)(b) menetapkan susunan am papan suis bagi pengaliran tiap-tiap konduktor hendaklah boleh dikesan dan gambarajah sambungan-sambungan yang dilukis dengan jelas dan dipamerkan berdekatan dengan papan suis.
- ii. Semakan Audit terhadap *Main Switch Board* (MSB) dan *Sub Switch Board* Pakej 7 Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Temau dan Pakej 6 LRA Jawi-Jawi bagi Projek Negeri Pahang mendapati lukisan skematik tidak dipamerkan berdekatan papan suis seperti dalam **Gambar 1** dan **2**. Ketiadaan ini berpunca daripada ketidakpatuhan pada peraturan elektrik semasa pelaksanaan kerja yang mengakibatkan kerja penyenggaraan pada masa hadapan menjadi sukar.

GAMBAR 1



Pakej 7 Loji Rawatan Air Sungai Temau
- Lukisan Skematik dan Notis *Standard*
“BAHAYA” Tidak Dipamerkan
(31.10.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2




Pakej 6 Loji Rawatan Air Jawi Jawi
- Lukisan Skematik Tidak Dipamerkan
(01.11.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- iii. Mengikut Peraturan-peraturan Elektrik 1994, Suruhanjaya Tenaga, Peraturan 38 (3), notis *standard* yang mempamerkan perkataan “BAHAYA” hendaklah diletakkan di tempat yang mudah dilihat berdekatan dengan papan suis.

- iv. Semakan Audit terhadap MSB Pakej 7 LRA Sungai Temau mendapati notis *standard* "BAHAYA" tidak dipamerkan berdekatan papan suis kerana tidak disediakan oleh pihak kontraktor seperti dalam **Gambar 1** dan **3**.

GAMBAR 3



Pakej 7 Loji Rawatan Air Sungai Temau
- Notis *Standard*"BAHAYA" Tidak Dipamerkan
(31.10.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4



Pakej 7 Loji Rawatan Air Sungai Temau
- Rubber Mat Tidak Diletakkan di Atas Lantai
Berhadapan Main Switch Board
(23.10.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- v. Peraturan-peraturan Elektrik 1994, Suruhanjaya Tenaga, Peraturan 19 (2) menyatakan *rubber mat* dengan saiz dan ketebalan yang bersesuaian hendaklah diletakkan di atas lantai di hadapan setiap papan suis untuk mencegah bahaya renjatan elektrik kepada pengendali.
- vi. Pemeriksaan Audit terhadap Pakej 7 LRA Sungai Temau mendapati *rubber mat* tidak diletakkan di atas lantai berhadapan *Main Switch Board* seperti dalam **Gambar 4**.

Maklum Balas FELDA yang Diterima pada 24 Jun 2019

FELDA memaklumkan Pakej 6 - Loji Rawatan Air Jawi Jawi keseluruhan pemasangan peralatan dan spesifikasi kerja telah disiapkan, diserah terima dan diguna pakai oleh PAIP pada/sejak 29 Jun 2014. Bagi Pakej 7 - Loji Rawatan Air Sungai Temau masih dalam peringkat pembinaan. Pihak FELDA akan memastikan lukisan skematik, tanda 'BAHAYA' dan *rubber mat* ini disediakan.

b. Loji Rawatan Air Bukit Sagu (Pakej 10) - Masih Tidak Beroperasi

- Berdasarkan PK 2.1, Lampiran 2.26 (Bahagian II) - Garis Panduan Pengurusan Pembinaan, Perkara 8.3 - Perakuan Siap Kerja, kontraktor layak diberi Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) setelah Pengarah Projek memperakui projek telah mencapai penyiapan secara praktikal.
- Semakan Audit mendapati bagi Pakej 10 Projek Negeri Pahang, CPC bersyarat telah dikeluarkan kepada kontraktor pada 31 Ogos 2015 dengan justifikasi kerja-kerja fizikal seperti mana dalam kontrak telah siap


dilaksanakan. Bagaimanapun, skop kerja bagi Pengujian dan Pentauliah [*Testing and Commissioning* (T&C)] tidak dapat dijalankan kerana masalah sumber air mentah dari Sungai Kuantan yang tidak mencukupi berikutan musim kemarau yang berpanjangan.

GAMBAR 5



LRA Bukit Sagu
- LRA Masih Belum Digunakan Sejak 31 Ogos 2015
(23.10.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 6



LRA Bukit Sagu
- Tangki Air Bersih Masih Belum Digunakan
Sejak 31 Ogos 2015
(23.10.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- iii. Pemeriksaan fizikal Audit pada 23 Oktober 2018 mendapati T&C masih belum dilaksanakan menyebabkan LRA Bukit Sagu yang bernilai RM17.63 juta masih belum digunakan seperti dalam **Gambar 5** dan **6**.
- iv. Berdasarkan *Bill of Quantities* (BQ) item A.11 - *Maintaining Site Cleanliness* menetapkan kontraktor perlu menyenggara kebersihan persekitaran sepanjang tempoh kontrak dan lanjutan masa yang diluluskan.
- v. Pemeriksaan fizikal Audit mendapati laluan masuk dan persekitaran LRA Bukit Sagu telah dipenuhi semak samun dan tumbuhan liar seperti dalam **Gambar 7** hingga **10**. Temu bual bersama wakil pegawai FESSB mendapati tiada *site cleanliness* dilaksanakan kerana loji masih belum beroperasi disebabkan sumber air LRA Bukit Sagu bergantung kepada penyiapan Pakej 80 penyusupan tebing (*river bank filtration*) dan muka sauk (*raw water intake*).

GAMBAR 7




LRA Bukit Sagu
- Laluan Masuk dan Persekitaran LRA Bukit Sagu Telah Dipenuhi Semak Samun dan Tumbuhan Liar
(23.10.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 8



GAMBAR 9



Tangki Air Bersih LRA Bukit Sagu
- Persekutuan LRA Bukit Sagu Telah Dipenuhi
Semak Samun dan Tumbuhan Liar
(23.10.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 10



Aerator and Mixing Chamber LRA Bukit Sagu
- Laluan Masuk LRA Bukit Sagu Telah Dipenuhi
Semak Samun dan Tumbuhan Liar
(23.10.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- vi. Semakan Audit mendapati laporan polis telah dibuat pada 15 Julai 2016 oleh wakil PMC untuk melaporkan kecurian yang berlaku di LRA Bukit Sagu pada 6 Julai 2016. Laporan siasatan yang disediakan oleh Pinewater Qasia Sendirian Berhad yang dilantik oleh pihak PMC mendapati enam (6) peralatan bernilai RM86,000 telah hilang seperti dalam **Jadual 22**. Pemeriksaan fizikal Audit mendapati lapan (8) unit kipas dinding masih belum digantikan dan status penggantian peralatan lain yang hilang tidak dapat disahkan seperti dalam **Gambar 11** dan **12**. Semakan Audit selanjutnya turut mendapati Arahan Perubahan Kerja (APK) No. 2 bagi Pakej 10 berjumlah RM56,680 telah diluluskan pada 22 Mac 2017 bagi membiayai kes kehilangan peralatan di Loji Air Bukit Sagu.

JADUAL 22
PERALATAN YANG HILANG

BIL.	PERALATAN	NILAI (RM)
1.	8 unit Kipas Dinding Jenama KDK	3,000
2.	8 unit Sampling Pump Jenama Regaline LD70/075T	30,000
3.	6 unit Valve Spindle Jenama AVK RSGV DN100	2,000
4.	3 unit Valve Spindle Jenama AVK RSGV DN150	1,000
5.	Automatic Control Valve Jenama Freese	40,000
6.	30 meter Copper Jenama Earthing System	10,000
JUMLAH		86,000

Sumber: Laporan Siasatan Pinewater Qasia Sendirian Berhad

GAMBAR 11



GAMBAR 12



LRA Bukit Sagu
 - Kecurian/Kehilangan *Wall Fan* yang Masih Belum Diganti
 (23.10.2018)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

c. Penyusupan Tebing [River Bank Filtration (RBF)] Bukit Sagu (Pakej 80) – Masih Tidak Beroperasi

- i. Sumber bekalan air bagi LRA Bukit Sagu adalah melalui sumber air bawah tanah sungai menggunakan RBF di bawah Pakej 80 bernilai RM6.89 juta. Berdasarkan BQ, kontraktor dikehendaki mereka bentuk, membina, memasang, menguji dan mentauliah RBF – *Horizontal Collector Well* bagi mendapatkan sumber air sekurang-kurangnya 18 Juta Liter Sehari (JLH) seperti **Gambar 13**.
- ii. Semakan Audit terhadap Laporan Kemajuan bertarikh 1 Julai 2018 dan pra T&C pada 5 Julai 2018 mendapati **RBF tersebut gagal membekalkan sumber air kepada LRA Bukit Sagu**. Hal ini kerana kadar sumber air yang diperoleh tidak mencapai kapasiti yang dikehendaki secara konsisten, iaitu antara 640m³/jam hingga 800m³/jam (15.36 JLH hingga 19.20 JLH). Sehingga tarikh pemeriksaan fizikal Audit pada 23 Oktober 2018, proses pengujian dan pentaulianan tidak dapat dipenuhi disebabkan oleh masalah mekanikal pam dan elektrikal panel yang masih tidak diselesaikan oleh pihak kontraktor. Keadaan di tapak semasa lawatan Audit adalah seperti **Gambar 14**.

GAMBAR 13



Penyusupan Tebing (River Bank Filtration) Bukit Sagu
 - Keadaan RBF Sewaktu Pra T&C pada 6 Oktober 2016
 (Sumber: FESSB)

GAMBAR 14



Penyusupan Tebing (River Bank Filtration) Bukit Sagu
 - Keadaan Sekarang RBF yang Tidak Beroperasi
 Sejak 5 Julai 2018
 (23.10.2018)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati pemasangan *Crane* dan *Gantry* berjumlah RM120,900 telah diluluskan melalui APK No.2 Paket 10 pada 22 Mac 2017. Kelulusan APK untuk pemasangan ini tidak sewajarnya diluluskan kerana kerja yang dilaksanakan bukan di tapak bina Paket 10 sebaliknya di Paket 80. Pemeriksaan fizikal Audit mendapati pemasangan *Crane* dan *Gantry* masih belum dilaksanakan dan pembayaran juga belum dilakukan seperti **Gambar 14**.

Maklum Balas FELDA yang Diterima pada 6 Mac 2020

FELDA memaklumkan perkara berikut:

- i. Kerja T&C Paket 10 dan Paket 80 tidak dapat dijalankan serentak kerana masalah kerosakan pada panel kawalan elektrik dan sistem pengepaman air mentah. Masalah ketidakcukupan sumber air mentah tidak dipastikan sehingga kerja T&C keseluruhan dijalankan nanti. Tarikh jangkaan siap kerja T&C dan penyerahan kepada PAIP adalah pada bulan Jun 2020. Sehingga itu, FELDA akan melantik pihak kontraktor ketiga bagi kerja-kerja pembersihan, pemberian kerosakan, kerja-kerja persediaan bagi sesi T&C dan juga menjalankan kerja T&C ini memandangkan CPC telah dikeluarkan kepada kontraktor Paket 10 dan telah tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan.
- ii. Berkenaan isu kecurian di Paket 10, tuntutan kepada syarikat Insurans tidak diluluskan kerana CPC bersyarat telah dikeluarkan. Peralatan ini adalah peralatan penting yang diperlukan untuk melengkapkan kerja dan akan dilaksanakan di tapak. Kerja-kerja penggantian barang-barang hilang akan dibuat sebelum T&C dijalankan bagi mengelakkan kejadian kecurian berulang.

Pada pendapat Audit, pengurusan pembinaan tidak mencapai tahap kecekapan yang memuaskan kerana terdapat kerja-kerja yang tidak mengikuti spesifikasi ditetapkan. Pelaksanaan Sistem RBF Paket 80 yang sempurna membolehkan kerja-kerja T&C LRA Bukit Sagu Paket 10 dilaksanakan dan membekalkan air mengikut kapasiti rekabentuk yang disahkan oleh Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM).

6.3. Pemantauan Projek

Pemantauan terhadap pengurusan projek hendaklah dilakukan secara berterusan bagi memastikan projek dapat disiapkan mengikut skop dan spesifikasi kerja serta dalam masa yang ditetapkan.

a. Peringkat Jawatankuasa Pemandu

- i. Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Bilangan 1 Tahun 2011 pada 21 November 2011 menetapkan Jawatankuasa akan bermesyuarat setiap suku tahun dan dipengerusikan secara bergilir-gilir oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan FELDA. Keanggotaan jawatankuasa terdiri daripada wakil EPU, JPM, Unit Kawal Selia FELDA (UKSF), FELDA, PMC – FESSB, Kementerian Kewangan, Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP), Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) [sekarang dikenali sebagai Kementerian Tenaga, Teknologi, Sains, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC)] dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) [sekarang dikenali sebagai Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)].
- ii. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Pemandu hanya bermesyuarat dua (2) kali iaitu pada 21 November 2011 dan 15 Mei 2012 berbanding enam (6) kali bagi tempoh dua (2) tahun.
- iii. Bagi Projek Seluruh Negara, satu Jawatankuasa Pemandu turut diwujudkan dan dipengerusikan secara bersama oleh wakil EPU atau Timbalan Pengarah Besar FELDA. Jawatankuasa ini dianggotai oleh wakil MESTECC (dahulu dikenali sebagai KeTTHA), Suruhanjaya Pengurusan Air Negara (SPAN), UKSF dan Syarikat Air Negeri yang terlibat.
- iv. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Pemandu telah bermesyuarat tiga (3) kali iaitu sekali dalam tahun 2016, sekali bagi tahun 2017 dan sekali bagi tahun 2018.

b. Peringkat FELDA

- i. Unit Kejuruteraan di bawah Jabatan Pentadbiran, FELDA bertanggungjawab melaksanakan lawatan dan pemantauan projek berdasarkan laporan kemajuan yang dikemukakan oleh juru perunding projek.
- ii. Semakan Audit mendapati hanya dua (2) pegawai Unit Kejuruteraan ditugaskan untuk memantau 81 pakej di bawah Projek Negeri Pahang dan 77 pakej di bawah Projek Seluruh Negara. Keadaan ini bererti seorang pegawai perlu memantau 79 pakej bagi kedua-dua projek tersebut.

c. Peringkat Perunding Pengurusan Projek (PMC)

- i. FELDA telah melantik PMC bagi kedua-dua projek untuk menguruskan semua perkara yang berkaitan projek bermula daripada proses perbincangan dengan petender, penyeliaan kerja kontraktor, penyediaan laporan berkala kepada FELDA hingga ke penyediaan akaun muktamad.

- ii. Berdasarkan *Article II* Perjanjian FESSB dengan perunding yang dilantik iaitu HLA Associates Sendirian Berhad menyatakan salah satu tugas perunding adalah untuk memantau kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor bagi memastikan semua reka bentuk mengikut perancangan.
- iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati, FESSB juga melantik syarikat perunding yang sama untuk melaksanakan kerja-kerja pengawasan di tapak selama 22 bulan bermula 1 Mac 2013. Ini menyebabkan berlaku pertindihan skop kerja kerana tanggungjawab pengawasan pelaksanaan projek adalah salah satu peranan FESSB sebagai PMC.

Maklum Balas EPU yang Diterima pada 9 April 2020

EPU memaklumkan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) telah mengambil tindakan seperti berikut:

- a. Pelaporan berkala mengenai projek dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian yang diadakan sebulan sekali; dan
- b. Lawatan ke tapak projek oleh pegawai Bahagian Pembangunan MEA diadakan terutamanya bagi projek-projek lewat/sakit.

Maklum Balas FELDA yang Diterima pada 24 Jun 2019

FELDA memaklumkan disebabkankekangan masa dankekangan kakitangan penyeliaan projek, seramai empat (4) kakitangan daripada HLA dilantik bagi membantu dan memperkemaskan tugas penyeliaan projek. Kakitangan ini mewakili FESSB. Walau bagaimanapun, tugas dan tanggungjawab penuh pengurusan dan penyeliaan projek masih di bawah tanggungjawab penuh FESSB. Kos adalah ditanggung FESSB tanpa sebarang kos tambahan pengurusan kepada pakej yang terlibat.

Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan sedia ada adalah kurang memuaskan kerana wujud pertindihan skop kerja dan kelemahan daripada aspek pengurusan pentadbiran kontrak dan kualiti pembinaan.

7. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, kedua-dua projek tidak dilaksanakan secara berhemat, cekap dan berkesan kerana Projek Negeri Pahang telah lewat selama 1,187 hari manakala Projek Seluruh Negara telah lewat selama 365 hari dari tarikh siap asal yang ditetapkan. Kelewatan ini menyebabkan objektif untuk mengurangkan gangguan bekalan air dan NRW masih belum tercapai. Sehingga projek siap sepenuhnya, objektif untuk

mengurangkan gangguan bekalan air dan NRW masih belum menunjukkan pengurangan yang ketara.

8. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan pelaksanaan Projek Menaik Taraf Sistem Bekalan Air FELDA mencapai objektif yang ditetapkan, adalah disyorkan tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- 8.1. FELDA perlu melaksanakan kajian awal bagi mengenal pasti lokasi sumber air yang sesuai untuk pakej 80 Projek Negeri Pahang bagi mengelakkan risiko kegagalan Loji Rawatan Air berfungsi;
- 8.2. FELDA hendaklah mewujudkan mekanisme dan melaksanakan penilaian *outcome* supaya peruntukan yang dibelanjakan dapat diukur keberkesanannya pencapaiananya mengikut objektif yang ditetapkan;
- 8.3. FELDA perlu menjalankan siasatan dalaman dan mengambil tindakan terhadap pegawai yang terlibat jika terbukti berlaku kecuaian dalam melaksanakan pembayaran tidak teratur (*improper payment*) yang menyebabkan kerugian kepada Kerajaan; dan
- 8.4. FELDA perlu mengkaji semula mekanisme pemantauan terhadap projek supaya pentadbiran kontrak dan pengurusan pembinaan yang lebih rapi dan berkesan dapat diwujudkan.

2

KEMENTERIAN KEWANGAN

- **Jabatan Akauntan Negara Malaysia**
 - Pengurusan Pembangunan *Integrated Government Financial Management Accounting System (iGFMAS)*

- **Menteri Kewangan Diperbadankan**
 - Pengurusan Sistem Landasan *Mass Rapid Transit (MRT) Laluan 1*

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Pengurusan Pembangunan *Integrated
Government Financial Management
Accounting System (iGFMAS)*

**KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PENGURUSAN PEMBANGUNAN *INTEGRATED
GOVERNMENT FINANCIAL MANAGEMENT
ACCOUNTING SYSTEM* (iGFMAS)**

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditan melibatkan penilaian terhadap pengurusan dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan pembangunan sistem *Integrated Government Financial Management Accounting System* (iGFMAS).
- Bagi prestasi pembangunan sistem, pencapaian output dinilai terhadap prestasi pembangunan modul dan pelaksanaan *Go-Live* sistem mengikut tempoh ditetapkan.
- Bagi pencapaian objektif, pembangunan sistem untuk mengeluarkan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) dan menjana maklumat yang tepat turut dinilai. Pencapaian *outcome* dinilai berdasarkan integriti data serta dapat menyokong perakaunan berdasarkan tunai ubah suai dan akruan melalui sistem bersepadu.
- Pengurusan pembangunan sistem dinilai terhadap pencapaian kewangan, pentadbiran kontrak, pengurusan kawalan dalam sistem dan pengurusan insiden.
- Pengauditan melibatkan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) iaitu agensi yang menyediakan sistem perakaunan untuk Kerajaan Persekutuan.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Kerajaan memperuntukkan sejumlah RM773.27 juta untuk kos keseluruhan sistem iGFMAS dan perakaunan akruan.
- Pembangunan sistem bertujuan memenuhi keperluan pelaksanaan perakaunan akruan Kerajaan Persekutuan dan direka bentuk secara *dual ledger* iaitu tunai ubah suai dan akruan.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa pelaksanaan iGFMAS belum mencapai tahap kecekapan yang optimum. PKKP masih belum dijana sepenuhnya secara *real time* daripada sistem iGFMAS mengikut format yang dikehendaki dan terdapat kelewatan di peringkat pembangunan *Release 2* berbanding perancangan. Selain itu, JANM juga tidak meletakkan KPI yang jelas bagi mengukur kecekapan pencapaian sistem. Kelemahan yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- Objektif pembangunan iGFMAS tidak dicapai seperti dirancang bagi menghasilkan Penyata Kewangan kerana masih dalam tempoh pembangunan dan pengujian.
- Berlaku kelewatan penambahbaikan dua (2) modul melibatkan 25 aktiviti untuk pelaksanaan *Release 2* dan dua (2) sesi ujian penerimaan pengguna bagi modul pelaporan kewangan.
- Projek sepatutnya disiapkan dalam tempoh 64 bulan, iaitu pada 9 Ogos 2018 tetapi dilanjutkan selama tiga (3) tahun sehingga 9 Ogos 2021.
- Kelewatan penyiapan sistem memberikan implikasi kewangan tambahan sejumlah RM230.74 juta kepada Kerajaan. Tambahan kos antaranya keperluan penyenggaraan lesen dan server sistem legasi (GFMAS), perolehan penyenggaraan lesen iGFMAS mengikut tarikh kontrak walaupun sistem belum beroperasi serta pelantikan *Project Management Office*.
- PKKP belum dapat dijana secara *real time* melalui modul BW mengikut format Penyata Kewangan yang dikehendaki. Pelarasan format dibuat kepada PKKP tahun 2018 di luar sistem iGFMAS menggunakan platform sokongan lain.
- Maklumat PKKP tahun 2018 tidak dijana dengan tepat. Wujud perbezaan amaun berjumlah RM1,585.38 bilion di PKKP yang dijana daripada modul laporan kewangan *Business Warehouse* berbanding PKKP yang telah diaudit oleh Jabatan Audit Negara.
- Kutipan balik bayaran *Liquidated Ascertained Damages* (LAD) berjumlah RM9.27 juta tidak dibuat sepenuhnya. Hanya sejumlah RM2.02 juta atau 21.8% LAD telah dikutip daripada pembekal.

KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PENGURUSAN PEMBANGUNAN *INTEGRATED GOVERNMENT FINANCIAL MANAGEMENT ACCOUNTING SYSTEM* (iGFMAS)

FAKTA UTAMA PEMBANGUNAN SISTEM iGFMAS

2018	RM486.78 Juta	4 Syarikat
• Sistem iGFMAS (<i>Release 1</i>) Go-Live	• Kos Keseluruhan Pembangunan (2011 hingga 2021)	• Pembekal yang dilantik Kerajaan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia	Agenzia pelaksana perakaunan Kerajaan	
4 Pembekal	<ul style="list-style-type: none">• 555149-U, 236985-P, 643533-T dan 1051403-W• Lantikan secara tender terbuka• Tempoh kontrak 2011 hingga 2021• Jumlah kos keseluruhan pembangunan: RM486.78 juta<ul style="list-style-type: none">• Kos perkakasan: RM94.76 juta• Kos perisian: RM119.27 juta• Kos rangkaian: RM15.52 juta• Kos perkhidmatan RM257.23 juta• Jumlah modul : 15 modul	
Pelaksanaan Perakaunan Akruan	Pelaksanaan di peringkat JANM bermula tahun 2018 dan tempoh peralihan akruan Kerajaan Persekutuan ialah pada tahun 2021	
Penggunaan	<ul style="list-style-type: none">• <i>Dual ledger</i> iaitu asas tunai ubah suai dan asas akruan• 80 ribu pengguna di 54 Pejabat Perakaunan dan 6,643 Pusat Tanggungjawab	

1. LATAR BELAKANG

1.1. Akauntan Negara Malaysia (ANM) bertanggungjawab menentukan wujudnya sistem perakaunan Kerajaan Persekutuan dengan kawalan dalaman yang mencukupi, mengakaun segala hasil dan perbelanjaan Kerajaan selaras dengan Arahan Perbendaharaan. ANM menyediakan akaun awam tahunan yang diaudit oleh Ketua Audit Negara. Pada tahun 1980 hingga 2006, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) menggunakan sistem perakaunan *Branch Accounting System* (BAS). Pada tahun 2006, terdapat perubahan dalam landskap kewangan dan perakaunan Kerajaan.

1.2. Oleh itu, sistem BAS telah digantikan dengan *Government Financial Management Accounting System* (GFMAS) dan Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan Elektronik (eSPKB). GFMAS digunakan sehingga tahun 2017 bagi tujuan pelaporan perakaunan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan berdasarkan tunai ubah suai (*modified cash basis*). Pada bulan Mac 2010, selaras dengan inisiatif Program Transformasi Ekonomi, JANM telah membangunkan *Integrated Government Financial Management Accounting System* (iGFMAS) untuk memenuhi keperluan pelaksanaan perakaunan akruan. Kronologi dan fungsi sistem kewangan dan perakaunan di JANM adalah seperti dalam **Rajah 1**.


RAJAH 1
KRONOLOGI DAN FUNGSI SISTEM KEWANGAN DAN PERAKAUNAN DI JANM



Sumber: Jabatan Akauntan Negara Malaysia

1.3. Objektif pembangunan iGFMAS ialah mewujudkan satu (1) sistem perakaunan yang berpusat, bersepakat dan harmoni seperti dalam **Rajah 2**.

RAJAH 2
OBJEKTIF iGFMAS




Sumber: iGFMAS Project Charter

1.4. Pembangunan iGFMAS meliputi empat (4) aktiviti utama iaitu kefungsian, teknikal, waranti serta sokongan dan penyenggaraan. Peringkat awal melibatkan pakar perunding projek pada tahun 2011 bagi mengenal pasti pembangunan dan pelaksanaan iGFMAS mengikut keperluan JANM. Perancangan awal pembangunan iGFMAS sehingga pelaksanaan *Go-Live* selama 21 bulan bermula tahun 2013. Tempoh waranti perkakasan, peralatan rangkaian dan perisian aplikasi serta sokongan dan penyenggaraan selama 43 bulan bermula selepas *Final Acceptance Test (FAT)* diperakukur sehingga tarikh tamat kontrak. Tarikh pelaksanaan *Go-Live* asal ditetapkan pada 1 Januari 2015. Bagaimanapun, terdapat kelewatan pembangunan iGFMAS yang mengakibatkan perubahan *timeline*. Pelanjutan tempoh masa selama 36 bulan diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) sehingga 9 Ogos 2021.

1.5. Sistem iGFMAS terdiri daripada 15 modul yang berfungsi menghasilkan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan berdasarkan tunai ubah suai dan akruan. Carta alir sistem iGFMAS dan modul berkaitan adalah seperti dalam **Rajah 3**.

RAJAH 3
CARTA ALIR HUBUNG KAIT ANTARA MODUL DALAM SISTEM iGFMAS



Sumber: Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Nota: 1 hingga 15 – Modul iGFMAS

GUMIS – Government Unclaimed Money Integrated System
PP – Penyelenggaraan Pengguna (Modul Authorization)

ABC – Activity Based Costing
LMS – Loan Management System
PO – Purchase Order

1.6. MoF telah meluluskan pelantikan empat (4) pembekal untuk pelaksanaan perakaunan akruan Kerajaan Persekutuan dengan nilai kontrak keseluruhan berjumlah

RM773.27 juta¹ melalui sembilan (9) kontrak. Sejumlah RM486.78 juta atau 62.9% daripada nilai tersebut adalah jumlah kos pembangunan sistem iGFMAS yang melibatkan tujuh (7) kontrak. Pelantikan 555149-U sebagai pembekal utama oleh MoF bagi menaik taraf GFMAS kepada iGFMAS dibuat melalui tender terbuka. Surat Setuju Terima (SST) ditandatangani pada 10 April 2013. Kontrak utama iGFMAS bernilai RM228.84 juta telah ditandatangani antara Kerajaan Malaysia dengan 555149-U pada 30 Disember 2013. Tempoh kontrak bermula 10 April 2013 hingga 9 Ogos 2018 selama 64 bulan. Sepanjang tempoh kontrak utama, sebanyak lapan (8) kontrak tambahan ditandatangani melibatkan perluasan dan pertambahan skop iGFMAS serta penyenggaraan *server* GFMAS dengan kos kontrak berjumlah RM24.57 juta.

1.7. SST bagi pelanjutan tempoh masa dan perubahan kos kontrak (*extension of time with cost recovery*)² pembangunan iGFMAS berjumlah RM151.35 juta ditandatangani pada 7 Februari 2018. Kontrak tambahan ke-9 telah ditandatangani pada 30 November 2018 selama 36 bulan mulai 10 Ogos 2018 hingga 9 Ogos 2021 menjadikan jumlah keseluruhan pembekal utama sebagai *System Integrator* berjumlah RM404.76 juta. Selain itu, kontrak penyenggaraan bagi tempoh perkhidmatan selama 12 bulan bermula 10 Ogos 2018 hingga 9 Ogos 2019 berjumlah RM59.36 juta menjadikan kos keseluruhan kontraktor utama berjumlah RM464.12 juta.

2. OBJKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada projek pembangunan iGFMAS telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif iGFMAS. Objektif tersebut ialah memastikan integriti data telah ditingkatkan seterusnya laporan dijana secara *real-time* di peringkat Kementerian dan Kerajaan Persekutuan yang dapat menyokong kedua-dua perakaunan berasaskan tunai ubah suai dan akruan melalui sistem yang bersepada.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi pembangunan sistem dan pengurusan pembangunan sistem. Prestasi pembangunan sistem dinilai berdasarkan dua (2) perkara iaitu pencapaian output dan pencapaian *outcome*.

- a. Pencapaian output merangkumi prestasi pembangunan modul dan pelaksanaan *Go-Live* sistem mengikut tempoh ditetapkan. Selain itu, prestasi pencapaian

¹ Empat (4) pembekal terdiri daripada *System Integrator* berjumlah RM404.76 juta, penyenggaraan berjumlah RM59.36 juta, khidmat perunding berjumlah RM7.7 juta, lesen aplikasi berjumlah RM244.77 juta, lesen latihan berjumlah RM15 juta, *Project Management Office* berjumlah RM22.11 juta dan *Service Provider* berjumlah RM19.57 juta

² *Extension of time with cost recovery* – pelanjutan tempoh masa kontrak selama 36 bulan mulai 10 Ogos 2018 hingga 9 Ogos 2021 dengan pengurangan kos berjumlah RM12.34 juta di komponen perkakasan dan rangkaian serta tambahan kos berjumlah RM163.69 juta di komponen perisian dan perkhidmatan. Secara keseluruhan, menjadikan kos tambahan pembekal utama berjumlah RM151.35 juta.

objektif pembangunan sistem untuk mengeluarkan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dan menjana maklumat yang tepat turut dinilai.

- b. Pencapaian *outcome* merangkumi perkara berikut:
- i. Integriti data ditingkatkan dan membolehkan laporan dijana secara *real time* di peringkat Kementerian dan Kerajaan Persekutuan serta dapat menyokong kedua-dua perakaunan berasaskan tunai ubah suai dan akruan.
 - ii. Sistem iGFMAS akan menjadi sistem bersepadu JANM yang memanfaatkan fungsi sistem-sistem legasi untuk meningkatkan proses kerja.

3.2. Pengurusan pembangunan sistem merangkumi pencapaian kewangan, pentadbiran kontrak, pengurusan kawalan dalaman sistem dan pengurusan insiden.

3.3. Lima (5) modul daripada 15 modul telah dipilih untuk diaudit meliputi Modul Lejar Am [*General Ledger (GL)*], Modul Perolehan [*Material Management (MM)*], Modul Akaun Belum Terima [*Account Receivable (AR)*], Modul Akaun Belum Bayar [*Account Payable (AP)*] dan Modul Penyelenggaraan Pengguna (*Authorisation*). Pemilihan ini berasaskan justifikasi bahawa GL merupakan sumber asas dalam menjana Penyata Kewangan melalui modul *Business Warehouse (BW)*. Modul MM, AR dan AP adalah aktiviti utama dalam sistem perakaunan Kerajaan. *Authorisation* merupakan kawalan utama terhadap pengguna bagi setiap aktiviti/modul kewangan.

3.4. Pengauditan dijalankan di Ibu Pejabat JANM, Pusat Data dan Pusat Pemulihan Bencana JANM bermula 14 Februari 2019 sehingga 12 Julai 2019. Susulan Audit dibuat sehingga 31 Disember 2019 bagi perkara yang masih dalam tindakan. Data iGFMAS bagi tempoh Oktober 2018 hingga Disember 2019 telah dipilih untuk tujuan pengauditan.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan di JANM dengan menyemak fail, rekod, dokumen dan menggunakan perisian pengauditan bagi analisis data. Pemeriksaan fizikal terhadap sistem *hardware* dan *software* serta sistem *walkthrough* turut dijalankan. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai JANM dan wakil pembekal juga diadakan untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

5. RUMUSAN AUDIT

5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Februari hingga Julai 2019 merumuskan perkara berikut:

a. Prestasi Pembangunan iGFMAS

- Objektif pembangunan iGFMAS bagi menghasilkan Penyata Kewangan tunai ubah suai dan akruan serta laporan secara *real time* melalui sistem di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kementerian tidak dicapai seperti dirancang. Terdapat *extension of time* (EOT) diluluskan selama 36 bulan sehingga 9 Ogos 2021 yang memberi implikasi kewangan tambahan sejumlah RM230.74 juta kepada Kerajaan.
- Sehingga 31 Disember 2019, terdapat kelewatan dalam pembangunan keseluruhan iGFMAS berbanding perancangan iaitu sebanyak 97% disiapkan berbanding perancangan sebanyak 98%. Berlaku kelewatan dalam penambahbaikan modul bagi 25 aktiviti untuk pelaksanaan *Release 2* dan dua (2) sesi ujian penerimaan pengguna yang belum dilaksanakan bagi modul laporan kewangan. Pencapaian *outcome* juga tidak dapat diukur kerana pelaporan perakaunan belum dapat dijana secara menyeluruh.

b. Pengurusan Pembangunan Sistem

Kecekapan pengurusan pembangunan sistem perlu dipertingkatkan memandangkan terdapat ruang untuk penambahbaikan bagi pencapaian kewangan, pentadbiran kontrak, pengurusan kawalan dalaman sistem dan pengurusan insiden.

5.2. Penemuan utama Audit yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- a. berlaku kelewatan dalam penambahbaikan dua (2) modul melibatkan 25 aktiviti untuk pelaksanaan *Release 2* sistem iGFMAS dan dua (2) sesi ujian penerimaan pengguna bagi modul pelaporan kewangan *Business Warehouse* (BW). Status pembangunan keseluruhan iGFMAS pada 31 Disember 2019 telah lewat iaitu sebanyak 97% disiapkan berbanding perancangan sebanyak 98%;
- b. berlaku peningkatan masa dan kos dalam pembangunan iGFMAS kerana tidak mengambil kira kompleksiti projek yang memberi implikasi kewangan tambahan sejumlah RM230.74 juta serta peralihan tempoh pelaksanaan *Go-Live* selama tiga (3) tahun;
- c. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) belum dapat dijana secara *real time* melalui modul BW mengikut format Penyata Kewangan yang dikehendaki sebaliknya pelarasaran format dibuat kepada PKKP tahun 2018 di luar iGFMAS iaitu menggunakan platform sokongan lain;
- d. modul laporan kewangan iaitu *Business Warehouse* (BW) tidak berupaya menjana maklumat PKKP dengan tepat. Wujud perbezaan amaun berjumlah

RM1,585.38 bilion yang dilaporkan di PKKP Tahun 2018 yang dijana di modul BW berbanding PKKP yang telah diaudit oleh Jabatan Audit Negara; dan

- e. kutipan balik *Liquidated Ascertained Damages* (LAD) berjumlah RM9.27 juta tidak dibuat sepenuhnya. Susulan Audit pada 31 Disember 2019 mendapati hanya sejumlah RM2.02 juta atau 21.8% LAD telah dikutip daripada pembekal.

6. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Perkara yang ditemui dan maklum balas daripada JANM telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 8 Oktober 2019. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti dalam perenggan berikut:

6.1. Prestasi Pembangunan iGFMAS

6.1.1. Pencapaian Output

a. Prestasi Pembangunan Modul dan *Go-Live* iGFMAS

- i. Berdasarkan Jadual 4 kontrak utama, perancangan asal pembangunan iGFMAS siap dan tarikh pelaksanaan *Go-Live* iGFMAS adalah pada 1 Januari 2015. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati pembangunan modul tidak dapat disiapkan mengikut tempoh ditetapkan. Mesyuarat Khas Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan MoF pada 27 November 2017 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan telah meluluskan pelanjutan tempoh masa pembangunan iGFMAS sehingga tahun 2021.
- ii. Penangguhan pelaksanaan *Go-Live* ke tarikh 1 Januari 2018 telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Perakaunan Akruan (JK Pemandu) JANM. Melalui mesyuarat tersebut, perubahan tempoh pembangunan modul dan perancangan *Go-Live* iGFMAS terbahagi kepada *Release 1* dan *Release 2*. Perancangan *Go-Live Release 1* adalah pada 1 Januari 2018. Perancangan *Go-Live Release 2* pula adalah secara berperingkat kepada empat (4) tempoh mengikut keutamaan. *Priority 1* pada bulan Januari hingga Julai 2018, *Priority 2* pada bulan Ogos hingga November 2018, *Priority 3* pada bulan Januari hingga Mac 2019 dan *Priority 4* pada bulan Januari hingga September 2019.
- iii. Semakan Audit mendapati, kesemua pembangunan 15 modul utama telah siap dan *Go-Live* pada 1 Januari 2018 melalui *Release 1* beserta laporan *Asset Accounting*, *Business Warehouse* dan *WebMethod*. Bagaimanapun, *Release 2* tidak dicapai sepenuhnya seperti dirancang. Pembangunan modul dan aktiviti *Release 2* disiapkan secara berperingkat. *Priority 1* telah *Go-Live* pada 31 Julai 2018 dan *Priority 2* pada 25 November 2018. Terdapat kelewatan *Go-Live* bagi

Priority 3 pada 18 Mei 2019 selama dua (2) bulan berbanding perancangan siap pada bulan Mac 2019. Perancangan siap *Priority 4* pada bulan September 2019 tidak dicapai. Sehingga 16 November 2019 aktiviti tersebut masih belum *Go-Live*. Butiran lanjut pelaksanaan *Go-Live* modul iGFMAS seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PELAKSANAAN GO-LIVE MODUL iGFMAS MENGIKUT RELEASE

RELEASE 1	RELEASE 2
<p>1 Januari 2018 Go-Live</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Account Payables ii. Material Management iii. Treasury (Investment, GDS & GSMIS) iv. Loan Management System v. Human Resource Management vi. Authorization and user mapping vii. eAPPs (eMaklum, eGUMIS, eVendor) viii. Government Unclaimed Money Information System ix. SAP Solution Manager x. General Ledger, Fund Management, Controlling xi. Cash Management xii. Account Receivables xiii. Inter Entity (kecuali Akaun Kena Bayar - AKB) xiv. Cash Ledger (kecuali AKB) xv. Asset Leasing/Concession/Non-GL Conversion xvi. Asset Accounting (Individual process & reports) xvii. Business Warehouse (BW) Reports - Laporan A (36 reports) xviii. WebMethod 	<p>Priority 1</p> <p>31 Julai 2018 Go-Live</p> <ul style="list-style-type: none"> i. MyCost – PBC & OBC (60) ii. Asset Accounting Mass Transaction (4) iii. BW Report – 67 reports iv. Business Intelligence (BI) Dashboards – FGOM (2) v. Inter Entity (AKB - 8) vi. eReceipt (8) vii. RICA (33) and low defects (57) <p>Priority 2</p> <p>25 November 2018 Go-Live</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Asset Accounting Mass Transaction (8) ii. BW Report – (163 reports) iii. BI Dashboards – Ministries & ICU (2) iv. Cash Ledger – AKB (7) v. Non-GL Conversion for AP, AR & MM (3) vi. RICA (10) and low defects (357) <p>Priority 3 (Perancangan Go-Live Januari – Mac 2019)</p> <p>18 Mei 2019 Go-Live</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Asset Accounting Mass Transaction (8) ii. RICA (33) and low defects (663) <p>Priority 4 (Perancangan Go-Live September 2019)</p> <p>Tunda Go-Live :</p> <ul style="list-style-type: none"> *Pertama : 31 Oktober 2019 **Kedua : 16 November 2019 i. RICA (31) and low defects (1)

Sumber: Slaid Pre-Entrance Conference pada 31 Oktober 2018

Nota: (*) - Minit Mesyuarat JK Pemandu JANM Bil. 3/2019

(**) - Minit Mesyuarat KP Pemandu JANM Bil. 5/2019

() - Jumlah aktiviti/scenario

FGOM - Federal Government of Malaysia

GDS - Government Debt Securities

GSMIS - Government Securities Management Integrated System

ICU - Implementation Coordination Unit

PBC - Pusat Tanggungjawab (PTJ) Based Costing

OBC - Outcome-Based Costing

RICA - Risk Issue Continuous Improvement Action

iv. Selain itu, item *Release 2* bagi *Priority 4* masih belum dilaksanakan sepenuhnya sehingga 31 Disember 2019. Pihak Audit mendapati item *Risk Issue Continuous Improvement Action* (RICA) belum selesai iaitu sebanyak 25 daripada 32 aktiviti (78.1%) bagi penampaikan modul. Status pembangunan *Priority 4* sehingga tarikh pengauditan adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
STATUS PELAKSANAAN iGFMAS PRIORITY 4 (P4) SEHINGGA 31 DISEMBER 2019

BUTIRAN	JUMLAH (P4)	TARIKH SEPATUT LAKSANA	SELESAI	TARIKH LAKSANA	BELUM SELESAI	TARIKH JANGKA SELESAI
RICA	31	Sehingga Sept. 2019	6	31 Okt. 2019	25 (80.6%)	16 Nov. 2019
Low defects	1	Sehingga Sept. 2019	1	31 Okt. 2019	Tiada	-
JUMLAH	32		7		25 (78.1%)	

Sumber: Minit Mesyuarat JK Pemandu JANM Bil. 3 dan 5/2019

Nota: RICA - Risk Issue Continuous Improvement Action
P - Priority

- v. Ujian Penerimaan Pengguna [*User Acceptance Test (UAT)*] dijalankan bagi menguji ciri-ciri dan fungsi sistem serta kemungkinan kegagalan aktiviti dalam persekitaran terkawal semasa pembangunan sebelum sistem digunakan. UAT dijalankan sebelum pelaksanaan *Go-Live* sesuatu modul/aktiviti. Merujuk Laporan UAT *Tracking* sehingga 12 November 2019 dan iGFMAS *Daily Stand-Ups Status and Action Logs* bertarikh 3 Januari 2020, terdapat sebanyak 2,255 aktiviti UAT terlibat bagi pengujian modul di bawah *Release 1*. Sebanyak 326 aktiviti UAT adalah di bawah *Release 2*. Semakan Audit mendapati, **kesemua aktiviti UAT Release 1 telah lulus ujian, manakala Release 2 masih berbaki 2 daripada 326 (0.6%) aktiviti belum melalui proses UAT.**

vi. Secara keseluruhan sehingga 31 Disember 2019, terdapat kelewatan dalam status pembangunan iGFMAS iaitu sebanyak 97% disiapkan berbanding perancangan sebanyak 98% seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
STATUS KESELURUHAN PEMBANGUNAN iGFMAS SEHINGGA 31 DISEMBER 2019

ITEM PERINGKAT	PENYEDIAAN PROJEK	BLUEPRINT	REALISATION		FINAL PREPARATION	POST GO-LIVE																	
<i>Release 1</i>	100%	100%	100%		100%																		
<i>Release 2</i>	100%	100%	P : 100% S : 99% <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr><td></td><td>P</td><td>S</td></tr> <tr><td>P1</td><td>100%</td><td>100%</td></tr> <tr><td>P2</td><td>100%</td><td>100%</td></tr> <tr><td>P3</td><td>100%</td><td>100%</td></tr> <tr><td>P4</td><td>100%</td><td>98%</td></tr> <tr><td>BWBI</td><td>100%</td><td>95%</td></tr> </table>		P	S	P1	100%	100%	P2	100%	100%	P3	100%	100%	P4	100%	98%	BWBI	100%	95%	P : 98% S : 88%	P : 83% S : 78%
	P	S																					
P1	100%	100%																					
P2	100%	100%																					
P3	100%	100%																					
P4	100%	98%																					
BWBI	100%	95%																					
PEMBANGUNAN KESELURUHAN			P : 98% S : 97%																				

Sumber: Minit Mesyuarat JK Pemandu JANM Bil. 5/2019


Nota: P - Perancangan
S - Sebenar

Post Go-Live - aktiviti penambahbaikan modul dan item berkaitan (pengiraan peratusan pencapaian status menggunakan sistem berkomputer dengan mengambil kira semua aktiviti/senario terlibat)

- vii. Kelewatan melibatkan item *Risk Issue Continuous Improvement Action (RICA)* di bawah *Release 2 Priority 4* yang melibatkan penambahbaikan

dua (2) modul iaitu Pengurusan Tunai dan Lejar Am – Dana Amanah. Selain itu, kelewatan juga melibatkan dua (2) sesi UAT yang belum dilaksanakan bagi modul pelaporan kewangan *Business Warehouse* (BW). Ini mengakibatkan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan masih belum dapat dijana menerusi sistem.

- viii. Penangguhan *Go-Live* iGFMAS sebanyak tiga (3) kali telah diluluskan oleh MoF. Butiran penangguhan adalah seperti dalam **Rajah 4**.



Sumber: Jabatan Akauntan Negara Malaysia

- ix. Kesan daripada *pelanjutan tempoh masa pembangunan dan penangguhan Go-Live iGFMAS telah memberi implikasi kewangan kepada Kerajaan iaitu pertambahan sebanyak RM230.74 juta atau 70% berbanding kos asal pembangunan RM329.94 juta*. Perbelanjaan tambahan ini merangkumi keperluan penyenggaraan lesen dan server sistem legasi (GFMAS) berjumlah RM10.68 juta. Selain itu, *perolehan keseluruhan penyenggaraan lesen user dan engine iGFMAS dibuat secara bersekali berjumlah RM77.11 juta yang perlu diteruskan mengikut*

tarikh kontrak pada tahun 2013 walaupun sistem belum beroperasi serta pelantikan *Project Management Office* (PMO) berjumlah RM22.11 juta. Maklumat lanjut kos asal dan perbelanjaan tambahan tersebut adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
IMPLIKASI KEWANGAN PENANGGUHAN GO-LIVE SISTEM iGFMAS

BIL.	ITEM / PEMBEKAL	JUMLAH KOS PEMBANGUNAN (RM Juta)	JUMLAH IMPLIKASI KEWANGAN (RM Juta)
	Kos Asal Pembangunan		
1.	Kos Perkakasan (555149 – U)	102.26	
2.	Kos Perisian	118.46	
	• 555149 – U	22.56	
	• 236985 – P	87.00	
	• 643533 – T	8.90	
3.	Kos Rangkaian (555149 – U)	20.36	
4.	Kos Perkhidmatan dan Lain-lain	88.86	
	• 555149 – U	83.66	
	• 236985 – P	5.20	
	Kos Tambahan		
5.	Kos Penyenggaran Lesen <i>Server</i>		10.68
	• 555149 – U		
6.	Kos Penyenggaran Lesen Pengguna Aplikasi		77.11
	• 236985 – P		
7.	<i>Project Management Office</i>		22.11
	• 1051403 – W		
8.	<i>Extension of time with cost recovery</i>		120.84
	• 555149 – U		
JUMLAH		329.94	230.74

Sumber: Kontrak Empat (4) Pembekal

Nota: Implikasi kewangan – pertambahan kos yang boleh dielakkan sekiranya penangguhan tidak berlaku termasuk kos pembangunan sistem, kos penyenggaraan dan kos perkhidmatan

Maklum balas JANM yang diterima pada 27 September 2019, 4 Oktober 2019, 8 Oktober 2019 dan 3 Mac 2020

Penangguhan *Go-Live iGFMAS* telah memberi implikasi kewangan kepada Kerajaan. Bagaimanapun, Kerajaan telah mengambil langkah sewajarnya bagi mengurangkan implikasi yang terlibat. Penyenggaraan sistem legasi (GFMAS) mesti terus beroperasi bagi memastikan operasi harian Kerajaan Persekutuan berjalan lancar. Pembelian lesen dilakukan pada tahun 2013 berdasarkan jadual pelaksanaan yang telah ditetapkan. Lesen Aplikasi melibatkan *user* dan *engine*. Lesen *engine* yang dibeli telah digunakan mulai tahun 2013 untuk kegunaan pembangunan sistem iGFMAS.

Perbelanjaan ini secara keseluruhannya disebabkan oleh kelewatan menyiapkan obligasi kontrak mengikut tempoh yang ditetapkan akibat kompleksiti projek dan *extensive development* yang di luar jangkaan pembekal. *Strategic Reform Initiative Lab* (Lab SRI) telah mencadangkan supaya pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan

Persekutuan dilaksanakan pada tahun 2015. JANM hanya mempunyai tempoh masa 18 bulan untuk menyiapkan pembangunan sistem.

Strategi awal pembangunan adalah membangunkan iGFMAS berdasarkan perakaunan akruan sahaja selaras dengan keputusan Lab SRI. Walau bagaimanapun, berlaku perubahan keperluan pelaporan akruan dan tunai ubah suai pada Oktober 2014 apabila pelaksanaan perakaunan akruan tidak digazetkan. Sehubungan dengan itu, JANM perlu mengubah strategi untuk menggunakan *dual ledger* iaitu perakaunan berdasarkan akruan dan tunai ubah suai.

Konsep *dual ledger* dan tunai ubah suai ini tidak dapat dipenuhi di dalam SAP standard. Fungsi lejar tunai dalam SAP standard adalah bercanggah dengan konsep tunai ubah suai yang digunakan oleh Kerajaan. Disebabkan itu, lejar tunai di dalam SAP standard perlu di *customised* untuk disesuaikan dengan konsep tunai ubah suai yang digunakan.

Kompleksiti konsep *dual ledger*, *inter entity*, PTJ bayar dan *local document number* yang memerlukan *customisation* telah mengganggu jadual pembangunan sistem. Kebanyakan *customisation* yang dilakukan adalah bagi membangunkan portal antara muka pengguna (*user interface*) dalam Bahasa Malaysia, proses dan pelaporan. *Customisation* pada *user interface* dibuat bagi mengurangkan impak pengurusan perubahan agar *end user* yang telah biasa dengan antara muka eSPKB dan eTerimaan (sistem legasi) tidak mengalami kejutan budaya yang ketara semasa menggunakan iGFMAS.

Pada pendapat Audit, perancangan awal dalam pembangunan iGFMAS tidak mengambil kira kompleksiti projek oleh pembekal iaitu penyediaan *dual ledger* serta *customisation* sehingga 80% yang melibatkan *customisation* di SAP standard dan pembangunan portal antara muka pengguna (*user interface*). Ini memberi implikasi kewangan tambahan sejumlah RM230.74 juta kepada Kerajaan.

b. Prestasi Pencapaian Objektif Pembangunan iGFMAS

i. Penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 Melalui Sistem

- Kontrak utama menetapkan aplikasi iGFMAS perlu menyokong perakaunan berdasarkan tunai ubah suai dan akruan. Modul *Business Warehouse* (BW) adalah modul yang digunakan untuk menjana Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) berdasarkan tunai ubah suai dan akruan. Modul BW digunakan untuk menggantikan kaedah penyediaan PKKP yang menggunakan platform sokongan. Tempoh peralihan bagi persediaan kepada perakaunan akruan bagi Kerajaan Persekutuan adalah pada tahun

2018, manakala tempoh peralihan pelaksanaan perakaunan akruan sebenar dijangka bermula pada tahun 2021³. Oleh yang demikian, Penyata Kewangan berdasarkan tunai ubah suai akan dibentangkan di Parlimen sehingga tahun 2021.

- PKKP berdasarkan tunai ubah suai sepatutnya dapat dijana melalui sistem pada tahun 2018. Bagaimanapun, semakan Audit melalui temu bual bersama pegawai Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA) dan semakan PKKP tunai tahun 2018 yang dikemukakan secara *hard-copy* kepada pasukan Audit Kewangan Jabatan Audit Negara (JAN) untuk diaudit mendapati walaupun modul BW telah *Release Go-Live* pada 1 Januari 2018, ***penyediaan PKKP tunai bagi tahun 2018 belum dapat dijana melalui modul BW sepenuhnya.*** Sebaliknya, ***pelarasian format dibuat kepada PKKP tahun 2018 di luar iGFMAS iaitu menggunakan platform sokongan lain.***

Pada pendapat Audit, PKKP belum dapat dijana secara *real time* melalui modul BW mengikut format Penyata Kewangan yang dikehendaki. Hal ini mengakibatkan pelaporan PKKP yang muktamad disediakan menggunakan platform sokongan.

ii. Maklumat Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang Dijana Melalui Sistem Tidak Tepat

Merujuk laporan kemajuan yang dibentangkan dalam Mesyuarat JK Pemandu Bilangan 3 Tahun 2019, PKKP berdasarkan tunai ubah suai berada dalam status *ready for user*. ***Semakan Audit mendapati modul BW tidak berupaya menjana maklumat PKKP dengan tepat.*** Pihak Audit mendapati wujud perbezaan amaun iaitu kurangan sebanyak RM1,585.38 bilion dilaporkan dalam PKKP tahun 2018 yang dijana daripada modul BW berbanding PKKP yang telah diaudit oleh JAN seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5
PERBEZAAN PKKP BW DAN PKKP PLATFORM SOKONGAN**

ITEM PENYATA KEWANGAN	*AMAUN DI PKKP (BW) (RM Bilion)	**AMAUN DI PKKP (Diaudit) (Platform Sokongan) (RM Bilion)	LEBIHAN/ (KURANGAN) (RM Bilion)
	(a)	(b)	(a) – (b)
Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai			
Terimaan	(375.12)	382.90	(758.02)
Pembayaran	380.70	377.32	3.38

³ Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Perakaunan Akruan JANM Bil. 4/2018 bertarikh 19 Disember 2018

ITEM PENYATA KEWANGAN	*AMAUN DI PKKP (BW) (RM Bilion)	**AMAUN DI PKKP (Diaudit) (Platform Sokongan) (RM Bilion)	LEBIHAN/ (KURANGAN) (RM Bilion)
	(a)	(b)	(a) – (b)
Penyata Prestasi Kewangan			
Kurangan Keseluruhan - Anggaran	1,231.58	(42.48)	1,274.06
Kurangan Keseluruhan - Sebenar	56.09	(54.17)	110.26
Jumlah Pembiayaan - Sebenar	56.09	54.17	1.92
Penyata Akaun Memorandum			
Jumlah Aset	42.56	117.99	(75.43)
Jumlah Liabiliti	(1,120.33)	1,021.22	(2,141.55)
JUMLAH	271.57	1,856.95	(1,585.38)

Sumber: (*) - Laporan (*Crystal Report*) dari Modul BW yang Dijana pada 21 Ogos 2019

(**) - Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 yang Telah Diaudit

Pasukan Audit Kewangan menjalankan pengauditan terhadap PKKP tunai tahun 2018 berdasarkan pelaporan yang diselaraskan melalui platform sokongan lain.

Maklum balas JANM yang diterima pada 27 September 2019, 4 Oktober 2019, 8 Oktober 2019 dan 3 Mac 2020

Semasa proses pengauditan dijalankan, PKKP Tunai masih dalam proses pembangunan dan pengujian yang memerlukan verifikasi daripada pengguna. Status *ready for user* merujuk kepada sama ada sedang dalam verifikasi atau telah selesai verifikasi oleh pengguna. Pendekatan pengujian bagi Modul BW adalah berbeza dengan modul lain kerana memerlukan verifikasi dibuat di persekitaran *production*. Hal ini bagi memastikan data adalah mencukupi dan lengkap serta ketepatan laporan terjamin.

PERKARA	PERBEZAAN (RM Bilion)	MAKLUM BALAS	JANGKAAN SELESAI	
Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai				
Terimaan	(758.02)	<i>Signage</i> negatif dan program untuk pengelasan item <i>cash</i> dan <i>non cash</i> yang masih di peringkat pembangunan di BW	Suku Pertama 2020 Maklum balas terkini pada 3 Mac 2020 : Suku ketiga 2020	
Pembayaran	3.38			
Penyata Prestasi Kewangan				
Kurangan Keseluruhan - Anggaran	1,274.06	Kesilapan konfigurasi pengiraan amaun	Selesai	
Kurangan Keseluruhan - Sebenar	110.26	Amaun lebihan pindahan hasil yang tersilap diambil kira		
Jumlah Pembiayaan - Sebenar	1.92			
Penyata Akaun Memorandum				
Jumlah Aset	(75.43)	Penyata Akaun Memorandum tidak dapat diselesaikan pada 31 Disember 2019 kerana masih dalam proses penambahbaikan berikut:	31 Disember 2019 Maklum balas terkini pada 3 Mac 2020 : Suku ketiga 2020	
Jumlah Liabiliti	(2,141.55)			

PERKARA	PERBEZAAN (RM Bilion)	MAKLUM BALAS	JANGKAAN SELESAI
		<p>i. Penyata F - sedang membuat <i>performance tuning</i> bagi mempercepatkan janaan laporan yang mempunyai jumlah data yang besar; dan</p> <p>ii. Penyata G - penambahbaikan ke atas format laporan. Penyata ini dijangka selesai pada suku ketiga tahun 2020</p>	

Pihak Audit telah meneliti maklum balas yang dikemukakan oleh JANM dan berpendapat, perbezaan yang ditemui menunjukkan iGFMAS masih belum bersedia untuk menjana PKKP secara elektronik iaitu melalui iGFMAS sepenuhnya. Peringkat *User Acceptance Test* dan verifikasi data di peringkat pengguna sepatutnya dapat mengenal pasti perbezaan berkaitan bagi membolehkan penambahbaikan segera dibuat. Proses pengujian perlu mengambil kira volum sebenar transaksi dan senario seperti di persekitaran *production* dan logik program bagi mengesan kesilapan di peringkat awal.

6.1.2. Pencapaian *Outcome*

- a. Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012 mengenai Garis Panduan Penilaian Program Pembangunan menetapkan Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan membuat penilaian *outcome*. Penilaian jangka masa pendek/sederhana lazimnya satu (1) hingga lima (5) tahun dan impak dalam jangka masa panjang adalah selepas lima (5) tahun sesuatu projek dilaksanakan. Penilaian tersebut bertujuan mengukur sama ada projek yang dilaksanakan telah mencapai objektif yang ditetapkan dan memberi manfaat kepada golongan sasaran.
- b. Sasaran *outcome* yang dinilai berdasarkan objektif pembangunan iGFMAS adalah seperti berikut:
 - i. Integriti data ditingkatkan dan membolehkan laporan dijana secara *real time* di peringkat Kementerian dan Kerajaan Persekutuan serta dapat menyokong kedua-dua perakaunan berdasarkan tunai ubah suai dan akruan.
 - ii. Sistem iGFMAS akan menjadi sistem bersepadu JANM yang memanfaatkan fungsi sistem-sistem legasi untuk meningkatkan proses kerja.

Pada pendapat Audit, sistem iGFMAS telah dibangunkan secara bersepada berdasarkan prinsip tunai dan akruan. Bagaimanapun, keberkesanan pencapaian *outcome* tidak dapat diukur kerana pelaporan perakaunan belum dapat dijana secara menyeluruh.

6.2. Pengurusan Pembangunan iGFMAS

6.2.1. Pencapaian Kewangan

- Kos pembangunan iGFMAS melibatkan tujuh (7) kontrak dengan empat (4) pembekal berjumlah RM486.78 juta. Kos asal projek berjumlah RM329.94 juta. Bagi tempoh tahun 2013-2021, semakan Audit mendapati pertambahan kos pembangunan sistem berjumlah RM156.84 juta iaitu 47.5% berbanding kos asal projek seperti dalam **Jadual 6**.

**JADUAL 6
PERINCIAN KOS PEMBANGUNAN SISTEM iGFMAS**

BIL.	ITEM/ BIL. PEMBEKAL	KOS ASAL (RM Juta)	KONTRAK TAMBAHAN (RM Juta)	TAMBAHAN/ (KURANGAN) EOT (RM Juta)	KOS KESELURUHAN (RM Juta)
1.	Kos Perkakasan / (1 Pembekal)	102.26	-	(7.50)	94.76
2.	Kos Perisian / (3 Pembekal)	118.46	-	0.81	119.27
3.	Kos Rangkaian / (1 Pembekal)	20.36	-	(4.84)	15.52
4.	Kos Perkhidmatan dan Lain-lain/ (3 Pembekal)	88.86	36.00	132.37	257.23
JUMLAH		329.94	36.00	120.84	486.78

Sumber: Kontrak Empat (4) Pembekal

- Kos keseluruhan pelaksanaan perakaunan akruan Kerajaan Persekutuan melibatkan sembilan (9) kontrak dengan empat (4) pembekal bagi tempoh 2011 hingga 2021 yang diluluskan oleh MoF berjumlah RM773.27 juta. Sehingga 30 September 2019, sejumlah RM586.90 juta (75.9%) telah dibelanjakan daripada jumlah tersebut. Butiran bayaran adalah seperti dalam **Jadual 7**. Pihak Audit mendapati kos projek yang dibelanjakan tidak melebihi nilai peruntukan yang diluluskan. Bagaimanapun, JANM perlu memberi perhatian mengenai pertambahan kos dan memastikan pembangunan sistem siap dalam tempoh ditetapkan.

**JADUAL 7
PRESTASI PERBELANJAAN SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2019**

PEMBEKAL	KOS KONTRAK (RM Juta)	AMAUN BAYARAN (RM Juta)	PERATUS BAYARAN (%)
555149-U	464.12	332.91	71.7
236985-P	252.47	199.60	79.1
643533-T	15.00	14.85	99.0
1051403-W	41.68	39.54	94.9
JUMLAH	773.27	586.90	75.9

Sumber: Laporan Bayaran Kemajuan dan Baucar Bayaran

6.2.2. Pentadbiran Kontrak

a. Kontrak Lewat Ditandatangani

- i. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PK) 2.1 Garis Panduan Perolehan ICT Kerajaan menetapkan Agensi hendaklah memastikan ikatan kontrak ditandatangani antara Kerajaan dan syarikat dengan segera tidak melebihi tempoh dua (2) bulan bagi perolehan bekalan/perkhidmatan dari tarikh Surat Setuju Terima (SST) ditandatangani oleh syarikat.
- ii. Semakan Audit terhadap sembilan (9) kontrak pembekal utama mendapati tujuh (7) kontrak telah lewat ditandatangani. Kontrak yang terlibat ialah kontrak utama dan empat (4) kontrak tambahan "*To Design, Develop, Supply, Deliver, Install, Test, Commission The Software and Computer Hardware for the Upgrade of Government Financial and Management Accounting System (GFMAS) Towards the Implementation of Accrual Accounting (iGFMAS)*". Selain itu, dua (2) kontrak perkhidmatan antara Kerajaan Malaysia dan pembekal lewat ditandatangani. Kelewatan antara 106 hingga 315 hari. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
KONTRAK LEWAT DITANDATANGANI

BIL.	PERKARA/PEMBEKAL	TARIKH SST	TARIKH KONTRAK DITANDATANGANI	NILAI KONTRAK (RM Juta)	TEMPOH KELEWATAN (Hari)
1.	Kontrak Asal/Utama 555149-U	10.04.2013	30.12.2013	228.84	204
2.	Kontrak Tambahan 1/555149-U	12.06.2014	31.12.2014	Tiada Kos Tambahan	142
3.	Kontrak Tambahan 2/555149-U	24.12.2014	29.09.2015	Tiada Kos Tambahan	219
4.	Kontrak Tambahan 7/555149-U	05.07.2017	18.12.2017	3.40	106
5.	Kontrak Tambahan 9/555149-U	07.02.2018	30.11.2018	151.35	236
6.	Perkhidmatan Penyenggaraan Perkakasan, Peralatan Rangkaian dan Perisian iGFMAS/555149-U	26.10.2018	02.08.2019	59.36	220
7.	Perkhidmatan Pembaharuan Lesen SAP/236985-P	29.11.2018	09.12.2019	80.66	315

Sumber: Kontrak Pembekal Utama dan Pembekal Berkaitan

Nota: SST - Surat Setuju Terima

Maklum balas JANM yang diterima pada 27 September 2019 dan 3 Mac 2020

Kelewatan disebabkan pihak pembekal lewat mengemukakan draf kontrak kepada JANM dan wujud percanggahan pendapat mengenai klausa kontrak tertentu yang memerlukan perbincangan dan persetujuan oleh semua pihak terlibat. Selain itu, pembekal tidak dapat menetapkan pegawai khusus yang boleh dirujuk untuk perubahan yang perlu dibuat. Bagaimanapun, perkara ini telah berjaya diatasi bagi kontrak selepas itu kerana pihak pembekal telah menyediakan seorang pegawai

khusus bagi tujuan hal ehwal kewangan dan perolehan yang turut merangkumi penyediaan kontrak. Penyediaan kontrak dengan 236985-P agak sukar kerana kesulitan yang dihadapi bagi mendapatkan persetujuan dari pasukan undang-undang 236985-P untuk menerima pakai terma yang ditetapkan oleh Bahagian Undang-Undang MoF. Kontrak bersama 555149-U telah ditandatangani pada 2 Ogos 2019 manakala kontrak 236985-P ditandatangani pada 9 Disember 2019.

Pada pendapat Audit, kelewatan menandatangani kontrak mendatangkan risiko kerugian kepada Kerajaan dan sekiranya terjadi pelanggaran klausa kontrak, tiada tindakan undang-undang dapat diambil terhadap pembekal sepanjang tempoh berkenaan.

b. Pembayaran *Liquidated Ascertained Damages* (LAD)

- i. Perkara 20.1 kontrak utama iGFMAS menetapkan sekiranya pembekal gagal memenuhi obligasi kontrak, pembekal bertanggungjawab membayar LAD kepada Kerajaan sehingga *deliverables* tersebut dapat disiapkan dan dikemukakan seperti mana ditentukan dalam kontrak.
- ii. Semakan Audit terhadap Laporan Kenaan LAD mendapati sehingga 30 Jun 2019, sebanyak 28 ketidakpatuhan yang melibatkan kelewatan *deliverables* seperti terkandung dalam dokumen kontrak utama dengan anggaran LAD berjumlah RM9.27 juta. Ringkasan mengenai ketidakpatuhan *deliverables* dan anggaran pengiraan LAD seperti dalam **Jadual 9**.

**JADUAL 9
LAD SEHINGGA 30 JUN 2019**

BIL.	KOMPONEN/ ENVIRONMENT	TEMPOH LEWAT (Hari)	BIL. KETIDAKPATUHAN	LAD (RM)
1.	<i>Network (Production)</i>	78 - 117	2	15,930
2.	<i>Network (Disaster Recovery)</i>	79 - 610	3	95,330
3.	<i>Hardware (Production)</i>	78 - 117	2	190,750
4.	<i>Hardware (Disaster Recovery) – Phase 1</i>	79 - 953	3	315,042
5.	<i>Hardware (Disaster Recovery) – Phase 2</i>	7 - 610	4	506,037
6.	<i>Software</i>	15 - 960	4	206,949
7.	<i>Replication Line</i>	2	2	1,344
8.	<i>Service</i>	99 - 1,004	8	7,943,097
JUMLAH LAD			28	9,274,479

Sumber: JANM.BPTM.600-12/1/1/ (81) bertarikh 26 September 2019

- iii. Pihak Audit dimaklumkan, selaras dengan pelanjutan kontrak sehingga 9 Ogos 2021, tuntutan bayaran LAD akan dibuat secara berperingkat oleh JANM daripada setiap bayaran kemajuan yang akan dibuat kepada pembekal sehingga selesai keseluruhan jumlah LAD tersebut.

- iv. Bagi tempoh 26 April hingga 30 Jun 2019, sejumlah RM96.12 juta atau 63.5% bayaran kemajuan daripada kos tambahan EOT sejumlah RM151.35 juta telah dibayar kepada pembekal. Semakan Audit mendapati ***hanya sekali potongan LAD dilaksanakan terhadap bayaran kemajuan*** tersebut. Potongan ***sebanyak RM815,885 atau 8.8% daripada jumlah LAD*** dibuat pada 27 April 2018. ***Baki LAD berjumlah RM8.46 juta belum dikutip.***

Maklum balas JANM yang diterima pada 27 September 2019

Proses kenaan LAD dibuat secara berperingkat. Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM) telah menghantar surat kepada pembekal pada 24 September 2019 bagi menuntut bayaran LAD yang telah mencapai jumlah maksimum yang boleh dikenakan berdasarkan *deliverables* kontrak berjumlah RM9,274,479.

- v. Susulan Audit pada bulan Disember 2019 mendapati pihak JANM telah menyediakan jadual pembayaran seperti dalam **Jadual 10**.

**JADUAL 10
JADUAL PEMBAYARAN LAD**

BIL.	BULAN	AMAUN (RM)
1.	Disember 2019	1,208,370
2.	Mac 2020	1,208,370
3.	Jun 2020	1,208,370
4.	September 2020	1,208,370
5.	Disember 2020	1,208,370
6.	Mac 2021	1,208,370
7.	Jun 2021	1,208,370
JUMLAH KESELURUHAN		8,458,590

Sumber: Surat JANM.BPTM.600-12/1(81) bertarikh 26 September 2019

Maklum balas JANM yang diterima melalui e-mel pada 23 Januari 2020 dan pada 3 Mac 2020

Kutipan balik bagi bulan Disember 2019 telah dibuat berdasarkan jadual yang ditetapkan. Sejumlah RM1,208,370 telah dipotong daripada bayaran kemajuan melalui baucar bayaran bernombor 12001112 bertarikh 13 Disember 2019. Jadual kenaan LAD seterusnya telah mengambil kira tempoh kontrak sehingga bulan Ogos 2021 dan baki nilai kontrak berjumlah RM60 juta. Pihak pembekal telah mengemukakan surat rayuan pengecualian kenaan LAD dan perkara ini telah dibawa ke Mesyuarat JPICT MOF Bil. 6/2019 bertarikh 5 November 2019 dan mesyuarat memutuskan permohonan pengecualian kenaan LAD oleh pembekal boleh diputuskan

di Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Perakaunan Akruan JANM. JANM sedang berunding dengan pembekal bagi mendapatkan amaun muktamad LAD yang boleh dikenakan berdasarkan klausula kontrak.

Pihak Audit berpendapat proses potongan LAD tidak dibuat dengan cekap oleh JANM di mana rayuan pembekal hanya di bawa ke mesyuarat JPICT MoF selepas teguran oleh pihak Audit dan jadual bayaran balik disediakan.

6.2.3. Pengurusan Kawalan Dalaman Sistem

Kawalan dalaman sistem diwujudkan bagi memastikan risiko terhadap keselamatan data dan keselamatan persekitaran fizikal dapat dikurangkan, integriti data terpelihara serta sistem dapat beroperasi bagi kesinambungan urusan. Pengauditan dijalankan merangkumi pengurusan data, pengurusan capaian logikal dan pengurusan keselamatan sistem seperti berikut:

a. Pengurusan Data - Proses *Customised Table*

Sistem iGFMAS menggunakan perisian aplikasi SAP ECC 6.0⁴ bagi transaksi urus niaga Kerajaan. SAP ECC 6.0 telah diubah suai sebanyak 80% *customisation* sesuai dengan keperluan perakaunan tunai ubah suai dan akruan. *Customised table* yang dibangunkan di dalam iGFMAS adalah bertujuan untuk merekod maklumat dan proses yang tiada di dalam *table* SAP standard seperti daftar, perakuan, status dokumen dan lain-lain.

i. Data di *Customised Table* Tidak Konsisten di SAP *Table*

Berdasarkan *Table Diagram Status Document List* SAP, transaksi dalam *customised table* berstatus '80' bermaksud *posted* iaitu telah disalin/dikemas kini di SAP *table*. Modul *Material Management* (MM) dan *Account Payable* (AP) dalam iGFMAS terdiri daripada beberapa *customised table* antaranya *table* ZMMT003, *table* ZAPT008 dan *table* ZAPT009. Transaksi di modul MM dan AP disimpan dalam *customised table*. Data yang muktamad berstatus '80' dikemas kini di SAP *table* iaitu dalam *table* BKPF dan BSEG bagi tujuan pelaporan.

⁴ *System Application and Product in Data Processing (SAP) Enterprise Resource Planning – ERP Central Component* ECC 6.0 merupakan perisian aplikasi yang digunakan bagi pengurusan sumber enterpris iGFMAS. Versi 6.0 adalah versi terkini perisian aplikasi tersebut. SAP ECC mengintegrasikan informasi digital daripada pelbagai sumber data dalam model bisnes yang sama. Perisian aplikasi ini terdiri daripada beberapa modul yang berinteraksi bagi memberi kawalan yang kuat terhadap proses kerja utama sistem perakaunan Kerajaan.

Semakan Audit terhadap data bulan Oktober hingga Disember 2018 mendapati 73 transaksi modul MM dan 63 transaksi modul AP dalam *customised table* tidak konsisten iaitu tidak disalin/dikemas kini di SAP *table* (BKPF dan BSEG). Butiran adalah seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
DATA CUSTOMISED TABLE TIDAK KONSISTEN DI SAP TABLE

MODUL	CUSTOMISED TABLE					SAP TABLE	
	Table	Bil. Transaksi				Table	Bil.
		Oktober 2018	November 2018	Disember 2018	Jumlah		
MM	ZMMT003	8	51	14	73	BKPF dan BSEG	Tiada Transaksi
AP	ZAPT008 dan ZAPT009	17	19	27	63		

Sumber: Analisis Data Menggunakan Perisian CAATTs – *Computer Assisted Auditing Technique and Tools*

Nota: BKPF - *Accounting Document Header Information*

BSEG - *Accounting Document Segment Information*

Maklum balas JANM yang diterima pada 27 September 2019 dan 3 Mac 2020

Keadaan ini berlaku apabila sistem iGFMAS mengalami masalah *intermittent* atau *high utilisation*. Dokumen yang muktamad berstatus "telah dipost" (status 80) sahaja dikemas kini di *customised table* dan *SAP standard table* iGFMAS. Manakala dokumen berstatus selain dari "telah dipost" (status 80) di *customised table* adalah belum dikemas kini di lejar perakaunan. Perbezaan akan wujud di antara kedua-dua *table* ini disebabkan perkara yang dinyatakan di atas. Dokumen yang masih berada di *customised table* ini tidak memberi risiko kepada ketepatan laporan yang menggunakan sumber data dari SAP *table*.

Bagi memastikan *customised table* dan SAP *table* adalah konsisten, pihak JANM akan melaksanakan penambahbaikan ke atas modul AP dan MM:

- Membuat program semakan di *customised table* bagi memastikan status dokumen tidak berubah kepada "80" (*dipost*) sehingga dokumen tersebut berjaya dihantar ke SAP *table*.
- Membuat verifikasi ke atas program di *customised table* dengan menambah notifikasi ralat sekiranya dokumen tidak berjaya *dipost* ke SAP *table*.

Program penambahbaikan ini dijangka siap pada suku ketiga tahun 2020.

ii. Nombor Dokumen Tidak Selari di *Customised Table*

Setiap transaksi yang dikunci masuk dalam sistem iGFMAS diberi nombor dokumen dan dijana secara berturutan. Nombor dokumen di SAP *table*

memberi nombor selari yang sama di *customised table*. Analisis Audit mendapati nombor yang dijana bagi 59 transaksi arahan pembayaran di modul AP tidak memaparkan nombor selari dalam *customised table* seperti mana dalam SAP *table* walaupun memaparkan status '80' iaitu *posted*. Sebaliknya, memaparkan *value 1* di *table* tersebut. Butiran bagi tiga (3) contoh sampel adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
NOMBOR DOKUMEN TIDAK SELARI DI CUSTOMISED TABLE

BIL.	NOMBOR BAUCAR	TARIKH BAUCAR	STATUS TRANSAKSI	NOMBOR DOKUMEN DI SAP TABLE	NOMBOR DI CUSTOMISED TABLE
1.	12000001	12.10.2018	80	6003821073	1
2.	12002319	10.11.2018	80	6003693028	1
3.	12000019	12.12.2018	80	6004898298	1

Sumber: Analisis Audit Menggunakan Perisian CAATTs Terhadap Data Modul AP dari Semua Pejabat Perakaunan (AO)

Nota: Contoh Sampel 3 daripada 59 yang Dinyatakan Adalah Daripada Beberapa AO Berlainan

Maklum balas JANM yang diterima pada 27 September 2019


Analisis JANM ke atas 59 dokumen arahan bayaran tersebut mendapati isu ini disebabkan ketidakcukupan *key* maklumat semasa proses mengemas kini nombor kawalan SAP di *table* ZAPT008. Cadangan penyelesaian telah dikenal pasti iaitu menambah *key* maklumat pengemaskinian *value* di medan nombor kawalan dokumen dalam *table* ZAPT008. Penambahbaikan akan dilakukan oleh pihak JANM pada suku tahun pertama 2020.

Pihak Audit berpendapat kawalan pengurusan data adalah tidak efektif kerana wujudnya perbezaan maklumat antara data *customised table* dan data di SAP *table*. Kelemahan ini menyebabkan maklumat yang tidak konsisten di kedua-dua *tables* tersebut.

b. Kawalan Proses - Integrasi iGFMAS dan iSPLN

- i. Merujuk Jadual 6 kontrak utama, integrasi antara iGFMAS dan Sistem Perakaunan Luar Negeri Akruan (iSPLN) hendaklah dilaksanakan di bawah modul *General Ledger*, *Account Payable*, *Controlling* dan *Fund Management*. Proses integrasi antara iGFMAS dan iSPLN adalah melalui ringkasan Baucar Jurnal yang dihantar secara harian dari iSPLN ke iGFMAS. Dokumen integrasi Baucar Jurnal tersebut disimpan dalam iGFMAS di modul *General Ledger*. Proses integrasi iGFMAS dan iSPLN seperti dalam **Rajah 5**.

RAJAH 5
PROSES INTEGRASI iGFMAS DAN iSPLN



Sumber: Laporan General Ledger, iGFMAS

Nota: WS – Web Socket

SMTP – Simple Mail Transfer Protocol

- ii. Semakan Audit mendapati bagi **laporan General Ledger iGFMAS seorang pegawai berperanan sebagai Pengesah dan juga sebagai Pelulus**. Transaksi tersebut melibatkan 863 Baucar Jurnal bagi bulan Oktober hingga Disember 2018 berjumlah RM565.56 juta. Butiran seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
PENGESAH DAN PELULUS PEGAWAI YANG SAMA

BIL.	BULAN	BIL. BAUCAR JURNAL	NILAI BAUCAR JURNAL (RM Juta)
1.	Oktober	288	255.70
2.	November	275	185.72
3.	Disember	300	124.14
JUMLAH		863	565.56

Sumber: Laporan General Ledger, iGFMAS

- iii. Contoh *input* data iSPLN yang diproses di Comm Server iGFMAS yang memaparkan *output* data yang tidak sama di Laporan General Ledger iGFMAS seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
MAKLUMAT INTEGRASI iSPLN DAN iGFMAS TIDAK TEPAT

BIL.	NO. BAUCAR	BAUCAR iSPLN (Maklumat Sebenar)*		LAPORAN GENERAL LEDGER iGFMAS (Maklumat Dipaparkan)*	
		Pengesah	Pelulus	Pengesah	Pelulus
1.	LNB01564	Zaman	Zana	Zaman	Zaman
2.	LNB01614	Zaman	Zana	Zaman	Zaman
3.	LNB01668	Zaman	Zana	Zaman	Zaman

BIL.	NO. BAUCAR	BAUCAR iSPLN (Maklumat Sebenar)*		LAPORAN <i>GENERAL LEDGER</i> iGFMAS (Maklumat Dipaparkan)*	
		Pengesah	Pelulus	Pengesah	Pelulus
4.	LNP01584	Dila	Zana	Dila	Dila
5.	LNP01588	Zaman	Zana	Zaman	Zaman
6.	LNP01614	Zaman	Zana	Zaman	Zaman
7.	LNP01654	Zaman	Zana	Zaman	Zaman
8.	LNP01696	Zaman	Zana	Zaman	Zaman
9.	LNR00114	Zaman	Zana	Zaman	Zaman
10.	LNR00118	Zaman	Zana	Zaman	Zaman

Sumber: Laporan *General Ledger*, iGFMAS dan Baucar Jurnal iSPLN

Nota: (*) - Data dari iSPLN Dihantar ke *Comm Server* iGFMAS Tidak Memaparkan Data Sebenar di Laporan *General Ledger* iGFMAS

Maklum balas JANM yang diterima pada 4 dan 8 Oktober 2019

Semakan oleh pihak JANM mendapati bahawa maklumat Penyedia, Pengesah dan Pelulus disimpan dalam laporan *General Ledger* adalah bersumber daripada iSPLN. Selanjutnya pihak JANM menyemak di *Comm Server* (*server* perantara dengan agensi luar) juga mendapati maklumat yang dihantar oleh iSPLN adalah konsisten seperti dalam laporan *General Ledger*. Penambahbaikan telah selesai dibuat di program integrasi iSPLN.

Pada pendapat Audit, proses integrasi sistem iSPLN dengan iGFMAS perlu menekankan kepada aspek pemadanan data. Integriti sistem iGFMAS perlu diberi perhatian supaya semua maklumat daripada sistem yang berintegrasi adalah tepat.

c. Kawalan *Output* - Ketepatan Laporan

i. Laporan Penerimaan Barang/Penerimaan Invois [*Good Received Notes (GRN)*]

Laporan Penerimaan Barang/Penerimaan Invois [*Good Received Notes (GRN)*] dalam modul *Account Payable* memaparkan transaksi yang belum dibuat pembayaran. Semakan Audit terhadap laporan tersebut mendapati transaksi tahun 2018 dan 2019 yang telah selesai dibuat pembayaran masih berstatus "open" yang bermaksud pembayaran belum dilakukan.

Maklum balas JANM yang diterima pada 27 September, 4 dan 8 Oktober 2019, melalui e-mel pada 2 Januari 2020 dan 3 Mac 2020

Penambahbaikan program *auto clearing open item* GRN telah dilaksanakan oleh JANM secara berperingkat mengikut Pejabat Perakaunan. Pembetulan telah dibuat pada

24 Disember 2019 kecuali bagi lima (5) Pejabat Perakaunan masih belum selesai proses *matching* GRN dan invois.

Maklum balas pada 3 Mac 2020, pembetulan proses pemadanan GRN bagi lima (5) Pejabat Perakaunan berkenaan telah diselesaikan.

Pada pendapat Audit, kawalan output tidak lengkap kerana laporan yang dijana tidak memberi gambaran yang tepat dan memberi risiko kepada ketepatan maklumat.

ii. Laporan Sokongan kepada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan

Ketepatan maklumat perlu disemak dan disahkan melalui penjanaan laporan. Semakan Audit mendapati laporan dijana tidak memaparkan sebarang maklumat iaitu bagi laporan seperti dalam **Jadual 15**.

**JADUAL 15
LAPORAN SOKONGAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**

BIL.	NAMA LAPORAN	PENJELASAN
1.	Laporan C1a	Penyata Hasil dan Laporan
2.	Laporan F2	Penyata Akaun Memorandum Pelaburan
3.	Laporan G2B	Penyata Memorandum Sekuriti Tak Dituntut

Sumber: Laporan iGFMAS

Maklum balas JANM yang diterima pada 27 September 2019, 4 dan 8 Oktober 2019 serta 3 Mac 2020


Dalam tempoh pengauditan dilaksanakan, ketiga-tiga laporan yang berkaitan tiada maklumat kerana terdapat masalah teknikal. Walau bagaimanapun, laporan ini telah dapat dijana pada 23 September 2019 dan berjaya memaparkan maklumat. Pada masa kini, penyata ini dalam proses verifikasi data oleh pengguna. Proses verifikasi mengambil masa yang lama kerana kompleksiti dan kepelbagaiannya urus niaga berdasarkan data sebenar yang mempunyai bilangan transaksi yang tinggi dalam Kerajaan Persekutuan. JANM sedang mengambil inisiatif untuk mempercepatkan proses verifikasi dengan menubuhkan *task force* verifikasi bersama pengguna. Penyata ini dijangka selesai pada suku ketiga tahun 2020.

Pihak Audit telah meneliti maklum balas yang dikemukakan oleh JANM dan berpendapat, proses verifikasi data oleh pengguna tidak dibuat dengan segera sebaik sesuatu aktiviti/scenario telah *release* mengikut tarikh *Go-Live* setiap modul.

d. Pengurusan Migrasi Data Sistem Legasi ke Sistem iGFMAS

- i. Proses migrasi data melibatkan pemindahan data dari sistem legasi iaitu dari 36 pejabat perakaunan (GFMAS) dan juga dari 84 sistem luar ke sistem iGFMAS. Proses ini melibatkan tiga (3) fasa iaitu *extracting data preparation* (1), *data cleansing* (2) dan *data loading* (3). Strategi migrasi data adalah seperti dalam **Rajah 6**.

RAJAH 6
STRATEGI MIGRASI DATA



Sumber: *Business Blueprint Data Migration Strategy*

Nota: DC – Domain Controller

IA DMT – Data Migration Tools Pembekal

- ii. Bagi memastikan prosedur migrasi data berjalan lancar tanpa gangguan, *mock run* iaitu platform untuk menguji aktiviti dalam proses *data cleansing* telah dilaksanakan. Sepanjang proses migrasi data ke iGFMAS, sebanyak lima (5) *mock run* dengan objektif masing-masing telah dilaksanakan. Pihak Audit mendapati pelaksanaan migrasi lewat antara satu (1) hingga tujuh (7) bulan seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
MOCK RUN MIGRASI DATA

MOCK RUN	OBJEKTIF	TARIKH SEPATUT LAKSANA	TARIKH PELAKSANAAN	TEMPOH KELEWATAN
1.	Menguji program dan fungsi <i>migration rules</i>	April – Jun 2014	April – November 2014	5 bulan
2.	Menguji data induk dan data transaksi daripada Bahagian JANM, Negeri/Cawangan JANM dan Kementerian	Julai – Oktober 2014	Julai – Januari 2015	3 bulan
3.	Menguji data induk dan data transaksi daripada Bahagian JANM, Negeri/Cawangan JANM dan Kementerian serta menguji isu yang berlaku semasa <i>Mock Run 2</i>	Mac – Julai 2015	Februari 2015 – Februari 2016	7 bulan
4.	Menguji data induk dan data transaksi tahun 2015	Mac – Julai 2016	April 2016 – Januari 2017	1 – 6 bulan
5.	Menguji data induk dan data transaksi tahun 2016	Februari – Julai 2017	Februari 2017 – Februari 2018	7 bulan

Sumber: JANM - Laporan *Mock Run* Migrasi Data iGFMAS

iii. Migrasi data terbahagi kepada tiga (3) peringkat. Peringkat pertama melibatkan item *In Trial Balance* dari iGFMAS dan peringkat kedua melibatkan item *In Trial Balance* dari sistem luar. Peringkat ketiga pula melibatkan item *Out Trial Balance* yang terdiri daripada item akruan. Terdapat kelewatan pelaksanaan antara 47 hingga 181 hari seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
PELAKSANAAN MIGRASI DATA

PERINGKAT	PERKARA	TARIKH JANGKA SELESAI	TARIKH PELAKSANAAN	KELEWATAN
PERINGKAT 1 Item <i>In Trial Balance</i> iGFMAS	i. Penyata Kewangan Kerajaan (PKK) Akruan – Baki Lejar Am ii. PKK – Lejar Tunai iii. PKK Akruan – Baki Lejar Am B7 – Sub T iv. PKK Akruan – Baki Lejar Am Kementerian v. <i>Account Payable (AP)</i> /Akaun Belum Bayar (ABB) Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) vi. AP ABB Deposit vii. AP ABB <i>Electronic Fund Transfer (EFT)</i> / Cek Terbatal viii. AP <i>Travel Advance</i> ix. <i>Treasury (TR) – Investment</i> x. <i>Cash Management (CM) – Panjar Initial Float</i> xi. Wang Pendahuluan Negeri xii. <i>Loan Management System (LMS)</i> – Hutang Persekutuan xiii. LMS – <i>Contract</i> xiv. LMS – <i>Opening Balance</i>	15 Mei 2018	19 September 2018	127 hari
PERINGKAT 2 Item <i>In Trial Balance</i> Dari Sistem Luar	i. TR – <i>Investment</i> ii. TR – <i>Government Debt Securities</i> iii. <i>Government Securities Management Integrated System (GSMIS)</i> - MoF iv. LMS – <i>External Loan</i> v. LMS – Hutang Persekutuan vi. LMS – <i>Government-Advances & Loans Monitoring System (GALMOS)</i> vii. LMS - Wang Pendahuluan Negeri	24 Mei 2018	21 November 2018	181 hari
PERINGKAT 3 Item <i>Out Trial Balance</i> (Item Akruan)	i. Akaun Belum Terima ii. <i>Asset Accounting (AA)</i> – Aset Alih iii. AA – Aset Tak Alih iv. AA – Aset Dalam Pembinaan v. AA – Aset Jalan Raya vi. AA – Aset Konsesi vii. AA – <i>Certificate of Practical Completion (CPC)</i> viii. AA – <i>Financial Lease</i> ix. Baki Lejar Am (<i>Out Trial Balance</i>) x. Transaksi <i>Government Unclaimed Money Information System (GUMIS)</i>	24 Mei 2019	10 Julai 2019	47 hari

Sumber: JANM - Status Migrasi Sebenar

iv. Semakan Audit pada bulan Oktober 2019 mendapati semua peringkat proses migrasi telah selesai pada bulan Julai 2019. Semakan lanjut Audit terhadap RM47,593,300 volum data migrasi data EFT dan Cek Terbatal mendapati proses migrasi data telah melalui prosedur yang lengkap iaitu setiap proses

seperti *data extraction*, *pre-load* dan *post-load* telah melibatkan proses semakan dan pengesahan oleh pemilik data.

Pada pendapat Audit, proses migrasi data sistem legasi dan sistem luar ke sistem iGFMAS telah dilaksanakan dengan lengkap walaupun mengalami kelewatan.

e. Kawalan Capaian Logikal

i. Kawalan Pemberian Kata Laluan Sementara

- Menurut amalan terbaik, kata laluan pertama yang bersifat sementara diberikan secara *default* oleh sistem. Kata laluan ini perlu digantikan dengan kata laluan baharu oleh pengguna untuk akses seterusnya.
- Semakan Audit secara *walkthrough* mendapati kata laluan pertama untuk iGFMAS tidak menggunakan kata laluan pertama yang dijana secara *default* oleh sistem SAP. Kata laluan pertama telah di *preset* oleh *local administrator* (LA) di Ibu Pejabat JANM menggunakan kata laluan *init123. Kata laluan *init123 adalah bersifat umum yang boleh dikongsi oleh pengguna lain. Semakan selanjutnya mendapati kata laluan *default* boleh dijana oleh sistem SAP menggunakan 40 aksara yang unik untuk setiap pengguna. Arahan penggunaan kata laluan *default* SAP tidak dinyatakan dalam manual prosedur sistem.

Maklum balas JANM yang diterima pada 27 September 2019 dan 3 Mac 2020

Parameter yang telah ditetapkan bagi kata laluan sementara (*default password*) iGFMAS adalah minimum lapan (8) aksara dan maksimum 14 aksara. Kata laluan mempunyai kombinasi aksara (nombor, simbol dan huruf besar) sekurang-kurangnya satu (1) aksara bagi setiap kombinasi.

Program SAP standard mempunyai kata laluan sementara automatik iaitu 40 aksara. Sekiranya ini dilaksanakan secara automatik dari iGFMAS akan menyukarkan pengguna untuk memasukkan kata laluan sementara ketika pertama kali *login* dan set semula kata laluan secara sendiri di portal iGFMAS.

Dalam persekitaran *production* iGFMAS semua LA di Pejabat Perakaunan akan tetapkan kata laluan sementara secara manual, tetapi tidak terikat kepada umum *init123. Pelbagai kata laluan sementara boleh diberikan mengikut ketetapan LA. Kepelbagaiannya kata laluan sementara telah dimaklumkan dalam latihan kepada LA di semua Pejabat Perakaunan.

Kawalan dalaman iGFMAS diwujudkan iaitu boleh membuat semakan dengan menggunakan kod transaksi SUIM *change log* untuk mengetahui kekerapan sesuatu kata laluan pada ID pengguna ditukar. Selain itu, kod transaksi SM20 boleh digunakan untuk mengetahui terminal bagi ID Pengguna tersebut mengakses sistem.

JANM mengambil maklum teguran Audit. Pelaksanaan amalan terbaik yang efektif bagi pemberian kata laluan sementara secara *default* oleh sistem telah dilaksanakan mulai 22 Oktober 2019. Makluman kepada *Local Administrator* (LA) telah diamel pada 18 Oktober 2019.

Pada pendapat Audit, kawalan pemberian kata laluan sementara adalah tidak efektif kerana boleh memberi risiko akses ke sistem oleh *unauthorised users*.

ii. Kawalan Akses Pengguna

- Kawalan akses dan ID pengguna adalah sebahagian daripada prosedur kawalan capaian untuk mengakses sesuatu sistem yang diwujudkan oleh Pentadbir Sistem. Pentadbir Sistem mewujudkan hirarki pengguna untuk memastikan had akses maklumat tertentu diberikan kepada pengguna tertentu sahaja.
- Hirarki pengguna diwujudkan di Ibu Pejabat dan Pejabat Perakaunan [*Accounting Office* (AO)]. Proses mewujudkan ID pengguna bermula di peringkat pembekal 555149-U yang berperanan sebagai Pentadbir Sistem. Pembekal mewujudkan *user group*, peranan baharu serta tugas di bawah skop kerja Unit *Authorization* iaitu unit yang bertanggungjawab menentukan peranan dan kawalan akses pengguna baharu. Unit ini adalah di bawah Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM) di Ibu Pejabat dan bertanggungjawab bagi pelantikan *Local Administrator* (LA) – AO *user maintenance* (*user active/unactive*) dan *role maintenance*.
- Di peringkat AO pula, LA bertanggungjawab terhadap *user maintenance*. Bagi peranan penyediaan dokumen (penyedia dokumen kewangan), LA akan melantik pegawai daripada Gred 17/19 manakala Gred 22/26/27/29 diberi peranan sebagai Peraku 1. Peranan Peraku 2 dan Akuan Terima diberi kepada pegawai Gred 41 ke atas. Butiran lanjut adalah dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
KAWALAN AKSES PENGGUNA

PENGGUNA	JAWATAN/GRED	PERANAN
Pembekal (Syarikat 555149-U)	Pentadbir Sistem	Mewujudkan kumpulan pengguna & peranan baharu
Unit Authorization	Pentadbir Sistem	Mewujudkan Pentadbir Sistem di peringkat Pejabat Perakaunan
Penyedia	Gred 17/19	Menyediakan dokumen kewangan
Peraku 1	Gred 22/26/27/29	Memperakurkan dokumen kewangan
Peraku 2/akuan terimaan	Gred 41 ke atas	Mengesahkan dokumen kewangan

Sumber: Jabatan Akauntan Negara Malaysia

iii. Kawalan ID bagi Setiap Hirarki Pengguna

- Kawalan ID bagi setiap hirarki pengguna diwujudkan untuk memastikan terdapat sekatan terhadap capaian setiap pengguna. Hal ini bagi mengelakkan berlakunya risiko penyalahgunaan kuasa dan sebarang insiden yang boleh menjelaskan tahap keselamatan dalam meluluskan sesuatu transaksi di sebuah agensi. Analisis terhadap transaksi baucar jurnal telah dibuat pada modul MM, AP dan AR bagi bulan Oktober hingga Disember 2018 untuk menentukan wujud kawalan mengikut hirarki pengguna.
- Semakan Audit terhadap 90 sampel baucar jurnal bagi setiap modul tersebut mendapati **wujud kawalan ID mengikut hirarki melalui pembahagian tugas melibatkan pegawai yang berlainan sebagai Peraku 1 (Pengesah) dan Peraku 2 (Pelulus)**. Butiran bagi 10 contoh kawalan tersebut seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 19
PENGESAH DAN PELULUS ADALAH ORANG YANG BERLAINAN

BIL.	MODUL	KOD PTJ	NO. BAUCAR/ PEMUNGUT	PERAKU 1*		PERAKU 2*	
				(NO. KP/ NAMA)	GRED	(NO. KP/ NAMA)	GRED
1.	AP	21090709	12000001	XX11	W29	XX34	W41
2.	AP	21091012	12000001	XX61	W29	XX16	W41
3.	AP	21090606	12000001	XX14	W29	XX73	W41
4.	AP	21091602	12000001	XX22	W29	XX54	W41
5.	AR	25060104	1779	XX44	W29	XX24	W41
6.	AR	21090606	1200	XX62	W29	XX73	W41
7.	AR	32160201	1211	XX91	W29	XX00	W41
8.	AR	41310199	1760	XX78	W29	XX42	W41
9.	MM	42051001	12015142	Norain	W29	Nora	W41
10.	MM	42091901	12002714	Kamal	W29	Yong	W41

Sumber: Analisis Audit Menggunakan Perisian CAATTs Terhadap Data Modul AP, AR dan MM

Nota: (*) Modul AP dan AR Menggunakan Nombor Kad Pengenalan Sebagai Identifikasi Peraku 1 dan Peraku 2 manakala Modul MM Menggunakan Nama Pegawai

iv. Kawalan Terhadap Pengasingan Tugas Pentadbir Sistem dan *Super User*

- Unit *Authorization/Local Administrator* bertanggungjawab menentukan peranan *super user* dan Pentadbir Sistem. Kawalan ke atas *super user* dan Pentadbir Sistem bertujuan bagi memastikan capaian terhadap sistem pengoperasian dikawal dan dihadkan kepada pengguna yang dibenarkan sahaja.
- Lantikan *super user* iGFMAS adalah di kalangan Pengarah/Pengarah Negeri/Ketua Akauntan/Timbalan Pengarah/Timbalan Pengarah Negeri/Timbalan Ketua Akauntan dan Ketua Penolong Pengarah Kanan. Lantikan *super user* hanya ada di AO sahaja dan tidak melibatkan lantikan di Pusat Tanggungjawab (PTJ). Minimum lantikan adalah dua (2) orang dan maksimum tiga (3) hingga empat (4) orang berdasarkan saiz AO.
- Bagi Pentadbir Sistem pula, lantikan hanya dibuat di Unit *Authorization*, Ibu Pejabat iaitu di BPTM. Antara peranan Pentadbir Sistem ialah *debug program*, *reversal* (berdasarkan keperluan) dan menyelesaikan masalah pengguna di AO/PTJ.
- Analisis Audit terhadap *table SUIM (User Information System)* dengan memadankan nombor kad pengenalan di antara *super user* dengan Pentadbir Sistem mendapat terdapat pengasingan tugas. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
PENGASINGAN TUGAS *SUPER USER* DAN PENTADBIR SISTEM

BIL.	GRED JAWATAN	NO. KAD PENGENALAN	PERANAN	TUGAS
1.	48	XX51	<i>Super User</i>	Semak, Batal
2.	48	XX51	<i>Super User</i>	Semak, Lupus, Tukar
3.	54	XX06	<i>Super User</i>	Semak, Lulus
4.	52	XX68	Pentadbir Sistem	Laporan portal
5.	27	XX14	Pentadbir Sistem	<i>Display Portal</i>

Sumber: Analisis Audit Terhadap *Table SUIM JANM*

Pada pendapat Audit, kawalan akses dan ID pengguna serta kawalan peranan Pentadbir Sistem dan *super user* adalah efektif.

f. Kawalan Aplikasi

Kawalan aplikasi adalah kawalan yang berkaitan dengan skop proses kerja sesuatu sistem aplikasi termasuk kemas kini data, pembahagian fungsi kerja, perekodan transaksi dan pembetulan kesilapan pelaporan. Objektif kawalan aplikasi adalah

untuk memastikan data yang dimasukkan tepat, lengkap dan dibenarkan, data diproses dalam jangka masa yang boleh diterima serta data yang disimpan dan *output* yang dijana adalah tepat dan lengkap.

Semakan Audit terhadap modul Lejar Am, Akaun Pembayaran dan Akaun Terimaan mendapati sistem telah mengambil kira proses kerja yang terlibat. Pembahagian tugas adalah mengikut kelulusan dan senarai tugas. ***Wujud kawalan terhadap perekodan transaksi seperti pengurangan human intervention dengan memperbanyakkan automasi proses kerja.*** Maklumat lanjut penemuan Audit adalah seperti berikut:

i. **Lejar Am**

Modul Lejar Am merupakan modul yang merekodkan semua transaksi kewangan sesebuah organisasi. Modul ini digunakan bagi penyediaan Penyata Kewangan termasuk akaun aset, liabiliti, ekuiti, hasil dan perbelanjaan. Selain itu, pengurusan kod akaun dan pelarasaran transaksi turut dilaksanakan melalui modul ini. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

- Sistem tidak membenarkan sebarang perubahan pada baki awal tahun di mana baki tersebut akan dibawa secara automatik (*roll up*) selepas penutupan akaun.
- Sistem mempunyai had kawalan capaian yang berbeza bagi satu (1) transaksi (jurnal pelarasaran) iaitu penyedia, penyemak dan pelulus.
- Capaian juga dihadkan bagi proses mewujudkan carta akaun.
- Sistem mempunyai log bagi merekodkan setiap aktiviti perubahan kepada transaksi dalam sistem yang boleh diakses oleh Pentadbir Sistem.

ii. **Akaun Pembayaran**

Modul Akaun Pembayaran (AP) merekodkan semua proses pengeluaran dan pembayaran. Fungsi utama modul AP antaranya menguruskan maklumat pembekal, menyedia dan mengurus dokumen/invois tanpa pesanan Kerajaan, mengurus proses pembayaran semua invois dan pembayaran pukal. Kawalan ke atas prosedur pengeluaran pesanan, penyediaan baucar, pengeluaran cek dan pembayaran atas talian adalah penting bagi menjaga keselamatan aliran keluar tunai. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

- Sistem mempunyai kawalan had capaian berbeza bagi Penyedia, Peraku I, Semak AO dan Peraku II dalam setiap transaksi. Modul atau tab berkenaan akan *disable* di skrin pegawai yang tidak diberi capaian.

- Proses semakan dan pengesahan padanan antara pesanan Kerajaan, nota penghantaran dan invois berlaku di sistem ePerolehan (eP) dan maklumat tersebut dihantar ke iGFMAS untuk proses pembayaran.
- Sistem menyediakan kemudahan nota debit dan kredit bagi menyokong perbezaan pesanan dan invois.
- Pembatalan pesanan tempatan sama ada oleh pegawai berkenaan atau *auto delete* oleh sistem akan melibatkan pembetulan secara automatik (*reverse entry*) di Buku Tunai.
- Penyediaan pesanan tempatan melibatkan proses semakan peruntukan di modul belanjawan dan setiap pesanan tempatan yang diluluskan akan wujud di bawah laporan vot sebagai tanggungan.

iii. Akaun Terimaan

Modul Akaun Terimaan [*Account Receivable (AR)*] berfungsi untuk merekod dan mengurus semua jenis transaksi perniagaan berkaitan terimaan yang melibatkan hubungan dengan pelanggan. Fungsi keseluruhan modul AR terdiri daripada fungsi utama dan tambahan. Fungsi utama melibatkan proses harian yang perlu dilakukan oleh pengguna iaitu proses Penyelenggaraan Maklumat Pelanggan sehingga proses Penyata Pemungut dan laporan harian. Fungsi tambahan pula melibatkan proses baucar jurnal. Kawalan ke atas prosedur penerimaan wang/cek dan terimaan atas talian adalah penting bagi mengelakkan kehilangan hasil. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

- Capaian bagi mewujudkan kod akaun penghutang atau mengemas kini dalam carta akaun hanya diberikan kepada pegawai yang dilantik.
- Capaian mengikut peranan atau skop tugas yang telah diluluskan.
- Sistem mempunyai kemudahan menjana bil/invois secara automatik dan nombor siri yang berturutan.
- Sistem mempunyai kemudahan untuk menjana nombor resit secara automatik dan berturutan.
- Proses pembatalan bil/invois dan resit memerlukan kelulusan pegawai bertanggungjawab.
- Kemudahan nota debit dan kredit disediakan bagi mengambil kira sebarang penambahan dan pengurangan kepada amaun invois.

Pada pendapat Audit, kawalan aplikasi bagi modul lejar am, AP dan AR adalah efektif.

g. Kawalan Keselamatan Sistem

i. Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat

Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat [*Information Security Management System (ISMS)*] bertujuan untuk memastikan tahap keselamatan maklumat kritikal negara berada dalam keadaan yang selamat dan boleh dipercayai. Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU bertajuk Pelaksanaan Pensijilan MS ISO/IEC 27001:2007 Dalam Sektor Awam bertarikh 24 November 2010 menyatakan bahawa semua Ketua Jabatan perlu mengatur rancangan pematuhan ISMS sebagaimana yang ditetapkan oleh Jemaah Menteri. Kontrak utama dalam *Exhibit 6 Jadual 9* menyatakan sasaran pelaksanaan ISMS iGFMAS siap sepenuhnya adalah pada bulan Jun 2019.

Semakan Audit pada 9 Julai 2019 mendapati pelaksanaan ISMS belum siap sepenuhnya. Pelanjutan tempoh masa pelaksanaan ISMS telah dibuat di bawah Kontrak Tambahan Ke-9. Berdasarkan Laporan *Progress Update* 2019 iGFMAS – ISMS mendapati, kemajuan pelaksanaan projek ISMS setakat 12 Jun 2019 adalah sebanyak 63.6%. Susulan pada bulan Disember 2019 mendapati kemajuan adalah pada tahap 72.1%. Pihak Audit mendapati ***pelanjutan tempoh pelaksanaan ISMS tidak dibincang dan diputuskan dalam Mesyuarat Pemandu iGFMAS serta tiada tindakan LAD dikenakan ke atas pembekal.*** Berdasarkan maklum balas dari Unit Pengurusan Rangkaian dan Keselamatan ICT, JANM antara punca dan sebab berdasarkan projek ISMS tidak dapat disiapkan adalah seperti berikut:

- skop yang besar melibatkan 114 kawalan;
- pasukan pelaksanaan dan modul yang banyak sehingga memerlukan 26 pasukan melaksanakan sesuatu modul pada waktu yang sama;
- Mesyuarat Jawatankuasa ISMS tidak cukup kerap; dan
- dokumentasi yang banyak iaitu dokumen induk sebanyak 15 manual keselamatan dan 13 prosedur kerja serta dokumen sokongan sebanyak 35 SOP dan pekeliling rujukan pelbagai agensi berkaitan.

Maklum balas JANM yang diterima pada 3 Mac 2020

Kertas cadangan *timeline* baharu perlanjutan pelaksanaan ISMS telah dibentangkan di Mesyuarat Khas Jawatankuasa Pemandu Perakaunan Akruan JANM Bil. 1/ 2019 pada 13 Disember 2019 sebagai kertas makluman. Seterusnya, kertas cadangan tersebut telah dibentang dan diluluskan di Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Perakaunan Akruan JANM Bil. 1/2020 pada 25 Februari 2020.

Pihak SIRIM telah melaksanakan *Stage 1* Audit pada 24 dan 25 Februari 2020. Pengauditan *Stage 1* merangkumi pengauditan dokumentasi ISMS. Manakala *Stage 2* Audit akan diadakan pada 26 dan 27 Mac 2020. Pensijilan ISMS dijangka diperolehi pada suku kedua tahun 2020.

Pada pendapat Audit, pengurusan keselamatan maklumat kewangan negara dalam Sistem iGFMAS masih belum dibuat dengan berkesan. Ini boleh mengakibatkan maklumat kritikal negara tidak disahkan keselamatan dan kebolehpercayaannya.

ii. Pengujian Prestasi Ketahanan Sistem (*Stress Test*)

- Ujian prestasi ketahanan sistem dijalankan untuk menilai keupayaan sistem beroperasi secara efisien dalam situasi yang sukar bagi menjamin kelangsungan proses kerja berjalan dengan lancar. Sistem iGFMAS merekodkan sejumlah lebih 70,000 pengguna semasa awal penggunaan sistem tersebut.
- Ujian prestasi ketahanan sistem iGFMAS terbahagi kepada 4 Pusingan Ujian. Ujian 1 mensasarkan seramai 5,000 pengguna manakala Ujian 2 mensasarkan seramai 10,000 pengguna dalam satu masa. Ujian 3 dan 4 mensasarkan titik kritis (*breaking point*) sistem dan diuji menggunakan seramai 40,000 pengguna. Ujian mensasarkan *response time* selama 2 saat bagi setiap pemprosesan transaksi dalam modul Pengurusan Material (MM), Pengurusan Bayaran (AP) dan Pengurusan Dana [*Fund Management* (FM)]. Pencapaian *response time* adalah seperti dalam **Jadual 21** iaitu menggunakan 20,000 pengguna dan **Jadual 22** menggunakan 31,000 pengguna.

JADUAL 21
RESPONSE TIME SISTEM iGFMAS 20,000 PENGGUNA

BIL.	MODUL	MASA PEMPROSESAN
1.	MM Arahan Bayaran – Kelulusan	0.5 saat (549 milisaat)
2.	AP Arahan Bayaran – Kelulusan	0.2 saat (239 milisaat)
3.	Daftar Waran Peruntukan	0.2 saat (238 milisaat)
4.	FM Waran Peruntukan – Hantar Dokumen	0.2 saat (238 milisaat)
5.	MM Penerimaan – Hantar Dokumen	0.2 saat (215 milisaat)

Sumber: Laporan *Stress Test* JANM

JADUAL 22
RESPONSE TIME SISTEM iGFMAS 31,000 PENGGUNA

BIL.	MODUL	MASA PEMPROSESAN
1.	MM Arahan Bayaran – Kelulusan	17.3 saat
2.	AP Arahan Bayaran – Kelulusan	17.3 saat
3.	Daftar Waran Peruntukan	15.3 saat
4.	FM Waran Peruntukan – Hantar Dokumen	14.5 saat
5.	MM Penerimaan – Hantar Dokumen	14.5 saat

Sumber: Laporan *Stress Test* JANM

- Keputusan yang diperolehi adalah 31,000 pengguna serentak merupakan titik kritis sistem seperti dalam **Jadual 22**. Sehubungan itu, pihak JANM telah menetapkan sebanyak 20,000 pengguna serentak dalam ujian ketahanan sistem iGFMAS. Semakan Audit mendapati **kesemua ujian tersebut telah mencapai sasarannya semasa ujian dijalankan**.

Pada pendapat Audit, pengujian prestasi ketahanan sistem iGFMAS telah dilaksanakan dengan berkesan.

iii. Pengujian Keselamatan Sistem (*Security Posture Assessment*)

- Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2009 Garis Panduan Penilaian Tahap Keselamatan Rangkaian dan Keselamatan Sistem ICT Sektor Awam menyatakan semua Ketua Jabatan hendaklah mengambil tindakan penilaian tahap keselamatan rangkaian dan sistem ICT di jabatan masing-masing. Penilaian ini bertujuan untuk memastikan rangkaian dan sistem ICT sektor awam berada dalam keadaan yang tersedia, selamat dan boleh dipercayai.
- Kesinambungan daripada tujuan tersebut, proses mengenal pasti kelemahan rangkaian dan sistem ICT dilakukan dengan membuat ujian terhadap *server*, peralatan dan perisian rangkaian/sistem. JANM melaksanakan pengujian keselamatan sistem yang merangkumi persekitaran *Production*, *Disaster Recovery* dan *Development* menerusi luar dan dalam segmen rangkaian secara berfasa iaitu Fasa 1 – 3.
- Semakan Audit pada 12 Julai 2019 dan susulan status pada 22 Oktober 2019 mendapati penilaian komponen *Security Posture Assessment* (SPA) adalah seperti dalam **Jadual 23**.

JADUAL 23
STATUS SECURITY POSTURE ASSESSMENT

SECURITY POSTURE ASSESSMENT	TARIKH SEPATUT LAKSANA	STATUS SEBENAR
SPA Fasa 1 Network Architecture Review Server/Host Assessment Security Devices Assesment	Selesai Bulan Mei 2017	Release 1 Selesai pada 28 April 2017. Release 2 Dilaksanakan berperingkat mulai Julai 2019.
SPA Fasa 2 Penetration Testing Web Application Assessment	Selesai Bulan Ogos 2017	Release 1 Selesai pada 9 Mei 2018. Cadangan dilaksanakan pada 25 Jun – 6 Julai 2018. Release 2 Dijangka selesai pada 13 Oktober 2019. Susulan Audit pada 22 Oktober 2019 mendapati belum dilaksanakan.
SPA Fasa 3 Post Assessment Analisis, rumusan ujian dan laporan	Selesai Bulan Oktober 2017	Belum dilaksanakan.
STATUS TERKINI MENGIKUT KOMPONEN		
Secure Key Lifecycle Manager (SKLM) User Acceptance Test SKLM di persekitaran Development (DEV) dan Production (PRD) telah berjaya dilakukan pada 3 April dan 11 April 2019. Manakala UAT bagi Disaster Recovery (DR) telah diadakan pada 13 Mei 2019.	Bulan Mei 2019	SKLM untuk <i>Production</i> , DR dan <i>Development</i> telah diaktifkan pada tarikh seperti berikut: PRD : 13 Mei 19 DR : 16 Mei 19 DEV : 13 Mei 19
Data Center Network Management (DCNM) Status tempoh mula penggunaan DCNM.	Bulan Ogos 2019	DCNM telah digunakan oleh pengguna iGFMAS pada 22 Ogos 2019.
Secure File Transfers Protocol (SFTP) Mesyuarat SFTP telah diadakan pada 26 April 2019.	Bulan Julai 2019	SFTP bagi <i>Human Capital Management</i> (HCM) ke ePenyata Gaji dan Laporan melalui WebMethods telah <i>live</i> secara <i>pilot</i> pada 16 Julai 2019. (Minit Mesyuarat SFTP Bil. 5/2019 perenggan 3.1)
Intrusion Prevention System (IPS)		
Pemasangan IPS telah dilaksanakan seperti berikut: Production : 12 April 2019 DR : 2 Mei 2019	Bulan Mei 2019	Enforcement berkaitan polisi serta rules telah diaktifkan pada 20 Mei 2019.

Sumber: Minit Mesyuarat JKKICT Bil. 3 Tahun 2019 Bertarikh 9 Julai 2019 dan *Timeline SPA* oleh Pembekal

- Perancangan bagi Fasa 2 telah dicadangkan untuk dilaksanakan mulai 25 Jun 2018 hingga 6 Julai 2018. Bagaimanapun, cadangan berkenaan masih tidak dibincangkan untuk dilaksanakan sehingga tarikh terkini. Hal ini disebabkan pengujian dilaksanakan berdasarkan laporan *error* yang diterima sekiranya ada selepas pembangunan sistem siap.

Maklum balas JANM yang diterima pada 3 Mac 2020

Pelaksanaan dan pengujian lanjutan yang dirancang bagi Fasa 4 telah dijadualkan pada 15 Mac 2020 berdasarkan Minit Mesyuarat PMO Khas Bil. 1/2020 pada 7 Februari 2020.

Pada pendapat Audit, ujian keselamatan sistem telah dilaksanakan berdasarkan progres siap untuk komponen berisiko tinggi iaitu server

production dan *disaster recovery*. Bagaimanapun, terdapat kelewatan pelaksanaan dan pengujian lanjutan yang dirancang belum dilaksanakan. Hal ini boleh mendedahkan persekitaran sistem terhadap ancaman keselamatan.

h. Kawalan Fizikal dan Persekutaran

Kawalan Fizikal dan Persekutaran bertujuan menjamin keselamatan premis Pusat Data dan Pusat Pemulihan Bencana. Di samping itu, capaian kepada sistem juga dikawal supaya hanya pegawai yang bertanggungjawab mempunyai akses ke komputer berkenaan. Pemeriksaan Audit terhadap Pusat Data dan Pusat Pemulihan Bencana pada 5 Mac 2019 mendapati:

- i. Pusat Data bagi sistem iGFMAS ditempatkan di lokasi berbeza daripada Pusat Pemulihan Bencana. Pentadbiran kedua-dua bangunan berkenaan dikendalikan oleh Syarikat 0101164-A manakala pengurusan pengoperasian *server* dijalankan oleh pihak JANM.
- ii. Keselamatan fizikal berada dalam keadaan yang baik. Tahap kelembapan dan suhu bilik *server* dipantau menerusi bilik kawalan yang mana petunjuk tahap kelembapan dan suhu bilik dipaparkan secara *real time* di skrin monitor. Semasa lawatan Audit, tahap tersebut memenuhi keperluan minimum mengikut amalan terbaik.
- iii. Keselamatan persekitaran berada dalam keadaan terkawal iaitu *close circuit television* (CCTV) ditempatkan di lokasi yang bersesuaian, ketebalan pintu bilik *server* data dan alat pemadam kebakaran adalah mengikut spesifikasi Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan.
- iv. Pusat Pemulihan Bencana menyediakan bilik operasi sementara iaitu sebanyak tiga (3) ruang kerja lengkap berserta satu (1) set komputer dan satu (1) set telefon bagi setiap ruang kerja untuk kemudahan pengoperasian sekiranya berlaku bencana. Semua set peralatan diperiksa dan didapati berfungsi dengan baik.

Pada pendapat Audit, Pusat Data dan Pusat Pemulihan Bencana bagi iGFMAS disenggarakan dengan baik bagi memastikan kesinambungan operasi yang lancar.

6.2.4. Pengurusan Insiden

Pengurusan dan pemantauan sistem iGFMAS dilaksanakan dengan menggunakan *Solution Manager* (SOLMAN) yang mengandungi modul *service desk* dan *job*

scheduling management. Service desk merupakan aplikasi berdasarkan *web* yang digunakan untuk menguruskan insiden seperti aduan, permohonan akses dan pertanyaan pengguna.

a. Pemantauan Prestasi Pengurusan Insiden

Semakan Audit mendapati JANM belum mewujudkan *Key Performance Indicators* (KPI) dalam pengurusan insiden. Inisiatif dalaman diwujudkan oleh BPTM bagi memantau prestasi pengurusan insiden iaitu insiden diproses dalam tempoh 30 minit. Merujuk Laporan Insiden iGFMAS Diproses Melebihi Tempoh 30 Minit (SVC101) oleh AO sehingga 30 Jun 2019, sebanyak 33,704 insiden telah dilaporkan oleh pengguna. Bagaimanapun, sebanyak 12,805 atau 38% insiden diproses melebihi 30 minit seperti dalam **Jadual 24**.

JADUAL 24
INSIDEN DIPROSSES MELEBIHI 30 MINIT

BULAN	BIL. INSIDEN	INSIDEN DIPROSSES MELEBIHI 30 MINIT	
		BIL.	%
Januari	7,640	2,694	35.3
Februari	6,164	2,259	36.6
Mac	6,064	2,362	38.9
April	5,673	2,332	41.1
Mei	5,267	1,959	37.2
Jun	2,896	1,199	41.4
JUMLAH	33,704	12,805	38.0

Sumber: Laporan Insiden iGFMAS Diproses Melebihi Tempoh 30 Minit (SVC101) sehingga 30 Jun 2019

Maklum balas JANM yang diterima pada 4 dan 8 Oktober 2019 serta 3 Mac 2020

Laporan Insiden iGFMAS Diproses Dalam Tempoh 30 minit merupakan inisiatif BPTM bagi mewujudkan kawalan dalaman bagi memantau prestasi Pasukan Khidmat Nasihat Level 1 di Unit Khidmat Pelanggan BPTM telah dilaksanakan mulai tahun 2020. BPTM akan mengambil pandangan pihak Audit untuk mencadangkan kepada semua AO bagi menambah satu (1) lagi KPI pengurusan insiden iaitu insiden diproses dalam tempoh 30 minit.

b. Tindakan Penyelesaian Insiden

Berdasarkan Laporan Pengumuran Insiden (ZRSVC500) sehingga 28 Jun 2019, sebanyak 3,008 insiden masih dalam tindakan penyelesaian seperti dalam **Jadual 25**. Insiden dikategorikan mengikut *priority* seperti yang diterangkan dalam **Jadual 26**. Daripada jumlah 3,008 tersebut, didapati insiden terbanyak berjumlah 528 iaitu 17.5% insiden telah melebihi 60 hari dengan satu (1) insiden kategori *very high* dan 20 insiden kategori *high*.

JADUAL 25
INSIDEN YANG BELUM DISELESAIKAN SEHINGGA 28 JUN 2019

*TEMPOH (HARI)	BIL. INSIDEN MENGIKUT PRIORITY				BIL. INSIDEN	%
	VERY HIGH	HIGH	MEDIUM	LOW		
0	8	13	167	162	350	11.6
1	8	24	131	191	354	11.8
2 – 3	8	38	194	249	489	16.3
4 – 7	6	26	121	154	307	10.2
8 – 14	2	5	238	158	403	13.4
15 – 30	2	3	112	103	220	7.3
31 – 60	2	9	183	163	357	11.9
> 60	1	20	274	233	528	17.5
JUMLAH	37	138	1,420	1,413	3,008	100

Sumber: Laporan Pengumuran Insiden (ZRSVC500)

Nota: (*) - Dikira dari Tempoh Akhir Kemas Kini Status Sehingga 28 Jun 2019

JADUAL 26
PENERANGAN STATUS INSIDEN MENGIKUT PRIORITY

PERKARA	BIL. INSIDEN DISELESAIKAN MENGIKUT PRIORITY			
	VERY HIGH	HIGH	MEDIUM	LOW
Tempoh Memberi Maklum Balas	Dalam 1 jam	Dalam 4 jam	Dalam 8 jam	Dalam 16 jam
Tempoh Penyelesaian	Dalam 4 jam	Dalam 24 jam	Dalam 72 jam	Dalam 168 jam

Sumber: Jadual 16 Kontrak Pembekal Utama

Maklum balas JANM yang diterima pada 27 September 2019 dan 3 Mac 2020

Antara faktor yang menyumbang kepada kelewatan penyelesaian ialah:

- Kegagalan dan kelewatan mengemas kini status insiden oleh pegawai petugas.
- Melibatkan pembetulan program dan pengujian di tiga (3) persekitaran *server* pengujian sebelum dihantar ke *Production*.
- Memerlukan pengujian lebih daripada satu (1) modul sekiranya insiden melibatkan isu *inter-module*.
- Kekangan pegawai kerana khidmat sokongan dan pembangunan sistem berjalan serentak, melibatkan pegawai yang sama di BPTM.
- Memerlukan analisis, pengujian, maklum balas dan cadangan penyelesaian daripada SAP *Online Services System* (OSS) sekiranya insiden melibatkan program SAP standard.
- Insiden yang merupakan *Change Request* dan perlu mendapat kelulusan *Change Control Board* (CCB) sebelum dilaksanakan. Insiden tidak akan ditutup selagi tiada persetujuan daripada BPTM untuk mengklasifikasikan insiden terlibat sebagai *Change Request*.

Selain itu, wujud kekeliruan pemilihan *level urgency* ketika laporan dibuat. Sebagai contoh, *priority* insiden/permohonan berkaitan *authorization* seharusnya memadai dengan *priority medium/low* dan bukan *very high/high*. Sehingga 2 Oktober 2019, sebanyak 2,146 atau 71.3% insiden telah diselesaikan. Baki sebanyak 862 atau 28.7% insiden dalam tindakan penyelesaian.

JANM akan menambah baik pengurusan insiden berkaitan penggunaan Status *Customer Response*, *Customer Action* dan *priority* dengan memberi kesedaran berterusan kepada Kumpulan Khidmat Nasihat Level 1 di Unit Khidmat Pengurusan Pelanggan AO. JANM bersetuju dengan pendapat audit supaya menetapkan tempoh masa penyelesaian insiden sebagai KPI. Cadangan ini akan dikaji dan dibentangkan dalam mesyuarat dalaman JANM sebelum dilaksanakan sebagai KPI.

Pihak Audit berpendapat pengurusan insiden boleh dipertingkatkan dengan menambah baik KPI yang menetapkan tempoh masa penyelesaian insiden, serta penambahbaikan proses yang melibatkan program dan pengujian berkaitan.

7. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa pelaksanaan iGFMAS belum mencapai tahap kecekapan yang optimum. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan masih belum dijana sepenuhnya secara *real-time* daripada sistem iGFMAS dan terdapat kelewatan di peringkat pembangunan *Release 2* berbanding perancangan. Selain itu, JANM juga tidak meletakkan KPI yang jelas bagi mengukur kecekapan pencapaian sistem.

8. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa hadapan, Jabatan Audit Negara mengesyorkan JANM mengambil tindakan seperti berikut:

- 8.1. menyediakan KPI yang jelas bagi mengukur pencapaian *outcome* sistem iGFMAS setelah sistem siap dan digunakan sepenuhnya;
- 8.2. melaksanakan pengujian di peringkat pembangunan dengan lebih teliti dan secara lebih menyeluruh bagi memastikan ketepatan laporan dan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan serta kecekapan sistem berintegrasi dengan sistem luar;
- 8.3. menyediakan pengurusan kawalan dalaman yang efektif bagi menjamin keselamatan sistem dan integriti data;

- 8.4. mempertingkatkan pengurusan kontrak bagi menjamin kepentingan Kerajaan serta membuat potongan LAD berdasarkan aliran tunai pembekal dan baki bayaran kemajuan bagi memastikan jumlah LAD dapat dipungut sepenuhnya oleh Kerajaan; dan
- 8.5. menambah baik KPI pengurusan insiden yang menetapkan tempoh masa penyelesaian bagi membolehkan akses pengguna terhadap iGFMAS yang cekap dan berkesan.

MENTERI KEWANGAN DIPERBADANKAN

Pengurusan Sistem Landasan
Mass Rapid Transit (MRT)
Laluan 1

**KEMENTERIAN KEWANGAN
MENTERI KEWANGAN DIPERBADANKAN
PENGURUSAN SISTEM LANDASAN *MASS RAPID
TRANSIT* (MRT) LALUAN 1**

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditan melibatkan penilaian terhadap pengurusan sistem landasan MRT Laluan 1 bagi tempoh dari 16 Disember 2016 hingga 31 Januari 2019 yang meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan sistem landasan MRT Laluan 1.
- Prestasi sistem landasan MRT Laluan 1 dinilai berdasarkan dua (2) perkara iaitu pencapaian output dan *outcome*.
- Pengurusan sistem MRT pula dinilai berdasarkan enam (6) perkara iaitu perancangan, pengurusan kewangan, pengurusan pembaikan kerosakan, pentadbiran kontrak, *Computerised Maintenance Management System* (CMMS) dan pemantauan.
- Pengauditan melibatkan tiga (3) pihak utama iaitu Menteri Kewangan Diperbadankan, Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp.) serta Rapid Rail Sdn. Bhd. (Rapid Rail).

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Kerajaan telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM21.35 bilion bagi kos pembinaan projek yang meliputi semua pakej kerja termasuk RM4.05 bilion untuk 12 pakej kerja sistem.
- Projek *Klang Valley Mass Rapid Transit* akan mewujudkan penyambungan bersepadu dan lancar melalui tadahan sebelum ini yang tidak berkaitan atau kurang mendapat perhatian. Selain itu, ia memberi peluang kepada orang awam untuk bergerak dari satu tempat ke tempat lain dengan mudah dan membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas dan pelepasan karbon dengan ketara.
- Oleh itu, pengurusan penyenggaraan dan pembaikan yang cekap dan berkesan adalah penting untuk menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam yang berkualiti bagi memenuhi kepuasan kepada pengguna dan rakyat setempat.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhan, penilaian skop pengauditan terhadap pengurusan penyenggaraan dan pembaikan sistem landasan *Mass Rapid Transit* (MRT) Laluan 1 telah mencapai objektif yang ditetapkan bagi menyampaikan sistem MRT yang efektif, efisien, bersepadu serta selamat kepada orang awam. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- Sejumlah 31,167 (96.9%) kerja penyenggaraan yang meliputi kerja *Preventive Maintenance* (PM) dan *Corrective Maintenance* (CM) telah dilaksanakan oleh Rapid Rail manakala sejumlah 1,529 (72.5%) kerja pembaikan bagi pakej kerja sistem telah dilaksanakan oleh *Work Package Contractor* (WPC).
- Pencapaian prestasi sistem MRT adalah memuaskan kerana pencapaian *Train Service Availability Performance* (TSAP) telah melebihi 98.5% seperti ditetapkan dalam kontrak.
- Pembinaan 12 pakej kerja sistem telah siap pada 17 Julai 2017. Namun, terdapat empat (4) pakej kerja sistem belum digunakan sepenuhnya dan menghadapi masalah semasa operasi.
- Sebanyak 23,459 (98.6%) kerja PM dan 7,708 (92.1%) kerja CM telah dilaksanakan oleh Rapid Rail. Sebanyak 1,529 (72.5%) kerja pembaikan telah dilaksanakan oleh WPC manakala sebanyak 581 (27.5%) kerja belum siap dibaiki sehingga tarikh akhir *Defect Liability Period* (DLP).
- Setakat 14 Januari 2020, sebanyak 85 kerosakan masih belum siap dibaiki walaupun DLP telah tamat selama 182 hari.
- Berlaku 137 kejadian kelewatan ketibaan *Electric Train* (ET) antara lima (5) hingga 110 minit pada bulan Januari 2017 hingga Januari 2019.
- Pengurusan pembaikan kerosakan kurang memuaskan.
- CMMS belum dapat digunakan sepenuhnya.
- Pemantauan dari segi pembaikan semasa DLP kurang berkesan kerana terdapat kerosakan yang belum diselesaikan oleh pihak WPC serta mengambil masa yang lama untuk dibaiki.
- Tempoh aduan selesai tidak dapat ditentukan bagi 2,067 aduan.

KEMENTERIAN KEWANGAN

MENTERI KEWANGAN DIPERBADANKAN

1. PENGURUSAN SISTEM LANDASAN *MASS RAPID TRANSIT (MRT) LALUAN 1*

FAKTA UTAMA PENGURUSAN SISTEM MRT LALUAN 1

2010

- Bidang Ekonomi Utama Negara
- Diluluskan oleh Kerajaan di bawah Program Transformasi Ekonomi

2011 - 2017

- Tempoh Pembinaan

Mula Operasi

- Fasa Pertama: 16 Disember 2016
- Fasa Kedua: 17 Julai 2017

Objektif Pembinaan

Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd.
(MRT Corp.)

Project Delivery Partner
- Syarikat 927050-H

Rapid Rail Sdn. Bhd.

RM23.63 Bilion

- Kos Pembinaan

RM21.35 Bilion

- Kos Semasa

Jarak 51 Km

- Laluan Bertingkat: 41.5 km (Stesen Sungai Buloh ke Semantan dan Stesen Taman Pertama ke Kajang)
- Laluan Bawah Tanah: 9.5 km (Stesen Muzium Negara ke Maluri)

31 Stesen

- Stesen Bertingkat: 24 stesen
- Stesen Bawah Tanah: 7 stesen

1 Pemilik projek, *Project Delivery Partner* (PDP) dan Operator

59 Syarikat

- *Work Package Contractor* (WPC)

1,200 penumpang

- Boleh ditampung oleh sebuah tren pada satu masa

Pakej Sistem

- 12 pakej dengan kos RM4.05 bilion

2 Depoh

- Sungai Buloh dan Kajang

Untuk menghasilkan dan menyampaikan sistem MRT yang efektif, efisien, bersepadu dan selamat serta mengikut jadual ditetapkan.

Pemilik projek MRT.

Memantau pembinaan kesemua struktur bertingkat, stesen, depoh, kerja sistem Mekanikal dan Elektrikal oleh WPC serta memastikan kecacatan yang ditemui dalam *Defect Liability Period* (DLP) dibaiaki dengan sempurna oleh WPC yang berkaitan.

Subsidiari milik penuh Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) telah dilantik melalui perjanjian dengan MRT Corp. sebagai operator bagi tempoh 10 tahun bermula 30 Jun 2016. Melaksanakan kerja *Preventive Maintenance* (PM) dan *Corrective Maintenance* (CM) terhadap aset yang diserahkan oleh MRT Corp. dengan membayar yuran tahunan RM100,000.

1. LATAR BELAKANG

1.1. Projek *Klang Valley Mass Rapid Transit* (KVMRT) merupakan Projek Penggerak Ekonomi bagi Program Transformasi Ekonomi di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara, *Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang*. Projek ini diluluskan oleh Kerajaan pada bulan Disember 2010 dan pembinaan landasan MRT pertama bermula pada awal bulan Julai 2011.


1.2. Projek KVMRT merangkumi pembangunan jaringan pengangkutan awam bandar berdasarkan rel yang akan berintegrasi dengan sistem transit aliran ringan (LRT), monorel, KTM Komuter, KLIA Ekspres dan KLIA Transit. Projek ini menjadi tulang belakang sistem pengangkutan awam di kawasan *Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang*.

1.3. Kerajaan Malaysia telah menandatangani *Project Development and Management Agreement* (PDMA) dengan Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp.) pada 31 Julai 2012 bagi tempoh selama 60 tahun. MRT Corp. adalah sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan dan ditubuhkan pada bulan September 2011 bagi melaksanakan mandat Kerajaan untuk membina projek KVMRT. MRT Corp. telah dilantik sebagai pemilik projek dan bertanggungjawab mereka bentuk, membina, mengilang, menghantar, memasang serta menjalankan pengujian dan pentauliahan sistem MRT.

1.4. MRT Corp. telah menandatangani *Project Delivery Partner Agreement* (PDPA) dengan syarikat 927050-H pada 10 Februari 2012. Syarikat ini dilantik sebagai *Project Delivery Partner* (PDP) dan bertanggungjawab dalam mengawasi reka bentuk dan aktiviti pembinaan yang dijalankan oleh *Work Package Contractor* (WPC) yang meliputi pakej kerja *elevated* dan sistem. Selain itu, untuk pakej kerja *underground* ianya dibawah pengawasan dan penyeliaan MRT Corp. sepenuhnya. PDP juga bertanggungjawab dalam memastikan semua kerosakan yang ditemui semasa *Defect Liability Period* (DLP) telah dibaiki dengan sempurna oleh pihak WPC.

1.5. Pada 30 Jun 2016, MRT *Handing Over and Operating Agreement* (HO&OA) bagi MRT Laluan 1 telah ditandatangani antara MRT Corp. dengan Rapid Rail Sdn. Bhd. (Rapid Rail) iaitu anak syarikat milik penuh Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) yang dahulu dikenali sebagai Syarikat Prasarana Negara Berhad. Rapid Rail dilantik sebagai pengendali operasi selama 10 tahun. Berdasarkan perjanjian ini, Rapid Rail perlu melaksanakan kerja *Preventive Maintenance* (PM) dan *Corrective Maintenance* (CM) ke atas aset yang telah diserahkan oleh MRT Corp. dan mengambil tindakan terhadap semua aduan yang diterima sepanjang menjalankan operasi perkhidmatan pengangkutan MRT. Peta dan lokasi stesen MRT Laluan 1 adalah seperti dalam **Rajah 1**.

RAJAH 1



2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi menilai sama ada pengurusan sistem landasan MRT Laluan 1 telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan iaitu menyampaikan sistem MRT yang efektif, efisien, bersepadu dan selamat kepada pengguna MRT.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Skop pengauditan meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan sistem landasan MRT Laluan 1 bagi tempoh dari 16 Disember 2016 hingga 31 Januari 2019. Prestasi sistem MRT meliputi pencapaian output yang merangkumi ketersediaan pakej kerja sistem, penyenggaraan dan pembaikan serta pencapaian *outcome*. Pengurusan sistem MRT meliputi perancangan, pengurusan kewangan, pengurusan pembaikan kerosakan, pentadbiran kontrak, *Computerised Maintenance Management System* (CMMS) dan pemantauan.

3.2. Pengauditan telah dilaksanakan pada bulan Januari hingga Julai 2019 di pejabat MRT Corp., Prasarana dan Rapid Rail. Pemilihan sampel pengauditan bagi sistem landasan MRT Laluan 1 melibatkan 12 pakej kerja sistem dengan kos berjumlah RM4.05 bilion (19%) daripada jumlah kos semasa projek RM21.35 bilion. Senarai WPC bagi 12 pakej kerja sistem seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
SENARAI WORK PACKAGE CONTRACTOR BAGI PAKEJ KERJA SISTEM

BIL.	NO. PENDAFTARAN SYARIKAT WPC	KOD PAKEJ	BUTIRAN PAKEJ KERJA	NILAI KONTRAK (RM Juta)
1.	515279-V, <i>Company incorporated under the laws at Germany (Company No. DE129274202)</i> dan 93008-X	SBK-S-01	<i>Electric Train</i>	1,365.08
2.	93008-X dan 192295-T	SBK-S-02	<i>Depot Equipment and Maintenance Vehicle</i>	418.81
3.	318639-X	SBK-S-03	<i>Signalling and Train Control System</i>	281.31
4.	<i>Company incorporated under the laws at Singapore (Company No. 196900084E)</i>	SBK-S-04	<i>Platform Screen Doors</i>	78.09
5.	921480-W	SBK-S-05	<i>Power Supply and Distribution System</i>	459.25
6.	<i>Company incorporated under the laws at Japan (Company No. F01027)</i>	SBK-S-06	<i>Track Works</i>	855.00
7.	187475-V dan <i>Company incorporated under the laws at South Korea (Company No. 116-81-19477)</i>	SBK-S-07	<i>Telecommunication System</i>	319.94
8.	126229-H dan <i>Company incorporated under the laws at Singapore (Company No. 196900084E)</i>	SBK-S-08	<i>Facility of Supervisory Control and Data Acquisition (SCADA)</i>	23.24
9.	<i>A company incorporated under the laws at France (Company No. 480 800 150)</i>	SBK-S-09	<i>Automatic Fare Collection System</i>	120.76
10.	87475-V dan 97391-P	SBK-S-10	<i>Electronic Access Control System</i>	41.01
11.	125404-M	SBK-S-11	<i>Building Management System</i>	43.04
12.	747882-U	SBK-S-13	<i>Information Technology (IT) System</i>	44.47
JUMLAH KESELURUHAN (RM Juta)				4,050.00

Sumber: MRT Corp.

3.3. Pemeriksaan fizikal oleh pihak Audit telah dijalankan di lokasi seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
LOKASI PEMERIKSAAN FIZIKAL

BIL.	PAKEJ KERJA	TARIKH	LOKASI
1.	SBK-S-02: <i>Depot Equipment and Maintenance Vehicle</i>	03.07.2019	Depoh Sungai Buloh
2.	SBK-S-10: <i>Electronic Access Control System</i> SBK-S-11: <i>Building Management System</i> SBK-S-13: <i>IT System</i>	04.07.2019	<ul style="list-style-type: none"> • Stesen Tun Razak Exchange • Stesen Taman Midah • Stesen Bandar Utama
3.	SBK-S-01: <i>Electric Train</i> SBK-S-02: <i>Depot Equipment and Maintenance Vehicle</i> SBK-S-03: <i>Signalling and Train Control System</i>	05.07.2019	Depoh Sungai Buloh
4.	SBK-S-05: <i>Power Supply and Distribution System</i>	06.07.2019	<ul style="list-style-type: none"> • Depoh Sungai Buloh • Stesen Phileo Damansara
5.	SBK-S-03: <i>Signalling and Train Control System</i> SBK-S-07: <i>Telecommunication System</i>	08.07.2019	<ul style="list-style-type: none"> • Depoh Sungai Buloh • Stesen Sungai Buloh • Stesen Kwasa Damansara • Stesen Mutiara Damansara • Stesen Tun Razak Exchange • Stesen Bukit Bintang
6.	SBK-S-03: <i>Signalling and Train Control System</i>	09.07.2019	Depoh Kajang
		13.07.2019	<i>Semantan Portal</i>
7.	SBK-S-03: <i>Signalling and Train Control System</i> SBK-S-07: <i>Telecommunication System</i>	16.07.2019	<ul style="list-style-type: none"> • Depoh Sungai Buloh • Stesen Pasar Seni • Stesen Taman Midah • Stesen Taman Connaught • Stesen Kampung Selamat

Sumber: Jabatan Audit Negara

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak dan menganalisis rekod, dokumen dan fail yang berkaitan. Lawatan fizikal dilaksanakan di Depoh Sungai Buloh, Depoh Kajang dan stesen MRT terpilih. Temubual dan perbincangan turut dijalankan bersama pegawai yang terlibat terhadap sistem landasan MRT Laluan 1.

5. RUMUSAN AUDIT

5.1. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Januari hingga Julai 2019 merumuskan perkara seperti berikut:

a. Prestasi Sistem MRT

Secara keseluruhan pencapaian prestasi sistem MRT adalah memuaskan kerana pencapaian *Train Service Availability Performance* (TSAP) telah melebihi 98.5% seperti ditetapkan dalam kontrak. Pembinaan 12 pakej kerja sistem telah siap pada 17 Julai 2017. Namun, terdapat empat (4) pakej kerja sistem belum digunakan sepenuhnya dan menghadapi masalah semasa operasi tetapi tidak memberi impak

yang serius terhadap perkhidmatan tren MRT. Setakat 16 Julai 2019, sebanyak 23,459 (98.6%) kerja PM dan 7,708 (92.1%) kerja CM telah dilaksanakan oleh Rapid Rail. Manakala sebanyak 1,529 (72.5%) kerja pembaikan telah dilaksanakan oleh WPC dan sebanyak 581 (27.5%) kerja belum siap dibaiki sehingga tarikh akhir DLP. Selain itu, purata penumpang sehari yang menggunakan perkhidmatan MRT semakin meningkat daripada 42,281 hingga 167,940 orang bagi bulan Disember 2016 hingga Januari 2019. Bagaimanapun, berlaku 137 kejadian kelewatan ketibaan *Electric Train* (ET) antara lima (5) hingga 110 minit pada bulan Januari 2017 hingga Januari 2019 yang boleh memberi kesan kepada kepuasan pengguna MRT.

b. Pengurusan Sistem MRT

Bagi aspek pengurusan sistem MRT didapati tiga (3) daripada enam (6) perkara iaitu pengurusan pembaikan kerosakan, CMMS dan pemantauan perlu ditambahbaik kerana boleh memberi kesan kepada kelancaran operasi serta pelaksanaan kerja penyenggaraan terhadap sistem MRT. Manakala perancangan, pengurusan kewangan dan pentadbiran kontrak adalah teratur.

- 5.2. Penemuan utama Audit yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:
- terdapat empat (4) pakej kerja sistem belum digunakan sepenuhnya dan menghadapi masalah semasa operasi iaitu SBK-S-01, SBK-S-02, SBK-S-03 dan SBK-S-07;
 - setakat 14 Januari 2020, sebanyak 85 kerosakan masih belum siap dibaiki walaupun DLP telah tamat selama 182 hari;
 - pengurusan pembaikan kerosakan kurang memuaskan;
 - CMMS belum dapat digunakan sepenuhnya;
 - pemantauan dari segi pembaikan semasa DLP kurang berkesan kerana terdapat kerosakan yang belum diselesaikan oleh pihak WPC serta mengambil masa yang lama untuk dibaiki; dan
 - tempoh aduan selesai tidak dapat ditentukan bagi 2,067 aduan.

6. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Perkara yang ditemui serta maklum balas daripada MRT Corp. dan Rapid Rail telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 9 Oktober 2019. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti dalam perenggan berikut:

6.1. Prestasi Sistem MRT

6.1.1. Prestasi Output

Prestasi output dinilai berdasarkan tiga (3) aspek iaitu ketersediaan pakej kerja sistem, penyenggaraan dan pembaikan seperti berikut:

a. Ketersediaan Pakej Kerja Sistem

- i. Ketersediaan sistem operasi melibatkan 12 pakej kerja sistem bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Klaus 1.1.14 PDPA menyatakan tarikh penyiapan kerja bagi keseluruhan kerja adalah pada 31 Julai 2017.
- ii. Pembinaan 12 pakej kerja sistem telah siap pada 17 Julai 2017. Semakan Audit mendapati lapan (8) pakej telah siap dan digunakan. Bagaimanapun, ***terdapat empat (4) pakej kerja sistem belum digunakan sepenuhnya dan menghadapi masalah semasa operasi.*** Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 3** dan penjelasan terperinci seperti dalam **perenggan 6.2.**

JADUAL 3
EMPAT (4) PAKEJ KERJA SISTEM BELUM DIGUNAKAN SEPENUHNYA
DAN MENGHADAPI MASALAH SEMASA OPERASI

BIL.	KOD PAKEJ	BUTIRAN PAKEJ KERJA	STATUS	KESAN
1.	SBK-S-01	<i>Electric Train</i>	Dua (2) daripada 58 ET masih belum diserahkan seperti yang ditetapkan dalam kontrak.	Penilaian terhadap prestasi aset tidak dapat dilaksanakan.
2.	SBK-S-02	<i>Depot Equipment and Maintenance Vehicle</i>	CMMS yang diserahkan tidak lengkap dari segi maklumat aset, terdapat 207,280 <i>incomplete data</i> dan <i>Reliability, Availability, Maintainability and Safety (RAMS) Perfomance Report</i> tidak dapat dijana daripada CMMS.	<ul style="list-style-type: none"> • Keseluruhan kerja penyenggaraan tidak dapat direkodkan dalam CMMS. • RAMS <i>Performance Report</i> yang tidak dapat dijana daripada CMMS menyebabkan penilaian aset dan operasi secara keseluruhan tidak dapat dinilai dengan tepat.
3.	SBK-S-03	<i>Signalling and Train Control System</i>	<i>Backup Control Centre (BCC)</i> yang dibina masih belum beroperasi kerana <i>database</i> di BCC belum selari dengan <i>Operation Control Centre (OCC)</i> .	<ul style="list-style-type: none"> • BCC yang belum beroperasi boleh menyebabkan ketidakupayaan bagi mengawal keseluruhan operasi sekiranya OCC tidak dapat meneruskan operasi. • Namun, iaanya tidak mengganggu perkhidmatan MRT kerana masih terdapat kawalan sistem melalui ILC <i>workstation</i> tetapi kawalan operasi adalah terhad mengikut <i>region</i> masing-masing. Bagaimanapun, berlaku isu <i>low memory</i> di ILC <i>workstation</i> dalam <i>region</i> 10 yang menyebabkan operator tidak dapat memberi arahan kepada ET di dalam <i>region</i> tersebut.
			Berlaku isu <i>low memory</i> apabila <i>Interlocking Local Control (ILC) Workstation</i> berhubung dengan <i>Region Automatic Train Operation (RATO)</i> 10 menyebabkan sistem RATO <i>hang</i> dan <i>freeze</i> semasa operasi.	
			Indikasi <i>power</i> di landasan tidak sama dengan <i>Automatic Train Supervision (ATS)</i> dalam paparan skrin di OCC. Sebanyak 46 isu RATO telah dibangkitkan dari bulan Januari hingga November 2018 antaranya RATO <i>down, offline, loss communication, unstable</i> dan lain-lain.	Boleh membahayakan kakitangan yang menjalankan kerja penyenggaraan dan pembaikan. Masalah RATO yang berlaku telah menyebabkan 12 kejadian kelewatan ketibaan ET.

BIL.	KOD PAKEJ	BUTIRAN PAKEJ KERJA	STATUS	KESAN
			Dua (2) <i>Uninterruptable Power Supply (UPS) Signalling</i> yang diuji hanya bertahan 22 dan 25 minit berbanding 120 minit seperti yang ditetapkan dalam spesifikasi.	Tiada sokongan untuk peralatan <i>signalling</i> seperti <i>Region Automatic Train Cabinet (RATC)</i> dan <i>Signalling Platform Screen Door Controller (SPSDC)</i> sekiranya tiada power dan kegagalan UPS <i>Signalling</i> bertahan selama 120 minit.
4.	SBK-S-07	<i>Telecommunication System</i>	Berlaku 229 <i>failures</i> antara 5 Februari 2018 hingga 31 Januari 2019 yang melibatkan <i>Wireless Data Communication System (WDCS)</i> seperti komunikasi radio, telefon, <i>Closed Circuit Television (CCTV)</i> dan peralatan lain.	Isu WDCS yang berlaku secara <i>intermittent</i> apabila melalui kawasan yang padat dengan penggunaan <i>commercial Wifi</i> dan kawasan yang terdapat kecurian <i>earthing cable</i> menyebabkan ET hilang komunikasi dengan OCC, <i>alarm</i> dari <i>Passenger Emergency Call (PEC)</i> serta komunikasi video semasa PEC dibuat tidak dapat dipaparkan di pusat kawalan operasi.

Sumber: Jabatan Audit Negara

Maklum balas MRT Corp. yang diterima pada 21 April 2020

Untuk pakej kerja SBK-S-02, sebahagian kerja penyenggaraan tidak dapat direkodkan dalam CMMS kerana pihak Rapid Rail menyenarai semula aset-aset berdasarkan kepada Rapid Rail *Operational Requirement* dan tidak mengikut kontrak asal yang menyebabkan banyak *missing* dan *incomplete data* dalam CMMS. CMMS pada asalnya tidak disertakan dengan fungsi *Reliability, Availability, Maintainability and Safety (RAMS)*. Setelah mengkaji keperluan laporan RAMS melalui CMMS, MRT Corp. telah mengambil langkah untuk menambah skop RAMS melalui satu (1) *Variation Order (VO)* bagi melancarkan proses RAMS *Performance Reporting* oleh Rapid Rail. Manakala bagi pakej kerja SBK-S-03, walaupun BCC tidak dapat digunakan sepenuhnya, ia tidak menjelaskan operasi perkhidmatan MRT sekiranya OCC tidak beroperasi. Selain itu, satu (1) simulasi BCC akan diadakan bersama dengan pihak Jabatan Audit Negara yang dijangka sebelum 31 Julai 2020 selepas tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

b. Penyenggaraan

- i. Klaus 6, Jadual 3 Lampiran H, MRT HO&OA menyatakan operator hendaklah menyediakan *Maintenance Delivery Plan* dan melaksanakan kerja penyenggaraan bagi memastikan semua aset milik MRT Corp. disenggara mengikut waranti yang telah ditetapkan oleh pengilang.
- ii. Berdasarkan data CMMS mendapati ***jumlah keseluruhan kerja penyenggaraan yang dilaksanakan sebanyak 31,167 (96.9%) berbanding 32,154 yang dirancang bagi bulan Januari 2017 hingga 16 Julai 2019. Bilangan kerja PM yang dilaksanakan sebanyak 23,459 (98.6%) berbanding 23,788 dirancang.***

Manakala bilangan kerja CM yang dilaksanakan berjumlah 7,708 (92.1%) berbanding 8,366 dirancang. Setakat 16 Julai 2019, bilangan kerja PM dan CM yang masih belum diselesaikan sebanyak 987 (3.1%). Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
JUMLAH KERJA PREVENTIVE DAN CORRECTIVE MAINTENANCE
DARI 1 JANUARI 2017 HINGGA 16 JULAI 2019

KERJA	TAHUN									JUMLAH KESELURUHAN		
	2017			2018			2019 (Setakat 16 Julai 2019)					
	R	S	BS	R	S	BS	R	S	BS	R	S	BS
Preventive Maintenance	4,315	4,315 (100%)	0 (0%)	10,402	10,401 (100%)	1 (0%)	9,071	8,743 (96.4%)	328 (3.6%)	23,788	23,459 (98.6%)	329 (1.4%)
Corrective Maintenance	2,974	2,838 (95.4%)	136 (4.6%)	3,687	3,530 (95.7)	157 (4.3%)	1,705	1,340 (78.6%)	365 (21.4%)	8,366	7,708 (92.1%)	658 (7.9%)
JUMLAH KESELURUHAN	7,289	7,153	136	14,089	13,931	158	10,776	10,083	693	32,154	31,167	987

Sumber: Rapid Rail

Nota: R - Rancang, S - Selesai, BS - Belum Selesai, % - Peratus

Maklum balas Rapid Rail yang diterima pada 4, 11 Oktober 2019 dan 19 Mac 2020

Se semua *Work Order* (WO) untuk kerja PM sudah ditutup bagi tahun 2019. Selain itu, terdapat WO untuk kerja CM masih berstatus *open* kerana menunggu alat ganti, WO digunakan untuk latihan simulasi dan WO dibuka untuk dibawa ke mesyuarat *Defect Liability Period Faulty Review Board* (DLPFRB) untuk pertimbangan pemberian oleh WPC. Tarikh jangkaan semua WO yang diselesaikan di bawah DLP tertakluk kepada tempoh pemberian.

c. Pembaikan


- i. Klausula 26.1.2 PDPA menyatakan DLP bagi keseluruhan kerja hendaklah 24 bulan dari tarikh pengeluaran *Completion Certificate* (CC) iaitu bermula daripada 17 Julai 2017 hingga 16 Julai 2019.
- ii. Klausula 53.2 *WPC Contract* menyatakan "*in order that the Works, at or as soon as practicable after the expiration of the Defects Liability Period, shall be in the condition required by the Contract (fair wear and tear excepted) and to the satisfaction of the PDP, the Works Package Contractor shall:*

 - (a) *complete the work, if any, outstanding on the date stated in the Sectional Certificate Date or Certificate of Practical Completion (as the case may be) as soon as practicable after such date; and*
 - (b) *execute all such redesign, work of amendment, reconstruction, and, as necessary, remedy defects, omissions, shrinkages or other faults as the*

PDP may, during the Defects Liability Period or within fourteen (14) Days after its expiration, as a result of an inspection made by or on behalf of the PDP prior to its expiration, instruct the Works Package Contractor to execute."

- iii. Klaus 53.6 menyatakan "*save in respect of any part of the Works partially occupied pursuant to Clause 52(c), the Execution of the Works shall not be considered Completed until a Certificate of Completion of Making Good Defects shall have been issued by the PDP to the Works Package Contractor. The Certificate of Completion of Making Good Defects shall be issued by the PDP within twenty-eight (28) days after the expiration of the Defects Liability Period, or, if different defects liability periods shall become applicable to different parts of the Permanent Works, the expiration of the latest of such periods, or as soon thereafter as any Works instructed, pursuant to Clauses 51 and 53, have been completed to the satisfaction of the PDP. The Certificate of Completion of Making Good Defects shall be deemed to constitute acceptance of the Permanent Works".*
- iv. Semakan Audit mendapati PDP telah merekodkan sebanyak 2,110 kerosakan semasa DLP. ***Sebanyak 1,529 kerja pembaikan (72.5%) telah selesai manakala 581 kerja (27.5%) belum diselesaikan sehingga tamat DLP.*** Pakej kerja SBK-S-07 mencatatkan bilangan kerosakan tertinggi iaitu 392 kerosakan manakala pakej kerja SBK-S-08 merekodkan jumlah kerosakan terendah iaitu sebanyak 19 kerosakan seperti dalam **Carta 1**.

CARTA 1
BILANGAN KEROSAKAN PAKEJ KERJA SISTEM
DARI 16 DISEMBER 2016 HINGGA 16 JULAI 2019



Sumber: MRT Corp.

v. Tempoh pembaikan mengambil masa antara satu (1) hingga melebihi 731 hari (lebih daripada 24 bulan) bagi 1,214 kerosakan untuk diselesaikan. Selain itu, sebanyak 577 kerosakan masih belum diselesaikan antara satu (1) hingga 952 hari daripada tarikh kegagalan mula direkod sehingga tamat DLP. Sebanyak 319 kerosakan yang melibatkan 315 kerosakan pula telah selesai dan empat (4) kerosakan belum selesai tidak dapat ditentukan kerana tarikh kerosakan dan tarikh selesai pembaikan tidak direkodkan. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
**TEMPOH PEMBAIKAN BERSTATUS SELESAI DAN BELUM SELESAI MENGIKUT
PAKEJ KERJA SISTEM DARI 16 DISEMBER 2016 HINGGA 16 JULAI 2019**

BIL.	PAKEJ SISTEM	TEMPOH MASA UNTUK MENYELESAIKAN PEMBAIKAN (Hari)											BELUM SELESAI		TDD	JK
		1-30	31-90	91-150	151-240	241-365	366-450	451-540	541-630	631-730	>731	JUMLAH	BIL.	MIN – MAKS (HARI)		
1.	SBK-S-01	2	9	4	6	4	3	0	0	1	0	29	21	1 - 700	4	53
2.	SBK-S-02	22	89	32	33	18	3	0	1	1	3	202	72	1 - 557	37	311
3.	SBK-S-03	7	23	40	49	29	11	4	1	0	0	164	91	1 - 564	37	292
4.	SBK-S-04	18	58	11	9	2	2	1	1	0	0	102	10	1 - 71	43	155
5.	SBK-S-05	26	76	26	6	5	3	0	0	0	0	142	30	1 - 650	33	205
6.	SBK-S-06	0	7	2	3	3	2	0	0	0	0	17	19	1 - 572	1	37
7.	SBK-S-07	63	76	29	27	6	9	3	0	0	0	213	109	1 - 952	70	392
8.	SBK-S-08	2	3	3	2	5	1	0	0	0	0	16	2	1 - 29	1	19
9.	SBK-S-09	15	44	17	30	24	11	5	1	1	0	148	36	1 - 655	37	221
10.	SBK-S-10	5	7	12	8	0	0	0	1	0	0	33	138	1 - 729	3	174
11.	SBK-S-11	14	31	16	17	2	0	0	0	0	0	80	38	1 - 377	34	152
12.	SBK-S-13	40	26	1	0	1	0	0	0	0	0	68	11	1 - 222	19	98
JUMLAH		214	449	193	190	99	45	13	5	3	3	1,214	577	1 - 952	319	2,110
JUMLAH KESELURUHAN												1,791	-	319	2,110	

Sumber: MRT Corp.

Nota: TTD - Tidak Dapat Ditentukan, JK - Jumlah Keseluruhan

- vi. Antara sebab kerosakan lewat dibaiki kerana siasatan terperinci perlu dijalankan bagi mengenalpasti punca kerosakan berlaku dan terdapat maklumat tambahan untuk dimasukkan ke dalam *Operation and Manual (O&M)*.
- vii. Setakat 14 Januari 2020 iaitu 182 hari selepas DLP tamat, sebanyak 85 kerosakan masih belum siap dibaiki dan akan diselesaikan sebelum

Certificate of Making Good Defects (CMGD) dikeluarkan. Walaupun kerosakan tersebut masih belum siap dibaiki, tempoh liputan bagi Bon Pelaksanaan yang dipegang adalah lima (5) tahun iaitu sehingga 31 Julai 2022. Kerosakan yang lewat dibaiki memberi kesan terhadap pelaksanaan kerja penyenggaraan dan penggunaan aset secara optimum.

Maklum balas MRT Corp. yang diterima pada 2 dan 16 Oktober 2019 serta 14 Januari 2020


Kerja lewat disiapkan kerana melibatkan integrasi antara beberapa sistem dan *software update* yang memerlukan verifikasi, validasi, *engineering test, monitoring analysis* dan memerlukan siasatan terperinci bagi memastikan punca sebenar kerosakan oleh WPC. Kerja penutupan tuntutan DLP juga tertakluk kepada kelulusan *work permit* oleh Rapid Rail. Selain itu, CMGD untuk kesemua pakej kerja sistem akan dikeluarkan sebelum 29 Februari 2020 kecuali untuk pakej kerja SBK-S-03 dijangka akan dikeluarkan sebelum 30 Jun 2020. Selain itu, 496 daripada 581 item dalam DLP yang dibangkitkan oleh pihak Audit telah selesai.

Pada pendapat Audit, prestasi output pakej kerja sistem MRT adalah memuaskan. Namun terdapat empat (4) pakej kerja sistem yang tidak digunakan sepenuhnya dan menghadapi masalah yang boleh memberi kesan ke atas kelancaran operasi dan keselamatan kakitangan. Selain itu, kerja penyenggaraan telah mencapai peratusan yang tinggi iaitu 96.9%. Namun begitu, terdapat kerja pembaikan yang masih belum selesai walaupun DLP telah tamat.

6.1.2. Prestasi *Outcome*

- a. Objektif pembinaan projek adalah untuk menyampaikan sistem MRT yang efektif, efisien, bersepadu dan selamat kepada pengguna MRT. Berdasarkan Klausula 1.7, Jadual V PDPA, *Train Service Availability Performance* (TSAP) hendaklah mencapai 98.5% dalam tempoh DL.
- b. Sistem landasan MRT telah siap dan mula beroperasi pada 16 Disember 2016. Jumlah purata penumpang sehari yang menggunakan perkhidmatan MRT telah meningkat daripada 42,281 hingga 167,940 orang bagi bulan Disember 2016 hingga Januari 2019 seperti dalam **Carta 2**.


CARTA 2
PURATA PENUMPANG SEHARI MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN MRT LALUAN 1
BAGI BULAN DISEMBER 2016 HINGGA JANUARI 2019



Sumber: Rapid Rail

- c. Semakan Audit mendapati *pencapaian TSAP pada tahun 2017 sehingga bulan Januari 2019 telah melebihi 98.5% seperti ditetapkan dalam kontrak*. Butiran lanjut seperti dalam **Carta 3**.

CARTA 3
TRAIN SERVICE AVAILABILITY PERFORMANCE
BAGI BULAN DISEMBER 2016 HINGGA JANUARI 2019



Sumber: Rapid Rail

- d. Walaupun sistem perkhidmatan telah mencapai peratusan prestasi yang ditetapkan seperti ditunjukkan dalam **Carta 3**, namun dilaporkan berlaku 137 kes kelewatan. Berdasarkan *Ministry of Transportation Service Performance Report* yang dihantar setiap bulan oleh Rapid Rail kepada Agensi Pengangkutan Awam Darat menunjukkan bilangan kelewatan ketibaan ET melibatkan 120 hari antara bulan Januari 2017 hingga Januari 2019.
- e. Tempoh masa kelewatan adalah antara lima (5) hingga 110 minit disebabkan kerosakan peralatan dan sistem semasa operasi seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
KES KELEWATAN KETIBAAN ET
DARI TAHUN 2017 HINGGA BULAN JANUARI 2019

KEKERAPAN KELEWATAN	TAHUN	BILANGAN KEJADIAN			TEMPOH MASA (MINIT)
		HARI	KELEWATAN	JUMLAH MASA (MINIT)	
Sekali Sehari	2017	58	58	926.3	5 - 110
	2018	46	46	672.6	5 - 52
	2019 (Setakat 31 Januari)	3	3	63.0	5 - 51
	JUMLAH	107	107	1,661.9	5 - 110
Lebih dari Sekali Dalam Sehari	2017	10	23	355.2	6 - 40
	2018	3	7	146.5	11 - 41
	2019 (Setakat 31 Januari)	-	-	-	-
	JUMLAH	13	30	501.7	6 - 41
JUMLAH KESELURUHAN		120	137	2,163.6	5 - 110

Sumber: Rapid Rail

f. Julat kekerapan tempoh kelewatan ET adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
JULAT KEKERAPAN TEMPOH KELEWATAN KETIBAAN ET
DARI TAHUN 2017 HINGGA BULAN JANUARI 2019

TAHUN	TEMPOH				JUMLAH KES KELEWATAN
	1 – 10 (MINIT)	11 – 30 (MINIT)	31 – 60 (MINIT)	61 – 110 (MINIT)	
2017	45	27	6	3	81
2018	25	22	6	0	53
2019 (Setakat 31 Januari)	2	0	1	0	3
JUMLAH KES KELEWATAN	72	49	13	3	137

Sumber: Rapid Rail

- g. Analisis lanjut mendapati kekerapan tempoh kelewatan tertinggi adalah antara satu (1) hingga 10 minit yang melibatkan 72 kes. Punca berlaku kelewatan antaranya ialah masalah *Automatic Platform Gate* (APG) yang menyebabkan ET tidak berhenti di stesen yang sepatutnya, ET bergerak perlahan kerana kerosakan brek dan masalah *Region Automatic Train Operation* (RATO).
- h. Kelewatan ketibaan ET memberi kesan terhadap kepuasan pengguna. Perkara ini adalah kerana aduan tertinggi diterima disebabkan kelewatan ketibaan ET iaitu sebanyak 688 (33.3%) daripada 2,067 aduan berdasarkan laporan aduan bulanan yang dikemukakan oleh *Contact Centre Unit* (CCU), Prasarana kepada Rapid Rail bagi tempoh 16 Disember 2016 hingga 31 Januari 2019.

Pada pendapat Audit, prestasi sistem MRT adalah memuaskan kerana peratusan pencapaian TSAP telah mencapai 98.5% seperti yang ditetapkan. Namun terdapat kelewatan ketibaan ET yang boleh menjelaskan tahap kepuasan pengguna.

6.2. Pengurusan Sistem MRT

6.2.1. Pengurusan Pembaikan Kerosakan

Kontrak menyatakan semua bahan, barang serta mutu kerja hendaklah mematuhi jenis dan standard yang dinyatakan dalam spesifikasi, kualiti yang baik dan mengikut standard mutu kerja dalam industri. Antara penemuan kerosakan yang ditemui semasa pemeriksaan Audit dijalankan adalah seperti berikut:

a. SBK-S-01: *Electric Train (ET)*;

i. ET109 dan ET148

- Mengikut Klausula 3.2.1 *Particular Specification for Electric Train*, skop kerja WPC adalah mereka bentuk, pengeluaran, pengesahan, penghantaran ke tapak, pengujian, pentaulahan dan sokongan teknikal terhadap 58 ET.
- Bagaimanapun hanya 56 ET sahaja yang telah diserahkan oleh WPC. Ini kerana dua (2) ET yang bernombor ET109 dan ET148 telah mengalami kemalangan pada 30 April 2017 di Depoh Kajang. Dua (2) ET tersebut telah siap dibaiki pada 4 Februari 2018 (ET109) dan 4 Mac 2018 (ET148). Bagaimanapun, dua (2) ET tersebut masih belum diserahkan kepada MRT Corp. dan Rapid Rail setakat tarikh pengauditan bagi tujuan menjalankan operasi harian.

Maklum balas MRT Corp. yang diterima pada 14 Januari 2020

Pemeriksaan Cermat Akhir daripada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) telah dilakukan terhadap dua (2) ET tersebut pada 23 Disember 2019. Dua (2) ET berkenaan dijangka diserahkan kepada Rapid Rail sebelum 31 Januari 2020.

ii. *Wheel Train Profiling*

- Satu (1) set ET mempunyai empat (4) gerabak dengan 32 *wheel*. Klausula 5.2.4.1.2 *Particular Specification*, SBK-S-01 : *Electric Train* dan Lukisan *Solid Wheel* SW-850/775-17-202 No. KVMRT-SSSC-SBK-SS01-SYSW-ET-BOG-GE-000163 yang dikeluarkan oleh WPC menyatakan diameter untuk

wheel baru adalah 850 milimeter (mm) dan had diameter minimum *wheel* dalam keadaan *fully worn* adalah 775 mm. Selain itu, ketebalan *wheel flange* baru adalah 32 mm dan had minimum ketebalan *wheel flange* untuk beroperasi adalah 27.5 mm.

- Berdasarkan kerja penyenggaraan yang dijalankan oleh Rapid Rail, diameter *wheel* akan dipotong sebanyak 25 mm bagi setiap proses *wheel profiling*. Hal ini menjadikan bilangan maksimum proses *wheel profiling* yang boleh dilakukan adalah hanya tiga (3) kali (potongan maksimum sebanyak 75 mm) sebelum *wheel* mencapai had *fully worn* iaitu 775 mm.
- Semakan Audit mendapati proses *wheel profiling* dan penggantian *wheel* dilaksanakan lebih awal berbanding spesifikasi kontrak. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
PROSES WHEEL PROFILING DAN PENGGANTIAN WHEEL DILAKSANAKAN LEBIH AWAL BERBANDING SPESIFIKASI KONTRAK

Bil.	WHEEL	
	SPESIFIKASI KONTRAK	KEADAAN SEBENAR
1.	Klaus 8.8.5, <i>Particular Specification</i> , SBK-S-01: <i>Electric Train</i> , menyatakan <i>wheels shall achieve at least a mean distance of 200,000 km between wheel re-profiling due to the reaching of the maintenance condemning limits</i> .	Proses <i>wheel reprofiling</i> telah mula dijalankan pada purata perjalanan 120,000 km dalam masa 12 bulan (anggaran 10,000 km sebulan) terhadap 52 buah ET.
2.	Bahagian 5.6, <i>Detailed Maintenance Plan</i> , PS 4.10.7, SBK-S-01 menyatakan <i>Recommended Preventive Maintenance Strategy by Periodicity</i> adalah <i>50,000 km or 4 months for wheel set geometry measurement and 900,000 km or 6 years to estimated interval for wheel replacement depending on condition</i> .	Penggantian <i>wheel</i> dianggarkan dilaksanakan lebih awal daripada jangkaan pelan penyenggaraan iaitu selepas 360,000 km perjalanan dalam masa 36 bulan apabila diameter <i>wheel</i> mencapai had <i>fully worn</i> dan ketebalan <i>wheel flange</i> di luar julat yang dibenarkan beroperasi.

Sumber: Rapid Rail

- Semakan lanjut ke atas MRT-SBK *Train Wheel Replacement Analysis* pada bulan April hingga Disember 2018 oleh Rapid Rail mendapati jumlah perjalanan bagi 56 ET setakat bulan Julai 2019 adalah antara 215,020 hingga 366,008 km. Sebanyak tiga (3) ET bernombor T28, T35 dan T41 dijangka memerlukan penggantian *wheel* pada tahun 2019. Pada tahun 2020 dan 2021 pula dijangka jumlah penggantian *wheel* masing-masing sebanyak 22 dan 30 ET.
- Rapid Rail terpaksa menanggung kos penggantian *wheel* yang tinggi bermula tahun 2020. Ini kerana sebanyak 1,588 set bilangan *wheel* serta *damping* perlu dibeli sendiri oleh Rapid Rail dan anggaran kos satu set *wheel* adalah berjumlah RM14,000 tidak termasuk kos *damping ring*. Ini

menjadikan anggaran kos keseluruhan adalah berjumlah RM22.23 juta. Butiran lanjut seperti dalam **Gambar 1** dan **Gambar 2**.

GAMBAR 1



GAMBAR 2



Depoh Sungai Buloh
- Alat Ganti Set Wheel/Termasuk Damping Ring yang Disediakan oleh WPC
(05.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara dan Rapid Rail)

- *Wheel* yang tidak diganti dan digunakan melebihi had operasi yang dibenarkan boleh menyebabkan ET berisiko tergelincir dari landasan (*derailment*) dan membahayakan keselamatan penumpang.

Maklum balas Rapid Rail yang diterima pada 14 Januari 2020

Rapid Rail telah selesai melakukan penggantian kesemua *wheel* bagi ET41 dan penggantian sebanyak empat (4) *wheel* (1 *Bogie*) untuk ET28. Pemerhatian ke atas ketahanan tayar ET41 dan ET28 sedang dijalankan.

b. SBK-S-03: Signalling and Train Control System

i. Backup Control Centre (BCC) dan Interlocking Local Control (ILC) Workstation

- Klaus 9.4.17 *Operations Procedure: Operations Control Centre (OCC) Operation* menyatakan kawalan pergerakan ET di Laluan SBK diawasi oleh ATS of *Signalling* dan *Train Control System*. ATS menyediakan semua kawalan pemantauan, kawalan dan fungsi automatik yang diperlukan untuk menyelia *Automatic Train Operation (ATO)*, mengesan ET atau *work trains* di *Main Line* dan kawasan Depoh, serta menyokong operasi terdegradasi (dan manual). Terdapat empat (4) fungsi tahap kawalan ATS dan diringkaskan seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
EMPAT (4) FUNGSI TAHAP KAWALAN AUTOMATIC TRAIN SUPERVISION (ATS)

TAHAP	FUNGSI
Tahap 1	<i>Operations Control Centre (OCC)</i> berfungsi mengawal perkhidmatan ET dan keseluruhan sistem MRT.
Tahap 2	<i>Backup Control Centre (BCC)</i> adalah <i>backup OCC</i> yang dibina bertujuan untuk mengambil alih operasi sistem MRT secara keseluruhan sekiranya OCC tidak selamat untuk meneruskan operasi.
Tahap 3	<i>Automatic Train Supervision (ATS) Local Control Workstation</i> berfungsi untuk mengawal ET di dua (2) <i>Depot Control Center (DCC)</i> dan 10 <i>Master Station Control Room (SCR)</i> dengan fungsi yang terhad di kumpulan <i>master station</i> atau kawasan depoh.
Tahap 4	<i>Interlocking Local Control (ILC) Workstation</i> mempunyai fungsi yang terhad iaitu kawalan operasi mengikut <i>interlocking region</i> masing-masing.

Sumber: Rapid Rail

- Klausula 5.2.9 *Project Specification, System Architecture Description, Contract SBK-S-03 Signalling & Train Control System* menyatakan sekiranya keseluruhan OCC/BCC atau *Data Communication System (DCS) backbone system* gagal beroperasi, ILC *workstation* dapat mengendalikan sistem melalui sambungan langsung ke RATO. *Local Control Workstation* ditempatkan di dalam *Station Control Room (SCR)* di mana terdapat *Region Automatic Train Protection (RATP)* dan RATO termasuk dua (2) *Depot Control Centre (DCC)* di Depoh Sungai Buloh dan Depoh Kajang. Lokasi *Local Control Workstation* adalah seperti dalam **Jadual 10**.


JADUAL 10
LOCAL CONTROL WORKSTATION DI STESEN DAN DEPOH

REGION	LOKASI
Region 1	Sungai Buloh
Region 2	Kwasa Damansara
Region 3	Phileo Damansara
Region 4	Muzium Negara
Region 5	Maluri
Region 6	Bandar Tun Hussein Onn
Region 7	Kajang
Region 8 dan Region 10	Depoh Sungai Buloh
Region 9	Depoh Kajang

Sumber: Rapid Rail

- Lawatan Audit mendapati BCC yang dibina masih belum boleh beroperasi kerana *database* di BCC belum selari dengan OCC. Proses mengemas kini *software* belum siap dijalankan oleh WPC. Ini boleh menyebabkan pemindahan operasi dari OCC ke BCC tidak dapat dilaksanakan sekiranya OCC tidak dapat meneruskan operasi. Jika berlaku sebarang kegagalan atau kecemasan yang menyebabkan OCC tidak boleh beroperasi, BCC tidak dapat diaktifkan untuk mengambil alih sepenuhnya fungsi OCC. Butiran lanjut seperti dalam **Gambar 3** dan **Gambar 4**.

GAMBAR 3



Backup Control Centre
- Bilik Operasi *Backup Control Centre* Sekiranya
Operational Control Centre Tidak Beroperasi
(09.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4



Backup Control Centre
- Software Automatic Train Supervision
Masih Belum Siap Dikemaskini
(09.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)


- Selain itu, berlaku isu *low memory* apabila ILC *workstation* berhubung dengan RATO 10 di DCC Sungai Buloh yang boleh menyebabkan sistem RATO *hang* dan *freeze* semasa operasi. Ini kerana bilangan data *equipment* dalam sistem RATO tersebut lebih banyak berbanding sembilan (9) *region* lain dan menyebabkan penggunaan memori yang tinggi. Oleh itu, bagi mengurangkan penggunaan memori ILC *workstation* telah diletakkan dalam keadaan *sleep mode*. Butiran lanjut seperti dalam **Gambar 5** dan **Gambar 6**.

GAMBAR 5



Bilik DCC, Depoh Sungai Buloh
- ILC Workstation Berada Dalam *Sleep Mode* bagi Mengurangkan Penggunaan Memori
(16.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 6



- BCC yang belum beroperasi boleh menyebabkan ketidakupayaan bagi mengawal keseluruhan operasi sekiranya OCC tidak dapat meneruskan operasi. Sekiranya BCC juga tidak dapat beroperasi, kawalan sistem boleh dikawal melalui ILC *workstation* namun kawalan operasi adalah terhad mengikut *region* masing-masing. Bagaimanapun berlaku isu *low memory* di ILC *workstation* dalam *Region* 10 yang boleh menyebabkan operator tidak dapat memberi arahan kepada ET di dalam *region* tersebut.

Maklum balas MRT Corp. yang diterima pada 14 Januari 2020

BCC Masih Belum Beroperasi

Kesemua ujian yang berkaitan dengan fungsi OCC-BCC telah disiapkan pada 22 September 2019. Laporan ujian telah dihantar untuk semakan PDP pada 31 Oktober 2019. Demonstrasi fungsi OCC-BCC dijangka akan dilakukan pada bulan April 2020 setelah semua isu berkaitan sistem *signalling* diselesaikan. Permohonan *work permit* bagi melakukan *engineering test* untuk semua *software* yang berkaitan sedang berjalan.

Interlocking Local Control (ILC) Workstation - Low Memory Issue

WPC akan membetulkan isu ini dalam perisian RATO baru (RATO 3.08.00) yang dijangka pada bulan Mac 2020. Permohonan *work permit* bagi melakukan *engineering test* untuk semua *software* yang berkaitan sedang berjalan.

Maklum balas Rapid Rail yang diterima pada 14 Januari 2020

WPC sedang menjalankan kerja penambahanbaikan.

ii. Region Automatic Train Operation (RATO)

- Klaus 5.3.3 *System Architecture, KVMRT-BTRCS-SBK-SS03-SYSW-SPC-SIG-000045* menyatakan RATO is *Hot-Standby configuration. The ATO functions are responsible for the "non-VITAL" operations of the train control system. The ATO functions include alarm generation and event logging, interface with the Central ATS and RATP, control of station platform doors, train operation according to commanded speedprofile (acceleration and deceleration) including performance levels (coasting, energy saving etc.), station door control request and routing the trains through the system.*
- Sebanyak 46 isu RATO telah dibangkitkan dari bulan Januari hingga November 2018 antaranya RATO *down, offline, loss communication, unstable* dan lain-lain. Kejadian berlaku di sembilan (9) daripada 10 *region* kecuali Depoh Kajang (*Region 9*). WPC telah mengambil tindakan dengan mengemas kini *software* sedia ada namun masalah masih lagi berlaku.
- Kegagalan komunikasi perhubungan antara RATO dengan ATS boleh menyebabkan status ET dan *equipment* tidak dikemaskini dalam ATS *graphic display* dan operator hilang kebolehan untuk kawalan dalam *region* yang terlibat. Selain itu, berlaku 12 kejadian kelewatan ketibaan ET antara lima (5) hingga 40 minit disebabkan kegagalan RATO yang direkodkan di antara bulan Mei 2017 hingga Januari 2019.

Maklum balas MRT Corp. yang diterima pada 19 September 2019

Kerja baik pulih telah dijalankan yang meliputi *Signalling Platform Screen Door Controller (SPSDC) 4.4.2* pada 16 Ogos 2019, RATO 03.06.00 pada 7 Julai 2019 dan ATS 6.0.0 pada 21 Julai 2019. Susulan daripada itu, tiada kejadian berulang dilaporkan sejak 21 Julai 2019 dan kesan terhadap operasi adalah minimal.


Maklum balas Rapid Rail yang diterima pada 14 Januari 2020

Tiada insiden berulang yang menyebabkan operasi tergendala.

iii. Indikator Automatic Train Supervision (ATS)

- Klausa 8.5.9 *Operations Procedure*: OCC Operation menyatakan jika dan apabila *power* dimatikan (*de-energize*), *Traffic Controller* (TC) hendaklah mengesahkan status indikator ATS pada paparan skrin di OCC bagi memastikan tiada ET yang bergerak semasa kerja penyenggaraan.
- ***Indikator ATS bagi segmen 230A, 230B dan 230C pada paparan skrin di OCC tidak sama dengan indikator Power Supervisory Control And Data Acquisition (PSCADA) dan keadaan fizikal sebenar di tapak.*** Butiran lanjut seperti dalam **Gambar 7** dan **Gambar 8**.

GAMBAR 7



Operations Control Centre
- Indikator ATS Pada Paparan Skrin Berbeza dengan Indikator PSCADA dan Keadaan Fizikal di Tapak (06.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 8



Segmen 231, Stesen Semantan
- Pegawai Rapid Rail Menggunakan *Voltage Detector Tester* di Landasan bagi Menunjukkan *Power* Telah Dihidupkan di Segmen 230, 230A, 230B, 230C dan 231 (06.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- ***Paparan skrin yang tidak sama seperti keadaan fizikal boleh membahayakan kakitangan yang menjalankan kerja penyenggaraan dan pembaikan di landasan.*** Ini kerana TC tidak mendapat gambaran indikasi *power* yang betul.

Maklum balas MRT Corp. yang diterima pada 14 Januari 2020

WPC *Power Supply and Distribution System* (PSDS) telah membuat penambahan *input/output (I/O) power zone* pada *pocket track*. Justeru, dokumen *Interface Control Document* (ICD) antara pakej kerja PSDS dan *Signalling* perlu dikemaskini. WPC akan mengemas kini perisian ATS 6.00.03 bagi penambahan ini. Proses semakan semula ICD sedang dijalankan dan pengemaskinian *software* berkaitan dijangka akan dilakukan pada bulan Mac 2020. Permohonan *work permit* bagi melakukan *engineering test* untuk semua *software* yang berkaitan sedang dilaksanakan.

iv. Uninterruptable Power Supply (UPS) Signalling

- Klaus 10 UPS *Material Specification Contract* SBK-S-03 menyatakan *in the event of a power failure the UPS has been configured to provide back-up for 120 minutes*. UPS *Signalling* berfungsi untuk memastikan bekalan kuasa yang berterusan tanpa gangguan untuk *signalling system*.
- UPS *Signalling* yang diuji semasa UPS *Discharge Test* pada 22 Februari 2019 di Depoh Sungai Buloh mendapati hanya bertahan 22 minit berbanding 120 minit seperti ditetapkan dalam spesifikasi. Pihak Audit mendapati isu ketahanan bateri telah berlaku semasa peringkat *trial operation Phase 1* di mana bateri hanya dapat bertahan kurang daripada 40 minit.
- Manakala, UPS *Signalling* yang diuji semasa UPS *Discharge Test* pada 23 Februari 2019 di Depoh Sungai Buloh mendapati hanya bertahan 25 minit berbanding 120 minit seperti ditetapkan dalam spesifikasi kerana kabel dan modul bateri pada kabinet 05 di slot 34, 35 dan 36 telah terbakar menyebabkan trip pada *Miniature Circuit Breaker* (MCB) dan kegagalan fungsi pada semua peralatan *signalling* dalam *Central Equipment Room*.
- Kesannya boleh menyebabkan tiada sokongan untuk *signalling equipment* apabila berlaku *power failure*.

Maklum balas MRT Corp. yang diterima pada 19 September, 16 Oktober 2019 dan 14 Januari 2020

WPC telah mengemukakan Laporan Penyiasatan UPS kepada PDP pada 31 Julai 2019 menyatakan rintangan yang tinggi terhadap penyambung *battery module* boleh menyebabkan papan pengelas bateri terbakar. WPC dalam proses membaiki UPS tersebut. Berikutan kegagalan WPC untuk memenuhi pelan pembaikan bagi menambah baik sistem UPS *Signalling*, satu arahan MRT Corp. melalui surat

bertarikh 13 Januari 2020 dan dari PDP bertarikh 10 Januari 2020 telah dikeluarkan kepada WPC untuk memberi penyelesaian kekal kepada masalah UPS *Signalling*. PDP mengarahkan WPC untuk mengeluarkan satu (1) *technical proposal* bagi menggantikan sistem UPS sedia ada dengan kadar segera.


Maklum balas Rapid Rail yang diterima pada 20 September 2019 dan 19 Mac 2020

Beberapa sebab UPS *Signalling* gagal berfungsi dengan baik seperti kerosakan *power module*, *battery module* dan kad SNMP serta STS. Kesan kegagalan UPS *Signalling* boleh dibahagikan kepada dua (2) situasi seperti dibawah:


- i. Situasi pertama – Kegagalan bekalan kuasa dari *Low Voltage* (LV)/Tenaga Nasional Berhad (TNB) [*Power Failure/LV Failure*] dan kegagalan UPS *Signalling*: Tiada sokongan bagi setiap peralatan *signalling* seperti *Region Automatic Train Cabinet* (RATC), *Object Controller Cabinet* (OBC), *Signalling Platform Screen Door Controller* (SPSDC) dan *Data Transmission System* (DTS) yang boleh menyebabkan gangguan operasi dan juga gangguan dalam penghantaran data; serta
- ii. Situasi kedua – Tiada kegagalan kuasa (*no power failure*) dan kegagalan UPS *Signalling* boleh memberi impak pada peralatan *signalling* bergantung sepenuhnya dari perubahan (*fluctuation*) dan kestabilan bekalan kuasa daripada TNB.

v. Switch Machine Diode Terminal

- *Switch machine diode terminal* adalah di antara komponen dalam pakej kerja *Signalling* (SBK-S-03) yang dilaksanakan oleh WPC.
- Kerosakan *switch machine diode terminal* berlaku sebanyak tiga (3) kali iaitu pada bulan Oktober 2017, November 2017 dan April 2018. Mengikut Laporan Siasatan daripada WPC berkaitan *Switch Machine Diode Terminal Failure* dan MRT SBK *Line Service Disruption Report* bertarikh 19 April 2018, kerosakan adalah disebabkan daripada panahan petir yang berlaku.
- Langkah penambahbaikan telah diambil dengan menggantikan dan mengubah kedudukan *diode/resistor* dari *Terminal Box* ke *Joint Box* serta memasang 165 bilangan *varistor* yang terbakar di laluan sepanjang 51 km. Butiran lanjut seperti dalam **Gambar 9** dan **Gambar 10**.

GAMBAR 9

Semantan Portal
- Kedudukan Asal Diode di dalam Terminal Box
(13.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 10

Semantan Portal
- Kedudukan Diode dan Varistor di dalam Junction Box
(13.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- Mengikut *Incident Report For Point Machine Diode Failures*, kerosakan yang berlaku pada 5 Oktober 2017 adalah disebabkan kecurian pada *earthing cable*.
- Kesan daripada kerosakan *switch machine diode terminal*, perkhidmatan ET telah tergendala selama 34 minit pada 5 Oktober 2017, 40 minit pada 10 November 2017 dan 44 minit pada 19 April 2018.

Maklum balas MRT Corp. yang diterima pada 19 September 2019


Penambahbaikan pada litar *switch machine* telah dilaksanakan untuk menangani masalah *resistor* terbakar sekiranya berlaku kecurian kepada *mainline earthing protection*. Pelaksanaan interim yang telah menjadi penyelesaian akhir selesai di *mainline* dan depoh. Reka bentuk telah disemak dan diluluskan serta laporan akhir telah dikeluarkan kepada PDP. Set alat ganti *varistor* telah dibekalkan kepada Rapid Rail pada 20 Julai 2019. Kos untuk *diode* dan *varistor* adalah termasuk di dalam kos *stations and trackside manufacture* serta *stations and trackside installation*. Kos adalah di bawah tanggungjawab tempoh DL. Tiada kos tambahan dikenakan ke atas MRT Corp. dan Rapid Rail.

c. SBK-S-07: Telecommunication System

i. Wireless Data Communication System

- Klaus 5.8.1.1 dan 5.8.1.24 *Particular Specification* (PS), SBK-S-07: *Telecommunication System* (SBK-S-07) menyatakan *Wireless Data Communication System* (WDCS) akan menyediakan saluran penstriman video dan komunikasi data *train-to-ground* atau *ground-to-train* melalui infrastruktur rangkaian jalur lebar tanpa wayar yang dibina di sepanjang landasan dan di dalam terowong untuk penghantaran *wireless* secara langsung dari pelbagai jenis media termasuk video, imej dan cara multimedia.

- WDCS akan membolehkan penghantaran *video streams* dari kamera CCTV dalam ET ke CCTV *Workstation* di OCC/BCC. Klaus 5.8.1.23 PS SBK-S-07 juga menyatakan sistem *in-train Passenger Emergency Communication* (PEC) hendaklah disambungkan kepada *Access Point Controller* (APC) untuk penghantaran imej video yang ditangkap oleh *Internet Protocol* (IP) kamera PEC.
- Rakaman CCTV dari ET ke Pusat Pengurusan Sistem tidak dapat dipaparkan seperti dalam **Gambar 11**. Selain itu, *alarm* daripada PEC dalam ET tidak menyala (*Pop Up*) dan tiada rakaman yang dipaparkan dalam monitor semasa pengujian dilakukan di antara pegawai *Communication Controller* (CC) di OCC dan *Train Officer* (TO) di ET.



GAMBAR 11

Pusat Pengurusan Sistem,

Depoh Sungai Buloh

- Rakaman CCTV dari ET04 Tidak Dapat
Dipaparkan dalam Monitor
(16.07.2019)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- Semakan lanjut ke atas dokumen mendapati berlaku 229 kegagalan antara 5 Februari 2018 hingga 31 Januari 2019. Kegagalan yang melibatkan WDCS seperti komunikasi radio, telefon, CCTV dan peralatan lain berkaitan dengan komunikasi menyebabkan *Backbone Transmission Network* (BTN) *Intermittent fault, communication equipment down due to power tripped* dan OCC hilang komunikasi dengan ET di semua stesen dan depoh. Sebanyak 15 *defect claims* telah dibawa ke mesyuarat *Defect Liability Period Faulty Review Board* (DLPFRB), namun isu WDCS masih belum diselesaikan sepenuhnya.

Maklum balas MRT Corp. yang diterima pada 2 dan 16 Oktober 2019 serta 21 April 2020

Laporan WPC menyatakan faktor utama kegagalan sistem kerana *third party interference* iaitu gangguan *wifi commercial* di sepanjang laluan SBK. MRT Corp. sedang menimbang untuk penggunaan *channel wifi* baru dan masih menunggu maklum balas daripada *Original Equipment Manufacturer* (OEM) berkenaan dengan konfigurasi semula. Bagaimanapun, maklumat yang diterima daripada PDP dan WPC menyatakan pihak OEM bagi WDCS tidak memberi sokongan untuk menaik taraf konfigurasi semula ke *channel wifi* baru. MRT Corp., Rapid Rail, PDP, dan WPC telah

mengadakan *Joint Test* untuk mendapatkan persetujuan dari segi keperluan operasi. Selain itu, Rapid Rail akan membaiki segala kerosakan yang telah dikenalpasti bagi mempertingkatkan prestasi penggunaan terhadap WDCS.

Maklum balas Rapid Rail yang diterima pada 14 Januari 2020

Kerja baik pulih masih berjalan. Walau bagaimanapun, prestasi WDCS masih tidak mencapai tahap optimum. Impak terhadap operasi adalah seperti berikut:

1. Kelewatan/hilang dalam penghantaran *alarm* antara ET kepada pusat kawalan operasi.
2. Komunikasi video semasa Panggilan Kecemasan Penumpang tidak dapat dipaparkan di pusat kawalan operasi.

ii. *Radio Intermittent*

- Sistem radio menyediakan komunikasi dua (2) hala dan komunikasi data di seluruh kawasan operasi. Ia juga menyediakan operasi penghantaran radio ET yang cekap dan berkesan bagi pengendali di OCC, BCC serta Depoh Sungai Buloh dan Kajang. Mengikut perenggan 10.1.3 *Final Design Specification For Radio System (Revision 1)* menyatakan *the TETRA digital mobile radio system is designed with 19 base station selected to achieve the following radio coverage criteria:*
 - *Portable In-Train, -86dBm received at 1.2 m, at 95% coverage area reliability;*
 - *Portable On-Street, -86dBm received at 1.2 m, at 95% coverage area reliability; and*
 - *Mobile On-Train, -86dBm received at 3.0 m, at 95% coverage area reliability.*
- *Walkie talkie* digunakan sebagai alat komunikasi dua (2) hala semasa operasi. Semasa pemeriksaan fizikal pada 8 Julai 2019 dijalankan, isyarat radio pada *walkie talkie* semasa perjalanan ET dari Stesen Tun Razak Exchange ke Stesen Bukit Bintang berada dalam keadaan *lost connection* di mana bacaan menunjukkan -256 dBm. *Lost connection* berpunca daripada kerosakan *connector coupler*.
- Semakan lanjut terhadap dokumen mendapati sebanyak 112 kejadian *radio intermittent* dan *no signal* telah berlaku di 23 lokasi pada bulan Januari hingga Disember 2018.

Maklum balas MRT Corp. yang diterima pada 2 dan 16 Oktober 2019 serta 21 April 2020

Pembaikan telah dilaksanakan dengan menukar kesemua *connected coupler* kepada yang baru. Masalah ini adalah isu berbangkit. Daripada tiga (3) tuntutan DLP yang dibuat iaitu stesen Tun Razak Exchange (TRXS) ke Bukit Bintang (BUBS), Bandar Utama (BAUS) dan Bukit Dukung (BDUS), dua (2) telah ditutup iaitu TRXS ke BUBS dan BAUS. Untuk BDUS, pihak WPC telah menyelesaikan isu ini dengan memasang *leaky cable* untuk kawasan yang terjejas.


Maklum balas Rapid Rail yang diterima pada 14 Januari 2020 dan 19 Mac 2020

WPC telah mengeluarkan laporan dan mengesahkan isu *intermittent*. WPC telah selesai membuat kerja penambahbaikan dan di bawah perhatian sehingga bulan April 2020.

iii. Fiber Optic Converters (FOC)

- FOC digunakan untuk menyambungkan UTP/STP dengan kabel fiber optik. Penukar media tersebut diperlukan untuk menyokong protokol *Gigabit Ethernet* dengan pangkalan yang diaktifkan oleh *Port over Ethernet* (PoE) untuk menghidupkan peralatan akhir.
- CCTV tidak berfungsi kerana kerja penyenggaraan ke atas FOC tidak dapat dilaksanakan disebabkan tiada *opening access* seperti dalam **Gambar 12** dan **Gambar 13**. Selain itu, terdapat FOC berada pada kedudukan yang tinggi dan ruang yang sempit. Perkara ini turut berlaku di 12 stesen MRT iaitu Sungai Buloh, Kwasa Sentral, Kota Damansara, Surian, Mutiara Damansara, Bandar Utama, Taman Tun Dr. Ismail, Taman Mutiara, Sri Raya, Sungai Jernih, Pasar Seni dan Maluri.

GAMBAR 12



GAMBAR 13



Entrance B, Stesen Taman Midah

- CCTV Tidak Berfungsi Kerana Pegawai Rapid Rail Tidak Dapat *Troubleshoot* FOC di dalam Siling Disebabkan Tiada *Opening Access*
(16.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- FOC dan CCTV yang kerap rosak apabila berlaku hujan dan *lightning* menyebabkan CCTV di *Entrance C*, Stesen Taman Connaught tidak berfungsi. Perkara ini telah terjadi sebanyak tiga (3) kali di mana kejadian pertama dan kedua berlaku pada bulan Oktober dan November 2017. Rapid Rail telah menukar FOC sebanyak dua (2) kali dan menggantikan enam (6) buah CCTV yang rosak dalam tempoh tersebut. Namun, kejadian ketiga telah berlaku pada 25 September 2018 yang menyebabkan FOC serta lima (5) buah CCTV rosak sekali lagi dan masih belum dibaiki sehingga kini.
- Berdasarkan SBK *Line Monthly Report* pada bulan Januari 2019, sebanyak 15 FOC telah diganti pada tahun 2018 dan 2019. Stesen lain yang terlibat adalah Taman Midah, Kajang, Kampung Selamat, Sungai Buloh, Mutiara Damansara dan Depoh Sungai Buloh. Kesan daripada kerosakan ini boleh menyebabkan rakaman CCTV tidak dapat dipaparkan dalam monitor di stesen.

Maklum balas MRT Corp. yang diterima pada 19 September dan 14 Januari 2020

PDP dan WPC sedang mempercepatkan kerja pembaikan untuk mengatasi masalah akses peralatan bagi tujuan penyenggaraan dan MRT Corp. telah mengemukakan senarai lokasi kepada kedua pihak untuk tindakan lanjut. Isu ini sedang dipantau di dalam mesyuarat *biweekly project closure* dan akan diselesaikan sebelum CMGD dikeluarkan. *Opening access* bagi FOC di Stesen Taman Midah dan Stesen Pasar Seni telah dilaksanakan dan DLP WO telah ditutup. Selain itu, FOC dan CCTV kerap rosak kerana kecurian kabel bumi dan terdedah kepada risiko panahan petir (*lightning*).

Maklum balas Rapid Rail yang diterima pada 14 Januari 2020

Rapid Rail telah menggantikan enam (6) unit CCTV selepas WPC selesai melakukan kerja pembaikan. Namun pada 16 Oktober 2019, tujuh (7) unit CCTV telah rosak termasuk enam (6) unit baru yang telah diganti. Sehingga kini, Rapid Rail masih menunggu tindakan oleh WPC.

d. Kesukaran Pelaksanaan Kerja Penyenggaraan

- i. Kerja penyenggaraan penyaman udara *split unit* dan CCTV sukar dilaksanakan seperti dalam **Gambar 14** dan **Gambar 15**. Ini kerana lokasi aset kurang sesuai iaitu kedudukan unit *outdoor* adalah tinggi dan terhalang serta menyukarkan penggunaan tangga dan jentera pengangkat seperti

scissor lift. Masalah penyenggaraan ini berlaku di Stesen Sungai Buloh, Kampung Selamat, Bandar Utama, Taman Suntex dan Bukit Dukung.

GAMBAR 14



Stesen Sungai Buloh
- Kerja Penyenggaraan Penyamanan Udara *Split Unit*
Sukar Dilaksanakan Kerana Kedudukan yang Tinggi
(08.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 15



Stesen Kampung Selamat
- Kerja Penyenggaraan CCTV Sukar Dilaksanakan
(16.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- ii. Kerja penyenggaraan pembesar suara juga sukar dilaksanakan kerana berada di luar pagar pejalan kaki seperti dalam **Gambar 16**. Selain itu, terdapat pembesar suara yang dipasang di atas *escalator* dan luar daripada pintu masuk. Perkara ini berlaku di Stesen Taman Midah, Kota Damansara, Mutiara Damansara, Taman Tun Dr. Ismail, Phileo Damansara, Pusat Bandar Damansara, Pasar Seni, Taman Pertama, Taman Mutiara, Taman Connaught, Taman Suntex dan Sri Raya.



GAMBAR 16

Stesen Taman Midah
- Kerja Penyenggaraan Pembesar Suara Sukar
Dilaksanakan Kerana Berada di Luar Pagar
Pejalan Kaki
(16.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas MRT Corp. yang diterima pada 2 dan 16 Oktober 2019

PDP dan WPC telah diarahkan untuk menyediakan akses bagi tujuan penyenggaraan sebelum CMGD dikeluarkan. Selain itu, peralatan khas untuk akses seperti *scissor lift*, *sky lift* dan sebagainya disediakan bagi tujuan akses penyenggaraan di kawasan yang sukar. Perkara ini telah ditambah baik untuk projek MRT Laluan 2 yang sedang dalam pembinaan.

Maklum balas Rapid Rail yang diterima pada 4 Oktober 2019 dan 14 Januari 2020

Kesukaran kerja penyenggaraan menyebabkan tempoh pemberian mengambil masa yang lama. Rapid Rail masih lagi menunggu tindakan daripada MRT Corp. untuk kerja pengalihan semula bagi peralatan CCTV dan pembesar suara.

Pada pendapat Audit, pengurusan pemberian kerosakan bagi pakej SBK-S-01 dan SBK-S-03 adalah kurang cekap manakala pakej SBK-S-07 adalah kurang berkesan. Ini kerana terdapat kerosakan yang masih berulang, belum diselesaikan dan terdapat peralatan yang dibekalkan tidak mencapai spesifikasi yang ditetapkan.

6.2.2. *Computerised Maintenance Management System*

- a. *Computerised Maintenance Management System* (CMMS) adalah pusat pengurusan sistem berkomputer untuk menyokong penyenggaraan aset yang cekap dan berkesan. Rapid Rail bertanggungjawab menggunakan CMMS untuk memasukkan data yang relevan berkaitan kegagalan peralatan/aset dan merekod semua kerja penyenggaraan yang dijalankan. CMMS adalah di bawah pakej kerja sistem SBK-S-02 dan mempunyai *interface* dengan pakej kerja sistem lain iaitu SBK-S-01, SBK-S-03, SBK-S-05, SBK-S-06, SBK-S-07 dan SBK-S-13.
- b. Fungsi CMMS yang disediakan hendaklah mengikut Klausus 6.43.2 *Particular Specification*, SBK-S-02.
- c. Klausus 7.4 Jadual 3: Lampiran H, HO&OA menyatakan operator hendaklah melaporkan *Reliability, Availability, Maintainability and Safety* (RAMS) bagi prestasi landasan rel setiap bulan terhadap prestasi yang diharapkan (seperti yang dipersetujui antara pihak-pihak) dan menganalisis data RAMS, insiden dan kegagalan untuk mengenal pasti punca, tindakan pembetulan dan pencegahan.
- d. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:
 - i. WPC telah membangunkan fungsi dalam CMMS seperti yang telah ditetapkan dalam kontrak. Bagaimanapun, terdapat fungsi yang masih belum digunakan oleh Rapid Rail seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
FUNGSI COMPUTERISED MAINTENANCE MANAGEMENT SYSTEM
BELUM DIGUNAKAN OLEH RAPID RAIL

BIL.	KLAUSA	PERKARA	SEBAB TIDAK MENGGUNAKAN
1.	6.43.2.2 (3)	<i>Schedule the planned preventive maintenance routines:</i> (b) Implement predictive maintenance strategy based on the records of the user-defined meter readings	<i>This function is not available in CMMS and not in the training module</i>
2.	6.43.2.2 (5)	<i>Generate WO's for the planned and unplanned maintenance work and monitor the progress of the maintenance work:</i> (b) Automatically generate pre-defined WO's for pre-set periods	<i>User need to open WO manually in bulk</i>
		(j) Highlight the requirement of staff with special competency to accomplish the maintenance activities	<i>Unable to create WO without equipment ID</i>
3.	6.43.2.2 (6)	<i>Support resources planning (including maintenance personnel, equipment and facility) associated with the maintenance activities:</i> (a) Compare the required workload (based on the maintenance planning and WO information) with available resources (e.g. workforce, facility, spares) for user reference (b) Project manpower requirement for user to develop roster	<i>Not fully used/trained</i>
4.	6.43.2.2 (7)	<i>Schedule calibration and testing for tools and test equipment:</i> (a) Generate WO for tools and test equipment based on calibration plans (b) Warn the users not to use a piece of tool or test equipment when it is overdue for calibration	<i>Calibration function is not activated and trained</i>
5.	6.43.2.2 (8)	<i>Provide maintenance budgeting and costing statistics:</i> (a) Track expenses for different activities or by type (e.g. maintenance type, WO type, period, equipment class, failure code, etc.) (b) Roll up and drill down the maintenance costs across hierarchical systems, subsystem, and locations	<i>Cost is not maintained/ provided into CMMS</i>
6.	6.43.2.2 (9)	<i>plan and control maintenance inventory:</i> (d) Generate alarm when the stock level drops below a preset level (two preset levels - re-order and critical -shall be provided)	<i>Not configured for alarm/ notification function</i>
		(g) Allow access to the materials catalogues from the WO planning applications	<i>Function is not maintained</i>
		(h) Record safety information (e.g. MSDS, special storage requirements, etc.) for spare parts	<i>Functions are not provided</i>
		(i) Assign/group stock items into different classes based on historical usage and costs	<i>No Training provided</i>
		(j) Incorporate QA/QC requirements and status for the received goods, and set the goods as in-active before passing QA/QC	<i>Functions are not provided</i>
7.	6.43.2.2 (11)	<i>Process condition monitoring input and perform predictive maintenance planning:</i> (a) Allow users to define unlimited measurement points for each piece of equipment, and set the upper limit and lower limit for these measurement points (b) Allow the update of these measurement points by manual input or batch data upload (c) Generate WO's automatically based on the reading of the measurement points and the preset limits	<i>Functions are not provided</i>
8.	6.43.2.2 (1)	<i>Control the maintainable assets through an asset register:</i> (d) Track life-to-date accountability for assets such as labour costs and material costs with roll-up function to a higher level of asset hierarchy and drill down function to a lower level of asset hierarchy	<i>Field not customisable. Batch uploaded only authorised for IT support/administration.</i>

Sumber: Rapid Rail

- ii. CMMS telah diserahkan kepada Rapid Rail pada 30 Disember 2016. CMMS digunakan secara berperingkat oleh setiap bahagian dari bulan Mac 2017 sehingga Ogos 2018. Tiga (3) daripada lima (5) bahagian masih belum menggunakan CMMS sepenuhnya dan merekod data secara manual bagi menguruskan kerja PM atau CM iaitu Bahagian *Wayside Signalling and Telecommunication System*, *Wayside Power System* dan *Facilities Maintenance and Administration* (FMAD).
- iii. Perkara ini berlaku kerana CMMS yang diserahkan tidak lengkap dari segi maklumat aset, *asset tagging* dalam sistem tidak sama dengan fizikal dan WO tidak boleh ditutup. Terdapat WO yang dibangkitkan dalam mesyuarat DLPFRB dan masih berstatus *Open* seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
WORK ORDER CMMS YANG MASIH BERSTATUS OPEN

BIL.	TARIKH	NOMBOR DLP	ITEM
1.	07.06.2018	#1022	<i>Power consumption data is not updated. Last incoming data is on 29th October 2017.</i>
2.	13.08.2018	#1352	<i>System lost connection while converting service request into WO.</i>
3.	15.03.2019	#2282	<i>WO unable to finish because WO not found by the system. It causing to unable to clock out. Elapsed time running and keep increase.</i>
4.	15.03.2019	#2283	<i>Train Management System (TMS) data display in CMMS is not accurate;</i> <i>i. Some train that serviceable do not have interface record data.</i> <i>ii. Train not serviceable with a wrong date interface data.</i>

Sumber: Rapid Rail

- iv. Berdasarkan mesyuarat DLPFRB bilangan 51 yang diadakan pada 23 Julai 2019, Rapid Rail memaklumkan terdapat 207,280 *incomplete data* dalam CMMS. Selain itu, RAMS *Performance Report* tidak dapat dijana daripada CMMS dan Rapid Rail tidak menyediakan laporan tersebut.
- e. CMMS yang tidak digunakan secara menyeluruh boleh menyebabkan prestasi aset dan operasi tidak dapat dinilai dengan tepat dan mengenal pasti punca kerosakan agar pencegahan dapat dilaksanakan.

Maklum balas MRT Corp. yang diterima pada 2 dan 16 Oktober 2019 serta 21 April 2020

Sebelum penyerahan CMMS kepada Rapid Rail, MRT Corp. dan PDP telah menjalankan pemeriksaan terperinci untuk memastikan kesemua data yang diberi oleh WPC telah dimasukkan ke dalam sistem. PDP telah mengarahkan semua WPC menyemak semula kelengkapan data yang diberikan. Kesemua data adalah lengkap semasa MRT Corp. *handover* CMMS kepada Rapid Rail. Bagaimanapun, sistem penyenaraian aset yang digunakan oleh Rapid Rail berlainan daripada apa yang dibekalkan oleh MRT Corp.. Sebahagian kerja penyenggaraan tidak dapat

direkodkan dalam CMMS kerana pihak Rapid Rail menyenarai semula asset berdasarkan RR *Operational Requirement* dan tidak mengikut kontrak asal yang menyebabkan banyak *missing* dan *incomplete data* dalam CMMS. WPC telah memberi bantuan kepada Rapid Rail untuk menangani masalah ini. CMMS pada asalnya tidak disertakan dengan fungsi *Reliability, Availability, Maintainability and Safety* (RAMS). Setelah mengkaji keperluan laporan RAMS melalui CMMS, MRT Corp. telah mengambil langkah untuk menambah skop RAMS melalui satu (1) *Variation Order* (VO) bagi melancarkan proses RAMS *Performance Reporting* oleh Rapid Rail.

Maklum balas Rapid Rail yang diterima pada 20 September, 4 Oktober 2019 dan 14 Januari 2020

Terdapat kekangan pengurusan CMMS yang menyebabkan laporan RAMS tidak dapat dikeluarkan. Kerja konfigurasi RAMS pada CMMS masih belum diselesaikan oleh WPC. Selain itu, sistem yang diterima tidak lengkap dan menerima sistem dengan bersyarat. Data seperti senarai di atas masih tidak lengkap walaupun telah dibangkitkan dalam DLP WO. Pihak IT telah cuba membaiki masalah ini dengan mendaftarkan asset baru ke dalam sistem memandangkan pengguna tidak dapat mengenalpasti data yang terdapat di dalam sistem dengan fizikal. Bagi WO yang tidak boleh ditutup, pihak IT perlu membuat pengubahsuaian data di dalam sistem bagi memastikan WO tersebut dapat diproses. Untuk masalah WO tidak boleh ditutup pada tahun 2019, tiada laporan baru diterima oleh pihak IT. Namun, masalah data *asset tagging* masih kosong kerana direkod secara manual.

Pada pendapat Audit, kekangan yang dihadapi oleh Rapid Rail untuk menggunakan CMMS sepenuhnya menyebabkan pemantauan terhadap pengurusan penyenggaraan tidak dapat dilakukan dengan cekap dan berkesan. Selain itu, RAMS Performance Report yang tidak dapat dijana menyebabkan penilaian asset tidak dapat dilakukan secara menyeluruh.

6.2.3. Pemantauan

a. Pembaikan Semasa Defect Liability Period

- i. Perenggan 4.1 prosedur DLP menyatakan bahawa PDP bertanggungjawab untuk menguruskan prosedur dan menyelaraskan tuntutan semasa DLP yang dibangkitkan oleh operator dalam mesyuarat DLPFRB mingguan. DLP Coordinator PDP dan pasukan akan menyelaraskan pertikaian antara operator dan WPC. PDP akan mengawasi pembaikan kerosakan tersebut dan memaklumkan kepada MRT Corp. sebaik sahaja WO ditutup.
- ii. Semakan Audit terhadap pemantauan mendapati sejumlah 33 daripada 39 mesyuarat tidak dijalankan mengikut kekerapan yang ditetapkan dalam

prosedur DLP iaitu seminggu sekali. Tempoh mesyuarat diadakan antara 12 hingga 27 hari selepas dari tarikh mesyuarat sebelumnya.

Maklum balas MRT Corp. yang diterima pada 19 September dan 16 Oktober 2019

Kekerapan mesyuarat DLPFRB telah diselaraskan dan dipersetujui mengikut keperluan dan kesesuaian semua pihak. Selepas DLP berakhir pemantauan secara berterusan dilakukan di dalam *Project Closure Meeting* yang dijadualkan setiap dua (2) minggu.

b. Pengurusan Aduan

- i. Pengurusan aduan adalah di bawah tanggungjawab *Contact Centre Unit* (CCU), Prasarana yang berperanan untuk menguruskan aduan yang dibuat oleh pengguna berkaitan dengan rel. Berdasarkan *Feedback Management Standard Operating Procedure* (SOP), tempoh tindakan diambil untuk pengurusan aduan yang diterima hendaklah diselesaikan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh penerimaan aduan.
- ii. Semakan Audit mendapati CCU, Prasarana telah menggunakan *Customer Service System* (CSS) sehingga bulan Disember 2017 dan *Customer Feedback Management System* (CFMS) bermula pada Januari 2018 hingga tarikh pengauditan untuk menjana laporan maklum balas aduan. Jumlah aduan diterima adalah sebanyak 2,067 meliputi lima (5) jenis kategori aduan iaitu tren, kemudahan stesen, interaksi kakitangan, produk tiket serta keselamatan dan kawalan di stesen. Analisis Audit mendapati **aduan tertinggi diterima adalah berkaitan kelewatan iaitu di bawah kategori tren sebanyak 688 dari 2,067 aduan (33.3%).**
- iii. Bagaimanapun, **pihak Audit tidak dapat menentukan tempoh aduan diselesaikan dari tahun 2017 hingga bulan Januari 2019. Perkara ini berlaku kerana sistem yang dibangunkan tidak mempunyai fungsi untuk menjelaki tarikh tutup setiap kes** menyebabkan maklumat tarikh tutup tiada dalam *raw data* CSS dan CFMS.

Maklum balas Rapid Rail yang diterima pada 20 September 2019 dan 14 Januari 2020

Bahagian CCU, Prasarana telah membuat permohonan kepada pasukan *Digital and Technology* (D&T), Prasarana untuk menambah baik CFMS dengan memasukkan *tracking/resolution time* bagi setiap kes aduan. Pada ketika ini, laporan CFMS dihantar secara manual kepada bahagian CCU setiap dua (2) minggu melalui emel.

Laporan ini termasuk *tracking/resolution time* yang sebelum ini telah diubah suai dengan tambahan status *open* dan *close*. Pautan muat turun laporan CFMS yang sedang dibangunkan akan sedia pada akhir Januari 2020 untuk bahagian CCU memuat turun sendiri.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap pembaikan kerosakan kurang cekap kerana terdapat kerosakan yang belum diselesaikan. Selain itu, ketiadaan mekanisme untuk mengukur tempoh penyelesaian aduan boleh menyebabkan Prasarana tidak dapat menjamin aduan telah diurus secara cekap dan berkesan.

7. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhan, penilaian skop pengauditan terhadap pengurusan sistem landasan MRT Laluan 1 telah mencapai objektif yang ditetapkan bagi menyampaikan sistem MRT yang efektif, efisien, bersepadan dan selamat kepada pengguna. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan sistem MRT yang kurang cekap dan kurang berkesan seperti kerosakan yang masih belum selesai walaupun DLP telah tamat selama 182 hari setakat 14 Januari 2020 serta kerosakan berulang. Selain itu, kejadian kelewatan ketibaan ET yang berlaku boleh memberi kesan terhadap tahap kepuasan pengguna.

8. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pengurusan sistem MRT serta pelaksanaan projek MRT Laluan 2, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:

- 8.1. MRT Corp. hendaklah memastikan pemberian segera diambil oleh WPC terhadap semua kerosakan yang dilaporkan terutama bagi empat (4) pakej kerja sistem yang dibangkitkan serta menetapkan tempoh pemberian kerosakan;
- 8.2. MRT Corp. hendaklah menguruskan pemberian kerosakan dengan cekap dan berkesan agar kerosakan sama tidak berulang;
- 8.3. MRT Corp. hendaklah membuat kajian terperinci berkaitan isu-isu pemberian yang memerlukan penyelesaian kekal bagi memastikan isu tidak berulang selepas CMGD dikeluarkan;
- 8.4. MRT Corp. hendaklah memastikan semua masalah berkaitan CMMS diselesaikan oleh WPC supaya sistem tersebut dapat digunakan sepenuhnya oleh Rapid Rail bagi pengurusan dan pemantauan kerja penyenggaraan lebih berkesan;

- 8.5. MRT Corp. hendaklah meminda prosedur DLP mengikut pelaksanaan semasa dan mengkaji semula prosedur bagi memastikan kerosakan dapat diselesaikan dengan segera; dan
- 8.6. Prasarana perlu memastikan pengurusan aduan ditambah baik dengan mewujudkan mekanisme untuk mengukur tempoh penyelesaian aduan bagi meningkatkan pengurusan perkhidmatan.

3

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

- **Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)**
 - Pengurusan Aktiviti Kawalan Import Konsainan Pertanian

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN
INDUSTRI MAKANAN
JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN
PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
PENGURUSAN AKTIVITI KAWALAN IMPORT
KONSAINAN PERTANIAN**

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditan ini meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan aktiviti kawalan import konsainan pertanian bagi tahun 2016 hingga 2018.
- Prestasi aktiviti dinilai berdasarkan dua (2) perkara iaitu pencapaian output dan *outcome*.
- Pengurusan aktiviti meliputi lapan (8) perkara iaitu pencapaian kewangan, kutipan hasil, pelaksanaan pemeriksaan konsainan pertanian, konsainan transit, kemudahan peralatan, perjawatan, penguatkuasaan dan pemantauan.
- Pengauditan melibatkan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) di Ibu Pejabat, negeri dan pintu masuk.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Isu media massa berkaitan kemasukan konsainan pertanian dan makanan bermasalah dan tanpa permit.
- Untuk menilai sama ada objektif MAQIS iaitu memastikan konsainan pertanian yang diimport bebas daripada ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar.
- Aktiviti ini juga bertujuan untuk melindungi industri pertanian negara dan mematuhi aspek keselamatan makanan.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, pengurusan Aktiviti Kawalan Import Konsainan Pertanian MAQIS adalah kurang berkesan. Pelaksanaan pemeriksaan visual/fizikal adalah rendah dan caj pemeriksaan tidak dikenakan terhadap konsainan selain ikan. Selain itu, kuasa penguatkuasaan di bawah Akta lain yang tidak diselaraskan, ujian saringan yang kurang dilaksanakan dan laporan keputusan makmal yang mengambil masa telah menyebabkan MAQIS sukar untuk memastikan konsainan pertanian yang diimport adalah selamat dan berkualiti. Kelemahan yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:
 - MAQIS tidak mengenakan caj pemeriksaan beras berjumlah RM0.97 juta kerana ketidakselarasan antara Akta

Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) dan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522).

- MAQIS tidak mengenakan caj pemeriksaan terhadap konsainan selain ikan mengakibatkan hasil Kerajaan berkurangan. Mengikut perkiraan Audit, sejumlah RM1.59 juta sayur-sayuran dan buah-buahan tidak dikenakan caj pemeriksaan selaras dengan Seksyen 9(c) Akta 728 di tiga (3) pintu masuk.
- Pemeriksaan visual/fizikal konsainan pertanian yang diimport kurang dilaksanakan kerana bilangan kakitangan tidak mencukupi dan bebanan kerja yang banyak.
- SOP bagi prosedur pengambilan dan keperluan penghantaran sampel ke makmal untuk ujian saringan tidak disediakan. Kriteria pelaksanaan kenaan caj pemeriksaan untuk ikan import antara RM0.01 hingga RM0.04 setiap kilogram tidak disokong dengan SOP dan menimbulkan isu ketelusan dalam membuat keputusan.
- MAQIS tidak mempunyai kuasa di bawah Akta 728 untuk melaksanakan penguatkuasaan konsainan transit. Namun, pemeriksaan masih dilaksanakan dan Borang Pengisytiharan Transit (MA3) digunakan secara pentadbiran sebagai bukti pemeriksaan. Borang MA3 tersebut tidak diwartakan menyebabkan kelemahan kawalan terhadap konsainan transit.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)

1. PENGURUSAN AKTIVITI KAWALAN IMPORT KONSAINAN PERTANIAN

FAKTA UTAMA AKTIVITI KAWALAN IMPORT KONSAINAN PERTANIAN

Akta 728	RM710.7 Bilion	653,586
• Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011	• Nilai Import Konsainan Pertanian (2016 hingga 2018)	• Bilangan Permit Import Dikeluarkan (2016 hingga 2018)
Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)	Ditubuhkan pada 1 Ogos 2008 selaras kelulusan Jemaah Menteri. MAQIS mengambil alih fungsi aktiviti kawalan import daripada DoA, DVS, DoF, LKIM dan FAMA.	
Objektif Aktiviti MAQIS	Memastikan konsainan pertanian bebas daripada ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar agar tidak menjelaskan industri pertanian negara dari aspek kesihatan manusia, haiwan, tumbuhan, ikan dan keselamatan makanan serta halal.	
Konsainan pertanian yang diimport	Tumbuhan dan produk tumbuhan, haiwan dan produk haiwan, ikan dan produk ikan, karkas, keluaran pertanian, tanah dan mikroorganisma.	
Pintu masuk	33 laut, 11 darat, 13 udara	

1. LATAR BELAKANG

1.1. Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) ditubuhkan pada 1 Ogos 2008 bagi mewujudkan perkhidmatan bersepadu berhubung dengan kuarantin, pemeriksaan dan penguatkuasaan di pintu masuk, stesen dan premis kuarantin. MAQIS juga membuat pemerakuan bagi import dan eksport tumbuhan dan produk tumbuhan, haiwan dan produk haiwan, ikan dan produk ikan, karkas, keluaran pertanian, tanah dan mikroorganisma (konsainan pertanian). MAQIS melaksanakan perkhidmatan tersebut berdasarkan Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) dan diletakkan di bawah seliaan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MoA).


1.2. Objektif utama MAQIS adalah memastikan konsainan pertanian bebas daripada ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar agar tidak menjelaskan industri pertanian negara dari aspek kesihatan manusia, haiwan, tumbuhan, ikan dan keselamatan makanan serta halal.

1.3. MAQIS melaksanakan aktiviti di 57 pintu masuk laut, darat dan udara iaitu 55 di Semenanjung Malaysia, satu (1) di Wilayah Persekutuan Labuan dan satu (1) di Singapura. MAQIS juga melaksanakan aktiviti di enam (6) Stesen Kuarantin Haiwan (SKH) iaitu lima (5) di Semenanjung Malaysia dan satu (1) di Wilayah Persekutuan Labuan. Selain itu, terdapat premis kuarantin swasta yang diisyiharkan oleh Ketua Pengarah MAQIS untuk melaksanakan kuarantin dan pemeriksaan konsainan pertanian dan makanan. Di negeri Sabah dan Sarawak, Akta 728 tidak dikuatkuasakan kerana

aktiviti kuarantin dan pemeriksaan adalah tertakluk kepada perundangan negeri tersebut.

1.4. Akta 728 memberi kuasa kepada MAQIS untuk mengeluarkan permit, lesen atau perakuan import dan eksport bagi konsainan pertanian. Aktiviti pengeluaran permit import atau eksport dilaksanakan melalui ePermit di laman sesawang <http://epermit.dagangnet.com>. Permohonan dan kelulusan permit tersebut akan diproses dan diberi kelulusan oleh MAQIS sebelum didaftarkan ke dalam Sistem Maklumat Kastam (SMK). Seterusnya, Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM) akan membuat perakuan terhadap permit tersebut dalam SMK dan kemudiannya dipaparkan semula dalam Sistem ePermit. Carta aliran kerja permohonan permit seperti dalam **Carta 1**.

CARTA 1
PERMOHONAN PERMIT MELALUI ePERMIT



Sumber: MyTradelink Portal Rasmi Untuk Fasiliti Perdagangan Bertarikh 05.04.2019

Nota: JKDM - Jabatan Kastam DiRaja Malaysia

1.5. Konsainan pertanian yang boleh diimport adalah seperti dalam **Rajah 1**. Seterusnya, konsainan pertanian mengikut bilangan pengeluaran permit, jumlah kuantiti (kilogram) dan nilai import bagi tahun 2016 hingga 2018 seperti dalam **Rajah 2**.

RAJAH 1
KONSAINAN PERTANIAN YANG BOLEH DIIMPORT



Sumber: Risalah MAQIS

RAJAH 2
NILAI IMPORT KONSAINAN PERTANIAN BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018



Sumber: Sistem ePermit dan Sistem New ePermit

1.6. MAQIS telah diperuntukkan sejumlah RM91.57 juta bagi tahun 2016 hingga 2018 meliputi peruntukan mengurus sejumlah RM83.91 juta dan peruntukan pembangunan sejumlah RM7.66 juta.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan Aktiviti Kawalan Import Konsainan Pertanian dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan. Pengauditan ini juga bertujuan bagi memastikan konsainan pertanian yang diimport bebas daripada ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar supaya tidak menjelaskan industri pertanian negara dan mematuhi aspek keselamatan makanan.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi aktiviti dan pengurusan aktiviti kawalan import konsainan pertanian bagi tahun 2016 hingga 2018. Prestasi aktiviti dinilai berdasarkan dua (2) perkara iaitu pencapaian output dan *outcome*. Pengurusan aktiviti pula meliputi lapan (8) perkara iaitu pencapaian kewangan, kutipan hasil, pelaksanaan pemeriksaan konsainan pertanian, konsainan transit, kemudahan peralatan, perjawatan, penguatkuasaan dan pemantauan.

3.2. Pengauditan dilaksanakan di Ibu Pejabat MAQIS melibatkan tujuh (7) bahagian/ seksyen/unit. Lawatan Audit pula dilaksanakan di enam (6) daripada 57 pintu masuk iaitu satu (1) pintu masuk laut, empat (4) pintu masuk darat dan satu (1) pintu masuk udara. Pintu masuk tersebut adalah Pelabuhan North Butterworth Container Terminal (NBCT), Pulau Pinang; Padang Besar, Perlis; Rantau Panjang, Kelantan; Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) Tanjung Kupang, Johor dan Kuala Lumpur International Airport (KLIA) Kargo, Selangor. Lawatan Audit turut meliputi pintu masuk Woodlands Train Checkpoint (WTCP) di Singapura.

3.3. Asas pemilihan sampel adalah berdasarkan bilangan permit import yang dikeluarkan, kuantiti=nilai dan jumlah kutipan hasil konsainan pertanian meliputi julat tertinggi, sederhana dan rendah. Lima (5) pejabat MAQIS negeri yang dipilih adalah

Johor, Kelantan, Perlis, Pulau Pinang dan Selangor. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
ASAS KRITERIA PEMILIHAN SAMPEL PINTU MASUK

KRITERIA	PINTU MASUK				
	LAUT		DARAT		UDARA
	PELABUHAN NBCT PULAU PINANG	PADANG BESAR PERLIS	RANTAU PANJANG KELANTAN	KSAB TANJUNG KUPANG JOHOR	KLIA KARGO SELANGOR
Kuantiti Konsainan (Juta kg)	1,639.11	256.50	77.81	29.60	2,542.93
Nilai Konsainan (RM Juta)	2,987.97	582.47	125.35	669.20	1,570.50
Bil. Permit Import	13,803	21,103	36,380	12,637	74,037
Kutipan Hasil* (RM Juta)	4.26	1.63	1.28	2.70	1.15

Sumber: Laporan Pengimportan, Kutipan Hasil dan Senarai Pintu Masuk MAQIS

Nota: (*) - Kutipan Hasil Merujuk Permit, Caj Penggredan/Pembungkusan/Pelabelan Produk FAMA, Caj Pemeriksaan Ikan/Produk Ikan LKIM, Jualan Barang Rampasan dan Kompaun Mengikut Pejabat MAQIS Negeri

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen di Ibu Pejabat MAQIS dan lima (5) pejabat MAQIS di pintu masuk yang dipilih sebagai sampel. Analisis terhadap data permit dan transaksi konsainan import MAQIS juga dilaksanakan. Selain itu, analisis data terhadap laporan keputusan makmal daripada Jabatan Biokeselamatan (JBK), Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS); Makmal Residu Kuala Lumpur, DoA; dan Makmal Veterinar Kawasan Wilayah Utara, Bukit Tengah, DVS juga dilaksanakan. Lawatan dan pemeriksaan fizikal terhadap konsainan import di pintu masuk serta temu bual juga diadakan dengan pegawai MAQIS terlibat. Taklimat dengan JKDM juga diadakan bagi konsainan pertanian transit disebabkan agensi ini terlibat dalam pengesahan fizikal dan dokumentasi bagi konsainan tersebut.

5. RUMUSAN AUDIT

5.1. Pengauditan yang dijalankan pada bulan November 2018 hingga Ogos 2019 merumuskan perkara seperti berikut:

a. Prestasi Aktiviti Kawalan Import Konsainan Pertanian

Objektif MAQIS bagi memastikan konsainan pertanian yang diimport bebas daripada ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar adalah tidak dapat diukur. Hal ini adalah disebabkan sasaran bagi aktiviti pemeriksaan dan pengambilan sampel untuk ujian saringan terhadap konsainan kargo import tidak ditetapkan. Adalah didapati sasaran terhadap pemeriksaan bagasi penumpang sahaja ditetapkan walaupun mempunyai kuantiti yang kecil

berbanding konsainan kargo. Seterusnya, pencapaian *outcome* bagi memastikan konsainan pertanian yang diimport adalah selamat dan berkualiti juga tidak dapat diukur kerana sasaran ujian saringan tidak ditetapkan. Bagaimanapun, pencapaian empat (4) KPI bagi aktiviti import MAQIS bagi tahun 2016 hingga 2018 adalah antara 67.8% hingga 388%. Aktiviti tersebut melibatkan pengeluaran permit, kemasukan haiwan ke stesen kuarantin, pemeriksaan bagasi penumpang dan pengendalian tindakan kes pelanggaran Akta 728.

b. Pengurusan Aktiviti Kawalan Import Konsainan Pertanian

Pengurusan Aktiviti Kawalan Import adalah kurang cekap kerana pemeriksaan visual/fizikal terhadap konsainan pertanian yang dilaksanakan terlalu rendah. Bagi tahun 2016 hingga 2018, hanya 199,090 (6.3%) daripada 3,144,518 bilangan konsainan dibuat pemeriksaan visual/fizikal. Ujian saringan yang kurang dilaksanakan, tempoh pelaksanaan persampelan yang panjang dan *inspection kit* yang khusus tidak disediakan telah menjelaskan kecekapan aktiviti pengesanan konsainan pertanian. Penguatkuasaan konsainan transit juga tidak teratur kerana tiada mekanisme pengesanan antara pintu masuk/keluar bagi memastikan konsainan benar-benar menuju dan dieksport keluar dari Malaysia ke negara pengimport yang ditetapkan.

5.2. Penemuan utama Audit yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- a. MAQIS tidak mengenakan caj pemeriksaan beras berjumlah RM0.97 juta kerana ketidakselarasan antara Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) dan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522);
- b. MAQIS tidak mengenakan caj pemeriksaan terhadap konsainan selain ikan mengakibatkan hasil Kerajaan berkurangan. Mengikut perkiraan Audit, sejumlah RM1.59 juta sayur-sayuran dan buah-buahan tidak dikenakan caj pemeriksaan selaras dengan Seksyen 9(c) Akta 728 di tiga (3) pintu masuk;
- c. pemeriksaan visual/fizikal konsainan pertanian yang diimport kurang dilaksanakan kerana bilangan kakitangan tidak mencukupi dan bebanan kerja yang banyak;
- d. *Standard Operating Procedure* (SOP) bagi prosedur pengambilan dan keperluan penghantaran sampel ke makmal untuk ujian saringan tidak disediakan. Kriteria pelaksanaan kenaan caj pemeriksaan untuk ikan import antara RM0.01 hingga RM0.04 setiap kilogram tidak disokong dengan SOP dan menimbulkan isu ketelusan dalam membuat keputusan; dan

- e. MAQIS tidak mempunyai kuasa di bawah Akta 728 untuk melaksanakan penguatkuasaan konsainan transit. Namun, pemeriksaan masih dilaksanakan dan Borang Pengisytiharan Transit (MA3) digunakan secara pentadbiran sebagai bukti pemeriksaan. Borang MA3 tersebut tidak diwartakan menyebabkan kelemahan kawalan terhadap konsainan transit.

6. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Penemuan Audit dan maklum balas MAQIS telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 10 Mei 2019. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit seperti dalam perenggan berikut:


6.1. Prestasi Aktiviti

6.1.1. Pencapaian Output

a. Pencapaian Objektif MAQIS terhadap Konsainan Pertanian yang Diimport

- i. Objektif utama MAQIS adalah memastikan konsainan pertanian bebas daripada ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar agar tidak menjelaskan industri pertanian negara dari aspek kesihatan manusia, haiwan, tumbuhan, ikan dan keselamatan makanan.
- ii. Semakan Audit mendapati *objektif MAQIS tidak dapat diukur kerana sasaran bagi aktiviti pemeriksaan dan pengambilan sampel untuk ujian saringan terhadap konsainan kargo import tidak ditetapkan*. Adalah didapati hanya sasaran terhadap pemeriksaan bagasi penumpang ditetapkan. Perkara ini tidak selaras dengan Perenggan 10 Peraturan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Kuarantin dan Pemeriksaan) 2013 yang menetapkan pemeriksaan terhadap konsainan pertanian yang diimport. Begitu juga, Perenggan 3(1) Peraturan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Tatacara Kuarantin) 2013 menetapkan konsainan pertanian yang diimport tertakluk kepada ujian yang ditentukan oleh agensi/jabatan/Ketua Pengarah. Perenggan 3(2) pula menyatakan konsainan pertanian yang gagal dalam ujian hendaklah dirawat, dilarang masuk atau dilupus.
- iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati konsainan kargo import bagi tahun 2016 hingga 2018 adalah sebanyak 102,066 juta kilogram berbanding 15.67 juta kilogram bagasi penumpang. Perbezaan kuantiti antara konsainan kargo dan bagasi penumpang adalah 102,050.33 juta kilogram. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Rajah 3**.

RAJAH 3
KUANTITI KONSAINAN KARGO YANG DIIMPORT BERBANDING BAGASI PENUMPANG YANG DIBAWA MASUK BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018



Sumber: Sistem ePermit, Sistem *New* ePermit dan iMAQIS, MAQIS

Nota: (*) - Perkiraan Kuantiti Bagasi Penumpang Adalah Berdasarkan 20 kg Bagi Setiap Bilangan Bagasi

Maklum balas MAQIS yang diterima pada 14 Mei 2019, 18 Julai 2019 dan 21 Februari 2020

Bagi tahun 2016 hingga 2018, MAQIS telah menjalankan pemeriksaan konsainan kargo, namun tidak meletakkannya sebagai salah satu KPI kerana sukar mencapai KPI yang tinggi. Hal ini disebabkan kekurangan pegawai MAQIS untuk menjalankan pemeriksaan konsainan kargo berbanding bilangan konsainan yang tinggi. Sebagai contoh, beban tugas bagi pegawai MAQIS di pintu masuk yang sibuk. Pelabuhan Klang mempunyai purata 250 konsainan sehari namun keupayaan pemeriksaan hanya 70 konsainan sehari. Bukit Kayu Hitam (BKH), Kedah pula mempunyai purata 150 konsainan sehari namun keupayaan pemeriksaan hanya 50 konsainan sehari. Secara umumnya, satu pasukan terdiri daripada dua (2) pegawai untuk memeriksa konsainan daging import yang memerlukan masa lebih kurang 20 minit bagi satu kontena. Oleh itu, pegawai MAQIS menghadapi cabaran besar bagi mengendalikan aktiviti pemeriksaan import secara efisien dan efektif.

Bagi menangani isu ini, permohonan penstrukturkan semula MAQIS telah dibentangkan kepada Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 1 Julai 2019. Selain itu, isu pengukuhan struktur organisasi juga dibangkitkan oleh Ketua Setiausaha MoA dalam Mesyuarat

Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 14 Mei 2019.

Susulan daripada pembentangan pada 1 Julai 2019, pihak Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO) telah membuat lawatan kerja ke Pelabuhan Klang dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) pada 5 Ogos 2019. Permohonan perjawatan MAQIS telah dihantar kepada Bahagian Khidmat Pengurusan, MoA pada 30 September 2019.

b. Pencapaian Aktiviti Kawalan Import

- i. MAQIS melalui Belanjawan Tahunan MoA telah menetapkan empat (4) Petunjuk Prestasi Utama (KPI) iaitu pengeluaran permit, kemasukan haiwan ke stesen kuarantin, pemeriksaan bagasi penumpang dan pengendalian tindakan bagi kes pelanggaran Akta 728.
- ii. Semakan Audit terhadap pencapaian sasaran keseluruhan aktiviti import mendapati MAQIS telah mencapai sasaran antara 67.8% hingga 388% bagi tahun 2016 dan 73.1% hingga 101.6% bagi tahun 2017. Pada tahun 2018 pula, pencapaian sasaran output adalah antara 76.9% hingga 222.1%. Analisis Audit terperinci mendapati perkara seperti berikut:
 - Pencapaian pengeluaran permit adalah kurang daripada sasaran bagi tahun 2016 hingga 2018 iaitu 67.8%, 73.1% dan 76.9%.
 - Kemasukan haiwan ke stesen kuarantin melibatkan bilangan haiwan yang dikuarantinkan juga kurang daripada sasaran bagi tahun 2016 hingga 2018 iaitu 87.5%, 90.1% dan 85.8%.
 - Jumlah persampelan yang diambil terhadap haiwan yang dikuarantinkan melebihi sasaran pada tahun 2016 iaitu 111.7% tetapi kurang daripada sasaran bagi tahun 2017 dan 2018 iaitu 82.1% dan 87.5%.
 - Bilangan pemeriksaan bagasi penumpang yang dijalankan di pintu masuk negara melebihi sasaran bagi tahun 2016 hingga 2018 iaitu 102.3%, 101.6% dan 166%.
 - Pengendalian tindakan bagi kes pelanggaran Akta 728 juga melebihi sasaran bagi tahun 2016 iaitu 388%, tetapi kurang daripada sasaran bagi tahun 2017 dan 2018 iaitu 89% dan 98.4%.
 - Jumlah denda pelanggaran Akta didapati kurang daripada sasaran bagi tahun 2016 dan 2017 iaitu 78% dan 79.6% dan melebihi sasaran bagi tahun 2018 iaitu 222.1%.

iii. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
SASARAN DAN PENCAPAIAN KPI AKTIVITI IMPORT MAQIS
BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

BIL.	KETERANGAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA	2016			2017			2018		
		SASAR	CAPAI	%	SASAR	CAPAI	%	SASAR	CAPAI	%
1. Pengeluaran Permit bagi Konsainan Import (bilangan)										
i.	Jumlah permit import konsainan pertanian, haiwan dan ikan yang diluluskan	300,000	203,512	67.8	300,000	219,308	73.1	300,000	230,766	76.9
2. Kemasukan Haiwan ke Stesen Kuarantin (bilangan)										
i.	Jumlah haiwan yang dikuarantinkan	12,000	10,500	87.5	15,000	13,520	90.1	15,000	12,864	85.8
ii.	Jumlah persampelan haiwan yang diambil	6,000	6,700	111.7	7,000	5,750	82.1	7,000	6,124	87.5
3. Pemeriksaan Bagasi Penumpang yang Dijalankan di Pintu Masuk Negara										
i.	Bilangan bagasi penumpang yang diperiksa	200,000	204,650	102.3	210,000	213,420	101.6	220,000	365,250	166.0
4. Pengendalian Tindakan bagi Kes Pelanggaran Akta MAQIS 2011 (Akta 728)										
i.	Jumlah kes tangkapan yang dilaporkan (bilangan)	100	388	388.0	100	89	89.0	125	123	98.4
ii.	Jumlah keseluruhan denda pelanggaran Akta (RM)	50,000	39,000	78.0	80,000	63,700	79.6	150,000	333,200	222.1

Sumber: Belanjawan Tahunan MoA dan *Outcome Based Budgeting* (OBB) MAQIS

Maklum balas MAQIS yang diterima pada 14 Mei 2019

Pencapaian pengeluaran permit MAQIS pada setiap tahun bergantung sepenuhnya kepada keadaan ekonomi semasa dan prestasi perdagangan. MAQIS tidak dapat menentukan bilangan transaksi pengeluaran permit yang dimohon secara tetap kerana berada di luar kawalan MAQIS. Prestasi ekonomi yang baik akan menyumbang kepada permintaan domestik yang tinggi dan peningkatan pengimportan, seterusnya meningkatkan permohonan permit import. Begitu juga sebaliknya jika prestasi ekonomi kurang baik.

Pada pendapat Audit, penentuan KPI MAQIS tidak selaras dengan objektif utama MAQIS untuk memastikan konsainan pertanian adalah selamat dan berkualiti.

6.1.2. Pencapaian *Outcome*

a. Pengimportan Konsainan Pertanian di bawah Akta 728

- i. Mengikut Seksyen 8(1)(a) Akta 728, MAQIS berfungsi memastikan konsainan pertanian yang diimport dan dieksport adalah mematuhi aspek kesihatan manusia, haiwan, tumbuhan, ikan dan keselamatan makanan.
- ii. Semakan Audit mendapati *pencapaian outcome bagi memastikan konsainan pertanian yang diimport adalah selamat dan berkualiti tidak dapat diukur kerana sasaran ujian saringan tidak ditetapkan*. Selain itu, ujian saringan kurang dilaksanakan kerana *tidak semua konsainan pertanian yang diperiksa dibuat ujian saringan*. MAQIS juga tidak mengambil tindakan lanjut terhadap laporan keputusan makmal hasil daripada ujian saringan yang telah dilaksanakan. Laporan tersebut hanya dikemukakan ke Jabatan Pertanian (DoA), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Jabatan Perikanan Malaysia (DoF) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) untuk tindakan lanjut. Oleh itu, *MAQIS tidak dapat mengenal pasti sejauh mana konsainan pertanian yang diimport bebas daripada ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar selaras dengan fungsi yang ditetapkan*.
- iii. Berdasarkan media massa untuk tempoh tahun 2015 hingga 2019, didapati isu keselamatan makanan import telah mendapat liputan meluas media akibat kemasukan konsainan pertanian yang bermasalah ke dalam negara. Antaranya termasuklah Persatuan Pengguna Pulau Pinang [Consumers' Association Of Penang (CAP)] melaporkan sekatan atau pengharaman pengeluaran organisma diubah suai secara genetik (GMO) wujud di banyak negara di seluruh dunia. Namun, Malaysia telah meluluskan lapan (8) jenis jagung dan enam (6) jenis kacang soya yang telah diubah suai secara genetik (GM) untuk makanan, makanan ternakan dan pemprosesan. Selain itu, isu cacing dijumpai dalam sampel tin sardin dari China dan isu cili Vietnam yang masih dijual di pasaran walaupun tindakan penggantungan permit telah diambil. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3** serta **Gambar 1** dan **2**.

JADUAL 3
ISU MEDIA MASSA BERKAITAN KONSAINAN PERTANIAN DAN
MAKANAN BERMASALAH BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2019

JENIS/TARIKH MEDIA MASSA	ISU MEDIA MASSA
Laman Web Persatuan Pengguna Pulau Pinang (10.07.2015)	<p>Ancaman senyap: Makanan GM di Malaysia Dilulus di Malaysia: Kacang Soya GM dan Jagung GM</p> <ul style="list-style-type: none"> Sekatan atau pengharuman pengeluaran organisma diubah suai secara genetik (GMO) wujud di banyak negara di seluruh dunia. Namun, Malaysia telah meluluskan lapan (8) jenis jagung dan enam (6) jenis kacang soya yang telah diubah suai secara genetik (GM) untuk makanan, makanan ternakan dan pemprosesan. Amerika Syarikat adalah pengeluar terbesar tanaman GM seperti soya, jagung dan canola. Malaysia mengimpor kacang soya dan jagung dari AS. Semua ini berakhir dalam makanan seperti minyak soya dan jagung, tofu, minuman soya, kicap, sirap jagung, kanji jagung, emping jagung, dan sebagainya. Selain itu, kita makan daging, susu dan telur daripada haiwan yang diberi makanan GM. Beribu-ribu rakyat Malaysia terus memakan produk GM kerana tidak tahu atau sedar tentang kandungannya.
Berita Harian Online (28.08.2017)	<p>Lembu, kerbau seludup dikhawatir bawa penyakit</p> <p>Lembu dan kerbau dipercayai diseludup masuk dari negara jiran sejak awal tahun ini yang dibimbangi boleh mendedahkan ternakan tempatan dan orang ramai terhadap pelbagai penyakit.</p>
Astro Awani (13.04.2018)	<p>Hanya buah-buahan yang memenuhi syarat sahaja dibenarkan masuk ke Malaysia - MAQIS</p> <p>Penarikan semula pengimportan tembikai wangi dari Australia yang tercemar dengan bakteria <i>listeria monocytogenes</i> yang dibawa masuk ke Malaysia. Bagaimanapun, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan tiada kes keracunan <i>listeriosis</i> berlaku di Malaysia akibat memakan buah tersebut.</p>
Bernama (26.06.2018)	<p>Cacing menyebabkan penyakit dijumpai dalam sampel tin sardin dari China</p> <ul style="list-style-type: none"> Dua (2) kontena berisi <i>Canned Mackerel in Tomato Sauce</i> ditahan dengan anggaran berat 36,720 kg bernilai RM199,797.24. Cacing terbabit boleh menyebabkan penyakit anisakiasis iaitu penyakit parasit dan zoonotik bawaan ikan yang boleh menyerang sistem <i>gastrointestinal</i> seperti perut dan usus manusia dan mengakibatkan sakit perut, cirit-birit, loya dan muntah.
Utusan Malaysia (8.09.2018)	<p>Umum ujian racun cili import</p> <ul style="list-style-type: none"> Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) menggesa MoA mengumumkan hasil keputusan ujian MRL yang dijalankan ke atas sampel cili merah import yang diambil di pintu masuk negara. Gesaan itu bertujuan bagi menggambarkan komitmen MoA dalam melindungi pengguna di negara daripada mendapat bekalan sayur-sayuran khususnya cili yang tidak terjamin selamat untuk digunakan. Penguatkuasaan perlu dilakukan dari peringkat awal setiap kali sayuran import dibawa masuk dengan membuka satu pusat yang lengkap untuk menguji kandungan bahan kimia dan melakukan ujian MRL di pelabuhan atau pintu masuk yang lain di negara ini. Wujudkan satu fasiliti khusus yang mampu menguji MRL dalam tempoh singkat. Sistem sedia ada mengambil masa lama sedangkan kontena yang membawa sayur-sayuran sudah dilepaskan ke pasaran negara sehingga hasil pertanian tersebut telah dibeli dan dimakan, baru keputusan MRL pihak berkaitan selesai. Jangan terkekang dengan soal dasar perdagangan atau sebagainya untuk mengawal hasil pertanian berbahaya daripada memasuki pasaran negara. Ini soal kuasa dan sistem yang boleh diputuskan Kerajaan. Mengapa Singapura boleh melakukannya?
Utusan Malaysia Online (21.12.2018)	<p>Tiada Tindakan - Cili beracun Vietnam masih dijual (Gambar 1)</p> <ul style="list-style-type: none"> Meskipun Kerajaan telah menggantung import permit cili merah Vietnam sejak 14 September, namun bahan komoditi berkenaan dikesan diseludup masuk dan dijual secara berleluasa di seluruh pasaran negara. MoA sudah mengambil langkah proaktif untuk menghalang kemasukan cili yang mengandungi sisa racun perosak yang tinggi, bagaimanapun amat malang ia masih menembusi pasaran. Rentetan itu, pihak MoA termasuk DoA turut memperlihatkan komitmen dengan memperkemaskan prosedur SOP mengawal kemasukan sayur-sayuran import berpenyakit dan beracun tinggi.
Harian Metro (28.08.2019)	<p>Biji koko seludup dirampas (Gambar 2)</p> <ul style="list-style-type: none"> MAQIS Johor menggagalkan cubaan membawa masuk 253,179 kg biji koko dari Nigeria bernilai RM3 juta di Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP), Gelang Patah, Iskandar Puteri Johor. Hasil pemeriksaan mendapati kontena biji koko itu mengandungi ulat dan serangga perosak.

Sumber : Media Massa Malaysia

GAMBAR 1



Tiada Tindakan - Cili Beracun Vietnam Masih Dijual
 (21.12.2018)
 (Sumber: Utusan Malaysia Online)

GAMBAR 2



Biji Koko Seludup Dirampas
 - Biji Koko Mengandungi Ulat dan Serangga Perosak
 (28.08.2019)
 (Sumber: Harian Metro)

Maklum balas MAQIS yang diterima pada 21 Februari 2020

Pada tahun 2019, MAQIS telah melakukan 393,915 pemeriksaan di semua pintu masuk berdasarkan sumber data MAQIS *Integrated Information System* (iMAQIS). Sebanyak 1,222 pintasan perosak telah dilaksanakan di semua pintu masuk yang menerima kemasukan komoditi pertanian, dan 323 jumlah perosak yang telah ditemui. Perosak yang ditemui adalah pelbagai jenis sama ada dikategorikan sebagai perosak kuarantin atau bukan perosak kuarantin.

Persampelan *African Swine Fever* (ASF) daging khinzir juga dilaksanakan di setiap pintu masuk di mana sebanyak 361 sampel telah dihantar untuk dianalisa di mana 360 sampel daripadanya adalah negatif bermaksud bebas daripada penyakit ASF. Namun, satu (1) sampel telah dikesan positif ASF di pintu masuk Bangunan Sultan Iskandar (BSI), Johor pada 13 November 2019.

Persampelan *Avian Influenza* (selesema burung, H5N1) keratan ayam sejuk beku, ujian penyakit kuku dan mulut, *tuberculosis*, mikroorganisma, *residue drug veterinar* bagi daging kerbau/lembu telah diambil untuk dianalisa. Didapati kesemua sampel adalah negatif. Konsainan hanya boleh dilepaskan setelah menerima keputusan negatif daripada makmal.

Bagi persampelan untuk komoditi pertanian terutamanya cili yang melibatkan penggunaan racun berlebihan *Maximum Residue Level* (MRL), hanya cili dari Vietnam yang dilarang masuk ke dalam negara. Keputusan sama ada perlu dikeluarkan larangan pengimportan cili dari negara yang tinggi kandungan MRL untuk *pesticide* hanya boleh ditentukan oleh Jabatan Dasar.

Pada pendapat Audit, keselamatan dan kualiti kawalan import tidak dapat diukur kerana ketiadaan sasaran ditetapkan bagi ujian saringan. Perkara ini menjelaskan pencapaian *outcome* bagi memastikan objektif utama MAQIS tercapai.

6.2. Pengurusan Aktiviti

6.2.1. Pencapaian Kewangan

MAQIS telah diperuntukkan sejumlah RM91.57 juta bagi tahun 2016 hingga 2018 iaitu peruntukan mengurus sejumlah RM83.91 juta dan peruntukan pembangunan sejumlah RM7.66 juta. Semakan Audit mendapati bagi tempoh yang sama, perbelanjaan mengurus MAQIS berjumlah RM73.38 juta (87.5%) dan perbelanjaan pembangunan pula berjumlah RM5.07 juta (66.2%). Jumlah perbelanjaan keseluruhan berjumlah RM78.45 juta (85.7%). Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN AKTIVITI MAQIS
BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN	BAKI (RM Juta)
Peruntukan Mengurus				
2016	26.64	25.31	95.0	1.33
2017	29.07	24.03	82.7	5.04
2018	28.20	24.04	85.2	4.16
JUMLAH	83.91	73.38	87.5	10.53
Peruntukan Pembangunan				
2016	3.62	1.69	46.7	1.93
2017	1.48	1.11	75.0	0.37
2018	2.56	2.27	88.7	0.29
JUMLAH	7.66	5.07	66.2	2.59
JUMLAH KESELURUHAN	91.57	78.45	85.7	13.12

Sumber: Laporan Perbelanjaan MAQIS

6.2.2. Kutipan Hasil

Seksyen 9 (c) Akta 728 menyatakan Ketua Pengarah MAQIS mempunyai kuasa untuk mengenakan dan memungut fi atau caj lain yang difikirkan patut bagi maksud menjalankan fungsinya di bawah Akta ini.

- Kutipan hasil MAQIS daripada permit, caj pemeriksaan, jualan barang rampasan dan kompaun adalah berjumlah RM69.51 juta hingga RM71.13 juta bagi tahun 2016 hingga 2018. Terdapat peningkatan sebanyak 2.3% bagi tahun 2017 berbanding 2016. Namun begitu, berlaku pengurangan sebanyak 0.2% bagi tahun 2018 berbanding 2017. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
KUTIPAN HASIL AKTIVITI MAQIS BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

KOD HASIL	PERIHAL KUTIPAN HASIL	TAHUN (RM)		
		2016	2017	2018
71442	Lesen, Permit, Perakuan Import/Eksport	40,436,105	43,192,432	44,618,276
71443	Caj Pemeriksaan dan Kuarantin Produk Agro-Industri	1,225,084	1,247,279	4,102,573
71444	Caj Pemeriksaan Pematuhan *3P	26,320,689	26,297,456	21,593,836
71445	Caj Pemeriksaan Ikan & Produk Ikan	0.00	0.00	517,341
73902	Jualan Barang Rampasan	1,220	108,695	98,366
76102	Kompaun**	1,530,535	282,598	24,667
JUMLAH		69,513,633	71,128,460	70,955,059
PENINGKATAN/(PENGURANGAN)		-	1,614,827	(173,401)
PERATUSAN PENINGKATAN/(PENGURANGAN)			2.3%	(0.2%)

Sumber: Laporan Kutipan Hasil MAQIS

Nota: (*3P) - Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan LKIM

(**) - Mulai Tahun 2016, Kompaun Tidak Dikenakan terhadap Pengimport. Jumlah Kompaun Adalah Merujuk kepada Tahun 2015 dan ke Bawah

Maklum balas MAQIS yang diterima pada 22 April 2019, 18 Julai 2019 dan 21 Februari 2020

Mulai tahun 2019, MAQIS telah menetapkan KPI kutipan hasil sejumlah RM100 juta daripada pungutan permit dan caj pemeriksaan. Beberapa inisiatif dilaksanakan untuk meningkatkan hasil iaitu pengenaan caj pemeriksaan konsainan tumbuhan yang berkuat kuasa pada 15 Jun 2019 selepas pengambilalihan pengeluaran permit import daripada DoA. Selain itu, caj pemeriksaan terhadap konsainan ikan dan kompaun terhadap kes pelanggaran Akta 728 dilaksanakan. Pada tahun 2019, MAQIS telah mengutip hasil secara keseluruhan sejumlah RM79 juta.

b. Pengenaan Caj Pemeriksaan terhadap Konsainan Beras

- i. Seksyen 2 Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 (Akta 167) mentafsirkan tumbuhan sebagai apa-apa jenis tumbuhan atau apa-apa bahagian daripadanya sama ada hidup atau mati. Perenggan 3 Peraturan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Fi dan Caj) 2013 Jadual Kedua menetapkan kadar caj pemeriksaan import hasil tumbuhan seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
CAJ PEMERIKSAAN IMPORT HASIL TUMBUHAN

KATEGORI	KADAR IMPORT
Tumbuhan, hasil tumbuhan, tanah dan mikroorganisma (selain daripada jenis-jenis *keluaran pertanian dalam Jadual Ketiga)	RM2 setiap 1,000 kg pertama atau sebahagiannya.
	RM1 untuk tiap-tiap 1,000 kg tambahan atau sebahagiannya.

Sumber: Peraturan MAQIS (Fi dan Caj) 2013 dan Akta 728

Nota: (*) - Keluaran Pertanian - Hasil Daripada Tumbuhan Sama Ada Diproses atau Selainnya

ii. Lawatan Audit di Pintu Masuk NBCT, Pulau Pinang mendapati caj pemeriksaan tidak dikenakan terhadap konsainan beras yang diimport walaupun pemeriksaan visual/fizikal telah dilaksanakan. Analisis Audit terhadap data pengimportan konsainan beras di tujuh (7) pintu masuk bagi tahun 2016 hingga 2018 mendapati sebanyak 963.53 juta kilogram beras telah diimport ke dalam negara. Berdasarkan perkiraan Audit pula, **caj pemeriksaan yang tidak dikenakan oleh MAQIS dalam tempoh 2016 - 2018 berjumlah RM0.97 juta**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
CAJ PEMERIKSAAN YANG TIDAK DIKENAKAN TERHADAP
PENGIMPORTAN KONSAINAN BERAS DI TUJUH (7) PINTU MASUK
BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018

PINTU MASUK	BILANGAN PENGIMPORTAN MENGIKUT TRANSAKSI/ PERMIT	KUANTITI (Juta KG)	PERKIRAAN AUDIT CAJ PEMERIKSAAN (RM)		
			RM2 SETIAP 1,000 KG PERTAMA ATAU SEBAHAGIANNYA (a)	RM1 SETIAP 1,000 KG TAMBAHAN ATAU SEBAHAGIANNYA (b)	JUMLAH CAJ PEMERIKSAAN YANG BOLEH DIKENAKAN (c = a + b)
NBCT, Pulau Pinang	461	56.41	922	55,951	56,873
Pelabuhan Klang Utara, Selangor	498	78.12	994	77,662	78,656
Pelabuhan Klang Selatan, Selangor	43	164.31	86	164,269	164,355
Pelabuhan Klang Barat, Selangor	898	112.85	1,796	112,490	114,286
Pelabuhan Pasir Gudang, Johor	629	233.41	1,258	232,793	234,051
Pelabuhan Kuantan, Pahang*	8	33.73	16	33,723	33,739
Dermaga Air Dalam, Pulau Pinang*	TM	284.70	6	284,696	284,702
JUMLAH BESAR	2,537	963.53	5,078	961,584	966,662

Sumber: Laporan Sistem MAQIS (SYSMAQ)

Nota: (*) - Caj Pemeriksaan Bagi Pintu Masuk yang Tiada Maklumat Bilangan Pengimport Hanya Dikira untuk Pengimportan Bagi Satu (1) Transaksi/Permit Sahaja
 TM - Tiada Maklumat

Maklum balas MAQIS yang diterima pada 22 April 2019, 14 Mei 2019, 18 Julai 2019 dan 21 Februari 2020

Pemeriksaan konsainan beras dilakukan oleh MAQIS di pintu masuk. Caj pemeriksaan tidak dapat dikenakan kerana MAQIS tidak mempunyai kuasa secara khusus di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522). Hal ini adalah kerana tiada peruntukan berkaitan dengan caj pemeriksaan dinyatakan di bawah Akta 522. Pindaan kepada Akta 522 dan Akta 728 perlu dilakukan bagi

membolehkan penguatkuasaan yang jelas dan teratur dapat dilaksanakan oleh pihak MAQIS. Satu kajian terperinci dan pindaan Akta sedang dilaksanakan dan telah dibentangkan oleh Ketua Setiausaha MoA dalam Mesyuarat JKKMAR pada 14 Mei 2019. Cadangan pindaan Akta 728 telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan bagi Kuarantin dan Pemeriksaan MoA Bilangan 1 Tahun 2019 pada 30 Ogos 2019.

Mesyuarat berhubung Permohonan Pindaan Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import dan Eksport) 2017 telah diadakan pada 11 Julai 2019. Bahagian Industri Padi dan Beras (IPB) memohon kepada pihak Kastam untuk suatu pindaan terhadap *manner of import* dan Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2017 dalam Larangan Perintah Kastam 2017 dengan meminda perkara *inspection and approval by* Jabatan Pertanian (DoA) ditukar kepada MAQIS. Susulan itu, IPB memaklumkan bahawa penurunan kuasa kepada pegawai MAQIS akan dilaksanakan pada masa yang terdekat memandangkan Akta MAQIS tidak memperuntukkan kuasa untuk memeriksa barang tersebut.

Pada pendapat Audit ketidakselarasan Akta 728 dan Akta 522 telah menyebabkan caj pemeriksaan tidak dapat dikenakan terhadap konsainan beras yang diimport.

c. Pengenaan Caj Pemeriksaan terhadap Konsainan Selain Ikan

- i. Seksyen 3 Akta 728 mentakrifkan 'keluaran pertanian' sebagai hasil daripada tumbuhan, haiwan, karkas atau ikan, sama ada diproses atau selainnya. Begitu juga, taksiran tumbuhan yang dinyatakan dalam Seksyen 2 Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 [Akta 167] adalah berkaitan.
- ii. Analisis Audit terhadap data pengimportan konsainan selain ikan di tiga (3) pintu masuk mendapati sebanyak 3,835.94 juta kilogram tumbuhan yang diimport tidak dikenakan caj pemeriksaan bagi tahun 2016 hingga 2018. Antara jenis tumbuhan adalah sayur-sayuran, buah-buahan, herba, rempah-ratus dan biji benih. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Rajah 4.**

1,218.52 kg

- Kuantiti sayur-sayuran 955.57 kg
- Kuantiti buah-buahan 262.95 kg

RM1.59 juta


Caj pemeriksaan tidak dikenakan:

- sayur-sayuran RM1.23 juta
- buah-buahan RM0.36 juta

2016 - 2018

Tempoh diliputi

RAJAH 4
BILANGAN JENIS TUMBUHAN YANG DIIMPORT BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018



Sumber: Laporan Sistem MAQIS (SYSMAQ)

Nota: (*) - Keluaran Pertanian/Tumbuhan Termasuk Sayur-sayuran, Buah-buahan, Bijirin dan Kekacang (Purata 3 Tahun)

iii. Selanjutnya, pihak Audit menganalisis pengenaan caj pemeriksaan hanya terhadap sayur-sayuran dan buah-buahan sahaja. Sebanyak 955.57 juta kilogram (24.9%) adalah sayur-sayuran dan 262.95 kilogram (6.9%) adalah buah-buahan. Perkiraan Audit mendapat **caj pemeriksaan terhadap sayur dan buah-buahan berjumlah RM1.59 juta tidak dikenakan dalam tempoh tahun 2016 – 2018** berdasarkan kadar yang ditetapkan dalam Jadual Kedua Peraturan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
CAJ PEMERIKSAAN YANG TIDAK DIKENAKAN TERHADAP SAYUR-SAYURAN DAN BUAH-BUAHAN BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

PINTU MASUK	JUMLAH KUANTITI/NILAI KONSAINAN PERTANIAN (TAHUNAN)							
	SAYUR-SAYURAN*				BUAH-BUAHAN**			
	BIL. JENIS /ITEM SAYUR (PURATA 3 TAHUN)	KUANTITI (Juta KG) (a)	RM2 SETIAP 1,000 KG PERTAMA ATAU SEBAHAGIANNYA (RM) (b)	RM1 SETIAP 1,000 KG TAMBAHAN ATAU SEBAHAGIANNYA (RM) (c)	BIL. JENIS/ ITEM BUAH (PURATA 3 TAHUN)	KUANTITI (Juta KG) (d)	RM2 SETIAP 1,000 KG PERTAMA ATAU SEBAHAGIANNYA (RM) (e)	RM1 SETIAP 1,000 KG TAMBAHAN ATAU SEBAHAGIANNYA (RM) (f)
NBCT, Pulau Pinang	46	833.26	45,372	815,777	27	90.77	6,484	88,882
Padang Besar, Perlis	62	49.87	85,972	28,878	31	82.27	39,206	71,521
Rantau Panjang, Kelantan	55	72.44	228,974	25,994	41	89.91	85,174	71,931
JUMLAH	955.57	360,318	870,649		262.95	130,864	232,334	
JUMLAH BESAR KUANTITI SAYUR-SAYURAN DAN BUAH-BUAHAN (Juta KG) [(a) + (d)]								1,218.52
JUMLAH BESAR CAJ PEMERIKSAAN YANG TIDAK DIKENAKAN (RM) [(b) +(c) +(e) +(f)]								1,594,165

Sumber: Laporan Sistem MAQIS (SYSMAQ)

Nota: (*) - Sayur-sayuran Seperti Kailan, Brokoli, Salad, Timun, Kangkung dan Choy Sum

(**) - Buah-buahan Seperti Nanas, Jambu Batu, Longan, Mangga, Anggur dan Pisang

Maklum balas MAQIS yang diterima pada 22 April 2019, 18 Julai 2019 dan 21 Februari 2020

Bagi komoditi pertanian, MAQIS telah mengambil alih import permit berkuat kuasa mulai 1 November 2018. Terdapat produk pertanian yang tidak memerlukan permit tetapi memerlukan sijil perakuan 3P (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan). Bagaimanapun, terdapat isu integrasi perakuan 3P oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang perlu diselesaikan sebelum pihak MAQIS dapat mengutip caj pemeriksaan tersebut. MAQIS telah menguatkuasa caj pemeriksaan bagi tumbuhan bermula 15 Jun 2019 setelah kertas makluman berkaitan caj pemeriksaan bagi tumbuhan dibentangkan dalam Mesyuarat Pasca Kabinet MoA pada 29 Mei 2019.


Pada tahun 2019 pihak MAQIS telah mengutip caj pemeriksaan keluaran pertanian sejumlah RM 11.5 juta.

Pada pendapat Audit, caj pemeriksaan terhadap konsainan selain ikan yang tidak dikenakan telah menyebabkan hasil Kerajaan berkurangan kerana tidak dipungut.

d. Penetapan Caj Pemeriksaan terhadap Konsainan Ikan/Hasilan Ikan

- i. Seksyen 9(c) Akta 728 menetapkan kuasa Ketua Pengarah untuk mengenakan dan memungut fi atau caj lain yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah. Jadual 2, Perkara 20, Peraturan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Fi dan Caj) 2013, menetapkan caj konsainan ikan lebih daripada 100 kilogram dikira pada kadar tidak melebihi RM0.05 setiap kilogram. Pelaksanaan pengutipan fi dan caj telah berkuat kuasa mulai 2 Januari 2014.
- ii. Semakan Audit mendapati Ketua Pengarah MAQIS telah mengenakan caj pemeriksaan yang tidak melebihi kadar yang ditetapkan dan diputuskan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan.
- iii. Analisis Audit mendapati 10 syarikat pengimport telah dikenakan caj pemeriksaan bagi konsainan ikan dan hasilan ikan pada kadar RM0.05. Enam (6) syarikat pula telah dikenakan caj pemeriksaan pada kadar antara RM0.01 hingga RM0.04 setiap kilogram. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Rajah 5**.

RAJAH 5
CAJ PEMERIKSAAN YANG DIKENAKAN TERHADAP KONSAINAN IKAN DAN HASILAN IKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018



Sumber: Data daripada Sistem *Tableau MAQIS* dan Surat Kelulusan Pengurangan Caj MAQIS

Nota: Ikan dan Hasilan Ikan Meliputi Ikan Sejuk Beku, Ikan Proses Beku dan Sotong atau Udang Sejuk Beku dan Proses Beku

- iv. Semakan Audit selanjutnya mendapati kelulusan pengurangan caj pemeriksaan diberikan kepada syarikat pengimport berdasarkan kepada laporan audit syarikat. Syarikat tidak diberikan kelulusan sekiranya tidak menjalankan apa-apa aktiviti pemprosesan atau tambah nilai yang merupakan syarat utama untuk mendapat pengurangan caj pemeriksaan import/eksport. Seterusnya, semakan Audit juga mendapati kenaan caj pemeriksaan dibuat berdasarkan indeks yang ditetapkan dan diukur melalui nisbah nilai import dan eksport sesuatu syarikat.
- v. Namun, pihak Audit mendapati ***kriteria pelaksanaan kenaan caj pemeriksaan antara RM0.01 hingga RM0.04 setiap kilogram tidak disokong dengan SOP dan menimbulkan isu ketelusan dalam membuat keputusan.*** Penasihat Undang-Undang MoA melalui surat bertarikh 14 Disember 2018 kepada MAQIS menyatakan keperluan untuk menyediakan SOP bagi mewujudkan amalan tadbir urus yang baik dan mengelakkan penyalahgunaan kuasa.

Maklum balas MAQIS yang diterima pada 22 April dan 14 Mei 2019

Dalam melaksanakan pengurangan caj pemeriksaan, mekanisme pelaksanaan pengurangan diukur melalui nisbah nilai import dan eksport sesuatu syarikat. Panduan berkaitan dengan pengurangan caj dilaksanakan berdasarkan perkara berikut:

- a. Juruaudit akan membuat pemeriksaan premis syarikat yang memohon pengurangan caj.
- b. Laporan Juruaudit ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kuarantin dan Pemeriksaan.
- c. Daripada data nilai eksport berbanding import, Jawatankuasa ini akan memberikan pengurangan caj yang lebih kepada syarikat yang mempunyai nilai eksport yang lebih tinggi berbanding nilai import.

Kadar penetapan untuk setiap sen pengurangan adalah bergantung kepada indeks yang ditetapkan.

Bagi meningkatkan amalan tadbir urus yang baik seperti saranan pihak Audit, Ketua Pengarah MAQIS telah menetapkan tiada pengurangan caj diberikan kepada konsainan ikan/hasilan ikan berkuat kuasa 1 April 2019.

Pada pendapat Audit, ketiadaan SOP berkaitan prosedur penetapan caj pemeriksaan merupakan kelemahan dalam tadbir urus. Namun demikian, pihak MAQIS telah membuat keputusan tidak membenarkan pengurangan kenaan caj berkuat kuasa 1 April 2019.

6.2.3. Pelaksanaan Pemeriksaan Konsainan Pertanian

a. Pemeriksaan Visual/Fizikal Konsainan Pertanian yang Diimport Kurang Dilaksanakan

- i. Seksyen 9(a) dan (b) Akta 728 telah memperuntukkan kuasa kepada MAQIS untuk mengkuarantin, memeriksa dan menguatkuasakan perkara yang berhubung dengan konsainan pertanian dan makanan di pintu masuk. Perenggan 10, Peraturan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Kuarantin dan Pemeriksaan) 2013 pula menetapkan pemeriksaan terhadap konsainan pertanian yang diimport. Selain itu, Piagam Pelanggan MAQIS menyatakan pemeriksaan dan pelepasan konsainan yang diimport dibuat dalam masa satu (1) jam bagi laluan udara dan laluan darat dan satu (1) hari bagi laluan laut dari masa pengisytiharan dibuat.
- ii. Analisis Audit terhadap laporan pemeriksaan visual/fizikal di lima (5) pintu masuk bagi tahun 2016 hingga 2018 mendapat **secara keseluruhannya, pelaksanaan pemeriksaan konsainan import adalah amat rendah. Konsainan import yang diperiksa hanyalah 199,090 (6.3%) daripada 3,144,518 bilangan konsainan.** Analisis lanjut mengikut pintu masuk adalah seperti berikut:
 - Pintu masuk Rantau Panjang, Kelantan - Hanya 36,785 konsainan (1.3%) daripada 2,852,343 konsainan pertanian yang diimport telah diperiksa.
 - Pintu masuk NBCT, Pulau Pinang - Hanya 1,524 konsainan (2.1%) daripada 73,434 konsainan pertanian yang diimport telah diperiksa.

- Pintu masuk Padang Besar, Perlis - Sebanyak 22,361 konsainan (27.8%) daripada 80,321 konsainan pertanian yang diimport telah diperiksa.
- Pintu masuk KLIA Kargo, Selangor dan KSAB Tanjung Kupang, Johor - berjaya melaksanakan 100% pemeriksaan visual/fizikal daripada keseluruhan konsainan pertanian yang diimport.

Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
PENCAPAIAN PEMERIKSAAN VISUAL/FIZIKAL TERHADAP KONSAINAN PERTANIAN YANG DIIMPORT BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

PINTU MASUK	BILANGAN KONSAINAN				
	KONSAINAN IMPORT (a)	BILANGAN PERMIT	BILANGAN TANPA PERMIT	PEMERIKSAAN TERHADAP KONSAINAN PERTANIAN YANG DIIMPORT (b)	PERATUS (%) (c = b/a)
NBCT, Pulau Pinang	73,434	22,956	50,478	1,524	2.1
Padang Besar, Perlis	80,321	22,361	57,960	22,361	27.8
Rantau Panjang, Kelantan	2,852,343	36,785	2,815,558	36,785	1.3
KLIA, Kargo, Selangor	100,758	59,819	40,939	100,758	100
KSAB Tanjung Kupang, Johor	37,662	19,065	18,597	37,662	100
JUMLAH BESAR	3,144,518	160,986	2,983,532	199,090	6.3

Sumber: Laporan SYSMAQ di Pintu Masuk Dilawati

- iii. Hasil temu bual di lima (5) pintu masuk semasa lawatan Audit pada bulan Oktober 2018 hingga Ogos 2019 mendapati pemeriksaan visual/fizikal yang kurang dilaksanakan disebabkan kekangan bilangan pegawai MAQIS. Selain pemeriksaan dokumen dan visual/fizikal terhadap konsainan import dan eksport, pegawai turut bertanggungjawab terhadap perkhidmatan kuarantin, pengeluaran lesen, permit dan urusan kewangan.
- iv. Selain itu, pihak MAQIS memaklumkan pemeriksaan di setiap pintu masuk dilaksanakan oleh dua (2) pegawai untuk memastikan tadbir urus yang baik dan mengelakkan sebarang penyalahgunaan kuasa.
- v. Seterusnya, analisis Audit di lima (5) pintu masuk mendapati ***bilangan konsainan import sehari untuk seorang pegawai MAQIS adalah antara tiga (3) hingga 305 konsainan***. Nisbah konsainan untuk seorang pegawai yang terendah adalah di pintu masuk KSAB Tanjung Kupang, Johor; NBCT, Pulau Pinang dan Padang Besar, Perlis. Nisbah konsainan tertinggi adalah di pintu masuk Rantau Panjang, Kelantan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
PERBANDINGAN PERJAWATAN MAQIS DI LIMA (5) PINTU MASUK
BERBANDING BILANGAN KONSAINAN PERTANIAN DIIMPORT

PINTU MASUK	PURATA BILANGAN KONSAINAN IMPORT (SETAHUN)* (a)	BIL. PEGAWAI (b)	PERKIRAAN AUDIT NISBAH BILANGAN PEGAWAI DENGAN BILANGAN KONSAINAN IMPORT			KEPELBAGAIAN TUGASAN PEGAWAI PENGUATKUASA
			SETAHUN (c = a/b)	SEBULAN (d = c/12)	SEHARI (d/20)	
NBCT, Pulau Pinang	24,478	11	1 : 2,225	1 : 185	1 : 9	<ul style="list-style-type: none"> • Pemeriksaan dokumen dan fizikal import/eksport. • Penyemakan dan kemasukan sistem SMK (Kastam) dan sistem e3P (FAMA). • Kutipan caj pemeriksaan dan perbankan. • Kemasukan data diimport/eksport dalam system SYSMAQ dan terbaharu sistem iMAQIS. • Lain-lain tugas/urusan pentadbiran/perkeranian.
Padang Besar, Perlis	26,774	12	1 : 2,231	1 : 186	1 : 9	
Rantau Panjang, Kelantan	950,781	13	1 : 73,137	1 : 6,095	1 : 305	
KLIA, Kargo, Selangor	33,586	10	1 : 3,359	1 : 280	1 : 14	
KSAB Tanjung Kupang, Johor	12,554	20	1 : 628	1 : 52	1 : 3	

Sumber: Pintu masuk dilawati dan My Portfolio, MAQIS

Nota: (*) - Perkiraan Berdasarkan Jadual 9 Pencapaian Pemeriksaan Visual/Fizikal Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

vi. Berdasarkan faktor dan perbandingan tersebut, **MAQIS tidak dapat melaksanakan pemeriksaan visual/fizikal terhadap konsainan pertanian yang diimport secara lebih berkesan.**

Maklum balas MAQIS yang diterima pada 22 April 2019, 18 Julai 2019 dan 21 Februari 2020

Bagi menambah baik aktiviti pemeriksaan visual/fizikal di pintu masuk, MAQIS sedang membangunkan sistem maklumat bersepadu iaitu iMAQIS. Sistem ini mempunyai beberapa modul yang meliputi semua aktiviti utama MAQIS seperti Modul Pemeriksaan; Pemintasan dan Persampelan; Tindakan Kuarantin dan Perundangan; Dagang Transit dan *Online Payment*. Sistem ini dapat membantu pegawai MAQIS untuk melaksanakan aktiviti dengan lebih cekap dan berkesan. Sistem ini dijangka akan beroperasi sepenuhnya pada tahun 2020.

Modul Pemeriksaan, Modul Tindakan Kuarantin dan Perundangan, Modul Persampelan dan Pemintasan dan Modul Pengurusan Kuarantin telah *go live* pada tahun 2019 di dalam iMAQIS. Hanya dua (2) modul yang belum selesai iaitu Modul MAQIS-Pay, Modul Dagangan Transit dan Integrasi dengan *uCustoms* yang masih dalam pelaksanaan.

b. Ujian Saringan Kurang Dilaksanakan terhadap Konsainan Pertanian yang Diimport

- i. Perenggan 3(1) Peraturan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Tatacara Kuarantin) 2013 menetapkan konsainan pertanian yang diperiksa, dikuarantin, diimport atau dieksport adalah tertakluk kepada ujian yang ditentukan oleh agensi/jabatan/Ketua Pengarah.
- ii. Semakan Audit mendapati *ujian saringan kurang dilaksanakan kerana sasaran tidak ditetapkan*. Selain itu, *tiada SOP berhubung prosedur pengambilan dan keperluan penghantaran sampel ke makmal untuk ujian analisis*.
- iii. Pemeriksaan Audit di empat (4) pintu masuk antara bulan Oktober 2018 hingga Mac 2019 mendapati secara umumnya, pemeriksaan visual/fizikal secara rawak dilakukan terhadap sampel konsainan. Bagaimanapun, sekiranya sampel konsainan yang diperiksa berkeadaan baik dan tiada tanda penyakit dan perosak, maka pengambilan sampel untuk dihantar ke makmal bagi ujian analisis lanjut tidak dilaksanakan. Contoh pemeriksaan visual/fizikal dan pengesanan pintasan perosak terhadap sampel konsainan pertanian seperti dalam **Gambar 3** hingga **4**.

GAMBAR 3



Pintu Masuk Rantau Panjang, Kelantan
- Pemeriksaan Visual/Fizikal terhadap Sampel Mangga yang Diimport dari Thailand
- Tiada Perosak Dikesan Pada Sampel Mangga yang Dipotong dan Diperiksa di Bahagian dalam Termasuk Bijinya (18.02.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4



Pintu Masuk Rantau Panjang, Kelantan
- Pengesanan Pintasan Perosak terhadap Cili Padi (Hijau), Cili Besar, Lada Besar dan Cili Padi yang Disimpan untuk Tempoh Antara Empat (4) Hingga Lima (5) Hari (18.02.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas MAQIS yang diterima pada 14 Mei 2019 dan 21 Februari 2020

Bagi ujian saringan, MAQIS bertindak sebagai pegawai pemeriksa produk pertanian di pintu masuk dan mengambil sampel seperti mana yang ditetapkan serta menghantar sampel ke makmal. Keperluan untuk mengambil sampel bagi ujian saringan penyakit atau perosak ada dinyatakan secara umum dalam SOP Pemeriksaan Konsainan Import yang telah dikemas kini pada bulan September

2018. Bukan semua konsainan pertanian yang diimport memerlukan persampelan kerana ujian saringan hanya dilakukan mengikut keperluan analisa risiko yang dijalankan. Prosedur persampelan secara spesifik telah dibuat oleh jabatan dasar di bawah MoA (DoA, DVS, DoF, FAMA dan LKIM) mengikut penyakit atau perosak tertentu. SOP ini diwujudkan setelah proses analisa risiko penyakit atau perosak dijalankan ke atas sesuatu komoditi atau negara.

Selain daripada persampelan dan saringan di pintu masuk negara, proses saringan bagi menentukan tahap keselamatan makanan dan halal juga dilakukan di negara pengekspor. Sebagai contoh bagi produk daging lembu/kerbau dan ayam, proses pemeriksaan akan dilakukan terlebih dahulu oleh DVS, MoH dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di negara berkaitan. Pemeriksaan dijalankan bagi memastikan produk yang akan dieksport ke Malaysia memenuhi aspek keselamatan makanan dan halal. Proses ini menjadi proses saringan pertama sebelum proses saringan peringkat kedua dijalankan melalui pemeriksaan konsainan oleh MAQIS semasa ketibaan di pintu masuk negara.

Pihak MAQIS telah membuat pengumpulan data hasil daripada pengambilan sampel ujian pintasan perosak bermula pada Januari 2019. Sebanyak 1,222 pintasan perosak telah dilaksanakan di semua pintu masuk yang menerima kemasukan komoditi pertanian dan hasil pintasan tersebut mendapat 323 perosak yang telah ditemui di mana perosak yang ditemui adalah pelbagai jenis sama ada dikategorikan sebagai perosak kuarantin atau bukan perosak kuarantin.

Pada pendapat Audit, pengurangan pemeriksaan visual/fizikal dan pengambilan sampel ujian saringan boleh menyebabkan risiko kemasukan konsainan pertanian yang membawa ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar. Secara keseluruhannya, kelemahan pelaksanaan ini telah menjelaskan *outcome* MAQIS bagi memastikan konsainan pertanian yang diimport adalah selamat dan berkualiti.

c. Keputusan Makmal terhadap Ujian Saringan yang Dilaksanakan

- i. Perenggan 3(2) Peraturan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Tatacara Kuarantin) 2013 menyatakan konsainan pertanian yang gagal dalam ujian hendaklah dirawat, dilarang masuk atau dilupus.
- ii. Analisis Audit telah dilaksanakan terhadap data/laporan keputusan makmal daripada Makmal Residu Racun Perosak, DoA bagi tahun 2018 dan 2019. Berdasarkan data/laporan keputusan makmal DoA bagi sampel cili import, didapati **29 sampel (85.3%) daripada 34 sampel spesimen dalam tempoh 2018 - 2019 telah dikesan mempunyai perawis aktif melebihi kadar Maximum Residue Limit (MRL) yang**

dibenarkan. Hanya lima (5) iaitu 14.7% daripada 34 spesimen tidak melebihi MRL. **Perawis aktif adalah bahan aktif yang mempunyai/memberikan sifat-sifat racun makhluk perosak kepada sesuatu bahan, benda persediaan atau campuran.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 11.**

JADUAL 11
PERAWIS AKTIF YANG DIKESAN DALAM SAMPEL CILI DAN
MELEBIHI MRL YANG DIBENARKAN BAGI TAHUN 2018 DAN 2019

TARIKH LAPORAN	BILANGAN SAMPEL CILI	BILANGAN KES		MRL DIBENARKAN	MRL SEBENAR	PERAWIS AKTIF YANG DIKESAN MELEBIHI MRL
		TIDAK MELEBIHI MRL	MELEBIHI MRL*			
23.09.2018	14	2	6	0.01	0.02 - 1.38	<i>Benomyl</i>
			2		0.05 dan 0.09	<i>Profenofos</i>
			2		0.02 dan 0.06	<i>Hexaconazole</i>
			1		0.1	<i>Chlorfenapyr</i>
			1		0.04	<i>Carbofuran</i>
14.01.2019	5	0	3	0.01	0.02 - 0.50	<i>Chlorfenapyr</i>
			2		0.08	<i>Lambda Cyhalothrin</i>
24.01.2019	7	3	3	0.01	0.12	<i>Chlorfenapyr</i>
				0.01	0.08	<i>Profenofos</i>
			1	0.50	0.51	<i>Cypermethrin</i>
17.02.2019	8	0	8	0.01	0.02 - 2.2	<i>Profenofos</i>
					0.03	<i>Ethion</i>
					0.02	<i>Triazophos</i>
JUMLAH	34	5	29			

Sumber: Laporan daripada Makmal Residu Racun Perosak DoA

Nota: (*) - Sampel Cili yang Terdapat Perawis Aktif Mempunyai antara Satu (1) dan/atau Dua (2) atau Lebih Jenis Perawis Aktif

- iii. Susulan isu cili dari Vietnam yang melanggar nilai piawaian MRL, Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) telah membangkitkan isu ini dalam keratan akhbar Utusan Malaysia pada 8 September 2018. PPIM menggesa MoA mengumumkan hasil keputusan ujian MRL yang dijalankan ke atas sampel cili merah import.
- iv. Analisis Audit terhadap data/laporan keputusan makmal bagi daging haiwan daripada Makmal Veterinar Kawasan Bukit Tengah, DVS bagi tahun 2016 hingga 2018 juga dilaksanakan. Pihak Audit mendapati **95 spesimen (35.8%) daripada 265 spesimen daging disyaki berpenyakit seperti *E.coli*, *Salmonella* dan *Sarcosist*, manakala 170 spesimen (64.2%) tiada penyakit.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 12.**

JADUAL 12
KEPUTUSAN MAKMAL TERHADAP SPESIMEN DAGING
BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN	BILANGAN SPESIMEN DAGING HAIWAN*	KEPUTUSAN MAKMAL	
		TIADA PENYAKIT	DISYAKI BERPENYAKIT
2016	118	66	52
2017	101	75	26
2018	46	29	17
JUMLAH	265	170	95
PERATUSAN KEPUTUSAN MAKMAL (%)		64.2	35.8

Sumber: Laporan daripada Makmal Veterinar Kawasan Bukit Tengah, DVS

Nota: (*) - Spesimen Daging Adalah Lembu, Kerbau, Kambing, Ayam dan Lain-lain

Maklum balas MAQIS yang diterima pada 22 April dan 14 Mei 2019

Akta Makanan 1983 (Akta 281) adalah Akta bagi melindungi orang ramai terhadap bahaya dari segi kesihatan dan penipuan pada penyediaan penjualan dan penggunaan makanan serta perkara yang berkaitan dengannya. Seksyen 9 (b) Akta 728 menyatakan Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk memeriksa dan menguatkuasakan perkara yang berhubungan dengan makanan di pintu masuk mengikut Akta 281. Namun, Seksyen 2(2) Akta 728 memperuntukkan sekiranya terdapat ketidakselarasan antara peruntukan Akta 728 dengan Akta 281, peruntukan Akta 281 hendaklah terpakai. Bagi isu penemuan cacing dalam tin sardin, MAQIS telah merujuk konsainan tersebut kepada KKM untuk tindakan lanjut di bawah Akta 281.

Merujuk isu cili import Vietnam beracun yang disebabkan oleh MRL melebihi kadar yang dibenarkan, pihak DoA telah mengeluarkan surat penggantungan sementara pengeluaran permit pada 14 September 2018. Penggantungan permit tersebut masih lagi berkuat kuasa sehingga kini.

d. Tempoh Masa Persampelan/Ujian Saringan yang Panjang

- Seksyen 33(1) Akta 728 menetapkan pegawai MAQIS boleh meminta, memilih, mengambil atau memperoleh sampel mana-mana konsainan pertanian yang diimport/eksport bagi maksud analisis. Perenggan 10 dan 12, Peraturan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Kuarantin dan Pemeriksaan) 2013 juga menetapkan pemeriksaan dan pengambilan sampel terhadap konsainan pertanian yang diimport.
- Semakan Audit mendapati prosedur pengambilan persampelan, penyimpanan, penghantaran, pengujian dan keputusan ujian makmal konsainan pertanian mengambil masa yang panjang. Hal ini disebabkan lokasi makmal bersepadu mengikut subsektor dan zon yang jauh dan sebarang penahanan yang lama terhadap konsainan akan menimbulkan

masalah. Antara masalah yang timbul termasuklah kerosakan konsainan dan ketidakpuasan ejen/pengangkut/pengimport kerana peningkatan kos dan masa. Sebagai contoh, ujian saringan terhadap daging mentah dihantar ke Makmal Veterinar Kawasan Bukit Tengah, Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Ujian saringan bagi tumbuhan pula dihantar ke Bahagian Biosecuriti Tumbuhan, DoA Serdang dan Makmal Residu Racun Perosak, DoA Kuala Lumpur.

iii. Analisis Audit terhadap tempoh masa pengambilan sampel sehingga keputusan makmal diperoleh mendapati perkara berikut:

- Secara keseluruhannya daripada sampel yang disemak, tempoh masa keputusan makmal adalah antara enam (6) hingga 99 hari dari tarikh sampel diambil.
- Pintu masuk NBCT, Pulau Pinang - Tempoh pengambilan hingga penghantaran sampel ke makmal mengambil masa antara 21 hingga 45 hari. Tempoh penerimaan sampel oleh makmal sehingga keputusan makmal dikeluarkan adalah sembilan (9) hingga 14 hari.
- Pintu masuk Padang Besar, Perlis - Tempoh pengambilan hingga penghantaran sampel ke makmal mengambil masa antara tiga (3) hingga tujuh (7) hari. Tempoh penerimaan sampel oleh makmal sehingga keputusan makmal dikeluarkan adalah antara tiga (3) hingga 95 hari.
- Hasil analisis Audit mendapati ***kesemua sampel konsainan telah dikesan bermasalah tetapi dilepaskan di pintu masuk sebelum keputusan ujian makmal diperoleh.*** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 13.**

JADUAL 13
TEMPOH PENGAMBILAN SAMPEL SEHINGGA KEPUTUSAN
UJIAN MAKMAL DIKELUARKAN BAGI KONSAINAN DI DUA (2) PINTU MASUK

PROSEDUR DI MAQIS			PROSEDUR DI MAKMAL			TARIKH PERIKSA DAN LEPAS	TEMPOH ANTARA SAMPEL DIHANTAR DENGAN KEPUTUSAN MAKMAL (HARI) (c = a + b)
TARIKH SAMPEL DIAMBIL	TARIKH HANTAR SAMPEL	TEMPOH HANTAR SAMPEL KE MAKMAL (HARI) (a)	TARIKH TERIMA SAMPEL	TARIKH KEPUTUSAN MAKMAL	TEMPOH KEPUTUSAN MAKMAL DIPEROLEH (HARI) (b)		
NBCT, Pulau Pinang							
24.10.17	28.11.17	35	28.11.17	07.12.17	9	24.10.17	44
14.10.17	28.11.17	45	28.11.17	07.12.17	9	14.10.17	54
07.11.17	28.11.17	21	28.11.17	07.12.17	9	07.11.17	30
04.09.18	16.10.18	42	16.10.18	30.10.18	14	04.09.18	56
24.09.18	16.10.18	22	16.10.18	30.10.18	14	24.09.18	36
25.09.18	16.10.18	21	16.10.18	30.10.18	14	25.09.18	35

PROSEDUR DI MAQIS			PROSEDUR DI MAKMAL			TARIKH PERIKSA DAN LEPAS	TEMPOH ANTARA SAMPEL DIHANTAR DENGAN KEPUTUSAN MAKMAL (HARI) (c = a + b)
TARIKH SAMPEL DIAMBIL	TARIKH HANTAR SAMPEL	TEMPOH HANTAR SAMPEL KE MAKMAL (HARI) (a)	TARIKH TERIMA SAMPEL	TARIKH KEPUTUSAN MAKMAL	TEMPOH KEPUTUSAN MAKMAL DIPEROLEH (HARI) (b)		
Padang Besar, Perlis							
26.11.18	03.12.18	7	03.12.18	06.12.18	3	26.11.18	10
30.11.18	03.12.18	3	03.12.18	06.12.18	3	30.11.18	6
14.09.18	18.09.18	4	18.09.18	22.12.18	95	14.09.18	99

Sumber: Data dan Laporan Makmal Veterinar Kawasan Bukit Tengah, Bukit Mertajam, Pulau Pinang dan Makmal Residu DoA, Kuala Lumpur

- iv. Berdasarkan keratan akhbar Utusan Malaysia pada 8 September 2018, PPIM telah mengesyorkan supaya diwujudkan satu (1) pusat lengkap/fasiliti khusus yang mampu menguji MRL dalam tempoh singkat. PPIM juga berpendapat sistem sedia ada memakan masa yang lama sedangkan kontena yang membawa sayur-sayuran sudah dilepaskan ke pasaran negara. Akibatnya, hasil pertanian tersebut telah dibeli dan dimakan oleh pengguna. Sebaliknya keputusan MRL pihak berkaitan pula baru selesai dan sudah terlambat untuk membuat sesuatu jika keputusan MRL itu menunjukkan ia melebihi had maksimum.

Maklum balas MAQIS yang diterima pada 22 April 2019, 14 Mei 2019 dan 21 Februari 2020

Tempoh masa keputusan ujian makmal bergantung kepada kapasiti setiap makmal yang berada di bawah pengurusan jabatan berkaitan seperti DVS, DoA, DoF, Jabatan Kimia dan sebagainya. Faktor kekurangan tenaga kerja menyebabkan pengurusan sampel tidak dapat dijalankan dengan cekap dan kelewatan penghantaran dan penerimaan sampel di makmal. Selain itu, kemudahan logistik juga terhad seperti kenderaan jabatan yang memberi keutamaan untuk tugas rutin di pintu masuk.

Pihak MAQIS telah melaksanakan perolehan *power stacker*, *Compound & Stereo Microscope* dan *Snake Eye Camera* di bawah peruntukan program Pengukuhan Biosekuriti Agromakanan untuk memudahkan pemeriksaan dan saringan awal perosak di pintu masuk pada 2019.

Pada pendapat Audit, tanpa peralatan pemeriksaan khusus dan tempoh masa yang panjang terhadap persampelan/ujian saringan menyebabkan MAQIS sukar untuk memastikan konsainan pertanian yang diimport selamat dan berkualiti.

e. Pemeriksaan Konsainan Pertanian di bawah Akta Biokeselamatan 2007

- i. MAQIS pada tahun 2015 telah diturunkan kuasa oleh Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) sebagai pegawai penguatkuasa di bawah Seksyen 38 (c) Akta Biokeselamatan 2007 (Akta 678) untuk tujuan membuat persampelan.
- ii. Akta 678 adalah Akta bagi mengawal selia pelepasan, pengimportan dan pengeksportan konsainan pertanian dengan kadar organisma diubah suai secara genetik (GMO) yang dibenarkan. Tujuan Akta ini adalah melindungi kesihatan manusia, tumbuhan dan haiwan, alam sekitar dan kepelbagaiannya biologi. GMO pula adalah organisma hidup yang memiliki kombinasi baru bahan genetik yang diperoleh melalui penggunaan bioteknologi moden.
- iii. Semakan Audit bagi tahun 2016 hingga 2018 mendapati MAQIS hanya membantu Jabatan Biokeselamatan (JBK) KATS mengambil sampel konsainan pertanian dan diserahkan kepada JBK untuk pengesahan GMO. Perkara ini adalah disebabkan pengesahan sesuatu GMO perlu dilaksanakan secara penggunaan protein kit dan kajian *Asid Deoksiribonukleik* (DNA). Analisis pengesahan pula dilaksanakan oleh Jabatan Kimia Malaysia (JKM), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Ketika itu, penguatkuasaan terhadap GMO masih di bawah bidang kuasa KATS. Pada 1 Mei 2019, MAQIS pula telah diberi kuasa sepenuhnya oleh KATS sebagai penguatkuasa di bawah Bahagian VI Akta 678.


Pada pendapat Audit, MAQIS sukar untuk melaksanakan penguatkuasaan terhadap GMO konsainan pertanian kerana tidak mempunyai kepakaran memandangkan sebelum ini MAQIS hanya membantu JBK membuat persampelan.

6.2.4. Konsainan Transit

a. Pemeriksaan terhadap Konsainan Transit

- i. Peraturan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Kuarantin dan Pemeriksaan) 2013 menyatakan transit adalah pembawaan masuk barang dari mana-mana negara ke dalam Malaysia. Pembawaan tersebut sama ada melalui darat, laut, perairan pedalaman, udara didaratkan atau dipindahkapalkan di Malaysia atau tidak, dengan maksud hanya untuk dibawa ke negeri lain.

- ii. Semakan Audit mendapati berlaku peningkatan bilangan konsainan transit melalui pintu masuk sempadan dengan jaringan jalan raya iaitu darat di Semenanjung Malaysia. Bilangan konsainan transit di Padang Besar, Perlis bagi tahun 2016 hingga 2018 menunjukkan peningkatan berturut-turut masing-masing 12 transit (240%) bagi tahun 2017 dan 14 transit (82.4%) bagi tahun 2018. Begitu juga di Rantau Panjang, Kelantan terdapat peningkatan sebanyak 188 transit (308.2%) bagi tahun 2017 dan sebanyak 250 transit (100.4%) bagi tahun 2018. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Rajah 6**.



Sumber: Laporan SYSMAQ di Pintu Masuk Dilawati

- iii. Analisis Audit terhadap laporan transit bagi tahun 2016 hingga 2018 di empat (4) pintu masuk mendapati sebanyak 78 syarikat pengimpor telah melaksanakan 7,505 konsainan transit bernilai RM331 juta dengan kuantiti sebanyak 92.49 juta kilogram. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
PENGIMPORTAN KONSAINAN MELALUI TRANSIT BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

PINTU MASUK	BILANGAN PENGIMPORT	BILANGAN TRANSIT	KUANTITI (Juta KG)	NILAI (RM Juta)
NBCT, Pulau Pinang	15	75	1.94	11.28
Padang Besar, Perlis	13	53	0.52	2.42
Rantau Panjang, Kelantan	10	809	3.84	5.54
KSAB Tanjung Kupang, Johor	40	6,568	86.19	311.76
JUMLAH	78	7,505	92.49	331.00

Sumber: Laporan SYSMAQ di Pintu Masuk Dilawati

- iv. Perenggan 11, Peraturan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Kuarantin dan Pemeriksaan) 2013 menyatakan konsainan pertanian/makanan dalam transit hendaklah tertakluk kepada pemeriksaan. Perenggan 3, Peraturan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Fi dan Caj) 2013 pula menetapkan kadar caj pemeriksaan yang boleh dikenakan berdasarkan Jadual Kedua.
- v. Semakan Audit mendapati MAQIS telah membuat pemeriksaan terhadap konsainan transit tanpa pengenaan caj pemeriksaan. Perkara ini berlaku kerana MAQIS tidak mempunyai kuasa di bawah Akta 728 untuk melaksanakan penguatkuasaan konsainan transit.

Maklum balas MAQIS yang diterima pada 14 Mei dan 18 Julai 2019

Suatu kajian dan rundingan dengan *stakeholder* adalah perlu bagi memastikan perkara berkaitan dengan ‘dalam transit’ dimasukkan dalam pindaan Akta 728. Bagi penambahbaikan, cadangan caj pemeriksaan terhadap konsainan transit akan dimasukkan dalam Pindaan Akta 728 selepas mendapat kelulusan MoA dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Hal ini bertujuan untuk memastikan tiada halangan perdagangan yang boleh menjelaskan ekonomi negara. Cadangan pindaan Akta 728 ini akan dibawa ke dalam Dewan Rakyat pada mesyuarat pertama tahun 2020.

Pada pendapat Audit, tiada peruntukan penguatkuasaan konsainan transit dalam Akta 728 menimbulkan risiko konsainan ini tidak dipastikan keluar dari Malaysia dan tindakan perundangan tidak dapat dikuatkuasakan.

b. Pergerakan Konsainan Transit Menuju ke Destinasi yang Ditentukan

- i. Perenggan 11(4) Peraturan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Kuarantin dan Pemeriksaan) 2013, pergerakan konsainan transit menuju ke destinasi yang ditentukan hendaklah mengikut arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah MAQIS.
- ii. Semakan Audit terhadap 47 sampel Borang Pengisytiharan Transit (MA3) di empat (4) pintu masuk negara mendapati lapan (8) sampel tidak dapat disahkan sama ada konsainan pertanian sampai ke pintu keluar/destinasi. Lokasi yang terlibat adalah Kota Putra Durian Burung Kedah, BKH Kedah, KSAB Tanjung Kupang, Johor dan satu (1) gudang berlesen di Kedah. Konsainan transit tersebut tidak dapat dikenal pasti sama ada ianya telah dieksport keluar ke negara pengimport.

iii. Beberapa sebab pelaksanaan konsainan transit yang tidak teratur termasuklah perkara berikut:

- Tiada sistem/mekanisme pengesahan secara jaringan (link) antara pintu masuk/keluar bagi mengesahkan kepatuhan pergerakan konsainan transit menuju ke destinasi/pintu keluar yang ditentukan. Bagaimanapun, pengesahan keluar konsainan transit telah disahkan oleh JKDM melalui pemeriksaan SMK dan fizikal dengan borang transit K8. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
PENGESAHAN KELUAR KONSAINAN TRANSIT OLEH MAQIS DAN JKDM
BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

PINTU MASUK	BILANGAN BORANG PENGISYIHARAN TRANSIT (MA 3)	PINTU KELUAR	PENGESAHAN KELUAR OLEH MAQIS (BORANG MA3)		SISTEM MAKLUMAT KASTAM (SMK)
			SAH KELUAR	TIDAK SAH KELUAR	
NBCT, Pulau Pinang	1	Kota Putra Durian Burung, Kedah	-	1	1
	4	BKH, Kedah	1	3	4
	7	Gudang Berlesen, Kedah	4	3	7
JUMLAH	12		5	7	12
BKH, Kedah	15	Tanjung Kupang, Johor	14	1	15
JUMLAH	15		14	1	15
Padang Besar, Perlis	10	Tanjung Kupang, Johor	10	-	10
JUMLAH	10		10	-	10
Rantau Panjang, Kelantan	10	Tanjung Kupang, Johor	10	-	10
JUMLAH	10		10	-	10
JUMLAH BESAR	47		39	8	47

Sumber: Borang MA3 dan Sistem Maklumat Kastam (SMK)

- Borang MA3 adalah dokumen pengimportan yang penting bagi MAQIS tetapi tidak diwartakan sebagai dokumen wajib untuk dikemukakan oleh syarikat pengimport sebelum konsainan tersebut keluar di pintu keluar.

Maklum balas MAQIS yang diterima pada 22 April, 14 Mei dan 18 Julai 2019

Subperaturan 11(1), Peraturan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Kuarantin dan Pemeriksaan) 2013 memperuntukkan bahawa pemeriksaan transit adalah tertakluk kepada peraturan 10. Namun, subperaturan 10(1) menyatakan bahawa pemeriksaan yang dilakukan ditentukan oleh Ketua Pengarah. Berdasarkan kaedah yang ditentukan oleh Ketua Pengarah, borang MA3 telah digunakan secara pentadbiran oleh MAQIS bagi pemeriksaan transit.

Satu kunjungan hormat MAQIS bersama Ketua Pengarah JKDM telah diadakan pada 22 April 2019 bagi membincangkan isu berkaitan konsainan transit. MAQIS memohon untuk mengakses SMK K8 bagi membolehkan MAQIS memperoleh maklumat, memantau dan verifikasi pergerakan transit konsainan pertanian di antara pintu masuk dan gudang berlesen. Susulan kunjungan tersebut, surat permohonan untuk mengakses K8 bagi pergerakan konsainan transit di bawah kawalan MAQIS juga telah dikeluarkan pada 12 Julai 2019.

Draf SOP transit telah dibuat dan sedang dikemas kini untuk tujuan kelulusan Ketua Pengarah MAQIS dan akan diedarkan ke semua pintu masuk pada Jun 2019. Pihak MAQIS juga akan menguatkusakan penggunaan borang transit iaitu MA3. Pembangunan modul dagangan transit dalam sistem iMAQIS telah dibangunkan pada bulan Disember 2017. Sesi percubaan dan *pilot* program bagi sistem iMAQIS adalah pada bulan Februari 2020 dan dijangka digunakan (*go live*) sepenuhnya pada bulan Mac 2020.

Pada pendapat Audit, ketiadaan mekanisme pengesanan terhadap pergerakan konsainan transit di antara pintu masuk/keluar menimbulkan risiko berlakunya penyeludupan terhadap konsainan pertanian.

6.2.5. Kemudahan Peralatan

- a. Perenggan 5.2 SOP Pemeriksaan Konsainan Import menetapkan semua konsainan pertanian perlu melalui pemeriksaan fizikal dengan bantuan *inspection kit*. Peralatan *inspection kit* adalah seperti plastik sampel, pisau, gunting, *masking tape*, *inspected sticker* dan *chopping board* yang dibekalkan untuk membuat pemeriksaan fizikal di lapangan.
- b. Pemeriksaan fizikal Audit di enam (6) pintu masuk mendapati hanya *inspection kit* telah dibekalkan. Peralatan khusus bagi menentukan konsainan bebas daripada perosak dan penyakit tidak dibekalkan. Antaranya termasuklah peralatan bagi mengesan sisa racun makhluk perosak sama ada memenuhi MRL yang dibenarkan. Contoh peralatan seperti *calorimeter*, *rapid test pesticide residue detection kit* atau *quick-test kit*. *Inspection kit* seperti dalam **Gambar 5**.



GAMBAR 5

KSAB Tanjung Kupang, Johor

- Inspection kit

(27.08.2019)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- c. Selain itu, pintu masuk di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) dan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) terlibat dengan pengimportan sayur-sayuran dan buah-buahan yang tinggi. Tanpa peralatan khusus, pengesanan awal tidak dapat dibuat terhadap konsainan tersebut sama ada berpenyakit dan beracun tinggi sebelum dilepaskan di pasaran.

Maklum balas MAQIS yang diterima pada 22 April 2019, 14 Mei 2019 dan 21 Februari 2020

Pada tahun 2019, MAQIS telah menerima peruntukan berjumlah RM1.6 juta di bawah Program Pengukuhan Biosekuriti Agromakanan. Peruntukan tersebut adalah untuk perolehan mikroskop, *microchip reader*, *centrifuge set*, *insinator mini*, alatan pemeriksaan, alat pemotong biji buah, peralatan *post mortem*, *forklift* dan kontena sejuk beku.

Bagaimanapun, peralatan lain seperti *rapid test pesticide residue detection*, *quick test kit*, *calorimeter* dan *remote diagnostic microscope with high magnification* memerlukan peruntukan tambahan.

Di bawah projek pembangunan RMKe-12, MAQIS bercadang untuk membangunkan makmal pintasan perosak dan ujian saringan awal penyakit dan perosak yang komprehensif di pintu masuk yang sibuk. Pembangunan makmal ini bertujuan memastikan produk pertanian yang dimport bebas daripada perosak dan selamat dimakan.

Pembangunan mini makmal ini telah menjadi salah satu cadangan projek dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

6.2.6. Perjawatan

a. Tiada Pegawai MAQIS di Pintu Masuk Woodlands Train Checkpoint (WTCP) Singapura

- i. SOP WTCP telah diluluskan secara bersama antara Singapore Immigration & Checkpoints Authority (ICA), JKDM, JIM, MAQIS dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) Malaysia pada 29 Jun 2011. SOP tersebut berkuat kuasa mulai 1 Julai 2011. SOP ini menetapkan seorang kakitangan MAQIS perlu ditempatkan di pintu masuk WTCP bagi menjalankan pemeriksaan terhadap bagasi penumpang yang melibatkan konsainan pertanian.
- ii. Pemeriksaan Audit pada 26 Ogos 2019 di WTCP Singapura mendapati tiada kakitangan MAQIS ditempatkan di pintu masuk tersebut bagi memeriksa bagasi penumpang dari negara Singapura sejak bulan Mei 2018. Pihak Audit dimaklumkan bahawa sebelum ini seorang pegawai MAQIS dari Pintu Masuk Bangunan Sultan Iskandar (BSI), Johor Bahru telah ditempatkan di WTCP Singapura. Semakan Audit juga mendapati pemeriksaan bagasi dilaksanakan oleh JKDM di Singapura meliputi konsainan pertanian.
- iii. Analisis Audit terhadap data JKDM bagi tahun 2016 hingga 2018 mendapati sebanyak 2.4 juta penumpang dengan 2,714,792 unit bagasi telah memasuki Malaysia. Bagasi penumpang tersebut meliputi buah-buahan seperti epal, oren, pear, anggur dan longan serta makanan proses. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
BILANGAN PENUMPANG DAN KUANTITI BAGASI PENUMPANG
BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN	BILANGAN PENUMPANG	BAGASI (UNIT)
2016	624,664	680,800
2017	845,390	941,697
2018	930,736	1,092,295
JUMLAH	2,400,790	2,714,792

Sumber: JKDM, Singapura

- iv. Perkara ini berlaku kerana Waran Perjawatan MoA Bil. E 77 tahun 2018 bertarikh 12 September 2018 tidak memperuntukkan perjawatan bagi MAQIS di WTCP Singapura. Pihak JKDM Singapura memaklumkan pemeriksaan bagasi penumpang dilaksanakan tetapi pemeriksaan visual/fizikal konsainan pertanian MAQIS tidak dibuat kerana tiada kepakaran dalam bidang yang berkaitan.

Maklum balas MAQIS yang diterima pada 21 Februari 2020

Seorang pegawai penguatkuasa MAQIS telah ditempatkan secara tetap di Woodlands Train Checkpoints (WTCP) Singapura bagi menjalankan kerja pemeriksaan konsainan pertanian bermula pada 15 November 2019.

6.2.7. Penguatkuasaan

- Seksyen 15(1) Akta 728 menetapkan mana-mana orang yang terlibat dalam sebarang pengimportan atau pengeksportan konsainan pertanian hendaklah mematuhi apa-apa syarat import permit, lesen atau perakuan, atau syarat eksport. Berdasarkan laporan ketidakpatuhan di lima (5) pintu masuk bagi tahun 2016 hingga 2018, secara umumnya kes penahanan berlaku disebabkan ketidakpatuhan kepada syarat permit. Antaranya adalah pengimportan tanpa permit dan/atau konsainan tanpa Sijil Fitosanitasi dan/atau *fumigation/rawatan fumigation* yang tidak mencukupi serta terdapat pintasan perosak.
- Analisis Audit mendapati kes ketidakpatuhan yang tinggi berlaku di pintu masuk darat iaitu di Padang Besar, Perlis dan Rantau Panjang, Kelantan. Secara keseluruhannya, antara 22 hingga 654 kes ketidakpatuhan dikesan hasil daripada pemeriksaan visual/fizikal terhadap 180,493 konsainan yang diimport. Bagaimanapun, 33 kes dirujuk untuk kuarantin/*fumigation/rawatan*, 691 kes telah dilupuskan atau dilepaskan dengan amaran dan 20 kes dirujuk kepada pendakwaan/kompaun/denda. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
KETIDAKPATUHAN KONSAINAN IMPORT TERHADAP SYARAT
YANG DITETAPKAN DALAM AKTA 728 BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

PINTU MASUK	BIL. PERMIT KONSAINAN IMPORT YANG DIPERIKSA	BILANGAN KES KETIDAKPATUHAN KONSAINAN IMPORT*						TINDAKAN		
		TIADA PERMIT	TIADA SIJIL FITOSANITASI	TIADA FUMIGATION/ RAWATAN	PINTASAN PEROSAK	LAIN-LAIN**	KUARANTIN/ FUMIGATION/ RAWATAN	LUPUS/ LEPAS	AKTA 728	
NBCT, Pulau Pinang	1,524	18	13	55	17	29	30	25	13	
KLIA, Kargo, Selangor	100,758	21	-	-	-	-	3	20	-	
Padang Besar, Perlis	22,361	112	154	-	5	13	-	145	-	
Rantau Panjang, Kelantan	36,785	440	440	-	-	-	-	440	-	
KSAB Tanjung Kupang Johor	19,065	63	1	-	-	4	-	61	7	
JUMLAH BESAR	180,493	654	608	55	22	46	33	691	20	

Sumber: Pintu masuk dilawati

Nota: (*) - Kes yang Sama Bagi Ketidakpatuhan Syarat/Peraturan Import yang Berbeza

(**) - Lain-lain Kes Meliputi *Refused Entry* dan Kesilapan Permit atau Salah Pintu Masuk

c. Pemberian *one-off* adalah pemberian terhadap kes penahanan tanpa permit yang melibatkan kesalahan buat pertama kali dan berisiko rendah. Analisis Audit selanjutnya mendapati 22 (3.4%) daripada 654 kes tiada permit telah dilepaskan. Pelepasan ini merupakan kes yang berlaku buat pertama kali melibatkan kesilapan maklumat dalam permit import, masalah teknikal berkaitan sistem ePermit dan ketetapan arahan/syarat Jabatan Dasar yang tidak dikemas kini. Pemberian *one-off* juga diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Kuarantin dan Pemeriksaan secara pelepasan dengan amaran. Keputusan *one-off* tidak diberikan bagi kes yang mempunyai risiko yang tinggi seperti tiada sijil kesihatan, sijil fitosanitasi dan sijil halal. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
PEMBERIAN ONE-OFF TERHADAP KES PENAHANAN TANPA PERMIT

PINTU MASUK	BILANGAN KES KETIDAKPATUHAN KONSAINAN IMPORT	
	TIADA PERMIT	PEMBERIAN ONE-OFF
NBCT, Pulau Pinang	18	9
KLIA Kargo, Selangor	21	11
Padang Besar, Perlis	112	-
Rantau Panjang, Kelantan	440	-
KSAB Tanjung Kupang, Johor	63	2
JUMLAH BESAR	654	22
PERATUSAN PEMBERIAN ONE-OFF (%)	3.4	

Sumber: Laporan/Data Bahagian Pemeriksaan dan Penguatkuasaan MAQIS

Pada pendapat Audit, MAQIS telah melaksanakan penguatkuasaan selaras dengan peruntukan Akta 728. Bagi kes kesalahan buat kali pertama, pemberian *one-off* diberikan dan diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan.

6.2.8. Pemantauan

a. Pemantauan dilaksanakan melalui dua (2) peringkat iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan bagi Kuarantin dan Pemeriksaan serta Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan. Mesyuarat ini berperanan menyelaras dan memantau keberkesanan pelaksanaan Aktiviti Kawalan Import Konsainan Pertanian.

i. Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Bagi Kuarantin dan Pemeriksaan

- Seksyen 10 Akta 728 memperuntukkan Jawatankuasa Penyelarasan bagi Kuarantin dan Pemeriksaan ditubuhkan dan berfungsi untuk

menyelaraskan perkara teknikal, saintifik dan tatacara berkaitan kuarantin dan pemeriksaan. Jawatankuasa ini terdiri daripada wakil agensi/jabatan yang berkaitan dan yang difikirkan perlu oleh Menteri. Jawatankuasa perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun.

- Semakan Audit terhadap minit mesyuarat mendapati beberapa perkara yang dibincangkan adalah dasar, arahan dan syarat import/eksport serta kerjasama antara jabatan/agensi/kumpulan sasaran bagi mengatasi isu semasa. Selain itu, perbincangan juga meliputi pengetahuan, kepakaran dan latihan pegawai penguatkuasa MAQIS serta penambahbaikan perundangan sedia ada di bawah Akta 728. Kekerapan mesyuarat telah dipatuhi dan pengisian mesyuarat mengikut terma yang ditetapkan.

ii. Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan

- Mengikut terma rujukan, Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam seminggu. Jawatankuasa akan bermesyuarat sekiranya menerima kes rayuan, permohonan transit, pengurangan caj dan kelulusan premis kuarantin.
- Semakan Audit terhadap minit mesyuarat mendapati kekerapan mesyuarat telah dipatuhi. Selain itu, perkara berbangkit yang berkaitan telah diputuskan berdasarkan terma rujukan yang ditetapkan.

Maklum balas MAQIS yang diterima pada 22 April 2019

Bagi penambahbaikan pada tahun 2019, pelaksanaan mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan diwajibkan untuk dilaksanakan pada setiap minggu.

iii. Pemantauan Ibu Pejabat MAQIS Terhadap Pintu Masuk

Lawatan Audit di lima (5) pintu masuk mendapati *tiada pemantauan berkala daripada Ibu Pejabat MAQIS di pintu masuk bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan aktiviti kuarantin, pemeriksaan dan penguatkuasaan.*

Maklum balas MAQIS yang diterima pada 22 April 2019

Pemantauan daripada pihak Ibu Pejabat MAQIS di pintu masuk telah dilaksanakan, namun pemantauan secara berkala tidak dapat dilaksanakan dengan kerap.

Pada pendapat Audit, MAQIS telah melaksanakan mesyuarat pemantauan selaras dengan ketetapan kekerapan. Bagaimanapun, keberkesanan pemantauan oleh Ibu Pejabat terhadap aktiviti kuarantine, pemeriksaan dan penguatkuasaan di pintu masuk adalah tidak memuaskan kerana tidak dilaksanakan secara berkala.

7. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan Aktiviti Kawalan Import Konsainan Pertanian MAQIS adalah kurang berkesan. Pelaksanaan pemeriksaan visual/fizikal adalah rendah dan caj pemeriksaan tidak dikenakan terhadap konsainan selain ikan. Selain itu, kuasa penguatkuasaan di bawah Akta lain yang tidak diselaraskan, ujian saringan yang kurang dilaksanakan dan laporan keputusan makmal yang mengambil masa telah menyebabkan MAQIS sukar untuk memastikan konsainan pertanian yang diimport adalah selamat dan berkualiti.

8. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan pelaksanaan Aktiviti Kawalan Import Konsainan Pertanian MAQIS mencapai objektif yang ditetapkan, adalah disyorkan MAQIS mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- 8.1. MAQIS perlu menetapkan sasaran untuk melaksanakan aktiviti pemeriksaan dan ujian saringan konsainan kargo di pintu masuk bagi memastikan konsainan pertanian yang diimport selamat dan berkualiti;
- 8.2. Pemeriksaan visual/fizikal dan pengambilan sampel untuk ujian saringan konsainan pertanian perlu dipertingkatkan bagi memastikan konsainan pertanian bebas daripada ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar;
- 8.3. MAQIS perlu menyediakan garis panduan penetapan caj pemeriksaan dan pemeriksaan transit bagi mewujudkan amalan tadbir urus yang baik, mengelak penyalahgunaan kuasa dan risiko penyeludupan;
- 8.4. MAQIS perlu membuat pindaan terhadap Akta 728 dari aspek transit dan mengkaji semula klausa yang tidak selaras dengan Akta 522 bagi penguatkuasaan beras import dan kenaan caj pemeriksaan untuk meningkatkan hasil Kerajaan; dan
- 8.5. MAQIS perlu mengkaji semula struktur perjawatan sedia ada, kemudahan makmal ujian saringan dan peralatan pemeriksaan khusus yang kritikal untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan aktivitinya.

4

KEMENTERIAN KERJA RAYA

- **Jabatan Kerja Raya**
 - Pengurusan Cerun di Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia

**KEMENTERIAN KERJA RAYA
JABATAN KERJA RAYA
PENGURUSAN CERUN DI JALAN PERSEKUTUAN
SEmenanjung MALAYSIA**

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditan melibatkan penilaian terhadap pengurusan cerun di Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi program dan pengurusan program.
- Prestasi program meliputi penilaian output dan *outcome*. Pengurusan program pula meliputi penilaian terhadap empat (4) perkara iaitu pengurusan kewangan, pengurusan peralatan Sistem Amaran Awal (SAA), pematuhan kepada spesifikasi dan kualiti kerja serta pemantauan.
- Pengauditan melibatkan pihak yang bertanggungjawab terhadap pengurusan cerun di Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia, iaitu Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF), Kementerian Kerja Raya (KKR); Bahagian Kewangan (BK), KKR; Bahagian Pembangunan dan Penswastaan (BPP), KKR; Cawangan Kejuruteraan Cerun (CKC), Jabatan Kerja Raya (JKR); Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG); Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Kementerian Kewangan Malaysia (MoF). Selain itu, pengauditan turut dijalankan di empat (4) pejabat JKR Daerah iaitu Gombak, Seremban, Kinta dan Cameron Highlands.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Kerajaan telah menyalurkan peruntukan bagi kerja-kerja pembaikan dan pencegahan cerun di Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia.
- Jumlah peruntukan belanja mengurus untuk kerja pembaikan cerun berjumlah RM205.56 juta. Bagi kerja pencegahan cerun peruntukan yang disalurkan adalah di bawah peruntukan Inisiatif Pembiayaan Swasta II [*Private Finance Incentive II – (PFI II)*] berjumlah RM40 juta bermula pada tahun 2018.
- Kerja pembaikan dan pencegahan cerun amat penting untuk mengurangkan kadar kerosakan harta awam, kerugian ekonomi, menjamin keselamatan pengguna jalan raya dan mengurangkan risiko kehilangan nyawa akibat kegagalan cerun.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, pengurusan cerun di Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia tidak dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Perkara ini berlaku kerana kelemahan perancangan bagi mengoptimumkan peruntukan yang diterima untuk

menjalankan kerja pemberian serta kerja pencegahan cerun. Selain itu, data dan Peta Bahaya dan Risiko Cerun (PBRC) yang belum dikemaskini memberi kesan kepada perancangan kerja pencegahan cerun. Pemasangan peralatan SAA juga tidak mencapai objektif yang ditetapkan kerana tiada amaran dikeluarkan sejak pemasangan. Kelemahan dalam pengurusan cerun boleh menyumbang kepada risiko keselamatan pengguna dan mengakibatkan kerugian akibat tanah runtuh. Kelemahan yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- Kerja pemberian cerun hanya dijalankan terhadap 497 cerun (50.3%) daripada 988 cerun yang telah runtuh dan dimohon peruntukan manakala bagi kerja pencegahan cerun adalah sebanyak 56 cerun (5.9%) berbanding 946 cerun yang disasarkan.
- Pemeriksaan penyenggaraan rutin cerun tidak dijalankan sejak tahun 2013 hingga tarikh pengauditan.
- Tiada garis panduan atau mekanisme diwujudkan bagi kekerapan mengemaskinikan data cerun dan PBRC.
- Peratus perbelanjaan bagi kerja pencegahan cerun berbanding peruntukan yang diterima adalah rendah iaitu 32%.
- Lapan (8) daripada 40 peralatan SAA (20%) yang dipasang tidak berfungsi pada tarikh pengauditan.
- 15 daripada 36 stesen tolok hujan (41.7%) yang dipasang tidak merekodkan bacaan bagi tempoh antara satu (1) hingga 14 bulan.
- Amaran awal bagi tolok hujan tidak dikeluarkan.
- CKC tidak membuat perancangan khusus untuk memasang peralatan SAA.
- Penyenggaraan peralatan SAA tidak dijalankan mengikut jadual iaitu tolok hujan bagi tempoh antara dua (2) hingga 21 bulan manakala Multi-GNSS bagi tempoh 38 bulan.
- 40 peralatan SAA yang dipasang tidak didaftarkan sebagai Aset Tak Alih Kerajaan selaras dengan Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan.

KEMENTERIAN KERJA RAYA

JABATAN KERJA RAYA

1. PENGURUSAN CERUN DI JALAN PERSEKUTUAN SEMENANJUNG MALAYSIA

FAKTA UTAMA PENGURUSAN CERUN DI JALAN PERSEKUTUAN SEMENANJUNG MALAYSIA

16,453	RM245.56 Juta	553
• Jumlah cerun di Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia (Data tahun 2010)	• Peruntukan cerun yang diterima (2016 hingga 2018) • Pembaikan – RM205.56 juta • Pencegahan – RM40 juta	• Jumlah cerun yang dibaiki/ disenggara (2016 hingga 2018) • Pembaikan – 497 • Pencegahan – 56
Cawangan Kejuruteraan Cerun, JKR (CKC)	Mengurus, mengawal dan menyelia semua cerun di Malaysia supaya selamat dan tidak berlaku tragedi yang tidak diingini. Menyedia dan mengurus Pelan Induk Cerun Negara (PICN).	
PICN	Rancangan bagi tempoh 15 tahun sehingga tahun 2023 untuk mengurangkan risiko dan kerugian disebabkan tanah runtuh di seluruh negara.	
Kontraktor Pembaikan dan Pencegahan Cerun	Syarikat konsesi penyenggaraan jalan mengikut zon bagi tahun 2016 hingga 2017. Bermula 1.11.2017, syarikat 301524-V telah dilantik bagi tempoh tiga (3) tahun dengan kos berjumlah RM828.98 juta.	
Sistem Amaran Awal (SAA)	Dua (2) kaedah pemantauan iaitu berdasarkan hujan menggunakan tolok hujan serta pergerakan tanah menggunakan <i>Robotic Total Station</i> (RTS) dan <i>Multi-Global Navigation Satellite System</i> (Multi-GNSS). Terdapat 36 stesen tolok hujan, tiga (3) stesen RTS dan satu (1) stesen Multi-GNSS dipasang di sekitar cerun Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia.	

1. LATAR BELAKANG

1.1. Cerun merupakan tebing curam yang berada di kawasan tanah tinggi dan berbukit. Berdasarkan Pelan Induk Cerun Negara (PICN), pembangunan dan pembinaan jalan raya di cerun bukit telah meningkatkan kejadian tanah runtuh. Oleh itu, pengurusan cerun amat penting bagi mengurangkan kesan akibat tanah runtuh iaitu kerosakan harta benda, kehilangan nyawa dan kerugian besar terhadap ekonomi negara.

1.2. Pada 2 Februari 2004, Jemaah Menteri telah meluluskan penubuhan Cawangan Kejuruteraan Cerun (CKC) di bawah Jabatan Kerja Raya (JKR) selepas berlakunya runtuh tanah di Kilometer 21.8 Lebuhraya Lembah Kelang Baharu (NKVE) berhampiran Bukit Lanjan pada 6 November 2003. Objektif CKC adalah untuk mengurus, mengawal dan menyelia semua cerun di Malaysia supaya selamat dan tidak berlaku tragedi yang tidak diingini.

1.3. Bagi mencapai objektif tersebut, CKC berperanan dalam menjalankan kerja pembaikan dan pencegahan cerun di Jalan Persekutuan serta premis Kerajaan, kerja reka bentuk dan penyiasatan tanah runtuh, memberi khidmat nasihat teknikal terhadap pembangunan tanah tinggi, pengumpulan data untuk menghasilkan Peta Bahaya dan

Risiko Cerun (PBRC), menyedia dan mengurus PICN serta memupuk kesedaran awam terhadap keselamatan cerun.

1.4. PICN merupakan rancangan untuk mengurangkan risiko dan kerugian disebabkan tanah runtuh di seluruh negara bagi tempoh 15 tahun bermula tahun 2009 hingga 2023. PICN memberi penilaian kepada status terkini, keperluan dan kekangan bagi program pengurusan strategik cerun negara. Terdapat 10 komponen yang ditetapkan dalam PICN seperti dalam **Rajah 1**.


RAJAH 1
KOMPONEN PICN



Sumber: Buku PICN 2009 - 2023

1.5. Sejak penubuhan CKC, kerja pembakaian cerun di Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia dijalankan oleh kontraktor yang dilantik atau syarikat konsesi penyenggaraan jalan mengikut zon. Bagi melaksanakan peranan CKC, syarikat 301524-V telah dilantik secara rundingan terus bagi tempoh tiga (3) tahun bermula 1 November 2017 hingga 31 Oktober 2020. Skop kerja utama kontraktor adalah menjalankan kerja pembakaian dan pencegahan cerun serta pengumpulan data untuk menghasilkan PBRC di Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia. Kos kontrak berjumlah RM900 juta namun, kos sebenar adalah berdasarkan keperluan kerja semasa serta kelulusan peruntukan tahunan.

1.6. Pada masa kini, CKC masih menggunakan data cerun yang dikemaskini pada tahun 2010. Berdasarkan data tersebut, terdapat 16,453 cerun di Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia yang telah diklasifikasikan mengikut kategori berdasarkan tahap risiko cerun. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 1**.



2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan cerun di Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan iaitu menguruskan cerun supaya selamat dan tidak berlaku tragedi yang tidak diingini.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ditumpukan kepada pengurusan cerun di Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018. Skop pengauditan meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi program dan pengurusan program. Prestasi program meliputi pencapaian output dan *outcome* manakala pengurusan program meliputi empat (4) perkara iaitu pengurusan kewangan, pengurusan peralatan Sistem Amaran Awal (SAA), pematuhan kepada spesifikasi dan kualiti kerja serta pemantauan.

3.2. Pengauditan telah dijalankan di Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF), Kementerian Kerja Raya (KKR); Bahagian Kewangan (BK), KKR; Bahagian Pembangunan dan Penswastaan (BPP), KKR; Cawangan Kejuruteraan Cerun (CKC), Jabatan Kerja Raya (JKR); Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG); Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Kementerian Kewangan Malaysia (MoF). Selain itu, pengauditan turut dijalankan di empat (4) pejabat JKR Daerah iaitu Gombak, Seremban, Kinta dan Cameron Highlands.

3.3. Pemilihan sampel daerah adalah berdasarkan zon dan negeri yang mempunyai bilangan cerun tertinggi serta bilangan cerun yang berisiko sangat tinggi. Bilangan sampel Audit adalah 2,149 cerun (13.1%) daripada 16,453 cerun yang terdapat di Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
SAMPEL AUDIT BILANGAN CERUN MENGIKUT ZON DAN NEGERI
DI JALAN PERSEKUTUAN SEMENANJUNG MALAYSIA

ZON/NEGERI	DAERAH	JUMLAH CERUN	BILANGAN CERUN DALAM KATEGORI RISIKO SANGAT TINGGI
Timur/Pahang	Cameron Highlands	1,027	78
Utara/Perak	Kinta	479	84
Tengah/Selangor	Gombak	434	21
Selatan/Negeri Sembilan	Seremban	209	14
JUMLAH		2,149	197

Sumber: CKC

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak minit mesyuarat, fail, rekod, baucar bayaran dan dokumen serta menganalisis data berkaitan pengurusan cerun di Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia. Perbincangan dan temu bual juga diadakan dengan pegawai yang bertanggungjawab. Selain itu, pemeriksaan fizikal terhadap kerja pemberian cerun, kerja pencegahan cerun dan peralatan SAA juga telah diadakan.

5. RUMUSAN AUDIT

5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Ogos 2019 merumuskan perkara berikut:

a. Prestasi Program

Prestasi pencapaian output bagi pengurusan cerun di Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia adalah kurang memuaskan. Dalam tempoh 2016 hingga 2018, prestasi bagi kerja pemberian cerun hanya dijalankan terhadap 497 cerun (50.3%) daripada 988 cerun yang telah runtuh dan dimohon peruntukan. Bagi kerja pencegahan cerun yang dilaksanakan adalah hanya sebanyak 56 cerun (5.9%) berbanding 946 cerun yang disasarkan. Selain itu, pemeriksaan penyenggaraan rutin cerun sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun tidak dijalankan sejak tahun 2013 hingga tarikh pengauditan. Bagi pencapaian prestasi PBRC adalah masih dalam tempoh kontrak dan dijangka siap pada 5 Mei 2020. Pencapaian *outcome* belum dapat diukur kerana CKC belum pernah menilai keberkesanan aktiviti pengurusan cerun.

b. Pengurusan Program

Pengurusan program adalah kurang cekap daripada aspek pengurusan kewangan dan pengurusan peralatan SAA.

5.2. Penemuan utama Audit yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- a. kerja pembaikan cerun hanya dijalankan terhadap 497 cerun (50.3%) daripada 988 cerun yang telah runtuh dan dimohon peruntukan manakala bagi kerja pencegahan cerun adalah sebanyak 56 cerun (5.9%) berbanding 946 cerun yang disasarkan;
- b. pemeriksaan penyenggaraan rutin cerun sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun tidak dijalankan sejak tahun 2013 hingga tarikh pengauditan;
- c. tiada garis panduan atau mekanisme diwujudkan bagi kekerapan mengemaskinikan data cerun dan PBRC;
- d. peratus perbelanjaan bagi kerja pencegahan cerun berbanding peruntukan yang diterima adalah rendah iaitu 32%;
- e. lapan (8) daripada 40 peralatan SAA (20%) yang dipasang tidak berfungsi pada tarikh pengauditan;
- f. 15 daripada 36 stesen tolok hujan (41.7%) yang dipasang tidak merekodkan bacaan bagi tempoh antara satu (1) hingga 14 bulan;
- g. amaran awal bagi tolok hujan tidak dikeluarkan;
- h. CKC tidak membuat perancangan khusus untuk memasang peralatan SAA;
- i. penyenggaraan peralatan SAA tidak dijalankan mengikut jadual iaitu tolok hujan bagi tempoh antara dua (2) hingga 21 bulan manakala Multi-GNSS bagi tempoh 38 bulan; dan
- j. 40 peralatan SAA yang dipasang tidak didaftarkan sebagai Aset Tak Alih Kerajaan selaras dengan Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan (TPATA).

6. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti dalam perenggan berikut:

6.1. Prestasi Program


6.1.1. Pencapaian Output

Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2012 mengenai Garis Panduan Penilaian Program/ Projek Pembangunan menyatakan output ialah produk atau keluaran yang

dihasilkan daripada input sesuatu program/projek pembangunan untuk mencapai matlamat pembangunan. Pencapaian output bagi pengurusan cerun di Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia dinilai berdasarkan dua (2) komponen PICN yang mana CKC bertanggungjawab dalam melaksanakan strategi utama dalam komponen yang ditetapkan seperti berikut:

a. Kerja Pembaikan Cerun

- Carta alir bagi kerja pembaikan cerun adalah seperti dalam **Rajah 2**.



Sumber: Dokumen Kontrak


- Berdasarkan carta alir dalam **Rajah 2**, apabila berlakunya kegagalan cerun, JKR Daerah/Negeri yang berkenaan akan melaporkan kejadian tersebut dalam Laporan Permohonan [*Incident Proforma (IP)*]. Borang IP ini akan digunakan bagi permohonan peruntukan untuk menjalankan kerja pembaikan cerun. Kerja pembaikan cerun dijalankan oleh kontraktor yang dilantik melalui sebut harga atau oleh syarikat konsesi penyenggaraan jalan.
- Semakan Audit mendapati **kerja pembaikan cerun hanya dijalankan terhadap 497 cerun (50.3%) daripada 988 cerun yang telah runtuh dan dimohon peruntukan bagi tahun 2016 hingga 2018**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2** dan **Carta 2**.

JADUAL 2
KERJA PEMBAIKAN CERUN BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN	BILANGAN PERMOHONAN PERUNTUKAN UNTUK MEMBAIKI CERUN	JUMLAH CERUN YANG DIBAIKI	BAKI CERUN YANG TIDAK DAPAT DIBAIKI	PERATUS CERUN DIBAIKI BERBANDING PERMOHONAN (%)
	(A)	(B)	(C) = (A) – (B)	(D) = (B) / (A) *100
2016	408	267	141	65.4
2017	200	163	37	81.5
2018	380	67	313	17.6
JUMLAH	988	497	491	50.3

Sumber: Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan dan Laporan Belanja Mengurus, BPF

CARTA 2
PERATUS CERUN DIBAIKI BERBANDING PERMOHONAN



Sumber: Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan dan Laporan Belanja Mengurus, BPF

- iv. Berdasarkan maklum balas JKR pada 24 September 2019, baki cerun yang dimohon untuk dibaiki tidak dapat dibaiki kerana peruntukan kewangan yang diterima adalah terhad.
- v. Semakan Audit selanjutnya mendapati proses untuk melaksanakan kerja pembaikan dari segi perancangan hingga Arahan Kerja (AK) dikeluarkan mengambil masa yang lama. Keadaan ini menyebabkan peruntukan tidak dapat dibelanjakan sepenuhnya pada tahun semasa.
- vi. Pihak Audit mendapati ***tiada Standard Operating Procedures (SOP) khusus disediakan oleh CKC dalam pengurusan kerja pembaikan cerun.*** CKC ada menetapkan proses kerja berkaitan perancangan dan pemantauan pelaksanaan bagi kerja pembaikan cerun namun tidak dinyatakan secara terperinci tempoh pelaksanaan bagi setiap proses kerja tersebut.

- vii. Akibat daripada pengurusan kerja pembaikan cerun yang kurang cekap, maka terdapat banyak cerun tidak dibaiki dengan segera.
- viii. Berdasarkan sampel Audit di daerah Gombak, terdapat 87 kejadian tanah runtuh berlaku pada tahun 2016 hingga 2018 di FT068 Jalan Gombak - Bentong Lama dan masih belum dibaiki. Sehingga bulan Jun 2019, sebanyak 27 AK telah dikeluarkan bagi 27 lokasi (31%) tersebut manakala baki 60 lokasi kejadian tanah runtuh masih belum dikeluarkan AK bagi membaiki cerun.
- ix. Lawatan Audit pada 24 Julai 2019 di FT068 Jalan Gombak - Bentong Lama mendapati enam (6) lokasi runtuhan yang belum dibaiki masih berisiko kepada pengguna jalan raya. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 3** dan **Gambar 1 hingga 12**.

JADUAL 3
KEROSAKAN CERUN YANG BELUM DIBAIKI DI FT068, DAERAH GOMBAK

BIL.	LOKASI	PENEMUAN AUDIT
1.	Seksyen 26.3	Runtuhan berlaku pada 23.11.2017. Permohonan peruntukan dibuat pada tahun 2018 dengan anggaran kos RM150,000. Keadaan semasa – Pokok besar berserta akar telah tumbuh menjalar di tebing runtuhan. (Gambar 1 dan 2)
2.	Seksyen 27.7	Runtuhan berlaku pada 23.11.2017. Permohonan peruntukan dibuat pada tahun 2018 dengan anggaran kos RM120,000. Keadaan semasa – Terdapat kesan runtuhan baru di bahagian atas cerun menyebabkan plastik kanvas sedia ada koyak. (Gambar 3 dan 4)
3.	Seksyen 27.1	Runtuhan berlaku pada 16.11.2017. Permohonan peruntukan dibuat pada tahun 2018 dengan anggaran kos RM100,000. Keadaan semasa cerun – Pokok besar yang telah tumbang di bawah cerun tetapi tidak dialihkan. (Gambar 5 dan 6)
4.	Seksyen 26.8	Runtuhan berlaku pada 23.11.2017. Permohonan peruntukan dibuat pada tahun 2018 dengan anggaran kos RM200,000. Keadaan semasa – Terdapat pokok berserta akar pokok berada di tebing runtuhan. (Gambar 7 dan 8)
5.	Seksyen 29.7	Runtuhan berlaku pada 26.11.2017. Permohonan peruntukan dibuat pada tahun 2018 dengan anggaran kos RM80,000. Keadaan semasa – Terdapat sisa runtuhan iaitu pokok yang telah tumbang tidak dialihkan. (Gambar 9 dan 10)
6.	Seksyen 32.8	Runtuhan berlaku pada 26.11.2017. Permohonan peruntukan dibuat pada tahun 2018 dengan anggaran kos RM100,000. Keadaan semasa – Terdapat sisa runtuhan tidak dialihkan dan kawasan runtuhan masih terdedah. (Gambar 11 dan 12)

Sumber: Semakan Fizikal Jabatan Audit Negara

GAMBAR 1**GAMBAR 2**

FT068, Seksyen 26.3, Jalan Gombak – Bentong Lama
- Pokok Besar Berserta Akar Telah Tumbuh Menjalar di Tebing Runtuhan
(24.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 3**GAMBAR 4**

FT068, Seksyen 27.7, Jalan Gombak – Bentong Lama
- Terdapat Kesan Runtuhan Baru di Bahagian Atas Cerun Menyebabkan Kanvas Sedia Ada Koyak
(24.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 5**GAMBAR 6**

FT068, Seksyen 27.1, Jalan Gombak – Bentong Lama
- Pokok Besar yang Telah Tumbang di Bawah Cerun Tetapi Tidak Dialihkan
(24.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 7**GAMBAR 8**

FT068, Seksyen 26.8, Jalan Gombak – Bentong Lama
- Terdapat Pokok Berserta Akar Pokok Berada di Tebing Runtuhan
(24.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 9**GAMBAR 10**

FT068, Seksyen 29.7, Jalan Gombak – Bentong Lama
 -Terdapat Sisa Runtuhan iaitu Pokok yang Telah Tumbang Tidak Dialihkan
 (24.07.2019)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 11**GAMBAR 12**

FT068, Seksyen 32.8, Jalan Gombak – Bentong Lama
 - Terdapat Sisa Runtuhan Tidak Dialihkan dan Kawasan Runtuhan Masih Terdedah
 (24.07.2019)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

- x. Selepas teguran Audit, JKR Daerah/Negeri telah menghantar permohonan peruntukan bagi kerja pembaikan cerun yang masih belum dilaksanakan. Dua (2) lokasi cerun di daerah Gombak telah siap dibaiki (**Gambar 1, 2, 9** dan **10**) manakala empat (4) lagi sedang dibaiki dan dijangka siap pada penghujung tahun 2020.

Maklum balas KKR/JKR yang diterima pada 24 September 2019

Bagi cerun yang tidak dapat dibaiki, Pengarah JKR Negeri akan mengarahkan konsesi penyenggaraan jalan untuk melaksanakan kerja pembaikan setakat menampung keperluan darurat sebelum kos pembaikan kekal disalurkan.

b. Kerja Pencegahan Cerun

- i. Merujuk kepada perkara 3 dalam Garis Panduan Penyenggaraan Cerun yang dikeluarkan pada bulan Ogos 2006, CKC perlu menjalankan pemeriksaan penyenggaraan rutin sekurang-kurangnya sekali setahun bagi kategori 1 dan 2 manakala dua (2) kali setahun bagi kategori 3 atau bergantung kepada tahap bahaya dan risiko cerun yang telah dikenalpasti. Pemeriksaan ini perlu dilaksanakan untuk menentukan keperluan bagi kerja pencegahan cerun.

- ii. Semakan Audit mendapati pemeriksaan penyenggaraan rutin cerun pernah dijalankan seperti mana dalam garis panduan pada tahun 2007 hingga 2012. Namun, skop kerja ini tidak diteruskan lagi atas arahan Pengarah CKC pada bulan April 2013 akibat kekangan peruntukan.
- iii. Berdasarkan temu bual bersama pegawai CKC, ***kerja pencegahan diberi keutamaan pada cerun yang berisiko sangat tinggi.*** Berdasarkan data cerun yang dikemas kini pada tahun 2010, terdapat 946 cerun yang berisiko sangat tinggi di Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia. Skop bagi kerja pencegahan terbahagi kepada dua (2) iaitu cerun tanah (*soil slope*) dan cerun batuan (*rock slope*).
- iv. Semakan Audit mendapati ***kerja pencegahan cerun tidak pernah dijalankan oleh CKC sejak penubuhannya.*** Pada bulan Disember 2017, MoF telah meluluskan peruntukan bagi melaksanakan skop kerja ini di bawah Inisiatif Pembiayaan Swasta II [*Private Finance Incentive II* (PFI II)] dan kerja pencegahan mula dijalankan pada tahun 2018.
- v. Semakan Audit selanjutnya mendapati hanya ***56 cerun (5.9%) daripada 946 telah dijalankan kerja pencegahan bagi tahun 2018.*** Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 4.**

JADUAL 4
KERJA PENCEGAHAN CERUN BAGI TAHUN 2018

BIL.	NEGERI	JUMLAH CERUN BERISIKO SANGAT TINGGI	JUMLAH CERUN DISENGGARA	BAKI CERUN TIDAK DISENGGARA	PERATUS CERUN DISENGGARA (%)
		(A)	(B)	(C)	(D) = (B/A) * 100
1.	Perak	176	30	146	17.0
2.	Negeri Sembilan	64	25	39	39.1
3.	Selangor	76	1	75	1.3
4.	Pahang	276	0	276	-
5.	Kelantan	105	0	105	-
6.	Johor	39	0	39	-
7.	Kedah	104	0	104	-
8.	Melaka	4	0	4	-
9.	Pulau Pinang	25	0	25	-
10.	Perlis	10	0	10	-
11.	Terengganu	67	0	67	-
JUMLAH		946	56	890	5.9

Sumber: Cawangan Kejuruteraan Cerun (CKC)

- vi. CKC telah membuat perancangan untuk melaksanakan kerja pencegahan cerun bagi kesemua 946 cerun dengan kos berjumlah RM200 juta bagi tempoh 2018 hingga 2020. Analisis Audit mendapati **bagi tahun 2018, peratus cerun disenggara adalah rendah berbanding perancangan disebabkan kontraktor tidak berupaya untuk melaksanakan keseluruhan kerja yang dirancang.** AK hanya akan dikeluarkan berdasarkan kemampuan kontraktor.
- vii. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2018, CKC telah merancang untuk menjalankan kerja pencegahan bagi 200 cerun dengan kos berjumlah RM40 juta. Seterusnya, CKC telah mengeluarkan arahan kepada kontraktor untuk mengemukakan cadangan reka bentuk konsep dan kos secara berperingkat. Berdasarkan analisis Audit, kontraktor hanya dapat mengemukakan cadangan tersebut bagi 56 cerun sahaja. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 5.**

JADUAL 5
PERANCANGAN BAGI KERJA PENCEGAHAN
CERUN DAN PELAKSANAAN UNTUK TAHUN 2018

BIL.	NEGERI	BIL. CERUN (A)	TARIKH ARAHAN CKC KEPADA KONTRAKTOR	TARIKH KONTRAKTOR KEMUKAKAN CADANGAN REKA BENTUK KONSEP DAN KOS	TARIKH ARAHAN KERJA	BIL. CERUN YANG DIBAIKI (B)	PERATUS PELAKSANAAN (C) = (B/A)*100 (%)
1.	Negeri Sembilan	28	30.01.2018	23.03.2018	29.03.2018 dan 01.04.2018	25	89.3
2.	Perak	41	27.03.2018	10.04.2018 dan 17.04.2018	12.06.2018 dan 05.07.2018	30	73.2
3.	Pahang	69	27.03.2018	16.04.2018	-	0	0
4.	Selangor	15	09.04.2018	25.04.2018	27.06.2018	1	6.7
5.	Kelantan	4	09.04.2018	24.04.2018	-	0	0
6.	Pulau Pinang	21	09.04.2018	25.04.2018	-	0	0
7.	Terengganu	22	09.04.2018	24.04.2018	-	0	0
JUMLAH		200	-	-	-	56	28.0

Sumber: Cawangan Kejuruteraan Cerun (CKC)

- viii. Semakan Audit selanjutnya mendapati pada tahun 2019, KKR telah mendapat kelulusan daripada MoF untuk menjalankan kerja pembaikan cerun dengan menggunakan peruntukan kerja pencegahan cerun. Oleh itu, keutamaan CKC adalah untuk menjalankan kerja pembaikan cerun.

- ix. Pihak Audit mendapati ***kontraktor tidak berkeupayaan untuk melaksanakan kerja pencegahan cerun seperti mana perancangan CKC kerana kontraktor tidak mempunyai kapasiti untuk melaksanakan skop kerja tersebut.*** Berdasarkan kontrak, skop kerja kontraktor ini sangat luas iaitu meliputi skop kerja penyediaan PBRC, menjalankan kerja pembaikan cerun, kerja pencegahan cerun dan kerja kecemasan cerun di sepanjang Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri di Semenanjung Malaysia.
- x. Pihak Audit juga mendapati tiada SOP khusus disediakan oleh CKC dalam pengurusan kerja pencegahan cerun. CKC ada menetapkan proses kerja berkaitan perancangan dan pemantauan pelaksanaan bagi kerja pencegahan cerun, namun tidak dinyatakan secara terperinci tempoh pelaksanaan bagi setiap proses kerja tersebut.

Maklum balas KKR/JKR yang diterima pada 24 September 2019

Pemeriksaan penyenggaraan rutin cerun tidak dijalankan oleh CKC seperti mana dalam garis panduan disebabkan CKC tidak mempunyai data cerun yang lengkap seperti luas permukaan cerun dan panjang longkang yang perlu disenggara untuk dijadikan asas bagi pengiraan kuantiti dan skop kerja yang perlu dimasukkan dalam AK. Mekanisme pemeriksaan rutin cerun secara komprehensif disediakan oleh CKC dan dijangka siap pada bulan September 2020.

Pada pendapat Audit, kerja pembaikan dan pencegahan cerun tidak dijalankan dengan cekap dan berkesan akibat ketiadaan SOP terperinci serta ketidakupayaan kontraktor. Keadaan ini akan memberi risiko yang tinggi kepada keselamatan pengguna jalan raya.

c. Peta Bahaya dan Risiko Cerun (PBRC)

PBRC bertujuan untuk menentukan tahap bahaya dan risiko cerun yang mana akan dijadikan sebagai asas dalam merancang program pencegahan cerun. Bagi menyediakan PBRC, CKC memerlukan data cerun yang telah dikemaskini.

i. Pengumpulan Data Cerun

- Pada masa kini, CKC masih menggunakan data cerun yang lama iaitu data tahun 2010. Syarikat 301524-V telah dilantik secara rundingan terus oleh MoF pada 21 Disember 2016. Tempoh kontrak untuk pengumpulan data cerun di sepanjang Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia adalah selama dua (2) tahun bermula 1 November 2017 hingga 31 Oktober 2019. Kaedah yang digunakan bagi pengumpulan data cerun

adalah menggunakan teknologi *Light Detection and Ranging* (LIDAR) iaitu penderiaan jauh untuk mengukur jarak menggunakan laser.

- Semakan Audit mendapati skop kerja ini telah disiapkan seperti yang ditetapkan dalam syarat kontrak iaitu pada 31 Oktober 2019. Tempoh tanggungan kecacatan adalah selama dua (2) tahun yang akan berakhir pada 30 Oktober 2021.

ii. *Rock Slope Mapping (RSM)* dan *Quantitative Risk Assesment Study and Establishment of New Formula for Hazard and Risk Map (QRA)*

- RSM digunakan untuk menentukan tahap bahaya cerun batuan (*rock slope*) manakala QRA digunakan untuk menentukan tahap bahaya cerun tanah (*soil slope*).
- Kontraktor yang sama (syarikat 301524-V) telah dilantik untuk menjalankan dua (2) skop kerja PBRC iaitu RSM dan QRA. Tempoh pelaksanaan adalah selama satu (1) tahun bermula 6 Mei 2019 hingga 5 Mei 2020.
- Setakat bulan Disember 2019, kemajuan kerja bagi skop RSM dan QRA adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
STATUS KERJA RSM DAN QRA SETAKAT BULAN DISEMBER 2019

BIL.	PERKARA/AKTIVITI	KEMAJUAN MENGIKUT JADUAL KERJA (%)	PELAKSANAAN KERJA SEBENAR (%)	PERBEZAAN AWAL (+) / LEWAT (-)
		(A)	(B)	(C) = (A - B)
1.	<i>Rock Slope Mapping (RSM)</i>	65.0	47.0	-18.0
2.	<i>Quantitative Risk Assesment Study and Establishment of New Formula for Hazard and Risk Map (QRA)</i>	76.0	72.0	-4.0
PURATA		70.5	59.5	-11.0

Sumber: Laporan Kemajuan Kerja oleh Kontraktor

- Semakan Audit selanjutnya mendapati ***tiada garis panduan atau mekanisme diwujudkan bagi kekerapan mengemaskinikan data cerun dan PBRC***. Data cerun dan PBRC perlu dikemaskini dari semasa ke semasa disebabkan perubahan keadaan cerun setelah kerja pembaikan atau pencegahan dijalankan bagi sesuatu cerun. Akibat data yang diguna pakai adalah data lama, maka kerja pencegahan cerun akan sukar untuk dirancang.

- Selepas teguran Audit, CKC dalam proses menyediakan SOP Pengemaskinian Data serta Peta Bahaya dan Risiko Cerun di Sepanjang Jalanraya. Tindakan pengemaskinian tersebut akan dilaksanakan dari semasa ke semasa melalui tiga (3) sumber seperti berikut:
 - data daripada IP iaitu satu format pelaporan apabila berlakunya sesuatu insiden tanah runtuh;
 - data perubahan fizikal/komponen apabila siap pemberian sesuatu cerun; dan
 - data daripada Pemeriksaan Rutin dan Pemeriksaan Jurutera sekiranya program ini dilaksanakan nanti.

Maklum balas KKR/JKR yang diterima pada 24 September 2019

Pihak JKR akan memastikan skop kerja pengumpulan data cerun, RSM dan QRA dapat disiapkan oleh kontraktor mengikut tempoh yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, pengumpulan data cerun telah menepati jadual pelaksanaan yang ditetapkan manakala penyediaan PBRC masih dalam tempoh kontrak.

6.1.2. Pencapaian *Outcome*

Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2012 mengenai Garis Panduan Penilaian Program menetapkan Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan membuat penilaian *outcome* dan impak terhadap sesuatu program yang dilaksanakan. Penilaian tersebut bertujuan mengukur sama ada dasar atau program yang dilaksanakan telah mencapai objektif yang ditetapkan serta memberi manfaat kepada golongan sasar.

- a. Pencapaian *outcome* bagi pengurusan cerun dinilai berdasarkan objektif pengurusan cerun iaitu merangka polisi, menetapkan kriteria, meningkatkan tahap keselamatan dan kesedaran awam serta menjadi pusat rujukan kejuruteraan cerun.
- b. Semakan Audit mendapati CKC tidak pernah menjalankan penilaian *outcome* dan impak bagi aktiviti pengurusan cerun. Selain itu, didapati tiada mekanisme/indikator ditetapkan oleh CKC bagi menilai atau mengukur pencapaian objektif yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, pencapaian *outcome* belum dapat diukur bagi pengurusan cerun.

6.2. Pengurusan Program

Semakan Audit telah dijalankan terhadap empat (4) perkara iaitu pengurusan kewangan, pengurusan peralatan SAA, pematuhan kepada spesifikasi dan kualiti kerja serta pemantauan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan bagi dua (2) perkara dan telah menjelaskan kecekapan pengurusan program ini seperti diperincikan dalam perenggan berikut:

6.2.1. Pengurusan Kewangan

- a. Pekeliling Perbendaharaan (PP) - PB1.2 Perenggan 5.1 menyatakan perbelanjaan awam hendaklah dilaksanakan dengan berhemat mengikut perancangan dan keutamaan Kementerian/Jabatan/Agensi bagi mencapai keberhasilan yang ditetapkan tertakluk kepada jumlah peruntukan yang diluluskan.
- b. Berdasarkan Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan, peruntukan di bawah belanja mengurus yang diluluskan oleh Parlimen bagi kerja pembaikan cerun di Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia adalah berjumlah RM71.35 juta bagi tahun 2016, RM38.28 juta bagi tahun 2017 dan RM100 juta bagi tahun 2018.
- c. Pada tahun 2018, CKC telah memohon kepada MoF melalui BPF untuk melakukan pindah peruntukan sebanyak dua (2) kali berjumlah RM19.44 juta pada bulan Oktober (RM10.8 juta) dan November (RM8.64 juta). Perkara ini dilakukan kerana CKC tidak dapat membelanjakan keseluruhan peruntukan yang diterima pada tahun semasa.
- d. Semakan Audit mendapati terdapat lebihan peruntukan berjumlah RM1.79 juta di bawah peruntukan belanja mengurus bagi kerja pembaikan cerun dan RM27.19 juta di bawah peruntukan PFI II bagi kerja pencegahan cerun untuk tahun 2016 hingga 2018. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
PERMOHONAN BAGI KERJA PEMBAIKAN DAN PENCEGAHAN CERUN
BERBANDING KELULUSAN PERUNTUKAN

TAHUN	PERUNTUKAN										PERATUS DIBELANJA BERBANDING DITERIMA (%) (F) = (D) / (C) * 100	
	DIMOHON (RM Juta) (A)		DILULUSKAN (RM Juta) (B)		DITERIMA (RM Juta) (C)		DIBELANJA (RM Juta) (D)		BAKI (RM Juta) (E) = (C - D)			
	BM	PFI	BM	PFI	BM	PFI	BM	PFI	BM	PFI	BM	PFI
2016	98.62	-	71.35	-	63.13	-	62.30	-	0.83	-	98.7	-
2017	60.40	-	38.28	-	33.65	-	33.45	-	0.20	-	99.4	-
2018	124.63	40.00	100.00	40.00	80.56	40.00	79.80	12.81	0.76	27.19	99.1	32.0
JUMLAH	283.65	40.00	209.63	40.00	177.34	40.00	175.55	12.81	1.79	27.19	99.1	32.0


Sumber: BK dan CKC

Nota: BM – Peruntukan Belanja Mengurus

PFI – Peruntukan Inisiatif Pembiayaan Swasta

- e. Analisis Audit selanjutnya mendapati peratus perbelanjaan bagi kerja pembaikan cerun berbanding peruntukan yang diterima untuk tahun 2016 hingga 2018 adalah 99.1% manakala bagi kerja pencegahan cerun bagi tahun 2018 adalah 32%. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 3**.

CARTA 3
PERATUS PERBELANJAAN BERBANDING PERUNTUKAN YANG DITERIMA
BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018



Sumber: Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan dan Laporan Belanja Mengurus, BPF

Maklum balas MoF yang diterima pada 17 September 2019

Peruntukan tahunan yang diluluskan oleh MoF kepada semua Kementerian/Jabatan/Agensi adalah berdasarkan anggaran kutipan hasil Kerajaan bagi perbelanjaan mengurus dan secara pinjaman jika hasil tidak mencukupi bagi perbelanjaan

pembangunan. KKR sewajarnya menerima dan membelanjakan setiap peruntukan yang diluluskan pada tahun semasa.

Maklum balas KKR/JKR yang diterima pada 24 September 2019

KKR menyalurkan peruntukan berdasarkan keupayaan pelaksanaan kerja oleh JKR yang melibatkan proses reka bentuk, perolehan dan pembinaan dengan jumlah lokasi yang banyak. Tempoh perancangan, perolehan dan pembinaan perlu sejajar dengan peraturan kewangan yang mana peruntukan belanja mengurus mesti dibelanjakan pada tahun semasa.

Pada pendapat Audit, CKC tidak menguruskan kewangan bagi perbelanjaan kerja pembaikan dan pencegahan cerun dengan cekap. Tindakan KKR memindahkan peruntukan bagi kerja pembaikan cerun pada penghujung tahun menyebabkan peruntukan yang diterima tidak dibelanjakan secara optimum.

6.2.2. Pengurusan Peralatan SAA

CKC telah membangunkan SAA dengan pemasangan peralatan SAA sejak tahun 2005 bagi mengesan tanda-tanda akan berlaku kejadian tanah runtuh. Kos pemasangan bagi setiap alat yang dipasang adalah antara RM15,000 hingga RM836,000.

Terdapat dua (2) kaedah pemantauan di bawah sistem ini iaitu berdasarkan hujan dan pergerakan tanah. Pemantauan berdasarkan hujan diukur menggunakan tolok hujan manakala pemantauan berdasarkan pergerakan tanah diukur menggunakan dua (2) jenis alat iaitu *Robotic Total Station* (RTS) dan *Multi-Global Navigation Satellite System* (Multi-GNSS). Contoh peralatan SAA adalah seperti dalam **Gambar 13 hingga 15**.

GAMBAR 13



Tolok Hujan
(Sumber: CKC)

GAMBAR 14



Robotic Total Station
(Sumber: CKC)



GAMBAR 15

Multi-GNSS
(Sumber: CKC)

Pengurusan peralatan SAA dinilai berdasarkan tiga (3) perkara iaitu kualiti, penyenggaraan dan pendaftaran peralatan SAA. Penjelasan lanjut adalah seperti berikut:

a. Peralatan SAA Tidak Berfungsi

- i. Semakan Audit mendapati ***lapan (8) daripada 40 peralatan SAA (20%) yang dipasang tidak berfungsi pada tarikh pengauditan*** bagi tempoh antara 14 hingga 36 bulan. Bagi peralatan tolok hujan yang didapati hilang, pihak JKR Daerah Kinta telah membuat laporan polis berkenaan kehilangan peralatan tersebut pada 23 Oktober 2018 dan CKC telah menganggarkan kos kerugian berjumlah RM53,000. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 8** dan **Gambar 16 hingga 25**.

JADUAL 8
SENARAI PERALATAN SAA YANG TIDAK BERFUNGSI

BIL.	ALAT SAA	LOKASI	TEMPOH ALAT TIDAK BERFUNGSI	SEBAB ALAT TIDAK BERFUNGSI
1.	Tolok Hujan	i. Paket 3G, Central Spine Road	25 bulan (November 2017 hingga Disember 2019)	Berlaku kecurian pada bulan November 2017.
		ii. Seksyen 9, FT185, Jalan Simpang Pulai-Gua Musang	14 bulan (Oktober 2018 hingga Disember 2019)	Berlaku kecurian pada bulan Oktober 2018. (Gambar 16)
		iii. Seksyen 18, FT185, Jalan Simpang Pulai-Gua Musang	14 bulan (Oktober 2018 hingga Disember 2019)	Berlaku kecurian pada bulan Oktober 2018. (Gambar 17)
		iv. Seksyen 25, FT185, Jalan Simpang Pulai-Gua Musang	14 bulan (Oktober 2018 hingga Disember 2019)	Berlaku kecurian pada bulan Oktober 2018. (Gambar 18)
		v. Seksyen 33, FT185, Jalan Simpang Pulai-Gua Musang	14 bulan (Oktober 2018 hingga Disember 2019)	Berlaku kecurian pada bulan Oktober 2018. (Gambar 19)
		vi. Seksyen 38, FT185, Jalan Simpang Pulai-Gua Musang	14 bulan (Oktober 2018 hingga Disember 2019)	Berlaku kecurian pada bulan Oktober 2018. (Gambar 20 dan 21)
2.	RTS	Seksyen 46, FT185, Jalan Simpang Pulai-Gua Musang	14 bulan (Oktober 2018 hingga Disember 2019)	Ditanggalkan kerana tanah di kawasan tersebut telah mendap. (Gambar 22 dan 23)
3.	Multi-GNSS	Seksyen 44, FT185, Jalan Simpang Pulai-Gua Musang	36 bulan (Januari 2017 hingga Disember 2019)	Alat tersebut didapati tidak berfungsi dengan baik. (Gambar 24 dan 25)

Sumber: Laporan Kerja Penyenggaraan SAA dan Semakan Fizikal Jabatan Audit Negara

GAMBAR 16



GAMBAR 17



FT185, Seksyen 9 dan 18, Jalan Simpang Pulai – Gua Musang
- Stesen Tolok Hujan yang Telah Diceroboh dan Peralatan Dicuri
(23.04.2019)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 18



GAMBAR 19



FT185, Seksyen 25 dan 33, Jalan Simpang Pulai – Gua Musang
- Stesen Tolok Hujan yang Telah Diceroboh dan Peralatan Dicuri
(23.04.2019)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 20



GAMBAR 21



FT185, Seksyen 38, Jalan Simpang Pulai – Gua Musang
- Stesen Tolok Hujan yang Telah Diceroboh dan Peralatan Dicuri
(23.04.2019)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 22



GAMBAR 23



FT185 Seksyen 46, Jalan Simpang Pulai – Gua Musang
- Tanah di Kawasan Stesen RTS Telah Mendapak
(23.04.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 24



GAMBAR 25



FT185 Seksyen 44, Jalan Simpang Pulai – Gua Musang
- Peralatan Multi-GNSS yang Telah Rosak
(23.04.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- ii. Berdasarkan analisis dalam **Jadual 8**, didapati peralatan SAA yang paling lama tidak berfungsi adalah Multi-GNSS iaitu selama 36 bulan. Peralatan ini terdiri daripada tujuh (7) unit *receiver* yang berjumlah RM0.84 juta.
- iii. Semakan Audit mendapati peralatan ini tidak berfungsi bermula pada bulan Januari 2017 apabila data tidak dapat dihantar ke sistem pemantauan berpusat di CKC. Pada bulan Jun 2017, pasukan teknikal daripada Cawangan Kejuruteraan Elektrik, JKR dan Unit Perunding ICT, JKR telah menjalankan penilaian dan pemeriksaan terhadap peralatan ini dan mendapati dua (2) daripada (7) unit *receiver* telah rosak dan perlu diganti. Berdasarkan surat permohonan CKC pada bulan Mei 2018, anggaran kos pembaikan bagi dua (2) unit peralatan yang rosak tersebut adalah berjumlah RM80,000.

b. Data Taburan Hujan Tiada Bacaan

- i. Merujuk kepada dokumen kontrak penyenggaraan stesen tolok hujan, bacaan data taburan hujan akan direkodkan setiap satu (1) jam secara dalam talian (*online*) dan seterusnya diringkaskan dalam Laporan Perkhidmatan Penyenggaraan Tolok Hujan JKR Server secara bulanan.
- ii. Analisis Audit mendapati ***15 stesen (41.7%) daripada 36 stesen tolok hujan tidak merekodkan bacaan*** bagi tempoh antara satu (1) hingga 14 bulan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
SENARAI STESEN TOLOK HUJAN YANG TIADA
BACAAN DATA TABURAN HUJAN DIREKODKAN

BIL.	LOKASI/ID	TEMPOH TIADA BACAAN DATA TABURAN HUJAN DIREKODKAN
1.	KM44, Jalan Simpang Pulai - Gua Musang/A004	7 bulan (Januari – Julai 2016)
2.	Seksyen 28, Jalan Tapah - Cameron Highlands/A005	3 bulan (Mei – Julai 2016)
3.	KM74, Jalan Gerik - Jeli/A012	6 bulan (Januari – Jun 2016)
4.	Pakej 3G, Central Spine Road (FT8), Pahang/C007	2 bulan (September – Oktober 2016)
5.	Pakej 3H, Central Spine Road (FT8), Pahang/C008	14 bulan (Julai 2016 – Ogos 2017)
6.	Klinik Kesihatan Kuala Terla @ Seksyen 76.8, Jalan Tapah - Cameron Highlands (FT59)/C009	1 bulan (Mac 2017)
7.	Klinik Kesihatan Tringkap @ Seksyen 71.4, Jalan Tapah - Cameron Highlands (FT59)/C010	4 bulan (Ogos – November 2018)
8.	Seksyen 15, Jalan Ringlet - Sungai Koyan (FT102)/C011	3 bulan (Ogos – Oktober 2018)
9.	Seksyen 23, Jalan Ringlet - Sungai Koyan (FT102)/C012	4 bulan (Ogos – November 2018)
10.	Seksyen 30, Jalan Ringlet - Sungai Koyan (FT102)/C013	4 bulan (Ogos – November 2018)
11.	Seksyen 59, Jalan Ringlet - Sungai Koyan (FT102)/C014	4 bulan (Ogos – November 2018)
12.	KM97, Jalan Gerik - Jeli/D001	6 bulan (Januari – Jun 2016)
13.	Seksyen 66, Jalan Simpang Pulai - Gua Musang (FT185)/D003	7 bulan (Mei – November 2018)
14.	KM5, Jalan Gunung Raya, Langkawi/K001	7 bulan (Januari – Julai 2016)
15.	KM13, Jalan Gunung Raya, Langkawi/K002	7 bulan (Januari – Julai 2016)

Sumber: Laporan Perkhidmatan Penyenggaraan Tolok Hujan JKR Server

- iii. Berdasarkan **Jadual 9** didapati hanya satu (1) stesen tiada merekodkan bacaan paling singkat iaitu selama satu (1) bulan, manakala satu (1) stesen lagi tiada merekodkan bacaan paling lama iaitu selama 14 bulan.

iv. Berdasarkan maklum balas JKR pada 24 September 2019, 15 stesen tolok hujan tidak merekodkan bacaan data taburan hujan kerana kerja penyenggaraan tidak dijalankan di stesen tersebut. Perkara ini kerana dalam tempoh berkenaan, kontraktor bagi menjalankan kerja penyenggaraan belum dilantik.

c. Amaran Awal Bagi Tolok Hujan Tidak Dikeluarkan

- i. Mengikut syarat kontrak, kontraktor perlu menyediakan Modul Amaran melalui SMS/Emel bagi tolok hujan. Amaran tersebut akan disalurkan kepada lima (5) pegawai JKR yang bertanggungjawab.
- ii. Semakan Audit mendapati *sejak pemasangan tolok hujan, tiada amaran awal dikeluarkan.* Perkara ini adalah kerana CKC belum menetapkan kaedah pemakluman bagi amaran yang akan dikeluarkan serta kontraktor masih dalam proses penyediaan modul tersebut.

d. Pemasangan Peralatan SAA Tidak Dirancang

- i. Semakan Audit mendapati CKC tidak membuat perancangan khusus untuk memasang peralatan SAA. Justifikasi pemasangan peralatan SAA adalah berdasarkan dua (2) kaedah pemantauan seperti berikut:
 - Secara lokasi spesifik iaitu cerun yang telah dikenal pasti akan runtuh tetapi memerlukan masa untuk menstabilkannya. Peralatan SAA yang dipasang adalah RTS dan Multi-GNSS.
 - Secara zon atau kawasan bahaya iaitu kawasan yang diketahui kerap berlaku kejadian tanah runtuh tetapi tidak diketahui secara spesifik lokasi sebenar tersebut. Peralatan SAA yang dipasang adalah tolok hujan.
- ii. Perolehan peralatan SAA dibuat melalui sebut harga atau dimasukkan dalam kos projek oleh kontraktor semasa kerja pembinaan cerun atau pembinaan jalan raya. Langkah ini diambil bagi memantau pergerakan cerun untuk keselamatan kontraktor dan pengguna jalan raya. Setelah projek disiapkan, peralatan tersebut diserahkan kepada CKC untuk pemantauan cerun dan kerja penyenggaraan peralatan SAA.
- iii. Akibat daripada perkara ini, CKC sukar untuk merancang dan menguruskan peralatan SAA kerana tiada koordinasi antara CKC dan pasukan projek Cawangan Jalan, JKR.
- iv. Pihak Audit juga mendapati kedudukan peralatan SAA adalah tidak menyeluruh di semua kawasan yang dikategorikan sebagai risiko sangat tinggi. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat menentukan samada peralatan SAA yang telah dipasang adalah bersesuaian dengan lokasi dan mencukupi.

Maklum balas KKR/JKR yang diterima pada 24 September 2019 dan 8 Januari 2020

CKC sedang menjalankan proses sebut harga bagi membaiki/menggantikan peralatan tolok hujan yang telah dicuri dan akan meletakkan semula di enam (6) stesen tersebut. CKC juga telah membuat beberapa penambahbaikan dari segi keselamatan stesen tolok hujan dalam sebut harga yang akan dikeluarkan untuk mengelakkan kecurian berulang.

CKC sedang menjalankan kerja pembaikan cerun dan akan membina stesen baru menggantikan stesen RTS yang hampir roboh akibat tanah di kawasan tersebut telah mendap. Peralatan RTS akan dipasang apabila stesen baru siap dibina.

CKC sedang menjalankan proses sebut harga bagi membaiki/menggantikan peralatan Multi-GNSS yang telah rosak. Bagi mengatasi masalah kekurangan stesen pemantauan hujan, CKC dalam proses perbincangan bersama Jabatan Meteorologi Malaysia serta Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia pada bulan Mei 2019 untuk menjalankan integrasi data taburan hujan oleh agensi berkenaan. Konsep *Blue Ocean* ini akan dapat menjimatkan wang Kerajaan. Bagi peralatan pemantauan pergerakan tanah, pemasangan adalah bergantung pada keperluan semasa memandangkan kos pemasangannya adalah tinggi.

Kaedah pemakluman untuk mengeluarkan amaran adalah termasuk dalam skop kerja kontraktor. Namun, berlaku kelewatan bagi skop kerja ini disebabkan alat-alat yang dipesan masih belum diterima oleh kontraktor. Berdasarkan maklum balas kontraktor pada 19 Disember 2019, skop kerja ini dijangka siap sepenuhnya pada bulan Mac 2020.

e. Penyenggaraan Peralatan SAA

Terdapat 40 peralatan SAA telah dipasang di kawasan berhampiran Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia yang terdiri daripada 36 stesen tolok hujan, tiga (3) stesen RTS dan satu (1) stesen Multi-GNSS. Enam (6) kontraktor telah dilantik bagi menjalankan kerja penyenggaraan dan pembaikan terhadap peralatan tersebut seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
KONTRAKTOR PENYENGGARAAN PERALATAN SAA

BIL.	NOMBOR PENDAFTARAN KONTRAKTOR	JENIS PERALATAN SAA	TEMPOH PELANTIKAN
1.	SA 0039227-X	27 stesen tolok hujan	27.06.2016 – 26.06.2019
2.	360785-A	1 stesen tolok hujan	01.03.2017 – 31.03.2018
3.	854290-A	2 stesen RTS (Seksyen 44)	01.04.2015 – 31.03.2016 01.05.2016 – 30.04.2017 01.06.2017 – 31.10.2017
4.	724100-X	1 stesen RTS (Seksyen 46)	01.10.2016 – 30.09.2019

BIL.	NOMBOR PENDAFTARAN KONTRAKTOR	JENIS PERALATAN SAA	TEMPOH PELANTIKAN
5.	322255-W	1 stesen Multi-GNSS	Oktober 2015 hingga Oktober 2016
6.	301524-V	- 35 stesen tolok hujan - 3 stesen RTS - 1 stesen Multi-GNSS	01.11.2017 – 31.10.2020

Sumber: Dokumen Kontrak

i. Tolok Hujan

- Berdasarkan kontrak, kerja penyenggaraan bagi peralatan tolok hujan perlu dilakukan setiap tiga (3) bulan.
- Semakan Audit mendapati **14 stesen daripada 36 stesen tolok hujan tidak dijalankan kerja penyenggaraan secara berkala** bagi tempoh antara dua (2) hingga 21 bulan. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
SENARAI STESEN TOLOK HUJAN YANG TIDAK DIJALANKAN KERJA
PENYENGGARAAN SECARA BERKALA

BIL.	LOKASI TOLOK HUJAN (ID)	TEMPOH TOLOK HUJAN TIDAK DISENGGARA
1.	KM44, Jalan Simpang Pulai - Gua Musang (A004)	5 bulan (Januari – Mei 2016)
2.	Seksyen 74, Jalan Gerik - Jeli (A012)	
3.	Seksyen 97.9, Jalan Gerik - Jeli (A012)	
4.	KM5, Jalan Gunung Raya, Langkawi (K001)	
5.	KM13, Jalan Gunung Raya, Langkawi (K002)	
6.	Klinik Kesihatan Tringkap @ Seksyen 71.4, FT59 - Jalan Tapah - Cameron Highlands (C010)	6 bulan (April – September 2018)
7.	Seksyen 66, FT185 - Jalan Simpang Pulai - Gua Musang (D003)	
8.	Seksyen 15, FT102 - Jalan Ringlet - Sungai Koyan (C011)	
9.	Seksyen 23, FT102 - Jalan Ringlet - Sungai Koyan (C012)	
10.	Seksyen 30, FT102 - Jalan Ringlet - Sungai Koyan (C013)	
11.	Seksyen 59, FT102 - Jalan Ringlet - Sungai Koyan (C014)	
12.	TUDM Pulau Pinang (P001)	2 bulan (Mei – Jun 2019)
13.	Pakej 3G, FT8 - Central Spine Road, Pahang (C007)	12 bulan (Julai – September 2016 dan Januari – September 2017)
14.	Pakej 3H, FT8 - Central Spine Road, Pahang (C008)	21 bulan (Julai – September 2016, Januari – September 2017 dan Januari – September 2018)

Sumber: Laporan Perkhidmatan Penyenggaraan Tolok Hujan oleh Kontraktor

Maklum balas KKR/JKR yang diterima pada 24 September 2019

Penyenggaraan tidak dijalankan di lokasi seperti dalam Jadual 12 (bil. 1 hingga 5) kerana kontrak penyenggaraan telah tamat pada bulan Disember 2015 dan perolehan kontraktor baru masih dalam proses sebut harga. Kontrak penyenggaraan yang baru bermula pada 27 Jun 2016 hingga 27 Jun 2019.

Bagi lokasi seperti dalam Jadual 12 (bil. 6 hingga 11), kerja penyenggaraan tidak dijalankan oleh kontraktor kerana menunggu kelulusan program kerja iaitu pada 14 November 2018 manakala bagi lokasi seperti dalam Jadual 12 (bil. 12), stesen ini baru diserahkan kepada CKC pada 19 Jun 2019 untuk menjalankan kerja penyenggaraan.

Bagi lokasi seperti dalam Jadual 12 (bil. 13 dan 14), perolehan stesen tolok hujan dibuat oleh pasukan projek Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), JKR dan pasukan projek telah menyerahkan stesen tersebut kepada CKC pada bulan Jun 2016. Kos penyenggaraan stesen tersebut tidak dimasukkan dalam perancangan peruntukan pada tahun 2016 dan seterusnya, kerja penyenggaraan oleh kontraktor kerana menunggu kelulusan program kerja iaitu pada 14 November 2018.

ii. RTS

- Berdasarkan kontrak, kerja penyenggaraan bagi peralatan RTS perlu dilakukan setiap bulan.
- Semakan Audit terhadap Laporan Perkhidmatan Penyenggaraan mendapati tiga (3) stesen RTS yang dipasang telah dijalankan kerja penyenggaraan secara berkala mengikut kontrak.

iii. Multi-GNSS

- Semakan Audit mendapati kerja penyenggaraan bagi satu (1) stesen Multi-GNSS telah dijalankan oleh kontraktor yang dilantik bagi tempoh 12 bulan bermula Oktober 2015 hingga Oktober 2016. Bagaimanapun, mulai November 2016 sehingga tarikh pengauditan iaitu pada bulan Disember 2019, peralatan tersebut tidak disenggara selama 38 bulan.
- Berdasarkan maklum balas daripada CKC pada 24 September 2019, CKC tidak melantik mana-mana kontraktor bagi menjalankan kerja penyenggaraan selepas tamat kontrak pada bulan Oktober 2016 sehingga pelantikan kontraktor baru pada 1 November 2017. Namun, kontraktor yang baru dilantik tidak menjalankan sebarang kerja penyenggaraan disebabkan peralatan tersebut tidak berfungsi dengan baik.

f. Pendaftaran Peralatan SAA

- i. Berdasarkan Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan (TPATA), semua aset tak alih perlu didaftarkan.
- ii. Semakan Audit mendapati ***semua peralatan SAA yang dipasang iaitu tolok hujan, RTS dan Multi-GNSS tidak didaftarkan.*** Bagi peralatan yang dicuri, CKC hendaklah melaksanakan proses hapus kira selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

Maklum balas KKR/JKR yang diterima pada 11 Oktober 2019

CKC telah melaksanakan pendaftaran secara manual bagi semua peralatan SAA yang dipasang dan sedang melakukan proses hapus kira bagi peralatan yang dicuri.

Pada pendapat Audit, pengurusan peralatan SAA adalah tidak cekap dan tidak berkesan. Kegagalan peralatan SAA berfungsi dengan baik menyebabkan kejadian tanah runtuh tidak dapat dikesan atau dijangka dengan lebih awal. Selain itu, penyenggaraan peralatan SAA yang tidak dijalankan mengikut tempoh boleh menjelaskan jangka hayat serta kefungsian peralatan tersebut.

7. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan cerun di Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia tidak dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Perkara ini berlaku kerana kelemahan perancangan bagi mengoptimumkan peruntukan yang diterima untuk menjalankan kerja pembinaan dan kerja pencegahan cerun. Selain itu, data cerun dan PBRC yang belum dikemaskini memberi kesan kepada perancangan kerja pencegahan cerun. Pemasangan peralatan SAA juga tidak mencapai objektif yang ditetapkan kerana tiada amaran dikeluarkan sejak pemasangan. Kelemahan dalam pengurusan cerun boleh menyumbang kepada risiko keselamatan pengguna dan mengakibatkan kerugian akibat tanah runtuh.

8. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pengurusan cerun di Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia, pihak Audit mengesyorkan pihak JKR mengambil tindakan seperti berikut:

- 8.1. menyediakan garis panduan/SOP terperinci untuk meningkatkan kecekapan pengurusan cerun;

- 8.2. mengkaji semula prestasi kontraktor yang dilantik dari aspek skop kontrak dan kapasiti kontraktor bagi kerja pembaikan dan pencegahan cerun memandangkan tempoh kontrak akan berakhir pada hujung tahun 2020;
- 8.3. memastikan SOP Pengemaskinian Data dan PBRC segera dimuktamadkan bagi tujuan rujukan;
- 8.4 menjalankan analisis *outcome* terhadap pengurusan cerun supaya sesuatu program yang dirancang atau dilaksanakan dapat memberi impak terhadap pengurangan risiko dan kerugian akibat tanah runtuh; dan
- 8.5. mewujudkan mekanisme penyelarasan antara pasukan projek Cawangan Jalan, JKR dan CKC bagi perolehan peralatan SAA yang diterima daripada pihak kontraktor supaya perancangan dan pemantauan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan.

5

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

- Pengurusan Program Perumahan Penjawat Awam Malaysia di Wilayah Persekutuan Putrajaya
- **Jabatan Perumahan Negara**
 - Pengurusan Program Perumahan Rakyat Berkonsepkan *Rent To Own*

Pengurusan Program Perumahan Penjawat Awam Malaysia di Wilayah Persekutuan Putrajaya

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

**PENGURUSAN PROGRAM PERUMAHAN PENJAWAT
AWAM MALAYSIA DI WILAYAH PERSEKUTUAN
PUTRAJAYA**

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditan meliputi penilaian terhadap pengurusan program Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) Putrajaya bagi tempoh tahun 2013 sehingga bulan April 2019 yang meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi program dan pengurusan program.
- Bagi prestasi program, penilaian dibuat meliputi pencapaian fizikal, pencapaian objektif program dan juga pencapaian *outcome*.
- Pengurusan projek pula dinilai terhadap prestasi kewangan, pelantikan pemaju projek, pentadbiran kontrak, pemilihan pembeli, pengurusan aduan dan pemantauan projek.
- Pengauditan melibatkan tiga (3) pihak utama iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Perbadanan Putrajaya dan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS).

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Kerajaan telah memperuntukkan RM605.23 juta Dana Mudahcara bagi tujuan membayar jumlah subsidi harga seunit rumah.
- Tujuan program dilaksanakan adalah membantu penjawat awam yang berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah yang berkualiti dengan harga yang kurang daripada harga pasaran.
- Program PPAM memberi manfaat kepada penjawat awam kerana ia menekankan kepada keselesaan dari aspek saiz, rekabentuk, kualiti, lokasi dan harga rumah yang bersesuaian bagi penjawat awam.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhan program PPAM Putrajaya telah membantu penjawat awam yang berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah yang berkualiti dengan harga yang kurang daripada harga pasaran. Bagaimanapun, terdapat isu berkaitan pelantikan pemaju, pentadbiran kontrak, pembangunan dan penyelenggaraan sistem, kawalan dalaman sistem, pemilihan pembeli, pemantauan projek oleh juruperunding, tahap kepuasan pembeli, kualiti kerja pembinaan oleh pemaju dan pengurusan aduan oleh MO yang dilantik seperti berikut:
 - Setakat 30 April 2019, sebanyak 4,447 rumah (49.5%) daripada 8,980 rumah PPAM Putrajaya yang disasarkan telah berjaya disiapkan. Baki sebanyak 4,533 (50.5%) masih dalam pembinaan dengan status kemajuan projek antara 11% hingga 99%.

- Penilaian *outcome* terhadap program PPAM di Putrajaya belum dilaksanakan.
- Bayaran Dana Mudahcara berjumlah RM36.73 juta kepada pemaju projek lewat dibuat.
- Pelantikan lima (5) pemaju projek PPAM Putrajaya tidak dibuat dengan teratur mengikut tatacara perolehan secara *Request for Proposal* (RFP).
- Bon Pelaksanaan berjumlah RM10.82 juta tidak dikemukakan.
- Denda kelewatan berjumlah RM3.30 juta tidak dikutip daripada pemaju projek.
- Terdapat kelemahan dalam Sistem Pengurusan Permohonan PPAM Putrajaya.
- Pembeli layak tidak ditawarkan rumah PPAM Putrajaya pada awal pemilihan pembeli.
- Rumah PPAM dijual kepada Agensi Pelaksana.
- Pengurusan aduan adalah kurang cekap kerana masih terdapat aduan yang belum selesai.
- Pemantauan projek kurang berkesan yang menyebabkan kerja tidak mengikut spesifikasi.

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

1. PENGURUSAN PROGRAM PERUMAHAN PENJAWAT AWAM MALAYSIA DI WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

FAKTA UTAMA PROGRAM PERUMAHAN PENJAWAT AWAM MALAYSIA DI WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

18 April 2013	20,702 Unit	4,447 Unit
• Program PPAM dilancarkan	• Sasaran rumah PPAM Putrajaya, dipinda kepada 8,980 unit rumah setakat 30 April 2019	• Bilangan rumah yang disiapkan setakat 30 April 2019
Unit PPAM, Jabatan Perumahan Negara, KPKT	Agenzi penyelaras pelaksanaan program dan juga agensi pelaksana seluruh negara (kecuali Wilayah Persekutuan Putrajaya)	
Perbadanan Putrajaya	Agensi pelaksana bagi PPAM Wilayah Persekutuan Putrajaya	
Unit Kerjasama Awam Swasta	Menyalurkan Dana Mudahcara bagi setiap projek	
Harga Rumah	RM150,000 - RM300,000	
Keluasan	1,000 - 1,500 kaki persegi	

1. LATAR BELAKANG

1.1. Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) merupakan satu skim rumah mampu milik untuk penjawat awam yang sebelum ini dikenali sebagai Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M). Program ini dilancarkan pada 18 April 2013 di Putrajaya sebagai perintis projek, membolehkan penjawat awam yang berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah di lokasi yang strategik dengan harga yang lebih rendah daripada harga pasaran. Di bawah skim khas ini, Kerajaan telah menetapkan sasaran untuk menyediakan sebanyak 20,702 unit rumah PPAM di Putrajaya menjelang tahun 2021.

1.2. Agensi yang bertanggungjawab secara keseluruhan dalam pelaksanaan Program Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) adalah Unit PPAM, Jabatan Perdana Menteri (JPM) [mulai 1 Julai 2018, unit ini dipindah fungsi dan diletakkan di bawah Jabatan Perumahan Negara (JPN), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)]. Unit PPAM bertindak sebagai agensi pelaksana bagi program PPAM di seluruh negara kecuali di Wilayah Persekutuan Putrajaya yang mana tanggungjawab ini diserahkan kepada Perbadanan Putrajaya (PPj). PPj selaku pemilik tanah akan bertindak sebagai penyelaras kepada projek pembangunan PPAM di Putrajaya termasuk menguruskan penjualan rumah tersebut. Pembangunan PPAM di Putrajaya dibuat secara berfasa dan diselaraskan oleh PPj dengan kerjasama Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. (PjH) bagi menentukan tapak projek yang sesuai dan strategik berdasarkan infrastruktur sedia ada.

1.3. Pembangunan PPAM Putrajaya akan dilaksanakan oleh pemaju yang dipilih secara *Request for Proposal* (RFP) atau tender terhad oleh Jawatankuasa Khas (JK Khas) PPAM yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN). Pemaju akan mengemukakan cadangan mengikut format yang ditetapkan dan agensi pelaksana akan mengkaji cadangan dan mempelawa pemaju membentangkan cadangan. Pemilihan pemaju adalah mengambil kira keupayaan kewangan, pengalaman dan model perniagaan yang dapat memberi manfaat bersama (*win-win situation*) di antara pemaju, pembeli dan Kerajaan iaitu perniagaan yang menjamin daya maju projek di pihak pemaju dan dalam masa sama memastikan harga rumah ditawarkan dalam lingkungan mampu milik pembeli. Pemaju terpilih akan membina, membiayai dan menjual rumah kepada penjawat awam daripada senarai pembeli yang dibekalkan oleh agensi pelaksana.

1.4. Projek PPAM Putrajaya terdiri daripada 21 projek melibatkan empat (4) fasa. Setakat 30 April 2019, hanya 10 projek diteruskan manakala baki 11 projek telah ditangguhkan. Selaras dengan objektif untuk menjual rumah PPAM dengan harga yang lebih rendah daripada harga pasaran, Dana Mudahcara disediakan dan disalurkan melalui Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS). Dana ini bertujuan untuk membayar jumlah subsidi bagi harga seunit rumah yang diberikan kepada pembeli oleh Kerajaan kepada pemaju melalui Bank Pembangunan Malaysia Berhad.

1.5. Pemaju adalah dibenarkan memohon pembayaran Dana Mudahcara sehingga 25% daripada kos pembangunan kasar [*Gross Development Cost* (GDC)]. Kos pembangunan kasar adalah termasuk kos pembinaan, kadar faedah pembiayaan projek dan fasiliti kegunaan awam seperti dewan dan surau selain infrastruktur asas yang lain. Baki kos pembangunan projek akan dibiayai sepenuhnya oleh pemaju.

1.6. Sebagai panduan dan rujukan, UKAS juga telah mengeluarkan Garis Panduan PPAM. Garis panduan ini mula berkuat kuasa pada 21 Januari 2014 dan kemudian dikemaskinikan pada 1 Oktober 2014. Antara perkara yang terkandung dalam garis panduan ini adalah penjelasan mengenai ciri-ciri pembangunan PPAM, syarat-syarat kelayakan pembelian rumah dan terma rujukan bagi Jawatankuasa Teknikal dan Kewangan (JKTK) PPAM dan JK Khas PPAM.

1.7. Sasaran projek PPAM adalah pembeli daripada penjawat awam yang bergaji rendah dan sederhana khususnya Kumpulan Pelaksana dan pegawai di peringkat permulaan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Pada peringkat permulaan, permohonan PPAM dibuat secara manual menggunakan borang. Namun bermula tahun 2015, permohonan dibuat secara *online* melalui www.ppam.putrajaya.gov.my (Sistem PPAM). Pemilihan pembeli pula dibuat secara undian oleh Jawatankuasa Pemilihan Pembeli yang diurussetiakan oleh PPj. Rumah PPAM juga akan dikenakan moratorium selama 10 tahun iaitu pembeli tidak boleh menjual rumah dalam tempoh tersebut melainkan dengan kebenaran Kerajaan/Pihak Berkuasa Negeri.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada projek PPAM di Wilayah Persekutuan Putrajaya telah dilaksanakan dengan berhemat dan cekap serta mencapai objektif yang ditetapkan iaitu membantu penjawat awam yang berpendapatan rendah dan sederhana membeli rumah yang berkualiti di lokasi yang strategik dengan harga yang kurang daripada harga pasaran.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan melibatkan penilaian terhadap pelaksanaan program PPAM Putrajaya sejak program dilancarkan pada tahun 2013 sehingga kedudukan setakat bulan April 2019. Dua (2) bidang Audit utama yang dinilai adalah prestasi dan pengurusan program PPAM. Bagi prestasi program, tiga (3) perkara yang dinilai merangkumi pencapaian fizikal, pencapaian objektif program dan pencapaian *outcome*. Manakala enam (6) perkara lain yang dinilai di bawah pengurusan program pula adalah prestasi kewangan, pelantikan pemaju projek, pentadbiran kontrak, pemilihan pembeli, pengurusan aduan dan pemantauan. Penilaian terhadap prestasi kewangan hanya meliputi pengurusan Dana Mudahcara yang disalurkan oleh Kerajaan kepada pemaju projek.

3.2. Pengauditan telah dijalankan di PPj, PjH, UKAS dan JPN, KPKT. Bagi menilai aspek pengurusan program, sebanyak empat (4) daripada 10 projek PPAM Putrajaya seperti dalam **Jadual 1** telah dipilih untuk diaudit. Pemilihan projek adalah berdasarkan kepada justifikasi nilai kos projek yang tertinggi, liputan oleh media dan kekerapan aduan oleh pembeli.

JADUAL 1
SENARAI PROJEK PPAM DI PUTRAJAYA YANG DIAUDIT

BIL.	PPAM	LOKASI	KOS PROJEK (RM Juta)	JUSTIFIKASI PEMILIHAN PROJEK		
				NILAI KOS PROJEK	LIPUTAN OLEH MEDIA	KEKERAPAN ADUAN
1.	Pudina	Presint 17	536.48	✓	✓	✓
2.	Larai	Presint 6	563.13	✓	✓	✓
3.	Palma	Presint 11	81.36	✓	-	-
4.	Jintan	Presint 16	167.25	✓	-	-

Sumber: Unit PPAM, PPj

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data yang berkaitan dengan pelaksanaan program PPAM Putrajaya. Pemeriksaan fizikal Audit terhadap projek telah dijalankan antara bulan Februari hingga April 2019 untuk menilai pematuhan spesifikasi dan kualiti pelaksanaan projek. Perbincangan dan temu bual turut diadakan bersama pegawai yang terlibat termasuk pemaju, perunding dan

pembeli untuk mendapatkan penjelasan lanjut. Selain itu, soal selidik mengenai kepuasan pengguna turut diedarkan kepada pembeli untuk tujuan penilaian lanjut.

5. RUMUSAN AUDIT

5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2018 hingga April 2019 merumuskan perkara seperti berikut:

a. Prestasi Program

Secara umumnya, program PPAM Putrajaya telah membantu penjawat awam yang berpendapatan rendah dan sederhana, memiliki rumah yang berkualiti dengan harga yang kurang daripada harga pasaran. Berdasarkan soal selidik yang diedarkan kepada pembeli rumah PPAM, secara umumnya responden berpuas hati dengan pelaksanaan program PPAM dan bersetuju supaya program ini diteruskan. Bagaimanapun, prestasi pencapaian program ini boleh dipertingkatkan memandangkan sasaran pembangunan sebanyak 8,980 rumah bagi 10 projek PPAM di Putrajaya masih belum tercapai sepenuhnya setakat 30 April 2019. Dalam tempoh enam (6) tahun sejak program ini dilancarkan pada 18 April 2013, sebanyak 4,447 rumah (49.5%) sahaja yang berjaya disiapkan. Baki sebanyak 4,533 rumah (50.5%) masih dalam pembinaan. PPj mempunyai masa kurang daripada dua (2) tahun sebelum menjelang tahun 2021 untuk mencapai sasaran yang ditetapkan.

b. Pengurusan Program

Kecekapan pengurusan program PPAM di Putrajaya kurang memuaskan khususnya berkaitan bayaran kepada pemaju, pelantikan pemaju, pentadbiran kontrak, pemilihan pembeli, pengurusan aduan dan pemantauan.

5.2. Penemuan utama Audit yang perlu diberi perhatian adalah seperti yang berikut:

- a. terdapat kelemahan dalam pembangunan dan penyelenggaraan sistem serta kelemahan serius dalam kawalan dalaman khususnya terhadap kawalan ID sistem pada Sistem Pengurusan Permohonan PPAM Putrajaya;
- b. pelantikan bagi lima (5) projek PPAM Putrajaya tidak dibuat secara teratur mengikut tatacara perolehan secara *Request for Proposal* (RFP);
- c. pentadbiran kontrak tidak dipatuhi kerana Bon Pelaksanaan tidak dikutip daripada pemaju PPAM Pudina serta denda kelewatan tidak dikutip daripada pemaju PPAM Pudina dan PPAM Jintan;
- d. pembelian tiga (3) unit rumah PPAM di PPAM Larai, PPAM Pudina dan PPAM Jintan oleh PPj selaku agensi pelaksana tidak menepati polisi pembelian PPAM;

- e. pemantauan yang dibuat kurang berkesan menyebabkan terdapat kerja pembinaan tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan;
- f. terdapat kelemahan dalam proses pemilihan pembeli pada awal pemilihan kerana pembeli yang layak tidak ditawarkan rumah PPAM Putrajaya walaupun berpendapatan di bawah RM8,000;
- g. bayaran peringkat kedua berjumlah RM36.73 juta kepada pemaju projek PPAM Selasih belum dibuat walaupun pemaju telah mengemukakan tuntutan pada 12 Disember 2018;
- h. bayaran kepada pemaju projek PPAM Ketumbar, PPAM Kasturi dan PPAM Saderi belum dibuat kerana dokumen perjanjian Dana Mudahcara masih belum ditandatangani antara pemaju dengan Kerajaan Malaysia; dan
- i. pengurusan aduan adalah kurang cekap kerana masih terdapat aduan yang belum diselesaikan mengikut tempoh yang ditetapkan.

6. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Perkara yang ditemui serta maklum balas daripada PPj telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 30 September 2019. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti dalam perenggan berikut:

6.1. Prestasi Program

6.1.1. Pencapaian Fizikal


- a. Pada peringkat awal perancangan, Jemaah Menteri pada 27 Mac 2013 telah bersetuju supaya 10,336 unit rumah PPAM dibina secara berfasa di Putrajaya. Daripada jumlah ini, 5,097 unit rumah disediakan oleh PPj manakala baki sebanyak 5,239 unit rumah disediakan oleh PjH. Namun begitu, Mesyuarat JK Khas PPAM yang diadakan antara bulan April 2014 sehingga Februari 2018 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) kemudiannya telah bersetuju supaya bilangan rumah PPAM yang akan dibangunkan di Putrajaya ditambah. Hal ini menjadikan perancangan asal pembangunan sebanyak 10,336 unit rumah ditambah kepada 20,702 unit rumah, iaitu pertambahan sebanyak 10,366 unit rumah. Tempoh rumah ini perlu disiapkan adalah pada tahun 2021.
- b. Semakan Audit mendapati sasaran pembangunan sebanyak 20,702 rumah PPAM di Putrajaya telah dilaksanakan secara berfasa melibatkan 21 projek PPAM. Bagaimanapun, menerusi Mesyuarat Hala Tuju PPAM oleh JK Khas PPAM pada 11 Jun 2018, yang dipengerusikan oleh KSN telah memutuskan hanya 11 daripada 21 projek PPAM di Putrajaya sahaja yang akan diteruskan. Oleh yang demikian, sebanyak 9,480 unit rumah PPAM sahaja akan dibangunkan di

Putrajaya manakala 10 projek melibatkan pembinaan sebanyak 11,222 unit rumah PPAM ditangguhkan.

- c. Selain itu, pada 22 Februari 2019, PPj telah mengeluarkan Notis Penamatan kepada pemaju projek PPAM Dalur. Kemajuan fizikal projek pada ketika itu pada tahap 12%. Penamatan yang dibuat oleh PPj berlandaskan kepada prinsip *national or public interest* yang diperuntukkan dalam Klausula 26.1 Perjanjian Pembangunan yang ditandatangani antara PPj dan pemaju. Bagaimanapun, punca penamatan tidak dapat ditentukan kerana tiada justifikasi penamatan dinyatakan dalam Notis Penamatan atau dokumen lain yang berkaitan.
- d. Dengan penamatan projek PPAM Dalur, bilangan terkini projek PPAM yang akan dibangunkan di Putrajaya adalah 10 projek melibatkan 8,980 unit rumah (43.4%) iaitu pengurangan sebanyak 11,722 unit rumah (56.6%) berbanding sasaran asal sebanyak 20,702 unit rumah. Senarai 10 projek PPAM Putrajaya yang diteruskan dan 11 projek PPAM Putrajaya yang telah ditangguhkan adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
STATUS PELAKSANAAN 21 PROJEK PPAM PUTRAJAYA SETAKAT 30 APRIL 2019

BIL.	FASA	PROJEK PPAM	LOKASI	BIL. UNIT RUMAH	STATUS PROJEK
1.	I	Selasih	Presint 17	1,000	Projek Diteruskan (8,980 unit rumah PPAM)
2.		Pudina	Presint 17	1,504	
3.		Larai	Presint 6	1,680	
4.		Palma	Presint 11	263	
5.		Melinjau	Presint 11	650	
6.		Jintan	Presint 16	517	
7.		Seruling	Presint 5	1,062	
8.		Ketumbar	Presint 17	800	
9.		Kasturi	Presint 17	404	
10.	II	Saderi	Presint 16	1,100	Projek Ditangguhkan (11,722 unit rumah PPAM)
11.		Dalur	Presint 18	500	
12.		Cengkih	Presint 16	500	
13.		Tanjung	Presint 5	1,350	
14.		Kenanga	Presint 19	1,681	
15.		Cempaka	Presint 19	811	
16.	III	Serunai	Presint 5	982	



BIL.	FASA	PROJEK PPAM	LOKASI	BIL. UNIT RUMAH	STATUS PROJEK
17.		Rebana	Presint 5	430	
18.		Teratai	Presint 12	880	
19.		Mawar	Presint 19	1,280	
20.		Cemara	Presint 11	700	
21.	IV	-	Presint 9	2,608	
JUMLAH KESELURUHAN				20,702	

Sumber: Unit PPAM, PPj

- e. Semakan Audit terhadap pembangunan bagi 10 projek yang diteruskan setakat 30 April 2019 mendapati 4,447 unit rumah PPAM (49.5%) sahaja daripada empat (4) projek iaitu PPAM Selasih, PPAM Pudina, PPAM Larai dan PPAM Palma telah disiapkan. Baki untuk enam (6) projek pula masih dalam pembinaan dengan status kemajuan fizikal projek antara 11% hingga 99%. Tempoh masa untuk menyiapkan baki 4,533 unit rumah PPAM (50.5%) adalah 23 bulan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
STATUS PEMBANGUNAN 10 PROJEK PPAM PUTRAJAYA SETAKAT 30 APRIL 2019

BIL.	FASA	PROJEK PPAM	LOKASI	UNIT RUMAH	TEMPOH SEBENAR PROJEK	TARIKH SIAP SEBENAR	PERATUS KEMAJUAN FIZIKAL PROJEK	CATATAN
1.	I	Selasih	Presint 17	1,000	18.06.14 hingga 17.06.17	10.04.17	100%	-
2.		Pudina	Presint 17	1,504	17.07.14 hingga 16.07.17	20.04.18	100%	Lewat 278 Hari
3.		Larai	Presint 6	1,680	17.06.14 hingga 16.06.17	15.03.17	100%	-
4.		Palma	Presint 11	263	18.06.14 hingga 17.06.17	02.03.17	100%	-
5.		Melinjau	Presint 11	650	18.06.14 hingga 17.06.17	-	98%	Lewat 682 Hari
6.		Jintan	Presint 16	517	18.06.14 hingga 17.06.17	-	98%	Lewat 682 Hari
7.		Seruling	Presint 5	1,062	29.12.15 hingga 28.12.18	-	99%	Lewat 123 Hari
8.		Ketumbar	Presint 17	800	23.02.16 hingga 22.02.19	-	85%	Lewat 67 Hari
9.		Kasturi	Presint 17	404	15.01.18 hingga 14.01.21	-	11%	-
10.	II	Saderi	Presint 16	1,100	31.05.16 hingga 30.11.20	-	57%	-
JUMLAH KESELURUHAN				8,980				

Sumber: Unit PPAM, PPj

- f. Analisis Audit selanjutnya terhadap 10 projek PPAM Putrajaya yang telah siap dan masih dalam pembinaan setakat 30 April 2019 pula mendapati perkara seperti berikut:
- i. empat (4) projek PPAM iaitu PPAM Selasih, PPAM Pudina, PPAM Larai dan PPAM Palma telah berjaya disiapkan. Tiga (3) daripadanya iaitu PPAM Selasih, PPAM Larai dan PPAM Palma berjaya disiapkan dalam tempoh 36 bulan yang ditetapkan melibatkan pembangunan sebanyak 2,943 rumah. Bagaimanapun, satu (1) projek iaitu PPAM Pudina lewat disiapkan dengan tempoh kelewatan sebanyak 278 hari melibatkan pembangunan sebanyak 1,504 rumah; dan
 - ii. enam (6) projek masih dalam pembinaan. Dua (2) daripadanya, iaitu PPAM Kasturi dan PPAM Saderi masih mengikuti jadual asal kemajuan kerja, melibatkan pembangunan sebanyak 1,504 rumah. Bagaimanapun, empat (4) projek, iaitu PPAM Melinjau, PPAM Jintan, PPAM Seruling dan PPAM Ketumbar, telah diluluskan dua (2) atau tiga (3) lanjutan masa dengan tempoh lanjutan antara 160 hingga 523 hari. Kesemua projek ini melibatkan pembangunan sebanyak 3,029 rumah. Berdasarkan maklum balas PPj yang diterima pada 17 September 2019, PPAM Jintan dan PPAM Melinjau telah lewat siap antara 143 hingga 217 hari daripada tarikh akhir lanjutan masa diberikan.

Maklum balas KPKT yang diterima pada 2 Oktober 2019

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Perumahan Penjawat Awam Malaysia Bil. 1/2019 pada 17 April 2019 telah memutuskan bahawa tiada lagi projek baharu akan diluluskan menggunakan Dana Mudahcara. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa boleh mempertimbang kelulusan projek yang dicadangkan di atas tanah Kerajaan tanpa Dana Mudahcara.

10 projek PPAM Putrajaya yang telah ditangguhkan tidak akan dilaksanakan. Bagi empat (4) projek yang telah menandatangani Perjanjian Pembangunan (DA) antara pemaju dengan Perbadanan Putrajaya, dua (2) projek telah ditamatkan dan dua (2) projek akan ditamatkan melalui notis penamatan berdasarkan klausa dalam DA. Enam (6) projek yang masih belum menandatangani DA juga tidak akan diteruskan.

Maklum balas PPj yang diterima pada 25 September 2019 dan 31 Januari 2020

PPj melalui surat bertarikh 20 September 2019 telah mengarahkan supaya pemaju projek PPAM Dalur meneruskan projek. Keputusan ini menjadikan pertambahan 500 unit rumah, menjadikan jumlah keseluruhan rumah PPAM yang akan dibangunkan di Putrajaya adalah sebanyak 9,480 unit.

Pencapaian sebenar pembangunan yang telah disiapkan sehingga 31 Disember 2019 adalah sebanyak 6,676 unit (70.4%) berbanding sasaran sebanyak 9,480 unit. Baki sebanyak 2,804 unit (29.6%) masih dalam pembinaan dan akan siap sepenuhnya pada tahun 2020 (1,900 unit), 2021 (404 unit) dan 2022 (500 unit).

Pada pendapat Audit, sasaran pembangunan sebanyak 8,980 rumah PPAM di Putrajaya belum tercapai sepenuhnya setakat 30 April 2019. Dalam tempoh enam (6) tahun sejak program ini dilancarkan pada 18 April 2013, sebanyak 4,447 rumah (49.5%) sahaja yang berjaya disiapkan berbanding sasaran sebanyak 8,980 rumah. Baki sebanyak 4,533 rumah (50.5%) masih dalam pembinaan dan perlu disiapkan tahun 2021 untuk mencapai sasaran yang ditetapkan. Namun begitu berdasarkan maklum balas yang diterima pada 31 Januari 2020, pencapaian sebenar pembangunan yang telah disiapkan sehingga akhir tahun 2019 adalah 6,676 unit (70.4%).

6.1.2. Pencapaian Objektif Program

- a. Objektif pelaksanaan program PPAM berdasarkan Garis Panduan PPAM adalah untuk membantu penjawat awam yang berpendapatan rendah dan sederhana membeli rumah yang berkualiti di lokasi yang strategik dengan harga yang kurang daripada harga pasaran.
- b. Semakan Audit mendapati setakat 30 April 2019, sebanyak 4,170 unit rumah (93.8%) daripada 4,447 unit rumah PPAM Putrajaya yang siap dibina, telah berjaya dijual kepada penjawat awam. Tambahan pula, berdasarkan sampel Audit, hanya 16 pembeli (0.4%) yang berjaya sahaja yang tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan.
- c. Bagi 277 unit rumah (6.2%) yang belum dijual pula, semakan Audit terhadap Borang Makluman Pembatalan Tawaran PPAM Putrajaya mendapati pemohon berkelayakan terpaksa membatalkan tawaran rumah PPAM Putrajaya disebabkan beberapa perkara. Antaranya disebabkan oleh pemohon tidak lulus pembiayaan kewangan, telah membeli rumah daripada projek lain, tidak berminat dengan tawaran yang diberikan kerana rumah terletak di aras yang tinggi, telah bertukar tempat kerja di luar Putrajaya dan telah berpencen. Pihak Audit juga dimaklumkan bahawa PPj dari semasa ke semasa ada membuat tawaran semula kepada pembeli baharu melalui pangkalan data senarai permohonan sedia ada dan permohonan baharu. Status penjualan rumah PPAM Putrajaya setakat 30 April 2019 adalah seperti dalam **Jadual 4**.


JADUAL 4
STATUS PENJUALAN RUMAH PROJEK PPAM PUTRAJAYA
YANG TELAH SIAP SETAKAT 30 APRIL 2019

BIL.	PROJEK PPAM	BILANGAN RUMAH PPAM			TARIKH SERAHAN KUNCI
		SIAP DIBINA	TELAH DIJUAL	BELUM DIJUAL	
1.	Selasih	1,000	982	18	19.06.17
2.	Pudina	1,504	1,370	134	02.06.18
3.	Larai	1,680	1,558	122	27.03.17
4.	Palma	263	260	3	27.03.17
JUMLAH		4,447	4,170	277	

Sumber: Unit PPAM, PPj

- d. Analisis Audit terhadap Borang Makluman Pembatalan Tawaran PPAM Putrajaya mendapati 747 pemohon (29.4%) daripada 2,544 pemohon yang menolak tawaran mendapati faktor penolakan seperti berikut:
- i. seramai 291 pemohon (39%) menolak tawaran kerana komitmen kewangan yang tinggi;
 - ii. seramai 163 pemohon (21.8%) menolak tawaran kerana tidak melepas kelayakan pembentukan perumahan daripada institusi kewangan;
 - iii. seramai 184 pemohon (24.6%) menolak tawaran kerana masalah peribadi; dan
 - iv. seramai 109 pemohon (14.6%) menolak tawaran kerana faktor lain seperti lokasi tempat letak kendaraan yang jauh sedangkan rumah yang ditawarkan berada pada aras yang tinggi dan kekerapan penangguhan projek.

CARTA 1
FAKTOR PENOLAKAN TAWARAN RUMAH PPAM PUTRAJAYA



Sumber: Borang Makluman Pembatalan Tawaran PPAM Putrajaya

- e. Semakan Audit selanjutnya mendapati PPAM Putrajaya telah dibangunkan di tapak projek yang terletak dalam lingkungan jarak antara tiga (3) hingga lapan (8) kilometer dari Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya. Pembinaan projek PPAM Putrajaya turut mengambil kira akses kepada sekolah

dan kemudahan pengangkutan serta dilengkapi dengan kemudahan awam seperti dewan serbaguna, surau, tadika dan taman permainan.


- f. Selain itu, pihak Audit mendapati harga rumah PPAM Putrajaya yang ditawarkan mengikut keluasan adalah lebih rendah berbanding harga jualan rumah bagi projek perumahan swasta yang dibangunkan di sekitar Putrajaya. Harga jualan rumah PPAM Putrajaya dengan keluasan antara 1,000 hingga 1,500 kaki persegi dijual dengan harga antara RM150,000 hingga RM300,000 seunit. Manakala, harga jualan perumahan swasta bagi keluasan 829 hingga 1,399 kaki persegi adalah antara RM420,000 hingga RM750,000 seunit.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan program PPAM telah membantu penjawat awam yang berpendapatan rendah dan sederhana membeli rumah yang berkualiti di lokasi yang strategik dengan harga yang kurang iaitu antara 90.9% hingga 150% daripada harga pasaran.

6.1.3. Pencapaian *Outcome*

- a. Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2012 mengenai Garis Panduan Penilaian Program Pembangunan menetapkan supaya kementerian/jabatan/agensi membuat penilaian *outcome* dan impak terhadap sesuatu program yang dilaksanakan. Berdasarkan Arahan No.1 2010 (Majlis Tindakan Negara), penilaian *outcome* adalah sebagai *early warning system* untuk membantu kementerian menyelaras semula strategi pelaksanaan program atau projek agar mencapai sasaran *outcome* yang diharatkann.
- b. Semakan Audit mendapati penilaian *outcome* terhadap program PPAM di Putrajaya belum dilaksanakan. Analisis Audit terhadap maklum balas daripada 535 (5.5%) responden melibatkan 3,447 borang soal selidik yang diedarkan kepada penghuni PPAM Pudina, PPAM Larai dan PPAM Palma mendapati:
- i. majoriti responden bagi ketiga-ketiga projek berpuas hati dengan lokasi, harga rumah dan kemudahan awam rumah PPAM masing-masing;
 - ii. 75.33% responden bagi ketiga-tiga PPAM tidak berpuas hati dengan kemudahan tempat letak kenderaan yang disediakan oleh pemaju;
 - iii. 47.62% responden pula tidak berpuas hati dengan kemudahan lif yang disediakan. Ini disokong dengan data aduan *callback report* yang menunjukkan sebanyak 77 aduan kerosakan telah dilaporkan dalam tempoh dua (2) bulan lif beroperasi (Disember 2018 dan Januari 2019). Butiran lanjut seperti dalam **Carta 2**.

CARTA 2
PERATUSAN TAHAP KEPUASAN PEMBELI TERHADAP RUMAH PPAM PUTRAJAYA



Sumber: Soal Selidik kepada Pembeli oleh Jabatan Audit Negara

- c. Secara khusus mengikut projek yang dipilih, responden bagi ketiga-tiga (3) projek tidak berpuas hati dari segi kualiti rumah PPAM Putrajaya antara 88.22% hingga 32.89%.
- d. Responden bagi ketiga-tiga (3) projek yang dipilih juga tidak berpuas hati dengan kemudahan tempat letak kenderaan dan lif iaitu antara 80.06% hingga 69.75% bagi kemudahan tempat letak kenderaan serta 82.18% hingga 11.84% pula bagi lif. Peratusan tahap kepuasan hati pembeli bagi tiga (3) projek yang dipilih seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
TAHAP KEPUASAN HATI PEMBELI TERHADAP RUMAH PPAM

PERKARA DINILAI	TAHAP KEPUASAN HATI	PROJEK PPAM		
		PPAM Pudina (%)	PPAM Larai (%)	PPAM Palma (%)
Kualiti Rumah	Berpuas Hati	10.88	20.3	65.79
	Tidak Puas hati	88.22	79.7	32.89
	Tidak Menjawab	0.9	0	1.32
Lokasi Rumah	Berpuas Hati	91.84	88.28	92.11
	Tidak Puas hati	7.85	11.72	3.94
	Tidak Menjawab	0.3	0	3.95
Harga Rumah	Berpuas Hati	71.9	78.13	82.89
	Tidak Puas hati	27.49	21.09	14.47
	Tidak Menjawab	0.6	0.78	2.64

PERKARA DINILAI	TAHAP KEPUASAN HATI	PROJEK PPAM		
		PPAM Pudina (%)	PPAM Larai (%)	PPAM Palma (%)
Kemudahan Awam	Berpuas Hati	88.22	82.03	89.47
	Tidak Puas hati	11.78	14.06	9.21
	Tidak Menjawab	0	3.91	1.32
Tempat Letak Kenderaan	Berpuas Hati	19.33	23.81	28.95
	Tidak Puas hati	80.06	76.19	69.75
	Tidak Menjawab	0.61	0	1.3
Lif	Berpuas Hati	17.82	50.39	84.21
	Tidak Puas hati	82.18	48.83	11.84
	Tidak Menjawab	0	0.78	3.95

Sumber: Soal Selidik kepada Pembeli oleh Jabatan Audit Negara

Maklum balas KPKT yang diterima pada 2 Oktober 2019 dan 13 Februari 2020

KPKT melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) akan melaksanakan Kajian Penilaian *Outcome* bagi Program Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) pada tahun 2020.

Pada pendapat Audit, penilaian *outcome* perlu dijalankan oleh KPKT untuk menilai pencapaian objektif yang telah ditetapkan. Selain itu, berdasarkan soal selidik yang diedarkan kepada pembeli rumah PPAM, secara umumnya didapati responden berpuas hati dengan pelaksanaan program ini dan bersetuju program diteruskan. Bagaimanapun, peratusan tahap kepuasan pembeli didapati masih rendah disebabkan PPj kurang memberi penekanan terhadap kualiti kerja pembinaan oleh pemaju.

6.2. Pengurusan Program

6.2.1. Prestasi Kewangan

- a. Garis Panduan PPAM menyatakan bahawa Dana Mudahcara disediakan oleh Kerajaan bertujuan untuk membayar jumlah subsidi harga seunit rumah yang diberikan kepada pembeli. Dana ini perlu dibayar oleh Kerajaan kepada pemaju dan pembayaran dibenarkan sehingga 25% daripada kos pembangunan. Penetapan ini adalah selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 27 Mac 2013 iaitu sebanyak 25% maksimum kos pembangunan ditanggung melalui Dana Mudahcara. Berdasarkan Klausula 6 perjanjian Dana Mudahcara yang ditandatangani antara Kerajaan Malaysia dengan Bank Pembangunan Malaysia Berhad dan pemaju pula, dinyatakan bahawa pembayaran akan dibuat melalui tiga (3) peringkat bayaran seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
PEMBAYARAN DANA MUDAHCARA KEPADA PEMAJU PROJEK

PERINGKAT BAYARAN	JUMLAH BAYARAN	SYARAT KELAYAKAN PEMBAYARAN
Pertama	50%	<ul style="list-style-type: none"> kemajuan projek telah melebihi 50%.
Kedua	45%	<ul style="list-style-type: none"> bukti semua unit rumah telah terjual kepada penjawat awam dan disertakan bersama salinan Perjanjian Jual dan Beli; CCC bagi projek berkaitan telah dikeluarkan; hak milik strata telah dikeluarkan kepada setiap unit rumah PPAM; dan bukti pemilikan kosong (<i>vacant possession</i>) bagi projek berkaitan telah dikeluarkan.
Ketiga	5%	<ul style="list-style-type: none"> bukti semua kecacatan dalam tempoh (DLP) telah diperbaiki dan Sijil Siap Memperbaiki Kecacatan (CGMD) telah dikeluarkan; serta pengesahan oleh Kerajaan bahawa projek telah siap sepenuhnya dan Akaun Muktamad projek dikemukakan.
JUMLAH	100%	

Sumber: Perjanjian Dana Mudahcara

- b. Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2018, UKAS telah meluluskan peruntukan Dana Mudahcara berjumlah RM605.23 juta untuk disalurkan kepada pemaju bagi 10 projek PPAM Putrajaya. Kadar peratusan Dana Mudahcara yang

DANA MUDAHCARA
LULUS
RM605.23 Juta

TELAH BAYAR
RM405.82 Juta

kemajuan fizikal projek mencapai 95% - 100%

telah diluluskan adalah antara 14.4% hingga 25% telah mematuhi peratusan yang dibenarkan iaitu sehingga 25% daripada kos pembangunan. Sehingga akhir tahun, bayaran berjumlah RM405.82 juta (67.1%) telah dibuat kepada pemaju bagi tujuh (7) projek PPAM. Bagaimanapun, bayaran kepada baki tiga (3) pemaju projek PPAM Ketumbar, PPAM Kasturi dan PPAM Saderi masih tidak dibuat kerana dokumen perjanjian Dana Mudahcara masih belum ditandatangani antara pemaju dengan Kerajaan Malaysia. Prestasi perbelanjaan Dana Mudahcara setakat 30 April 2019 adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
PRESTASI PERBELANJAAN DANA MUDAHCARA
BAGI 10 PROJEK PPAM SETAKAT 30 APRIL 2019

BIL.	PROJEK PPAM	KEMAJUAN FIZIKAL PROJEK (%)	KOS PROJEK (RM Juta)	KOS PROJEK MELALUI PEMBIAYAAN KEWANGAN PEMAJU (RM Juta)	JUMLAH KELULUSAN DANA MUDAHCARA (RM Juta)	JUMLAH BAYARAN DANA MUDAHCARA (RM Juta)	PERATUS BAYARAN DANA MUDAHCARA (%)
1.	Selasih	100	333.23	251.43	81.80	40.90	50
2.	Larai	100	563.13	422.35	140.78	133.74	95
3.	Pudina	100	536.48	402.36	134.12	127.41	95
4.	Palma	100	81.36	62.94	18.42	17.50	95
5.	Melinjau	98	203.65	156.33	47.32	23.66	50

BIL.	PROJEK PPAM	KEMAJUAN FIZIKAL PROJEK (%)	KOS PROJEK (RM Juta)	KOS PROJEK MELALUI PEMBIAYAAN KEWANGAN PEMAJU (RM Juta)	JUMLAH KELULUSAN DANA MUDAHCARA (RM Juta)	JUMLAH BAYARAN DANA MUDAHCARA (RM Juta)	PERATUS BAYARAN DANA MUDAHCARA (%)
6.	Seruling	97	315.07	258.33	56.74	42.56	75
7.	Jintan	95	167.25	127.14	40.11	20.05	50
8.	Ketumbar*	85	212.08	171.67	40.41	-	-
9.	Kasturi*	8	102.61	87.08	15.53	-	-
10.	Saderi*	30	300.51	270.51	30.00	-	-
JUMLAH KESELURUHAN		2,815.37	2,210.14	605.23	405.82	67.1	

Sumber: Unit PPAM, PPj

Nota: (*) - Dokumen Perjanjian Dana Mudahcarra Masih Belum Ditandatangani

c. Analisis Audit selanjutnya terhadap pembayaran Dana Mudahcarra kepada pemaju projek yang terlibat mendapati perkara seperti berikut:

- i. Pemaju bagi projek PPAM Putrajaya yang telah siap iaitu PPM Larai, PPAM Pudina dan PPAM Palma telah menerima bayaran Dana Mudahcarra pertama dan kedua masing-masing sebanyak 95% daripada jumlah peruntukan yang diluluskan.
- ii. Pemaju bagi projek PPAM Selasih telah menerima bayaran pertama berjumlah RM40.90 juta (50%). Bagaimanapun, bayaran peringkat kedua berjumlah RM36.73 juta belum diterima walaupun tuntutan telah dikemukakan kepada Bahagian Perumahan Penjawat Awam Malaysia (BPPAM) pada 12 Disember 2018. Kelewatan ini berlaku kerana KPKT perlu menyediakan perjanjian tambahan dengan pemaju projek terlebih dahulu sebelum bayaran boleh dibuat disebabkan oleh pertukaran tanggungjawab agensi yang terlibat.

Maklum balas KPKT yang diterima pada 2 Oktober 2019 dan 13 Februari 2020

Kelewatan pembayaran berlaku disebabkan pihak pemaju perlu menandatangani perjanjian tambahan dengan KPKT berikutan perjanjian terdahulu terpaksa dipinda. Hal ini kerana berlaku perubahan portfolio pihak pembayar, iaitu daripada UKAS melalui Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) kepada KPKT.

Setakat 1 Oktober 2019, semua Perjanjian Dana Mudahcarra bagi projek PPAM di Putrajaya telah ditandatangani kecuali PPAM Kasturi dan jumlah bayaran sebanyak RM464.61 juta telah diberi kepada pemaju bagi tujuh (7) projek PPAM. Selain itu, bayaran peringkat kedua telah dibuat kepada pemaju PPAM Selasih dan PPAM Jintan manakala bayaran peringkat ketiga untuk PPAM Palma dan peringkat pertama bagi

PPAM Saderi sedang diproses dan akan dibayar oleh Jabatan Perumahan Negara, KPKT dalam bulan Oktober 2019.

Setakat 6 Februari 2020, KPKT telah mengambil tindakan *corrective* di mana semua Perjanjian Tambahan bagi projek PPAM di Putrajaya telah ditandatangani dan semua tuntutan *due and payable* seperti dikemukakan oleh pemaju telah dibayar mengikut syarat pembayaran dana.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan boleh ditambahbaik dengan KPKT mempercepatkan proses menandatangani perjanjian tambahan bagi membolehkan penyaluran Dana Mudahcara kepada pemaju dibuat mengikut syarat pembayaran dana.

6.2.2. Pelantikan Pemaju Projek

- a. Memorandum Jemaah Menteri bertarikh 27 Mac 2013 menetapkan supaya pemaju projek PPAM dipilih secara *Request for Proposal* (RFP) atau tender terhad di kalangan pemaju yang berdaya saing atau berdaya maju.
- b. Bagi proses perolehan oleh PPj, Kementerian Kewangan (MoF) melalui surat bertarikh 7 Julai 2004 menetapkan supaya perolehan bernilai melebihi RM20 juta sehingga RM100 juta dinilai oleh Lembaga Perolehan A, manakala perolehan bernilai melebihi RM200 ribu hingga RM20 juta dinilai oleh Lembaga Perolehan B. Keanggotaan kedua-dua Lembaga Perolehan ini adalah seperti dalam **Jadual 8**.

**JADUAL 8
LEMBAGA PEROLEHAN PPj**

LEMBAGA PEROLEHAN	HAD NILAI PEROLEHAN	KEAHLIAN
A	Melebihi RM20 juta sehingga RM100 juta	Pengerusi: Presiden PPj Ahli: KSU Kementerian Wilayah Persekutuan/wakil Wakil Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan) Wakil Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya
B	Melebihi RM200 ribu sehingga RM20 juta	Pengerusi: Presiden PPj Ahli: KSU Kementerian Wilayah Persekutuan/wakil Wakil Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya Seorang pegawai awam (Kumpulan Pengurusan dan Profesional) dari Jabatan lain dengan pengalaman dan pengetahuannya boleh memberi sumbangan kepada Lembaga Perolehan.

Sumber: Surat Kementerian Kewangan Bertarikh 7 Julai 2004

- c. Semakan Audit mendapati bagi empat (4) projek PPAM Putrajaya yang dipilih, tiga (3) daripadanya iaitu PPAM Pudina, PPAM Larai dan PPAM Jintan disediakan oleh PPj. Bagi projek PPAM Palma pula disediakan oleh PjH yang mana PjH bertindak sebagai pemaju projek.

- d. Semakan Audit berhubung pelantikan pemaju bagi tiga (3) projek PPAM Putrajaya yang disediakan oleh PPj, iaitu PPAM Pudina, PPAM Larai dan PPAM Jintan mendapati perkara seperti berikut:
- i. Pemilihan kesemua pemaju projek (termasuk pemaju projek PPAM Melinjau dan PPAM Selasih yang tidak dipilih sebagai sampel) dibuat oleh Lembaga Perolehan B Bil. 5/2013 yang bersidang pada 26 September 2013. Kelulusan yang dibuat tidak teratur kerana bertentangan dengan surat MoF bertarikh 7 Julai 2004 memandangkan nilai perolehan projek melebihi RM20 juta. Perolehan tersebut sepatutnya dinilai oleh Lembaga Perolehan A yang mempunyai wakil Ketua Setiausaha Perbendaharaan daripada Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan.
 - ii. Justifikasi pemilihan kelima-lima pemaju oleh Lembaga Perolehan B adalah kerana syarikat yang dipilih telah mengambil inisiatif untuk mengemukakan *drawing* dan model/konsep binaan. Sehubungan itu, Lembaga Perolehan B berpendapat masa dapat dijimatkan memandangkan projek ini perlu dilaksanakan dengan segera. Semakan Audit selanjutnya mendapati mesyuarat juga dimaklumkan akan perkara seperti berikut:
 - PPj telah mengemukakan surat rasmi kepada MoF pada 15 April 2013 bagi mendapatkan kelulusan pengecualian daripada melantik pemaju secara RFP atau tender terhad. Namun tiada jawapan yang diterima daripada MoF. Bagaimanapun pihak Audit mendapati PPj telah menggunakan kaedah RFP bagi perolehan projek PPAM;
 - Jawatankuasa Penilai RFP yang menilai aspek teknikal dan komersial pemaju tidak membuat turutan kedudukan setiap petender kerana kesemua 13 petender yang berminat telah lulus dan layak dipertimbangkan;
 - Jawatankuasa Penilai RFP berkeyakinan bahawa kesemua petender berkemampuan untuk melaksanakan kerja berdasarkan pengalaman yang dimiliki;
 - Lima (5) petender (termasuk pemaju PPAM Melinjau dan PPAM Selasih) telah mengambil inisiatif untuk mengemukakan *drawing* dan model/konsep binaan.
 - iii. Semakan Audit mendapati bahawa pelantikan pemaju bagi kelima-lima projek PPAM Putrajaya yang terlibat tidak dibuat secara teratur mengikut tatacara perolehan RFP. Hal ini kerana, berdasarkan surat PPj kepada KSN bertarikh 25 Julai 2013 yang ditandatangani oleh Presiden PPj pada masa itu, didapati PPj terlebih dahulu telah mengesyorkan kepada KSN supaya

lima (5) pemaju ini yang telah ditawarkan Surat Niat oleh PPj dilantik terus menjadi rakan kongsi PPj dalam membangunkan PPAM di lima (5) plot pemajuan. Pemilihan terus pemaju dibuat berdasarkan rasional bahawa kos projek pembangunan akan ditanggung sepenuhnya oleh pemaju.

- iv. Surat Niat kepada pemaju projek PPAM Pudina telah dikeluarkan oleh PPj pada 13 Mei 2013 setelah syarikat mengemukakan minat untuk mengambil bahagian dalam projek PPAM pada 15 April 2013.
- v. Kelima-lima pemaju telah diberi taklimat oleh PPj dalam Mesyuarat PPAM Putrajaya Bil. 1/2013 yang diadakan pada 19 Julai 2013. Antara perkara yang dibincangkan adalah isu penyerahan profail pemaju, kos pembangunan dan pelan bangunan PPAM. Pemaju juga telah diarahkan supaya mengemukakan pelan bangunan kepada urusetia PPAM pada 22 Julai 2013.
- vi. Pada 4 dan 5 September 2013 pula, taklimat secara berperingkat telah diadakan kepada pemaju lain yang berminat.
- vii. Jawatankuasa Penilai RFP telah ditubuhkan pada 18 September 2013 untuk membuat penilaian ke atas pemaju yang berminat sebelum dibentangkan kepada Lembaga Perolehan PPj. Keahlian Jawatankuasa Penilai RFP tersebut adalah seperti dalam **Jadual 9**.

FAKTA UTAMA

Proses Perolehan RFP terhadap
5 pemaju yang **dilantik** dibuat secara **tidak teratur**

JADUAL 9

JAWATANKUASA PENILAI *REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)* BAGI PPAM PUTRAJAYA

BIL.	JAWATAN	BIDANG PENGKHUSUSAN
1.	Naib Presiden (Perancangan Bandar)	Perancangan
2.	Timbalan Pengarah Kanan (Penilaian & Pengurusan Aset)	Penilaian
3.	Timbalan Pengarah Kanan (Perancangan)	Perancangan
4.	Timbalan Pengarah Kanan (Jalan)	Jurutera
5.	Timbalan Pengarah (Pengurusan Kewangan)	Kewangan
6.	Ketua Penolong Pengarah Kanan (Undang-undang)	Undang-undang

Sumber: Cadangan Pelawaan Pemaju Pembangunan PPA1M Secara RFP Wilayah Persekutuan Putrajaya yang diluluskan pada 18 September 2013

- viii. Jawatankuasa Penilai RFP telah bersidang pada 19 September 2013. Jawatankuasa memutuskan kesemua 13 syarikat yang berminat telah lulus penilaian dan layak dipertimbangkan serta mengesyorkan lima (5) pemaju untuk melaksanakan lima (5) plot pemajuan PPAM Putrajaya.

- ix. Lembaga Perolehan B melalui Mesyuarat Lembaga Perolehan B pada 26 September 2013 telah bersetuju supaya lima (5) pemaju yang telah dikeluarkan Surat Niat pada peringkat awal pada 13 Mei 2013 dilantik sebagai pemaju projek bagi lima (5) plot pemajuan.
- x. PPj kemudiannya pada 16 Oktober 2013, melalui pejabat KSN telah memaklumkan pelantikan kelima-lima pemaju tersebut secara RFP kepada YAB Perdana Menteri. Pelantikan ini telah disokong oleh KSN dan dipersetujui oleh YAB Perdana Menteri.

Maklum balas PPj yang diterima pada 25 September 2019 dan 31 Januari 2020

Kerajaan pada waktu itu ingin menyiapkan PPAM pada kadar segera memandangkan ramai penjawat awam yang masih tidak mempunyai kediaman termasuk mereka yang akan berpencen serta tidak mampu memiliki kediaman mengikut harga pasaran. PPj mengambil maklum dan akan menambah baik kaedah pelaksanaan projek mengikut tatacara yang teratur. PPj sebagai pelaksana program PPAM bertindak melaksanakan arahan oleh pihak Kerajaan pada masa itu.

Pada pendapat Audit, pelantikan pemaju bagi kelima-lima projek PPAM Putrajaya yang terlibat tidak dibuat secara telus dan teratur mengikut tatacara perolehan RFP.

6.2.3. Pentadbiran Kontrak

Agensi dikehendaki mengambil perhatian berkenaan pengurusan dan pentadbiran kontrak bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan melicinkan urusan yang berhubung kait dengan pelaksanaan sesuatu perolehan. Semakan Audit terhadap pengurusan pentadbiran kontrak bagi empat (4) projek PPAM yang dipilih mendapati perkara seperti berikut:

**BON
PELAKSANAAN
RM10.82 Juta**

**Bon Pelaksanaan
projek PPAM Pudina
tidak dikemukakan
oleh pemaju**

a. Bon Pelaksanaan Tidak Dikemukakan

- i. Surat Pelantikan kepada pemaju menyatakan bahawa Bon Pelaksanaan perlu dikemukakan kepada PPj sebelum perjanjian bertulis ditandatangani dengan jumlah yang akan ditentukan selepas Pengurusan Nilai ke atas projek dibuat. Klaus 15.1.1 Perjanjian Pembangunan antara PPj dan pemaju pula menyatakan Bon Pelaksanaan sebanyak 2% daripada nilai *Gross Development Cost* (GDC) dan hendaklah dikemukakan kepada PPj sebelum kerja di tapak dimulakan.

- ii. Semakan Audit mendapati Bon Pelaksanaan bagi projek PPAM Larai, PPAM Palma dan PPAM Jintan telah dikemukakan oleh pemaju yang terlibat kepada PPj sebelum kerja di tapak dimulakan mengikut nilai yang ditetapkan dalam perjanjian. Bagaimanapun, Bon Pelaksanaan bagi projek PPAM Pudina yang berjumlah RM10.82 juta tidak dikemukakan oleh pemaju sehingga projek siap dan CCC dikeluarkan. Ketiadaan Bon Pelaksanaan menyebabkan Kerajaan berhadapan dengan risiko kepentingannya tidak dapat dilindungi sekiranya pemaju gagal memenuhi obligasi kontraknya.

Maklum balas PPj yang diterima pada 2 Oktober 2019

Bon Pelaksanaan tidak dikemukakan oleh pemaju PPAM Pudina kerana pemaju ada membuat permohonan kepada PPj untuk menambah Dana Mudahcara berjumlah RM29.8 juta akibat daripada penemuan *unsuitable material* di tapak bina semasa kerja tanah. Pemaju beranggapan Dana Mudahcara tersebut akan diperoleh dan PPj boleh menolak Bon Pelaksanaan sebanyak 2% daripada GDC apabila dana tambahan diperoleh kelak.

Pada pendapat Audit, kerja ditapak tidak boleh dimulakan sebelum Bon Pelaksanaan dikemukakan oleh pemaju. Kegagalan mengutip Bon Pelaksanaan memberi risiko kepentingan Kerajaan tidak dapat dilindungi.

b. Lanjutan Masa

- i. Klausula 13.1.1. Perjanjian Pembangunan mendefinisikan kelewatan menyiapkan projek adalah apabila pemaju tidak dapat menyiapkan projek dalam tempoh kontrak disebabkan oleh kelewatan yang melibatkan utiliti dan kemudahan awam, kelewatan akibat pindaan kepada konsep reka bentuk dan pemberhentian kerja melebihi tujuh (7) hari sebagaimana yang diarahkan oleh PPj.
- ii. Selain itu, klausula 13.2.1 juga menyatakan tanpa menjelaskan hak PPj untuk menamatkan perjanjian ini, sekiranya pemaju gagal menyelesaikan kerja pembinaan dalam tempoh kontrak kerana kesalahannya sendiri selain daripada yang dinyatakan pada klausula 13.1.1 dan klausula 29 *force majeure*, pemaju hendaklah membayar denda kelewatan (LAD) kepada PPj sehingga projek siap walaupun EOT telah diberikan berdasarkan sebab yang dinyatakan di atas. LAD dikenakan mengikut formula dan hari lewat sehingga 2% daripada GDC. Manakala tertakluk kepada klausula 13.2.1, LAD hendaklah dibayar bagi tempoh lanjutan yang diberikan sehingga CCC atau tarikh mengikut kadar yang lebih rendah daripada satu bulan.

iii. Semakan Audit mendapati dua (2) daripada empat (4) projek PPAM yang dipilih, iaitu PPAM Pudina dan PPAM Jintan telah lewat disiapkan iaitu masing-masing pada 20 April 2018 dan 22 April 2019 berbanding tarikh siap asal PPAM Pudina dan PPAM Jintan masing-masing adalah pada 16 Julai 2017 dan 17 Jun 2017. Semakan Audit berhubung proses kelulusan pelanjutan masa bagi kedua-dua projek mendapati perkara seperti berikut:

- Bagi PPAM Pudina, pemaju telah mengemukakan permohonan EOT pertama pada 10 Julai 2017 dan 16 Oktober 2017 kepada PPj disebabkan oleh pertukaran pemasangan *metal railing* kepada *brickwall* pada koridor. Permohonan ini bagaimanapun tiada jawapan balas daripada PPj bagi kelulusan tersebut. Namun begitu, semakan Audit selanjutnya mendapati pemaju tidak dikenakan sebarang LAD walaupun projek lewat selama 278 hari.
- Bagi PPAM Jintan, PPj telah meluluskan tiga (3) EOT bagi tempoh 18 Jun 2017 sehingga 30 November 2018. Pemaju PPAM Jintan turut dikenakan LAD bagi EOT pertama hingga ketiga yang diluluskan seperti dalam **Jadual 10**. Bagaimanapun, sehingga tarikh pengauditan bayaran LAD berjumlah RM2.5 juta belum dijelaskan oleh pemaju. Selain itu, pemaju PPAM Jintan juga tidak dikenakan LAD walaupun projek telah lewat selama 143 hari berdasarkan bilangan hari sehingga CCC dikeluarkan.

JADUAL 10
LANJUTAN MASA DAN LAD YANG DIKENAKAN BAGI
PROJEK PPAM PUDINA DAN JINTAN SEHINGGA TARikh CCC DIKELUARKAN

PROJEK PPAM	TEMPOH KONTRAK ASAL	LANJUTAN MASA		KADAR LAD/SEHARI (RM)	JUMLAH LAD (RM Juta)	TARIKH SIAP SEBENAR	TEMPOH KELEWATAN (HARI)
		BILANGAN PERMOHONAN EOT	TEMPOH				
Pudina	17.07.14 hingga 16.07.17	1 (Tiada Jawapan Balas)	17.07.17 hingga 16.11.17 (123 hari)	2,897.01	0.35	20.04.18	278
		2 (Tiada Jawapan Balas)	17.11.17 hingga 20.04.18 (155 hari)	2,897.01	0.45		
JUMLAH					0.80		
Jintan	18.06.14 hingga 17.06.17	1	18.06.17 hingga 16.09.17 (90 hari)	3,711.47	0.33	Dalam Pembinaan 98%	143
		2	17.09.17 hingga 16.12.17 (90 hari)	3,711.47	0.33		

PROJEK PPAM	TEMPOH KONTRAK ASAL	LANJUTAN MASA		KADAR LAD/ SEHARI (RM)	JUMLAH LAD (RM Juta)	TARIKH SIAP SEBENAR	TEMPOH KELEWATAN (HARI)		
		BILANGAN PERMOHONAN EOT	TEMPOH						
		3	17.12.17 hingga 30.11.18 (349 hari)	3,711.47	1.30				
		(Tiada Permohonan EOT)	01.12.18 hingga 22.04.19 (143 hari)	3,711.47	0.53				
JUMLAH				2.49					
JUMLAH KESELURUHAN				3.29					

Sumber: Dokumen Permohonan dan Surat Iringan Kelulusan EOT Kepada Pemaju

Maklum balas PPj yang diterima pada 2 Oktober 2019 dan 31 Januari 2020

Surat tuntutan LAD telah dikeluarkan kepada pemaju PPAM Pudina dan PPAM Jintan pada 25 September 2019 dengan jumlah tuntutan masing-masing berjumlah RM0.80 juta dan RM2.49 juta. Pemaju telah mengemukakan rayuan dan telah dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Rayuan LAD pada 31 Oktober 2019 dan 15 Januari 2020. PPj akan tetap mengenakan LAD kepada pemaju atas kelewatian penyiapan projek.

Pada pendapat Audit, pengurusan kontrak untuk menguatkuasakan pematuhan berkaitan denda kelewatian berjumlah RM3.30 juta tidak cekap kerana tidak dikutip daripada pemaju projek sehingga kini.

6.2.4. Pemilihan Pembeli

Bagi memastikan objektif program PPAM tercapai, pemilihan pembeli perlu dibuat secara teratur agar golongan sasaran mendapat manfaat. Oleh itu, pihak Audit telah melaksanakan penilaian dan semakan terhadap Sistem Pengurusan Permohonan PPAM Putrajaya dan 856 borang permohonan. Hasil pemeriksaan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. Sistem Pengurusan Permohonan PPAM Putrajaya

- i. Sistem Pengurusan Permohonan PPAM Putrajaya (SPPPP) diwujudkan sebagai medium utama untuk penjawat awam membuat permohonan bagi perumahan PPAM. Melalui SPPPP, semua permohonan dan penawaran akan dilakukan secara berpusat. Semua penjawat awam yang ingin memohon PPAM perlu mendaftarkan akaun untuk mengakses SPPPP. Mereka perlu melengkapkan maklumat profil dan projek yang dipohon. SPPPP mempunyai

tujuh (7) modul. Modul Permohonan Atas Talian dan Semakan status adalah berdasarkan *web* atau internet (online.ppa1m.putrajaya.gov.my) manakala modul lain adalah berasaskan *private network* atau intranet (ppam.ppj.gov.my). Maklumat umum sistem adalah seperti dalam **Jadual 11.**

JADUAL 11
MAKLUMAT UMUM SISTEM
PENGURUSAN PERMOHONAN PPAM PUTRAJAYA

PERKARA	KETERANGAN
Kontraktor	Syarikat 849164-K
Kos	RM283,126
Tempoh Kontrak	1 Julai 2015 – 30 Jun 2017 (24 bulan)
<i>User Acceptance Test (UAT)*</i>	17 Ogos 2015 – 25 Februari 2016
<i>Final Acceptance Test (FAT)*</i>	25 Ogos 2015 – 29 Februari 2016
<i>Certificate of System Acceptance (CSA)*</i>	4 September 2015 – 15 Mac 2016
<i>Certificate of System Completion (CSC)</i>	1 April 2016

Sumber: Dokumen Perjanjian dan Fail Manual Pengguna

Nota: (*) - UAT, FAT dan CSA Dijalankan Secara Berperingkat Melibatkan Tujuh (7) Modul

- ii. Semakan Audit mendapati tempoh kontrak Syarikat 849164-K telah tamat pada 30 Jun 2017. PPj kemudiannya pada 30 September 2017 telah melantik syarikat lain untuk menambah baik salah satu (1) daripada tujuh (7) modul iaitu Modul Pengurusan Penempatan. Kontrak syarikat ini juga telah tamat pada 31 Mac 2018. Namun begitu, sehingga bulan April 2019 lantikan kontraktor baru masih belum dibuat oleh PPj untuk menyelenggara sistem ini.
- iii. Selain itu, semakan Audit terhadap SPPPP mendapati perkara seperti berikut:
 - *source code* program SPPPP adalah hak milik PPj menggunakan pengaturcaraan PHP Hypertext Preprocessor (PHP). Bagaimanapun, PHP yang digunakan bukan merupakan versi terkini 7.4.0. SPPPP menggunakan PHP 5.3.3 (internet) dan PHP 5.6.36 (intranet). Keadaan ini boleh menyebabkan berlakunya serangan *hackers* terhadap SPPPP (internet);
 - dua (2) daripada tujuh (7) modul yang dibangunkan tidak digunakan iaitu Modul Tapisan Kelayakan serta Modul Notifikasi dan Surat. Hal ini kerana kedua-dua modul tersebut tidak dapat melaksanakan fungsinya seperti mana yang ditetapkan dalam skop kerja dokumen perjanjian;

- data jumlah permohonan berdasarkan rekod pada Modul Permohonan Atas Talian dan Semakan Status (internet) adalah berbeza dengan rekod pada Modul Profil Pemohon (intranet) seperti dalam **Jadual 12**. Keadaan ini adalah bertentangan dengan para 2.3 dokumen perjanjian yang menyatakan maklumat data sepatutnya sama kerana pangkalan data perlu sentiasa *synchronize*.

JADUAL 12
DATA JUMLAH PERMOHONAN BERBEZA PADA DUA MODUL

MODUL	JUMLAH PERMOHONAN
Permohonan Atas Talian dan Semakan Status (internet)	12,582
Profil Pemohon (intranet)	11,296
JUMLAH PERBEZAAN	1,286

Sumber: Sistem SPPPP

- sebanyak 96 pengguna telah diberi akses sebagai pentadbir sistem bagi online.ppa1m.putrajaya (internet) dan 99 pengguna pentadbir sistem bagi ppam.ppj.gov.my (intranet) sebagai *User1* dan *Super User*. Kedua-dua had capaian ini membolehkan 195 pengguna berkenaan melihat, mengubah dan mengemaskini data pemohon. Semakan Audit mendapati tiada arahan bertulis dikeluarkan untuk kelulusan pengguna dengan peranan tersebut. Selain itu, semakan Audit selanjutnya mendapati daripada jumlah keseluruhan 195 pengguna, hanya 33 pengguna (16.9%) berstatus aktif. Baki 162 pengguna (83.1%) pula berstatus tidak aktif;
- sebanyak 2,645 pemohon Fasa 1 dan 391 pemohon Fasa 3 masih belum dibuat tapisan kelayakan unit rumah PPAM;
- sebanyak 35 pemohon ditawarkan rumah PPAM Putrajaya walaupun telah memiliki rumah bagi skim perumahan yang lain seperti PR1MA, CSRU, PPAM Bukit Jalil dan Hartanah Putrajaya seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
**PEMOHON DITAWARKAN RUMAH PPAM WALAUPUN TELAH
MEMPUNYAI RUMAH DI BAWAH SKIM PERUMAHAN LAIN**

BIL.	BILANGAN PEMOHON	SKIM PERUMAHAN
1.	3	PRIMA
2.	3	CSRU
3.	13	PPAM Bukit Jalil
4.	16	Hartanah Putrajaya
JUMLAH	35	

Sumber: Sistem SPPPP

Maklum balas PPj yang diterima pada 2 Oktober 2019 dan 31 Januari 2020

Sistem ini masih digunakan oleh PPj walaupun terdapat modul yang tidak dapat digunakan sepenuhnya. PPj juga telah menyahaktikan akses pengguna yang tidak relevan. Selain itu, PPj akan menambah baik sistem tersebut mengikut kelulusan peruntukan bajet yang akan dipohon pada tahun ini. ID pengguna sistem yang tidak aktif telah dibatalkan dan hanya mengekalkan ID pengguna yang aktif sahaja dalam sistem.

Pada pendapat Audit, terdapat kelemahan dalam pembangunan dan penyelenggaraan sistem serta kelemahan serius dalam kawalan dalam khususnya terhadap kawalan ID sistem pada Sistem Pengurusan Permohonan PPAM Putrajaya. Oleh itu, integriti data bagi permohonan adalah diragui.

b. Pembeli yang Layak Masih Belum Dibuat Tawaran

- i. Memorandum Jemaah Menteri bertarikh 27 Mac 2013 menetapkan antara syarat kelayakan pembeli rumah PPAM ialah mestilah anggota Perkhidmatan Awam meliputi semua gred kakitangan dengan keutamaan diberikan kepada kakitangan yang mempunyai pendapatan purata bulanan isi rumah di bawah RM8,000. Syarat ini kemudian telah dimasukkan dalam Garis Panduan PPAM berkuatkuasa 21 Januari 2014. Bagaimanapun, syarat kelayakan pendapatan purata bulanan isi rumah di bawah RM8,000 telah dipinda kepada gaji pokok pemohon (individu) RM10,000 ke bawah dalam Garis Panduan PPAM yang dikemaskinikan berkuatkuasa pada 1 Oktober 2014.
- ii. Analisis Audit terhadap data pemohon yang diperoleh daripada SPPPP mendapati sebanyak 23 pemohon daripada Permohonan Fasa 1 dan Fasa 2 berpendapatan di bawah RM8,000 dan telah melepas tapisan kelayakan tetapi masih belum ditawarkan unit rumah PPAM. Butiran terperinci mengenai 23 pemohon tersebut adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
SENARAI PEMOHON PERMOHONAN FASA 1 DAN FASA 2
YANG LAYAK TETAPI MASIH BELUM DITAWARKAN RUMAH PPAM

BIL.	NO. KAD PENGENALAN	TARIKH PERMOHONAN	FASA PERMOHONAN	PENDAPATAN ISI RUMAH (RM)
1.	820603-14-XXXX	11.05.13	1	7,636.53
2.	781010-06-XXXX	17.05.13	1	7,635.15
3.	820123-10-XXXX	23.05.13	1	7,796.37
4.	771129-01-XXXX	13.06.13	1	7,843.34

BIL.	NO. KAD PENGENALAN	TARIKH PERMOHONAN	FASA PERMOHONAN	PENDAPATAN ISI RUMAH (RM)
5.	760823-08-XXXX	29.04.13	1	7,029.89
6.	730719-10-XXXX	09.05.13	1	7,138.00
7.	680730-08-XXXX	10.05.13	1	7,140.27
8.	770119-04-XXXX	13.05.13	1	7,398.91
9.	731210-02-XXXX	14.05.13	1	7,370.78
10.	751031-01-XXXX	16.05.13	1	7,401.43
11.	690124-08-XXXX	17.05.13	1	7,009.37
12.	820715-01-XXXX	19.05.13	1	7,138.07
13.	780720-10-XXXX	06.09.13	1	7,162.14
14.	860420-26-XXXX	31.05.13	1	7,000.00
15.	700803-01-XXXX	05.03.15	2	7,725.80
16.	620726-08-XXXX	16.02.15	2	7,729.50
17.	681014-04-XXXX	28.02.15	2	7,974.82
18.	711221-10-XXXX	01.03.15	2	7,811.58
19.	740921-08-XXXX	26.02.15	2	7,725.87
20.	590608-10-XXXX	12.03.15	2	7,655.00
21.	771025-14-XXXX	12.03.15	2	7,970.00
22.	651022-07-XXXX	09.03.15	2	7,722.72
23.	640102-08-XXXX	11.03.15	2	7,661.40

Sumber: Unit PPAM PPj

Maklum balas PPj yang diterima pada 2 Oktober 2019 dan 31 Januari 2020

Daripada 23 orang pemohon, 13 orang telah ditawarkan rumah PPAM iaitu 11 orang melalui emel dan SMS kepada pembeli sewaktu Mini Karnival PPA1M Putrajaya pada 21 hingga 22 Disember 2016 manakala dua (2) orang melalui pemaju iaitu masing-masing pada 7 Mei 2019 bagi projek PPAM Melinjau, Presint 11 dan pada 2 Mei 2019 semasa Majlis Perjumpaan Dengan Pembeli PPAM Putrajaya. Terdapat lima (5) pemohon yang tidak melepas syarat kelayakan manakala baki lima (5) pemohon telah ditawarkan rumah PPAM dengan dua (2) pemohon ditawarkan projek PPAM Seruling/Ketumbar pada 7 November 2019 dan tiga (3) pemohon ditawarkan projek PPAM Saderi pada 18 hingga 24 Disember 2019.

Pada pendapat Audit, terdapat kelemahan dalam proses pemilihan pembeli pada awal pemilihan kerana pembeli yang layak tidak ditawarkan rumah PPAM Putrajaya walaupun berpendapatan di bawah RM8,000.

c. Rumah PPAM Dijual kepada Agensi Pelaksana

- i. Memorandum Jemaah Menteri bertarikh 27 Mac 2013 menetapkan antara syarat kelayakan pembeli rumah PPAM ialah mestilah anggota Perkhidmatan Awam. Ini selari dengan ketetapan Garis Panduan PPAM yang menyatakan rumah PPAM hanya dijual kepada penjawat awam sahaja.
- ii. Semakan Audit mendapati ketetapan ini tidak dipatuhi apabila PPj selaku agensi pelaksana telah membeli tiga (3) unit rumah PPAM di PPAM Larai, PPAM Pudina dan PPAM Palma seperti dalam **Jadual 15**. Perkara ini berlaku kerana PPj berpendapat dengan memiliki unit rumah di setiap projek PPAM maka PPj boleh terlibat dengan Badan Pengurusan Bersama [*Joint Management Body (JMB)*]. Selain itu, secara tidak langsung PPj dapat mencadangkan kepada JMB supaya melantik PPj sebagai Perbadanan Pengurusan [*Management Corporation (MC)*] bagi setiap projek PPAM Putrajaya.

JADUAL 15
MAKLUMAT TIGA (3) UNIT RUMAH PPAM YANG DIBELI OLEH PPj

BIL.	PROJEK PPAM	KUANTITI	NO. UNIT RUMAH	KELUASAN (KP)	HARGA JUALAN (RM)	JUMLAH SUBSIDI (RM)
1.	Palma	1	A-17-04	1,200	260,000	70,047
2.	Larai	1	1A-23-06	1,500	300,000	83,798
3.	Pudina	1	B-25-08	1,500	300,000	89,414
JUMLAH		3			860,000	243,259

Sumber: Senarai Pembeli Unit PPAM PPj dan Perjanjian Dana Mudahcara

- iii. Analisis Audit pula mendapati penjualan ini telah menyebabkan kerugian kepada Kerajaan kerana telah menanggung subsidi berjumlah RM243,259 untuk tiga (3) unit rumah PPAM menerusi penyaluran Dana Mudahcara kepada pemaju. Tambahan pula, amalan ini menyebabkan peluang kepada penjawat awam yang berkelayakan telah digunakan untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan objektif program.

Maklum balas PPj yang diterima pada 25 September 2019 dan 31 Januari 2020

Pemaju bersetuju untuk menanggung kos subsidi Kerajaan ke atas unit yg dibeli oleh PPj. Persetujuan ini bermakna unit-unit yang dibeli oleh PPj tidak menerima sebarang subsidi oleh Kerajaan. Sehingga kini, PPj telah membeli satu (1) unit rumah di setiap projek PPAM Pudina, PPAM Palma, PPAM Larai dan PPAM Selasih. Bagi rumah yang belum ditandatangani Perjanjian Jual Beli, PPj berhasrat untuk tidak meneruskan perolehan rumah tersebut.

Setakat 31 Januari 2020, PPj telah membatakan cadangan untuk membeli unit kediaman PPAM Putrajaya melalui surat yang dikeluarkan pada 10 Oktober 2019.

Pada pendapat Audit, terdapat kelemahan dalam proses menguruskan pembeli iaitu tindakan PPj selaku Agensi Pelaksana membeli rumah PPAM adalah bertentangan dengan syarat yang ditetapkan iaitu pembeli rumah PPAM mestilah anggota Perkhidmatan Awam.

6.2.5. Pengurusan Aduan

- a. Klausa 15 Perjanjian Pembangunan menyatakan bahawa tempoh tanggungan kecacatan (DLP) adalah satu tempoh yang mana pemaju bertanggungjawab



memperbaiki apa-apa kecacatan yang dikenal pasti selepas sesuatu kerja diperakuan siap. Selain itu, klausa yang sama juga menyatakan bahawa semua perbelanjaan membaiki kecacatan ini hendaklah ditanggung oleh pemaju. Aduan kecacatan yang dibuat oleh pembeli terbahagi kepada dua (2) iaitu melibatkan unit

rumah masing-masing (*individual unit*) atau kawasan bersama (*common area*). Aduan ini boleh dibuat kepada Pejabat Pengurusan [*Management Office (MO)*] secara bertulis dengan melengkapkan borang yang disediakan, emel atau menghubungi terus pegawai MO. MO setelah menerima aduan akan memanjangkan perkara tersebut untuk tindakan pemaju/kontraktor yang dilantik oleh pemaju agar aduan tersebut dapat diselesaikan dalam tempoh 30 hari daripada tarikh aduan dibuat.

- b. Semakan Audit berhubung aspek pengurusan aduan telah dibuat bagi tiga (3) sampel projek PPAM yang telah diduduki oleh pembeli iaitu PPAM Pudina, PPAM Larai dan PPAM Palma. Berdasarkan maklumat dan dokumen yang dikemukakan oleh MO, setakat 18 April 2019 sebanyak 5,260 aduan telah diterima daripada pembeli. Jumlah ini tidak termasuk bilangan aduan *common area* yang diterima daripada pembeli PPAM Pudina. Maklumat tersebut tidak dapat dikemukakan kerana rekod aduan *common area* oleh pembeli tidak diselenggara oleh MO PPAM Pudina. Selain itu, daripada 5,260 aduan yang diterima, setakat tarikh

yang sama sebanyak 4,442 aduan (84.4%) telah diselesaikan manakala baki sebanyak 818 aduan (15.6%) masih belum diselesaikan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
BILANGAN ADUAN YANG DITERIMA DAN DISELESAIKAN SETAKAT 30 APRIL 2019

PROJEK PPAM	TARIKH SIAP PROJEK	TARIKH TAMAT DLP	BILANGAN ADUAN DITERIMA		BILANGAN ADUAN DISELESAIKAN		BILANGAN ADUAN BELUM DISELESAIKAN	
			INDIVIDUAL UNIT	COMMON AREA	INDIVIDUAL UNIT	COMMON AREA	INDIVIDUAL UNIT	COMMON AREA
Pudina	20.04.18	09.04.20	1,329	TM	1,135 (85.4%)	TM	194 (14.6%)	TM
Larai	15.03.17	14.03.19	1,385	1,603	1,365 (98.6%)	1,504 (93.8%)	20 (1.4%)	99 (6.2%)
Palma	02.03.17	01.03.19	545	398	430 (78.9%)	8 (2%)	115 (21.1%)	390 (98%)
JUMLAH			3,259	2,001	2,930	1,512	329	489

Sumber: Laporan Aduan Pembeli

Nota: TM - Tiada Maklumat

c. Analisis Audit selanjutnya mendapati perkara berikut:

- antara aduan kecacatan/kerosakan *individual unit* yang diterima adalah berkenaan isu kemasan pada dinding, *sliding door*, tingkap, cat dan jubin, rekahan, siling berkulat, pintu retak, tombol pintu rosak, paip bocor dan longgar, sinki tersumbat/bocor dan suis penghawa dingin tidak berfungsi. Manakala aduan kecacatan/kerosakan *common area* adalah seperti lif rosak, masalah tempat letak kenderaan, isu kebocoran dan isu spesifikasi pembinaan;
- PPAM Larai mempunyai peratus tertinggi aduan yang diselesaikan. Setakat 30 April 2019 sebanyak 98.6% aduan *individual unit* dan 93.8% aduan *common area* telah berjaya diselesaikan. Bagaimanapun, masih terdapat sebanyak 1.4% aduan *individual unit* dan 6.2% aduan *common area* yang masih belum diselesaikan walaupun DLP projek telah tamat pada bulan Mac 2019; dan
- PPAM Palma mempunyai peratus tertinggi aduan yang belum diselesaikan iaitu 21.1% melibatkan aduan *individual unit* manakala 98% melibatkan aduan *common area*. Tempoh DLP bagi projek ini juga telah tamat pada bulan Mac 2019. Antara aduan yang belum diselesaikan adalah berkaitan

masalah lantai retak/pecah/tercabut/berlubang/tidak setara, kemasan dinding seperti dinding retak dan dinding berongga.

- d. Bagi PPAM Pudina, walaupun maklumat aduan *common area* tidak diselenggara oleh MO, namun berdasarkan pemeriksaan fizikal Audit pada bulan November 2018, terdapat isu-isu berkaitan *common area* yang ditemui oleh pihak Audit. Antaranya ialah fasiliti yang dibangunkan tidak mesra OKU, dan masalah tempat letak kenderaan seperti dalam **Gambar 1** dan **2**. Manakala berdasarkan *callback report* lif PPAM Pudina pula sebanyak 77 aduan kerosakan telah dilaporkan hanya dalam tempoh dua (2) bulan (Disember 2018 dan Januari 2019) ianya beroperasi.

GAMBAR 1



PPAM Pudina
- Connecting Bridge Podium Tidak Mempunyai Laluan OKU
(22.11.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



PPAM Pudina
- Petak Tempat Letak Motosikal Tidak Disediakan di Blok H
(22.11.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- e. Kualiti pembinaan projek PPAM Pudina juga telah mendapat liputan meluas di media berbanding projek PPAM Larai dan PPAM Palma. Aduan berkenaan projek PPAM Pudina telah bermula seawal bulan Jun 2018 semasa peringkat serahan kunci unit rumah kepada pembeli. Ini kerana, terdapat isu ketidaksempurnaan kerja dan unit rumah yang belum sedia telah diserahkan kepada pembeli. Isu ketidaksempurnaan kerja berlaku kerana pemaju tidak mengambil tindakan penambahbaikan dengan segera terhadap teguran yang dibuat oleh PPj setelah pemeriksaan fizikal dibuat pada 7 Mei 2018 dan 29 Jun 2018. Manakala berdasarkan maklumat pemaju juga, kesilapan serahan kunci kepada pembeli bagi unit rumah yang belum sedia berlaku disebabkan salah faham dalam antara pegawainya.
- f. Berdasarkan Laporan *Quick Eye Assessment* (QEA) yang dijalankan oleh PPj pada 24 dan 25 Julai 2018 di PPAM Pudina, pihak Audit mendapati kecacatan atau kerosakan melibatkan unit rumah dan *common area* masih berlaku walaupun 57% unit rumah telah diserahkan kepada pembeli pada ketika itu.

Kecacatan dan kerosakan berdasarkan Laporan QEA PPj adalah seperti dalam **Gambar 3 hingga 8.**

GAMBAR 3



PPAM Pudina
- Jubin Unit Rumah Belum Dipasang
(Sumber: Laporan Quick Eye Assessment PPj)

GAMBAR 4



PPAM Pudina
- Kesan Cat Pada Cermin Unit Rumah
(Sumber: Laporan Quick Eye Assessment PPj)

GAMBAR 5



PPAM Pudina
- Cermin Tingkap Bilik Air Pecah
(Sumber: Laporan Quick Eye Assessment PPj)

GAMBAR 6



PPAM Pudina
- Hose Reel/Belum Dipasang
(Sumber: Laporan Quick Eye Assessment PPj)

GAMBAR 7



PPAM Pudina
- Pintu Unit Rumah Telah Pecah
(Sumber: Laporan Quick Eye Assessment PPj)

GAMBAR 8



PPAM Pudina
- Sliding Door Unit Rumah Tidak Berfungsi
(Sumber: Laporan Quick Eye Assessment PPj)

- g. Pihak Audit turut melaksanakan analisis untuk menentukan tempoh masa yang diambil oleh pemaju untuk menyelesaikan aduan *individual unit* oleh pembeli. Sebanyak 2,599 borang aduan telah dianalisa. Hasil semakan Audit seperti dalam **Jadual 17** mendapatkan perkara berikut:

- i. sebanyak 1,730 aduan (66.6%) berjaya diselesaikan dalam tempoh 30 hari daripada tarikh aduan diterima;
- ii. sebanyak 596 aduan (22.9%) diselesaikan melebihi 30 hari dengan tempoh kelewatan menjangkau sehingga 391 hari; dan
- iii. setakat 30 April 2019, sebanyak 273 aduan (10.5%) belum diselesaikan dengan tempoh menjangkau 417 hari iaitu melibatkan aduan oleh pembeli PPAM Palma.

JADUAL 17
TEMPOH PENYELESAIAN ADUAN INDIVIDUAL UNIT OLEH PEMBELI

PROJEK PPAM	ADUAN YANG DISEMAK (BIL.)	ADUAN SELESAI			ADUAN BELUM SELESAI	
		BILANGAN ADUAN (SELESAI DALAM TEMPOH 30 HARI)	BILANGAN ADUAN (SELESAI MELEBIHI TEMPOH 30 HARI)	TEMPOH SELESAI ADUAN MELEBIHI 30 HARI (HARI)	BILANGAN ADUAN	TEMPOH ADUAN BELUM SELESAI SELEPAS 30 HARI (HARI)
Pudina	677	241	318	1 hingga 153	118	2 hingga 159
Larai	1,377	1,336	0	TB	41	1 hingga 78
Palma	545	153	278	28 hingga 391	114	3 hingga 417
JUMLAH BESAR	2,599	1,730	596	-	273	-

Sumber: Laporan Aduan Penghuni

- h. Berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh MO, kelewatan mengambil tindakan untuk menyelesaikan aduan yang dibuat oleh pembeli bagi projek PPAM Pudina dan PPAM Larai antaranya disebabkan oleh masalah yang dihadapi oleh kontraktor seperti kekurangan stok barang dan kekurangan tenaga kerja. Selain itu, aduan yang dibuat oleh pembeli juga turut melibatkan kerosakan major yang memerlukan tempoh masa yang panjang iaitu melebihi 30 hari untuk diselesaikan. Contoh kerosakan major adalah seperti *leaking* yang melibatkan kerja memecah dinding. Bagi PPAM Palma pula, sebab kelewatan tidak dapat ditentukan kerana maklumat tersebut tidak dikemukakan oleh MO kepada pihak Audit. Kesan kelewatan mengambil tindakan menyebabkan pembeli tidak berpuas hati dengan prestasi perkhidmatan yang diberikan oleh MO. Berdasarkan soal selidik Audit yang diedarkan, PPAM Pudina mempunyai peratus tertinggi ketidakpuasan hati di kalangan responden terhadap perkhidmatan MO iaitu sebanyak 54.2%. Manakala PPAM Larai dan PPAM Palma adalah sebanyak 26% dan 40.6% masing-masingnya.


Maklum balas KPKT yang diterima pada 25 September 2019 dan 13 Februari 2020

KPKT menerusi JPN akan memperhalusi aduan yang diterima melalui pelbagai saluran selain daripada saluran rasmi iaitu Sistem Aduan dan Maklum Balas KPKT (e-Aduan) yang diuruskan oleh Unit Komunikasi Korporat KPKT. Selain itu, KPKT juga mengambil inisiatif untuk menjadikan pemudahcara antara pengadu (penduduk) dan pemaju bagi isu-isu berkaitan melalui *engagement* bersama pemaju dan penduduk serta agensi dan pihak berkaitan untuk menyelesaikan aduan yang dibangkitkan.

Pada pendapat Audit, pengurusan aduan bagi PPAM Pudina, PPAM Larai dan PPAM Palma adalah kurang cekap kerana masih terdapat aduan yang belum selesai mengikut tempoh yang ditetapkan.

6.2.6. Pemantauan Projek

Pembangunan projek PPAM dibangunkan secara *design and built* oleh pemaju projek yang dilantik secara RFP. Juruperunding Arkitek yang dilantik oleh pemaju merupakan *Supervisor Officer* (SO) projek yang bertanggungjawab memantau kerja-kerja di tapak. Bagaimanapun, klausa 14.5.1 Perjanjian Pembangunan juga memberi hak kepada PPj untuk memantau pelaksanaan projek PPAM supaya pemaju dilantik mematuhi konsep reka bentuk, pelan, piawaian dan spesifikasi yang diluluskan. Semakan Audit mendapati walaupun pemantauan ada dilakukan, namun berdasarkan pemeriksaan fizikal Audit, masih terdapat kerja pembinaan tertentu tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan. Pemantauan yang kurang berkesan oleh pihak yang bertanggungjawab telah menyebabkan beberapa kerja melibatkan kemudahan pengguna dibina tanpa mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Kerja yang tidak mengikut spesifikasi juga memberi kesan kepada keselesaan dan risiko keselamatan pengguna. Butiran lanjut seperti dalam perenggan berikut:



a. Tandas dan *Yard* Tiada Jarak Jatuh (*Drop*) 15 mm

Berdasarkan pelan lantai bagi lukisan pembinaan No. Lukisan AMK 1306 TD 2005 dan No. Lukisan AMK 1306 TD 2003 Blok *Type 1 – Bath 2*, tandas dan *yard* di dalam rumah PPAM Jintan hendaklah dibina dengan jarak jatuh (*drop*) berukuran 15 mm. Bagaimanapun, pemeriksaan fizikal Audit mendapati ketetapan ini tidak dipatuhi apabila *drop* tidak dibuat pada tandas dan *yard* bagi unit rumah bernombor J2-25-05 dan J2-25-02 seperti dalam **Gambar 9** dan **10**. Ketidakpatuhan ini menyebabkan risiko air dari bilik air mengalir keluar ke ruang kediaman, manakala air dari *yard* pula mengalir masuk ke ruangan dapur.

GAMBAR 9



GAMBAR 10



PPAM Jintan

- Keadaan Lantai Tandas Tiada *Drop*
di Rumah Bernombor J2-25-05
(Tarikh: 17.04.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

PPAM Jintan

- Keadaan Lantai *Yard* Tiada *Drop* di
Rumah Bernombor J2-25-02
(Tarikh: 17.04.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas PPj yang diterima pada 25 September 2019

Pihak kontraktor sehingga kini masih menjalankan kerja pembaikan terhadap isu yang dibangkitkan oleh pihak Audit.

b. *Ramp Up* Susur Masuk Ke Pintu Utama Dibina Kurang Daripada 50 mm

- i. Berdasarkan pelan lantai bagi lukisan pembinaan No. Pelan ASB/ARCH/PPA1M/029 susur masuk ke pintu utama unit rumah PPAM Larai hendaklah dibina secara *ramp up* berukuran 50 mm. Bagaimanapun, pemeriksaan fizikal Audit di rumah bernombor 4C-18-02 mendapati ketetapan ini tidak dipatuhi apabila *ramp up* yang dibina kurang daripada ketinggian yang ditetapkan seperti dalam **Gambar 11** dan **12**. Ketidakpatuhan ini menyebabkan air memasuki ke dalam rumah apabila berlaku hujan lebat. Manakala aduan mengenai perkara ini telah dibuat oleh pembeli yang mana kebanyakan aduan adalah terdiri daripada penghuni unit rumah Blok 1 dan Blok 2.

GAMBAR 11

PPAM Larai
- Pasukan Audit Bersama Wakil Pemaju Mengukur Ketinggian Susur Ke Pintu Masuk Utama (05.04.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 12

PPAM Larai
- Ramp Up yang Dibina Kurang Daripada 50 mm yang Ditetapkan (05.04.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- ii. Semakan Audit selanjutnya mendapati pada 8 Januari 2019, pemaju telah mengedarkan borang maklum balas kepada 852 orang pembeli. Tujuan pengedaran borang tersebut adalah untuk mendapatkan persetujuan pembeli mengenai empat (4) cadangan penambahbaikan lantai *ramp up* yang telah diluluskan oleh PPj. Bagaimanapun daripada 852 pembeli, sebanyak 229 pembeli (26.9%) sahaja yang memberi maklum balas. Hasil maklum balas pula mendapati sebanyak 203 pembeli (88.6%) tidak bersetuju dengan semua cadangan pemaju. Sebanyak 26 pembeli (11.4%) sahaja bersetuju dengan cadangan pemaju atau menerima keadaan lantai sedia ada. Setakat 30 April 2019, isu ini masih belum diselesaikan oleh pemaju.

Maklum balas PPj yang diterima pada 25 September 2019 dan 31 Januari 2020


PPj telah mengadakan perjumpaan bersama penduduk dan pemaju bagi menyelesaikan isu berkaitan lantai separa di koridor (*ramp up*). Pemaju juga telah menawarkan cadangan penyelesaian untuk dilaksanakan, namun sehingga kini tiada keputusan dibuat. Surat terakhir yang telah dikeluarkan oleh pemaju kepada penduduk adalah pada 12 April 2019.

Setakat 31 Januari 2020, isu lantai separa di PPAM Larai masih belum selesai kerana pihak pembeli telah melantik peguam dan isu ini masih dalam prosiding mahkamah.

c. Dinding Koridor Awam Tidak Menggunakan Batu Bata (*Brickwall*)

- i. Berdasarkan pelan pembangunan PPAM Pudina No. PPj/PER/KB/2014/P17-94/02B, dinding koridor awam hendaklah dibina menggunakan *brickwall* dengan ketinggian 1200 mm. Bagaimanapun, pemeriksaan fizikal Audit mendapati ketetapan ini tidak dipatuhi apabila dinding koridor awam di Aras

27 (Blok D dan E) dan Aras 26 (Blok A, B, C, F, G dan H) dibina secara *railing* menggunakan besi keluli seperti dalam **Gambar 13**.



GAMBAR 13

PPAM Pudina
- Koridor di Aras 26 Blok B Dibina Secara
Railing Menggunakan Besi Keluli
(Tarikh: 03.04.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- ii. Semakan Audit selanjutnya mendapati pemaju telah membina koridor awam secara *railing* bagi semua aras di setiap blok rumah PPAM Pudina. Berikutan itu, pembeli telah mengemukakan bantahan secara bertulis kepada PPj mengenai perkara ini pada 17 Julai 2017. PPj menerusi Mesyuarat JKT OSC PPj Bil. 10/2017 pada 19 Julai 2017, telah menolak permohonan kelulusan pelan pindaan penukaran bahan bagi dinding koridor awam daripada *brickwall* kepada besi keluli (*mild steel*) oleh pemaju. Penolakan dibuat atas faktor keselamatan pengguna dan penyenggaraan bangunan. Sehubungan itu, pemaju telah menggantikan koridor *mild steel* kepada *brickwall*. Namun begitu, penggantian hanya melibatkan Aras 1 hingga Aras 26 bagi Blok D dan E serta Aras 1 hingga Aras 25 melibatkan Blok A, B, C, F, G dan H sahaja. Manakala Aras 27 Blok D dan E serta Aras 26 Blok A, B, C, F, G dan H masih kekal dipasang dengan *railing* *mild steel*.

Maklum balas PPj yang diterima pada 25 September 2019

Pihak Arkitek didapati tidak membuat semakan di aras 27 (Blok D dan E) dan aras 26 (Blok A, B, C, F, G dan H) semasa perakuan, bahawa pembinaan di tapak adalah selaras dengan kelulusan pelan semasa mengemukakan Borang G12.

d. Saiz Lebar Tempat Letak Kenderaan Kurang Daripada 2.5 Meter

- i. Berdasarkan Garis Panduan Penyediaan Kemudahan Awam di Dalam Pembangunan Kediaman Strata di Putrajaya, ukuran saiz tempat letak kenderaan yang ditetapkan adalah 2.5 meter lebar x 5 meter panjang. Bagaimanapun, hasil pemeriksaan fizikal Audit mendapati ketetapan ini tidak dipatuhi apabila kelebaran tempat letak kenderaan bernombor 42 dan 43 di Aras 1, PPAM Jintan didapati lebih pendek daripada yang ditetapkan. Kelebaran tempat letak kenderaan bernombor 42 dan 43 adalah berukuran 2.34 meter dan 2.44 meter seperti dalam **Gambar 14** hingga **17**.

GAMBAR 14

PPAM Jintan
- Keadaan Tempat Letak Kenderaan Nombor 42
di Aras 1, PPAM Jintan
(03.05.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 15

PPAM Jintan
- Lebar Tempat Letak Kenderaan Nombor 42 di
Aras 1, PPAM Jintan yang Berukuran 2.34 Meter
(03.05.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 16

PPAM Jintan
- Keadaan Tempat Letak Kenderaan Nombor 43
di Aras 1, PPAM Jintan
(03.05.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 17

PPAM Jintan
- Lebar Tempat Letak Kenderaan Nombor 43 di Aras
1, PPAM Jintan yang Berukuran Lebar 2.44 Meter
(03.05.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- ii. Semakan Audit selanjutnya mendapati ketidakpatuhan ini turut melibatkan sebanyak 23 (4.4%) daripada 517 unit tempat letak kenderaan yang telah diperuntukkan kepada pembeli. Pihak Audit dimaklumkan oleh pemaju, kesan ketidakpatuhan ini menyebabkan tempat letak kenderaan terlibat perlu dibuat penempatan semula. Pihak pemaju telah mengadakan perbincangan dengan penduduk pada 24 Mac 2019. Sebagai penyelesaian, pemaju telah menggantikan 23 unit tempat letak kenderaan pembeli dengan tempat letak kenderaan yang asalnya diperuntukkan khusus kepada pelawat. Akibat daripada keputusan ini menyebabkan tempat letak kenderaan pelawat hanya sesuai untuk kenderaan bersaiz kecil sahaja.

Maklum balas PPj yang diterima pada 25 September 2019

Setelah kerja struktur siap di tapak, terdapat beberapa *parking* tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Sehubungan itu, pihak perunding dan pemaju telah mengambil inisiatif untuk mengalihkan *parking* yang sempit ke tempat baru seperti dalam pelan pindaan dan pemberitahuan kepada pembeli yang terlibat juga telah

dibuat. Bagi tempat letak kenderaan pelawat yang bersaiz kecil, PPj akan mengarahkan supaya pemaju mematuhi saiz yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang kurang berkesan oleh Juruperunding Arkitek dan PPj menyebabkan kerja pembinaan tertentu tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan.

7. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya berdasarkan skop pengauditan, dapat dirumuskan bahawa program PPAM Putrajaya telah membantu penjawat awam yang berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah yang berkualiti dengan harga yang kurang daripada harga pasaran. Berdasarkan borang soal selidik yang diedarkan, secara umumnya responden berpuas hati dengan pelaksanaan program dan bersetuju program ini diteruskan. Bagaimanapun, terdapat isu berkaitan pelantikan pemaju, pentadbiran kontrak, pembangunan dan penyelenggaraan sistem, kawalan dalaman sistem, pemilihan pembeli dan pemantauan projek oleh juruperunding. Selain itu, tahap kepuasan pembeli dapat dipertingkatkan dengan PPj memberi penekanan terhadap kualiti kerja pembinaan oleh pemaju dan pengurusan aduan oleh MO yang dilantik.

8. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa hadapan dan objektif program dapat dicapai, adalah disyorkan kepada pihak terlibat untuk mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:

- 8.1. PPj perlu menambahbaik proses pemilihan pembeli sedia ada, sama ada secara *online* atau manual khususnya melibatkan integriti data dan sistem bagi memastikan pembeli yang layak dan telah melepas tapisan diberi tawaran sewajarnya;
- 8.2. PPj perlu memastikan proses pemilihan pemaju dibuat secara teratur dengan mematuhi prinsip perolehan (akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, nilai faedah terbaik, saingen terbuka serta adil dan saksama); dan
- 8.3. PPj perlu melaksanakan tanggungjawab seperti dinyatakan dalam Perjanjian Pembangunan untuk memantau pelaksanaan projek dan tidak hanya bergantung kepada pemaju bagi memastikan kerja pembinaan yang dilaksanakan berkualiti serta mematuhi spesifikasi yang ditetapkan.

JABATAN PERUMAHAN NEGARA

Pengurusan Program Perumahan
Rakyat Berkonsepkan *Rent To Own*

**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
JABATAN PERUMAHAN NEGARA**
**PENGURUSAN PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT
BERKONSEPKAN *RENT TO OWN***

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditan melibatkan penilaian terhadap Program Perumahan Rakyat Berkonsepkan *Rent To Own* (PPR RTO) yang meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan program.
- Bagi prestasi program, pencapaian fizikal dinilai untuk menentukan bilangan unit kediaman yang telah dilaksanakan dan diduduki. Pencapaian *outcome* dinilai terhadap penyediaan penempatan yang sesuai dan selesa kepada golongan sasaran yang ditetapkan.
- Pengurusan program pula dinilai terhadap pencapaian kewangan, kajian kemungkinan, pelantikan kontraktor, pentadbiran kontrak, kualiti kerja, penyenggaraan bangunan, pemilihan peserta dan pengurusan kutipan.
- Pengauditan melibatkan dua (2) pihak utama iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Jabatan Perumahan Negara (JPN).

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Perumahan merupakan keperluan asas rakyat.
- Jumlah kos yang ditanggung oleh Kerajaan untuk membina rumah berkonsepkan RTO ini adalah tinggi iaitu RM794.24 juta.
- Rumah ini dibina bertujuan untuk mengurangkan beban rakyat dengan disasarkan kepada golongan isi rumah yang berpendapatan bawah RM3,000 sebulan dan penempatan semula setinggan.
- Oleh itu, pembinaan PPR RTO ini bukan sahaja memberi implikasi kewangan yang tinggi kepada Kerajaan, bahkan juga merupakan salah satu inisiatif Kerajaan yang penting untuk mengurangkan beban kos sara hidup rakyat.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya berdasarkan skop pengauditan, dapat dirumuskan bahawa PPR berkonsepkan RTO tidak dilaksanakan dengan cekap. Hal ini kerana berlaku kelewatan dalam penyerahan dan pengisian rumah RTO. Selain itu, wujud kelemahan dalam pengurusan program RTO merangkumi aspek pemilihan lokasi projek, kualiti kerja, penyenggaraan bangunan dan pengurusan kutipan. Namun, objektif untuk menyediakan

tempat kediaman kepada golongan setinggan dan berpendapatan rendah telah tercapai. Bagaimanapun, bagi aspek prestasi dan pengurusan program kelemahan yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- Penyerahan projek RTO kepada JPN mengambil masa antara 23 hingga 866 hari berpunca daripada proses kerja yang kurang jelas dan kelemahan kontraktor.
- Sebanyak 148 rumah (40.5%) di PPR Taman Siliau Jaya, PPR Taman Danau dan PPR Gua Musang masih belum diduduki oleh penghuni selepas diberi tawaran.
- Sebanyak tujuh (7) projek telah lewat dibuat pengisian antara satu (1) hingga 40 bulan dan 1,880 rumah (33.4%) masih belum diisi.
- Pelantikan kontraktor penyiap dan pentadbiran kontrak adalah tidak teratur.
- Pemilihan lokasi berdasarkan cadangan lokasi bagi PPR Kota Bharu adalah tidak teratur kerana kontraktor masih belum memperoleh hak milik tanah semasa cadangan lokasi dibawa kepada KPKT.
- Kualiti kerja kurang memuaskan dan penyenggaraan tidak dilaksanakan dengan baik.
- Kontrak pengurusan kutipan deposit dan sewaan RTO tidak diwujudkan antara Kerajaan dengan ejen pengurusan.
- Kelemahan dalam pengurusan kutipan deposit dan sewaan RTO yang mana tiada maklumat kutipan yang lengkap serta kutipan lewat dikemukakan kepada JPN oleh ejen pengurusan yang dilantik.

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN JABATAN PERUMAHAN NEGARA

1. PENGURUSAN PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT BERKONSEPKAN *RENT TO OWN*

FAKTA UTAMA PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT BERKONSEPKAN *RENT TO OWN*

2016	8 Projek 5,623 Unit	RM794.24 Juta
• Mula diperkenalkan	• Melibatkan 5 negeri	• Kos projek
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Menyediakan peruntukan dan melaksanakan projek.	
Jabatan Perumahan Negara	Menguruskan RTO melibatkan penawaran kepada golongan sasaran yang berkelayakan.	
Golongan Sasaran	Setinggan dan golongan pendapatan isi rumah bawah RM3,000 sebulan.	
Sewa Bulanan	RM205 sebulan untuk tempoh 20 tahun atau RM175 sebulan untuk tempoh 25 tahun.	

1. LATAR BELAKANG

1.1. Program Perumahan Rakyat (PPR) dilaksanakan bertujuan menyediakan penempatan semula setinggan dan memenuhi keperluan tempat kediaman bagi golongan berpendapatan rendah dengan jumlah pendapatan isi rumah di bawah RM3,000 sebulan. Ia mula diperkenalkan pada tahun 2001 di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Program ini dibahagikan kepada dua (2) kategori iaitu PPR Disewa dan PPR Dimiliki. Konsep penghunian bagi jenis PPR Disewa adalah dengan bayaran penyewaan rumah PPR secara bulanan manakala PPR Dimiliki adalah rumah PPR dibeli terus oleh golongan sasaran. Bagaimanapun, susulan daripada kegagalan peserta PPR Dimiliki untuk mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 3 Ogos 2016 memperluaskan konsep penghunian bagi jenis PPR Dimiliki kepada Skim Sewa Untuk Milik [Rent To Own (RTO)].

1.2. Konsep ini memudahkan golongan sasaran untuk memiliki rumah dengan pembayaran sewa secara bulanan bagi satu tempoh masa yang akhirnya diberi taraf pemilikan untuk rumah tersebut. Peserta RTO mempunyai dua (2) pilihan bayaran sewaan bulanan, sama ada RM205 sebulan untuk tempoh 20 tahun atau RM175 sebulan untuk tempoh 25 tahun.

1.3. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah agensi pelaksana projek manakala Jabatan Perumahan Negara (JPN) adalah jabatan pelanggan. Rumah RTO di kawasan bandar besar terdiri daripada jenis rumah pangsa berbilang tingkat antara lima (5) hingga 18 tingkat manakala di pinggir bandar adalah jenis rumah teres

yang berkeluasan minimum 700 kaki persegi. Spesifikasi asas unit kediaman yang disediakan adalah tiga (3) bilik tidur, dua (2) bilik air, ruang tamu dan ruang dapur. Kemudahan lain yang disediakan seperti dewan komuniti/ruang orang ramai, surau/ruang solat, gerai makan/ruang niaga, tadika, kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU), taman permainan/kawasan lapang dan ruang sampah.

1.4. Peranan JPN dalam menguruskan RTO melibatkan penawaran kepada golongan sasaran, termasuk urusan penyediaan dokumen perjanjian dan serahan kunci, kutipan deposit dan sewa bulanan serta penyenggaraan bangunan dan kemudahan. Sehingga 31 Disember 2018, sebanyak lapan (8) projek RTO melibatkan 5,623 unit rumah telah dilaksanakan dengan kos kontrak berjumlah RM794.24 juta. Maklumat berkenaan lapan (8) projek RTO tersebut adalah seperti berikut:

**JADUAL 1
MAKLUMAT LAPAN (8) PROJEK *RENT TO OWN***

BUTIRAN	LOKASI PPR							
	GUA MUSANG, KELANTAN	KOTA BHARU, KELANTAN	LEMBAH SUBANG 2, SELANGOR	SRI AMAN, KUALA LUMPUR	SENTUL MURNI, KUALA LUMPUR	TAMAN DANAU, SELANGOR	TAMAN SILIAU JAYA, NEGERI SEMBILAN	TOK SUBOH, PULAU PINANG
Kos Kontrak (RM Juta)	150.00	188.62	69.52	215.90	82.10	41.00	17.63	29.47
Tarikh Siap Asal	30.06.2014	17.06.2017	30.01.2005	20.12.2014	11.10.2017	26.07.2013	11.10.2011	10.02.2015
Tempoh Lanjutan Masa (EOT)	Tiada EOT	3 EOT (362 hari)	8 EOT (1,550 hari)	3 EOT (375 hari)	2 EOT (72 hari)	Tiada EOT	4 EOT (598 hari)	3 EOT (1,045 hari)
Tarikh Siap Sebenar	31.12.2013	13.06.2018	29.04.2009	31.12.2015	22.12.2017	26.07.2013	05.06.2013	21.12.2017
Tarikh Diserah Kepada JPN	23.01.2014	10.07.2018	12.09.2011	27.01.2016	10.08.2018	01.10.2013	17.11.2014	28.06.2018
Tarikh Akhir/Tempoh Tanggungan Kecacatan	31.12.2015 (24 Bulan)	12.06.2020 (24 Bulan)	28.04.2011 (24 Bulan)	30.12.2017 (24 Bulan)	21.12.2019 (24 Bulan)	25.07.2015 (24 Bulan)	04.06.2015 (24 Bulan)	20.12.2019 (24 Bulan)
Unit Rumah	1,000	1,000	842	1,600	500	300	150	231
Unit Diisi	662	Belum Diisi	783	Serah kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada Julai 2018	256	300	142	Belum Diisi
Tarikh Mula Diisi	Jan. 2017		Nov. 2014		Sept. 2018	Mac 2017	April 2017	

Sumber: Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek, KPPT
Bahagian Akaun dan Bayaran serta Bahagian Pengurusan Perumahan, JPN

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan PPR berkonseptan RTO dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan iaitu penempatan semula setinggan serta memenuhi keperluan tempat kediaman bagi golongan berpendapatan rendah.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Skop pengauditan tertumpu kepada perancangan dan pengurusan program bagi tempoh bulan Ogos 2016 hingga Disember 2018 yang meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi program dan pengurusan program. Prestasi program dinilai berdasarkan dua (2) perkara iaitu pencapaian fizikal dan pencapaian *outcome*. Pengurusan program meliputi lapan (8) perkara iaitu pencapaian kewangan, kajian kemungkinan, pelantikan kontraktor, pentadbiran kontrak, kualiti kerja, penyenggaraan bangunan, pemilihan peserta dan pengurusan kutipan.

3.2. Pengauditan ini dijalankan di Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek (BPPP) di KPKT dan Bahagian Perancangan Perumahan, Bahagian Pengurusan Perumahan serta Bahagian Akaun dan Bayaran di JPN. Lawatan Audit dilaksanakan di lima (5) projek RTO daripada lapan (8) projek iaitu PPR Taman Siliau Jaya, Port Dickson, Negeri Sembilan; PPR Taman Danau, Ulu Bernam, Selangor; PPR Gua Musang dan PPR Kota Bharu, Kelantan; serta PPR Tok Suboh, Bukit Tengah, Pulau Pinang.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dilaksanakan antara bulan Mei hingga Disember 2018 dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data berkaitan RTO. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai terlibat di KPKT, JPN dan ejen pengurusan RTO turut diadakan. Pemeriksaan fizikal Audit dilaksanakan di lima (5) projek RTO yang dipilih dan borang soal selidik diedarkan kepada penghuni RTO untuk menilai tahap kepuasan berhubung rumah kediaman dan kemudahan yang disediakan.

5. RUMUSAN AUDIT

5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Disember 2018 merumuskan perkara seperti berikut:

a. Prestasi Program

Projek RTO telah disempurnakan dalam tempoh yang ditetapkan sama ada dalam tempoh kontrak atau dalam tempoh lanjutan masa (EOT). Bagaimanapun, berlaku kelewatan penyerahan projek kepada JPN yang mana KPKT mengambil

masa antara 23 hingga 866 hari untuk menyerahkan projek siap kepada JPN bagi tujuan pengisian. Walaupun objektif untuk menyediakan tempat kediaman kepada golongan setinggan dan berpendapatan rendah telah dilaksanakan mengikut kriteria yang ditetapkan. Namun begitu, proses pengisian tidak diuruskan dengan cekap kerana tempoh pengisian mengambil masa antara satu (1) hingga 40 bulan. Status pengisian secara keseluruhannya adalah 2,143 unit (53.3%). Tambahan pula, kajian kepuasan pelanggan yang dilaksanakan oleh pihak Audit mendapati penghuni PPR kurang berpuas hati dengan tempat kediaman dan kemudahan yang disediakan, terutamanya melibatkan kualiti bangunan, proses aduan kerosakan serta kerja pemberian terhadap kecacatan yang dilaporkan.

b. Pengurusan Program

Bagi aspek pengurusan program RTO, didapati wujud kelemahan dalam pentadbiran kontrak, kualiti kerja, penyenggaraan bangunan dan pengurusan kutipan yang menjelaskan tahap kecekapan program.

5.2. Penemuan utama Audit yang perlu diberikan perhatian oleh KPKT dan JPN adalah seperti berikut:

- a. penyerahan projek RTO kepada JPN mengambil masa antara 23 hingga 866 hari berpunca daripada proses kerja yang kurang jelas dan kelemahan kontraktor;
- b. sebanyak 148 rumah (40.5%) di PPR Taman Siliau Jaya, PPR Taman Danau dan PPR Gua Musang masih belum diduduki oleh penghuni selepas diberi tawaran;
- c. sebanyak tujuh (7) projek telah lewat dibuat pengisian antara satu (1) hingga 40 bulan dan 1,880 rumah (33.4%) masih belum diisi;
- d. pelantikan kontraktor penyiap dan pentadbiran kontrak adalah tidak teratur;
- e. pemilihan lokasi berdasarkan cadangan lokasi bagi PPR Kota Bharu adalah tidak teratur kerana kontraktor masih belum memperoleh hak milik tanah semasa cadangan lokasi dibawa kepada KPKT;
- f. kualiti kerja kurang memuaskan dan penyenggaraan tidak dilaksanakan dengan baik;
- g. kontrak pengurusan kutipan deposit dan sewaan RTO tidak diwujudkan antara Kerajaan dengan ejen pengurusan; dan
- h. kelemahan dalam pengurusan kutipan deposit dan sewaan RTO yang mana tiada maklumat kutipan yang lengkap serta kutipan lewat dikemukakan kepada JPN oleh ejen pengurusan yang dilantik.

6. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Perkara yang ditemui serta maklum balas KPKT dan JPN telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 12 April 2019. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:

6.1. Prestasi Program

6.1.1. Pencapaian Fizikal

a. Bilangan Projek

- i. Sehingga tahun 2018, lapan (8) projek PPR RTO melibatkan pembinaan 5,623 unit rumah telah dilaksanakan. Berdasarkan Klausula 44 syarat kontrak, kontraktor hendaklah menyiapkan keseluruhan kerja pada atau sebelum Tarikh Siap Kerja atau dalam tempoh lanjutan masa.
- ii. Semakan Audit mendapati daripada keseluruhan lapan (8) projek RTO yang dilaksanakan, dua (2) projek dapat disiapkan mengikut tempoh asal kontrak manakala enam (6) projek disiapkan dalam tempoh lanjutan masa (EOT) antara 72 hingga 1,550 hari. Pencapaian fizikal adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PENCAPAIAN FIZIKAL BAGI LAPAN (8) PROJEK *RENT TO OWN*

BIL.	PROJEK RTO (PPR)	TEMPOH KONTRAK ASAL	TARIKH MILIK TAPAK	TARIKH SIAP ASAL	EOT		TARIKH PERAKUAN SIAP KERJA
					(Bil.)	(Hari)	
1.	Gua Musang	35 bulan	01.07.2011	30.06.2014	Tiada EOT		31.12.2013
2.	Kota Bharu	36 bulan	18.06.2014	17.06.2017	3	362	13.06.2018
3.	Lembah Subang 2	26 bulan	17.02.2003	30.01.2005	8	1,550	29.04.2009
4.	Sri Aman	36 bulan	21.12.2011	20.12.2014	3	375	31.12.2015
5.	Sentul Murni	30 bulan	12.10.2012	11.10.2017	2	72	22.12.2017
6.	Taman Danau	24 bulan	27.07.2011	26.07.2013	Tiada EOT		26.07.2013
7.	Taman Siliau Jaya	18 bulan	26.05.2010	11.10.2011	4	598	05.06.2013
8.	Tok Suboh	30 bulan	24.10.2012	10.02.2015	3	1,045	21.12.2017

Sumber: BPPP, KPKT

b. Penyerahan Projek RTO

- i. Semakan Audit mendapati tempoh masa yang diambil oleh BPPP, KPKT untuk menyerahkan projek RTO kepada JPN adalah antara 23 hingga 866 hari seperti dalam **Jadual 3**. Penetapan berhubung tempoh penyerahan ini tidak dinyatakan dalam Carta Alir Proses Kerja Penyerahan Projek Reka dan Bina (Prosedur Kualiti MS ISO 9001:2008 dan MS ISO 1900:2005) yang diguna pakai oleh BPPP, KPKT.

JADUAL 3
TEMPOH PENYERAHAN PROJEK *RENT TO OWN* YANG SIAP KEPADA JPN

BIL.	PROJEK RTO (PPR)	TARIKH PERAKUAN SIAP KERJA	TARIKH PENYERAHAN KEPADAJPN	TEMPOH PENYERAHAN SELEPAS PROJEK SIAP (Hari)	TARIKH TAMAT DLP*
1.	Gua Musang	31.12.2013	23.01.2014	23	31.12.2015
2.	Kota Bharu	13.06.2018	10.07.2018	27	12.06.2020
3.	Lembah Subang 2	29.04.2009	12.09.2011	866	28.04.2011
4.	Sri Aman	31.12.2015	27.01.2016	27	30.12.2017
5.	Sentul Murni	22.12.2017	10.08.2018	231	21.12.2019
6.	Taman Danau	26.07.2013	01.10.2013	67	25.07.2015
7.	Taman Siliau Jaya	05.06.2013	17.11.2014	530	04.06.2015
8.	Tok Suboh	21.12.2017	28.06.2018	189	20.12.2019

Sumber: BPPP, KPKT

Nota: DLP - Defect Liability Period/Tempoh Tanggungan Kecacatan

ii. Semakan Audit selanjutnya terhadap lima (5) projek RTO yang lewat diserahkan kepada JPN (melebihi 30 hari) mendapati perkara seperti berikut:

- Bagi projek PPR Lembah Subang 2, Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) telah dikeluarkan oleh Pengarah Cawangan Pelaksanaan dan Penyelenggaraan Projek, KPKT pada 29 April 2009. Pihak Audit mendapati projek ini hanya diserahkan kepada JPN pada 12 September 2011, iaitu lewat selama 836 hari setelah mengambil kira tempoh penyerahan kepada JPN selama 30 hari. Kelewatan ini disebabkan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah memberi syarat tambahan kepada KPKT bagi tujuan penyerahan.
- Bagi PPR Sentul Murni dan PPR Tok Suboh, projek lewat diserahkan kepada JPN masing-masing sebanyak 201 dan 159 hari. Kelewatan ini disebabkan oleh kontraktor dilantik lewat menyediakan dokumen serahan seperti *As-built Drawings* sebelum projek boleh diserahkan kepada JPN.
- Bagi PPR Taman Siliau Jaya, kelewatan penyerahan projek kepada JPN adalah sebanyak 500 hari. Kelewatan ini berpunca daripada kontraktor lewat melaksanakan kerja-kerja pembaikan bagi mematuhi ulasan oleh agensi teknikal.
- Bagi PPR Taman Danau, tempoh kelewatan penyerahan projek adalah sebanyak 37 hari. Kelewatan ini adalah disebabkan oleh kerosakan yang perlu dibaiki oleh kontraktor.

iii. Kesan daripada kelewatan penyerahan projek menyebabkan kemudahan yang dibangunkan tidak dapat digunakan secara optimum. Pemeriksaan fizikal Audit dan semakan terhadap buku rekod penggunaan menunjukkan sebanyak 29 unit kemudahan dengan kos kontrak berjumlah RM5.83 juta

yang dibangunkan di PPR Taman Siliau Jaya, PPR Taman Danau dan PPR Gua Musang tidak digunakan secara optimum. Antara kemudahan yang terlibat adalah dewan serbaguna, tadika, gerai makan, rumah sampah dan kebuk/kedai kitar semula seperti dalam **Jadual 4** dan **Gambar 1 hingga 6**.

JADUAL 4
KEMUDAHAN YANG TIDAK DIGUNAKAN SECARA OPTIMUM

BIL.	PROJEK RTO (PPR)	KEMUDAHAN	KUANTITI (Lot/Unit)	KOS KONTRAK (RM Juta)	PENEMUAN AUDIT
1.	Taman Siliau Jaya	Dewan Serbaguna	1	1.32	Kurang digunakan (Gambar 1).
		Tadika	1		Tidak digunakan.
		Gerai Makan	4	0.31	Tidak digunakan (Gambar 2).
		Kebuk Kitar Semula	1	0.04	Tidak digunakan.
		Rumah Sampah	1	0.02	Tidak digunakan.
2.	Taman Danau	Dewan Serbaguna	1	0.81	Kurang digunakan.
		Tadika	1		Tidak digunakan.
		Kebuk Kitar Semula	1	0.02	Tidak digunakan (Gambar 3).
3.	Gua Musang	Kedai Kitar Semula	1	TM	Tidak digunakan (Gambar 4).
		Jambatan Kabel	1	2.00	Tidak digunakan (Gambar 5).
		Rumah Sampah	2	TM	Tidak digunakan (Gambar 6).
		Kedai dan Gerai Mampu Milik	14	1.31	Tidak digunakan.
JUMLAH		29	5.83		

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: TM - Tiada Maklumat kerana Kos Kontrak Dibuat Secara *Lump Sum*

GAMBAR 1



Dewan Serbaguna dan Gelanggang Badminton,
PPR Taman Siliau Jaya
- Kemudahan Kurang Digunakan
(09.07.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



Gerai Makan, PPR Taman Siliau Jaya
- Kemudahan Tidak Digunakan
(12.07.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 3

Kebuk Kitar Semula, PPR Taman Danau
- Kemudahan Tidak Digunakan
(03.09.2018)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4

Kedai Kitar Semula, PPR Gua Musang
- Kemudahan Tidak Digunakan
(29.10.2018)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 5

Jambatan Kabel, PPR Gua Musang
- Kemudahan Tidak Digunakan
(28.10.2018)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 6

Rumah Sampah, PPR Gua Musang
- Kemudahan Tidak Digunakan
(31.10.2018)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas KPKT yang diterima pada 8 April 2019

Surat berhubung pindaan tempoh penyerahan projek siap kepada JPN telah dikemukakan kepada Bahagian Khidmat Pengurusan, KPKT yang dilantik sebagai urus setia ISO KPKT pada 8 April 2019. Penyerahan projek kepada JPN akan dibuat dalam tempoh 30 hari selepas CPC dikeluarkan.

Pada pendapat Audit, kelewatan penyiapan dan penyerahan projek menyebabkan golongan sasaran lewat mendapat manfaat daripada program yang dijalankan. Tambahan pula, ketiadaan norma dan *Standard Operating Procedure (SOP)* berkaitan penyerahan projek turut menjadi penyumbang kepada kelewatan ini.

c. Pengisian PPR RTO

Semakan Audit setakat 31 Disember 2018 terhadap pencapaian objektif dan sasaran yang ditetapkan oleh JPN mendapati perkara seperti berikut:

i. Pencapaian Objektif RTO

- RTO dilaksanakan bertujuan untuk menyediakan penempatan semula setinggan dan memenuhi keperluan tempat kediaman bagi golongan berpendapatan rendah. Golongan sasaran yang telah ditetapkan di bawah RTO adalah golongan berpendapatan rendah dengan jumlah pendapatan isi rumah di bawah RM3,000 sebulan, golongan setinggan dari kawasan yang telah dikenal pasti, warganegara Malaysia, belum mempunyai rumah dan mematuhi syarat tambahan lain yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri.
- Pemeriksaan fizikal Audit di PPR Taman Siliau Jaya pada 9 hingga 12 Julai 2018, PPR Taman Danau pada 3 hingga 5 September 2018 dan PPR Gua Musang pada 28 Oktober hingga 1 November 2018 mendapati sebanyak 148 (40.5%) daripada 365 rumah masih belum diduduki oleh penghuni antara 268 hingga 653 hari, walaupun tawaran dan kunci rumah telah diberikan. Manakala lima (5) rumah telah disewakan kepada pihak ketiga, iaitu empat (4) di PPR Taman Siliau Jaya dan satu (1) di PPR Taman Danau. Hal ini menunjukkan penghuni yang ditawarkan rumah tiada keperluan untuk memiliki RTO.

3 PPR tidak diduduki sepenuhnya	268 hingga 653 hari Tempoh tidak diduduki
----------------------------------------------------	------------------------------------------------------------------------

JADUAL 5
MAKLUMAT BILANGAN RUMAH YANG TIDAK DIDUDUKI

BIL.	PROJEK RTO (PPR)	BIL. SAMPEL	UNIT RUMAH TIDAK DIDUDUKI		TEMPOH TIDAK DIDUDUKI (Hari)
			Bil.	%	
1.	Taman Siliau Jaya	105	38	36.2	456
2.	Taman Danau	67	22	32.8	268 hingga 545
3.	Gua Musang	193	88	45.6	398 hingga 653
JUMLAH		365	148	40.5	268 hingga 653

Sumber: Jabatan Audit Negara dan Fail Individu JPN

- Punca ketidakpatuhan ini adalah kerana JPN tidak menguatkuasakan syarat yang ditetapkan dalam Surat Tawaran Penyewaan Rumah dan Perjanjian Penyewaan. Selain itu, tiada pegawai yang dipertanggungjawabkan untuk menguatkuasakan syarat tersebut. Syarat yang ditetapkan adalah penghuni dikehendaki berpindah masuk dengan kadar segera dalam tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh penyerahan kunci dan penghuni juga tidak dibenarkan untuk menyewakan rumah tersebut kepada pihak ketiga.

- Bagi kriteria sebagai warganegara Malaysia pula, pengesahan Audit melalui Jabatan Pendaftaran Negara mendapati kesemua sampel penghuni bagi ketiga-tiga PPR yang dipilih adalah merupakan warganegara Malaysia.

ii. RTO Yang Siap Diduduki

- JPN tidak mempunyai SOP berkaitan pengisian rumah RTO. Bagaimanapun berdasarkan 'Syor Penambahbaikan Pengisian dan Penjualan PPR' yang dikemukakan oleh JPN kepada pihak Audit pada 12 April 2018, dinyatakan bahawa pengisian sepatutnya berlaku dalam tempoh tiga (3) bulan selepas *Certificate of Completion and Compliance* (CCC). Selain itu, proses penawaran semula bagi unit yang tidak diisi akan dijalankan antara tiga (3) hingga enam (6) bulan selepas CCC.
- Analisis Audit setakat 31 Disember 2018 mendapati tujuh (7) projek RTO telah lewat dibuat pengisian antara satu (1) hingga 40 bulan seperti dalam **Jadual 6**. Kelewatan ini disebabkan oleh pemilihan peserta dibuat oleh pelbagai pihak dan kelewatan penerimaan nama daripada pihak kedua seperti Kerajaan Negeri. Selain itu, JPN juga tidak mempunyai mekanisme yang jelas bagi memantau dan menyelaras proses pemilihan peserta.
- Analisis Audit setakat 31 Disember 2018 mendapati lima (5) projek PPR, iaitu PPR Gua Musang, PPR Lembah Subang 2, PPR Sentul Murni, PPR Taman Danau dan PPR Taman Siliau Jaya telah dibuat pengisian. Dua (2) projek yang lain, iaitu PPR Tok Suboh dengan kapasiti 231 rumah dan PPR Kota Bharu dengan kapasiti 1,000 rumah belum dibuat pengisian. Kedua-dua projek ini telah diserahkan kepada JPN pada 28 Jun 2018 dan 10 Julai 2018 masing-masingnya. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6**.

**Pengisian
PPR RTO** **53.3%**

4,023 unit
Siap Bina

2,143 unit
Diduduki

1,880 unit
Belum Diduduki

JADUAL 6
TEMPOH KELEWATAN PENGISIAN TUJUH (7) PROJEK
RENT TO OWN SETAKAT 31 DISEMBER 2018

BIL.	PROJEK RTO (PPR)	TARIKH CCC	TARIKH PENYERAHAN KEPADА JPN	TARIKH SEPATUTNYA DIISI (a)	TARIKH MULA DIISI (b)	TEMPOH LEWAT PENGISIAN (Bulan) (b) – (a)
1.	Gua Musang	31.12.2013	23.01.2014	01.07.2014	Februari 2017	32
2.	Kota Bharu	30.05.2018	10.07.2018	30.11.2018	Belum Diisi	1
3.	Lembah Subang 2	22.08.2011	12.09.2011	23.02.2012	November 2014	33
4.	Sentul Murni	22.12.2017	10.08.2018	23.06.2018	September 2018	3
5.	Taman Danau	25.07.2013	01.10.2013	26.01.2014	Mei 2016	28
6.	Taman Siliau Jaya	05.06.2013	17.11.2014	06.12.2013	April 2017	40
7.	Tok Suboh	21.12.2017	28.06.2018	22.06.2018	Belum Diisi	6

Sumber: BPPP, KPKT dan Bahagian Pengurusan Perumahan, JPN


- Analisis Audit selanjutnya mendapati perkara seperti yang berikut:
 - walaupun sebanyak lima (5) projek PPR RTO telah dibuat pengisian, namun pengisian yang dibuat adalah lewat antara tiga (3) hingga 40 bulan.
 - Bagi PPR Taman Siliau Jaya, PPR Taman Danau dan PPR Gua Musang, rumah hanya mula diduduki selepas 35 bulan, 10 bulan dan 14 bulan tamat DLP. Proses pengisian yang dibuat selepas tamat DLP menyebabkan kerosakan bangunan yang dikenal pasti oleh penghuni tidak dapat dibaiki oleh kontraktor. Kelemahan ini menyebabkan antara tempoh tahun 2016 sehingga 2018, JPN terpaksa menanggung kos pembaikan berjumlah RM266,010 yang sepatutnya ditanggung oleh kontraktor.
 - Bagi empat (4) projek RTO, iaitu PPR Gua Musang, PPR Sentul Murni, PPR Lembah Subang 2 dan PPR Siliau Jaya, masih terdapat rumah kosong yang belum diisi. Pemeriksaan fizikal Audit di PPR Gua Musang mendapati dua (2) blok masih belum diisi. Tiada permohonan dibuat bagi Blok F, manakala bagi Blok A pengisian tidak dibuat disebabkan oleh kerosakan serius pada bangunan seperti jubin tertanggal, keretakan dinding dan resapan air pada dinding. Status pengisian dan prestasi pengisian projek setakat 31 Disember 2018 adalah seperti dalam **Jadual 7** dan **Carta 1**.

JADUAL 7
STATUS PENGISIAN PROJEK *RENT TO OWN* SETAKAT 31 DISEMBER 2018

BIL.	PROJEK RTO (PPR)	JUMLAH UNIT	DIISI		KOSONG	
			Bil. Unit	%	Bil. Unit	%
1.	Gua Musang	1,000	662	66.2	338	33.8
2.	Lembah Subang 2	842	783	93	59	7
3.	Sentul Murni	500	256	51.2	244	48.8
4.	Kota Bharu	1,000	0	0	1,000	100
5.	Tok Suboh	231	0	0	231	100
6.	Taman Siliau Jaya	150	142	94.7	8	5.3
7.	Taman Danau	300	300	100	0	0
JUMLAH		4,023	2,143	53.3	1,880	46.7

Sumber: Bahagian Pengurusan Perumahan, JPN

CARTA 1
PRESTASI PENGISIAN PROJEK *RENT TO OWN* SETAKAT 31 DISEMBER 2018



Sumber: Bahagian Pengurusan Perumahan, JPN

Maklum balas JPN yang diterima pada 8 dan 17 April 2019

JPN telah mengemukakan Notis Amaran bertarikh 1 April 2019 kepada peserta PPR Taman Siliau Jaya. JPN akan bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi menjalankan operasi penguatkuasaan ke atas unit dan pemilik yang telah melanggari syarat penawaran pada bulan Julai 2019.

Maklum balas JPN yang diterima pada 23 Ogos 2019

PPR Gua Musang - Senarai nama pemohon sedang dalam semakan silang oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Bantuan Sara Hidup sebelum diangkat ke Mesyuarat Pemililihan Peserta PPR KPKT. SUK Kelantan/Pejabat Tanah juga telah

melakukan temuduga terhadap 34 keluarga setinggan pada 9 Julai 2019. Sesi penyerahan surat tawaran dijangka bermula pada bulan Oktober 2019.

PPR Lembah Subang 2 - Dalam proses pelantikan kontraktor pemberian dan SST akan dikeluarkan pada 14 September 2019.

PPR Sentul Murni - Setakat bulan Julai 2019, jumlah terkini unit kosong adalah sebanyak 223 unit. Sejumlah 53 peserta masih lagi gagal untuk mengemukakan maklum balas mengenai tawaran ini. JPN telah memohon ulasan dan pandangan daripada Bahagian Undang-Undang KPPT mengenai pembatalan surat tawaran kepada 53 peserta tersebut melalui surat bertarikh 19 Ogos 2019. JPN juga telah memohon maklum balas daripada pihak DBKL mengenai baki 170 nama peserta untuk diisi di PPR Sentul Murni melalui surat bertarikh 26 Jun 2019. Walau bagaimanapun, pihak DBKL masih belum memuktamadkan keputusan mengenai perkara ini.

PPR Kota Bharu - Status terkini unit kosong di PPR Kota Bharu adalah sebanyak 559 unit. Penyerahan surat tawaran (fasa kedua) kepada 237 keluarga setinggan yang telah diluluskan akan diadakan pada bulan September 2019. Seterusnya, Mesyuarat Pemilihan Peserta PPR Kota Bharu bagi fasa ketiga pengisian untuk baki 274 unit akan diadakan pada bulan Oktober 2019.

PPR Tok Suboh - Satu Memorandum Jemaah Menteri sedang disediakan bagi menyerahkan pengurusan dan pengisian PPR ini kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Pembentangan Memorandum Jemaah Menteri dijangka pada bulan Oktober 2019.

PPR Taman Siliau Jaya - SUK Negeri Sembilan memperuntukkan lapan (8) unit kosong sebagai rumah transit kes bencana.

Pada pendapat Audit, program RTO berjaya menyediakan kediaman dan kemudahan kepada golongan sasaran. Namun begitu, kediaman dan kemudahan yang disediakan telah lewat dimanfaatkan oleh golongan sasaran kerana kelewatan dalam membuat keputusan pemilihan peserta/penghuni. Sehingga 31 Disember 2018, hanya 2,143 unit (53.3%) RTO telah diduduki.

6.1.2. Pencapaian *Outcome*

a. Kajian Tahap Kepuasan Pelanggan

- i. Tahap kepuasan penghuni RTO turut dinilai bagi memberi gambaran terhadap pencapaian *outcome* sesuatu projek. Borang soal selidik telah dijawab oleh 200 penghuni (responden) melibatkan tiga (3) projek RTO iaitu PPR Taman Siliau Jaya (50 responden), PPR Taman Danau (45 responden) dan PPR Gua Musang (105 responden). Lapan (8) aspek

tahap kepuasan yang dinilai meliputi kemudahan awam dan landskap, kualiti pembinaan, perkhidmatan keselamatan, perkhidmatan pembersihan, aduan kerosakan, kerja pembaikan, penyenggaraan dan bayaran sewa. Skala pengukuran kepuasan adalah seperti dalam **Rajah 1**.


RAJAH 1
SKOR PENILAIAN TAHAP KEPUASAN PENGHUNI



Sumber: Borang Soal Selidik Jabatan Audit Negara

- Analisis Audit terhadap soal selidik yang diterima mendapati kesemua aspek yang dinilai, kecuali kerja pembaikan berada dalam tahap kurang memuaskan. Bagi kerja pembaikan pula, aspek tersebut berada dalam tahap tidak baik. Penjelasan lanjut kategori tahap kepuasan penghuni di kesemua tiga (3) projek RTO adalah seperti dalam **Carta 2**.

CARTA 2
TAHAP KEPUASAN PESERTA RTO TERHADAP PENGURUSAN PPR



Sumber: Borang Soal Selidik Jabatan Audit Negara

iii. Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati tahap kepuasan penghuni RTO adalah kurang memuaskan iaitu lima (5) (62.5%) daripada lapan (8) aspek yang telah dinilai oleh penghuni iaitu kualiti pembinaan dengan jumlah purata 3.08, perkhidmatan keselamatan dengan jumlah purata 3.37, aduan kerosakan dengan jumlah purata 3.14, penyenggaraan dengan jumlah purata 3.44 dan kerja pembaikan dengan jumlah purata 2.91. Manakala tiga (3) aspek (37.5%) lagi iaitu kemudahan awam dan landskap dengan jumlah purata 3.60, perkhidmatan pembersihan dengan jumlah purata 3.82 dan pengurusan hasil dengan jumlah purata 3.90 berada dalam kategori memuaskan. Penjelasan lanjut kategori tahap kepuasan penghuni di kesemua tiga (3) RTO adalah seperti berikut:

iv. Aspek yang berada dalam kategori memuaskan adalah:

- kemudahan awam dan landskap. Ia melibatkan kesemua tiga (3) RTO di mana PPR Taman Danau mendapat purata skala tertinggi berbanding dua (2) lagi RTO.
- bayaran sewa di mana PPR Gua Musang mendapat purata skala yang tertinggi.
- perkhidmatan pembersihan di mana PPR Taman Danau mendapat purata skala yang tinggi berbanding dua (2) RTO yang lain.
- perkhidmatan keselamatan di mana PPR Gua Musang mendapat purata skala yang tertinggi berbanding PPR Taman Danau. Bagaimanapun, di PPR Taman Siliau Jaya adalah tidak memuaskan kerana penghuni merasa terancam dengan kes pecah rumah dan berlaku pencerobohan orang luar.

v. Aspek yang berada dalam kategori kurang memuaskan adalah:

- kualiti bangunan terutamanya di PPR Taman Siliau Jaya dan PPR Gua Musang kerana berlaku keretakan yang serius pada dinding/lantai dan masalah kebocoran paip.
- aduan kerosakan terutamanya di PPR Taman Siliau Jaya dan PPR Taman Danau kerana tempoh tindakan terhadap aduan kerosakan mengambil masa yang lama.
- kerja pembaikan terutamanya di PPR Taman Siliau Jaya dan PPR Gua Musang kerana kerja pembaikan tidak dibuat dalam tempoh yang ditetapkan serta kualiti kerja tidak kemas.
- penyenggaraan di ketiga-tiga PPR kerana tahap kondusif yang kurang memuaskan melibatkan taman permainan, dewan dan STP.

Pada pendapat Audit, berdasarkan kajian kepuasan pelanggan yang dijalankan, secara purata penghuni kurang berpuas hati dengan kediaman mereka, kemudahan yang dibangunkan dan kualiti perkhidmatan yang disediakan.

6.2. Pengurusan Program

6.2.1. Pencapaian Kewangan

- a. Sejumlah RM808.84 juta telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) bagi lapan (8) projek RTO. Kos kontrak asal adalah berjumlah RM794.24 juta dan meningkat sebanyak RM5.17 juta menjadikan kos akhir kontrak berjumlah RM799.41 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan berlaku Arahan Perubahan Kerja (APK) bernilai RM4.6 juta bagi tiga (3) projek dan Pelarasaran Harga Kontrak (PHK) bagi tujuh (7) projek berjumlah RM0.57 juta. Prestasi perbelanjaan bagi projek RTO setakat 31 Disember 2018 adalah berjumlah RM759.33 juta (95%) daripada kos kontrak semasa berjumlah RM799.41 juta. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 8**.

RM794.24 Juta Kos Kontrak Asal	
Kenaikan 0.65%	RM799.41 Juta Kos Kontrak Semasa
95%	RM759.33 Juta Perbelanjaan

JADUAL 8
MAKLUMAT KEWANGAN PROJEK RTO SETAKAT 31 DISEMBER 2018

BIL.	PPR	RMK	KOS KONTRAK ASAL (RM Juta)	APK (RM Juta)	PHK (RM Juta)	KOS KONTRAK SEMASA (RM Juta)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM Juta)
1.	PPR Gua Musang	10	150.00	2.68	-	152.68	148.64
2.	PPR Kota Bharu	10	188.62	-	(2.16)	186.46	173.66
3.	PPR Lembah Subang 2	9	69.52	-	2.49	72.01	72.01
4.	PPR Sri Aman	10	215.90	-	(4.83)	211.07	201.06
5.	PPR Sentul Murni	10	82.10	-	1.53	83.63	71.58
6.	PPR Taman Danau	9	41.00	0.92	2.40	44.32	44.32
7.	PPR Taman Siliau Jaya	9	17.63	1.00	1.03	19.66	18.84
8.	PPR Tok Suboh	10	29.47	-	0.11	29.58	29.22
JUMLAH			794.24	4.60	0.57	799.41	759.33

Sumber: Bahagian Akaun dan Bayaran serta Bahagian Pengurusan Perumahan, JPN

6.2.2. Kajian Kemungkinan

- a. Mengikut Garis Panduan Perancangan dan Penyediaan Program dan Projek Pembangunan yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri pada 4 Disember 2009, kajian kemungkinan perlu dibuat supaya projek/program dapat dikenal pasti dan dirangka dengan baik bagi memastikan *outcome* projek/program dapat dicapai. Selain itu, beberapa analisis juga boleh dilaksanakan antaranya analisis sosial yang bertujuan membantu unit perancangan projek memahami aspek sosial dalam melaksanakan projek termasuk kumpulan sasaran, kumpulan yang terjejas dan institusi yang berkaitan.
- b. Semakan Audit mendapati tiada bukti yang menunjukkan kajian kemungkinan dibuat oleh Bahagian Perancangan Perumahan, JPN untuk mengenal pasti lokasi projek yang sesuai. Bagaimanapun, JPN ada melaksanakan analisis sosial berdasarkan keperluan. Analisis tersebut dibuat berdasarkan maklumat setinggan dan golongan berpendapatan rendah yang diperolehi daripada Bahagian Perumahan SUK dan Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri masing-masingnya.

6.2.3. Pelantikan Kontraktor

a. Pelantikan Kontraktor Secara Rundingan Terus

- i. Pemilihan lokasi projek RTO dibuat berdasarkan cadangan lokasi daripada Kerajaan Negeri atau pemilik tanah. KPKT membuat lawatan tapak dan menyediakan Laporan Penilaian Projek serta JPN akan mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Projek. Sekiranya lokasi projek dicadangkan oleh pemilik tanah, maka pelantikan kontraktor akan dibuat secara rundingan terus dengan kelulusan Kementerian Kewangan (MoF).
- ii. Semakan Audit mendapati pemilihan lokasi bagi PPR Kota Bharu tidak mematuhi kriteria yang ditetapkan. Hal ini kerana Syarikat 276889-T yang dilantik sebagai kontraktor PPR Kota Bharu masih belum memperoleh hak milik tanah semasa JPN memohon kelulusan MoF untuk melantik kontraktor secara rundingan terus. Walaupun MoF telah meluluskan rundingan terus tersebut pada 8 Mac 2013, surat kuasa (*Power of Attorney*) hanya dikeluarkan pada 13 Mei 2013 dan 7 April 2014.
- iii. Semakan lanjut dan analisis telah dibuat terhadap semua maklumat projek PPR yang diuruskan oleh KPKT. Analisis menunjukkan terdapat kontraktor yang sama memperoleh projek pembinaan PPR di beberapa lokasi yang berbeza. Syarikat 529911-K dan Syarikat 276889-T telah memperoleh

12 projek PPR secara rundingan terus dengan kos kontrak berjumlah RM1.354 bilion yang mana empat (4) daripadanya memperoleh Surat Setuju Terima (SST) dalam tempoh yang sama seperti dalam **Jadual 9**. Semakan pendaftaran syarikat di Suruhanjaya Syarikat Malaysia mendapati pengarah kedua-dua syarikat mempunyai pertalian antara satu sama lain. Dua (2) daripada 12 projek PPR tersebut merupakan PPR RTO iaitu PPR Gua Musang, Kelantan dan PPR Kota Bharu, Kelantan.

JADUAL 9
PROJEK PPR DIPEROLEH SECARA RUNDINGAN TERUS OLEH
SYARIKAT YANG ADA KAITAN ANTARA SATU SAMA LAIN

BIL.	PROJEK	NO. PENDAFTARAN SYARIKAT	STATUS PROJEK	TARIKH SIAP ASAL/SEBENAR	KOS KONTRAK (RM Juta)
1.	PPR Baling, Kedah	529911-K	Dalam Perancangan	-	97.50
2.	PPR Bakar Bata, Kedah		Dalam Perancangan	-	80.18
3.	PPR Kuah, Langkawi, Kedah		Dalam Pembinaan	08.04.2021 (Tarikh SST: 01.03.2018)	120.44
4.	PPR Ulu Melaka, Langkawi, Kedah		Dalam Pembinaan	08.04.2021 (Tarikh SST: 01.03.2018)	109.28
5.	PPR Kota Setar, Kedah		Dalam Pembinaan	31.03.2019	95.00
6.	PPR Gua Musang, Kelantan		Siap	31.12.2013	150.00
7.	PPR Sg. Manila Off Jalan Labuk, Sandakan, Sabah		Siap	20.12.2012	125.44
8.	PPR Labu, Negeri Sembilan	276889-T	Dalam Perancangan	-	97.50
9.	PPR Lenggong, Perak		Dalam Perancangan	-	97.50
10.	PPR Kota Bharu, Kelantan		Siap	13.06.2018	188.62
11.	PPR Kuala Nerus, Terengganu		Dalam Pembinaan	16.04.2021 (Tarikh SST: 28.02.2018)	96.15
12.	PPR Tagasan, Sabah		Dalam Pembinaan	04.04.2021 (Tarikh SST: 07.12.2017)	96.39
JUMLAH					1,354.00

Sumber: BPPP, KPKT

Maklum balas JPN yang diterima pada 8 April 2019

MoF telah menggariskan syarat-syarat dan kelayakan dalam melaksanakan sesuatu urusan secara rundingan terus. Syarikat yang telah terpilih merupakan syarikat yang layak mengikut tatacara perolehan rundingan terus. Permohonan dibuat dengan mengemukakan cadangan projek berserta dengan cadangan syarikat. Antara dokumen yang dikemukakan adalah profil syarikat yang mengandungi nama pemilik syarikat, pemegang saham dan modal berbayar syarikat. Ini bermakna penilaian MoF dibuat berdasarkan kepada keupayaan syarikat itu sendiri berbanding pemilik syarikat atau pemegang saham syarikat tersebut.

Maklum balas JPN yang diterima pada 17 April 2019

KPKT mengambil kira kesediaan dan kesesuaian tapak serta keperluan golongan sasaran bagi PPR Taman Danau melalui Laporan Lawatan Tapak dan telah mendapat persetujuan tapak projek daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor.

b. Pelantikan Kontraktor Penyiap yang Tidak Teratur

- i. Berdasarkan klausula 60.2 (a) syarat kontrak, Kementerian berhak untuk menamatkan kontrak sekiranya kontraktor diisyiharkan bankrap atau digulungkan.
- ii. Semakan Audit mendapati syarikat 775699-A telah dilantik sebagai kontraktor utama di PPR Taman Siliau Jaya bermula tarikh milik tapak 26 Mei 2010 sehingga tarikh siap asal 11 Oktober 2011. Semakan lanjut mendapati perintah penggulungan oleh Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu telah dikeluarkan terhadap syarikat tersebut pada 23 April 2012 ketika projek masih dalam pembinaan. Namun, Kementerian tidak mengambil sebarang tindakan untuk menamatkan kontrak dengan kontraktor utama iaitu syarikat 775699-A. Semakan Audit selanjutnya mendapati, syarikat 775699-A kemudiannya telah melantik syarikat 001317249-U sebagai kontraktor penyiap dan menandatangani *Deed of Assignment* (DOA) pada 12 April 2012. Bagaimanapun, Kementerian bersetuju dengan tindakan syarikat 775699-A menandatangani DOA tersebut melalui surat bertarikh 20 April 2012.

Pada pendapat Audit perolehan secara rundingan terus yang dilaksanakan tidak selari dengan prinsip perolehan untuk menggalakkan persaingan terbuka serta prinsip adil dan saksama. Manakala penamatkan kontrak yang tidak dilaksanakan oleh Kementerian adalah tidak mematuhi syarat kontrak dan tidak menjaga kepentingan Kerajaan.

6.2.4. Pentadbiran Kontrak

a. Pengeluaran Perakuan Siap Kerja dan Pematuhan serta Sijil Perakuan Siap Kerja Tidak Teratur

- i. Berdasarkan Klausula 44.2 dalam kontrak Reka dan Bina, Pengarah Projek hanya boleh mengeluarkan Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) apabila kerja telah disiapkan menurut peruntukan kontrak dan juga setelah Sijil Layak Menduduki (CFO) atau Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) telah diperoleh.

- ii. Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2008, Lembaga Arkitek Malaysia pula menyatakan CCC hanya boleh dikeluarkan oleh *Principal Submitting Person* selepas memperoleh semua pensijilan oleh pihak masing-masing (Profesional, Kontraktor dan Pedagang Berlesen) berdasarkan Borang G yang ditetapkan di bawah *Matrix of Responsibility and Clearances*. Antara pensijilan daripada Tenaga Nasional Berhad, Syarikat Air, Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan (jika berkenaan) serta pihak berkuasa lain/jabatan yang berkaitan dengan jalan dan saliran.
- iii. Bagi PPR Taman Siliau Jaya, semakan Audit terhadap surat SAINS bertarikh 24 April 2013 mendapati kerja-kerja paip telah dijalankan tanpa mengikut syarat-syarat yang ditetapkan. Antaranya ujian kebocoran kolam, pemasangan peti persampelan, *magnetic flowmeter* dan telemetri. Berdasarkan surat daripada Indah Water Konsortium (IWK) bertarikh 22 Mei 2013 pula mendapati pihak kontraktor belum menyelesaikan ulasan yang dibangkitkan dan kerja-kerja pembinaan masih belum siap sepenuhnya. Antara ulasan yang dibangkitkan adalah aras *invert* paip masuk ke lurang lebih rendah daripada aras *invert* paip keluar ke loji rawatan kumbahan yang menyebabkan air bertakung pada lurang terakhir.
- iv. CCC dan CPC bagi PPR Taman Siliau Jaya telah dikeluarkan pada 5 Jun 2013 walaupun isu yang dibangkitkan oleh IWK dan SAINS masih belum diselesaikan. Laporan Pemeriksaan dan Pentaulahan (T&C) tidak dikemukakan untuk semakan Audit. Semakan lanjut terhadap Laporan Penilaian Semula Tindakan bertarikh 27 Ogos 2013 mendapati *sewage treatment plant* (STP) dan tangki air masih belum diuji dan disahkan kerana ulasan yang dibangkitkan oleh IWK dan SAINS belum diselesaikan oleh pihak kontraktor.
- v. Pemeriksaan fizikal Audit dibuat pada bulan Julai 2018 mendapati STP masih belum diserahkan kepada IWK. Ini adalah disebabkan isu STP yang dibangkitkan oleh IWK sejak tahun 2013 masih belum diambil tindakan dan mengakibatkan STP tersebut tidak disenggarakan oleh pihak IWK seperti dalam **Gambar 7**. Selain itu, terdapat bau kumbahan yang kurang menyenangkan di PPR Taman Siliau Jaya kerana tindakan pembaikan tidak diambil.



GAMBAR 7

STP, PPR Taman Siliau Jaya
 - STP Tidak Terurus dan Dipenuhi
 Semak Samun
 (10.07.2018)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

- vi. Selain itu, isu mengenai tangki air masih belum diselesaikan sehingga tarikh pemeriksaan fizikal Audit. Pihak Audit mendapati berlaku kejadian tangki air pecah pada 26 Jun 2017. Keadaan tangki menara yang pecah adalah seperti dalam **Gambar 8**. Hasil siasatan oleh pihak SIRIM QAS mendapati kejadian tangki air pecah adalah berpuncanya daripada pengendalian tangki air oleh pihak ketiga yang tidak bertauliah. Didapati, air telah diisi ke dalam tangki menara secara manual dengan dibuat *bypass* serta tiada injap terapung untuk mengelakkan air daripada melebihi paras kapasiti maksima.
- vii. Pemeriksaan fizikal Audit mendapati kedudukan tangki air adalah tidak stabil kerana ia tidak *grouted* kepada *plinth* dan berada di atas *shims logam* sementara seperti dalam **Gambar 9**. Kelewatan mengambil tindakan terhadap isu yang dibangkitkan sejak tahun 2013 dan pengeluaran CPC sebelum kerja siap sepenuhnya menyebabkan penghuni di PPR Taman Siliau Jaya menghadapi risiko air tidak mencukupi sekiranya berlaku catuan air. Hal ini kerana penghuni masih menggunakan pembekalan air secara terus (*direct water supply*).

GAMBAR 8



Menara Tangki Air, PPR Taman Siliau Jaya
 - Tiada Tangki Air Kerana Telah Pecah
 (10.07.2018)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 9



Menara Tangki Air, PPR Taman Siliau Jaya
 - Tangki Air Tidak *Grouted* Kepada *Plinth*
 dan Berada Atas *Shims Logam*
 (10.07.2018)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

- viii. Bagi PPR Gua Musang pula, CCC dan CPC telah dikeluarkan pada 31 Disember 2013 walaupun gagal dalam pemeriksaan akhir yang dilaksanakan oleh Agensi Perakuan Pembetungan (APP) pada 18 Disember

2013. Bagaimanapun, CCC dan CPC masih dikeluarkan ekoran daripada permohonan JPN pada 26 Disember 2013 kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk mengeluarkan surat sokongan CCC terlebih dahulu. Selain itu, APP telah mengeluarkan Pengesahan Siap Kerja Pembetungan bagi rangkaian paip pembetungan pada 30 Disember 2013. Pada 2 Januari 2014, SPAN bersetuju dengan permohonan yang dibuat, dengan syarat JPN mengemukakan surat aku janji untuk menyempurnakan baki kerja yang tertangguh dalam tempoh tiga (3) bulan. Selain itu, pihak perunding serta kontraktor juga dikehendaki mengemukakan akuan berkanun.

- ix. Bagaimanapun, semakan Audit setakat bulan Disember 2018 mendapati tiada bukti yang menunjukkan bahawa syarat tersebut dipatuhi. Tambahan pula, Pengesahan Siap Kerja bagi STP hanya dikeluarkan pada 3 Disember 2014, iaitu setahun selepas CCC dan CPC dikeluarkan. Selain itu, STP masih belum diserahkan kepada APP untuk disenggara.

Maklum balas KPKT yang diterima pada 23 Ogos 2019

JPN telah mengeluarkan iklan tender bagi kerja-kerja pembaikan dan pemasangan semula tangki air dan kerja-kerja berkaitan untuk PPR Taman Siliau Jaya pada 26 Julai 2019. Bagaimanapun, JPN mengesyorkan supaya tender dipelawa semula disebabkan petender gagal penilaian peringkat pertama dan harga yang ditawarkan melebihi anggaran jabatan. Jangkaan panggilan tender semula adalah pada bulan September 2019 dan Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan pada bulan Oktober 2019. Manakala bagi PPR Gua Musang, Agensi Perakuan Pembentungan telah bersetuju untuk menerima STP PPR Gua Musang sekiranya kerosakan sedia ada diperbaiki. JPN dalam proses menyediakan sebutharga dengan jangkaan pelantikan kontraktor dan pengeluaran SST pada bulan November 2019. Penyerahan pengurusan kepada pihak Agensi Perakuan Pembentungan akan dibuat selepas kerja-kerja pembaikan diselesaikan.

Pihak Audit berpendapat, pengeluaran CCC dan CPC sebelum kerja diselesaikan adalah melanggar peraturan dan telah menyebabkan kontraktor melengah-lengahkan mengambil tindakan pembaikan terhadap STP dan tangki air. Akibatnya, Kerajaan terpaksa menanggung kos pembaikan tersebut.

b. Kelulusan Lanjutan Masa Tidak Munasabah

- i. Klaus 49 *Standard Form of Design and Build Contract PWD Form DB (Rev. 1/2010)* menetapkan apabila berlaku kelewatan kerja, kontraktor perlu serta merta memberi notis bertulis kepada Pengarah Projek tentang sebab

kelewatan bersama dokumen sokongan untuk pertimbangan lanjutan masa. Perakuan lanjutan masa hendaklah dikeluarkan kepada kontraktor sebelum berakhirnya tempoh kontrak.

- ii. Semakan Audit mendapati projek PPR Taman Siliau Jaya telah diberikan lanjutan masa (EOT) ketiga sebanyak 111 hari disebabkan oleh isu kapasiti tangki air. Pada 29 Jun 2010, perunding telah memohon untuk mereka bentuk sistem retikulasi air kepada pihak SAINS yang mana kapasiti tangki air keseluruhan dianggarkan sebanyak 58,000 gelen (tangki menara dan tangki sedutan). Pihak SAINS telah mengemukakan pemakluman pada 21 Februari 2011 dan meminta supaya kapasiti tangki air keseluruhan adalah sebanyak 77,400 gelen (tangki menara 58,000 gelen dan tangki sedutan 19,400 gelen). Bagaimanapun, selepas sembilan (9) bulan ulasan oleh pihak SAINS, perunding telah mengemukakan rayuan untuk mengurangkan kapasiti tangki air. Hal ini kerana penambahan kapasiti air akan mengakibatkan peningkatan kos projek. Kronologi kelulusan kapasiti tangki air menara seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
KRONOLOGI KELULUSAN KAPASITI TANGKI AIR PPR TAMAN SILIAU JAYA

TARIKH	PERKARA	TANGGUNGJAWAB
29 Jun 2010	Perunding memohon maklumat teknikal untuk mereka bentuk sistem retikulasi air kepada SAINS.	Perunding
14 Disember 2010	Perunding memohon kelulusan Pelan Sistem Bekalan Air Luaran dengan kapasiti tangki air keseluruhan berjumlah 58,000 gelen.	Perunding
21 Februari 2011	Ulasan SAINS supaya pihak perunding menyediakan kapasiti tangki air keseluruhan berjumlah 77,400 gelen (menara 58,000 dan sedutan 19,400).	SAINS
13 Disember 2011	Perunding mengemukakan rayuan bagi pengurangan kapasiti tangki daripada 58,000 gelen kepada 38,667 gelen.	Perunding
28 Disember 2011	Permohonan perunding ditolak oleh pihak SAINS.	SAINS
4 Januari 2012	KPKT mengemukakan rayuan kepada SAINS bagi kelulusan kapasiti tangki air keseluruhan sebanyak 58,000 gelen.	KPKT
1 Februari 2012	SAINS setuju meluluskan kapasiti tangki menara dikurangkan kepada 52,000 gelen.	SAINS
9 Oktober 2012	Perunding memberi anggaran kos perubahan kerja menara tangki air untuk mematuhi kehendak SAINS.	Perunding
30 Januari 2014	Jawatankuasa Perubahan Kerja di Peringkat Pengarah Projek meluluskan perubahan kerja untuk pertambahan kapasiti tangki air menara daripada 38,667 gelen kepada 58,000 gelen.	KPKT
21 Februari 2014	APK 3 dikeluarkan bagi <i>Elevated Water Tank</i> .	KPKT

Sumber: PPPP, KPKT

- iii. Berdasarkan kronologi tersebut, pihak Audit mendapati EOT ketiga sebanyak 111 hari bagi PPR Taman Siliau Jaya tidak wajar diluluskan. Hal ini kerana pihak perunding lewat mengemukakan rayuan pengurangan kapasiti tangki air, iaitu hanya sembilan (9) bulan selepas pihak SAINS mengeluarkan

keputusan. Sehubungan itu, EOT ini tidak sepatutnya diluluskan, sebaliknya *Liquidated and Ascertained Damages* (LAD) perlu dikenakan terhadap kontraktor.

Maklum balas KPKT yang diterima pada 8 April 2019

Berdasarkan semakan terhadap dokumen yang berkaitan, KPKT berpandangan kelulusan EOT ketiga selama 111 hari adalah wajar. Ini kerana proses kelulusan pelan sistem bekalan air luaran bagi projek ini yang telah mengambil masa selama 413 hari disebabkan isu kapasiti tangki air bukanlah kesilapan kontraktor ataupun perunding.

Pihak Audit telah meneliti maklum balas yang diterima daripada KPKT. Pihak Audit masih berpendapat kelulusan EOT ketiga adalah tidak wajar kerana kelewatan menyiapkan projek ini disebabkan pihak perunding mengambil masa yang lama dalam menyelesaikan isu kapasiti tangki air.

6.2.5. Kualiti Kerja

Pemeriksaan fizikal Audit telah dilaksanakan di lima (5) lokasi projek iaitu PPR Taman Siliau Jaya (9 hingga 12 Julai 2018), PPR Taman Danau (3 hingga 5 September 2018), PPR Gua Musang (28 Oktober hingga 1 November 2018), PPR Tok Suboh (12 hingga 13 November 2018) dan PPR Kota Bharu (18 hingga 19 November 2018). Hasil pemeriksaan Audit mendapati masih terdapat spesifikasi kerja yang tidak dipatuhi serta kualiti kerja yang dilaksanakan kurang memuaskan. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

a. Kualiti Kerja Kurang Memuaskan

- i. Berdasarkan Klausula 13.2(a) dalam syarat kontrak Reka dan Bina, pihak kontraktor bertanggungjawab untuk menyediakan Sistem Kepastian Kualiti dan mengemukakannya kepada Pengarah Projek untuk kelulusan sebelum memulakan kerja. Berdasarkan Perenggan 6.2, Bahagian II, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2012, penyeliaan harian kerja-kerja di tapak hendaklah dilaksanakan oleh perunding yang telah dilantik oleh kontraktor dan hendaklah memastikan kerja-kerja yang dilaksanakan mematuhi spesifikasi dan kualiti yang ditetapkan. Perenggan 6.3 pula menetapkan Pengarah Projek bertanggungjawab mengaudit aktiviti-aktiviti pembinaan oleh kontraktor untuk menentukan pematuhan kepada Sistem Kepastian Kualiti yang diluluskan oleh Agensi.

- ii. Hasil pemeriksaan fizikal Audit mendapati kualiti kerja di PPR Tok Suboh adalah kurang memuaskan. Penemuan Audit dan maklum balas KPCT adalah seperti dalam **Jadual 11** dan **Gambar 10**.

JADUAL 11
KUALITI PEMBINAAN KURANG MEMUASKAN

PPR	STANDARD	PERATURAN	PENEMUAN AUDIT DAN MAKLUM BALAS
Arkitek			
PPR Tok Suboh	Dokumen Kontrak - Need Statements	<p>Section D – Concrete Works</p> <p>4.8 All defective concrete works such as badly constructed concrete members with poor alignment and plumb, honeycombing, badly formed surfaces, and failure during construction such as sagging of beams and slabs shall be removed and made good or otherwise rectified in accordance with the S.O.'s instruction at the Contractor's expense.</p>	<p>Penemuan Audit</p> <ul style="list-style-type: none"> Air bertakung pada permukaan gelanggang futsal (Gambar 10). Hal ini berlaku kerana kelemahan dalam penyeliaan di tapak dan kualiti pembinaan yang rendah. Kesannya, gelanggang futsal tidak selesa digunakan dan lantai gelanggang licin dan berlumut. <p>Maklum balas yang diterima pada 23 Ogos 2019</p> <p>Kontraktor telah menyiapkan kerja pembaikan air bertakung dan mengelat semula gelanggang futsal pada 26 Jun 2019.</p>
Kerja Awam dan Struktur			
PPR Tok Suboh	Standard Specifications For Building Works 2014	<p>Section M - Painting Works</p> <p>1.9 General</p> <p>Surfaces to be painted shall be dry, free from dirt, oil, grease, old loose paint and other deteriorative matter. All cracked shall be raked out and stopped and all holes and dent shall be filled.</p>	<p>Penemuan Audit</p> <ul style="list-style-type: none"> Keretakan horizontal jenis <i>hairline crack</i> pada dinding pemisah rumah (<i>party wall</i>) di dalam rumah. Hal ini berlaku disebabkan kerja penggerudian lubang untuk <i>sub-main cable</i>. Kesannya, permukaan tidak kemas. <p>Maklum balas yang diterima pada 23 Ogos 2019</p> <p>Kontraktor telah siap menjalankan kerja pembaikan pada 17 Mei 2019.</p>
	Standard Specifications For Building Works 2014	<p>Section I: Ceiling Work</p> <p>1.4 The contractor shall not commence the ceiling installation works until the building is effectively weather-tight and the work area of wet trades has been completed and dried.</p>	<p>Penemuan Audit</p> <ul style="list-style-type: none"> Resapan air dan lumut pada siling serta siling berlubang disebabkan kesan kebocoran di dalam rumah. Hal ini berlaku disebabkan sambungan paip pada tangki air yang terletak di bahagian atas siling mengalami kebocoran. Kesannya, siling menjadi rosak sekiranya dibiarkan berlarutan. <p>Maklum balas yang diterima pada 23 Ogos 2019</p> <p>Kontraktor telah siap menjalankan kerja pembaikan pada 20 Mei 2019.</p>
Kerja Elektrik			
PPR Tok Suboh	Dokumen Kontrak	<p>Specification For Low Voltage Internal Electrical Installation (L-S1) Section 10.5</p> <p>10.51 Lampholder and battenholder shall comply with MS 769, MS IEC 60838, and MS IEC 61184. They shall be supplied complete with brass plunger and heat resisting springs to ensure that plunger pressure is maintained throughout the long life of the lampholders and battenholders. Cordgrip shall be provided to cover the exposed ends of cord sheathing and firmly grips the cord. Battenholders shall be of three clearly labelled terminal type. Edison screw lampholders shall comply with MS IEC 60238.</p>	<p>Penemuan Audit</p> <ul style="list-style-type: none"> Lampu fluorescent tercabut dari siling di dalam rumah. Hal ini berlaku kerana lampu fluorescent tidak dipasang pada kerangka siling (<i>batten</i>). Kesannya, lampu boleh tertanggal daripada siling dan sistem pendawaian lampu akan terputus. <p>Maklum balas yang diterima pada 23 Ogos 2019</p> <p>Kontraktor telah siap memasang lampu fluorescent pada kerangka siling pada 20 Mei 2019.</p>

Sumber: Jabatan Audit Negara



GAMBAR 10

Gelanggang Futsal, PPR Tok Suboh
 - Air Bertakung pada Permukaan Gelanggang Futsal
 (12.11.2018)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

b. Kerja Dilaksanakan Tidak Mengikut Piawaian yang Ditetapkan

i. Kerja Elektrik Tidak Mengikut Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

Kerja elektrik yang dilaksanakan perlu dibuat selaras dengan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994. Semakan Audit dan lawatan fizikal mendapati kerja elektrik di sebahagian PPR tidak mematuhi peraturan. Penemuan Audit dan maklum balas KPKT adalah seperti dalam **Jadual 12** dan **Gambar 11** hingga **14**.

JADUAL 12
KELEMAHAN KERJA ELEKTRIK

PPR	PERATURAN	PENEMUAN AUDIT DAN MAKLUM BALAS
PPR Tok Suboh	Peraturan 34 (1) Mana-mana penyalut, tudung, gagang, peti cantuman, peti suis, peti fius, bingkai gear suis yang berlogam dan rangka dan tapak logam, mana-mana janakuasa, penukar, rekifier dan motor, dan penutup logam bagi mana-mana pengubah, dan bingkai dan penutup logam bagi mana-mana peti sejuk, dapur memasak dan kelengkapan elektrik lain termasuklah apa-apa perkakas domestik, kecuali yang digolongkan sebagai binaan kelas II, hendaklah dibumikan dengan berkesan.	<p>Penemuan Audit</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kabel bumi tidak dipasang pada pintu papan suis di dewan serbaguna (Gambar 11), tadika dan surau. - Hal ini berlaku disebabkan ketidakpatuhan pada peraturan elektrik semasa pelaksanaan kerja. - Kabel bumi yang tidak dipasang membahayakan orang awam kerana terdedah kepada risiko renjataan elektrik. <p>Maklum balas yang diterima pada 8 April 2019</p> <p>Pihak kontraktor telah siap memasang kabel bumi pada pintu papan suis pada 4 April 2019 (Gambar 12).</p>
PPR Kota Bharu	Peraturan 19 (1)(b) Susunan am papan suis hendaklah seperti berikut: pengaliran tiap-tiap konduktor hendaklah boleh dikesan dan gambarajah sambungan-sambungan yang dilukis dengan jelas hendaklah dipamerkan berdekatan dengan papan suis.	<p>Penemuan Audit</p> <ul style="list-style-type: none"> - Lukisan skematic tidak dipamerkan di bilik <i>Main Switch Board</i> (MSB) (Gambar 13). - Ini berlaku disebabkan ketidakpatuhan pada peraturan elektrik semasa pelaksanaan kerja. - Akibatnya, kerja penyenggaraan pada masa hadapan menjadi sukar. <p>Maklum balas yang diterima pada 8 April 2019</p> <p>Lukisan skematic telah dipamerkan oleh kontraktor pada 15 Januari 2019 (Gambar 14).</p>


Sumber: Jabatan Audit Negara

**SEBELUM
GAMBAR 11**




Dewan Serbaguna, PPR Tok Suboh
- Kabel Bumi Tidak Dipasang pada Pintu Papan Suis
(12.11.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**SELEPAS
GAMBAR 12**



Dewan Serbaguna, PPR Tok Suboh
- Kabel Bumi Telah Dipasang pada Pintu Papan Suis
(04.04.2019)
(Sumber: Jabatan Perumahan Negara)

**SEBELUM
GAMBAR 13**



Bilik MSB, PPR Kota Bharu
- Lukisan Skematik Tidak Dipamerkan
(19.11.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**SELEPAS
GAMBAR 14**



Bilik MSB, PPR Kota Bharu
- Lukisan Skematik Telah Dipamerkan di Dinding Bilik MSB
(15.01.2019)
(Sumber: Jabatan Perumahan Negara)

ii. Kerja Tidak Mengikut Kontrak/Garis Panduan/Lukisan Kontrak

Berdasarkan Klausa 15.1(a) syarat kontrak, perolehan bagi semua bahan, barang dan mutu kerja hendaklah dari jenis dan piawaian yang dinyatakan dalam Kehendak Kerajaan atau dinyatakan secara khusus dalam cadangan/spesifikasi kontraktor. Hasil pemeriksaan fizikal Audit mendapati kerja tidak mengikut kontrak, garis panduan atau lukisan kontrak. Maklumat lanjut dan maklum balas KPCT adalah seperti dalam **Jadual 13** dan **Gambar 15** hingga **Gambar 18**.

JADUAL 13
KERJA TIDAK MENGIKUT KONTRAK/GARIS PANDUAN/LUKISAN KONTRAK

PPR	PERATURAN	PENEMUAN AUDIT DAN MAKLUM BALAS
Arkitek		
PPR Kota Bharu	Dokumen Kontrak Need Statements Rubber Mat <i>5.2.12 Suitable rubber mat flooring shall be used in Children's play area covering the whole compound.</i>	Penemuan Audit <ul style="list-style-type: none"> - Rubber mat tidak dipasang sepenuhnya di lantai kawasan permainan kanak-kanak (Gambar 15). - Hal ini berlaku disebabkan kelemahan pemantauan projek semasa fasa pembinaan. - Kesannya, Kerajaan mengalami kerugian sekiranya pelarasan kos tidak dibuat dan wujudnya risiko kecederaan luka kepada kanak-

PPR	PERATURAN	PENEMUAN AUDIT DAN MAKLUM BALAS
	<p>5.2.13 Where specified it shall be ease of maintenance and installed in accordance with the approved manufacturer's specification and instruction.</p>	<p>kanak sekiranya terjatuh di kawasan yang tidak dihampar <i>rubber mat</i>.</p> <p>Maklum balas yang diterima pada 17 April 2019 Kelulusan pelan landskap telah diperoleh daripada Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) pada 13 Mei 2015. PHK akan dilaksanakan terhadap perbezaan kehendak Kerajaan dan kelulusan PBT.</p>
	<p>Lukisan Kontrak 200131/AA/PPRKB/WD/RC/PL/01</p> <p>Rumah sampah - Pelan Lantai, Pelan Bumbung, Pandangan 1, Pandangan 2, Pandangan 3, Pandangan 4 , Keratan Rentas A-A & Keratan Rentas B-B.</p> <p><i>The design for particular structure shall take account of the condition of exposure, quality of material, quality of workmanship and other factors which will influence the durability of the building.</i></p>	<p>Penemuan Audit</p> <ul style="list-style-type: none"> - Binaan <i>concrete hood</i> pada pintu rumah sampah tidak mengikut lukisan kontrak. - Hal ini disebabkan berlakunya penambahan binaan bagi rumah sampah dan kelemahan pemantauan projek semasa fasa pembinaan. - Akibatnya, tong sampah jenis <i>RORO Bin</i> tidak dapat masuk sepenuhnya dan menyebabkan <i>roller shutter</i> pada rumah sampah tidak dapat ditutup menjadikan kebersihan persekitaran. <p>Maklum balas yang diterima pada 22 Mac 2019 Binaan tersebut dibuat atas inisiatif penambahbaikan kontraktor bagi mengelakkan kemasukan tempias hujan memasuki bahagian bukaan utama iaitu hadapan pintu <i>roller shutter refuse chamber</i>. Perubahan tersebut tidak menjelaskan fungsi <i>roller shutter</i> dan tong RORO boleh dimasukkan sepenuhnya.</p>
Kerja Elektrik		
PPR Tok Suboh dan PPR Kota Bharu	<p>Dokumen Kontrak Specification For Low Voltage Internal Electrical Installation (L-SI), Section 14.18</p> <p><i>Each earth electrode shall be provided with heavy duty type inspection chamber with removable cover. The minimum size of square type inspection chamber shall be 300mm (width) x 300mm (length) x 180mm (height). The working load of the inspection chamber shall be minimum 4500kg.</i></p>	<p>Penemuan Audit</p> <ul style="list-style-type: none"> - <i>Earth Chamber</i> bagi sistem pembumian jenis SAG EC2 adalah tidak sama seperti saiz yang dinyatakan di dalam dokumen kontrak iaitu 300mm (width) x 300mm (length) di semua blok bangunan dan unit rumah teres (Gambar 16). - Hal ini berlaku disebabkan kelemahan pemantauan dalam pelaksanaan kerja. - Kesannya, kerja-kerja penyenggaraan pada masa hadapan menjadi sukar kerana ruang kerja penyenggaraan adalah sempit. <p>Maklum balas yang diterima pada 17 April 2019 dan 23 Ogos 2019 Ujian rintangan elektrod bumi yang dijalankan menunjukkan bacaan di bawah 10 Ohm selaras dengan Garis Panduan Pendawaian Elektrik di Bangunan Kediaman Edisi 2008/2018 yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga. Pelarasan Harga Kontrak (PHK) telah dimuktamadkan dan dipersetujui oleh kontraktor pada 20 Ogos 2019 dengan jumlah PHK (pengurangan) RM4,410.</p>
PPR Kota Bharu	<p>Garis Panduan Electrical System Design & Installation Guidelines for Architects & Engineers</p> <p>Low Voltage Room, Section 3.1</p> <p>i) Trenching : 750mm(W) x 900mm (D) c/w 50mm thick removable concrete slab. The trenching shall be located at minimum 1000mm from wall.</p>	<p>Penemuan Audit</p> <ul style="list-style-type: none"> - <i>Cable trenching</i> di dalam bilik <i>Main Switch Board</i> (MSB) tidak disediakan penutup sebaliknya telah ditutup dengan simen sepenuhnya (Gambar 17). - Perincian <i>removal concrete slab</i> didapati tidak ditunjukkan di dalam lukisan tata atur yang disediakan oleh pihak perunding untuk rujukan kontraktor semasa penyediaan <i>cable trenching</i>. - Hal ini berlaku disebabkan ianya tidak memenuhi Garis Panduan <i>Electrical System Design & Installation Guidelines for Architects & Engineers</i> yang disediakan oleh Jabatan Kerja Raya. - Akibatnya, kerja-kerja penyenggaraan pada masa hadapan akan menjadi sukar. <p>Maklum balas yang diterima pada 8 April 2019 Kontraktor telah selesai menutup <i>cable trenching</i> dengan <i>removable concrete cover</i> pada 25 Mac 2019. (Gambar 18)</p>

Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 15



Taman Permainan, PPR Kota Bharu
 - Rubber Mat Tidak Dipasang Sepenuhnya di Lantai Kawasan Permainan Kanak-kanak
 (18.11.2018)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 16




PPR Tok Suboh
 - Earth Chamber Yang Dipasang Bagi Sistem Pembumian Jenis SAG EC2 Bersaiz 230mm (Lebar) X 230mm (Panjang) Sepatutnya Bersaiz 300mm (Lebar) X 300mm (Panjang)
 (12.11.2018)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

**SEBELUM
GAMBAR 17**



Bilik MSB, PPR Kota Bharu
 - Cable Trenching Ditutupi Simen Sepenuhnya
 (19.11.2018)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

**SELEPAS
GAMBAR 18**



Bilik MSB, PPR Kota Bharu
 - Cable Trenching Ditutup Dengan Removable Concrete Cover
 (25.03.2019)
 (Sumber: Jabatan Perumahan Negara)

Pada pendapat Audit, kualiti kerja yang tidak memuaskan dan kerja yang tidak mengikut piawaian mengurangkan tahap kepuasan penghuni terhadap program ini, di samping meningkatkan kos penyenggaraan kepada Kerajaan.

6.2.6. Penyenggaraan Bangunan

- Bahagian Pengurusan Perumahan, JPN bertanggungjawab untuk merancang, menyelaras dan melaksanakan pengurusan fasiliti serta penyenggaraan rumah PPR selepas tempoh DLP. Bagi jenis rumah pangsa, JPN melantik ejen pengurusan yang bertanggungjawab terhadap penyenggaraan bangunan. Setiap kerosakan perlu dilaporkan oleh penghuni melalui borang aduan kerosakan dan dibuat pembaikan oleh ejen dan JPN.

b. Semakan Audit mendapati penyenggaraan tidak dibuat dengan baik seperti dalam **Jadual 14** dan **Gambar 19 hingga 28**. Kelemahan ini menyebabkan pembaziran dan Kerajaan terpaksa menanggung kos pemberian berjumlah RM266,010. Pengurusan penyenggaraan tidak dilaksanakan dengan cekap disebabkan oleh kelemahan dalam penyeliaan dan pemantauan kerja terhadap ejen pengurusan oleh JPN.

JADUAL 14
PENYENGGARAAN TIDAK DIBUAT DENGAN BAIK

RTO (PPR)	LOKASI	PENEMUAN AUDIT
PPR Taman Siliau Jaya	Surau	Saluran keluar air tidak bersambung pada tempat memandikan jenazah.
		<i>Floor trap</i> telah dibina di dalam kolah tадahan wuduk lelaki di surau.
	Dewan Serbaguna	Tangga, dinding dan lantai pentas diserang anai-anai. Ini berlaku kerana tiada penyenggaraan pencegahan anai-anai yang berterusan (Gambar 19).
		Bumbung dewan pecah dan pokok tumbuh atas bumbung dewan.
		<i>Gutter</i> berkarat dan berlubang.
		Resapan air kesan kebocoran atap dewan (Gambar 20).
		Pita kuprum bagi sistem perlindungan kilat telah hilang.
	Tadika	Dinding retak.
	Kolam Takungan	Perangkap sampah telah dialih keluar.
	Kawasan Perumahan	Paip bocor di kawasan perumahan (Gambar 21).
		Lekukan (<i>rutting</i>) pada permukaan jalan (Gambar 22).
PPR Taman Danau	Dewan Serbaguna	Papan siling jatuh, lantai merekah dan bilik yang menyimpan peralatan siaraya adalah berselerak serta tiada tombol pintu.
	Gelanggang Bola Keranjang	Air bertakung atas lantai gelanggang (Gambar 23).
	Padang Futsal	Lantai gelanggang merekah, pagar <i>chain link</i> rosak akibat vandalisme dan air bertakung (Gambar 24).
	Taman Permainan	Gelongsor dibakar akibat vandalisme.
PPR Gua Musang	Bangunan	Kesan resapan air (<i>watermark</i>) berlaku pada dinding luar di rumah pangsa Blok A, B, C, E, F dan G, pada <i>slab</i> bawah tandas di Rumah Pangsa Blok K, pada permukaan siling dan kesan bocor pada bumbung rata (<i>flat roof</i>) di gerai makan dan berlaku paip tersumbat dan air bertakung di rumah pangsa unit K01-13 (Gambar 25 dan 26).
		Jubin lantai pecah dan tertanggal di rumah pangsa Blok A (Unit 01-01, 01-02, 03-01, 03-07, 04-09, 04-08, 04-15 dan 04-17) (Gambar 27).
		<i>Diagonal crack</i> pada dinding luar bangunan dan kawasan tangga di rumah pangsa Blok A, F, L dan K serta keretakan pada dinding dalam bangunan di bahagian panel tingkap dan pintu di rumah sampah dan di rumah pangsa Blok A (Unit 04-01, 04-03, 04-17, 03-07 dan 03-16).
	STP	<i>Vertical crack</i> pada pagar batu dinding STP (Gambar 28).

Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 19



Dewan Serbaguna, PPR Taman Siliau Jaya
- Dinding dan Lantai Pentas Diserang Anai-Anai
(09.07.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 20



Dewan Serbaguna, PPR Taman Siliau Jaya
- Resapan Air Kesan Kebocoran Atap Dewan
(09.07.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 21



Kawasan Perumahan PPR Taman Siliau Jaya
- Kebocoran Paip Menyebabkan Air Bertakung
di Hadapan Rumah Penduduk
(10.07.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 22



Lorong 3, PPR Taman Siliau Jaya
- Lekukan (t) pada Permukaan Jalan
(09.07.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 23



Gelanggang Bola Keranjang, PPR Taman Danau
- Air Bertakung
(03.09.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 24




Gelanggang Futsal, PPR Taman Danau
- Air Bertakung
(03.09.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 25

K-01-13, PPR Gua Musang
- Kesan Resapan Air (*Watermark*)
(28.10.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 26

C-01-07, PPR Gua Musang
- Kesan Resapan Air (*Watermark*) pada Siling
(28.10.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 27

Blok A, PPR Gua Musang
- Jubin Lantai Pecah dan Tertanggal
(28.10.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 28

STP, PPR Gua Musang
- Vertical Crack pada Pagar Batu Dinding STP
(29.10.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas JPN yang diterima pada 22 Mac 2019 dan 23 Ogos 2019

Bagi PPR Taman Siliau Jaya, pelantikan kontraktor bagi kerja-kerja pembaikan kerosakan di surau, dewan serbaguna dan tadika sedang dilaksanakan dengan jangkaan pengeluaran Surat Setuju Terima (SST) pada bulan Oktober 2019.

Bagi PPR Taman Danau, siling sebanyak RM250,000 bagi pembaikan telah diluluskan. Selaras dengan kelulusan tersebut, Jabatan bersama Majlis Daerah Hulu Selangor akan mengadakan sesi lawatan tapak teknikal untuk kerja-kerja pembaikan pada 3 September 2019. Majlis Daerah Hulu Selangor secara dasarnya telah bersetuju bahawa kerja-kerja pembaikan akan dilaksanakan oleh pihak mereka dengan peruntukan yang disalurkan oleh JPN. Majlis Daerah Hulu Selangor akan mengambil alih pengurusan fasiliti ini selepas semua pembaikan kerosakan selesai.

Maklum balas JPN yang diterima pada 8 April 2019 dan 23 Ogos 2019

JPN telah mengeluarkan arahan bertarikh 5 April 2019 kepada ejen pengurusan PPR Gua Musang untuk menyediakan laporan lengkap kerosakan dalam tempoh 60 hari sebelum keputusan pembaikan diberi pertimbangan sewajarnya. Pihak kontraktor telah membuat pembaikan terhadap keretakan pagar STP pada 30 Disember 2018.

Melalui semakan pada 20 Ogos 2019, jubin lantai pecah dan tertanggal di Blok A telah dibaiki dengan sempurna. Manakala pembaikan kesan resapan air dan *diagonal crack* akan diperbaiki secara berkala mengikut keutamaan kerosakan. Sehubungan itu, satu surat permohonan semakan resapan air dan *diagonal crack* secara lebih terperinci telah dihantar kepada Bahagian Pembangunan Dan Pelaksanaan Projek, KPKT.

Pada pendapat Audit penyenggaraan tidak dibuat dengan segera menyebabkan kemudahan/bangunan tidak dapat digunakan dan seterusnya meningkatkan kos penyenggaraan/pembaikan.

6.2.7. Pemilihan Peserta

- Pemilihan peserta adalah berdasarkan kepada Terma Rujukan Jawatankuasa Pemilihan Pembeli dan Jawatankuasa Rayuan Pembeli. Antara syarat kelayakan adalah pendapatan isi rumah di bawah RM3,000 sebulan, golongan setinggan dari kawasan yang telah dikenal pasti, warganegara Malaysia, belum mempunyai rumah dan mematuhi syarat tambahan lain yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri.
- Semakan Audit terhadap proses pemilihan dan pengeluaran surat tawaran, SST, perjanjian RTO serta penyerahan kunci kepada 1,076 penghuni RTO di PPR Taman Siliau Jaya, PPR Taman Danau dan PPR Gua Musang mendapati pendapatan isi rumah bagi 51 penghuni (4.7%) berpendapatan melebihi RM3,000 sebulan dengan pendapatan tertinggi mencapai RM5,850 sebulan seperti dalam **Jadual 15**.

**JADUAL 15
PENDAPATAN ISI RUMAH MELEBIHI RM3,000 SEBULAN**

BIL.	RTO (PPR)	BIL. SAMPEL	PENDAPATAN ISI RUMAH >RM3,000 SEBULAN			MAKLUM BALAS JPN PADA 22 MAC 2019
			BIL. PESERTA	%	RM	
1.	PPR Taman Siliau Jaya	142	22	15.5	3,001 – 5,033	<ul style="list-style-type: none"> - 18 bekas/pekerja ladang diberi tawaran berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan. - Empat (4) peserta membuat pengisytiharan pendapatan dan berada dalam had kelayakan ditetapkan.
2.	PPR Taman Danau	272	17	6.3	3,001 – 5,850	17 peserta membuat permohonan melalui Ahli Dewan Undangan Negeri.
3.	PPR Gua Musang	662	12	1.8	3,001 – 5,002	12 peserta mengemukakan permohonan berserta akuan sumpah kepada JPN.
JUMLAH		1,076	51	4.7	3,001 – 5,850	

Sumber: Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pemilihan peserta RTO telah mengikut kriteria yang ditetapkan iaitu pendapatan isi rumah peserta di bawah RM3,000 sebulan.

6.2.8. Pengurusan Kutipan

- a. AP 53 menghendaki pegawai pengawal bertanggungjawab melaksanakan kewajipan kewangan dengan memungut semua terimaan yang patut diterima dan disimpan selamat serta diakaunkan dengan betul. Manakala AP 89A pula menyatakan Akaun Belum Terima perlu diselenggara dengan lengkap dan kemas kini bagi merekodkan semua tunggakan hasil dan bayaran balik berkaitan.
- b. Kutipan hasil yang meliputi deposit, hasil jualan, hasil sewaan RTO dan kemudahan awam diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Perumahan, JPN melalui Kumpulan Wang Amanah Kerajaan PPR Dimiliki. Kutipan dibuat oleh pegawai JPN atau melalui ejen pengurusan yang dilantik dan bayaran oleh peserta dibuat secara draf bank atau *bank in*. Ejen dipertanggungjawabkan untuk mengutip dan perlu menyerahkan hasil kutipan kepada JPN untuk diakaunkan dalam Kumpulan Wang Amanah. Pihak yang bertanggungjawab untuk menguruskan kutipan bagi PPR Taman Siliau Jaya, PPR Taman Danau dan PPR Gua Musang adalah seperti dalam **Jadual 16**.

**Tunggakan
RM2.39 Juta**

**Sepatut Diterima
RM9.72 Juta**

**Kutipan Diterima
RM7.33 Juta**

JADUAL 16
PIHAK YANG BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MENGURUSKAN KUTIPAN

BIL.	RTO (PPR)	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB
1.	PPR Taman Siliau Jaya	Syarikat 471243-M sehingga 4 Oktober 2017.
		Bahagian Pengurusan Perumahan, JPN mulai 5 Oktober 2017.
2.	PPR Taman Danau	Syarikat 471243-M sehingga 30 Jun 2018.
		Bahagian Pengurusan Perumahan, JPN mulai 1 Julai 2018.
3.	PPR Gua Musang	Syarikat 471243-M sehingga 30 Jun 2018.
		Bahagian Pengurusan Perumahan, JPN antara 1 Julai 2018 hingga 30 Ogos 2018.
		Syarikat KT 0298905-W mulai 1 September 2018.

Sumber: Bahagian Pengurusan Perumahan, JPN

c. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

i. Kontrak Perkhidmatan Pengurusan Kutipan Tidak Disediakan antara Kerajaan dengan Ejen Pengurusan

- AP 176.1(a) menyatakan sebelum sesuatu tender atau sebut harga disetuju terima, Pegawai Pengawal hendaklah berpuas hati bahawa syarat-syarat perolehan itu telah diputuskan dan dinyatakan dengan jelas. Selepas setuju terima oleh pihak berkuasa yang berkenaan, satu kontrak formal hendaklah disempurnakan oleh Pegawai Pengawal.
- Semakan Audit mendapati kontrak bagi perkhidmatan pengurusan kutipan deposit dan sewaan RTO antara Kerajaan dengan Syarikat 471243-M tidak disediakan. Kontrak tidak disediakan kerana sebelum konsep RTO diperkenalkan pada 3 Ogos 2016, JPN telah melantik ejen pengurusan iaitu Syarikat 471243-M untuk menguruskan penjualan unit PPR. Perjanjian Perkhidmatan Pengurusan Penjualan antara Kerajaan dengan Syarikat 471243-M ditandatangani pada 31 Mac 2016 bagi PPR Taman Danau dan PPR Gua Musang.
- Bagi PPR Taman Siliau Jaya, perjanjian ditandatangani pada 17 Jun 2016. Bagaimanapun, kontrak baru tidak ditandatangani selepas konsep RTO diperkenalkan. JPN dan Syarikat 471243-M masih menggunakan pakai klausa kutipan hasil jualan rumah PPR yang dibeli terus yang terdapat dalam Perjanjian Perkhidmatan Pengurusan Penjualan. Kesannya, tiada klausa jelas mengenai tugas dan tanggungjawab ejen dalam pengurusan kutipan deposit dan sewa RTO.

ii. Maklumat Kutipan Tidak Diselenggara

- Berdasarkan Perjanjian Perkhidmatan Pengurusan Penjualan antara Kerajaan dengan Syarikat 471243-M di PPR Taman Siliau Jaya, PPR Taman Danau dan PPR Gua Musang, skop perkhidmatan merangkumi penyediaan laporan terimaan bayaran secara bulanan kepada Kerajaan.
- Bagaimanapun, pihak Audit mendapati JPN tidak menyimpan maklumat lengkap dan kemas kini bagi kutipan di PPR Taman Siliau Jaya, PPR Taman Danau dan PPR Gua Musang. Hal ini kerana JPN berpendapat maklumat tersebut telah diselenggarakan oleh Syarikat 471243-M, yang bertanggungjawab mengemukakan laporan tersebut secara bulanan kepada JPN. Selain itu, JPN juga tidak memantau prestasi kutipan oleh Syarikat 471243-M.

- Analisis Audit berdasarkan maklumat yang dikemukakan sehingga bulan Jun 2018 mendapati perkara seperti berikut:
 - Syarikat 471243-M menggunakan akaun bank syarikat untuk kutipan deposit dan sewa RTO. Bagaimanapun, maklumat berkaitan akaun tersebut tidak dikemukakan kepada pihak Audit bagi tujuan pengesahan. Berdasarkan maklum balas JPN pada 22 Mac 2019, akaun bank Syarikat 471243-M masih berbaki sebanyak RM243,967.
 - Semakan Audit terhadap rekod kutipan yang disediakan oleh Syarikat 471243-M dan JPN serta penyata pemungut dari tahun 2016 hingga bulan Jun 2018 yang direkodkan dalam Buku Akaun Amanah PPR Dimiliki mendapati kutipan yang sepatutnya diterima oleh JPN adalah berjumlah RM9.72 juta. Bagaimanapun, mengikut perkiraan Audit, kutipan yang diterima oleh JPN berdasarkan maklumat yang dikemukakan adalah berjumlah RM7.33 juta. Sehubungan itu, terdapat tunggakan hasil berjumlah RM2.39 juta seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
TUNGGAKAN KUTIPAN DEPOSIT DAN SEWA
DARI TAHUN 2016 HINGGA BULAN JUN 2018

PERIHAL	TAHUN	AMAUN (RM)			
		PPR TAMAN SILIAU JAYA	PPR TAMAN DANAU	PPR GUA MUSANG	
Kutipan yang Sepatuunya Diterima	RTO	2016	350,000	605,500	
		2017	203,975	384,580	
		2018	123,615	213,610	
	Pinjaman Bank	2016	80,500	-	
		2017	724,500	-	
	Tunai	2016	49,000	437,500	
		2017	441,000	3,937,500	
	JUMLAH KUTIPAN BAGI TAHUN 2016-2018		1,972,590	5,578,690	
	JUMLAH KESELURUHAN		9,718,505		
	Kutipan Diterima	2016	580,939	3,584,000	
		2017	255,000	94,800	
		2018	448,765	618,436	
		JUMLAH	1,284,704	4,297,236	
		Kutipan JPN	2018	9,430	
JUMLAH KUTIPAN BAGI TAHUN 2016-2018			1,294,134	4,388,341	
JUMLAH KESELURUHAN			7,329,610		
TUNGGAKAN MENGIKUT PERKIRAAN AUDIT			678,456	1,190,349	
			2,388,895		

Sumber: Bahagian Akaun dan Bayaran, JPN serta Jabatan Audit Negara

- JPN juga tidak mewujudkan akaun deposit bagi deposit yang diterima daripada penyewa RTO. Semua kutipan deposit telah dikreditkan sebagai terimaan dalam Kumpulan Wang Amanah Kerajaan PPR Dimiliki. Sehubungan itu, Buku Rekod Pendeposit, Buku Lejar Deposit dan rekod/laporan lain berkaitan dengan deposit yang dikutip di RTO tidak diselenggarakan oleh JPN. Kesan ketiadaan akaun deposit ini akan menyebabkan JPN sukar mengenalpasti pembayaran semula deposit kepada penghuni RTO setelah RTO dipindahmilik.
- Semakan selanjutnya mendapati 130 penghuni di PPR Taman Siliau Jaya dan PPR Taman Danau telah membuat bayaran deposit untuk membeli rumah PPR secara jualan terus masing-masing berjumlah RM112,000 dan RM343,000. Bagaimanapun, penghuni tersebut masih dikenakan bayaran deposit bagi pembelian rumah PPR secara RTO di mana deposit asal tersebut masih belum dikembalikan kepada penghuni. Pihak JPN tidak menyedari kewujudan deposit tersebut sehingga perkara ini dibangkitkan oleh pihak Audit.

iii. Kutipan Lewat Dikemukakan kepada JPN

- Berdasarkan Perjanjian Perkhidmatan Pengurusan Penjualan antara Kerajaan dengan Syarikat 471243-M di PPR Taman Siliau Jaya, PPR Taman Danau dan PPR Gua Musang, bayaran pembelian perlu dimasukkan dalam Tabung Kumpulan Wang Amanah Kerajaan PPR Dimiliki dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja.
- Analisis Audit mendapati Syarikat 471243-M lewat mengemukakan deposit dan kutipan jualan kepada JPN antara 50 hingga 420 hari seperti dalam **Jadual 18**. Manakala deposit dan hasil kutipan sewa RTO lewat dikemukakan antara 12 hingga 14 bulan seperti dalam **Jadual 19**. Hal ini kerana JPN tidak memantau pelaksanaan syarat perjanjian ini. Kelewatan mengakaunkan kutipan ini dalam Kumpulan Wang Amanah Kerajaan PPR Dimiliki akan menjaskankan nilai faedah/pulangan yang dapat dijana sekiranya kutipan ini didepositkan dalam akaun simpanan tetap.

JADUAL 18
KUTIPAN DEPOSIT DAN JUALAN LEWAT DIKEMUKAKAN KEPADA JPN

PROJEK RTO (PPR)	STATUS MILIKAN	KELEWATAN (Hari)	AMAUN (RM)
Taman Siliau Jaya	RTO	50 - 320	146,277
	Jualan Tunai	52 - 420	490,000
	Bank	52 - 66	7,280

PROJEK RTO (PPR)	STATUS MILIKAN	KELEWATAN (Hari)	AMAUN (RM)
Taman Danau	RTO	52 - 140	354,730
	Jualan Tunai/Bank	94	3,398,500
JUMLAH		50 - 420	4,396,787

Sumber: Bahagian Pengurusan Perumahan, JPN

JADUAL 19 KUTIPAN DEPOSIT DAN SEWA RTO LEWAT DIKEMUKAKAN KEPADA JPN

PROJEK RTO (PPR)	TARIKH TERIMAAN KUTIPAN DARI SYARIKAT 471243-M	KUTIPAN SEWA RTO BAGI TEMPOH	KELEWATAN (Bulan)	AMAUN (RM)
Taman Siliau Jaya	23.05.2018	April 2017 hingga Mac 2018	12	221,265
Taman Danau	23.05.2018	Mac 2017 hingga Mac 2018	13	460,936
Gua Musang	23.05.2018	Februari 2017 hingga Mac 2018	14	1,450,920
JUMLAH			12 - 14	2,133,121

Sumber: Bahagian Pengurusan Perumahan, JPN

Maklum balas JPN yang diterima pada 22 Mac 2019

JPN sedang mengambil tindakan penambahbaikan. Rekod maklumat terimaan telah diwujudkan dan dikemas kini. Selain itu, JPN mula menempatkan beberapa pegawai bagi memantau terimaan deposit dan sewaan RTO termasuk mengemas kini maklumat kutipan jualan dan sewaan yang diterima oleh JPN serta ejen pengurusan.

Maklum balas JPN yang diterima pada 23 Ogos 2019

Kontrak antara JPN dan syarikat 471243-M merangkumi kutipan hasil jualan daripada peserta PPR. JPN berpandangan bahawa kontrak tersebut turut merangkumi kutipan deposit dan hasil RTO memandangkan skim RTO merupakan alternatif yang ditawarkan oleh Kerajaan bagi pemilikan unit-unit PPR kepada peserta yang tidak berkemampuan untuk mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan dan ianya adalah selari dengan kontrak asal.

Sebagai langkah penambahbaikan, Jabatan telah memasukkan skop perkhidmatan kutipan yang lebih terperinci dalam kontrak baru ejen pengurusan bangunan bagi PPR di bawah seliaan JPN seperti di PPR Gua Musang, PPR Kota Bharu, PPR Lembah Subang 2 dan PPR Sentul Murni.

Mengenai akaun syarikat 471243-M yang masih berbaki berjumlah RM243,967, Jabatan ini telah menerima maklumat kutipan berserta tiga (3) bank deraf hasil kutipan berjumlah RM203,043 daripada syarikat pada 2 Julai 2019. Manakala baki

sebanyak RM40,924 belum dapat dipulangkan kepada JPN memandangkan syarikat tidak dapat mengenal pasti perincian pembayaran tersebut. Oleh itu, JPN telah mengangkat perkara ini kepada pihak Bahagian Kewangan dan Perolehan KPCT bagi mendapatkan pandangan lanjut berhubung perkara ini.

Pihak Audit telah meneliti maklum balas yang diterima daripada KPCT. Namun, pihak Audit berpendapat pengurusan kutipan tidak diuruskan dengan cekap dan teratur. Kekurangan pemantauan daripada pihak JPN terhadap urusan kutipan ini menjelaskan aliran tunai Kerajaan kerana terdapat tunggakan hasil yang tinggi dan kelewatan bayaran oleh ejen pengurusan RTO kepada Kerajaan.

7. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya berdasarkan skop pengauditan, dapat dirumuskan bahawa PPR berkonsepkan RTO tidak dilaksanakan dengan cekap. Hal ini kerana berlaku kelewatan dalam penyerahan dan pengisian rumah RTO. Selain itu, wujud kelemahan dalam pengurusan program RTO merangkumi aspek pemilihan lokasi projek, kualiti kerja, penyenggaraan bangunan dan pengurusan kutipan. Namun, objektif untuk menyediakan tempat kediaman kepada golongan setinggan dan berpendapatan rendah telah tercapai.

8. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam program lain, pihak Audit mengesyorkan KPCT, JPN dan MoF mengambil tindakan seperti berikut:

- 8.1. JPN hendaklah mewujudkan satu mekanisme untuk memastikan proses pemilihan dan memuktamadkan senarai peserta lebih awal bagi membolehkan pengisian unit rumah dibuat dengan segera selepas projek pembinaan PPR disiapkan. Ini membolehkan golongan sasaran mendapat manfaat lebih awal daripada program Kerajaan;
- 8.2. KPCT hendaklah sentiasa memantau pentadbiran kontrak supaya pelaksanaannya mematuhi setiap klausa kontrak dan peraturan yang berkuatkuasa. Setiap Arahan Perubahan Kerja, Pelarasian Harga Kontrak dan lanjutan masa hendaklah disokong dengan justifikasi yang munasabah dan diuruskan dengan teratur;
- 8.3. JPN hendaklah mewujudkan mekanisme yang sistematik dan berkesan untuk memantau proses kutipan deposit, hasil dan tunggakan yang dilaksanakan oleh ejen pengurusan dengan menyelenggarakan satu rekod/sistem kutipan yang lengkap. Ini

adalah supaya amaun tunggakan dapat dikenal pasti, hasil kutipan sewaan telah diakaunkan dengan betul dan deposit yang terlebih dikutip dapat dipulangkan kepada peserta RTO dengan segera;

8.4. KPKT hendaklah menjalankan penyeliaan yang rapi di tapak bagi memastikan setiap spesifikasi kerja dan reka bentuk bangunan diperhalusi serta diteliti bagi mengelakkan berlakunya kualiti kerja yang kurang memuaskan. Skop kerja hendaklah mengambil kira keselesaan pengguna dan kos penyenggaraan yang perlu ditanggung oleh Kerajaan di masa akan datang;

8.5. KPKT dan JPN hendaklah melaksanakan penyeliaan dan penyelarasan secara menyeluruh melibatkan proses penyerahan projek kepada JPN dan PBT yang terlibat serta kerja-kerja penyenggaraan yang dijalankan oleh ejen pengurusan yang dilantik; dan

8.6. KPKT dan MoF hendaklah mengkaji semula dasar pelantikan kontraktor secara rundingan terus berdasarkan amalan tadbir urus yang baik (*good governance practices*) dengan mematuhi lima (5) prinsip perolehan iaitu akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, nilai faedah yang terbaik, saingen terbuka serta adil dan saksama.

6

MAJLIS KESELAMATAN NEGARA KEMENTERIAN DALAM NEGERI

- Kementerian Pertahanan
- Kementerian Kewangan
- Kementerian Luar Negeri
- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
- Kementerian Pengangkutan
 - Aktiviti Kawalan Keselamatan dan Penguatkuasaan Zon Maritim Malaysia
- Kementerian Kewangan
- Kementerian Pertahanan
 - Aktiviti Kawalan Keselamatan dan Penguatkuasaan Sempadan Darat Malaysia

KEMENTERIAN PERTAHANAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
KEMENTERIAN LUAR NEGERI
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN
INDUSTRI MAKANAN
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Aktiviti Kawalan Keselamatan dan Penguatkuasaan
Zon Maritim Malaysia

**MAJLIS KESELAMATAN NEGARA/
KEMENTERIAN DALAM NEGERI/
KEMENTERIAN PERTAHANAN/
KEMENTERIAN KEWANGAN/
KEMENTERIAN LUAR NEGERI/
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI
MAKANAN/KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AKTIVITI KAWALAN KESELAMATAN DAN
PENGUATKUASAAN ZON MARITIM MALAYSIA**

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditan melibatkan penilaian terhadap Aktiviti Kawalan Keselamatan dan Penguatkuasaan Zon Maritim Malaysia bagi tempoh tahun 2016 hingga 2019 yang meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan aktiviti.
- Bagi prestasi aktiviti, pencapaian output dan *outcome* dinilai terhadap pelaksanaan aktiviti operasi penguatkuasaan di Zon Maritim Malaysia (ZMM).
- Pengurusan aktiviti pula dinilai terhadap tiga (3) perkara iaitu kesiapsiagaan aset operasi, sistem pengawasan dan pelepasan pelabuhan di ZMM.
- Pengauditan melibatkan sembilan (9) jabatan/agensi iaitu Majlis Keselamatan Negara (MKN), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Pasukan Polis Marin Polis DiRaja Malaysia (PPM PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Laut Malaysia (JLM), Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Jabatan Hal Ehwal Maritim (JHEM).

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Untuk menilai keberkesanan aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan yang dijalankan di ZMM.
- Untuk menilai tahap kesedaran orang awam terhadap peranan jabatan/agensi yang terlibat dalam aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan di ZMM.
- Aktiviti kemasukan kapal/bot, barang secara haram dan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di ZMM memberi kesan negatif kepada ekonomi dan keselamatan negara.
- Untuk memastikan perkhidmatan oleh jabatan/agensi yang menjalankan aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan di ZMM, boleh dilihat dalam komuniti dan memberi respon/tindak balas dengan segera bila diperlukan.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, jabatan dan agensi yang dipertanggungjawabkan terhadap aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan ZMM telah melaksanakan peranan masing-masing berdasarkan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang ditetapkan. Bagaimanapun, aktiviti ini masih belum mencapai tahap kecekapan yang optimum kerana wujud isu kurang koordinasi di antara jabatan/agensi dalam penguatkuasaan dari segi perkongsian maklumat dan kekurangan aset. Aset yang rosak dan faktor kawasan ZMM yang luas turut menyukarkan aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan ZMM. Ini mengakibatkan masih berlaku penyeludupan barang, pencerobohan dan penyeludupan PATI dan pencerobohan nelayan di ZMM. Di antara perkara adalah seperti berikut:
 - Rundingan pembatasan sempadan maritim antara Malaysia dengan Indonesia dan Malaysia dengan Singapura masih diteruskan termasuklah penyelesaian ke atas isu-isu sempadan maritim yang berkaitan.
 - Sebanyak 89 kali kapal daripada agensi penguatkuasaan/ketenteraan China menceroboh di perairan Sarawak dan perairan barat Sabah dari tahun 2016 hingga 2019.
 - Kerosakan sebanyak 34.6% kapal/bot menjaskan kecekapan dan keberkesanan operasi di ZMM.
 - Sebanyak 11.7% kapal/bot yang dimiliki oleh APMM, PPM PDRM dan DOF rosak dan tidak dibuat penyenggaraan kerana kekurangan peruntukan penyenggaraan.
 - Sistem Pengawasan Laut Malaysia (SWASLA) tiada di perairan pantai timur Semenanjung Malaysia, Sarawak dan pantai timur Sabah bagi mengawasi sebarang aktiviti pencerobohan dan penyeludupan di ZMM berkenaan.
 - Sebanyak 64.3% *Remote Sensor Sites* (RSS) daripada komponen sistem SWASLA mempunyai peralatan yang rosak. Selain itu, 44.4% RSS mempunyai peralatan tidak boleh diganti semula (*obsolete*) kerana alat ganti tiada lagi di pasaran.
 - Terdapat RSS yang dimiliki APMM mempunyai sudut buta (*blind arc*) bagi radar pengesanan dan kamera penglihatan.
 - Maklumat daripada sistem pengawasan digunakan secara individu oleh APMM, JLM dan DOF. Ketiadaan satu (1) pengumpulan dan penyelarasaran maklumat secara berpusat untuk mengkoordinasikan operasi penguatkuasaan antara jabatan/agensi.

MAJLIS KESELAMATAN NEGARA/ KEMENTERIAN DALAM NEGERI/ KEMENTERIAN PERTAHANAN/KEMENTERIAN KEWANGAN/ KEMENTERIAN LUAR NEGERI/KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN/KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

1. AKTIVITI KAWALAN KESELAMATAN DAN PENGUATKUASAAN ZON MARITIM MALAYSIA

FAKTA UTAMA AKTIVITI KAWALAN KESELAMATAN DAN PENGUATKUASAAN ZON MARITIM MALAYSIA

6 Kategori Zon Maritim Malaysia	6 Negara Bersempadan	637,734.23 km²
<ul style="list-style-type: none">Perairan pedalaman, laut wilayah, pelantar benua, Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia, perairan perikanan dan ruang udara di atas zon maritim	<ul style="list-style-type: none">Indonesia, Singapura, Thailand, Vietnam, Filipina dan Brunei	<ul style="list-style-type: none">Keluasan Zon Maritim Malaysia
Majlis Keselamatan Negara		
Tentera Laut Diraja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Jabatan Laut Malaysia, Pasukan Polis Marin Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Perikanan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">Menggubal dasar dan menyelaras aktiviti penguatkuasaan di Zon Maritim Malaysia (ZMM).Jabatan/agensi yang terlibat melaksanakan kawalan keselamatan atau penguatkuasaan atau kedua-duanya di ZMM.	
Jabatan Imigresen Malaysia	<ul style="list-style-type: none">Melaksanakan kawalan keselamatan dan penguatkuasaan di pintu keluar/masuk laut yang diwartakan.	
Kementerian Luar Negeri	<ul style="list-style-type: none">Mengetuai rundingan pembatasan sempadan antarabangsa maritim Malaysia dan memastikan keselamatan dan kedaulatan ZMM dihormati oleh negara-negara lain menerusi diplomasi.	

1. LATAR BELAKANG

1.1. Zon Maritim Malaysia (ZMM)¹ terdiri daripada perairan pedalaman, laut wilayah, pelantar benua, Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia, perairan perikanan Malaysia dan ruang udara di atas zon itu. Penjelasan mengenai ZMM seperti dalam **Jadual 1** manakala pembahagian dan persempadanan ZMM adalah seperti dalam **Rajah 1** dan **2**.

**JADUAL 1
TAKRIFAN ZON MARITIM MALAYSIA**


ZON	PENJELASAN
Perairan pedalaman	Mana-mana kawasan laut yang terletak di sebelah bahagian darat garis pangkal yang darinya lebar laut wilayah Malaysia diukur.
Laut wilayah	Kelebaran laut wilayah Malaysia merangkumi 12 batu nautika (BN) daripada garis pangkal (pantai).

¹ Takrifan ZMM adalah berdasarkan kepada Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984 (Akta 311), Akta Laut Wilayah 2012 (Akta 750), Akta Pelantar Benua 1966 pindaan 1 Januari 2006 (Akta 83), Akta Garis Pangkal Zon Maritim 2006 (Akta 660) dan Akta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004 (Akta 633)

ZON	PENJELASAN
Pelantar benua	Dasar laut dan tanah di bawah kawasan bawah laut yang bersempadan dengan pantai Malaysia tetapi di luar had laut wilayah yang permukaannya terletak sedalam tidak lebih daripada 200 meter di bawah permukaan laut.
Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia	Suatu kawasan yang melampaui dan berdampingan dengan laut wilayah Malaysia dan meluas sehingga sejauh 200 BN daripada garis pangkal yang darinya lebar laut wilayah itu diukur.
Perairan perikanan Malaysia	Perairan di bawah bidang kuasa Malaysia yang ke atasnya hak menangkap ikan eksklusif atau hak pengurusan perikanan ditutup mengikut undang-undang dan termasuklah perairan dalaman, laut wilayah dan perairan kelautan yang termasuk dalam ZEE.
Ruang udara	Ruang udara di atas zon perairan dalaman, laut wilayah, pelantar benua, zon ekonomi eksklusif (ZEE) Malaysia dan perairan perikanan Malaysia.


Sumber: Akta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004 (Akta 633)

**RAJAH 1
PEMBAHAGIAN ZON MARITIM MALAYSIA**



Sumber: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia

**RAJAH 2
ZON MARITIM MALAYSIA**



Sumber: Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia

1.2. Objektif aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan ZMM oleh kementerian/jabatan/agensi yang terlibat adalah memastikan keselamatan dan kedaulatan ZMM daripada aktiviti pencerobohan, penyeludupan dan aktiviti lain yang menyalahi undang-undang. Aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan ZMM dikategorikan kepada empat (4) peringkat utama iaitu penggubalan dasar, kawalan keselamatan dan penguatkuasaan di ZMM, kawalan keselamatan dan penguatkuasaan di pintu keluar/masuk laut yang diwartakan dan rundingan diplomatik. Sebanyak sembilan (9) jabatan/agensi daripada tujuh (7) kementerian terlibat dalam aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan ZMM seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PERANAN JABATAN/AGENSI

PERINGKAT	KEMENTERIAN	JABATAN/ AGENSI	PERANAN
Penggubalan Dasar	Jabatan Perdana Menteri	Majlis Keselamatan Negara (MKN)	Menguruskan perkara berkaitan maritim dengan menggubal dan menyelaras dasar keselamatan maritim secara menyeluruh bagi memastikan keselamatan (<i>security and safety</i>) perairan dan kedaulatan negara.
Kawalan Keselamatan dan Penguatkuasaan di ZMM	Kementerian Pertahanan	Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM)	Bertanggungjawab melindungi kedaulatan dan keutuhan wilayah maritim negara.
	Kementerian Dalam Negeri	Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)	Memastikan ZMM aman dan terkawal dan melaksanakan operasi mencari dan menyelamat di laut serta menjaga kedaulatan negara.
		Pasukan Polis Marin Polis DiRaja Malaysia (PPM PDRM)	Mencegah, mengesan, menyiasat, mendakwa, mengumpul risikan dan menyediakan perkhidmatan kopolisan untuk mengawal keselamatan dalam negeri di kawasan maritim.
	Kementerian Pengangkutan	Jabatan Laut Malaysia (JLM)	Membangun dan melaksanakan sistem keselamatan pelayaran, keselamatan kapal, pengurusan pelaut, sekuriti kemudahan pelabuhan dan pengendalian latihan kelautan supaya menepati piawaian antarabangsa dan undang-undang negara.
	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan	Jabatan Perikanan Malaysia (DOF)	Mengadakan kawalan dan rondaan untuk menguatkuasakan Akta Perikanan 1985, Akta Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) 1984 dan peraturan-peraturan perikanan lain yang dibuat di bawahnya bagi memastikan sumber perikanan diterokai secara mapan.
Kawalan Keselamatan dan Penguatkuasaan di Pintu Keluar/Masuk Laut yang Diwartakan	Kementerian Kewangan	Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)	Memungut hasil dan memberi fasilitasi perdagangan melalui penguatkuasaan dan pematuhan undang-undang.
	Kementerian Dalam Negeri	Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)	Menguruskan perihal keimigresenan selaras dengan kepentingan negara dan mengawal selia pergerakan orang yang keluar/masuk melalui pintu yang diwartakan.
Rundingan Diplomatik	Kementerian Luar Negeri	Jabatan Hal Ehwal Maritim (JHEM)	Sebagai ketua rundingan dan <i>focal point</i> berkaitan dasar, pendirian, strategi, pendekatan dan hala tuju berhubung isu-isu maritim dan rundingan pembatasan sempadan antarabangsa maritim Malaysia dengan negara luar.

Sumber: Jabatan/Agensi

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bertujuan untuk menilai sama ada aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan ZMM dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan. Ini bagi memastikan keselamatan dan kedaulatan ZMM daripada aktiviti pencerobohan, penyeludupan dan aktiviti lain yang menyalahi undang-undang.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Skop pengauditan meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi serta pengurusan kawalan keselamatan dan penguatkuasaan ZMM bagi tahun 2016 hingga 2019. Prestasi aktiviti dinilai melalui elemen pencapaian output dan *outcome*. Pengurusan aktiviti pula meliputi tiga (3) perkara iaitu kesiapsiagaan aset operasi, sistem pengawasan dan pelepasan pelabuhan di ZMM.

3.2. Pengauditan telah dilaksanakan melibatkan sembilan (9) jabatan/agensi iaitu Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Perdana Menteri (JPM); Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Kementerian Pertahanan; Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Pasukan Polis Marin Polis DiRaja Malaysia (PPM PDRM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Kementerian Dalam Negeri; Jabatan Laut Malaysia (JLM), Kementerian Pengangkutan; Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan; Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Kementerian Kewangan dan Jabatan Hal Ehwal Maritim (JHEM), Kementerian Luar Negeri. Pengauditan dijalankan di empat (4) negeri iaitu Johor, Kedah, Selangor dan Sarawak. Pemilihan negeri adalah berdasarkan kepada jabatan/agensi penguatkuasaan yang paling banyak mempunyai pangkalan/markas/pejabat operasi dan mengikut zon di Malaysia (Zon Utara, Selatan, Tengah dan Sarawak).

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail, dokumen, pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab dengan aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan ZMM. Pengedaran borang soal selidik kepada seramai 500 responden yang berada di kawasan ZMM yang terdiri daripada anggota penguatkuasa, orang awam, peniaga dan nelayan juga dilaksanakan.

5. RUMUSAN AUDIT

5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Februari hingga Disember 2019 merumuskan perkara berikut:

a. Prestasi Aktiviti

- i. Pengauditan ini merumuskan bahawa koordinasi dan bidang kuasa antara jabatan/agensi untuk melaksanakan aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan ZMM perlu dipertingkatkan. Ini berdasarkan operasi yang dilaksanakan mematuhi peraturan dan *Standard Operating Procedure (SOP)* yang ditetapkan. Melalui operasi kawalan keselamatan dan penguatkuasaan, jabatan/agensi berjaya melaksanakan rampasan barang, tangkapan pendatang asing tanpa izin (PATI) serta penahanan nelayan tempatan dan asing.
- ii. Bagaimanapun, APMM tidak dapat mencapai *Key Performance Indicator (KPI)* yang memerlukan keberadaan kapal/bot penguatkuasaan sekurang-kurangnya 45 kapal/bot setiap hari. APMM juga tidak dapat melaksanakan sepenuhnya arahan MKN untuk melaksanakan rondaan dan penguatkuasaan di Beting Patinggi Ali di Laut China Selatan pada tahun 2019.
- iii. Selain itu, berdasarkan Kajian Indeks Persepsi Keselamatan Maritim yang dilaksanakan oleh TLDM pada tahun 2016 hingga 2019 mendapati bahawa tahap keselamatan ZMM berada ditahap yang selamat. Hasil analisis soal selidik Audit terhadap persepsi perkhidmatan oleh jabatan/agensi di ZMM mendapati seramai 52.2% responden yang terdiri daripada anggota penguatkuasa, orang awam, peniaga dan nelayan bersetuju menyatakan jabatan/agensi telah menjalankan aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan di ZMM. Selain itu, 54.1% responden menyatakan jabatan/agensi memberi respon dan tindak balas segera bila diperlukan.

b. Pengurusan Aktiviti

Pengurusan aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan di ZMM masih belum mencapai tahap kecekapan yang optimum. Antara kelemahan yang perlu dipertingkatkan adalah berlaku pencerobohan di perairan Sarawak dan Pantai Barat Sabah, kerosakan kapal/bot untuk aktiviti penguatkuasaan, peruntukan tidak mencukupi untuk membaiki dan menyenggara kapal/bot, Sistem Pengawasan Laut Malaysia (SWASLA) tidak dapat beroperasi secara optimum, ketiadaan koordinasi maklumat sistem pengawasan bagi melaksanakan aktiviti penguatkuasaan dan pengecualian pelepasan pelabuhan (*port clearance*) terhadap kapal layar.

5.2. Penemuan utama Audit yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- a. rundingan pembatasan sempadan maritim antara Malaysia dengan Indonesia dan Malaysia dengan Singapura masih diteruskan termasuklah penyelesaian ke atas isu-isu sempadan maritim yang berkaitan;

- b. sebanyak 89 kali kapal daripada agensi penguatkuasaan/ketenteraan China menceroboh di perairan Sarawak dan perairan barat Sabah dari tahun 2016 hingga 2019;
- c. kerosakan sebanyak 34.6% kapal/bot menjelaskan kecekapan dan keberkesanan operasi di ZMM;
- d. sebanyak 11.7% kapal/bot yang dimiliki oleh APMM, PPM PDRM dan DOF rosak dan tidak dibuat penyenggaraan kerana kekurangan peruntukan penyenggaraan;
- e. SWASLA tiada di perairan pantai timur Semenanjung Malaysia, Sarawak dan pantai timur Sabah bagi mengawasi sebarang aktiviti pencerobohan dan penyeludupan di ZMM berkenaan;
- f. sebanyak 64.3% *Remote Sensor Sites* (RSS) daripada komponen sistem SWASLA mempunyai peralatan yang rosak. Selain itu, 44.4% RSS mempunyai peralatan tidak boleh diganti semula (*obsolete*) kerana alat ganti tiada lagi di pasaran;
- g. terdapat RSS yang dimiliki APMM mempunyai sudut buta (*blind arc*) bagi radar pengesanan dan kamera penglihatan; dan
- h. maklumat daripada sistem pengawasan digunakan secara individu oleh APMM, JLM dan DOF. Ketiadaan satu (1) pengumpulan dan penyelarasan maklumat secara berpusat untuk mengkoordinasikan operasi penguatkuasaan antara jabatan/agensi.

6. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Perkara yang ditemui serta maklum balas daripada MKN dan agensi berkaitan telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 18 Oktober 2019. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti dalam perenggan berikut:

6.1. Prestasi Aktiviti Kawalan Keselamatan dan Penguatkuasaan ZMM

6.1.1. Pencapaian Output

Pencapaian output bagi aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan ZMM dikategorikan kepada penyelarasan dasar keselamatan oleh MKN, perlindungan kedaulatan oleh TLDM dan operasi penguatkuasaan.

a. Penyelarasan Dasar Keselamatan ZMM oleh MKN

- i. Arahan MKN No.5 - Pengurusan Keselamatan dan Kedaulatan Maritim bertarikh 8 Disember 2017 menetapkan fungsi MKN berkaitan maritim adalah pengubalan dasar keselamatan, penyelarasan akta dan penyelarasan pelaksanaan operasi maritim.
- ii. Bagi tahun 2016 hingga 2019, isu persempadanan maritim yang masih dalam proses rundingan dan status terkini adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3

RUNDINGAN PEMBATASAN SEMPADAN MARITIM ANTARA MALAYSIA DENGAN INDONESIA DAN MALAYSIA DENGAN SINGAPURA YANG MASIH DALAM PROSES RUNDINGAN SETAKAT 31 DISEMBER 2019

NEGARA	ISU	TINDAKAN DAN STATUS
Indonesia	Rundingan persempadanan maritim Malaysia-Indonesia di empat (4) segmen utama iaitu Laut Sulawesi, Laut China Selatan, Selat Melaka dan Selat Singapura. Rundingan pertama telah diadakan pada 22 Mac 2005.	<p>Tindakan: Jabatan Hal Ehwal Maritim, KLN bertindak sebagai Ketua Perunding yang mengetuai delegasi Malaysia bersama agensi-agensi lain yang berkaitan dalam Mesyuarat Teknikal Pembatasan Sempadan Maritim Malaysia-Indonesia yang telah dimulakan sejak tahun 2005.</p> <p>Status: Delegasi Malaysia dan Indonesia telah mencapai kemajuan dalam rundingan perbatasan sempadan maritim, khususnya di Laut Sulawesi. Kemajuan ini akan terus dibincangkan di peringkat kumpulan teknikal dan seterusnya akan dibawa kepada kepimpinan tertinggi negara Malaysia dan Indonesia untuk pertimbangan dan keputusan.</p>
Singapura	Tindakan susulan ke atas penghakiman Mahkamah Keadilan Antarabangsa (International Court of Justice - ICJ) ke atas kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan. Isu ini bermula sejak 23 Mei 2008.	<p>Tindakan: BKKM, MKN merupakan ahli rundingan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama Malaysia-Singapura (MSJTC). Beberapa siri mesyuarat MSJTC ini telah diadakan dengan diketuai oleh Ketua Setiausaha KLN bagi pihak Malaysia. Di bawah MSJTC ini terdapat dua (2) Jawatankuasa Kecil dan MKN merupakan pengurus bersama bagi rundingan dengan pihak Singapura bagi salah satu Jawatankuasa Kecil tersebut iaitu Jawatankuasa Kecil Pengurusan Maritim, Ruang Udara dan Perikanan.</p> <p>Status: Malaysia dan Singapura dalam proses mendapatkan kesepakatan bagi <i>way-forward</i> untuk kesinambungan platform Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama Malaysia-Singapura (MSJTC). Pada masa yang sama Malaysia dan Singapura mengesahkan komitmen bersama untuk bekerjasama memastikan keadaan di sekitar Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan kekal tenang dan mengelakkan ketegangan di lapangan.</p>
	Pertindihan Had Pelabuhan Johor Bahru dan Singapura. Isu ini bermula sejak 25 Oktober 2018.	<p>Tindakan: KLN telah mengetuai rundingan berhubung Isu Pertindihan Had Pelabuhan Johor Bahru dan Singapura. Kedua-dua negara bersetuju supaya asset-asset Kerajaan boleh beroperasi di kawasan had pelabuhan bertindih, berdasarkan peruntukan di bawah undang-undang antarabangsa (UNCLOS 1982).</p> <p>Status: Agensi penguatkuasaan maritim kedua-dua negara juga hendaklah melaksanakan saluran komunikasi terbuka dan memastikan keadaan tenang di kawasan pertikaian.</p>

Sumber: Bahagian Keselamatan dan Kedaulatan Maritim Malaysia (BKKM), Majlis Keselamatan Negara (MKN)

Maklum balas MKN yang diterima pada 11 Oktober 2019

Pada tahun 2018 sebanyak dua (2) Mesyuarat Teknikal Pembatasan Sempadan Maritim Malaysia - Indonesia. Pada tahun 2019 pula, tiga (3) Mesyuarat Teknikal telah diadakan. Antara perkembangan positif Mesyuarat Teknikal pada 2018 adalah, kedua-dua negara telah menghasilkan cadangan bersama (*joint proposals*) bagi penyelesaian pembatasan sempadan laut wilayah di Laut Sulawesi dan kawasan paling selatan Selat Melaka. Kedua-dua *Joint Technical Proposals* ini sedang diperhalusi untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan masing-masing.

Maklum balas JHEM, KLN yang diterima pada 5 Mei 2020

Berhubung dengan isu persempadanan Malaysia dan Singapura, *Malaysia-Singapore Joint Technical Committee* (MSJTC) telah ditubuhkan bagi melaksanakan penghakiman Mahkamah Keadilan Antarabangsa (International Court of Justice - ICJ) berhubung Kes Kedaulatan Ke atas Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan pada tahun 2008. Sehingga kini, lapan (8) mesyuarat MSJTC telah diadakan dalam proses perundingan pembatasan sempadan maritim di antara Batu Puteh dan Batuan Tengah. Proses rundingan tersebut telah tertunda sebelum ini antaranya kerana isu Rekod Perbincangan (*Record of Discussion - ROD*) yang tidak dapat dimuktamadkan dan tindakan Malaysia yang kemudiannya telah mengemukakan semakan semula penghakiman kes ini kepada ICJ pada tahun 2017. Susulan dari keputusan menarik balik semakan semula tersebut, MSJTC telah bermesyuarat pada 21 dan 22 Januari 2020 di Kuala Lumpur. Kedua-dua pihak telah berjaya mencapai persetujuan ke atas beberapa perkara yang sebelum ini menghalang kemajuan rundingan.

Maklum balas TLDM yang diterima pada 28 April 2020

Sebelum ini terdapat beberapa jawatankuasa (JK) yang ditubuhkan untuk menyelesaikan isu persempadanan maritim negara dan didapati tiada JK khas yang mengordinasi usaha-usaha JK ini. Bagi tindakan yang lebih berkesan dan proaktif JK Sempadan Maritim Antarabangsa (JKSMA) ditubuhkan untuk mengkoordinasikan usaha-usaha penyelesaian JK-JK tersebut. Penubuhan JKSMA telah dipersetujui oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Mei 2019. JK ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan telah bersidang buat kali pertama pada 25 November 2019.

Pada pendapat Audit, tindakan berterusan terhadap isu pembatasan sempadan maritim antara Malaysia dengan Indonesia dan Malaysia dengan Singapura dipertingkatkan.

b. Melindungi Kedaulatan ZMM oleh TLDM

- i. Tugas utama TLDM adalah melindungi kedaulatan dan keutuhan wilayah maritim negara dan tugas sekunder meliputi pelaksanaan tugas seperti bantuan penguatkuasaan undang-undang maritim di kawasan ZEE. Semakan Audit mendapati TLDM telah melaksanakan tugas utama dan sekunder terhadap kawalan dan penguatkuasaan seperti yang ditetapkan. Pelaksanaan tugas ini adalah melibatkan operasi secara 24 jam 7 hari seminggu (24/7).
- ii. Bagi tahun 2016 hingga 2019, semakan Audit terhadap operasi yang dilaksanakan oleh TLDM mendapati kesemuanya telah merekodkan pengesanan kapal asing berada di luar sempadan perairan negara/sempadan antarabangsa dan pencerobohan di ZMM. Pihak Audit mendapati sebanyak 1,493 kali kapal asing telah dikesan berada di luar sempadan perairan negara/sempadan antarabangsa. Daripada jumlah tersebut, TLDM telah mengenalpasti sebanyak 238 kali (15.9%) kapal asing telah menceroboh di ZMM. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
PENGESANAN DAN PENCEROBOHAN OLEH TLDM DI ZMM
BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2019

BIL.	JENIS OPERASI	TAHUN								JUMLAH	
		2016		2017		2018		2019			
		BIL. PENGESANAN	BIL. CEROBOK	BIL. PENGESANAN	BIL. CEROBOK	BIL. PENGESANAN	BIL. CEROBOK	BIL. PENGESANAN	BIL. CEROBOK	BIL. PENGESANAN	BIL. CEROBOK
1.	OP Wira	<i>China Coast Guard</i>	19	19	23	23	16	16	10	10	68
		<i>People's Liberation Army Navy</i>	-	-	-	-	3	3	5	5	8
2.	OP Sinar Sakti	<i>China Coast Guard</i>	-	-	1	1	1	1	2	2	4
		<i>People's Liberation Army Navy</i>	-	-	1	1	6	6	2	2	9
3.	OP Pejarak	90	-	63	2	47	3	30	-	230	5
4.	OP Kekal Warisan	49	-	126	-	157	-	621	-	953	-
5.	Rondaan ZEE	74	74	17	13	22	18	5	2	118	107
6.	OP Pasir	2	2	22	3	27	2	11	2	62	9
7.	OP Daulat Benua	-	-	13	12	26	16	2	-	41	28
JUMLAH		234	95	266	55	305	65	688	23	1,493	238

Sumber: Markas Tentera Laut

Nota: (-) - Tiada Pengesanan oleh TLDM dan Tiada Pencerobohan di Zon Maritim Malaysia

- iii. Analisis Audit selanjutnya terhadap pengesanan dan pencerobohan yang direkodkan mendapati perkara berikut:

- bilangan kapal asing yang dikesan telah meningkat pada tahun 2017, 2018 dan 2019 dengan peningkatan yang sangat ketara pada tahun 2019 sebanyak 383 (125.6%);
 - bilangan kapal asing yang menceroboh telah menurun pada tahun 2017 sebanyak 40 kapal (42.1%) dan meningkat pada tahun 2018 sebanyak 10 kapal (18.2%). Tahun 2019 menurun sebanyak 42 kapal (64.6%); dan
 - daripada 238 kapal asing yang menceroboh di ZMM, sebanyak 89 kapal (37.4%) daripada agensi penguatkuasaan/ketenteraan China di perairan Sarawak dan perairan barat Sabah. Baki sebanyak 149 kapal (62.6%) pula adalah daripada nelayan asing.
- iv. Analisis Audit selanjutnya terhadap ***89 kali pencerobohan kapal daripada agensi penguatkuasaan/ketenteraan China mendapati sebanyak 72 kali melibatkan kapal daripada China Coast Guard (CCG) dan sebanyak 17 kali daripada People's Liberation Army Navy (PLAN).*** Semakan Audit mendapati tujuan kehadiran CCG dan PLAN adalah bagi menunjukkan kehadiran China berhubung tuntutan Laut China Selatan khususnya kawasan Beting Patinggi Ali (BPA). Pencerobohan melibatkan kapal daripada CCG telah meningkat sebanyak lima (5) kali (26.3%) pada tahun 2017 dan menurun sebanyak tujuh (7) kali (29.2%) pada tahun 2018 manakala tahun 2019 menurun sebanyak lima (5) kali (29.4%). Walaupun terdapat penurunan kehadiran daripada CCG pada tahun 2018 tetapi China telah mula menempatkan PLAN di ZMM yang mana bermula pada tahun 2017 sebanyak satu (1) kali, sebanyak sembilan (9) kali pada tahun 2018 dan sebanyak tujuh (7) kali pada tahun 2019. Pihak TLDM telah mengambil tindakan mengusir keluar kapal berkenaan dan mengemukakan maklumat pencerobohan kepada Kementerian Luar Negeri (KLN) untuk membuat bantahan diplomatik namun kapal dari China masih dikesan menceroboh ZMM.
- v. Semakan Audit mendapati JHEM, KLN berdasarkan peruntukan Jadual Kesembilan, [Perkara 74,77] Senarai Perundangan, Senarai I - Senarai Persekutuan, 1 (Hal Ehwal Luar Negeri) telah mengambil tindakan mengeluarkan nota bantahan diplomatik kepada China. ***Nota bantahan diplomatik dikeluarkan kepada China kerana melanggar kawasan kedaulatan ZMM.*** Bantahan pertama dikeluarkan pada tahun 2017 sebagai respon kepada nota bantahan diplomatik daripada China

berhubung tuntutan terhadap Laut China Selatan khususnya kawasan BPA. Pada tahun 2018 dan 2019, sebanyak lima (5) Nota Bantahan Diplomatik telah dikeluarkan bagi pencerobohan perairan Malaysia di kawasan Laut China Selatan. Kelima-lima nota bantahan diplomatik tersebut merangkumi 29 laporan pencerobohan yang dilaporkan oleh TLDM untuk kedua-dua tahun tersebut. Di samping itu, KLN juga menyampaikan bantahan secara lisan kepada kedutaan-kedutaan negara yang terlibat.

Pada pendapat Audit, isu pencerobohan China di BPA, Laut China Selatan merupakan perkara serius terhadap kedaulatan dan keselamatan ZMM. Sungguhpun TLDM dapat menunjukkan keberadaannya bagi melindungi kedaulatan di perairan BPA tetapi peranannya bukan sebagai agensi yang melaksanakan penguatkuasaan. Sewajarnya APMM berada di BPA setiap masa bagi melaksanakan penguatkuasaan dan memberi kelebihan kepada Kerajaan Malaysia sekiranya terdapat sebarang tuntutan oleh China di peringkat antarabangsa. Sungguhpun KLN telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan nota bantahan diplomatik dari semasa ke semasa bagi mempertahankan kedaulatan ZMM, namun bagi tahun 2018 dan 2019 hanya lima (5) nota bantahan dikeluarkan

c. Operasi Penguatkuasaan di ZMM

- i. Punca kuasa lima (5) jabatan/agensi iaitu APMM, PPM PDRM, JKDM, JIM dan DOF yang menjalankan penguatkuasaan di ZMM adalah seperti dalam **Jadual 5.**

**JADUAL 5
PUNCA KUASA BAGI JABATAN/AGENSI**

BIL.	JABATAN/ AGENSI	PUNCA KUASA	KETETAPAN
1.	APMM	Akta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004 (Akta 633), Bahagian III (Fungsi dan Kuasa Agensi - Seksyen 6)	Melaksanakan kawalan keselamatan dan penguatkuasaan di ZMM merangkumi perkara berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Menguatkuasakan undang-undang dan ketenteraman di bawah mana-mana undang-undang Persekutuan. • Melaksanakan tugas mencari dan menyelamat maritim. • Mencegah dan menyekat pelakuan kesalahan. • Menjalankan pengawasan udara dan pantai.
2.	PPM PDRM	Akta Polis 1967	Mencegah, mengesan, menyiasat, mendakwa, mengumpul risikan dan menyediakan perkhidmatan kepolisian untuk mengawal keselamatan dalam negeri di kawasan maritim.
		Perintah Tetap Ketua Polis Negara Bahagian Bab 112 Pasukan Polis Marin – Perenggan 1 (Fungsi)	Menjalankan penguatkuasaan di Laut Wilayah Malaysia, Zon Ekonomi Ekslusif (ZEE) dan Zon Berdampingan (<i>Contiguous Zone</i>).
3.	JKDM	<i>Standard Operating Prosedure - Rondaan Laut dan Pesisiran Pantai Berancang</i>	Menyekat kemasukan barang-barang seludup melalui laut dan pesisir pantai perairan negara.

BIL.	JABATAN/ AGENSI	PUNCA KUASA	KETETAPAN
		Akta Kastam 1967, Seksyen 23 (Masa dan Tempat Mendaratkan Barang ke Dalam Negeri)	Barang yang diimport melalui laut/diangkut melalui air didararkan di suatu tempat mendarat yang sah disisi undang-undang.
		Akta Kastam 1967, Seksyen 103 (Bagasi Penumpang)	Penumpang/orang lain yang tiba/keluar Malaysia hendaklah mengakui semua barang berduti atau barang larangan miliknya, samada pada diri atau bagasi atau kenderaan.
4.	JIM	Akta Pasport 1966 (Akta 150), Seksyen 2 (Pengemukaan Pasport Apabila Memasuki atau Berlepas dari Malaysia)	<ul style="list-style-type: none"> Orang yang memasuki Malaysia hendaklah mengemukakan suatu pasport kepada pegawai imigresen dan jika bukan warganegara pasport itu hendaklah mempunyai satu visa yang sah; dan Orang yang meninggalkan Malaysia untuk pergi ke suatu tempat di luar Malaysia hendaklah mengemukakan suatu pasport kepada pegawai imigresen.
		Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155), Seksyen 8 (Imigran-Imigran Larangan)	Orang/golongan yang dilarang memasuki Malaysia antaranya seperti orang/golongan yang tidak mempunyai punca pendapatan untuk menyara dirinya dan tanggungannya, mengalami sakit otak/kesihatan mental/penyakit berjangkit dan enggan membuat pemeriksaan perubatan selepas dikehendaki berbuat demikian oleh pegawai imigresen.
5.	DOF	Akta Perikanan 1985 (Akta 317), Bahagian X (Penguatkuasaan) - Seksyen 46	<ul style="list-style-type: none"> Menghentikan, menaiki dan mengeledah mana-mana vesel dalam perairan perikanan Malaysia. Menjalankan penyiasatan, pemeriksaan dan penilitian berkenaan dengan pelayaran dan kelayakan belayar vesel itu, kru, kelengkapan/peralatan menangkap ikan atau ikan yang dibawa naik ke atas vesel itu.

Sumber: Ibu Pejabat Jabatan/Agenzi

ii. Bagi tahun 2016 hingga 2019, semakan Audit terhadap operasi penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh APMM, PPM PDRM, JKDM, JIM dan DOF di ZMM mendapati perkara seperti berikut:

- APMM menjalankan operasi penguatkuasaan secara 24 jam 7 hari seminggu (24/7).** APMM telah melaksanakan penguatkuasaan dengan membuat penggeledahan sebanyak 140,388 kali. Daripada penggeledahan tersebut, sebanyak 3,681 penahanan telah dibuat. Analisis Audit mendapati jumlah penggeledahan yang dilaksanakan menurun sebanyak 1,500 kali (4.4%) pada tahun 2017 dan meningkat sebanyak 5,013 kali (15.3%) pada tahun 2018 dan menurun sebanyak 1,882 kali (5%) pada tahun 2019. Maklum balas APMM menyatakan bahawa penurunan penggeledahan tahun 2017 disebabkan kesan daripada pelupusan 13 kapal kelas SIPADAN yang telah dilupuskan. Peningkatan pada tahun 2018 disebabkan peningkatan kehadiran aset APMM terutama di tempat lokasi jenayah maritim kerap berlaku. Penurunan pengeledahan pada tahun 2019 disebabkan aset yang rosak dalam tindakan penyenggaraan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
OPERASI PENGUATKUASAAN APMM
BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2019

TAHUN	PENGGLEDAHAN (Bilangan)	PENAHAANAN (Bilangan)
2016	34,186	913
2017	32,686	952
2018	37,699	845
2019	35,817	971
JUMLAH	140,388	3,681

Sumber: Ibu Pejabat APMM

- APMM telah menetapkan KPI supaya memastikan aset yang beroperasi di ZMM sekurang-kurangnya 45 kapal/bot setiap hari. Analisis Audit berdasarkan sampel bagi tahun 2016 hingga 2018 mendapati APMM tidak dapat mencapai KPI yang ditetapkan. Analisis Audit mendapati ***kesiapsiagaan kapal/bot APMM yang boleh digunakan bagi melaksanakan operasi penguatkuasaan adalah antara 28 hingga 44 kapal/bot setiap hari.*** Pihak Audit dimaklumkan bahawa *Key Performance Indicator* (KPI) tidak tercapai disebabkan kapal/bot APMM mengalami kerosakan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
PURATA ASET APMM YANG BEROPERASI BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN	BULAN	PURATA ASET YANG BEROPERASI
2016	Mac	44
	Okttober	39
	November	38
2017	Januari	42
	Februari	43
	November	41
	Disember	34
2018	Ogos	34
	September	32
	Okttober	28
	November	28
	Disember	29

Sumber: Ibu Pejabat APMM

- Arahan bagi ATM dan APMM untuk memantau dan menangani isu pencerobohan aset asing di Laut China Selatan, termasuk di BPA telah dikeluarkan pada 17 Oktober 2013 melalui Arahan Gerakan MKN

Bil. 3/2013 : Pencerobohan Kapal/Aset Negara Asing Dalam Perairan Pelantar Benua dan Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia di Laut China Selatan - Langkah dan Gerak Tindak Pasukan Keselamatan Negara. Seterusnya pada tahun 2018, Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kedaulatan Negara di Laut China Selatan Bil. 1/2018 menetapkan bahawa TLDM terus menjadi peneraju Op Wira di Laut China Selatan dengan disokong oleh APMM. Analisis Audit berdasarkan **Jadual 8** mendapati pada tahun 2017, APMM telah melaksanakan rondaan sebanyak 265 hari, bagaimanapun jumlah hari rondaan telah menurun dengan ketara pada tahun 2018 dan 2019. Pada tahun 2019 APMM hanya mampu membuat rondaan sebanyak 25 hari. Keadaan ini menyebabkan TLDM mengambil alih aktiviti rondaan dan penguatkuasaan di kawasan tersebut bagi tempoh masa yang tidak dapat dibuat rondaan oleh APMM.

JADUAL 8
RONDAAN DAN PENGUATKUASAAN APMM DI PERAIRAN BETING
PATINGGI ALI BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2019

TAHUN	BILANGAN HARI RONDAAN DAN PENGUATKUASAAN
2017	265
2018	186
2019	25
JUMLAH HARI	476

Sumber: Ibu Pejabat APMM

Maklum balas APMM yang diterima pada 28 April 2020

Penurunan KPI asset beroperasi adalah lebih ketara pada pertengahan tahun 2018 adalah disebabkan kontrak pengurusan pembaikan dan penyelenggaraan kapal/bot telah tamat pada 31 Julai 2018 dan tiada kontrak baru dimeterai sehingga kini. Kelulusan berbelanja yang diperolehi daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) hanya sebanyak RM3 juta daripada RM100 juta yang diluluskan pada tahun 2018. Ini disebabkan oleh peralihan APMM dari JPM ke KDN dan juga pemansuhan Bahagian Hal Ehwal Penguatkuasaan Maritim Malaysia yang berfungsi sebagai pusat tanggung jawab peruntukan pembangunan untuk APMM. Bagaimanapun, pada tahun 2019 kelulusan rasmi bagi pembaikan kapal/bot APMM telah diterima pada 14 Mac 2019 berjumlah RM225 juta dan sehingga 31 Disember 2019 sejumrah RM224.40 juta telah dibelanja bagi pembaikan 63 kapal dan 138 bot APMM.

- PPM PDRM menjalankan operasi penguatkuasaan secara 24 jam 7 hari seminggu (24/7). Jumlah operasi yang telah dilaksanakan oleh PPM PDRM adalah sebanyak 15,596 kali. Jumlah operasi telah meningkat sebanyak 84 kali (2.2%) pada tahun 2017, menurun sebanyak 577 kali (14.8%)

bagi tahun 2018 dan meningkat sebanyak 1,262 kali (38.1%) pada tahun 2019. Maklum balas PPM PDRM menyatakan bahawa peningkatan dan penurunan jumlah operasi bagi tahun 2017 hingga 2019 adalah kerana terlibat secara langsung dalam bantuan sumber manusia di seluruh Malaysia bagi latih amal. Selain itu, penugasan sebelum, semasa dan selepas Pilihan Raya Umum ke-14 bermula Oktober 2017 hingga Jun 2018 menyebabkan fokus utama pengoperasian tidak dapat dilaksanakan mengikut perancangan sepanjang tahun. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
OPERASI PENGUATKUASAAN PPM PDRM BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2019

TAHUN	JUMLAH OPERASI	PEMERIKSAAN (Bilangan)			PEMERIKSAAN (Orang)		
		VESEL TEMPATAN (a)	VESEL ASING (b)	JUMLAH (a+b)	WARGA TEMPATAN (c)	WARGA ASING (d)	JUMLAH (c+d)
2016	3,809	44,962	2,574	47,536	149,747	146,958	296,705
2017	3,893	56,308	9,335	65,643	203,430	210,003	413,433
2018	3,316	65,664	34,876	100,540	164,793	147,455	312,248
2019	4,578	64,559	5,452	70,011	219,322	119,935	339,257
JUMLAH	15,596	231,493	52,237	283,730	737,292	624,351	1,361,643

Sumber: Ibu Pejabat PPM PDRM, Bukit Aman

- JKDM Marin menjalankan penguatkuasaan melalui laut dan pesisir pantai perairan negara melalui rondaan dan pemeriksaan. Jumlah sasaran rondaan adalah sebanyak 21,069 kali dan sasaran pemeriksaan sebanyak 50,118 kali. JKDM Marin telah mencapai sasaran rondaan dan pemeriksaan malahan melebihi sasaran yang telah ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
OPERASI PENGUATKUASAAN
JKDM MARIN BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2019

TAHUN	RONDAAN (Bilangan)		PEMERIKSAAN (Bilangan)	
	SASARAN	PENCAPAIAN	SASARAN	PENCAPAIAN
2016	5,208	6,234	10,780	15,884
2017	5,208	6,353	10,780	14,596
2018	5,320	6,607	14,691	16,910
2019	5,333	5,880	13,867	14,573
JUMLAH	21,069	25,074	50,118	61,963

Sumber: JKDM Marin

- Setakat 31 Disember 2019, JIM mempunyai 71 pintu keluar/masuk melalui laut yang diwartakan dan hanya 60 pintu keluar/masuk yang aktif bagi menguruskan warganegara dan warga asing yang keluar/masuk dari negara ini. JIM telah menguruskan seramai 13.01 juta orang yang telah keluar/masuk negara. Daripada jumlah berkenaan seramai 7.01 juta orang (53.9%) adalah yang memasuki ke dalam negara dan seramai 6 juta orang (46.1%) pula yang keluar negara. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
WARGANEGARA DAN WARGA ASING YANG MASUK DAN KELUAR
NEGARA MELALUI LAUT BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2019

TAHUN	WARGANEGARA (Orang)			WARGA ASING (Orang)		
	MASUK	KELUAR	JUMLAH MASUK DAN KELUAR	MASUK	KELUAR	JUMLAH MASUK DAN KELUAR
2016	283,156	286,549	569,705	1,460,092	1,142,305	2,602,397
2017	344,521	334,481	679,002	1,088,998	954,903	2,043,901
2018	366,757	363,702	730,459	1,124,511	983,793	2,108,304
2019	938,963	895,534	1,834,497	1,405,999	1,041,926	2,447,925
JUMLAH	1,933,397	1,880,266	3,813,663	5,079,600	4,122,927	9,202,527

Sumber: Ibu pejabat JIM

- DOF melaksanakan penguatkuasaan di ZMM dengan menetapkan sasaran keseluruhan untuk melaksanakan penguatkuasaan sebanyak 18,000 pemeriksaan di darat dan sebanyak 3,000 pemeriksaan di laut setiap tahun. Analisis Audit terhadap pemeriksaan di darat mendapati pada tahun 2016 hingga 2018 telah melebihi sasaran. Bagaimanapun pada tahun 2019, penguatkuasaan tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. **Bagi pemeriksaan di laut pula hanya pada tahun 2016 telah mencapai sasaran manakala bagi tahun 2017 hingga 2019 tidak mencapai sasaran ditetapkan.**
- Maklum balas DOF menyatakan bahawa pemeriksaan darat pada tahun 2019 tidak tercapai kerana kenderaan operasi mengalami kerosakan dan kekangan peruntukan kewangan bagi menjalankan operasi. **Bagi pemeriksaan laut yang tidak mencapai sasaran pada tahun 2017, 2018 dan 2019 adalah kerana hanya 50% kapal/bot peronda dalam keadaan baik dan siapsiaga manakala selebihnya mengalami kerosakan berulang.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
OPERASI PENGUATKUASAAN DOF
BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2019

TAHUN	PEMERIKSAAN DARAT (Bilangan)		PEMERIKSAAN LAUT (Bilangan)	
	SASARAN	PENCAPAIAN	SASARAN	PENCAPAIAN
2016	18,000	18,666	3,000	3,529
2017	18,000	18,563	3,000	2,878
2018	18,000	19,708	3,000	2,753
2019	18,000	17,063	3,000	2,806
JUMLAH	72,000	74,000	12,000	11,966

Sumber: Ibu Pejabat DOF

- iii. Antara contoh aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan terhadap penyeludupan dan pencerobohan nelayan di ZMM yang dilaksanakan oleh jabatan/agensi adalah seperti dalam **Gambar 1 hingga 6.**

GAMBAR 1



PPM PDRM Pangkalan Pelabuhan Klang
- Pemeriksaan PPM PDRM terhadap Barang yang Dibawa oleh Pemborong
(12.04.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



JKDM Pasir Gudang, Johor
- Pemeriksaan JKDM terhadap Barang yang Dibawa di Terminal Feri Pasir Gudang
(28.04.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 3



JIM Pasir Gudang, Johor
- Pemeriksaan JIM terhadap Penumpang di Terminal Feri Pasir Gudang
(28.04.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4



PPM PDRM Pangkalan Pelabuhan Klang
- Pemeriksaan PPM PDRM terhadap Feri Penumpang
(12.04.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 5



JKDM Marin Langkawi, Kedah
- Pemeriksaan JKDM Marin terhadap Bot Nelayan
(17.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 6



DOF Langkawi, Kedah
- Pemeriksaan DOF terhadap Bot Nelayan
(19.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Pada pendapat Audit, aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan oleh jabatan/agensi adalah baik kerana telah dilaksanakan mengikut fungsi yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, KPI APMM dalam memastikan aset beroperasi di ZMM sekurang-kurangnya 45 kapal/bot setiap hari dan melakukan rondaan dan penguatkuasaan bersama TLDM di BPA tidak dapat dicapai kerana kapal/bot mengalami kerosakan.

6.1.2. Pencapaian *Outcome*

Pencapaian *outcome* bagi aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan dinilai melalui rampasan barang, penahanan PATI dan penahanan nelayan asing, kutipan hasil daripada aktiviti penguatkuasaan, kajian keberkesanan yang dilaksanakan oleh jabatan/agensi dan soal selidik yang diedarkan oleh pihak Audit.

a. Rampasan Barang, Penahanan PATI dan Penahanan Nelayan Asing

Berdasarkan operasi kawalan keselamatan dan penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh APMM, PPM PDRM, JKDM Marin dan JKDM bagi tahun 2016 hingga 2019 adalah seperti berikut:

- i. APMM, PPM PDRM , JKDM Marin dan JKDM berjaya melakukan rampasan barang yang diseludup seperti dalam **Jadual 13** dan analisis Audit adalah seperti berikut:
 - penahanan kes penyeludupan sebanyak 23,579 kes bernilai RM1,576.18 juta dengan anggaran cukai RM1,561.07 juta;
 - kes penyeludupan tertinggi direkodkan oleh PPM PDRM iaitu sebanyak 18,321 kes dan nilai rampasan tertinggi pula direkodkan oleh JKDM pintu keluar/masuk laut bernilai RM834.21 juta.

JADUAL 13
KES DAN NILAI RAMPASAN BARANGAN YANG DISELUDUP
BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2019

PERKARA	TAHUN				JUMLAH
	2016	2017	2018	2019	
APMM					
Bil. Kes Seludup (a)	91	52	43	38	224
Nilai Rampasan (RM Juta) (e)	6.33	2.99	22.88	114.31	146.51
PPM PDRM					
Bil. Kes Seludup (b)	4,093	4,415	4,316	5,497	18,321
Nilai Rampasan (RM Juta) (f)	87.78	61.99	88.20	181.92	419.89
JKDM MARIN					
Bil. Kes Seludup (c)	422	636	890	616	2,564
Nilai Rampasan (RM Juta) (g)	27.00	109.42	15.09	24.06	175.57
Nilai Cukai (RM Juta) (i)	76.57	26.61	54.40	49.52	207.10
JKDM PINTU KELUAR/MASUK					
Bil. Kes Seludup (d)	564	780	506	620	2,470
Nilai Rampasan (RM Juta) (h)	114.58	378.16	149.43	192.04	834.21
Nilai Cukai (RM Juta) (j)	272.35	535.45	348.84	197.33	1,353.97
Jumlah Bil. Kes Seludup (a + b + c + d)	5,170	5,883	5,755	6,771	23,579
Jumlah Nilai Rampasan (RM Juta) [e + f + g + h]	235.69	552.56	275.60	512.33	1,576.18
Jumlah Nilai Cukai (RM Juta) [i + j]	348.92	562.06	403.24	246.85	1,561.07

Sumber: Jabatan/Agensi

ii. Penahanan PATI dan penolakan masuk (NTL) bagi tahun 2016 hingga 2019 adalah seperti berikut:

- APMM, PPM PDRM dan JKDM Marin telah menahan PATI seramai 15,619 orang kerana melakukan pelbagai kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63.
- Jumlah penahanan PATI telah meningkat seramai 1,570 PATI (42.6%) pada tahun 2017, menurun seramai 1,614 PATI (30.7%) pada tahun 2018 dan menurun seramai 595 PATI (16.4%) pada tahun 2019. Jumlah tangkapan PATI tertinggi direkodkan oleh PPM PDRM seramai 12,578 orang. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 14**.
- Bagi JIM di pintu keluar/masuk laut pula telah mengeluarkan notis penolakan masuk (NTL) kepada seramai 87,416 orang warga asing kerana melakukan kesalahan melibatkan pasport dan visa [Seksyen 2(1) dan (2), Akta Pasport 1966 (Akta 150)] serta kesalahan bagi imigran larangan [Seksyen 8, Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155)]. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
PENAHANAN PATI DAN NOTIS PENOLAKAN MASUK (NTL)
OLEH JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2019

PERKARA	TAHUN				JUMLAH	
	2016	2017	2018	2019		
Tahanan PATI						
APMM						
Bil. Orang (a)	939	657	531	743	2,870	
PPM PDRM						
Bil. Orang (b)	2,698	4,556	3,083	2,241	12,578	
JKDM MARIN						
Bil. Orang (c)	46	40	25	60	171	
Jumlah Bilangan Orang (a+b+c)	3,683	5,253	3,639	3,044	15,619	
Notis Penolakan Masuk (NTL)						
JIM						
Bil. Orang NTL	34,162	38,314	3,386	11,554	87,416	

Sumber: Ibu Pejabat APMM, PPM PDRM, JKDM Marin dan JIM

iii. Penahanan nelayan asing bagi tahun 2016 hingga 2019 adalah seperti berikut:

- APMM telah menahan sebanyak 533 kes bot nelayan asing melibatkan tujuh (7) negara luar. Jumlah penahanan bot nelayan asing meningkat sebanyak 40 kes (37%) pada tahun 2017, menurun sebanyak 38 kes (25.7%) pada tahun 2018 dan meningkat sebanyak 57 kes (51.8%) pada tahun 2019.
- Jumlah penahanan kru bagi bot nelayan asing juga meningkat sebanyak 499 kru (56.5%) pada tahun 2017, menurun sebanyak 320 kru (23.2%) pada tahun 2018 dan meningkat sebanyak 343 (32.3%) pada tahun 2019.
- Maklum balas APMM menyatakan bahawa peningkatan tangkapan pada tahun 2017 setelah APMM menerima dua (2) kapal dari Jepun iaitu KM ARAU dan KM PEKAN. Tangkapan juga telah menurun setelah APMM berjaya mengenal pasti bot nelayan asing yang menyamar sebagai bot nelayan tempatan. Selain itu, sebab peningkatan dan penurunan kes tangkapan bot nelayan asing secara langsung mempengaruhi peningkatan dan penurunan penahanan kru bot nelayan asing. Penahanan bot nelayan asing dan kru paling tinggi adalah dari Vietnam, Indonesia dan China. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
PENAHANAN KES BOT NELAYAN ASING DAN KRU OLEH APMM
BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2019

NEGARA	2016		2017		2018		2019		JUMLAH	
	KES	KRU	KES	KRU	KES	KRU	KES	KRU	KES	KRU
Vietnam	64	655	121	1,221	94	946	141	1,318	420	4,140
Indonesia	39	201	26	136	9	58	11	51	85	446
Thailand	1	5	0	0	0	0	15	36	16	41
Filipina	3	18	0	0	0	10	0	0	3	28
China	0	0	1	25	5	48	0	0	6	73
Brunei	1	0	0	0	0	0	0	0	1	0
Taiwan	0	4	0	0	2	0	0	0	2	4
JUMLAH	108	883	148	1,382	110	1,062	167	1,405	533	4,732

Sumber: Ibu Pejabat APMM

- PPM PDRM telah menahan sebanyak 91 kes bot nelayan asing melibatkan lima (5) negara luar. Pada tahun 2016, sebanyak 51 kes bot nelayan asing, tiada kes pada tahun 2017 dan sebanyak 23 kes pada tahun 2018 serta 17 kes pada tahun 2019.
- Penahanan bot nelayan asing paling tinggi adalah dari Vietnam sebanyak 43 kes, Indonesia 24 kes dan Thailand 17 kes. Secara keseluruhannya, operasi PPM PDRM tidak tertumpu hanya kepada penahanan bot nelayan asing kerana PPM PDRM tidak memiliki aset/kapal yang bersesuaian bagi melaksanakan penguatkuasaan di perairan yang melebihi 12 BN atau melepas Perairan Wilayah. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
TANGKAPAN BOT NELAYAN ASING OLEH PPM PDRM
BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2019

NEGARA	TAHUN/KES				
	2016	2017	2018	2019	JUMLAH
Indonesia	19	0	0	5	24
Thailand	7	0	10	0	17
China	6	0	0	0	6
Vietnam	18	0	13	12	43
Taiwan	1	0	0	0	1
JUMLAH	51	0	23	17	91

Sumber: Ibu Pejabat PPM PDRM, Bukit Aman

b. Kutipan Hasil daripada Aktiviti Penguatkuasaan

- i. Bagi tahun 2016 hingga 2019, hanya APMM dan DOF telah merekodkan hasil daripada aktiviti penguatkuasaan manakala PPM PDRM dan JKDM tidak dapat mengemukakan maklumat hasil daripada aktiviti penguatkuasaan ZMM. Perkara ini kerana PPM PDRM menyerahkan rampasan barang yang diseludup kepada agensi yang berkenaan untuk dibuat tindakan pendakwaan dan pelupusan. JKDM pula merekodkan hasil daripada lelongan dan pelupusan yang diperoleh bersama dengan semua hasil aktiviti penguatkuasaan secara keseluruhan.
- ii. Semakan Audit mendapati APMM dan DOF telah memperoleh hasil berjumlah RM45.59 juta daripada lelongan, denda dan kompaun. Hasil paling tinggi dikutip adalah daripada denda nelayan asing berjumlah RM31.22 juta. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
HASIL DIPEROLEH BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2019

TAHUN	PERKARA					JUMLAH (RM)
	LELONG IKAN (RM)	LELONG LAIN-LAIN (RM)	KOMPAUN/DENDA (RM)	KOMPAUN ORDINAN PERKAPALAN SAUDAGAR (RM)	DENDA NELAYAN ASING (RM)	
APMM						
2016	189,276	19,493	129,300	191,700	8,250,000	8,779,769
2017	111,266	1,782,048	726,404	500,250	7,471,333	10,591,301
2018	204,685	13,293	1,817,800	763,550	9,577,500	12,376,828
2019	46,264	1,717,400	59,900	608,500	1,210,000	3,642,064
Jumlah (a)	551,491	3,532,234	2,733,404	2,064,000	26,508,833	35,389,962
DOF						
2016	555,204	TB	884,959	TB	TB	1,440,163
2017	501,191	TB	924,800	TB	TB	1,425,991
2018	450,384	TB	860,950	TB	TB	1,311,334
2019	271,468	TB	1,039,330	TB	4,710,000	6,020,798
Jumlah (b)	1,778,247	0	3,710,039	0	4,710,000	10,198,286
JUMLAH (a)+(b)	2,329,738	3,532,234	6,443,443	2,064,000	31,218,833	45,588,248

Sumber: Ibu Pejabat APMM dan DOF

Nota: TB - Tidak Berkenaan kerana Jabatan/Agensi Tidak Menjana Hasil Lelongan Lain-Lain, Kompaun Ordinan Perkapalan Saudagar dan Denda Nelayan Asing

c. Kajian Indeks Persepsi Keselamatan Maritim oleh TLDM

- i. Bagi tahun 2016 hingga 2019, hanya TLDM melaksanakan kajian keberkesanan melalui kajian indeks persepsi keselamatan maritim. Kajian ini adalah untuk menilai keberkesanan operasi, eksesais dan latihan terhadap keselamatan maritim negara menggunakan kaedah soal selidik.
- ii. Kajian ini melibatkan responden dalam komuniti maritim seluruh negara dari sektor perikanan, pelancongan, perkapalan, minyak dan gas, rekreasi dan riadah, persendirian dan penduduk tempatan.
- iii. Semakan Audit terhadap ***hasil kajian menunjukkan tahap keselamatan maritim negara adalah di tahap yang selamat dengan indeks antara 3.72 hingga 3.95.*** Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 18.**

**JADUAL 18
PERSEPSI TAHAP KESELAMATAN MARITIM**

TAHUN	SASARAN	INDEKS	RESPONDEN	PETUNJUK SKALA INDEKS
2016	3.55	3.72	7,000	
2017	3.60	3.82	7,000	
2018	3.65	3.75	7,000	
2019	3.70	3.95	7,500	<ul style="list-style-type: none"> • 4.1 hingga 5 - Paling Selamat • 3.1 hingga 4 - Selamat • 2.1 hingga 3 - Mungkin Selamat • 1.1 hingga 2 - Tidak Selamat • 0 hingga 1 - Paling Tidak Selamat

Sumber: Markas Tentera Laut

d. Soal Selidik oleh Jabatan Audit Negara

- i. Bagi menilai keberkesanan peranan jabatan/agensi yang terlibat aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan di ZMM, pihak Audit telah mengedarkan 500 borang soal selidik semasa tempoh pengauditan pada bulan Februari hingga Jun 2019. Responden terdiri daripada anggota penguatkuasa, orang awam, peniaga dan nelayan.
- ii. Tiga (3) aspek keberkesanan yang dinilai adalah mengenai kesedaran kepada aktiviti kemasukan kapal/bot, barang dan orang di ZMM, persepsi aktiviti kemasukan kapal/bot, barang dan orang di ZMM dan persepsi terhadap jabatan/agensi yang menjalankan aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan di ZMM. Analisis Audit terhadap 412 soal selidik (82.4%) yang diterima adalah seperti dalam **Jadual 19.**

JADUAL 19
ANALISIS AUDIT TERHADAP SOAL SELIDIK

ASPEK PENILAIAN	ANALISIS SOAL SELIDIK
Kesedaran Kepada Aktiviti Kemasukan Bot/Kapal, Barang dan Orang di ZMM	Kemasukan bot/kapal secara haram di ZMM <ul style="list-style-type: none"> • 73.3% responden menyatakan aktiviti ini memberi kesan negatif kepada ekonomi negara. • 76.9% responden menyatakan aktiviti ini memberi kesan negatif kepada keselamatan negara.
	Kemasukan barang secara haram di ZMM <ul style="list-style-type: none"> • 71.4% responden menyatakan aktiviti ini semakin berleluasa. • 72.1% responden menyatakan aktiviti ini memberi kesan negatif kepada ekonomi negara. • 100% responden menyatakan aktiviti ini memberi kesan negatif kepada keselamatan negara.
	Kemasukan orang/PATI secara haram di ZMM <ul style="list-style-type: none"> • 51.7% responden menyatakan aktiviti ini semakin berleluasa. • 72.8% responden menyatakan aktiviti ini memberi kesan negatif kepada ekonomi negara. • 80.3% responden menyatakan aktiviti ini memberi kesan negatif kepada keselamatan negara.
Persepsi Aktiviti Kemasukan Bot/Kapal, Barang dan Orang di ZMM	Kemasukan bot/kapal secara haram di ZMM <ul style="list-style-type: none"> • 54.9% responden menyatakan aktiviti ini memberi kesan negatif. • 66% responden tidak bersetuju menerima kewujudan aktiviti ini di ZMM.
	Kemasukan barang secara haram di ZMM <ul style="list-style-type: none"> • 60.9% responden menyatakan aktiviti ini memberi kesan negatif (meningkatkan kadar jenayah/kemasukan barang terlarang dan mewujudkan persaingan perniagaan dengan penduduk tempatan). • 64.3% responden tidak bersetuju menerima kewujudan aktiviti ini di ZMM.
	Kemasukan orang/PATI secara haram di ZMM <ul style="list-style-type: none"> • 63.1% responden menyatakan aktiviti ini memberi kesan negatif. • 64.1% responden tidak bersetuju menerima kewujudan PATI di ZMM.
Persepsi Perkhidmatan oleh Jabatan/Agensi yang Menjalankan Aktiviti Kawalan Keselamatan dan Penguatkuasaan di ZMM	<ul style="list-style-type: none"> • 52.2% responden menyatakan jabatan/agensi yang menjalankan aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan di ZMM boleh dilihat dalam komuniti. • 54.1% responden menyatakan jabatan/agensi yang menjalankan aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan di ZMM memberi respon/tindak balas dengan segera bila diperlukan.

Sumber: Jabatan Audit Negara

Pada pendapat Audit, responden menyedari dan bersetuju bahawa kemasukan kapal/bot, barang dan PATI secara haram di ZMM memberi kesan negatif kepada keselamatan negara. Selain itu, responden juga menyatakan bahawa jabatan/agensi penguatkuasa sentiasa berada di ZMM dari semasa ke semasa.

6.2. Pengurusan Kawalan Keselamatan dan Penguatkuasaan ZMM

Pengurusan kawalan keselamatan dan penguatkuasaan ZMM adalah berdasarkan kepada kesiapsiagaan aset operasi, sistem pengawasan dan pelepasan pelabuhan di ZMM.

6.2.1. Kesiapsiagaan Aset Operasi

- Bagi memastikan ZMM sentiasa berada dalam keadaan selamat, aset yang digunakan untuk melaksanakan operasi penguatkuasaan hendaklah sentiasa

berada dalam keadaan baik dan siapsiaga. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

- i. MKN dan JHEM tidak melaksanakan operasi penguatkuasaan di ZMM dan juga tidak memiliki aset penguatkuasaan;
 - ii. TLDM dan JLM menggunakan aset bagi tujuan melindungi kedaulatan dan memelihara keselamatan ZMM. Aset TLDM digunakan untuk kawalan keselamatan dari aspek ketenteraan dan menjaga kedaulatan negara dan aset JLM pula digunakan untuk keselamatan pelayaran iaitu penyelenggaraan alat bantuan pelayaran seperti rumah api, boyo dan tanda arah suar (*beacon*);
 - iii. aset APMM, PPM PDRM, JKDM Marin dan DOF digunakan untuk penguatkuasaan; dan
 - iv. pesawat udara digunakan untuk kesemua aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan di ZMM.
- b. Setakat 31 Disember 2019, sebanyak 814 aset yang dimiliki oleh jabatan/agensi digunakan untuk melaksanakan kawalan keselamatan dan penguatkuasaan di ZMM. Semakan Audit mendapati kapal digunakan untuk melaksanakan operasi yang meliputi perairan ZMM hingga 200 BN manakala bot digunakan untuk operasi di bawah 12 BN.
 - c. Semakan Audit terhadap 814 aset mendapati perkara seperti berikut:
 - i. sebanyak 65.4% aset boleh digunakan untuk tujuan aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan;
 - ii. sebanyak 34.6% aset tidak boleh digunakan kerana sedang dalam tindakan penyenggaraan dan rosak kerana tidak dibuat penyenggaraan dan dalam cadangan/proses pelupusan. Aset yang rosak dan tidak dibuat penyenggaraan kerana peruntukan kewangan tidak mencukupi; dan
 - iii. keseluruhan aset TLDM, JLM dan JKDM Marin boleh digunakan manakala APMM, PPM PDRM dan DOF mempunyai aset yang rosak dan tidak dibuat penyenggaraan berjumlah 11.7%.
 - d. Analisis Audit terhadap 59.4% kapal yang boleh digunakan, sebanyak 68.3% kapal dimiliki oleh TLDM dan JLM digunakan untuk melindungi kedaulatan dan kawalan keselamatan. Dengan ini hanya 31.7% kapal boleh digunakan untuk operasi penguatkuasaan. Daripada 65.9% bot yang boleh digunakan, sebanyak 20.4% bot digunakan untuk melindungi kedaulatan dan kawalan keselamatan maritim dan sebanyak 79.6% bot digunakan untuk operasi penguatkuasaan.
 - e. Analisis Audit mendapati ***kawasan operasi penguatkuasaan melebihi 12 hingga 200 BN adalah jauh lebih luas iaitu 150,397.58 BN***

persegi berbanding zon maritim yang berada di bawah Laut Wilayah (12 BN) dengan keluasan 24,581.85 BN persegi.

Sungguhpun pelbagai jabatan/agensi melaksanakan penguatkuasaan di ZMM, penguatkuasaan di luar Laut Wilayah (melebihi 12 hingga 200 BN) perlu diberi perhatian untuk menjaga kedaulatan dan menghalang pencerobohan serta sebarang aktiviti menyalahi undang-undang. Contoh kapal dan bot yang mengalami kerosakan adalah seperti dalam **Gambar 7** dan **8**.

GAMBAR 7



APMM Pangkalan Pelabuhan Klang
- Kapal APMM yang Mengalami Kerosakan
(12.04.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 8



PPM PDRM Pangkalan Pelabuhan Klang
- Bot PPM PDRM yang Mengalami Kerosakan
(13.04.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- f. Analisis Audit selanjutnya mendapati anggaran tempoh kerosakan bagi aset yang tidak dibuat penyenggaraan dalam **Jadual 20** adalah seperti berikut:
 - i. aset APMM kurang setahun adalah sebanyak 13 (6 kapal dan 7 bot), 1 hingga 3 tahun sebanyak 24 (9 kapal dan 15 bot) dan lebih 3 tahun adalah sebanyak satu (1) bot sahaja;
 - ii. aset PPM PDRM kurang setahun adalah sebanyak dua (2) bot dan 1 hingga 3 tahun sebanyak 10 bot; dan
 - iii. aset DOF untuk 1 hingga 3 tahun adalah sebanyak lima (5) (1 kapal dan 4 bot) dan lebih 3 tahun adalah sebanyak dua (2) (1 kapal dan 1 bot) aset.

JADUAL 20
TEMPOH MASA ASET YANG TIDAK DIBUAT PENYENGGARAAN MENGIKUT JABATAN/AGENSI SETAKAT 31 DISEMBER 2019

JABATAN/ AGENSI	KAPAL (Bilangan)				BOT (Bilangan)			
	KURANG 1 TAHUN	1 - 3 TAHUN	LEBIH 3 TAHUN	JUMLAH	KURANG 1 TAHUN	1 - 3 TAHUN	LEBIH 3 TAHUN	JUMLAH
APMM	6	9	-	15	7	15	1	23
PPM PDRM	-	-	-	-	2	10	-	12
DOF	-	1	1	2	-	4	1	5
JUMLAH	6	10	1	17	9	29	2	40

Sumber: Ibu Pejabat Jabatan /Agensi

Nota: (-) Tidak Berkenaan

- g. Pihak Audit mendapati TLDM, JLM dan JKDM Marin mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk menyenggara kapal dan bot yang rosak. Bagaimanapun bagi APMM, PPM PDRM dan DOF, peruntukan yang diluluskan seperti dalam **Jadual 21** tidak mencukupi menyebabkan kapal/bot mengambil tempoh yang lama untuk dibuat penyenggaraan seperti dalam **Jadual 20**. Analisis Audit terhadap peruntukan penyenggaraan bagi APMM, PPM PDRM dan DOF adalah seperti berikut:
- i. Peruntukan yang telah diluluskan kepada APMM untuk membuat penyenggaraan kapal/bot berjumlah RM200 juta setahun bagi tahun 2016 hingga 2018 dan RM225 juta setahun pada tahun 2019. Peruntukan yang diluluskan dibelanjakan sepenuhnya, bagaimanapun peruntukan berkenaan masih tidak mencukupi untuk membuat penyenggaraan terhadap semua kapal/bot yang dimiliki. Maklum balas APMM menyatakan bahawa peruntukan penyenggaraan yang diterima digunakan untuk membuat penyenggaraan kapal/bot berdasarkan keutamaan dan keperluan penggunaan bagi melaksanakan operasi penguatkuasaan dari semasa ke semasa.
 - ii. Bagi PPM PDRM, pada tahun 2016, 2017, 2018 dan 2019 peruntukan penyenggaraan yang dimohon berjumlah RM23.40 juta, RM23.59 juta, RM28.45 juta dan RM30 juta masing-masing. Bagaimanapun peruntukan yang diluluskan hanya berjumlah RM16.62 juta (71%), RM9.07 juta (38.4%), RM14.11 juta (49.6%) dan RM19.81 juta (66%) masing-masing.
 - iii. Bagi DOF pula, penyenggaraan kapal/bot adalah di bawah tanggungjawab Limbongan Perikanan Pelabuhan Klang, Bahagian Kejuruteraan. Setiap tahun peruntukan mengurus bagi tujuan penyenggaraan kapal/bot (termasuk kapal kajian dan latihan) adalah sebanyak RM5 juta dan tidak boleh menampung penyenggaraan bagi 40 kapal/bot yang dimiliki. Bagaimanapun, peruntukan pembangunan bagi perolehan kapal/bot dibawah RMKe-11 (2016 - 2020) telah dibuat melalui projek memperkasakan aktiviti perlindungan sumber perikanan/*Monitoring, Control and Surveillance* (MCS) sebanyak RM30 juta. Namun, permohonan tersebut tidak diluluskan pada tahun 2016 dan 2017, bagaimanapun pada tahun 2018 peruntukan telah diluluskan sebanyak RM6 juta bagi tahun 2018 hingga 2020 melalui projek pengawalan dan perlindungan sumber perikanan/MCS. Pihak Audit mendapati pada tahun 2019 DOF hanya memperoleh peruntukan penyenggaraan sebanyak RM5 juta sahaja dan peruntukan tambahan sebanyak RM2 juta tidak diterima sepetimana tahun 2018.

JADUAL 21
PERUNTUKAN YANG DIMOHON, LULUS DAN BELANJA
BAGI PENYENGGARAAN ASET PENGUATKUASAAN JABATAN/AGENSI
BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2019

TAHUN	JABATAN/AGENSI (RM Juta)							JUMLAH (RM Juta)
	PERKARA	TLDM	APMM	JLM	PPM PDRM	JKDM MARIN	DOF	
2016	Mohon	1,166.53	TB	1.95	23.40	11.50	5.0	1,208.38
	Lulus	1,166.53	200.0	1.95	16.62	11.50	5.0	1,401.60
	Belanja	1,166.53	200.0	1.94	15.70	11.08	5.0	1,400.25
	% Belanja	100	100	99.5	94.5	96.3	100	-
2017	Mohon	551.75	TB	1.55	23.59	25.00	5.0	606.89
	Lulus	551.75	200.0	1.55	9.07	25.00	5.0	792.37
	Belanja	551.75	200.0	1.53	9.06	24.94	5.0	792.28
	% Belanja	100	100	98.7	99.9	99.8	100	-
2018	Mohon	731.98	TB	1.96	28.45	32.50	7.0	801.89
	Lulus	731.98	200.0	1.96	14.11	32.50	7.0	987.55
	Belanja	731.98	200.0	1.91	14.05	32.40	7.0	987.34
	% Belanja	100	100	97.4	99.6	99.7	100	-
2019	Mohon	142.36	TB	2.62	30.00	25.00	5.0	204.98
	Lulus	142.36	225.0	2.62	19.81	25.00	5.0	419.79
	Belanja	142.36	224.4	2.16	19.79	21.74	4.96	415.41
	% Belanja	100	99.7	82.4	99.9	87.0	99.2	-

Sumber: Ibu Pejabat Jabatan/Agensi

Nota: TB - Tidak Berkenaan kerana peruntukan penyenggaraan kapal/bot APMM tidak dimohon pada setiap tahun.

Peruntukan penyenggaraan kapal/bot APMM adalah dibawah peruntukan Perbelanjaan Pembangunan (DE). Peruntukan DE bagi melaksanakan pemberaan kapal/bot APMM dimohon melalui Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia (RMK) dan diluluskan mengikut tempoh tertentu.

- h. Analisis Audit selanjutnya mendapati daripada keseluruhan aset yang dimiliki oleh jabatan/agensi, sebanyak 27.3% aset berusia satu (1) hingga 10 tahun, 48.9% aset berusia 11 hingga 20 tahun dan 23.8% aset berusia lebih daripada 20 tahun. Keadaan ini menunjukkan majoriti aset yang digunakan untuk melaksanakan operasi adalah berusia antara 11 hingga melebihi 20 tahun. Berdasarkan temu bual dengan pihak jabatan/agensi, dimaklumkan bahawa aset berkenaan sudah tidak mencapai tahap optimum penggunaannya dan sentiasa mengalami kerosakan.

Maklum balas TLDM yang diterima pada 28 April 2020

TLDM melaksanakan program selenggaraan berjadual secara komprehensif bagi mengekalkan kesiagaan aset pada tahap kategori baik. Bagi kapal yang melebihi

usia 20 tahun serta mengalami keusangan dan natijahnya kos penyenggaraan tinggi dan meningkat. Bagi menyelesaikan masalah tersebut dalam tempoh jangka masa panjang, program transformasi *15to5* dilancarkan iaitu pelan transformasi TLDM daripada 15 kelas kapal kepada 5 kelas kapal sahaja. Program jangka masa panjang ini dilaksanakan bagi menggantikan kapal-kapal yang telah usang kepada perolehan kapal-kapal baharu bagi memperkasakan armada TLDM menjelang 2050. Selain itu, program ini memfokuskan pelaksanaan selenggaraan kapal yang lebih efisien, efektif dan sistematik.

Maklum balas APMM yang diterima pada 28 April 2020

Pembangunan keupayaan aset APMM juga berada di tahap yang memuaskan, contohnya dalam penyelenggaraan kapal/bot berusia yang diterima daripada lain-lain agensi. Ianya dilakukan dengan menjalani rutin senggaraan tahunan (*Annual Docking*), rutin servis berkala (*Preventive Maintenance*) dan pombaikan kerosakan (*Corrective Maintenance*) secara berterusan. Ianya merupakan kerosakan semasa dan tidak mempunyai tarikh kerosakan yang khusus.

Dengan faktor usia aset serta jumlah operasi yang tinggi, maka kebarangkalian berlakunya kerosakan adalah tinggi. Pelupusan aset dibuat atas faktor aset tidak ekonomi untuk dibaiki dan tidak memberi pulangan operasi (*Return of Investment*) yang baik pada APMM. Ianya selari dengan ‘Rumusan dan Syor Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara’ Bilangan 25/2016 pada 22 November 2016, para 7.2 ‘Tindakan segera bagi pelupusan aset hendaklah dibuat dengan kadar segera bagi mengelakkan berlakunya peningkatan/pertambahan kos’.

Maklum balas KDN yang diterima pada 28 April 2020

APMM telah diberikan peruntukan untuk penyenggaraan kapal/bot. Namun demikian, jumlah penyenggaraan tersebut tidak mencukupi bagi tujuan penyelenggaraan memandangkan pombaikan ke atas kapal/bot yang berusia 30 hingga 54 tahun (yang dipindahkan dari agensi lain) memerlukan perbelanjaan yang tinggi. Selain itu, aset-aset baru APMM juga memerlukan peruntukan untuk dilaksanakan rutin senggaraan tahunan (*Annual Docking*). Tambahan pula, cabaran utama PPM PDRM adalah kos penyenggaraan kapal berusia 20 hingga 35 tahun juga memerlukan perbelanjaan yang tinggi.

Pada pendapat Audit, kapal/bot yang dimiliki tidak dapat digunakan secara optimum untuk aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan ZMM kerana kerosakan kapal/bot menjelaskan kecekapan dan keberkesanan operasi di ZMM.

6.2.2. Sistem Pengawasan ZMM

a. Sistem Pengawasan Laut Malaysia (SWASLA)

Sistem Pengawasan Laut Malaysia (SWASLA) adalah sistem yang digunakan bagi pengawasan keselamatan di ZMM. Pengoperasian SWASLA adalah melalui rangkaian sistem yang terdiri daripada dua (2) *Main Control Centre* (MCC) iaitu di Lumut dan Sabah, tiga (3) *Area Control Centres* (ACC) iaitu di Langkawi, Klang dan Johor serta 14 *Remote Sensor Sites* (RSS). Fungsi SWASLA adalah untuk menjaga keselamatan perairan ZMM, menganalisa aktiviti keselamatan ZMM, bertindak sebagai pusat mengumpul maklumat maritim bagi MCC dan membantu dalam bantuan carilamat di antara APMM dan agensi lain. Semakan Audit terhadap SWASLA mendapati perkara seperti berikut:

i. Ketiadaan SWASLA di Perairan Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Pantai Timur Sabah

Setakat 31 Disember 2019 sebanyak 14 RSS bagi SWASLA telah dibangunkan bagi pengawasan keselamatan ZMM iaitu 11 RSS di perairan Selat Melaka Semenanjung Malaysia dan 3 RSS Pantai Barat Sabah. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati tiada SWASLA di perairan Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Pantai Timur Sabah bagi mengawasi sebarang aktiviti pencerobohan dan penyeludupan di ZMM berkenaan.

Maklum balas APMM yang diterima pada 28 April 2020

Kajian keperluan perolehan SWASLA di perairan Pantai Timur Semenanjung, Sarawak dan Pantai Timur Sabah telah diteliti dan akan dilaksanakan secara berfasa. Fasa pertama akan bermula pada tahun 2020.

- Fasa I - RSS Abu Bakar Maritime Base (ABMB), RSS Pulau Tioman, RSS Pulau Perhentian Besar; dan ACC Kuantan di Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah (AMSAS).
- Fasa II - RSS Pulau Pinang dan RSS Pulau Tenggol.
- Fasa III - RSS Pulau Labuan, RSS Pulau Brunei, RSS Miri dan MCC Kuching.

Pihak APMM telah melantik Ahli Jawatankuasa Penyedia Spesifikasi untuk pembinaan RSS bagi pelaksanaan fasa pertama.

ii. Kerosakan Peralatan di Remote Sensor Sites (RSS)

SWASLA tidak dapat berfungsi secara optimum kerana terdapat kerosakan peralatan SWASLA yang digunakan. Kerosakan ini berlaku di RSS yang merupakan sistem pengawasan untuk membantu operasi penguatkuasaan di

ZMM. Antara peralatan/perkakasan disediakan di RSS adalah radar pengesanan, kamera penglihatan, *radio direction finder* dan generator. Sebanyak 64.3% RSS mempunyai peralatan yang rosak dan daripada 64.3% RSS yang rosak didapati 44.4% RSS telah mengalami kerosakan peralatan yang tidak boleh diganti semula (*obsolete*) kerana alat ganti tersebut sudah tiada di pasaran. Semakan mendapati RSS K dan RSS E mengalami kerosakan paling lama dan masih belum dibuat penyenggaraan iaitu sejak tahun 2013 dan 2016 masing-masing. Kerosakan peralatan RSS menyebabkan pengawasan di ZMM tidak dapat dijalankan dengan menyeluruh. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 22**.

JADUAL 22
KEADAAN PERALATAN DI REMOTE SENSOR SITES SWASLA

KOD LOKASI REMOTE SENSOR SITES*	PERALATAN/KEADAAN					
	RADAR PENGESANAN		S-BAND***	KAMERA PENGLIHATAN	RADIO DIRECTION FINDER	GENERATOR
	X-BAND**	OPERASI				
A	Rosak sejak Mei 2018 kerana alat ganti telah <i>obsolete</i>	Baik	Baik	Baik	TB	Baik
B	Baik	Baik	TB	Terhad sejak Julai 2019 - <i>Laser mode</i> tidak berfungsi - <i>Isee Mode Image Processing</i> tidak berfungsi	TB	Baik
C	Baik	Baik	TB	Rosak sejak September 2019 - <i>Master Control Unit Faulty</i>	TB	Baik
D	Baik	Rosak sejak bulan Julai 2019 kerana alat ganti telah <i>obsolete</i>	Baik	Baik	Baik	Baik
E	Terhad sejak April 2019 kerana <i>video weak due to reflected of power sight high</i>	Terhad sejak April 2019 kerana <i>Video weak due to reflected of power slight high</i>	Rosak sejak Julai 2016 kerana alat ganti telah <i>obsolete</i>	Baik	TB	Generator No.3 rosak sejak September 2019 disebabkan kebocoran pam air
F	Rosak sejak April 2019 kerana alat ganti telah <i>obsolete</i>	Baik	Rosak sejak Disember 2016 kerana alat ganti telah <i>obsolete</i>	Baik	TB	Baik
G	Baik	Baik	Baik	Baik	Baik	Baik
H	Baik	Baik	Baik	Baik	Baik	Baik

KOD LOKASI <i>REMOTE SENSOR SITES*</i>	PERALATAN/KEADAAN						
	RADAR PENGESANAN			KAMERA PENGLIHATAN	<i>RADIO DIRECTION FINDER</i>	<i>GENERATOR</i>	
	<i>X-BAND**</i>		<i>S-BAND***</i>				
OPERASI	<i>STANDBY</i>						
I	Baik	Baik	Baik	Baik	Baik	Baik	
J	Baik	Baik	Baik	Baik	Baik	Baik	
K	Baik	Baik	Baik	Baik	Rosak sejak November 2013 kerana alat ganti telah <i>obsolete</i>	Baik	
L	Baik	Baik	Kerosakan pada <i>hard disk</i>	Baik	Rosak (<i>Equipment defective</i>)	Generator No. 1 rosak kerana kebocoran	
M	Baik	Baik	Baik	Baik	TB	Baik	
N	Baik	Baik	Rosak kerana masalah video	TB	Baik	Baik	

Sumber: APMM SWASLA

Nota: (*) - Penggunaan Kod bagi *Remote Sensor Sites* Tanpa Memaparkan Lokasi Sebenar

(**) - *X-Band* - Resolusi dan Paparan Imej yang Lebih Jelas

(***) - *S-Band* - Paparan Imej Tidak Dipengaruhi oleh Faktor Cuaca

TB - Tidak Berkennaan

Maklum balas APMM yang diterima pada 20 Mac 2020

RSS telah beroperasi sejak 1994 dan perlu dinaik taraf kerana sebahagian sistem telah *obsolete* dan tidak boleh dibaiki. Permohonan menaik taraf SWASLA telah diluluskan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA - mulai 9 Mac 2020 diletakkan di bawah JPM) dengan kos sebanyak RM131.73 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11): Rolling Plan 4 Tahun 2020. Makmal Pengurusan Nilai (*VM Lab*) Bagi Projek Naik Taraf SWASLA telah dilaksanakan pada 9 hingga 12 Mac 2020 di KDN dan Draf Laporan Makmal akan dihantar kepada Bahagian Pengurusan Nilai (BPN), MEA pada 27 Mac 2020 untuk ulasan sebelum ditandatangani. Jangkaan Laporan Makmal siap ditandatangani adalah pada 10 April 2020.

Pelanjutan Kontrak Senggaraan SWASLA Sabah telah diluluskan oleh MoF mulai 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2019. Kerosakan peralatan akibat tiada senggaraan selama lapan (8) bulan telah dibaiki secara berperingkat oleh pihak kontraktor sehingga kontrak perlanjutan tamat. Perolehan kontrak baru telah dilaksanakan dan kontrak senggaraan komprehensif yang baru telah dimeterai mulai 1 Januari 2020 sehingga 31 Disember 2022 dengan kos sebanyak RM15.66 juta.

iii. Liputan Pengawasan SWASLA

- Pengawasan RSS adalah menggunakan radar pengesanan dan kamera penglihatan yang jarak maksima liputannya adalah antara 20 hingga 43.2 BN dan 5 hingga 8.7 BN masing-masing. Analisis Audit mendapati hanya **RSS C sahaja yang boleh membuat liputan di seluruh kawasan pengawasan. Baki RSS yang lain mempunyai kelemahan liputan kerana terdapat sudut buta (blind arc) atau kawasan yang tidak dapat dibuat pengawasan disebabkan liputan radar pengesanan dan kamera penglihatan yang terhalang oleh bangunan atau kawasan tinggi.**
- Semakan Audit selanjutnya mendapati RSS A dan RSS M mempunyai bilangan *blind arc* tertinggi bagi kamera penglihatan disebabkan lokasi RSS yang terhalang oleh pulau dan kawasan tinggi. Ini menyebabkan kawasan *blind arc* tersebut tidak dapat dipantau oleh sistem SWASLA dan lebih berisiko berlakunya pencerobohan dan penyeludupan.

Maklum balas APMM yang diterima pada 28 April 2020

Kebanyakan kawasan sudut buta setiap RSS adalah meliputi dan menghala kawasan ke tanah besar Semenanjung Malaysia dan Sabah. Ini kerana, sejarah penubuhan SWASLA pada ketika itu adalah bertujuan untuk memantau kapal-kapal yang melalui perairan negara terutamanya di Perairan Selat Melaka dan sempadan perairan negara. Justeru, kebanyakkan radar-radar ini memfokuskan kawasan-kawasan di perairan tersebut yang mana risiko kepada jenayah-jenayah rentas sempadan dan rompakan adalah lebih tinggi. Namun, pembinaan radar pada masa kini telah mengambil kira dari pelbagai aspek keselamatan, sama ada dari segi keselamatan dalam negara serta kedaulatan negara daripada ancaman pihak luar. Pihak APMM juga sentiasa meningkatkan pengawasan di sektor sudut buta SWASLA di dalam perairan ZMM dengan rondaan berterusan oleh pesawat Bombardier, helikopter Dauphin dan Agusta Westland serta kekerapan rondaan aset permukaan APMM.

Pada pendapat Audit, ketiadaan SWASLA di Perairan Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Pantai Timur Sabah, kerosakan peralatan di RSS dan kelemahan liputan kerana terdapat sudut buta (*blind arc*) menyebabkan ZMM tidak dapat dibuat pengawasan secara berkesan. Keadaan ini membuka ruang berlakunya aktiviti penyeludupan barang, pencerobohan dan penyeludupan PATI serta pencerobohan nelayan.

b. Sistem Pengawasan ZMM Melalui *Automatic Identification System* (AIS)

- i. Selain daripada menggunakan radar pengesan dan kamera penglihatan dalam mengawasi ZMM, APMM juga menggunakan *Automatic Identification System* (AIS) sebagai salah satu kaedah kawalan keselamatan ZMM.
- ii. Semakan Audit mendapati 35.7% RSS yang dimiliki oleh APMM mempunyai sistem AIS. AIS *transponder* ditempatkan di RSS C dan B manakala AIS *receiver* terdapat di RSS L, M dan N. Bagi kawasan Selat Melaka, SWASLA memperolehi maklumat AIS melalui integrasi dengan server AIS JLM.
- iii. Bagaimanapun, AIS mempunyai kelemahan sekiranya peralatan *transponder* yang dipasang di kapal tidak diaktifkan, maka segala pergerakan dan aktiviti kapal berkenaan tidak dapat dipantau dan dijejaki.

c. Perkongsian dan Koordinasi Maklumat Sistem Pengawasan di ZMM

- i. Jabatan/agensi di ZMM iaitu APMM, JLM dan DOF telah menggunakan sistem pengawasan bagi meningkatkan kecekapan pelaksanaan operasi keselamatan dan penguatkuasaan di ZMM. Butiran mengenai sistem yang digunakan untuk pemantauan, pengawasan dan penguatkuasaan di ZMM oleh jabatan/agensi adalah seperti dalam **Jadual 23**.

JADUAL 23
SISTEM YANG DIGUNAKAN OLEH JABATAN/AGENSI DI ZMM

BIL.	JABATAN/ AGENSI	SISTEM
1.	APMM	<ul style="list-style-type: none">• SWASLA• Sistem AIS
2.	JLM	<ul style="list-style-type: none">• Sistem AIS• <i>Mandatory Ship Reporting System in the Straits of Malacca and Singapore (STRAITREP)</i> - memantau pergerakan kapal yang tidak mematuhi peraturan lalu lintas <i>Traffic Separation Scheme</i> (TSS) di Selat Melaka
3.	DOF	<ul style="list-style-type: none">• Sistem AIS• <i>Vessel Monitoring System</i> (VMS) - alat pengesan yang dikenali sebagai <i>Vessel Tracking Unit</i> (VTU) dipasang di atas vesel menangkap ikan untuk mendapat kedudukan vesel tersebut dari <i>Global Positioning System</i> (GPS)

Sumber: APMM, JLM dan DOF

- ii. Semakan Audit mendapati, maklumat pencerobohan dan penyeludupan yang diperoleh dari sistem pengawasan oleh jabatan/agensi digunakan secara individu bagi tujuan operasi dan peranan jabatan/agensi masing-masing.

Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada **satu (1) pengumpulan dan penyelarasan maklumat secara berpusat untuk menyalurkan maklumat tersebut kepada jabatan/agensi lain yang paling sesuai dan hampir untuk melaksanakan penguatkuasaan di ZMM.**

- iii. Analisis Audit terhadap statistik pengesanan SWASLA milik APMM pada tahun 2016 hingga 2019, APMM **telah mengesan sasaran curiga daripada sistem tersebut.** Daripada jumlah tersebut **sebanyak 55.7% telah diambil tindakan dan sebanyak 44.3% tidak dapat diambil tindakan.** Maklum balas APMM menyatakan bahawa antara sebab sasaran tidak dapat diambil tindakan adalah **kerana aset rosak, cuaca buruk dan sasaran terlalu jauh.**

Maklum balas MKN yang diterima pada 11 Oktober 2019

Semua maklumat berkaitan isu keselamatan yang diperolehi akan dimaklumkan secara berkala melalui laporan/surat daripada Kementerian Pertahanan/APMM kepada jabatan/agensi berkaitan untuk tindakan selanjutnya. MKN seterusnya akan mengemas kini *database* dan mengambil tindakan sewajarnya yang mana berkaitan. Selain itu, untuk pemakluman dan pelaporan aktiviti/isu berkaitan keselamatan, MKN akan menyelaras dan mengkoordinasi tindakan berkaitan dalam platform Jawatankuasa Bertindak Operasi Maritim serta platform berkaitan lain. Oleh itu, adalah dicadangkan agar satu pusat operasi berpusat ditubuhkan semula bagi memastikan perkongsian maklumat antara semua agensi berkaitan. Pusat operasi ini boleh dijadikan sebagai *Single Point of Contact* kepada semua jabatan/agensi. MKN boleh bertidak sebagai penyelaras kepada pusat operasi ini.

Maklum balas APMM yang diterima pada 11 Oktober 2019

APMM berkongsi maklumat dengan TLDM, JKDM dan beberapa agensi lain ketika operasi khas/operasi bersama dan di atas permintaan. APMM perlu bertindak sebagai Pusat Mengumpul Maklumat Maritim bagi *Main Control Centre* (MCC) sekiranya jabatan/agensi lain turut ditempatkan di SWASLA. APMM dalam perancangan untuk merealisasikan penubuhan *Maritime Information Exchange Centre* (MIEC) dan perkongsian maklumat boleh dilaksanakan menggunakan platform ini.

Maklum balas DOF yang diterima pada 28 April 2020

DOF telah bekerjasama memberikan maklumat dari sistem *Vessel Monitoring System* (VMS) kepada semua agensi penguatkuasa maritim sekiranya dikehendaki. DOF juga menyalurkan maklumat secara berjadual kepada APMM dan PPM PDRM.

Sistem VMS yang digunakan oleh DOF adalah untuk memantau aktiviti nelayan, pola kawasan tangkapan nelayan, mengesan pencerobohan zon kawasan penangkapan ikan, mengesan vesel asing yang menceroboh di perairan negara dan keselamatan nelayan semasa di laut. Selain itu, data VMS boleh digunakan sebagai bukti di mahkamah jika diperlukan.

Maklum balas KDN yang diterima pada 28 April 2020

Kementerian Dalam Negeri (KDN) bersetuju mengenai keperluan untuk mewujudkan satu sistem pengumpulan dan penyelarasan maklumat secara berpusat oleh MKN. Ini kerana, sistem ini akan mengumpulkan semua maklumat/data-data daripada semua agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan sama ada di laut dan di darat bagi membanteras jenayah rentas sempadan yang menggugat keselamatan Negara.

Pada pendapat Audit, ketiadaan koordinasi maklumat secara berpusat/bersepadu melalui sistem pengawasan yang dimiliki oleh jabatan/agensi menyebabkan maklumat pengawasan berkenaan tidak dapat disalurkan dengan pantas dan berkesan kepada jabatan/agensi yang berhampiran dengan lokasi sasaran curiga yang dikenal pasti.

6.2.3. Pelepasan Pelabuhan di ZMM

- a. Akta Kastam 1967 Akta 235 dan Peraturan-Peraturan Bahagian 5 – Pelepasan Pelabuhan Seksyen 36 menetapkan setiap kapal yang tiba di mana-mana pelabuhan kastam hendaklah melaporkan ketibaan dan pelepasan pelabuhan kepada pegawai kastam dengan memberi maklumat berhubung dengan kapal, kargo, kru dan pelayaran. Semakan Audit mendapati setiap kapal yang tiba di mana-mana pelabuhan kastam telah mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh JKDM.
- b. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati semua kapal layar yang tiba di pelabuhan kastam di negara ini tidak perlu mendapatkan pelepasan pelabuhan bagi barang yang dibawa masuk dan dibawa keluar. Hal ini kerana berdasarkan Seksyen 39 Akta Kastam 1967 menyatakan kapal layar dikategorikan sebagai kapal persiaran milik persendirian yang tidak membawa kargo dikecualikan daripada mendapat pelepasan pelabuhan. Bagaimanapun, kapal layar berkenaan membawa bersama barang persendirian walaupun tidak dikategorikan sebagai kargo.
- c. Berdasarkan rekod pendaftaran ketibaan dan pelepasan kapal layar dari JLM bagi tahun 2016 hingga 2019, jumlah kapal layar antarabangsa yang tiba di

negara dan berlepas dari negara adalah sebanyak 2,562 dan 2,223 masing-masing. Jumlah kapal layar domestik yang tiba di negara dan berlepas dari negara adalah sebanyak 42 dan 38 masing-masing. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 24**.

JADUAL 24
KETIBAAN DAN PELEPASAN KAPAL LAYAR BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2019

TAHUN	PERKARA (Bilangan)			
	KAPAL LAYAR ANTARABANGSA		KAPAL LAYAR DOMESTIK	
	KETIBAAN	PERLEPASAN	KETIBAAN	PERLEPASAN
2016	167	101	0	0
2017	652	602	0	0
2018	475	427	9	6
2019	1,268	1,093	33	32
JUMLAH	2,562	2,223	42	38

Sumber: Ibu Pejabat JLM

Maklum balas MKN yang diterima pada 11 Oktober 2019

Memandangkan tiada undang-undang domestik khusus dan status khas kapal layar, MKN tidak mengawal selia isu/kesalahan yang dilakukan oleh kapal layar. Memandangkan isu berkaitan kapal layar banyak melibatkan kesalahan percukaian dan penyeludupan, adalah lebih sesuai perkara berkaitan kapal layar diambil tindakan oleh JKDM dan KDN. Adalah dicadangkan supaya undang-undang berkaitan kapal layar dikaji semula terutama berkaitan *port clearance*, keperluan pendaftaran bagi kapal-kapal layar yang memasuki pelabuhan bebas cukai di Malaysia serta pemeriksaan terhadap kapal layar.

Maklum balas JKDM yang diterima pada 11 Oktober 2019

Peruntukan Seksyen 39 Akta Kastam juga mengecualikan kapal layar daripada memohon pelepasan pelabuhan daripada pegawai kastam yang hak sebelum berlepas keluar [Seksyen 37(1) AK 1967].

Selain itu, Seksyen 39 (d) Akta Kastam 1967 juga mengecualikan nakhoda vesel (kapal layar) daripada hadir di hadapan pegawai kastam yang hak untuk mengemukakan apa-apa maklumat mengenai vesel, kargo, kru, penumpang dan pelayaran untuk memohon pelepasan pelabuhan [Seksyen 38 (1) AK 1967].

Bagaimanapun, masih terdapat pemilik/nakhoda/penumpang kapal layar yang hadir kepada pejabat kastam yang terdekat dengan tempat pendaratan kapal layar mereka untuk melaporkan ketibaan mereka dan menyerahkan salinan pelepasan pelabuhan daripada pelabuhan persinggahan terakhir (*last port of call*) kepada pihak kastam.

Selain itu, secara lazimnya kebanyakan pemilik/nakhoda/penumpang kapal layar akan memohon pelepasan pelabuhan daripada pihak kastam bagi tujuan pelepasan keluar kapal layar. Ini adalah disebabkan keperluan yang ditetapkan oleh negara lain yang mewajibkan pemilik/nakhoda kapal layar untuk menyerahkan salinan pelepasan pelabuhan daripada pelabuhan persinggahan terakhir.

Bagi tujuan pengawalan, pemeriksaan fizikal secara terpilih ke atas kapal persendirian dan kapal layar dilaksanakan oleh Bahagian Penguatkuasaan JKDM.

Pada pendapat Audit, pengecualian kapal layar daripada mendapat pelepasan pelabuhan dan mengisyiharkan barang persendirian yang dibawa memberi risiko seperti ketirisan hasil cukai barang yang tidak dibayar, penyeludupan barang terlarang dan penyeludupan PATI.

7. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, jabatan dan agensi yang dipertanggungjawabkan terhadap aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan ZMM telah melaksanakan peranan masing-masing berdasarkan *Standard Operating Procedure (SOP)* yang ditetapkan. Bagaimanapun, aktiviti ini masih belum mencapai tahap kecekapan yang optimum kerana wujud isu kurang koordinasi di antara jabatan/agensi dalam penguatkuasaan dari segi perkongsian maklumat dan kekurangan aset. Aset yang rosak dan faktor kawasan ZMM yang luas turut menyukarkan aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan ZMM. Ini mengakibatkan masih berlaku penyeludupan barang, pencerobohan dan penyeludupan PATI dan pencerobohan nelayan di ZMM.

8. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa hadapan dan objektif aktiviti dapat dicapai, adalah disyorkan kepada pihak terlibat untuk mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:

- 8.1. MKN hendaklah mengkaji semula dasar dan strategi berkaitan pengawalan dan penguatkuasaan sempadan negara dengan mengkoordinasi secara berkesan jabatan/agensi berkaitan dari segi sumber manusia, infrastruktur dan logistik, aset dan perkongsian maklumat *intelligence*;
- 8.2. MKN perlu mengkaji semula keperluan untuk mewujudkan satu sistem pengumpulan dan penyelarasaran maklumat secara berpusat dan pelbagai maklumat

tersebut dapat dimanfaatkan oleh jabatan/agensi untuk melaksanakan penguatkuasaan di ZMM mengikut bidang kuasa masing-masing;

8.3. MKN, KDN dan Kementerian Pertahanan perlu mengkaji keperluan penggunaan teknologi seperti dron bagi mengawal keselamatan ZMM. Selain itu, penggunaan teknologi *remote sensing* (data satelit) dari Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) juga dapat membantu jabatan/agensi pelaksana dalam pengurusan keselamatan ZMM;

8.4. KDN dan APMM perlu mengkaji semula keperluan untuk mewujudkan SWASLA di perairan pantai timur Semenanjung Malaysia, Sarawak dan pantai timur Sabah. Selain itu, peralatan SWASLA sedia ada yang telah rosak perlu dibuat penyenggaraan dan mengkaji penggantian terhadap peralatan yang *obsolete* diganti semula bagi memastikan SWASLA berkenaan dapat berfungsi secara optimum;

8.5. MKN dan KLN hendaklah terus mengkaji untuk melihat sekiranya terdapat strategi dan pendekatan yang lebih efektif berhubung isu-isu perempadanan maritim dengan negara-negara yang berkaitan;

8.6. KDN dan APMM perlu mengkaji dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap sudut buta (*blind arc*) yang dikenal pasti bagi mengelakkan berlakunya sebarang pencerobohan dan penyeludupan;

8.7. KDN, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan agensi pusat perlu mengkaji semula keperluan peruntukan bagi kapal/bot yang tidak dibuat penyenggaraan yang dimiliki oleh APMM, PPM PDRM dan DOF supaya ianya boleh digunakan untuk melaksanakan aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan di ZMM secara optimum berdasarkan kapal/bot yang dimiliki; dan

8.8. KDN, JKDM dan JLM perlu mengkaji semula mekanisme penguatkuasaan terhadap kapal layar bagi mengelakkan risiko seperti ketirisan hasil cukai barang yang tidak dibayar, penyeludupan barang terlarang dan penyeludupan PATI semasa ketibaan di pelabuhan.

KEMENTERIAN KEWANGAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

Aktiviti Kawalan Keselamatan dan Penguatkuasaan
Sempadan Darat Malaysia

**MAJLIS KESELAMATAN NEGARA/
KEMENTERIAN DALAM NEGERI/
KEMENTERIAN KEWANGAN/
KEMENTERIAN PERTAHANAN
AKTIVITI KAWALAN KESELAMATAN DAN
PENGUATKUASAAN SEMPADAN DARAT MALAYSIA**

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditan melibatkan penilaian terhadap aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan sempadan darat Malaysia bagi tahun 2016 hingga 2019 yang meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi aktiviti dan pengurusan aktiviti.
- Bagi prestasi aktiviti, pencapaian output dan *outcome* dinilai terhadap pelaksanaan kawalan keselamatan dan operasi penguatkuasaan di sempadan darat Malaysia.
- Pengurusan aktiviti pula dinilai terhadap (3) perkara iaitu penguatkuasaan di pintu keluar/masuk yang diwartakan, penguatkuasaan di pintu keluar/masuk yang tidak sah dan kesiapsiagaan bagi operasi penguatkuasaan.
- Pengauditan melibatkan enam (6) jabatan/agensi iaitu Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Pasukan Gerakan Am (PGA), Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Tentera Darat Malaysia (TDM).

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Untuk menilai keberkesanan aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan yang dijalankan di sempadan darat Malaysia.
- Untuk memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa aktiviti pencerobohan dan penyeludupan di sempadan darat Malaysia seperti kemasukan barang larangan dan pendatang asing tanpa izin (PATI) memberi ancaman/kesan negatif kepada keselamatan negara.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan sempadan darat Malaysia masih belum mencapai tahap kecekapan optimum kerana kekurangan aset dan faktor kawasan sempadan darat yang luas turut menyukarkan aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan sempadan darat Malaysia. Oleh yang demikian, masih berlaku pergerakan rentas sempadan tanpa melalui laluan yang sah dan pencerobohan dan penyeludupan di garis sempadan darat negara. Butiran lanjut adalah seperti berikut:
 - Seramai 214,398 (23.5%) daripada 912,374 warga asing yang masuk ke Malaysia tiada rekod keluar. Selain itu, sampel terhadap 300 warga asing mendapati warga asing tersebut

telah tinggal di Malaysia melebihi tempoh yang dibenarkan iaitu dari 121 hingga 1,087 hari.

- Lokasi Kedai Bebas Cukai (KBC) di tiga (3) Immigration, Customs, Quarantine and Security (ICQS) dan satu Pos Sempadan iaitu ICQS Padang Besar, Perlis; Bukit Berapit, Perak; Bukit Kayu Hitam, Kedah; dan Pos Sempadan Serikin, Sarawak berada dalam jarak antara 550 meter hingga 4.1 km dari garis sempadan darat Malaysia. Bagi Pos Sempadan Serikin, Sarawak pasar Serikin yang beroperasi seperti KBC juga terletak di kawasan *buffer zone* sebelum Pos Sempadan.
- Kemudahan Arahan Imigresen dan Pasport (Zon Bebas Cukai Bukit Kayu Hitam) (Pengecualian) 1988 telah disalah guna bagi kegiatan penyeludupan dan PATI untuk masuk ke Malaysia secara tidak sah.
- Berlaku aktiviti rentas sempadan tanpa prosedur yang sah dengan menyeberangi Sungai Golok di kawasan Kampung Bukit Lata, Rantau Panjang ke Pekan Munduk, Thailand. Setakat bulan Disember 2019, terdapat 88 pangkalan haram di sepanjang Sungai Golok yang digunakan sebagai pangkalan sampan untuk membawa keluar/masuk barang dan orang.
- Pagar/tembok keselamatan yang dibina telah rosak kesan daripada aktiviti penyeludupan dan faktor usia yang telah melebihi 40 tahun. Kawasan yang paling kerap dan kritikal berlakunya kerosakan pagar/tembok keselamatan meliputi kawasan sepanjang 5.3 km bersebelahan pintu masuk sempadan Padang Besar, Perlis.
- Tiada norma ditetapkan bagi bilangan anggota untuk setiap pos. Secara purata setiap pasukan yang terdiri daripada dua (2) anggota perlu membuat rondaan di kawasan operasi sejauh 0.4 km hingga 10 km.
- Tiada sebarang norma ditetapkan berhubung jumlah aset untuk tujuan operasi oleh TDM dan PGA. Secara purata setiap pos hanya boleh menggunakan sebuah motosikal berbanding kekuatan anggota setiap pos adalah antara 10 hingga 41 orang. Bagi operasi PGA di negeri Sarawak, tiada motosikal dibekalkan untuk tujuan rondaan.

MAJLIS KESELAMATAN NEGARA/ KEMENTERIAN DALAM NEGERI/ KEMENTERIAN KEWANGAN/KEMENTERIAN PERTAHANAN

1. AKTIVITI KAWALAN KESELAMATAN DAN PENGUATKUASAAN SEMPADAN DARAT MALAYSIA

FAKTA UTAMA AKTIVITI KAWALAN KESELAMATAN DAN PENGUATKUASAAN SEMPADAN DARAT MALAYSIA

Kawalan Sempadan	3 Negara Bersempadan Darat	Panjang Sempadan Darat Malaysia
<ul style="list-style-type: none">• Pintu keluar/masuk diwartakan• Garisan Sempadan	<ul style="list-style-type: none">• Thailand, Indonesia dan Brunei	<ul style="list-style-type: none">• 3,257 km
28 Pintu Keluar/Masuk Diwartakan	11 Immigration, Customs, Quarantine and Security (ICQS) 17 Pos Sempadan/Pos Kawalan Sempadan/Pos Imigresen/Pejabat Imigresen	
Jabatan/Agensi Bertanggungjawab	Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Imigresen Malaysia, Pasukan Gerakan Am, Agensi Kawalan Sempadan Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Tentera Darat Malaysia	
Sempadan Malaysia-Thailand	Sepanjang 662 km melibatkan negeri Perak, Kedah, Perlis dan Kelantan	
Sempadan Malaysia-Indonesia	Sepanjang 2,067 km melibatkan negeri Sabah dan Sarawak	
Sempadan Malaysia-Brunei	Sepanjang 528 km melibatkan negeri Sarawak	

1. LATAR BELAKANG

1.1. Sempadan ditakrifkan sebagai sesuatu yang menjadi tanda pemisah di antara suatu kawasan dengan kawasan lain atau tanda yang menunjukkan had sesuatu kawasan. Terdapat tiga (3) negara yang bersempadan darat dengan Malaysia iaitu Thailand, Indonesia dan Brunei. Bagi sempadan darat Malaysia-Thailand, empat (4) negeri di Semenanjung Malaysia yang terlibat iaitu Perak, Kedah, Perlis dan Kelantan. Negeri Sabah dan Sarawak bersempadan dengan Indonesia manakala Sarawak turut bersempadan dengan negara Brunei. Secara keseluruhan, sempadan darat Malaysia adalah sepanjang 3,257 kilometer (km) yang melibatkan sempadan darat Malaysia-Thailand iaitu 662 km, Malaysia-Indonesia 2,067 km dan 528 km bagi sempadan Malaysia-Brunei.

1.2. Kawalan keselamatan dan penguatkuasaan sempadan darat dibahagikan kepada dua (2) iaitu di pintu keluar/masuk yang diwartakan dan di sepanjang garis sempadan darat Malaysia. Berdasarkan Jadual Pertama Bahagian II Peraturan-Peraturan Kastam 1977, pintu keluar/masuk yang diwartakan merupakan laluan sah keluar/masuk negara. Pintu keluar/masuk dikategori kepada dua (2) iaitu Immigration, Customs, Quarantine and Security (ICQS) dan Pos Sempadan/Pos Kawalan Sempadan/Pos Imigresen/Pejabat

Imigresen. ICQS merupakan pintu utama yang diwartakan bagi pergerakan keluar/masuk orang, barang, kenderaan, tumbuhan dan haiwan. Kesemua yang melalui kompleks tersebut perlu menjalani pemeriksaan sebelum keluar dari Malaysia atau masuk dari negara lain. Kawasan kompleks ICQS diisyiharkan sebagai Kawasan Larangan/Tempat Larangan di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 (Akta 298). Senarai jabatan/agensi yang ditempatkan di pintu keluar/masuk adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
SENARAI AGENSI YANG DITEMPATKAN DI PINTU KELUAR/MASUK

BIL.	AGENSI/JABATAN	BIL.	AGENSI/JABATAN
1.	Majlis Keselamatan Negara (MKN)	12.	Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)
2.	Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)	13.	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)
3.	Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)	14.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS)
4.	Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)	15.	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri
5.	Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)	16.	Pasukan Gerakan Am (PGA)
6.	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)	17.	Tentera Darat Malaysia (TDM)
7.	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)	18.	Kementerian Dalam Negeri (KDN)
8.	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)	19.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)
9.	Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) Malaysia Berhad	20.	Lembaga Getah Malaysia (LGM)
10.	Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)	21.	Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)
11.	Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)	22.	Agenzi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM)

Sumber: Perintah Tetap Operasi dan Mekanisme Pengurusan Kompleks ICQS Darat Negara

1.3. Secara keseluruhannya, terdapat 28 pintu keluar/masuk yang bersempadan darat dengan negara Thailand, Indonesia dan Brunei. Ia melibatkan 11 pintu masuk melalui ICQS dan 17 melalui Pos Sempadan/Pos Kawalan Sempadan/Pos Imigresen/Pejabat Imigresen. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
SENARAI PINTU KELUAR/MASUK SEMPADAN DARAT NEGARA

JENIS PINTU KELUAR/ MASUK	PERLIS	KEDAH	PERAK	KELANTAN	SABAH	SARAWAK	JUMLAH
ICQS	<ul style="list-style-type: none"> Padang Besar Padang Besar (Stesen Keretapi) Padang Besar (Landasan Keretapi) 	<ul style="list-style-type: none"> Bukit Kayu Hitam Durian Burung, Kota Putra 	<ul style="list-style-type: none"> Bukit Berapit, Pengkalan Hulu 	<ul style="list-style-type: none"> Bukit Bunga Rantau Panjang Pengkalan Kubor 	-	<ul style="list-style-type: none"> Biawak Lubok Antu 	11
Pos Sempadan	-	-	-	-	-	<ul style="list-style-type: none"> Serikin Padawan Tebedu Bunan Gega Batu Lintang 	11

JENIS PINTU KELUAR/ MASUK	PERLIS	KEDAH	PERAK	KELANTAN	SABAH	SARAWAK	JUMLAH
						<ul style="list-style-type: none"> • Sungai Tujuh, Miri • Tedungan • Ba' Kelalan • Panduaran • Mengkalap • Long Lama 	
Pos Kawalan Sempadan	-	-	-	-	-	<ul style="list-style-type: none"> • Bario 	1
Pos Imigresen	<ul style="list-style-type: none"> • Wang Kelian 	-	-	-	<ul style="list-style-type: none"> • Sindumin 	<ul style="list-style-type: none"> • Merapok 	3
Pejabat Imigresen	-	-	-	-	<ul style="list-style-type: none"> • Long Pasia • Pensiangan (Pagalungan) 	-	2
JUMLAH	4	2	1	3	3	15	28

Sumber: Ibu Pejabat, MKN Putrajaya

Nota: Padang Besar (Stesen Keretapi) Merupakan Laluan untuk Penumpang

Padang Besar (Landasan Keretapi) Merupakan Laluan untuk Barang Kargo

1.4. Bagi kawalan dan penguatkuasaan di garisan sempadan darat Malaysia, dua (2) agensi dipertanggungjawabkan iaitu Pasukan Gerakan Am (PGA) dan Tentera Darat Malaysia (TDM). Kedua-dua agensi ini membuat kawalan dan pengawasan 24 jam dalam kawasan tanggungjawab (KTJ). PGA dipertanggungjawabkan mengawasi kawasan sempadan darat yang berhampiran dengan kawasan penempatan penduduk iaitu di negeri Perlis, Kedah, Kelantan, Sabah dan Sarawak.

1.5. TDM pula dipertanggungjawabkan mengawasi kawasan sempadan darat yang jauh daripada kawasan penempatan penduduk (hutan) iaitu di sebahagian negeri Kedah, Kelantan, Perak dan Sarawak. Selain daripada PGA dan TDM yang ditugaskan untuk mengawal sempadan, pihak MKN turut membantu dengan membina pagar dan tembok keselamatan di garis sempadan darat Malaysia.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan sempadan darat Malaysia telah diurus dengan teratur, cekap dan berkesan bagi memastikan keselamatan dan kedaulatan sempadan darat Malaysia daripada aktiviti pencerobohan, penyeludupan dan aktiviti lain yang menyalahi undang-undang.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Skop pengauditan meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi aktiviti dan pengurusan aktiviti bagi tahun 2016 hingga 2019. Prestasi aktiviti dinilai berdasarkan dua (2) perkara iaitu pencapaian output dan pencapaian *outcome*. Pengurusan aktiviti

pula dinilai merangkumi tiga (3) perkara iaitu penguatkuasaan di pintu keluar/masuk yang diwartakan, penguatkuasaan di pintu keluar/masuk yang tidak sah dan kesiapsiagaan bagi operasi penguatkuasaan.

3.2. Sebanyak enam (6) (27.3%) jabatan/agensi dipilih sebagai sampel pengauditan iaitu empat (4) jabatan/agensi bagi kawalan di pintu keluar/masuk yang diwartakan dan dua (2) agensi melibatkan kawalan di garis sempadan darat Malaysia seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
PERANAN JABATAN/AGENSI DALAM AKTIVITI KAWALAN
KESELAMATAN DAN PENGUATKUASAAN SEMPADAN DARAT MALAYSIA

KEMENTERIAN	JABATAN	PERANAN
Jabatan Perdana Menteri Kementerian Dalam Negeri	MKN	Bertanggungjawab menyelaras dasar yang berkaitan keselamatan negara dan hala tuju perihal keselamatan.
	JIM	Menguruskan perihal keimigresenan selaras dengan kepentingan negara dan mengawal selia pergerakan orang yang keluar/masuk di pintu diwartakan.
	PGA	Menjalankan rondaan di kawasan sempadan antarabangsa dan pantai serta melaksanakan tugas kepolisan di kawasan pedalaman.
	AKSEM	Menjalankan kawalan sempadan darat Malaysia antaranya mencegah dan menyekat perlakuan suatu kesalahan berhubung dengan kegiatan penyeludupan atau aktiviti lain yang menyalahi undang-undang di sempadan darat Malaysia.
Kementerian Kewangan	JKDM	Memungut hasil dan memberi fasilitasi perdagangan melalui penguatkuasaan dan pematuhan undang-undang.
Kementerian Pertahanan	TDM	Mempertahankan kedaulatan dan kepentingan persempadanan utara Semenanjung Malaysia dan persempadanan Malaysia Timur-Kalimantan melalui operasi-operasi yang dilaksanakan dengan mengatur gerak trup dan aset serta bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan dan pengurusan keselamatan sempadan daratan negara.

Sumber: Jabatan/Agensi yang Diaudit

3.3. Pengauditan telah dijalankan terhadap enam (6) ICQS dan satu (1) Pos Sempadan di lima (5) negeri iaitu Perlis, Perak, Kelantan, Kedah dan Sarawak. Butiran lanjut senarai ICQS dan Pos Sempadan yang dilawati adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
NEGERI, ICQS DAN POS SEMPADAN YANG DILAWATI
SERTA JUSTIFIKASI PEMILIHAN SAMPEL

NEGERI	ICQS/POS SEMPADAN	TARIKH LAWATAN	JUSTIFIKASI PEMILIHAN SAMPEL
Perlis	ICQS Padang Besar	11-16 November 2018	
Perak	ICQS Bukit Berapit, Pengkalan Hulu	18-23 Februari 2019	• Negeri yang bersempadan dengan sempadan darat Malaysia
Kelantan	ICQS Rantau Panjang	10-15 Mac 2019	• Pintu keluar/masuk tumpuan
Kedah	ICQS Bukit Kayu Hitam	31 Mac-5 April 2019	• Statistik rampasan/tangkapan tertinggi
Sarawak (Bahagian Kuching dan Serian)	<ul style="list-style-type: none"> • ICQS Biawak • ICQS Tebedu • Pos Sempadan Serikin 	23-29 Julai 2019	

Sumber: Jabatan Audit Negara

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod, fail, dokumen, pemeriksaan fizikal serta temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab. Analisis terhadap data MyIMMs bagi tahun 2016 hingga 2018 berkaitan warganegara dan warga asing di pintu keluar/masuk yang diwartakan juga dilaksanakan. Selain itu, borang soal selidik turut diedarkan bagi mendapatkan persepsi orang ramai yang berurusan di sempadan Malaysia.

5. RUMUSAN AUDIT

5.1. Pengauditan yang dijalankan pada bulan November 2018 dan bulan Februari hingga Julai 2019 merumuskan perkara berikut:

a. Prestasi Aktiviti

Aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan sempadan darat Malaysia telah dilaksanakan dengan mematuhi peraturan dan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang ditetapkan, namun masih berlaku aktiviti penyeludupan barang dan kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI). Selain itu, berdasarkan analisis soal selidik terhadap 168 responden yang berurusan di sempadan darat negeri Perak, Kedah, Kelantan dan Sarawak mendapat 23.4% responden berpendapat jabatan/agensi yang menjalankan kawalan keselamatan/penguatkuasaan di sempadan tidak berjaya mencegah kegiatan penyeludupan.

b. Pengurusan Aktiviti

Pengurusan aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan sempadan darat Malaysia masih belum mencapai tahap kecekapan yang optimum. Antara kelemahan yang perlu dipertingkatkan ialah ketidaksesuaian penempatan lokasi Kedai Bebas Cukai yang memberi risiko kepada aktiviti penyeludupan barang dan PATI serta aktiviti rentas sempadan tanpa prosedur yang sah di Rantau Panjang, Kelantan. Selain itu, terdapat kerosakan pada pagar/tembok keselamatan di garis sempadan, pos PGA dan pos TDM yang tidak kondusif dan kenderaan operasi yang tidak mencukupi.

5.2. Penemuan utama Audit yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- a. seramai 214,398 (23.5%) daripada 912,374 warga asing yang masuk ke Malaysia tiada rekod keluar. Selain itu, sampel terhadap 300 warga asing mendapati warga asing tersebut telah tinggal di Malaysia melebihi tempoh yang dibenarkan iaitu dari 121 hingga 1,087 hari;
- b. lokasi Kedai Bebas Cukai (KBC) di tiga (3) ICQS dan satu Pos Sempadan iaitu ICQS Padang Besar, Perlis; Bukit Berapit, Perak; Bukit Kayu Hitam, Kedah; dan

Pos Sempadan Serikin, Sarawak berada dalam jarak antara 550 meter hingga 4.1 km dari garis sempadan darat Malaysia. Bagi Pos Sempadan Serikin, Sarawak pasar Serikin yang beroperasi seperti KBC juga terletak di kawasan *buffer zone* sebelum Pos Sempadan;

- c. kemudahan Arahan Imigresen dan Pasport (Zon Bebas Cukai Bukit Kayu Hitam) (Pengecualian) 1988 telah disalah guna bagi kegiatan penyeludupan dan PATI untuk masuk ke Malaysia secara tidak sah;
- d. berlaku aktiviti rentas sempadan tanpa prosedur yang sah dengan menyeberangi Sungai Golok di kawasan Kampung Bukit Lata, Rantau Panjang ke Pekan Munduk, Thailand. Setakat bulan Disember 2019, terdapat 88 pangkalan haram di sepanjang Sungai Golok yang digunakan sebagai pangkalan sampan untuk membawa keluar/masuk barang dan orang;
- e. pagar/tembok keselamatan yang dibina telah rosak kesan daripada aktiviti penyeludupan dan faktor usia yang telah melebihi 40 tahun. Kawasan yang paling kerap dan kritikal berlakunya kerosakan pagar/tembok keselamatan meliputi kawasan sepanjang 5.3 km bersebelahan pintu masuk sempadan Padang Besar, Perlis;
- f. tiada norma ditetapkan bagi bilangan anggota untuk setiap pos. Secara purata setiap pasukan yang terdiri daripada dua (2) anggota perlu membuat rondaan di kawasan operasi sejauh 0.4 km hingga 10 km; dan
- g. tiada sebarang norma ditetapkan berhubung jumlah aset untuk tujuan operasi oleh TDM dan PGA. Secara purata setiap pos hanya boleh menggunakan sebuah motosikal berbanding kekuatan anggota setiap pos adalah antara 10 hingga 41 orang. Bagi operasi PGA di negeri Sarawak, tiada motosikal dibekalkan untuk tujuan rondaan.

6. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Perkara yang ditemui serta maklum balas daripada MKN dan jabatan/agensi berkaitan telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 18 Oktober 2019. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti dalam perenggan berikut:

6.1. Prestasi Aktiviti

6.1.1. Pencapaian Output

Pencapaian output bagi aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan sempadan darat terbahagi kepada penyelarasan dasar keselamatan oleh MKN,

kawalan dan penguatkuasaan terhadap pergerakan orang dan perihal keimigresenan serta kawalan dan penguatkuasaan terhadap keluar/masuk barang.

a. Penyelarasan Dasar Keselamatan Sempadan Darat oleh MKN

- i. MKN ditubuhkan pada tahun 1971 sebagai agensi yang menyelaras dasar berkaitan keselamatan negara. Arahan MKN No. 4 menyatakan bahawa Jawatankuasa Am Sempadan Malaysia-Thailand (GBC MALTHAI) dan Jawatankuasa Am Sempadan Malaysia-Indonesia (GBC MALINDO) perlu mengadakan mesyuarat setahun sekali secara bergilir-gilir di tempat dan pada masa yang akan dipersetujui oleh Pengerusi Bersama dengan MKN sebagai urus setia.
- ii. GBC MALTHAI ditubuhkan melalui perjanjian pada 13 Mac 1965 antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Thailand. Jawatankuasa ini bertanggungjawab menyelaras gerakan keselamatan oleh Pasukan Keselamatan Malaysia dan Thailand di kawasan sempadan serta mengukuhkan hubungan persahabatan dan kejiranan sedia ada antara kedua buah negara. GBC MALTHAI dipengerusikan oleh Pengerusi Bersama iaitu Menteri Pertahanan Malaysia dan Menteri Pertahanan Thailand serta ahli jawatankuasanya dilantik oleh Kerajaan masing-masing.
- iii. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat GBC MALTHAI bertarikh 15 Mac 2018 mendapati lima (5) perkara yang dibincangkan dan status terkini adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5

STATUS TERKINI PERKARA YANG DIBINCANGKAN DALAM MESYUARAT GBC MALTHAI

BIL.	ISU	STATUS TERKINI
1.	Pembinaan pagar selapis secara <i>joint build</i> sepanjang 10.9 km	<ul style="list-style-type: none">• Kedua-dua negara telah menandatangani <i>Memorandum of Understanding (MoU) for the Construction and Maintenance of a Single Barrier in the Area between BP20A/12 and BP23/104</i> pada mesyuarat ke-25 bertarikh 31 Julai hingga 2 Ogos 2018.• Rundingan berhubung pembinaan pagar ini masih dalam proses perbincangan.
2.	Penambahbaikan jalan darat dari Sadao ke Bukit Kayu Hitam	<ul style="list-style-type: none">• Kedua-dua negara bersetuju penubuhan pasukan teknikal bagi mengkaji jajaran yang paling sesuai untuk menghubungkan CIQ Sadao dan ICQS Bukit Kayu Hitam.
3.	Membincangkan isu dwi-kerakyatan yang berkemungkinan menyumbang kepada jenayah di sempadan	<ul style="list-style-type: none">• Isu ini sedang diteliti oleh Kementerian Luar Negeri bersama KDN.
4.	Pertukaran maklumat antara dua (2) negara untuk mengekang jenayah rentas sempadan	<ul style="list-style-type: none">• Pertukaran maklumat sentiasa dan sedang berlangsung melalui platform bilateral dan unilateral pelbagai agensi dan kementerian yang berkaitan.
5.	Perbincangan ancaman Daesh/ <i>Islamic State</i> (IS) yang boleh menganggu ketenteraman negara	<ul style="list-style-type: none">• Perkara ini dalam tindakan pihak Cawangan Khas, PDRM dan KDN.

Sumber: Ibu Pejabat MKN, Putrajaya

- iv. Bagi sempadan Malaysia-Indonesia, GBC MALINDO ditubuhkan sebagai badan tetap untuk mengendalikan kerjasama keselamatan dan melaksanakan operasi ketenteraan untuk mengatasi ancaman keselamatan di sepanjang sempadan kedua negara. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengerusi Bersama iaitu Menteri Pertahanan Malaysia dan Menteri Pertahanan Indonesia dan ahli jawatankuasa dilantik oleh Kerajaan masing-masing.
- v. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat GBC MALINDO bertarikh 15 November 2018 mendapati empat (4) perkara utama yang dibincangkan dan status terkini adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
STATUS TERKINI PERKARA YANG DIBINCANGKAN
DALAM MESYUARAT GBC MALINDO

BIL.	ISU	STATUS TERKINI
1.	Penyeludupan dadah dan barang terlarang melalui pintu keluar/masuk kedua negara semakin membimbangkan	<ul style="list-style-type: none"> MKN melalui Jawatankuasa Kerja/Kumpulan Kerja Pembangunan Sosio-Ekonomi Malaysia-Indonesia (JKK/KK SOSEK) saling berhubung dengan <i>Joint Police Cooperation Committee</i> (JPCC) [kerjasama di antara Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kepolisian Negara Republik Indonesia (POLRI)] bagi menyelesaikan masalah penyeludupan dadah dan barang terlarang.
2.	Aktiviti lintas sempadan di PLBN Badau-Lubok Antu dan Aruk-Biawak masih dihadkan pada kegiatan tradisional (belum dibenarkan kenderaan persendirian dan awam)	<ul style="list-style-type: none"> Kenderaan persendirian dan awam boleh melalui PLBN Badau-Lubok Antu dan Aruk-Biawak dengan permohonan <i>International Circulation Permit</i> (ICP). ICQS telah bersedia untuk menerima kenderaan perdagangan sebaik sahaja <i>Border Crossing Agreement</i> (BCA) disempurnakan oleh KDN.
3.	Terdapat aktiviti sosio-ekonomi masyarakat sempadan kedua negara yang merosakkan dan mengubah kedudukan batu sempadan	<ul style="list-style-type: none"> Jawatankuasa Bersama Sempadan Antarabangsa Malaysia-Indonesia yang diterajui oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) sentiasa melaksanakan pemeriksaan, pengukuran dan penyelenggaraan batu tanda sempadan antarabangsa. Sebarang isu akan dibincangkan dan diselesaikan secara bersama melalui platform ini.
4.	Bukit yang terletak di kawasan PLBN Entikong-Tebedu mengganggu pergerakan keluar/masuk di sempadan	<ul style="list-style-type: none"> Sehingga kini, proses pemotongan bukit ini masih berjalan.

Sumber: Ibu Pejabat MKN, Putrajaya

Maklum balas Majlis Keselamatan Negara yang diterima pada 10 Oktober 2019

Bagi menangani isu sempadan, selain daripada GBC MALTHAI dan GBC MALINDO, MKN mengendalikan mesyuarat unilateral seperti Jawatankuasa Perancang Gerakan Negeri (JPGN) dan mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Negeri (JKKN) di peringkat negeri yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar dan Ketua Menteri.

b. Kawalan dan Penguatkuasaan Terhadap Pergerakan Orang dan Perihal Keimigresenan

Seksyen 2(1) Akta Pasport 1966 menyatakan setiap orang yang memasuki Malaysia hendaklah mengemukakan pasport kepada pegawai Imigresen. Seksyen 2(2) Akta Pasport 1966 menyatakan setiap orang yang keluar Malaysia hendaklah mengemukakan pasport kepada pegawai Imigresen. Selain itu, Seksyen 8(3) Akta Imigresen 1959/63 menyatakan seseorang itu tidak dibenarkan masuk atau boleh dikenakan *Not To Land* (NTL) kerana tidak mempunyai pasport yang sah, tidak mempunyai visa menurut Seksyen 2 Akta Pasport 1966 dan sebab orang yang dilarang masuk menurut Seksyen 8(3) Akta Imigresen 1959/63.

i. Pergerakan Keluar/Masuk Warganegara dan Warga Asing

Jabatan Imigresen Malaysia bertanggungjawab membuat kawalan terhadap pergerakan keluar/masuk warganegara dan warga asing di semua 28 pintu keluar/masuk darat Malaysia. Bagi tempoh tahun 2016 hingga 2019, seramai 23.18 juta warganegara Malaysia dan 21.23 juta orang warga asing keluar melalui pintu sempadan darat. Warganegara Malaysia dan warga asing yang masuk ke Malaysia adalah masing-masing seramai 28.43 juta dan 18.39 juta orang bagi tempoh yang sama. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
WARGANEGARA MALAYSIA DAN WARGA ASING YANG KELUAR/MASUK
MELALUI SEMUA PINTU SEMPADAN DARAT MALAYSIA
BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2019

TAHUN	WARGANEGARA MALAYSIA		WARGA ASING	
	MASUK (Juta)	KELUAR (Juta)	MASUK (Juta)	KELUAR (Juta)
2016	4.54	4.68	4.53	8.76
2017	11.29	5.83	5.72	6.11
2018	4.61	4.63	3.17	2.55
2019	7.99	8.04	4.97	3.81
JUMLAH KESELURUHAN	28.43	23.18	18.39	21.23

Sumber: Ibu Pejabat JIM, Putrajaya

- Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2016 hingga 2019, seramai 3,370 orang tidak dibenarkan masuk atau telah dikenakan NTL di semua pintu masuk oleh JIM. Daripada jumlah tersebut, pintu masuk di negeri Kedah merekodkan NTL tertinggi iaitu sebanyak 1,265 (37.5%). Perkara ini disebabkan negeri Kedah merupakan pintu masuk utama ke negara ini melalui jalan darat berdasarkan statistik keluar/masuk warganegara dan warga asing. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
**BILANGAN NOTIS PENOLAKAN MASUK (NTL) DI SEMUA PINTU MASUK
SEMPADAN DARAT MALAYSIA BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2019**

NEGERI	TAHUN				JUMLAH
	2016	2017	2018	2019	
Perlis	272	284	318	198	1,072
Perak	55	229	136	52	472
Kelantan	99	39	137	87	362
Kedah	249	520	264	232	1,265
Sarawak	-	-	157	42	199
JUMLAH	675	1,072	1,012	611	3,370

Sumber: Ibu Pejabat JIM, Putrajaya

- Bagi menyemak pergerakan keluar/masuk warga asing yang menggunakan Pas Lawatan Sosial, analisis terhadap data sistem MyIMMs bagi tahun 2016 hingga 2018 telah dilaksanakan. Analisis Audit mendapati **daripada 912,374 warga asing yang masuk, seramai 214,398 (23.5%) tiada rekod keluar dari Malaysia.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 9.**

JADUAL 9
**WARGA ASING YANG MASUK MELALUI PINTU MASUK DARAT TETAPI
TIADA REKOD KELUAR BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018**

TAHUN	BIL. KETIBAAN WARGA ASING	TIADA REKOD TARIKH KELUAR	PERATUS TIADA REKOD TARIKH KELUAR (%)
2016	307,991	92,030	29.9
2017	282,084	81,945	29
2018	322,299	40,423	12.5
JUMLAH	912,374	214,398	23.5

Sumber: Bahagian Teknologi Maklumat dan Rekod, JIM

- Pihak Audit juga mendapati perkara yang sama dilaporkan dalam kajian Pengurusan Program Promosi Bagi Meningkatkan Ketibaan Pelancong Antarabangsa pada perenggan 6.3.2 (muka surat 8-33) LKAN Tahun 2018 Siri 2.
- Lanjutan daripada analisis Audit ini, pihak JIM telah membuat semakan terhadap data Sistem MyIMMs. Pihak JIM menyatakan setakat 15 April 2020, 214,398 warga asing yang tiada rekod keluar mendapati seramai 5,750 orang telah disahkan keluar dan 8,404 orang memiliki pas jangka panjang seperti Pas Lawatan Ikhtisas, Pas Lawatan Kerja Sementara, Pas Pelajar dan Pas Residen. Selain itu, seramai 1,765 orang telah diambil tindakan oleh Unit Penguatkuasaan.

- Bagi baki seramai 198,479 (92.6%) warga asing yang tiada rekod keluar, Sistem MyIMMs tidak dapat mengesahkan pergerakan mereka kerana berlaku *system down* sebanyak 4,489 kali bagi tempoh 2016 hingga 2018.
- Selain itu, Sistem MyIMMs juga tidak dapat melaksanakan proses padanan data (*data matching – entry and exit*) bagi setiap pelawat sekiranya pelawat tersebut melakukan pergerakan keluar/masuk berulang kali setiap hari (pelawat sempadan). JIM telah melaksanakan langkah penambahbaikan bermula bulan Mac 2020 di mana proses padanan data dilaksanakan pada bila-bila masa.
- Semakan Audit selanjutnya mendapati daripada 214,398 rekod warga asing tersebut, pihak Audit telah memilih 300 warga asing sebagai sampel. Berdasarkan sampel tersebut, selain daripada tiada rekod keluar, pihak Audit turut mendapati warga asing tersebut telah tinggal di Malaysia melebihi tempoh yang dibenarkan iaitu dari 121 hingga 1,087 hari. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
SAMPEL WARGA ASING YANG MASUK MELALUI PINTU MASUK DARAT
TETAPI TIADA REKOD KELUAR BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018

NEGERI	PINTU MASUK DARAT	BIL. WARGA ASING			JUMLAH	TEMPOH LEBIH MASA (HARI)
		2016	2017	2018		
Perlis	ICQS Padang Besar	1	3	6	10	164 hingga 768
	Pos Imigresen Wang Kelian	1	-	-	1	840
Kedah	ICQS Bukit Kayu Hitam	1	-	38	39	149 hingga 873
	ICQS Durian Burung	-	1	2	3	254 hingga 728
Perak	ICQS Bukit Berapit	-	-	4	4	151
Kelantan	ICQS Rantau Panjang	-	9	26	35	121 hingga 737
	ICQS Pengkalan Kubor	-	6	7	13	154 hingga 684
	ICQS Bukit Bunga	2	10	2	14	319 hingga 946
Sarawak	ICQS Tebedu	-	-	2	2	122 hingga 319
	Pos Sempadan Mengkalap	1	-	-	1	1,045
	Pos Sempadan Sungai Tujuh	71	37	10	118	163 hingga 1,087
	Pos Sempadan Tedungan	11	26	3	40	213 hingga 1,049
	Pos Sempadan Pandaruan	8	4	-	12	562 hingga 1,034
	Pos Imigresen Merapok	4	4	-	8	710 hingga 1,064
JUMLAH		100	100	100	300	-

Sumber: Bahagian Teknologi Maklumat dan Rekod, JIM

Maklum balas Jabatan Imigresen Malaysia yang diterima pada 26 Disember 2019

Antara sebab/faktor warga asing yang masuk ke Malaysia tetapi tiada rekod keluar adalah kerana sistem mengalami masalah integrasi yang menyebabkan berlakunya isu teknikal pengoperasian sistem. Terdapat 29 *patch on* sistem-sistem lain yang berurusan dengan sistem MyIMMs menyebabkan sistem menjadi tidak stabil. Akibat ketidakstabilan ini, terdapat data yang telah dimasukkan oleh pegawai seperti pengesahan keluar/masuk di pintu masuk tidak dapat direkodkan (*captured*) oleh sistem atau tidak dapat diintegrasikan dengan sistem MyIMMs.

Maklum balas Jabatan Imigresen Malaysia yang diterima pada 6 Mei 2020

Semakan melalui sistem MyIMMs mendapati seramai 277 (92.3%) daripada 300 warga asing tiada rekod keluar manakala 23 orang mempunyai rekod pergerakan dari tempoh tahun 2016 hingga 2018; 21 orang mempunyai rekod keluar dari Malaysia dan dua (2) orang telah diambil tindakan oleh Unit Penguatkuasaan untuk pengusiran keluar. Tindakan menyenaraihitamkan 277 orang warga asing yang tiada rekod keluar juga telah dilakukan.

Bagi mengatasi kelemahan sistem sedia ada, JIM dalam proses membangunkan sistem baharu yang akan menggantikan Sistem MyIMMs iaitu Sistem NIISe yang dijangka akan digunakan pada tahun 2023.

Pada pendapat Audit, Sistem MyIMMs yang kerap *downtime* dan berlakunya isu teknikal pengoperasian sistem boleh menjelaskan intergriti data bagi rekod pergerakan keluar/masuk di pintu sempadan negara.

c. Kawalan dan Penguatkuasaan Terhadap Keluar/Masuk Barang

- i. Berdasarkan Seksyen 103, Akta Kastam 1967 setiap penumpang sama ada tiba atau meninggalkan Persekutuan dikehendaki mengikrar semua barang bercukai dan barang larangan yang dimiliki sama ada pada diri, dalam bagasi atau kenderaan. Seksyen 113 pula memperuntukkan kuasa kepada Pegawai Kastam untuk memeriksa penumpang yang tiba di Malaysia.
- ii. Bagi tahun 2016 hingga 2019, semakan Audit terhadap kawalan dan penguatkuasaan keluar/masuk barang yang dilaksanakan oleh JKDM mendapati daripada 28 pintu keluar/masuk darat Malaysia, terdapat 12 laluan bagi kenderaan dagangan dan pergerakan kenderaan dagangan import dan eksport adalah sebanyak 2.02 juta kenderaan. Jumlah tertinggi statistik keluar/masuk kenderaan dagangan adalah pada tahun 2017 iaitu

sebanyak 568,088. Negeri yang pergerakan keluar/masuk kenderaan dagangan tertinggi adalah negeri Kedah diikuti oleh Perlis dan Sarawak masing-masing berjumlah 940,438, 528,114 dan 329,798.

- iii. Bagi tahun 2016 hingga 2019, jumlah tertinggi pergerakan import dan eksport kenderaan dagangan ke Malaysia adalah melalui ICQS Bukit Kayu Hitam, Kedah iaitu masing-masing sebanyak 546,158 dan 330,437 kenderaan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
KENDERAAN DAGANGAN KELUAR/MASUK DI SEMUA PINTU MASUK
SEMPADAN DARAT MALAYSIA BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2019

PINTU MASUK	KENDERAAN DAGANGAN	TAHUN				JUMLAH
		2016	2017	2018	2019	
PERLIS						
ICQS Padang Besar	Import	46,196	47,545	45,093	44,302	183,136
	Eksport	39,710	46,890	48,567	62,610	197,777
Pos Imigresen Wang Kelian	Import	TM	143	124	152	419
	Eksport	TM	88,398	51,965	6,419	146,782
JUMLAH		85,906	182,976	145,749	113,483	528,114
KEDAH						
ICQS Bukit Kayu Hitam	Import	138,503	147,206	131,918	128,531	546,158
	Eksport	88,707	84,502	81,862	75,366	330,437
ICQS Durian Burung	Import	11,445	16,878	17,495	15,330	61,148
	Eksport	377	993	657	668	2,695
JUMLAH		239,032	249,579	231,932	219,895	940,438
PERAK						
ICQS Bukit Berapit	Import	9,410	9,367	8,264	6,198	33,239
	Eksport	10,585	10,100	9,203	7,081	36,969
JUMLAH		19,995	19,467	17,467	13,279	70,208
KELANTAN						
ICQS Rantau Panjang	Import	17,628	20,297	17,520	14,936	70,381
	Eksport	TM	TM	TM	9,048	9,048
ICQS Pengkalan Kubor	Import	13,092	9,408	10,450	7,425	40,375
	Eksport	4,350	3,445	2,236	1,885	11,916
ICQS Bukit Bunga	Import	7,793	6,629	3,749	745	18,916
	Eksport	TM	TM	TM	106	106
JUMLAH		42,863	39,779	33,955	34,145	150,742
SARAWAK						
Pos Sempadan Sungai Tujuh, Miri	Import	7,551	6,509	6,468	7,329	27,857
	Eksport	5,177	5,688	5,898	10,547	27,310
Pos Sempadan Tedungan	Import	9,955	9,297	9,847	14,345	43,444
	Eksport	10,394	9,367	8,726	22,631	51,118
Pos Sempadan Pandaruan	Import	13,382	13,029	11,991	18,483	56,885
	Eksport	12,337	12,297	11,071	13,473	49,178
Pos Sempadan Mengkalap	Import	4,368	7,923	6,809	7,205	26,305
	Eksport	7,126	12,177	11,981	16,417	47,701
JUMLAH		70,290	76,287	72,791	110,430	329,798
JUMLAH KESELURUHAN		458,086	568,088	501,894	491,232	2,019,300

Sumber: Ibu Pejabat JKDM, Putrajaya

Nota: TM - Tiada Maklumat

6.1.2. Pencapaian *Outcome*

Pencapaian *outcome* bagi aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan dapat dinilai melalui hasil daripada aktiviti penguatkuasaan iaitu tangkapan PATI dan rampasan barang serta soal selidik yang diedarkan oleh pihak Audit.

a. Tangkapan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI)

- i. Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 menyatakan seseorang tidak dibenarkan masuk ke Malaysia tanpa dokumen perjalanan yang sah manakala Seksyen 15(1)(c) akta yang sama menyatakan seseorang tidak dibenarkan untuk tinggal melebihi tempoh masa yang ditetapkan. Perintah Tetap Operasi AKSEM Perkara 6 (Bentuk Penugasan) dan Perkara 12 (Unit Risikan) menetapkan AKSEM melakukan tugas pencegahan yang boleh dijalankan dengan melaksanakan kawalan pagar keselamatan sempadan, kawalan statik, rondaan, sekatan jalan raya, pemeriksaan mengejut, operasi khas dan risikan.
- ii. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2016 hingga 2019, operasi penguatkuasaan terhadap PATI yang dilaksanakan oleh JIM, AKSEM, PGA dan TDM adalah seperti berikut:
 - Seramai 1,197 orang PATI di tangkap oleh JIM di lima (5) ICQS dan satu (1) Pos Sempadan yang dilawati. Tangkapan PATI yang tertinggi adalah di ICQS Padang Besar, Perlis seramai 393 orang (32.8%) diikuti dengan ICQS Bukit Berapit, Perak seramai 288 (24.1%). Antara kesalahan PATI di pintu masuk adalah di bawah Seksyen 15(1)(c) iaitu tinggal lebih masa dan Seksyen 6(1)(c) iaitu tanpa pas yang sah di bawah peruntukan Akta Imigresen 1659/63 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.
 - Seramai 2,908 orang PATI telah ditangkap oleh AKSEM dengan AKSEM Kelantan merekodkan tangkapan tertinggi seramai 1,883 (64.8%). Tangkapan ini dilaksanakan oleh AKSEM melalui operasi seperti sekatan jalan raya, rondaan, risikan, operasi khas dan pemeriksaan mengejut yang bukan hanya tertumpu di pintu keluar/masuk sahaja. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
TANGKAPAN PENDATANG ASING TANPA IZIN (PATI)
DI ENAM (6) ICQS/POS SEMPADAN DAN AKSEM NEGERI
YANG DILAWATI BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2019

ICQS/POS SEMPADAN/ AKSEM NEGERI	TAHUN				JUMLAH
	2016	2017	2018	2019	
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA					
Padang Besar, Perlis	142	59	104	88	393
Bukit Kayu Hitam, Kedah	106	95	37	42	280

ICQS/POS SEMPADAN/ AKSEM NEGERI	TAHUN				JUMLAH
	2016	2017	2018	2019	
Bukit Berapit, Perak	95	31	135	27	288
Rantau Panjang, Kelantan	17	14	7	5	43
Serikin, Sarawak	0	13	22	6	41
Tebedu, Sarawak	23	26	76	27	152
JUMLAH	383	238	381	195	1,197
AGENSI KAWALAN SEMPADAN MALAYSIA					
Perlis	277	38	100	125	540
Perak	61	15	122	17	215
Kelantan	251	474	811	347	1,883
Kedah	130	46	46	48	270
JUMLAH	719	573	1,079	537	2,908
JUMLAH KESELURUHAN	1,102	811	1,460	732	4,105

Sumber: JIM ICQS Padang Besar, Bukit Kayu Hitam, Bukit Berapit, Rantau Panjang, Tebedu, Pos Sempadan Serikin dan Laporan Operasi AKSEM Negeri

- Operasi PGA dan TDM berjaya menangkap 2,059 orang PATI dan tangkapan tertinggi adalah di negeri Kedah/Perlis seramai 1,122 orang (54.5%). Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
TANGKAPAN PATI OLEH PGA DAN TDM
BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2019

NEGERI	TAHUN				JUMLAH KESELURUHAN
	2016	2017	2018	2019	
	BIL. ORANG	BIL. ORANG	BIL. ORANG	BIL. ORANG	
PASUKAN GERAKAN AM					
Kedah/Perlis	215	164	106	88	573
Sarawak	22	38	59	64	183
JUMLAH	237	202	165	152	756
TENTERA DARAT MALAYSIA					
Kedah	32	23	198	296	549
Perak	4	2	1	1	8
Kelantan	29	103	33	17	182
Sarawak	22	111	262	169	564
JUMLAH	87	239	494	483	1,303
JUMLAH KESELURUHAN	324	441	659	635	2,059

Sumber: PGA Briged Utara, Briged Sarawak, TDM Briged Kedah, Briged Perak, Briged Kelantan dan Briged Sarawak

- Maklum balas daripada AKSEM menyatakan antara sebab PATI menyeludup masuk ke dalam negara adalah kerana Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai hutan yang luas dan keadaan muka bumi yang berbeza menyebabkan kawalan daripada pihak berkuasa

menjadi terhad. Permintaan buruh tidak mahir yang tinggi merupakan faktor tarikan kemasukan buruh asing dalam negara.

- Selain itu, AKSEM turut menyatakan kestabilan ekonomi negara juga merupakan salah satu faktor tarikan kemasukan PATI ke dalam negara. Majikan dan pengusaha lebih berminat mengupah buruh asing yang lebih murah dan keadaan negara yang aman dan makmur telah menggalakkan PATI bertumpu ke Malaysia.
- Berdasarkan paparan akhbar Harian Metro bertarikh 16 November 2018 menyatakan kawalan dan penguatkuasaan terhadap PATI dapat mengurangkan lambakan PATI di Malaysia; mengurangkan kadar jenayah yang dilakukan oleh PATI; mencegah penyakit bawaan dan berjangkit oleh PATI dan mengelakkan aliran keluar nilai matawang negara.

b. Rampasan Barang

- i. Punca kuasa empat (4) jabatan/agensi iaitu JKDM, AKSEM, PGA dan TDM yang menjalankan kawalan dan penguatkuasaan terhadap keluar/masuk barang di sempadan darat Malaysia adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
PUNCA KUASA JKDM, AKSEM, PGA DAN TDM BAGI KAWALAN DAN PENGUATKUASAAN TERHADAP KELUAR/MASUK BARANGAN

BIL.	JABATAN/AGENSI	PUNCA KUASA	KETETAPAN
1.	JKDM	Akta Kastam 1967 - Seksyen 103	Setiap penumpang sama ada tiba atau meninggalkan Persekutuan dikehendaki mengikrar semua barang bercukai dan barang larangan yang dimiliki sama ada pada diri, dalam bagasi atau kenderaan.
		Akta Kastam 1967 - Seksyen 113	Pegawai Kastam diberi kuasa untuk memeriksa penumpang yang tiba di Malaysia.
2.	AKSEM	Akta Agensi Kawalan Sempadan Malaysia 2017 - Seksyen 4 (d)	Mencegah dan menyekat pelakuan suatu kesalahan berhubung dengan kegiatan penyeludupan atau aktiviti lain yang menyalahi undang-undang di sempadan darat Malaysia.
3.	PGA	Perintah Tetap Operasi (PTO) OP Wawasan Arahan No. 4	PGA perlu membuat kawalan dan pengawasan 24 jam dalam kawasan tanggungjawab (KTJ) dan membuat tangkapan ke atas orang yang melakukan kesalahan di KTJ serta membuat laporan polis.
4.	TDM	Direktif Pemula Operasi bagi Menzahirkan Kedaulatan Sempadan Daratan Negara bertarikh 23 Ogos 2017	Panglima Tentera Darat (PTD) dilantik sebagai Peneraju Operasi mengukuhkan kedaulatan sempadan daratan Malaysia-Thailand dan Malaysia-Indonesia bagi memastikan tiada pencerobohan dan ancaman anasir luar dalam KTJ.

Sumber: Jabatan/Agensi yang Diaudit

ii. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2016 hingga 2019, melalui operasi penguatkuasaan oleh JKDM, AKSEM, PGA dan TDM rampasan barang yang berjaya dilakukan adalah seperti berikut:

- JKDM dan AKSEM berjaya membuat rampasan barang bernilai RM180.70 juta. Rampasan barang tertinggi adalah pada tahun 2017 yang melibatkan 1,722 kes dengan nilai rampasan sebanyak RM56.30 juta iaitu peningkatan sebanyak 285 kes (19.8%) berbanding tahun 2016 sebanyak 1,437 kes. Antara barang yang diseludup masuk adalah kenderaan, minuman keras/rokok dan pakaian. Penyeludupan barang masuk ke dalam negara yang tinggi adalah kerana wujudnya permintaan daripada rakyat Malaysia terhadap barang tersebut. Barang yang diseludup keluar dari negara pula barang larangan seperti daun ketum. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15 **RAMPASAN BARANG OLEH JKDM DAN AKSEM BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2019**

TAHUN	JKDM		AKSEM		JUMLAH KESELURUHAN	
	BIL. KES	NILAI RAMPASAN (RM Juta)	BIL. KES	NILAI RAMPASAN (RM Juta)	BIL. KES	NILAI RAMPASAN (RM Juta)
2016	648	1.26	789	38.63	1,437	39.89
2017	1,221	21.66	501	34.64	1,722	56.30
2018	1,015	8.39	667	39.00	1,682	47.39
2019	576	3.87	443	33.25	1,019	37.12
JUMLAH	3,460	35.18	2,400	145.52	5,860	180.70

Sumber: Ibu Pejabat JKDM, Putrajaya dan Laporan Operasi AKSEM Negeri

- Operasi PGA dan TDM di garis sempadan telah berjaya membuat rampasan barang sebanyak 2,287 kes bernilai RM33.42 juta. Daun ketum merupakan barang rampasan yang tertinggi di Kedah/Perlis selain kenderaan dan minuman keras. Bagi operasi di Sarawak antara barang yang dirampas adalah kenderaan dan rokok. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16 **RAMPASAN BARANG OLEH PGA DAN TDM BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2019**

TAHUN	PASUKAN GERAKAN AM		TENTERA DARAT MALAYSIA				JUMLAH	
	KEDAH/ PERLIS	SARAWAK	KEDAH	PERAK	KELANTAN	SARAWAK		
2016	Jumlah Kes	134	19	92	5	134	19	403
	Nilai Rampasan (RM)	1,023,151	385,653	1,174,126	28,570	693,698	178,500	3,483,698
2017	Jumlah Kes	274	30	59	3	180	37	583
	Nilai Rampasan (RM)	1,727,499	544,965	58,910	28,720	1,136,607	268,930	3,765,631

TAHUN		PASUKAN GERAKAN AM		TENTERA DARAT MALAYSIA				JUMLAH
		KEDAH/ PERLIS	SARAWAK	KEDAH	PERAK	KELANTAN	SARAWAK	
2018	Jumlah Kes	224	25	72	3	181	123	628
	Nlai Rampasan (RM)	2,137,289	2,102,105	1,837,466	5,385	397,845	1,655,113	8,135,203
2019	Jumlah Kes	383	44	94	3	82	67	673
	Nlai Rampasan (RM)	12,915,474	1,493,376	2,690,896	9,500	130,296	798,393	18,037,935
JUMLAH KESELURUHAN	JUMLAH KES	1,015	118	317	14	577	246	2,287
	NILAI RAMPASAN (RM)	17,803,413	4,526,099	5,761,398	72,175	2,358,446	2,900,936	33,422,467

Sumber: PGA Briged Utara, Briged Sarawak, TDM Briged Kedah, Briged Perak, Briged Kelantan dan Briged Sarawak

Maklum balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang diterima pada 7 Oktober 2019

JKDM telah menggariskan beberapa strategi bagi mencegah penyeludupan dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara serius dalam usaha membanteras aktiviti penyeludupan antaranya:

- i. pindaan ke atas Akta Kastam 1967 dan Akta Eksais 1976 yang mana pindaan penalti yang lebih berat iaitu penalti minimum RM100 ribu atau minimum enam (6) bulan penjara akan dikenakan ke atas kes penyeludupan rokok dan minuman keras (RMK) yang berkuat kuasa pada 2 Januari 2019;
- ii. penubuhan Unit Siasatan Dalaman (USD) yang selaras dengan peruntukan Seksyen 137 Akta Kastam 1967 bertujuan menangani isu integriti yang melibatkan pegawai JKDM;
- iii. JKDM berkolaborasi dalam berkongsi pelbagai maklumat dengan agensi penguatkuasaan lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan badan perundangan lain;
- iv. tindakan menggantung dan membatalkan lesen dikenakan ke atas gudang, syarikat dan wakil penghantaran yang didapati melakukan kesalahan; dan
- v. mempertingkatkan pelaksanaan operasi termasuk operasi secara bersama dengan agensi penguatkuasaan yang lain bagi mencegah ketirisan hasil melalui aktiviti penyeludupan.

Maklum Balas Tentera Darat Malaysia yang diterima pada 13 April 2020

Dalam konteks atur gerak, TDM menyokong pendapat Audit bahawa penugasan kawalan sempadan lebih berkesan serta mematuhi keperluan perundungan sekiranya penguatkuasaan dilaksanakan secara Operasi Bersepadu dengan agensi

penguatkuasaan sedia ada seperti PDRM (PGA), AKSEM, JIM, JKDM dan Pejabat Perhutanan. Dalam konteks prosedur pelaporan semula, TDM berpendapat perkara tersebut perlu diperkemaskan. TDM perlu diberi maklum balas berkaitan kes-kes yang telah diserahkan kepada pihak berkaitan.

Selain itu, atur gerak TDM di sempadan negara lebih menjurus kepada menunjukkan kehadiran (*show of presence*) bagi mencegah pencerobohan dan ancaman luar. Secara amnya, dalam konteks mengawal sempadan dari ancaman *non-traditional* (penyeludupan serta aktiviti-aktiviti lintas sempadan bersama agensi-agensi keselamatan lain) TDM tidak diperuntukkan dengan kuasa perundangan bagi melaksanakan penguatkuasaan di KTJ operasi seperti kuasa membuat tangkapan, kuasa memeriksa/menggeledah dan kuasa untuk menyita atau merampas barang seludup.

Maklum balas Agensi Kawalan Sempadan Malaysia yang diterima pada 3 April 2020

Peningkatan atau penurunan kes dan nilai rampasan untuk barang seludup bergantung kepada permintaan dan keperluan semasa terhadap barang yang diseludup di negara ini. Antara sebab berlakunya penyeludupan barang adalah kerana perbezaan harga barang antara dua (2) negara yang bersempadan; kekurangan sumber di salah sebuah negara atau negara yang bersempadan; undang-undang kawalan perdagangan yang berbeza antara negara yang bersempadan; tindakan mengelak cukai import dan cukai eksport yang tinggi dalam sesebuah negara; memenuhi pasaran dan permintaan bermusim di salah sebuah negara serta sempadan yang panjang kawasan hutannya menyebabkan terdapat banyak laluan haram di kawasan sempadan negara.


Selain itu, kesan daripada rampasan terhadap barang yang diseludup antaranya dapat menghalang barang yang dikawal harga dan bersubsidi oleh Kerajaan daripada diseludup keluar negara; mengekang ketirisan cukai yang dielakkan oleh penyeludup daripada aktiviti penyeludupan barang, mengelakkan barang berbahaya yang mengancam keselamatan negara; dan mengatasi barang tiruan yang boleh menyebabkan masalah kepada pengguna di Malaysia.

Pada pendapat Audit, jabatan/agensi yang melaksanakan operasi penguatkuasaan di pintu keluar/masuk dan garis sempadan dapat membendung kegiatan penyeludupan barang dan PATI. Walaupun trend penyeludupan barang dan PATI menurun namun kegiatan ini masih berlaku setiap tahun.

c. Analisis Soal Selidik Jabatan Audit Negara

- i. Pencapaian *outcome* terhadap aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan sempadan darat negara tidak dapat diukur kerana kajian keberkesanan atau impak daripada aktiviti ini belum dilaksanakan oleh jabatan/agensi terlibat. Bagaimanapun, pihak Audit telah mengedarkan soal selidik kepada 200 responden terpilih di negeri yang dilawati iaitu Perak, Kelantan, Kedah dan Sarawak untuk mengukur persepsi berhubung aktiviti rentas sempadan. Hasil analisis terhadap 168 soal selidik yang diterima mendapati perkara seperti berikut:
 - secara purata sebanyak 43.3% responden berpendapat bahawa kenderaan yang keluar/masuk secara haram di kawasan sempadan memberi ancaman kepada keselamatan negara;
 - secara purata sebanyak 48.7% responden berpendapat bahawa barang keluar/masuk secara haram di kawasan sempadan memberi ancaman kepada ekonomi negara;
 - secara purata sebanyak 37.8% responden berpendapat bahawa orang/PATI keluar/masuk secara haram di kawasan sempadan memberi ancaman kepada keselamatan negara;
 - secara purata sebanyak 60.9% responden berpendapat bahawa kegiatan penyeludupan memberi kesan negatif kepada mereka; dan
 - secara purata sebanyak 84.5% responden bersetuju bahawa jabatan/agensi menjalankan tugas dengan bertanggungjawab.
- ii. Secara keseluruhannya, 76.6% responden berpendapat bahawa jabatan/agensi yang menjalankan kawalan keselamatan/penguatkuasaan di sempadan berjaya mencegah kegiatan penyeludupan manakala 23.4% responden berpendapat bahawa kegiatan penyeludupan tidak berjaya dibanteras. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 1**.

CARTA 1
PANDANGAN RESPONDEN TERHADAP AKTIVITI KAWALAN
KESELAMATAN DAN PENGUATKUASAAN DI SEMPADAN DARAT MALAYSIA



Sumber: Jabatan Audit Negara

Pada pendapat Audit, tanpa penilaian *outcome*, jabatan/agensi di pintu keluar/masuk tidak dapat menentukan sama ada kawalan keselamatan dan penguatkuasaan yang dijalankan telah mencapai objektif yang telah ditetapkan.

6.2. Pengurusan Aktiviti

6.2.1. Penguatkuasaan di Pintu Keluar/Masuk yang Diwartakan


a. Ketidaksesuaian Penempatan Lokasi Kedai Bebas Cukai

- i. Kedai Bebas Cukai (KBC) ditubuhkan di bawah Seksyen 65D Akta Kastam 1967 untuk membolehkan pelancong antarabangsa, pemegang pas sempadan, anak kapal dan warganegara yang memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan untuk membeli barang tanpa perlu membayar duti/cukai. KBC Sempadan berada di antara pusat pemeriksaan ICQS Malaysia dengan pusat pemeriksaan CIQ negara jiran di sempadan negara seperti Padang Besar (Perlis), Bukit Kayu Hitam Hitam (Kedah), Pengkalan Hulu (Perak) dan Limbang (Sarawak).

ii. Hasil pemeriksaan Audit mendapati perkara seperti berikut:

- Kedudukan ICQS/Pos Sempadan berada dalam jarak antara 550 meter hingga 4.1 km dari garis sempadan darat Malaysia di mana KBC ditempatkan di antara kompleks ICQS dan sempadan negara jiran.
- Bagi Pos Sempadan Serikin, Sarawak didapati pasar Serikin yang beroperasi seperti KBC terletak di kawasan *buffer zone* sebelum Pos Sempadan. *Buffer Zone* (zon penampang) merujuk kepada mana-mana kawasan zon yang bertindak untuk menjauhkan dua (2) atau lebih wilayah atas sebab tertentu.
- Semakan Audit selanjutnya mendapati lokasi KBC/pasar ditempatkan sebelum kompleks ICQS dan Pos Sempadan. Perkara ini memberi kesan kepada berlakunya aktiviti penyeludupan barang dan PATI. Keadaan ini berlaku disebabkan individu tersebut boleh mengelak daripada diperiksa oleh jabatan/agensi di ICQS/Pos Sempadan dengan menggunakan laluan alternatif.
- Butiran lanjut adalah seperti dalam **Rajah 1**.

RAJAH 1
**PELAN SUSUN ATUR ICQS, KEDAI BEBAS CUKAI
DAN GARIS SEMPADAN PADANG BESAR, PERLIS**



iii. Semasa lawatan Audit di ICQS Padang Besar pada 11 hingga 16 November 2018, semakan Audit bersama MKN terhadap rakaman kamera litar tertutup di kompleks ICQS telah dibuat. Pihak Audit mendapati pada 24 Oktober 2017 telah berlaku kegiatan sindiket yang membeli barang bercukai seperti rokok dan minuman keras di KBC dan menyimpannya di dalam lori atau trak yang

di parkir di tepi jalan kawasan *buffer zone*. Rakaman juga memaparkan selepas ICQS ditutup, sindiket tersebut menyeludup keluar barang ini melalui pagar keselamatan sempadan negara.

Maklum balas Majlis Keselamatan Negara yang diterima pada 10 Oktober 2019

Salah tafsir masyarakat berkaitan kawasan yang dikenali sebagai *buffer zone* ataupun *no mans land* ini sewajarnya diperbetulkan oleh semua pihak kerana kawasan tersebut adalah masih dalam Malaysia yang dikawal oleh undang-undang negara terutamanya perundangan melalui PDRM. Agensi penguatkuasaan perlu meningkatkan kawalan dan penguatkuasaan dengan terselaras dan bersepadu di kawasan terlibat.

Susun atur ICQS yang menempatkan Zon Bebas Cukai/Kedai Bebas Cukai di antara ICQS Malaysia dan negara jiran ini suatu ketika dulu bertujuan bagi menarik para pelancong untuk berbelanja di Malaysia.

Maklum balas Pasukan Gerakan Am yang diterima pada 4 Oktober 2019

Pada 22 Februari 2007, satu mesyuarat penyelarasan sistem kawalan keselamatan di sempadan telah memutuskan PDRM sebagai *Lead Agency* dalam kawalan keselamatan di ICQS sepanjang sempadan negara. Sehubungan itu, PGA bertanggungjawab 24 jam untuk menjaga keselamatan anggota yang bertanggungjawab serta aset Kerajaan di ICQS/Pos Sempadan.

Maklum balas Jabatan Imigresen Malaysia yang diterima pada 4 Oktober 2019

JIM berpandangan KBC seharusnya terletak selepas pemeriksaan imigresen di ICQS (*inbound*). JIM bersetuju dengan penemuan Audit agar kedudukan KBC dikaji semula oleh agensi kawal selia yang terlibat bagi memastikan keselamatan di kawasan tersebut dan juga bagi mengelak berlakunya pembolosan kemasukan warga asing.

Maklum balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang diterima pada 7 Oktober 2019

Pada dasarnya tiada sesiapa boleh berurusan di ICQS selepas jam 10.00 malam dan kawasan tersebut akan dikawal sepenuhnya oleh PGA di sepanjang sempadan dan kompleks. Pelaksanaan *Collaborated Border Management* (CBM) telah diperkenalkan di pintu-pintu keluar/masuk negara bagi mengekang aktiviti penyeludupan. Pemeriksaan konsainmen di pintu-pintu keluar/masuk negara secara bersepadu di antara bahagian seperti Bahagian Perkastaman, Penguatkuasaan, Pematuhan dan Perkhidmatan Teknik dilaksanakan bagi memastikan pengikrar yang dibuat adalah tepat dan betul. Melalui konsep ini juga dapat mempertingkatkan aktiviti penguatkuasaan di dalam Zon Bebas. Selain itu, aktiviti risikan merupakan nadi

utama dalam menyalurkan maklumat operasi, taktikal dan strategi kepada bahagian operasi dalam mencegah aktiviti penyeludupan rentas sempadan.

b. Lokasi Pos Sempadan Jauh dari Garis Sempadan di Serikin, Sarawak

- i. Lawatan fizikal Audit di garis sempadan Serikin, Sarawak pada 29 Julai 2019 mendapati warga Indonesia keluar/masuk ke Malaysia terutamanya pada setiap hujung minggu (Jumaat, Sabtu dan Ahad) untuk menjalankan perniagaan di pasar Serikin. TDM bertanggungjawab untuk membuat pemeriksaan dokumen dan barang yang menjadi laluan keluar/masuk antara kedua negara seperti dalam **Gambar 1**.



GAMBAR 1

Sempadan Serikin, Sarawak
- TDM Melakukan Pemeriksaan Keluar/Masuk Barang dan Individu di Pos TDM, Serikin
(27.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- ii. Semakan Audit mendapati hanya TDM yang berada di pos pengawal untuk menyemak dokumen tanpa kehadiran agensi lain di garis sempadan.
Kedudukan Pos Sempadan Serikin yang menempatkan JIM dan JKDM terletak 4.1 km dari garis sempadan darat Malaysia seperti dalam **Rajah 2**.

RAJAH 2
**PELAN SUSUN ATUR POS TDM SERIKIN,
PASAR SERIKIN DAN POS SEMPADAN SERIKIN**



Serikin, Sarawak
- Kedudukan Pos Sempadan Serikin yang Menempatkan JIM dan JKDM
Terletak 4.1 km dari Garis Sempadan Darat Malaysia
(27.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- iii. Kesannya ***lokasi pasar Serikin yang terletak sebelum Pos Sempadan dan jauh dari garis sempadan membolehkan berlakunya aktiviti penyeludupan barang dan PATI.***

Maklum balas Jabatan Imigresen Malaysia yang diterima pada 4 Oktober 2019

Pos Sempadan di Serikin berperanan untuk mengawal kemasukan pelawat Indonesia sehingga Bandar Serian sahaja dan pos ini hanya menerima kemasukan pemegang Pas Lintas Batas bagi warganegara Indonesia dan Pas Menyeberang Sempadan bagi warganegara Malaysia.

c. Kemudahan Arahan Imigresen dan Pasport (Zon Bebas Cukai Bukit Kayu Hitam) (Pengecualian) 1988

- Berdasarkan perenggan 2(1) dan (2) Arahan Imigresen dan Pasport (Zon Bebas Cukai Bukit Kayu Hitam) (Pengecualian) 1988 menyatakan setiap orang yang masuk ke kawasan bebas cukai Bukit Kayu Hitam dari Thailand dan dari kawasan bebas cukai Bukit Kayu Hitam ke Thailand adalah dikecualikan daripada ketetapan Seksyen 26(1) Akta Imigresen 1959/63 dan Seksyen 2(1) Akta Pasport 1966.
- Kawasan Zon Bebas Cukai Bukit Kayu Hitam (BKH) terdiri daripada kompleks ICQS, kedai bebas cukai, kelab/padang golf dan dikelilingi oleh ladang kelapa sawit. Pelan susun atur ICQS, KBC, kawasan padang golf dan garis sempadan Bukit Kayu Hitam, Kedah adalah seperti dalam **Rajah 3**.

RAJAH 3
PELAN SUSUN ATUR ICQS, KEDAI BEBAS CUKAI,
KAWASAN PADANG GOLF DAN GARIS SEMPADAN
BUKIT KAYU HITAM, KEDAH



Bukit Kayu Hitam, Kedah
- Kedudukan Zon Bebas Cukai Terletak Sebelum Kompleks ICQS
(04.04.2019)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- iii. Pihak Audit dimaklumkan oleh JIM bahawa pelancong yang hendak ke KBC hanya perlu menunjukkan kad pengenalan diri untuk tujuan pemeriksaan imigresen. Pengecualian di atas terpakai kepada BKH sahaja yang mana di ICQS lain, kemasukan pelancong Thailand ke KBC perlu menggunakan pasport. Perkara ini membolehkan warganegara Thailand tidak perlu melalui pemeriksaan JIM kerana kedudukan ICQS adalah selepas kawasan KBC.
- iv. Berdasarkan laporan PGA, lokasi KBC dan padang golf telah menyebabkan pihak tertentu melakukan kegiatan penyeludupan serta PATI masuk ke Malaysia secara tidak sah. Berdasarkan pemeriksaan audit, *modus operandi* penyeludup adalah masuk ke Malaysia sebagai pelancong untuk membeli barang di KBC. Seterusnya mereka akan menyeludup masuk/keluar barang larangan/bercukai. *Modus operandi* bagi PATI adalah menggunakan kemudahan kelab golf dan KBC untuk masuk ke Malaysia.
- v. Berdasarkan rekod PGA bagi tahun 2016 hingga 2019, 77 kes tangkapan yang melibatkan 266 PATI/tekong serta rampasan barang seperti minuman keras, rokok dan mercun bernilai RM0.90 juta di kawasan padang golf tersebut. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 17** serta dalam **Gambar 2** dan **Gambar 3**.

JADUAL 17
TANGKAPAN DAN RAMPASAN OLEH PGA DI KAWASAN PADANG GOLF
BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2019

TAHUN	BIL. KES	TANGKAPAN PATI/TEKONG (Orang)	NILAI RAMPASAN (RM)
2016	25	104	434,238
2017	29	107	41,300
2018	11	18	73,799
2019	12	37	355,112
JUMLAH	77	266	904,449

Sumber: PGA Briged Utara

GAMBAR 2



Bukit Kayu Hitam, Kedah
- Minuman Keras yang Dirampas
di Tembok Pemisah Padang Golf
(03.03.2019)
(Sumber: Pasukan Gerakan Am)

GAMBAR 3



Bukit Kayu Hitam, Kedah
- Tangkapan PATI Sekitar Pencawang TNB
Ladang Rakyat Laka Temin
(08.03.2019)
(Sumber: Pasukan Gerakan Am)

Maklum balas Majlis Keselamatan Negara yang diterima pada 10 Oktober 2019

Pengecualian yang dilaksanakan di Bukit Kayu Hitam membolehkan rakyat setempat berbelanja di Kedai Bebas Cukai tersebut dan kemudahan ini perlu diperhalusi semula sesuai dengan peredaran masa bagi mengelakkan ketirisan ekonomi negara. Pada masa ini, Kerajaan masih belum lagi membuat keputusan bagi menghentikan pengecualian kemudahan ini. MKN bersedia untuk bekerjasama bagi mengkaji dan menyelaraskan tindakan bersesuaian bagi meningkatkan tahap keselamatan di kawasan terlibat berdasarkan keputusan Kerajaan.

Maklum balas Jabatan Imigresen Malaysia yang diterima pada 4 Oktober 2019

JIM berpendapat kemudahan Arahan Imigresen dan Pasport (Zon Bebas Cukai Bukit Kayu Hitam) (Pengecualian) 1988 ini wajar dikaji semula sesuai dengan perubahan semasa bagi mengelak isu pembolosan berlaku. Walau bagaimanapun perkara ini akan melibatkan beberapa pihak/agensi termasuk Kerajaan Negeri kerana ianya melibatkan penempatan semula Zon Bebas Cukai.

Pada pendapat Audit, lokasi KBC dan pasar Serikin adalah tidak bersesuaian kerana meningkatkan risiko berlakunya aktiviti rentas sempadan, penyeludupan barang dan PATI. Selain itu, berdasarkan maklum balas yang diterima daripada pihak MKN dan JIM berhubung dengan Arahan Pengecualian 1988 adalah wajar pengecualian ini dikaji semula bagi mengelakkan ketirisan ekonomi negara dan penyeludupan berlaku.

6.2.2. Penguatkuasaan di Pintu Keluar/Masuk yang Tidak Sah

- a. Akta Majlis Keselamatan Negara 2016 (Akta 776) Seksyen 2 mentakrifkan pasukan keselamatan dan kuasa yang diberikan kepada pasukan keselamatan. Pasukan keselamatan merujuk kepada Polis Diraja Malaysia, Sukarelawan Simpanan Polis Diraja Malaysia, Polis Bantuan, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Akta yang sama turut menyatakan anggota keselamatan atas alasan yang munasabah boleh memeriksa orang yang memiliki benda berbahaya dalam milikannya dan menyita benda berbahaya yang dijumpai.
- b. Semakan Audit mendapati aktiviti keluar/masuk tanpa menggunakan dokumen yang sah di Rantau Panjang, Kelantan. TDM telah ditugaskan bagi operasi di kawasan Sungai Golok bermula pada tahun 2011 hingga 19 April 2019. Pada 20 April 2019, PGA telah mengambil alih kawasan operasi berkenaan. Semasa lawatan Audit pada 14 Mac 2019 didapati **di Kampung Bukit Lata, Rantau Panjang yang terletak berhampiran Sungai Golok berlaku aktiviti**

rentas sempadan tanpa prosedur yang sah. Penduduk kampung tersebut sering berulang alik menyeberangi Sungai Golok ke Pekan Munduk, Thailand bagi melakukan aktiviti harian.

- c. Berdasarkan temu bual dengan pegawai PGA, aktiviti rentas sempadan ini lebih ketara berlaku pada setiap hari Isnin dan Jumaat disebabkan wujudnya aktiviti perniagaan di kawasan Pekan Munduk, Thailand. Oleh kerana kawasan ini bukan merupakan pintu keluar/masuk yang diwartakan, tiada sebarang pemeriksaan dokumen dilakukan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Gambar 4** dan **Gambar 5**.

GAMBAR 4



GAMBAR 5



Sempadan Rantau Panjang, Kelantan

- Orang Ramai Menaiki Bot/Sampan Menyeberangi Sungai Golok Menggunakan Pangkalan Haram di Kampung Bukit Lata, Rantau Panjang untuk ke Pekan Munduk, Thailand
(14.03.2019)


(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- d. Pihak PGA juga memaklumkan setakat bulan Disember 2019, terdapat 88 pangkalan haram di sepanjang Sungai Golok yang digunakan sebagai pangkalan sampan untuk membawa keluar/masuk barang dan orang. Berdasarkan surat dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan bertarikh 10 Jun 2019 kepada pihak Audit memaklumkan bahawa pihak Kerajaan Negeri tidak pernah memberi kebenaran atau kelulusan berhubung pembinaan pangkalan di sepanjang Sungai Golok. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Gambar 6** dan **Gambar 7**.

GAMBAR 6



GAMBAR 7



Sempadan Rantau Panjang, Kelantan
- Kediaman Penduduk Bersempadan dengan Sungai Golok
(14.03.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Sempadan Rantau Panjang, Kelantan
- Kediaman Penduduk yang Terus Bersambung dengan Tebing Sungai Golok
(14.03.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas Majlis Keselamatan Negara yang diterima pada 10 Oktober 2019

Berdasarkan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Perancang Kebangsaan Bil. 73/2019 pada 13 September 2019, setiap agensi hendaklah mengemukakan *Rules of Engagement* (ROE) kepada MKN bagi penyediaan Direktif Pemula bagi setiap operasi yang dilaksanakan yang memerlukan kerjasama atau penglibatan agensi lain. Operasi TDM di negeri Kelantan telah ditamatkan dan kawasan operasi telah diserahkan kepada PGA pada 20 April 2019. Peralihan penugasan di kawasan operasi di Kelantan kepada PDRM telah melancarkan penguatkuasaan undang-undang terutamanya di kawasan Kampung Bukit Lata, Rantau Panjang.

Isu di Serikin akan dapat diselesaikan apabila JIM melalui KDN memperoleh peruntukan pembangunan daripada Kementerian Kewangan kerana perolehan tanah terlibat telah dilaksanakan oleh JIM dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sarawak. Sehingga isu pembangunan ini disempurnakan, TDM akan menyelaras semua kes berkaitan dengan merujuk kepada agensi berkaitan sebarang perundangan yang berkuatkuasa.

Maklum balas Pasukan Gerakan Am yang diterima pada 4 Oktober 2019

PGA bersetuju dengan tugas penguatkuasaan di garis sempadan disebabkan kuasa-kuasa polis yang ada.

Pada pendapat Audit, aktiviti rentas sempadan yang berlaku di Rantau Panjang, Kelantan membuka ruang berlakunya aktiviti penyeludupan barang dan PATI.

6.2.3. Kesiapsiagaan bagi Operasi Penguatkuasaan

Berdasarkan 1PP AM 2.5 Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan antaranya menyatakan penyelenggaraan aset Kerajaan adalah bertujuan untuk memastikan aset berfungsi dan selamat digunakan serta memelihara dan memanjangkan jangka hayat aset. Selain itu, setiap aset yang diterima sepatutnya berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan. Sekiranya berlaku kerosakan, tindakan pembaikan perlu dilakukan untuk memastikan aset yang diterima dapat digunakan secara optimum.

a. Kerosakan Pagar/Tembok Keselamatan

- i. MKN dipertanggungjawabkan melaksanakan perolehan pembinaan dan menyelenggara kesemua pagar/tembok keselamatan di sepanjang sempadan darat Malaysia. Berdasarkan dokumen pengurusan pembangunan MKN, pembinaan pagar/tembok keselamatan sempadan darat adalah sepanjang 109.2 km hanya melibatkan sempadan di tiga (3) negeri iaitu Perlis (48 km),

Perak (24.1 km) dan Kedah (37.1 km) berbanding jarak sempadan darat adalah 3,257 km. Negeri-negeri lain seperti Kelantan, Sabah dan Sarawak tidak mempunyai pagar di garis sempadan negara.

- ii. Seterusnya, pembinaan sepanjang 109.2 km terbahagi kepada tiga (3) jenis iaitu pagar tembok selapis (10.1 km), pagar dua (2) lapis (62 km) dan tembok keselamatan (37.1 km). Butiran lanjut seperti dalam **Gambar 8** hingga **Gambar 10**.

GAMBAR 8



Sempadan Padang Besar, Perlis
- Pagar Tembok Selapis
(13.11.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 9



Sempadan Padang Besar, Perlis
- Pagar Dua (2) Lapis
(13.11.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)



GAMBAR 10

Sempadan Padang Besar, Perlis
- Tembok Keselamatan
(13.11.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- iii. Lawatan fizikal Audit pada 12 November 2018 mendapati berlaku kerosakan pagar/tembok keselamatan. Berdasarkan makluman oleh pihak MKN, pagar yang dibina pada tahun 1979 telah usang kerana telah berusia melebihi 40 tahun. Hasil perbincangan dengan pihak MKN, sebab kerosakan adalah kerana faktor usia. Selain itu, kawasan yang paling kerap dan kritikal berlakunya kerosakan pagar/tembok keselamatan meliputi kawasan sepanjang 5.3 km bersebelahan pintu masuk sempadan Padang Besar, Perlis. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Gambar 11** dan **Gambar 12**.

GAMBAR 11

Sempadan Darat Perlis-Thailand
- Kerosakan Pagar Dua (2) Lapis Kesan daripada
Aktiviti Penyeludupan
(12.11.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 12

Sempadan Darat Perlis-Thailand
- Kerosakan Pagar Kesan daripada Aktiviti
Penyeludupan
(12.11.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- iv. Kesannya kerosakan pagar/tembok keselamatan menyebabkan mudah berlaku aktiviti penyeludupan.

Maklum balas Majlis Keselamatan Negara yang diterima pada 10 Oktober 2019

Pembaikan dan penyelenggaraan pagar dan tembok yang ada di sempadan darat negara telah dilaksanakan secara berkala dan apabila diperlukan terutamanya bagi kerja-kerja luar jangka. Kontraktor yang dilantik akan diarahkan bagi membuat kerja-kerja pembaikan sesuai dengan pengarahan daripada MKN Negeri yang terlibat.

b. Pos PGA/TDM yang Tidak Kondusif

- i. Berdasarkan dokumen kemudahan asas PGA yang disemak, sebanyak 53 pos diperuntukkan di kawasan sempadan Kedah/Perlis-Thailand, Kelantan-Thailand dan kawasan Malaysia-Kalimantan Barat (KALBAR). Daripada jumlah tersebut, 23 pos bagi operasi di sempadan Kedah/Perlis-Thailand merangkumi kawasan sempadan sepanjang 113.9 km iaitu dari Bukit Kayu Hitam, Kedah ke Bukit Batu Putih, Perlis. Bagi operasi di Kelantan yang dilaksanakan di sepanjang Sungai Golok merangkumi 44 km diperuntukkan sebanyak 27 pos. Bagi sempadan Malaysia-KALBAR terdapat tiga (3) pos bagi operasi dari Telok Melano, Lundu ke Batu Lintang, Sri Aman sepanjang 194 km.
- ii. Berdasarkan dokumen aset dan infrastruktur yang disemak, 39 pos diperuntukkan bagi TDM iaitu 33 pos di sempadan Malaysia-Thailand merangkumi kawasan operasi sepanjang 504.1 km. Daripada jumlah tersebut sebanyak tujuh (7) pos di negeri Perak tidak digunakan disebabkan faktor kerosakan. Bagi operasi di sempadan Malaysia-KALBAR, TDM telah

diperuntukkan sebanyak enam (6) pos merangkumi kawasan operasi sepanjang 283 km. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
JARAK SEMPADAN DAN PANJANG PAGAR DI SEMPADAN DARAT MALAYSIA

NEGERI	JABATAN/ AGENSI	BIL. POS YANG DIGUNAKAN	JARAK SEMPADAN (KM)	JARAK KAWASAN RONDAAN BAGI SETIAP POS (KM)	PANJANG PAGAR SEMPADAN (KM)
Kedah	TDM	12	260	21.7	37.1
	PGA	3	7.8	4.9	
Perlis	PGA	20	106.1		48
Perak	TDM	3	159.1	53	24.1
Kelantan	TDM	11	85	7.7	-
	PGA	27	44	1.6	
Sarawak (Malaysia-KALBAR)	TDM	6	283	47.2	-
	PGA	3	194	64.7	
JUMLAH TDM		32	787.1	-	-
JUMLAH PGA		53	351.9	-	-
JUMLAH KESELURUHAN		85	1,139	-	109.2

Sumber: MKN Negeri yang dilawati, TDM Briged Kedah, Briged Perak, Briged Kelantan, Briged Sarawak, PGA Briged Utara, Briged Tenggara dan Briged Sarawak

- iii. Analisis Audit terhadap nisbah bilangan pos berbanding jarak kawasan operasi mendapati bagi sempadan Malaysia-Thailand, satu (1) pos PGA diperuntukkan untuk melaksanakan operasi antara 1.6 km hingga 4.9 km. Bagaimanapun, bagi sempadan Malaysia-KALBAR, hanya satu (1) pos PGA diperuntukkan untuk operasi sepanjang 64.7 km.
- iv. Bagi operasi TDM di sempadan Malaysia-Thailand, satu (1) pos diperuntukkan untuk melaksanakan operasi antara 7.7 km hingga 53 km. Bagaimanapun, bagi sempadan Malaysia-KALBAR, hanya satu (1) pos TDM diperuntukkan untuk melaksanakan operasi sepanjang 47.2 km.
- v. Selain itu, daripada keseluruhan 53 pos PGA sebanyak lapan (8) pos tiada bekalan elektrik dan 21 pos tiada bekalan air. Bagi TDM pula, daripada 32 pos sebanyak 15 pos tiada bekalan elektrik manakala 19 pos tiada bekalan air.
- vi. Berdasarkan temu bual bersama MKN, walaupun peralatan asas telah disediakan seperti kipas, lampu dan saluran paip, namun bekalan elektrik dan air tidak dapat disambung ke pos disebabkan status tanah pos berkenaan adalah milik kerajaan negeri atau tanah yang menempatkan pos disewa daripada pemilik persendirian. Pada masa kini, bekalan elektrik di pos dibekalkan menggunakan generator dan hanya dihidupkan mulai jam

8.00 malam sehingga 6.00 pagi. Bekalan air untuk memasak dan minuman dibekalkan menggunakan lori tiga (3) tan atau *water trailer*. Selain itu, anggota menggunakan air tadahan hujan atau perigi bagi kegunaan harian. Perkara ini menyukarkan anggota untuk bertugas dan menghadkan penggunaan elektrik terutama bagi mengecas alat telekomunikasi seperti *walkie-talkie*. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 19** dan **Gambar 13** hingga **Gambar 18**.

JADUAL 19
JUMLAH POS KAWALAN TDM DAN PGA DI SEMPADAN DARAT MALAYSIA

NEGERI	JABATAN/ AGENSI	JARAK SEMPADAN (KM)	POS KAWALAN						
			BIL. POS	GUNA	TIDAK DIGUNAKAN	BEKALAN ELEKTRIK		BEKALAN AIR	
						ADA	TIADA	ADA	TIADA
Kedah	TDM	260	12	12	0	1	11	0	12
	PGA	7.8	3	3	0	3	0	1	2
Perlis	PGA	106.1	20	20	0	14	6	8	12
Perak	TDM	159.1	10	3	7	2	1	2	1
Kelantan	TDM	85	11	11	0	10	1	7	4
	PGA	44	27	27	-	27	-	22	5
Sarawak (Malaysia-KALBAR)	TDM	283	6	6	0	4	2	4	2
	PGA	194	3	3	0	1	2	1	2
JUMLAH TDM		787.1	39	32	7	17	15	13	19
JUMLAH PGA		351.9	53	53	-	45	8	32	21
JUMLAH KESELURUHAN		1,139	92	85	7	62	23	45	40

Sumber: TDM Briged Kedah, Briged Perak, Briged Kelantan, Briged Sarawak, PGA Briged Utara, Briged Tenggara dan Briged Sarawak

GAMBAR 13



Pos TDM, Bukit Berapit, Perak
- Peralatan Asas telah Disediakan Namun
Tiada Bekalan Elektrik di Pos TDM
(22.02.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 14



Pos TDM, Bukit Kayu Hitam, Kedah
- Generator Digunakan untuk Membekalkan
Elektrik di Pos TDM
(04.04.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 15



Pos TDM, Bukit Kayu Hitam, Kedah
- Anggota TDM Menggunakan Air Perigi
untuk Kegunaan Harian
(04.04.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 16



Pos TDM Serikin, Sarawak
- Anggota TDM Menggunakan Air Tadahan
Kolam untuk Kegunaan Harian
(27.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 17



Pos PGA, Perlis
- Keadaan di Tempat Memasak Anggota PGA
(13.11.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 18



Pos PGA Telok Melano, Sarawak
- Keadaan di Tempat Penginapan Anggota PGA
(25.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas Majlis Keselamatan Negara yang diterima pada 10 Oktober 2019

MKN suatu ketika dahulu pernah melaksanakan kerja-kerja pembinaan dan penyelenggaraan pos yang dikenali sebagai pos Jawatankuasa Perancang Gerakan (JPG). Namun setelah diserahkan kepada agensi pengguna seperti TDM dan PGA pada tahun 2006, penyelenggaraan pos termasuk penyelenggaraan bagi kelengkapan dan infrastruktur dilaksanakan oleh agensi pengguna.

Maklum balas Pasukan Gerakan Am yang diterima pada 4 Oktober 2019

Sehingga kini masih terdapat 14 pos PGA di bawah KTJ operasi Kedah/Perlis yang tiada bekalan air dan masih menggunakan lori tangki. Permohonan peruntukan telah dikemukakan kepada Jabatan Sumber Strategik dan Teknologi (StaRT), PDRM.

Maklum balas Tentera Darat Malaysia yang diterima pada 1 Oktober 2019

Peruntukan tahunan bagi penyelenggaraan kesemua pos melalui pihak MKN yang menyusut setiap tahun tidak mencukupi untuk senggaraan kesemua pos. Justeru, TDM mengambil langkah senggaraan adalah berdasarkan keutamaan keperluan operasi dari jumlah peruntukan yang diterima. Pengurangan peruntukan ini menyebabkan keadaan pos di bawah pengurusan TDM tidak kondusif dari segi keperluan utama melibatkan elektrik dan sumber air terawat seperti berikut:

- i. Operasi di Kedah - TDM telah mengambil pendekatan keperluan elektrik melalui penggunaan generator dan keperluan air dihantar menggunakan lori tiga (3) tan yang diambil dari Balai Bomba Bukit Kayu Hitam.
- ii. Operasi di Perak - TDM telah mengambil pendekatan keperluan elektrik melalui penggunaan generator dan keperluan air bagi kegunaan mencuci dan mandi dihantar menggunakan lori tiga (3) tan yang diambil dari Loji Air Lembaga Air Perak di FELDA Lepang Nenering. Bagi tujuan memasak dan minum diambil dari Pos 802 (bekalan air Lembaga Air Perak).
- iii. Operasi di Sarawak - Masalah Pos Serikin berpunca daripada isu pemilikan tanah (tanah persendirian) manakala Pos Kandaie tiada punca elektrik dan air yang berdekatan kawasan pos. TDM telah mengambil pendekatan keperluan elektrik melalui penggunaan generator dan keperluan air diambil menggunakan *water trailer* dari kawasan takungan air yang berdekatan pos.

Pada pendapat Audit, pos yang disediakan untuk PGA dan TDM tidak setara dengan jarak kawasan operasi terutamanya di sempadan darat Malaysia-KALBAR. Selain itu, pos PGA dan TDM adalah tidak kondusif bagi anggota yang bertugas kerana ketiadaan keperluan asas seperti bekalan elektrik dan air.

c. Kekuatan Anggota yang Menjalankan Penguatkuasaan

Berdasarkan dokumen perjawatan dan kekuatan batalion, semakan Audit mendapati seramai 1,318 anggota (588 PGA dan 730 TDM) ditugaskan untuk menjalankan operasi di 85 pos (53 PGA dan 32 TDM). Analisis Audit terhadap kekuatan anggota pasukan berbanding jarak sempadan dan pos mendapati perkara seperti berikut:

- i. Tiada norma ditetapkan bagi bilangan anggota untuk setiap pos. Secara purata setiap pos mempunyai kekuatan antara 10 hingga 41 anggota.
- ii. Jarak sempadan di bawah tanggungjawab PGA dan TDM yang merangkumi sempadan Malaysia-Thailand dan Malaysia-KALBAR ialah 1,139 km. Oleh itu, secara purata setiap pasukan yang terdiri daripada dua (2) anggota perlu membuat rondaan di kawasan operasi sejauh 0.4 km hingga 10 km.

iii. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
ANALISIS KEKUATAN ANGGOTA PGA DAN TDM BERBANDING JARAK SEMPADAN

NEGERI	AGENSI	JARAK SEMPADAN (KM)	JUMLAH POS YANG DIGUNAKAN	KEKUATAN PASUKAN (Orang)	JUMLAH KEKUATAN SETIAP POS (Orang)	JUMLAH KEKUATAN YANG MENJALANKAN RONDAAN BAGI SETIAP POS (Orang)	JARAK KAWASAN RONDAAN BAGI SETIAP POS (KM)	JARAK KAWASAN RONDAAN BAGI SETIAP PASUKAN YANG TERDIRI DARIPADA 2 ANGGOTA (KM) [f/(e/2)]
		(a)	(b)	(c)	(c/b) = d	(d-2 orang) = e*	(a/b)=f	
Perlis	PGA	106.1	20	230	10	8	4.9	1.2
Kedah	PGA	7.8	3		10	8	21.7	5.4
Perak	TDM	159.1	3	57	19	17	53	6.2
Kelantan	TDM	85	11	299	27	25	7.7	0.6
	PGA	44	27	313	11	9	1.6	0.4
Sarawak (Malaysia -KALBAR)	TDM	283	6	246	41	39	47.2	2.4
	PGA	194	3	45	15	13	64.7	10
JUMLAH	PGA	351.9	53	588	-	-	-	-
	TDM	787.1	32	730	-	-	-	-
JUMLAH KESELURUHAN		1,139	85	1,318	-	-	-	-

Sumber: TDM Briged Kedah, Briged Perak, Briged Kelantan, Briged Sarawak, PGA Briged Utara, Briged Tenggara dan Briged Sarawak

Nota: (*) - Dua (2) Orang Anggota Perlu Berada untuk Mengawal di Pos

d. Kenderaan Operasi Tidak Mencukupi

- Bagi melaksanakan operasi dan penguatkuasaan, PGA dan TDM menggunakan kaedah rondaan secara berjalan kaki, berbasikal dan menaiki motosikal. Selain itu, beberapa aset seperti lori tiga (3) tan, pacuan empat (4) roda, motosikal dan basikal turut dibekalkan bagi memastikan operasi harian dapat berjalan dengan lancar.
- Semakan Audit mendapati tiada sebarang norma ditetapkan berhubung jumlah aset untuk tujuan operasi oleh TDM dan PGA. Semakan Audit selanjutnya mendapati TDM telah dibekalkan sejumlah 53 aset yang terdiri daripada lori, motosikal dan basikal untuk tujuan rondaan. PGA pula dibekalkan dengan 65 aset yang terdiri daripada lori, pacuan empat (4) roda dan motosikal. Aset-aset tersebut ditempatkan di pos kawalan sempadan dan digunakan mengikut keperluan dan arahan daripada pegawai pemerintah yang bertugas di kawasan operasi. Selain itu, batalion TDM dan PGA yang ditugaskan di sempadan akan membawa aset-aset lain yang diperlukan untuk tugas daripada batalion masing-masing seperti *water trailer* dan pacuan empat (4) roda. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
ASET YANG DIBEKALKAN KEPADA TDM DAN PGA BAGI OPERASI
DI SEMPADAN DARAT MALAYSIA

NEGERI	JABATAN/ AGENSI	ASET YANG DIBEKALKAN				JUMLAH
		LORI 3 TAN	PACUAN 4 RODA	MOTOSIKAL	BASIKAL	
Perlis	PGA	-	-	20	-	20
Kedah	PGA	-	-	-	-	
	TDM	6	-	13	-	19
Perak	TDM	2	-	7	5	14
	PGA	-	-	-	-	-
Kelantan	TDM	2	-	11	-	13
	PGA	5	19	19	-	43
Sarawak	TDM	-	-	7	-	7
	PGA	-	2	-	-	2
JUMLAH PGA		5	21	39	-	65
JUMLAH TDM		10	-	38	5	53
JUMLAH		15	21	77	5	118

Sumber: TDM Briged Kedah, Briged Perak, Briged Kelantan, Briged Sarawak, PGA Briged Utara, Briged Tenggara dan Briged Sarawak

iii. Analisis Audit terhadap keperluan motosikal untuk digunakan bagi tujuan operasi berbanding dengan kekuatan pasukan mendapat perkara seperti berikut:

- Sebanyak 77 motosikal (39 PGA dan 38 TDM) dibekalkan untuk 85 pos (53 PGA dan 32 TDM) bagi operasi di sempadan. Oleh itu, secara purata setiap pos hanya boleh menggunakan sebuah motosikal berbanding kekuatan anggota setiap pos adalah antara 10 hingga 41 orang.
- Bagi operasi yang dijalankan oleh PGA di negeri Sarawak, tiada motosikal dibekalkan untuk tujuan rondaan.

iv. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 22**.

JADUAL 22
ANALISIS ASET DAN KEKUATAN ANGGOTA PGA DAN TDM
YANG DIGUNAKAN DALAM OPERASI SEMPADAN DARAT

NEGERI	AGENSI	JUMLAH POS YANG DIGUNAKAN (a)	KEKUATAN PASUKAN (Orang) (b)	JUMLAH MOTOSIKAL DIBEKALKAN (c)	JUMLAH KEKUATAN SETIAP POS (Orang) (b/a) = d	JUMLAH MOTOSIKAL YANG BOLEH DIGUNAKAN BAGI SETIAP POS (c/a)
Perlis	PGA	20				
Kedah	PGA	3	230	20	10	0.9
	TDM	12				
Perak	TDM	3	57	7	19	2
Kelantan	TDM	11	299	11	27	1
	PGA	27	313	19	11	0.7

NEGERI	AGENSI	JUMLAH POS YANG DIGUNAKAN (a)	KEKUATAN PASUKAN (Orang) (b)	JUMLAH MOTOSIKAL DIBEKALKAN (c)	JUMLAH KEKUATAN SETIAP POS (Orang) (b/a) = d	JUMLAH MOTOSIKAL YANG BOLEH DIGUNAKAN BAGI SETIAP POS (c/a)
Sarawak	TDM	6	246	7	41	1
	PGA	3	45	-	15	0
JUMLAH	PGA	53	588	39	-	-
	TDM	32	730	38	-	-

Sumber: TDM Briged Kedah, Briged Perak, Briged Kelantan, Briged Sarawak, PGA Briged Utara, Briged Tenggara dan Briged Sarawak

- Semakan Audit selanjutnya mendapati disebabkan motosikal yang dibekalkan tidak mencukupi, anggota PGA di sempadan Perlis terpaksa menggunakan motosikal sendiri ketika membuat rondaan. Selain itu, penggunaan basikal oleh TDM di Bukit Berapit, Perak untuk tujuan rondaan adalah tidak bersesuaian dengan keadaan muka bumi di kawasan tersebut. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Gambar 19** dan **Gambar 20**.

GAMBAR 19



Pos TDM, Bukit Berapit, Perak
- Kenderaan yang Digunakan Sewaktu Melakukan Rondaan (22.02.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 20



Pos PGA, Padang Besar, Perlis
- Motosikal Milik Persendirian Digunakan Bagi Tujuan Penguatkuasaan (13.11.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas Majlis Keselamatan Negara yang diterima pada 10 Oktober 2019

Perkara ini dalam pemerhatian MKN dan sentiasa bersedia untuk disusuli bersama Kementerian Kewangan dengan kerjasama agensi pengguna di pos terlibat.

Maklum balas Pasukan Gerakan Am yang diterima pada 4 Oktober 2019

Kenderaan yang dimiliki oleh PGA telah melebihi tempoh penggunaan yang ditetapkan yang mana kenderaan yang diperoleh pada 1986 masih lagi digunakan. Kenderaan operasi digunakan secara maksimum sehingga terdapat kenderaan yang dikategorikan sebagai *Beyond Economic Repair* (BER).

Pada tahun 2019 terdapat perolehan kenderaan operasi yang telah mendapat kelulusan dan dalam peringkat pembekalan bagi kegunaan operasi di Kedah/Perlis iaitu 45 motosikal *scrambler* dan dua (2) lori tangki air (*water tanker*).

Keperluan kenderaan berperisai (*armoured personnel carrier*) juga didapati menjadi keperluan mendesak bagi PGA di Kedah/Perlis. Kenderaan berperisai diperlukan untuk penghantaran logistik dan personel ketika berlaku pertempuran dan ancaman musuh serta rutin penugasan harian rondaan jalan keselamatan di sepanjang 105.9 km menghubungkan Markas Taktikal (MARTEK) Bukit Kayu Hitam, Kedah dan Pos Batu Putih, Perlis.

Maklum balas Tentera Darat Malaysia yang diterima pada 1 Oktober 2019

Motosikal merupakan kenderaan *station store* di kawasan operasi berkenaan. Aset ini disediakan oleh MKN sejak tahun 2009 dan telah uzur seiring dengan usia motosikal tersebut. Bagaimanapun ia masih diselenggarakan oleh TDM untuk kegunaan operasi.

Basikal juga disediakan oleh MKN sejak tahun 2009 dan diselenggarakan oleh TDM. Penggunaan basikal untuk tujuan rondaan adalah hanya bagi kawasan-kawasan yang sesuai dan *assessable* kepada basikal. Namun, rondaan secara berjalan kaki dan bermotosikal merupakan kaedah utama.

Bagi meningkatkan mobiliti atur gerak operasi sempadan darat, TDM memerlukan sekurang-kurangnya satu (1) lori tiga (3) tan, satu (1) *land rover* dan dua (2) motosikal *scrambler* bagi setiap pos yang memerlukan untuk menyokong kelangsungan pelaksanaan operasi. Selain itu, bagi memperkuatkuahkan pengawalan sempadan darat negara, teknologi *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV) dan *drone* amat perlu untuk mengawasi dan memantau kawasan tumpuan kemasukan PATI dan aktiviti penyeludupan.

Pada pendapat Audit, kemudahan infrastruktur dan aset perlu dipertingkatkan bagi memastikan ianya mencukupi serta dalam keadaan baik supaya aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan dapat dilakukan dengan cekap dan berkesan.

7. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan sempadan darat Malaysia masih belum mencapai tahap kecekapan optimum kerana kekurangan aset dan faktor kawasan sempadan darat yang luas turut menyukarkan aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan sempadan darat Malaysia. Oleh yang demikian,

masih berlaku pergerakan rentas sempadan tanpa melalui laluan yang sah dan pencerobohan dan penyeludupan di garis sempadan darat negara.

8. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa hadapan dan objektif aktiviti dapat dicapai, adalah disyorkan kepada pihak terlibat untuk mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:

- 8.1. MKN perlu mengkaji semula dasar dan menyediakan pelan strategik bagi kolaborasi di antara agensi seperti PGA dan TDM. Ini adalah supaya tugasannya pihak terlibat adalah selari dengan bidang masing-masing;
- 8.2. MKN perlu mengkaji semula kesesuaian penempatan dan pembinaan ICQS/Pos Sempadan yang sedia ada dan pada masa akan datang. Ini bagi memastikan aspek keselamatan dan pergerakan keluar/masuk individu dan barang lebih mudah dikawal dan tidak berlaku aktiviti pencerobohan dan penyeludupan;
- 8.3. KDN perlu mengkaji semula kemudahan yang diberikan di bawah Arahan Imigresen dan Pasport (Zon Bebas Cukai Bukit Kayu Hitam) (Pengecualian) 1988. Ini bertujuan supaya ia tidak disalahguna oleh pihak tertentu untuk melakukan kegiatan penyeludupan serta PATI untuk masuk ke Malaysia secara tidak sah;
- 8.4. MKN perlu mengkaji keperluan peruntukan, kenderaan operasi serta aset lain yang ditempatkan di pos PGA dan TDM. Ini bertujuan supaya kawalan keselamatan dan penguatkuasaan dapat dijalankan dengan lebih cekap dan efisien;
- 8.5. MKN perlu mengkaji keperluan penggunaan teknologi seperti dron bagi mengawal keselamatan sempadan dan menangani isu pencerobohan dan penyeludupan. Selain itu, penggunaan teknologi *remote sensing* (data satelit) dari Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) juga dapat membantu jabatan/agensi pelaksana dalam pengurusan keselamatan negara;
- 8.6. MKN perlu menaik taraf pagar/tembok keselamatan yang telah usang kerana faktor usia supaya ia tidak mudah dirosakkan oleh aktiviti penyeludupan; dan
- 8.7. MKN perlu mencari jalan penyelesaian dengan pemilik-pemilik tanah yang menempatkan pos PGA dan TDM supaya bekalan air dan elektrik dapat disambungkan ke pos berkenaan demi untuk keselesaan anggota PGA dan TDM yang bertugas.

7

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

- Pengurusan Program Bekalan Makanan Bermasak di Sekolah Berasrama
- **Bahagian PERMATA**
 - Pengurusan Program PERMATA Negara

Pengurusan Program Bekalan Makanan Bermasak di Sekolah Berasrama

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
PENGURUSAN PROGRAM BEKALAN MAKANAN
BERMASAK DI SEKOLAH BERASRAMA

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditan melibatkan penilaian terhadap program Bekalan Makanan Bermasak (BMB) bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 yang meliputi dua (2) bidang utama Audit, iaitu prestasi dan pengurusan program.
- Bagi prestasi program, pencapaian *outcome* dinilai berdasarkan tahap kepuasan pelanggan.
- Pengurusan program pula dinilai terhadap enam (6) perkara, iaitu pencapaian kewangan, proses perolehan, pentadbiran kontrak, pelaksanaan program, kualiti bahan makanan dan pemantauan program.
- Pengauditan dijalankan di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), tiga (3) Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan 42 sekolah berasrama di negeri Sabah, Kelantan dan Johor.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Program ini diperkenalkan pada tahun 1974 dan merupakan salah satu daripada 19 jenis bantuan persekolahan yang disediakan oleh KPM.
- Peruntukan yang disalurkan kepada KPM berjumlah RM3.667 bilion bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018.
- Objektif program adalah untuk memastikan murid di asrama mendapat makanan yang mencukupi, bersih, seimbang dan berkualiti.
- Program BMB ini bukan sahaja memberi implikasi kewangan yang tinggi kepada Kerajaan, bahkan adalah salah satu inisiatif penting Kerajaan untuk menyediakan makanan murid di asrama.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, program BMB tidak dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Ini kerana berlaku kelemahan dalam proses perolehan, pengurusan kontrak, pemantauan serta ketidakpatuhan oleh kontraktor terhadap syarat dan spesifikasi kontrak. Antaranya:
 - KPM tidak membuat pengesahan salinan penyata bank dengan pihak bank sebelum Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. Ini menyebabkan berlakunya pemalsuan penyata bank oleh petender bagi mendapatkan tender Kerajaan. Pengesahan dengan pihak bank oleh KPM terhadap 793 penyata bank

petender berjaya bagi kontrak yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2019 mendapati sebanyak 359 penyata bank (45.3%) disahkan tidak benar.

- Sebanyak 67 kontrak (94.4%) daripada 71 kontrak lewat ditandatangani antara tiga (3) hingga 446 hari.
- Pertukaran bahan dan menu tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada Pengetua Sekolah 24 jam sebelumnya.
- Timbangan bahan makanan mentah yang dibekalkan tidak mencukupi.
- Tahap kebersihan ruang dapur dan dewan makan yang tidak memuaskan kerana kotor/kurang bersih.
- Kulit dan lemak ayam tidak dibuang sempurna sebelum dimasak.
- Penyimpanan lebihan ikan yang telah tidak segar.
- Bahan makanan kering dibekalkan berbeza dengan jenama yang ditetapkan dalam kontrak dan tiada kelulusan Pentadbir Sekolah.
- Bahan kering tidak mempunyai logo halal/logo halal tidak diiktiraf JAKIM.
- Bahan kering telah luput tarikh guna dan mengandungi bendasing (bubuk/semut/habuk).
- Penggunaan MSG dan susu pekat manis yang tidak dibenarkan.
- Kelemahan pemantauan di peringkat KPM, JPN/Bahagian dan Sekolah yang menyebabkan ketidakpatuhan syarat kontrak oleh kontraktor.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

1. PENGURUSAN PROGRAM BEKALAN MAKANAN BERMASAK DI SEKOLAH BERASRAMA

FAKTA UTAMA PROGRAM BEKALAN MAKANAN BERMASAK

1974	RM3.645 Bilion	1,437
• Kerajaan menampung 95% kos penyediaan makanan murid di asrama	• Jumlah kontrak perkhidmatan Bekalan Makanan Bermasak yang sedang berkuat kuasa	• Sekolah berasrama di bawah KPM yang menerima perkhidmatan Bekalan Makanan Bermasak
Objektif Program	Memastikan murid di asrama mendapat makanan yang mencukupi, bersih, seimbang dan berkualiti.	
Peranan: Bahagian Perolehan KPM		
JPN/BPSH/BPSBP/ BPLTV/BPI	• Mengurus dan melaksanakan perolehan tender perkhidmatan Bekalan Makanan Bermasak	
Sekolah	• Pelaksanaan perolehan secara sebut harga, membantu urusan tender Kementerian serta pentadbiran, pemantauan dan penguatkuasaan kontrak	
Kumpulan Sasar	• Pelaksanaan dan pemantauan kontrak	
	Murid sekolah di asrama	

1. LATAR BELAKANG

1.1. Program Bantuan Makanan Asrama (BMA) adalah salah satu daripada 19 jenis bantuan persekolahan yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Program ini diperkenalkan pada tahun 1974 dan melalui BMA, Kerajaan telah menampung sebanyak 95% kos penyediaan makanan murid di asrama. Kos penyediaan makanan selebihnya 5% ditampung melalui kutipan Yuran Makan Asrama (YMA) daripada murid, iaitu sama ada RM1.00 atau RM3.00 sehari bagi setiap murid mengikut pendapatan bulanan ibu bapa/penjaga. Terdapat dua (2) kaedah pembekalan makanan di asrama, iaitu bekalan makanan bermasak (BMB) dan bekalan makanan mentah (BMM) yang dijalankan melalui proses tender/sebut harga. Bagi BMB, pembekalan akan menyediakan makanan bermasak kepada murid asrama, manakala melalui kaedah BMM, masakan diuruskan oleh kakitangan domestik asrama yang dilantik.

1.2. Objektif penyediaan BMA adalah untuk memastikan murid di asrama mendapat makanan yang mencukupi, bersih, seimbang dan berkualiti. Bagi tempoh tahun 2017 sehingga 2020, sebanyak 1,437 sekolah berasrama di bawah KPM menerima perkhidmatan BMB dengan nilai kontrak berjumlah RM3.645 bilion. Kategori sekolah berasrama seluruh negara yang menerima perkhidmatan tersebut adalah 1,047 Sekolah Harian, 69 Sekolah Berasrama Penuh (SBP), 89 Sekolah Menengah Teknik (SMT)/Kolej Vokasional (KV), 203 Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), 20 Sekolah Pendidikan Khas, tiga (3) Sekolah Seni Malaysia, lima (5) Sekolah Sukan Malaysia dan satu (1) Institut Aminudin Baki.

1.3. Perkhidmatan BMB asrama disediakan berdasarkan menu yang ditetapkan oleh KPM mengikut Saranan Pengambilan Nutrien Malaysia (2005) dan Piramid Makanan Malaysia yang menggalakkan pengambilan bijirin, buah-buahan dan sayur-sayuran. Makanan dihidangkan sebanyak lima (5) kali sehari. Bayaran kepada kontraktor adalah berdasarkan kepada jumlah murid, hari dan kadar harga seorang sehari sepetimana ditetapkan dalam kontrak.

1.4. Peruntukan yang disalurkan bagi program BMA bagi tahun 2016 hingga 2018 berjumlah RM3.667 bilion. KPM melalui Bahagian Kewangan berperanan mengagihkan peruntukan BMB ke sekolah asrama harian melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN). Peruntukan bagi SBP, SMT/KV dan SABK disalurkan melalui Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh (BPSBP), Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknik Vokasional (BPLTV) serta Bahagian Pendidikan Islam (BPI) KPM.

1.5. Bahagian Perolehan (BPL) KPM bertanggungjawab mengurus dan melaksanakan perolehan tender perkhidmatan BMB. JPN juga terlibat dalam pelaksanaan perolehan secara sebut harga, membantu urusan tender Kementerian serta pentadbiran, pemantauan dan penguatkuasaan kontrak. Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), BPSBP, BPLTV dan BPI masing-masing berperanan dalam melaksanakan pemantauan pengurusan BMB. Di peringkat sekolah, pengurusan BMB adalah di bawah tanggungjawab Pengetua serta dibantu oleh Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (PKHEM) dan Penyelia Asrama.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan BMB di Asrama Harian, SMT/KV, SBP dan SABK telah dilaksanakan secara berhemat, berkesan dan cekap serta mencapai objektif program, iaitu untuk memastikan murid di asrama mendapat makanan yang mencukupi, bersih, seimbang dan berkualiti.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi program dan pengurusan program BMB di sekolah berasrama bagi tahun 2016 hingga 2018. Prestasi program BMB dinilai berdasarkan dua (2) perkara, iaitu pencapaian output dan pencapaian *outcome*. Pengurusan BMB pula meliputi enam (6) perkara, iaitu pencapaian kewangan, proses perolehan, pentadbiran kontrak, pelaksanaan program, kualiti bahan makanan dan pemantauan program.

3.2. Skop pengauditan tertumpu kepada proses perolehan, pentadbiran kontrak, pelaksanaan program, kualiti bahan makanan dan pemantauan program BMB.

Pengauditan dijalankan di peringkat KPM, tiga (3) JPN dan 42 sekolah berasrama yang melibatkan 71 kontrak di negeri Sabah, Kelantan dan Johor. Pemilihan negeri adalah berdasarkan bilangan sekolah, jumlah peruntukan yang diagihkan dan aduan yang diterima oleh KPM berkaitan pemalsuan dokumen oleh kontraktor. Selain itu, pemilihan kategori 42 sekolah pula adalah berdasarkan jumlah asrama bagi setiap kategori iaitu 28 sekolah (66.7%) Asrama Harian, enam (6) SABK (14.3%), lima (5) SMT/KV (11.9%) dan tiga (3) SBP (7.1%). Manakala sampel sekolah yang dipilih adalah berdasarkan bilangan murid, amaun kontrak tender dan lokasi berhampiran.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak dan menganalisis rekod serta dokumen berkaitan dengan pengurusan BMB. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai terlibat di KPM, JPN, sekolah dan kontraktor juga diadakan. Selain itu, pemeriksaan fizikal dijalankan di sekolah yang dipilih bagi menentukan perkhidmatan telah dilaksanakan mengikut skop dan spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak. Soal selidik juga telah diedarkan kepada 1,260 murid (30 murid setiap sekolah) untuk menilai tahap kepuasan murid terhadap bekalan makanan bermasak di sekolah yang terlibat.

5. RUMUSAN AUDIT

5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Februari hingga April 2019 merumuskan perkara berikut:

a. Prestasi Program

Program BMB telah dapat memberi manfaat kepada 1,437 sekolah berasrama bagi memastikan murid mendapat makanan yang mencukupi, bersih, seimbang dan berkualiti. Namun, tiada mekanisme dan indikator pengukuran yang ditetapkan oleh KPM bagi mengukur pencapaian objektif program. Bagaimanapun, berdasarkan soal selidik Audit bagi aspek tahap kepuasan pelanggan terhadap kualiti perkhidmatan BMB, 77.3% responden berpuas hati manakala 22.7% tidak berpuas hati. Hal ini menunjukkan objektif program BMB belum tercapai sepenuhnya bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018.

b. Pengurusan Program

Pengurusan program BMB masih tidak mencapai tahap kecekapan optimum kerana terdapat kelemahan seperti tiada pengesahan penyata bank oleh KPM bagi petender yang berjaya, kontrak lewat ditandatangani dan pemantauan

yang kurang cekap sehingga menyebabkan ketidakpatuhan kepada syarat dan spesifikasi kontrak perkhidmatan BMB.

5.2. Penemuan utama Audit yang perlu diberikan perhatian adalah seperti berikut:

- a. pengesahan penyata bank dengan pihak bank tidak dibuat sebelum Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan menyebabkan terdapat petender yang memalsukan penyata bank bagi mendapatkan tender Kerajaan;
- b. kontrak lewat ditandatangani antara tiga (3) hingga 446 hari;
- c. pelaksanaan program kurang memuaskan. Antaranya berkaitan pembekalan menu, sukatan/timbangan dalam penyediaan makanan, pengurusan pekerja, kebersihan serta keselamatan dapur/dewan makan;
- d. kualiti bahan makanan mentah dan kering kurang memuaskan kerana tidak memenuhi spesifikasi dan syarat yang ditetapkan dalam kontrak; dan
- e. kelemahan pemantauan di peringkat KPM, JPN/Bahagian dan Sekolah.

5.3. Pengauditan yang dijalankan mendapati isu berkaitan pengurusan program BMB yang pernah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2011 masih berlaku/berulang. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PERBANDINGAN ISU LKAN TAHUN 2011 DAN 2018 (SEMASA)

BIL.	ISU YANG DIBANGKITKAN	LKAN 2011	LKAN 2018 (SEMASA)
1.	Kelemahan dalam pengurusan kontrak seperti kontrak lewat/tidak ditandatangani, Bon Pelaksanaan lewat/tidak dikemukakan serta penyimpanan dokumen tender dan kontrak yang tidak teratur	✓	✓
2.	Syarat kontrak tidak dipatuhi. Antaranya syarat berkaitan spesifikasi bahan makanan; perubahan dan modifikasi pesanan perkhidmatan; pekerja kontraktor; kebersihan dan keselamatan dewan makan	✓	✓
3.	Kelemahan pemantauan seperti borang yang ditetapkan tidak digunakan sepenuhnya oleh pihak pentadbiran sekolah, Laporan Bulanan Prestasi Kontraktor tidak disediakan oleh pihak sekolah dan tiada lawatan pemantauan terhadap aktiviti BMB di sekolah	✓	✓

Sumber: LKAN 2011 dan 2018 (Semasa)

6. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Perkara yang ditemui serta maklum balas KPM telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 26 September 2019. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti dalam perenggan berikut:

6.1. Prestasi Program

6.1.1. Pencapaian Output Program

a. Pembekalan Makanan di Asrama


- i. Berdasarkan Surat Pekeliling Kewangan KPM Bil. 8 Tahun 2012 - Garis Panduan Pengurusan Kewangan Peruntukan Bantuan Persekolahan ke Sekolah Berdasarkan Per Kapita dan Enrolmen Murid, terdapat dua (2) kaedah pembekalan makanan di asrama, iaitu BMB dan BMM.
- ii. Secara amnya, semua asrama telah melaksanakan kaedah BMB kecuali sebilangan asrama di Sabah dan Sarawak yang masih memerlukan BMM kerana masalah lokasi dan logistik. Semakan Audit mendapati daripada 1,850 sekolah berasrama di seluruh negara, sebanyak 1,437 sekolah (77.7%) telah menggunakan BMB dan 413 sekolah (22.3%) di pedalaman Sabah dan Sarawak menggunakan BMM. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 2** dan **Rajah 1**.

JADUAL 2
BILANGAN SEKOLAH BERASRAMA DI SELURUH NEGARA
YANG MENERIMA BMM DAN BMB

LOKASI	BILANGAN SEKOLAH	KAEDAH PEMBEKALAN MAKANAN	
		BMB	BMM
Semenanjung Malaysia	1,014	1,014	-
Sarawak	619	207	412
Sabah	217	216	1
JUMLAH	1,850	1,437	413

Sumber: BPL KPM

RAJAH 1
STATISTIK BILANGAN SEKOLAH BERASRAMA
DI SELURUH NEGARA YANG MENERIMA BMM DAN BMB



Sumber: BPL KPM

Pada pendapat Audit, sasaran KPM dalam memastikan semua sekolah berasrama di bawah KPM menerima perkhidmatan BMA sama ada melalui BMB atau BMM adalah tercapai.

6.1.2. Pencapaian *Outcome* Program

- a. Objektif program BMB adalah untuk memastikan murid di asrama mendapat makanan yang mencukupi, bersih, seimbang dan berkualiti. Namun, tiada mekanisme dan indikator pengukuran yang ditetapkan oleh KPM bagi mengukur pencapaian objektif program ini.
- b. Sehubungan itu, pihak Audit telah mengedarkan 1,260 soal selidik kepada murid yang menginap di asrama bagi menilai tahap kepuasan mereka terhadap perkhidmatan BMB. Skala pemarkahan yang digunakan dalam menilai tahap kepuasan responden seperti dalam **Jadual 3**.


**JADUAL 3
SKALA PEMARKAHAN YANG DITETAPKAN**

SKALA MARKAH	GRED SKOR
90 – 100	Cemerlang
80 – 89	Baik
60 – 79	Sederhana
40 – 59	Tidak Memuaskan
0 – 39	Lemah

Sumber: Jabatan Audit Negara

- c. Analisis Audit terhadap maklum balas 1,163 responden mendapati **77.3% responden berpuas hati terhadap perkhidmatan BMB manakala 22.7% tidak berpuas hati**. Analisis keseluruhan mendapati **aspek perkhidmatan yang kurang memuaskan responden adalah kualiti makanan (31.3%), kuantiti makanan (26.4%) dan kebersihan peralatan/dewan makan (32.9%)**. Butiran lanjut seperti dalam **Rajah 2**.

RAJAH 2
MAKLUM BALAS KEPUASAN PELANGGAN TERHADAP PERKHIDMATAN BMB



Sumber: Soal Selidik Jabatan Audit Negara

- d. Antara komen dan cadangan oleh responden yang tidak berpuas hati terhadap perkhidmatan BMB mengikut aspek yang dinilai adalah seperti dalam **Jadual 4**. Ketidakpuasan responden terhadap perkhidmatan BMB berpunca daripada pemantauan yang kurang berkesan di peringkat sekolah dalam memastikan kontraktor sentiasa memberikan perkhidmatan seperti yang ditetapkan dalam kontrak. Hal ini memberi kesan terhadap kualiti perkhidmatan BMB yang diterima oleh murid di asrama.

JADUAL 4
KOMEN DAN CADANGAN RESPONDEN TERHADAP PERKHIDMATAN BMB

BIL.	ASPEK DINILAI	KOMEN RESPONDEN	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN OLEH RESPONDEN
1.	Ketepatan masa sajian	Makanan lewat dihidangkan	Menghidangkan makanan mengikut masa yang ditetapkan
2.	Makanan mengikut menu	<ul style="list-style-type: none"> Tidak mengikut menu yang ditetapkan Tukar menu kepada menu yang disukai murid 	Penyediaan makanan mengikut menu yang ditetapkan
3.	Kualiti makanan	<ul style="list-style-type: none"> Makanan berminyak Makanan mengandungi rambut/ulat/semut/lipas Makanan tidak dicuci bersih sebelum dimasak Ayam tidak masak sempurna Ikan goreng keras dan tidak segar Daging dan sotong liat Makanan berbau/basi Buah tidak dihidangkan dalam saiz sepatutnya dan tidak elok 	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan perkhidmatan air bertapis Mengurangkan menu ikan dan lebihkan ayam atau daging kerana ikan kurang menyelerakan, kurang segar dan agak keras Menyediakan minuman sejuk ketika cuaca panas

BIL.	ASPEK DINILAI	KOMEN RESPONDEN	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN OLEH RESPONDEN
4.	Kuantiti makanan	<ul style="list-style-type: none"> Kuantiti makanan tidak mencukupi Saiz lauk/ikan/ayam yang kecil Makanan gantian tidak disediakan bagi murid yang mempunyai alahan 	Kuantiti makanan yang mencukupi
5.	Khidmat layanan pekerja	<ul style="list-style-type: none"> Pekerja bercakap kasar dan bermasam muka dengan murid Pekerja tidak adil dalam mengagihkan makanan Pekerja tidak memakai apron dan topi semasa pengagihan makanan 	Meningkatkan perkhidmatan pekerja dewan makan yang lebih berdisiplin dan mesra
6.	Kebersihan peralatan/dewan makan	<ul style="list-style-type: none"> Pinggan/tray/mangkuk/gelas/sudu berminyak dan berbau sabun Pinggan/tray kurang bersih kerana masih ada sisa makanan Rak pinggan/gelas kotor dan berbau Lantai melekit dan basah 	<ul style="list-style-type: none"> Mempertingkatkan aspek kebersihan pekerja, peralatan, persekitaran dewan makan dan penyediaan makanan Penyediaan sabun cuci tangan yang lebih berkualiti
7.	Kebersihan persekitaran luar dewan makan	<ul style="list-style-type: none"> Longkang dan sinki kotor serta berbau Kehadiran lalat dan tikus 	
8.	Umum	Pemeriksaan secara mengejut perlu dilaksanakan bagi meninjau keadaan sebenar	

Sumber: Soal Selidik Jabatan Audit Negara

Maklum balas KPM yang diterima pada 6 Mac 2020

BPL KPM sentiasa berusaha melaksanakan penambahbaikan yang berterusan dalam memastikan objektif program BMB tercapai sepenuhnya melalui program-program dalaman dan bersama pihak luar yang telah dilaksanakan seperti berikut:

- i. BPL KPM telah mengadakan perbincangan bersama Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 18 Februari 2020 untuk mendapatkan pandangan bagi menambah baik aspek kebersihan, keselamatan dan kualiti makanan melalui program ProKEM (Program Keselamatan Makanan) dan pengiktirafan sijil BeSS (Bersih, Selamat dan Sihat) kepada kontraktor bagi perkhidmatan BMB.
- ii. Libat urus kali pertama dengan Bahagian Kawalan Penyakit, KKM bagi menetapkan "*Standard Operating Procedure*" (SOP) Kejadian Keracunan Makanan di dewan makan KPM juga telah dijalankan pada 5 Mac 2020 bagi menangani masalah keracunan makanan yang disebabkan oleh faktor pengendalian makanan dan kebersihan.
- iii. Sesi semakan perjanjian dokumen kontrak perkhidmatan BMB telah diadakan bersama Penasihat Undang-Undang (PUU) pada 8 November 2019 bertujuan mendapatkan maklum balas dan ulasan segera mengenai sebarang penambahbaikan dokumen kontrak merangkumi diantaranya penambahbaikan klausula-klausula berkaitan prestasi kontraktor dan pemantauan.

Maklum balas KPM yang diterima pada 19 September 2019

BPSH dengan kerjasama bahagian pengoperasian KPM serta KKM telah menyemak dan menyediakan menu makanan baharu bagi kontrak BMB mulai tahun 2018 untuk memastikan menu yang digubal menepati keperluan nutrien murid di asrama. Melalui menu baharu ini, cara penyediaan bahan mentah dan resepi menu juga disediakan sebagai rujukan kepada kontraktor. Selain itu, latihan keselamatan dan kualiti makanan telah diberikan kepada Penyelia Asrama melalui JPN dengan kerjasama Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM pada tahun 2018.

Hasil daripada pemantauan, terdapat dapatan yang menyatakan sesetengah menu tidak sesuai di sesetengah lokasi dan bahan sukar untuk didapati bagi sesetengah lokasi pedalaman. Sehubungan itu, BPSH sedang melaksanakan bengkel untuk menyediakan menu kepada murid mengikut etnik dan makanan tempatan yang bersesuaian.

KPM turut melaksanakan pemantauan berkala dan *ad-hoc* dengan kerjasama KKM bagi memastikan pengurusan dewan makan asrama mematuhi terma dan syarat kontrak perkhidmatan BMB. Perkara utama yang dipantau adalah berkaitan spesifikasi hidangan makanan serta langkah pengendalian, penyediaan dan penyimpanan makanan yang selamat. Sehingga kini, tiga (3) negeri telah dilawati iaitu Perak, Sabah dan Selangor pada April dan Julai 2019.

Pada pendapat Audit, objektif program BMB dalam memastikan murid di asrama mendapat makanan yang mencukupi, bersih, seimbang dan berkualiti masih belum tercapai sepenuhnya.

6.2. Pengurusan Program

6.2.1. Pencapaian Kewangan

Peruntukan keseluruhan BMB yang diluluskan di bawah Program Khusus BMA bagi tahun 2016 hingga 2018 berjumlah RM3.667 bilion. Sehingga bulan Disember 2018 sejumlah RM3.666 bilion (99.9%) telah dibelanjakan. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PRESTASI PERBELANJAAN BMA BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN	PERUNTUKAN			PERBELANJAAN	
	DILULUSKAN (RM Juta)	TAMBAHAN (RM Juta)	JUMLAH KEMASKINI (RM Juta)	(RM Juta)	PERATUS
2016	1,087	16	1,103	1,103	100
2017	1,074	102	1,176	1,176	100
2018	1,100	288	1,388	1,387	99.9
JUMLAH	3,261	406	3,667	3,666	99.9

Sumber: Laporan A499/ZRFM Jabatan Akauntan Negara

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan BMA bagi tahun 2016 hingga 2018 adalah baik.

6.2.2. Proses Perolehan

- a. Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan PK 2.1 – Kaedah Perolehan Kerajaan, antara maklumat yang perlu dikemukakan oleh petender dalam dokumen tender adalah profil dan kedudukan kewangan petender yang dapat memberikan maklumat terperinci tentang latar belakang dan keupayaan kewangan petender. Dokumen tender ini akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Harga dan Teknikal yang telah dilantik sebelum diangkat untuk pertimbangan dan perakuan Lembaga Perolehan Agensi.
- b. Selain itu, peruntukan kontrak di bawah Perenggan 19 - Penamatan menyatakan sekiranya kontraktor mengemukakan dokumen atau maklumat palsu, tidak sah dan tidak tulen kepada Kerajaan, Kerajaan hendaklah memberi notis penamatan kepada Kontraktor dengan menyatakan butiran kegagalan atau kemungkiran. Sekiranya kontraktor gagal meremidikan kegagalan atau kemungkiran dalam tempoh yang dinyatakan, Kerajaan berhak menamatkan perkhidmatan dengan memberi notis penamatan.
- c. Semakan Audit mendapati secara keseluruhan, proses perolehan tender BMB telah dilaksanakan mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan. Jawatankuasa Penilaian Kewangan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan kewangan petender berdasarkan maklumat kewangan syarikat yang dikemukakan. Antara aspek yang dinilai adalah salinan penyata bank yang telah disahkan oleh pihak bank. Berdasarkan maklum balas pegawai BPL KPM, pihak KPM tidak membuat pengesahan salinan penyata bank yang dikemukakan petender dengan pihak bank sebelum SST dikeluarkan. Keadaan ini telah menyebabkan berlakunya pemalsuan penyata bank oleh petender.
- d. Sehubungan itu, pihak Audit mendapati KPM telah menerima aduan berkenaan pemalsuan penyata bank bagi petender berjaya untuk tender perkhidmatan BMB, Perkhidmatan Kebersihan Bangunan dan Kawasan (KBK) dan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (PKK) yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2019. Aduan tersebut melibatkan 793 tender merangkumi 319 tender BMB, 259 tender KBK dan 215 tender PKK. Oleh itu, satu jawatankuasa ditubuhkan bagi menyiasat aduan ini. Kenyataan media bertarikh 13 Ogos 2019 telah dikeluarkan oleh KPM berhubung perkara ini.
- e. Berdasarkan rekod pengesahan penyata bank oleh KPM sehingga 31 Januari 2020, didapati sebanyak 359 penyata bank petender berjaya (45.3%) telah

disahkan **tidak benar** oleh bank yang terlibat. Daripada 359 petender tersebut, 175 petender (48.8%) melibatkan perkhidmatan BMB, 110 petender (30.6%) KBK dan 74 petender (20.6%) PKK. Selain itu, pihak Audit juga mendapati dua (2) sekolah terlibat adalah termasuk dalam sampel sekolah di negeri Kelantan yang dilawati, iaitu SMU(A) Darul Ulum Al-Muhammadiah dan SMK Sultan Ibrahim (1).

- f. Semakan Audit juga mendapati KPM telah mengambil tindakan segera dengan mengeluarkan 162 Notis Tujuan Penamatan (NTP) mulai bulan Julai 2019. Setelah KPM menerima dan menilai maklum balas kontraktor, sebanyak 145 Notis Penamatan (NP) telah dikeluarkan kepada kontraktor terlibat. Selain itu, KPM juga telah membuat aduan kepada Kementerian Kewangan (MoF) dan laporan siasatan diserahkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
STATUS PEMALSUAN PENYATA BANK SEHINGGA 31 JANUARI 2020

PERKHIDMATAN	BIL. PENYATA BANK DISEMAK		PENGESAHAN TIDAK BENAR OLEH BANK		NOTIS TUJUAN PENAMATAN		NOTIS PENAMATAN	
	BIL.	PERATUS	BIL.	PERATUS	BIL.	PERATUS	BIL.	PERATUS
BMB	319	40.2	175	48.8	88	54.3	78	53.8
KBK	259	32.7	110	30.6	41	25.3	41	28.3
PKK	215	27.1	74	20.6	33	20.4	26	17.9
JUMLAH	793	100	359	100	162	100	145	100

Sumber: BPL KPM

Maklum balas KPM yang diterima pada 6 Mac 2020

Serahan ketulenan penyata bank adalah merupakan tanggungjawab petender kepada KPM. Namun, KPM mengambil inisiatif untuk melakukan semakan penyata bank berikutan timbul isu pengurusan kontrak di antaranya seperti pembekal tidak dapat mengemukakan bon pelaksanaan dalam tempoh yang ditetapkan dan juga tidak dapat menyediakan kelengkapan/peralatan di dapur sepertimana menurut terma kontrak.

Mesyuarat berkaitan Isu Penyata Bank Palsu yang melibatkan MoF, Bank Negara Malaysia (BNM), Persatuan Bank-bank dalam Malaysia (ABM) dan Persatuan Perbankan Islam dan Institut Kewangan Islam (AIBIM) telah diadakan pada 24 September 2019. Dalam mesyuarat tersebut, wakil bank juga menyatakan bahawa mereka tidak sanggup untuk membuat pengesahan penyata bank dengan jumlah yang banyak dalam tempoh masa yang singkat. Ini menunjukkan KPM serius menangani isu ini. Walau bagaimanapun, alternatif sedang diteliti oleh semua pihak yang terlibat.

Maklum balas KPM yang diterima pada 19 September 2019

BPL telah melaksanakan kerjasama bersama Bank Negara Malaysia, Persatuan Bank Malaysia dan MoF serta menyemak semula penyata kewangan yang dikemukakan petender berjaya dalam tender BMB bagi kontrak bermula 1 Januari 2019. Petender yang disahkan telah mengemukakan penyata bank palsu diambil tindakan penamatan berdasarkan terma dan syarat kontrak perjanjian. Laporan polis juga telah dibuat oleh Setiausaha Bahagian Perolehan KPM pada 14 Ogos 2019 terhadap petender yang disahkan mengemukakan penyata bank palsu di Ibu Pejabat Kontinjen Polis Putrajaya.

Kontraktor semasa di sekolah SMU(A) Darul Ulum Al-Muhammadiah dan SMK Sultan Ibrahim (1) yang terlibat dengan pemalsuan penyata bank telah ditamatkan perkhidmatan melalui Notis Penamatan masing-masing bertarikh 16 Ogos 2019 dan 14 Ogos 2019.

Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan, SPRM telah mendapatkan maklumat lanjut daripada KPM berhubung proses perolehan tender bagi membantu mengenal pasti kaedah untuk mengatasi isu pemalsuan dokumen dalam tawaran tender.

Pada pendapat Audit, tindakan KPM yang tidak membuat pengesahan salinan penyata bank dengan pihak bank sebelum SST dikeluarkan menyebabkan petender yang lebih layak dari segi keupayaan kewangan tidak dapat dipertimbangkan.

6.2.3. Pentadbiran Kontrak – Kontrak Lewat Ditandatangan

- a. Kontrak perkhidmatan BMB yang sedang berkuat kuasa adalah sebanyak 1,437 dengan nilai berjumlah RM3.645 bilion. Tempoh kuat kuasa bagi setiap kontrak perkhidmatan BMB adalah selama dua (2) tahun. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 71 kontrak dengan nilai perolehan berjumlah RM238.77 juta melibatkan 42 sekolah yang dilawati bagi tempoh 2016 sehingga 2018.
- b. Pekeliling Perbendaharaan - PK 4.2 menetapkan kontrak hendaklah ditandatangani dalam tempoh empat (4) bulan selepas SST ditandatangan balas oleh syarikat. Bayaran menggunakan SST dibenarkan bagi bayaran berkala sehingga tiga (3) kali bagi tempoh empat (4) bulan pertama selepas SST dikeluarkan dan sebelum kontrak ditandatangan. Bayaran berkala yang seterusnya akan hanya dibuat selepas kontrak formal ditandatangani.
- c. Semakan Audit mendapati 67 kontrak (94.4%) daripada 71 kontrak BMB lewat ditandatangani melebihi empat (4) bulan daripada tarikh SST dikeluarkan dengan tempoh kelewatan antara tiga (3) hingga 446 hari. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
TEMPOH KELEWATAN MENANDATANGANI KONTRAK

NEGERI	TEMPOH KELEWATAN (HARI)/BIL SEKOLAH TERLIBAT					JUMLAH SEKOLAH
	< 100	101 – 200	201 – 300	301 – 400	> 400	
Sabah	7	5	3	1	1	17
Kelantan	21	3	1	-	-	25
Johor	19	5	-	1	-	25
JUMLAH	47	13	4	2	1	67

Sumber: Kontrak Perjanjian

- d. Berdasarkan maklum balas BPL KPM, punca kelewatan kontrak ditandatangani seperti berikut:
- jumlah kontrak yang perlu ditandatangani adalah tinggi, iaitu tujuh (7) salinan bagi setiap kontrak;
 - jumlah kontrak perkhidmatan yang terlalu banyak meliputi perkhidmatan BMB, KBK dan PKK; dan
 - kelewatan penyediaan Bon Pelaksanaan oleh kontraktor.
- e. Kelewatan ini menyebabkan **33 sekolah (78.6%) daripada 42 sekolah telah membuat pembayaran menggunakan SST melebihi tiga (3) kali dalam tempoh empat (4) bulan pertama selepas SST dikeluarkan dan sebelum kontrak formal ditandatangani.** Kelewatan ini **melibatkan sebanyak 123 pembayaran berjumlah RM17.50 juta.** Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 8.**

JADUAL 8
BAYARAN BERKALA MELEBIHI TIGA (3) KALI SELEPAS SURAT SETUJU TERIMA DAN SEBELUM KONTRAK FORMAL DITANDATANGANI

NEGERI	BIL. SEKOLAH	PEMBAYARAN	
		BIL.	AMAUN (RM Juta)
Sabah	12	51	7.24
Kelantan	13	48	6.15
Johor	8	24	4.11
JUMLAH	33	123	17.50

Sumber: Baucar Bayaran Sekolah

Maklum balas KPM yang diterima pada 19 September 2019 dan 1 Oktober 2019

KPM telah mengadakan perbincangan awal bersama MoF pada 22 Ogos 2019 bagi melaksanakan proses pembayaran perkhidmatan BMB melalui Sistem ePerolehan.

Pelaksanaan proses tersebut dapat mengelakkan pembayaran kontrak menggunakan SST melebihi tiga (3) kali sebelum kontrak formal ditandatangani. MoF memohon Bahagian Akaun KPM untuk mengkaji *Standard Operating Procedure* (SOP) pembayaran kontrak BMB dan membuat *feasibility study* terlebih dahulu berkaitan pelaksanaan tersebut.

Sebelum pembayaran BMB dapat dilaksanakan secara atas talian (ePerolehan), KPM telah mengumumkan surat bertarikh 6 Ogos 2019 kepada semua JPN yang terlibat dengan kontrak bermula Mei, Jun dan Ogos 2019 berhubung penyediaan dokumen kontrak dalam tempoh yang ditetapkan. Ini merupakan tindakan penambahbaikan dalam memastikan dokumen perjanjian ditandatangani dalam tempoh empat (4) bulan daripada tarikh SST ditandatangan balas oleh syarikat.

Pada pendapat Audit, kelewatan menandatangani kontrak dalam tempoh yang ditetapkan tidak mematuhi peraturan kewangan. Selain itu, bayaran tanpa kontrak boleh menjaskan kepentingan Kerajaan.

6.2.4. Pelaksanaan Program

a. Pertukaran Menu atau Sajian Makanan

- i. Mengikut Perenggan 11.2 kontrak, pertukaran menu atau sajian makanan tidak dibenarkan sama sekali kecuali jika diberitahu 24 jam lebih awal sebelum pertukaran menu dengan sebab yang munasabah dan dipersetujui secara bertulis oleh Pengetua Sekolah.
- ii. Lawatan fizikal Audit pada 21 Februari sehingga 20 Mac 2019 mendapati **18 sekolah (42.9%) daripada 42 sekolah telah membuat pertukaran bahan dan menu tanpa mendapat kelulusan secara bertulis daripada Pengetua Sekolah 24 jam sebelumnya.** Hasil temubual dengan pihak kontraktor, antara sebab pertukaran berlaku adalah kesukaran mendapatkan bahan pada hari yang sama atau hari sebelumnya. Pertukaran menu ini menyebabkan murid asrama tidak mendapat jenis/menu makanan yang sepatutnya diterima. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengenalpasti kekerapan pertukaran menu oleh kontraktor kerana Penyelia Asrama tidak menyelenggara rekod pertukaran menu tersebut. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 9.**

JADUAL 9
PERTUKARAN BAHAN/MENU TANPA KELULUSAN 24 JAM SEBELUMNYA

NEGERI	PERTUKARAN BAHAN/MENU (BIL. SEKOLAH)			PERTUKARAN YANG DIBUAT
	TIADA PERMOHONAN BERTULIS	PERMOHONAN DILULUSKAN KURANG 24 JAM	JUMLAH	
Sabah	7	2	9	<ul style="list-style-type: none"> Pertukaran jenis buah, sayur dan ikan Pertukaran cara masakan (contoh: masak kari kepada masak rempah) Pertukaran menu (contoh: roti canai kepada apam kuning) Pengurangan kuantiti kuih Pertukaran spesifikasi bahan (contoh: <i>Fillet Fish</i> (ikan dory) kepada burger ikan mini)
Kelantan	2	2	4	
Johor	5	-	5	
JUMLAH	14	4	18	

Sumber: Jabatan Audit Negara

b. Pesanan Perkhidmatan Makanan oleh Sekolah

- Perenggan 11.7 kontrak menetapkan Pesanan Perkhidmatan yang sebenar akan dibuat secara bertulis dengan menggunakan Borang Pesanan dalam tempoh 48 jam sebelum tarikh, masa dan tempoh perkhidmatan dikehendaki.
- Lawatan fizikal Audit pada 21 Februari sehingga 20 Mac 2019 mendapati Penyelia Asrama di tujuh (7) sekolah (16.7%) daripada 42 sekolah yang dilawati tidak membuat pesanan makanan mengikut ketetapan masa dan kaedah yang ditetapkan. Selain itu, temu bual Audit dengan Penyelia Sekolah dan kontraktor mendapati pesanan dibuat secara lisan dan Borang Pesanan hanya disediakan pada hujung bulan bagi tujuan pembayaran. Perkara ini akan menyukarkan kontraktor untuk menyediakan kuantiti makanan yang mencukupi pada hari berkenaan. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
PESANAN MAKANAN YANG TIDAK DIBUAT MENGIKUT SYARAT KONTRAK

BIL.	NAMA SEKOLAH	TARIKH LAWATAN	ULASAN AUDIT
SABAH			
1.	SMK Benoni	26.02.2019	Borang Pesanan tidak disediakan
2.	SM Sains Sabah	27.02.2019	Borang Pesanan dikemuka 24 jam sebelum perkhidmatan dikehendaki
KELANTAN			
3.	SM Sains Tengku Muhammad Faris Petra	10.03.2019	Menggunakan format sendiri dan hanya merekodkan dalam Borang Pesanan pada akhir bulan. Tiada tarikh pesanan dibuat bagi memastikan tempoh pesanan dilakukan.
4.	SMU(A) Darul Ulum Al-Muhammadiah	11.03.2019	Borang Pesanan dikemukakan 24 jam sebelum perkhidmatan dikehendaki
5.	SMK Putera	11.03.2019	Borang Pesanan tidak disediakan dan dikemukakan kepada kontraktor

BIL.	NAMA SEKOLAH	TARIKH LAWATAN	ULASAN AUDIT
JOHOR			
6.	SM Agama Kota Tinggi	18.03.2019	Borang Pesanan dikeluarkan sehingga 13.03.2019 sahaja
7.	SMK Bandar Tenggara 2	19.03.2019	Borang Pesanan dikeluarkan sehingga 16.03.2019 sahaja

Sumber: Jabatan Audit Negara

c. Sukatan dan Timbangan Makanan

- i. Perenggan 2.1 kontrak menetapkan kontraktor hendaklah membekalkan makanan mengikut sukatan makanan bagi setiap murid seperti yang ditetapkan dalam Lampiran B. Sukatan makanan yang perlu dibekalkan pada setiap kali hidangan hendaklah dikira sebagai telah siap diproses untuk dimasak.
- ii. Selain itu, Surat Arahan Pentadbiran (SAP) KPM - Penggunaan Borang Baru bagi Pengesahan Pelaksanaan Kerja Perkhidmatan BMB berkuatkuasa 1 Januari 2016 menetapkan Penyelia Asrama bertanggungjawab untuk menimbang bahan mentah yang telah diproses setiap hari dan direkodkan dalam Borang Pengesahan Skop Perkhidmatan dan Pengurusan Bahan Mentah (BPPA BMB 1). Hal ini bagi memastikan sukatan dan kuantiti yang dibekalkan adalah seperitmana yang ditetapkan dalam kontrak.
- iii. Lawatan fizikal Audit pada 21 Februari sehingga 20 Mac 2019 mendapati Penyelia Asrama di 36 sekolah (85.7%) daripada 42 sekolah telah merekodkan timbangan dan sukatan bahan mentah dalam borang BPPA BMB 1. Namun, Penyelia Asrama di enam (6) sekolah (14.3%) tidak merekodkannya dalam borang tersebut. Ketiadaan rekod yang diselenggarakan oleh sekolah terlibat menyebabkan pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada timbangan bahan yang diterima setiap hari mencukupi seperti yang ditetapkan dalam kontrak. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
SUKATAN DAN TIMBANGAN TIDAK DIREKODKAN SEMASA

BIL.	NAMA SEKOLAH	TARIKH LAWATAN	MAKLUM BALAS PENYELIA ASRAMA/ULASAN AUDIT
SABAH			
1.	SMK Bongawan	25.02.2019	Akur dengan teguran Audit
2.	SMKA Tun Datu Mustapha	25.02.2019	Akur dengan teguran Audit
3.	SMK Benoni	26.02.2019	Akur dengan teguran Audit
KELANTAN			
4.	SMK Putera	11.03.2019	Akur dengan teguran Audit. Rekod timbangan terakhir dibuat pada 30.09.2018.

BIL.	NAMA SEKOLAH	TARIKH LAWATAN	MAKLUM BALAS PENYELIA ASRAMA/ULASAN AUDIT
5.	Kolej Vokasional Bachok	12.03.2019	Akur dengan teguran Audit. Sukatan dan timbangan ditulis dalam kertas contenggan dan tidak menggunakan format ditetapkan.
6.	SM(U) Al-Falah	13.03.2019	Akur dengan teguran Audit. Rekod timbangan terakhir dibuat pada Februari 2017.

Sumber: Jabatan Audit Negara

iv. Selain itu, pemeriksaan Audit terhadap sampel ikan, ayam, telur dan buah yang disajikan pada hari lawatan mendapat **timbangan sebiji/seketul bahan mentah tidak mencukupi berbanding timbangan yang ditetapkan dalam kontrak**. Perkara ini **berlaku di 17 sekolah (40.5%) daripada 42 sekolah**. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 12** serta **Gambar 1** dan **2**.

JADUAL 12 BERAT TIMBANGAN SEBIJI/SEKETUL BAHAN MENTAH TIDAK MENCUKUPI

NEGERI (BIL. SEKOLAH)	JUMLAH SEKOLAH	BAHAN MENTAH	TIMBANGAN SEBIJI/SEKETUL BAHAN MENTAH	
			SEPERTI DALAM KONTRAK	SAMPEL AUDIT
Sabah (7) Kelantan (2) Johor (8)	17	Telur	60 gram	45 – 57 gram
		Ikan (Kumpulan A)	80 gram	50 – 75 gram
		Ikan (Kumpulan B)	100 gram	86 – 95 gram
		Ayam	125 gram	65 – 124 gram
		Oren	130 gram	110 – 125 gram
		Jambu batu	150 gram	42 – 55 gram

Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 1



KV Likas, Sabah

- Timbangan Seketul Ayam Hanya 100 gram Berbanding 125 gram yang Ditetapkan (27.02.2019)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



SMK Medini, Johor

- Timbangan Seketul Ikan Hanya 85 gram Berbanding 100 gram yang Ditetapkan (17.03.2019)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

v. Pemeriksaan Audit selanjutnya juga mendapati ***timbangan bahan makanan mentah adalah tidak mencukupi antara 0.6 kg hingga 37.1 kg melibatkan 25 item di 21 sekolah (50%) daripada 42 sampel sekolah.*** Jumlah keseluruhan perbezaan bahan mentah tersebut adalah sebanyak 225.5 kg (36.6%) berbanding 615.3 kg yang sepatutnya dibekalkan. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 13** serta **Gambar 3** dan **4**.

JADUAL 13
TIMBANGAN BAHAN MENTAH TIDAK MENCUKUPI
MENGIKUT SUKATAN YANG DITETAPKAN DALAM KONTRAK

NEGERI	BIL. SEKOLAH	BAHAN MENTAH	JUMLAH TIMBANGAN		PERBEZAAN (KG)	HARGA PURATA PER KG (RM)	ANGGARAN KERUGIAN (RM)
			SEPATUTNYA DIBEKALKAN (KG)	SEBENAR DIBEKALKAN (KG)			
			(a)	(b)	(c) = (a) - (b)	(d)	(e) = (c) x (d)
Sabah	6	Sawi Jepun	9.9	5.5	4.4	4.59	20.20
		Kentang	3.9	1.0	2.9	4.23	12.27
		Kacang bendi	4.4	3.5	0.9	5.86	5.27
		Lobak merah	3.6	2.7	0.9	5.50	4.95
		Terung	3.6	2.8	0.8	4.32	3.46
		Pisang	28.7	19.5	9.2	3.22	29.62
		Udang	16.8	10.6	6.2	26.33	163.25
		Kubis	42.0	39.0	3.0	4.33	12.99
Kelantan	7	Udang	96.4	75.0	21.4	27.88	596.63
		Tempe	6.2	5.1	1.1	TM	-
		Ikan tenggiri	49.5	41.0	8.5	34.40	292.40
		Sayur campur	43.1	32.4	10.7	4.59	49.11
		Tomato	4.3	1.8	2.5	5.08	12.70
		<i>Filet fish</i>	15.8	13.6	2.2	12.90	28.38
		Anggur	33.1	12.9	20.2	12.93	261.19
Johor	8	Jambu batu	22.8	17.3	5.5	4.75	26.13
		Kentang	20.1	4.0	16.1	3.16	50.88
		Kangkung	22.8	17.2	5.6	4.00	22.40
		Timun	9.8	5.2	4.6	2.73	12.56
		Sengkuang	9.8	4.2	5.6	TM	-
		Tauhu	15.4	5.5	9.9	TM	-
		Udang	26.8	20.6	6.2	30.75	190.65
		Kacang panjang	5.5	1.2	4.3	7.26	31.22
		Putik jagung	5.5	0.9	4.6	TM	-
		Bunga kubis	5.5	3.4	2.1	8.38	17.60
		Tempe	5.6	2.4	3.2	TM	-

NEGERI	BIL. SEKOLAH	BAHAN MENTAH	JUMLAH TIMBANGAN		PERBEZAAN (KG)	HARGA PURATA PER KG (RM)	ANGGARAN KERUGIAN (RM)
			SEPATUTNYA DIBEKALKAN (KG)	SEBENAR DIBEKALKAN (KG)			
			(a)	(b)	(c) = (a) - (b)	(d)	(e) = (c) x (d)
		Brokoli	9.2	1.6	7.6	11.40	86.64
		Sayur campur	17.6	11.5	6.1	5.46	33.31
		Kubis & lobak merah	53.9	16.8	37.1	6.56	243.38
		Sawi	23.7	11.6	12.1	4.39	53.12
JUMLAH	21		615.3	389.8	225.5		2,260.31

Sumber: Sekretariat Majlis Harga Barang Negara, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Nota: Timbangan Sebenar Dibekalkan Berdasarkan Timbangan Pihak Audit

TM - Tiada Maklumat

GAMBAR 3



SMKA Melor, Kelantan
- Timbangan Udang 20 kg Berbanding 26.88 kg
yang Ditetapkan dengan Kurangan 6.88 kg
(10.03.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4



Sekolah Tun Fatimah, Johor
- Timbangan Coleslaw 16.8 kg Berbanding 53.85 kg
yang Ditetapkan dengan Kurangan 37.05 kg
(20.03.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

vi. Berdasarkan **Jadual 13**, anggaran kerugian kepada Kerajaan adalah berjumlah RM2,260.31 sehari di mana purata kerugian untuk setiap sekolah adalah RM107.63 sehari (RM2,260.31/21 sekolah). Namun, jika diandaikan perkara ini berlaku setiap hari di 50% daripada bilangan sekolah berasrama yang melaksanakan BMB, anggaran kerugian yang mungkin ditanggung oleh Kerajaan sepanjang tempoh dua (2) tahun kontrak adalah berjumlah RM38.64 juta¹. Di samping itu, perkara ini juga memberi kesan kepada tahap nutrisi makanan kepada pelajar seperti yang ditetapkan dalam Saranan Pengambilan Nutrien Malaysia (2005) dan Piramid Makanan Malaysia.

vii. Perkara tersebut berlaku disebabkan kelemahan pemantauan Penyelia Asrama terhadap timbangan harian bagi memastikan kontraktor membekalkan bahan mentah mengikut sukanan yang ditetapkan. Keadaan ini

¹ = (50% x bilangan sekolah melaksanakan BMB) x (bilangan hari persekolahan untuk dua (2) tahun) x (kerugian sehari)
= (50% x 1,437 sekolah) x 500 hari x RM107.63
= 718 sekolah x 500 hari x RM107.63
= RM38.64 juta

menyebabkan setiap murid tidak mendapat kuantiti/sukatan makanan yang mencukupi.

d. Pengurusan Perkhidmatan Pekerja Oleh Kontraktor

- i. Mengikut perenggan 7.1 kontrak, kontraktor hendaklah membekalkan pekerja yang mencukupi, memastikan pekerja sentiasa menjaga kebersihan diri dan bebas daripada apa-apa wabak atau penyakit berbahaya atau berjangkit. Pekerja adalah warganegara Malaysia berumur tidak kurang 18 tahun dan tidak melebihi 60 tahun sepanjang Tempoh Perjanjian. Pekerja juga disyaratkan telah mendapat suntikan vaksin *anti-typoid* dan mengikuti Kursus Pengendalian Makanan dari Institusi/Jabatan yang diiktiraf oleh KKM sebelum memulakan perkhidmatan. Salinan surat perakuan doktor dan sijil pengesahan kehadiran kursus hendaklah dikemukakan kepada pihak sekolah untuk tujuan rekod.
- ii. Pemeriksaan fizikal Audit pada 21 Februari sehingga 20 Mac 2019 terhadap rekod pekerja di 42 sampel sekolah mendapati 39 sekolah (92.9%) tidak mematuhi tujuh (7) syarat berkaitan perkhidmatan pekerja seperti yang ditetapkan dalam kontrak. Walaupun salinan rekod pekerja, kesihatan dan kursus diberikan kepada pihak sekolah, namun tiada tindakan pemantauan dilakukan oleh Penyelia Asrama. Keadaan ini memberi kesan terhadap perkhidmatan kontraktor serta risiko penyakit berjangkit/keracunan makanan kepada murid. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 14** dan **Gambar 5**.

JADUAL 14
KETIDAKPATUHAN SYARAT KONTRAK BERKAITAN PEKERJA

BIL.	KETIDAKPATUHAN SYARAT KONTRAK	BIL. PEKERJA	BIL. SEKOLAH
1.	Bilangan pekerja tidak mencukupi berdasarkan nisbah bilangan murid	57	26
2.	Pekerja bukan warganegara Malaysia	8	4
3.	Pekerja berumur kurang 18 tahun atau melebihi 60 tahun	7	3
4.	Pekerja belum mendapat suntikan vaksin <i>anti-typoid</i> sebelum mula bekerja atau suntikan telah melebihi tempoh tiga (3) tahun dari tarikh terakhir suntikan diambil	14	8
5.	Pekerja belum mengikuti Kursus Pengendalian Makanan sebelum memulakan Perkhidmatan	64	20
6.	Pekerja tidak memakai penutup mulut dan sarung tangan semasa mengendalikan makanan	29	18
7.	Pekerja merokok dalam kawasan Premis	TM	2

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: TM - Tiada maklumat bilangan pekerja terlibat kerana hanya menjumpai puntung rokok.



GAMBAR 5

SMK Dato' Mohd Yunos Sulaiman, Johor

- Pekerja Tidak Memakai Sarung Tangan

dan Penutup Mulut

(18.03.2019)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

e. Tahap Kebersihan dan Keselamatan di Dapur dan Dewan Makan

- i. Mengikut perenggan 2.1 kontrak, kontraktor hendaklah memastikan peralatan dan alat kelengkapan sentiasa bersih; menjaga kebersihan kawasan di sekeliling premis termasuk longkang dan stor; melaksanakan pembuangan sampah dan sisa makanan secara teratur dan menyediakan tong sampah dari jenis yang bersesuaian, bertutup dan mencukupi.
- ii. Lawatan fizikal Audit pada 21 Februari sehingga 20 Mac 2019 mendapati **tahap kebersihan ruang dapur di 12 sekolah (28.6%) daripada 42 sampel sekolah tidak memuaskan kerana rak penyimpanan peralatan makanan dan peti sejuk beku kotor.** Selanjutnya **tahap kebersihan dewan makan di 13 sekolah (31.0%) juga tidak memuaskan kerana lantai/kipas/meja makan serta pinggan/mangkuk yang digunakan tidak bersih.** Selain itu, didapati pemadam api di 15 sekolah (35.7%) telah tamat tempoh luput. Keadaan ini boleh memberi kesan kepada keselamatan makanan dan premis. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 15** serta **Gambar 6** dan **7**.

JADUAL 15
KETIDAKPATUHAN TERHADAP KEBERSIHAN DAN KESELAMATAN
DI DAPUR DAN DEWAN MAKAN ASRAMA

BIL.	KETIDAKPATUHAN SYARAT KONTRAK	BIL. SEKOLAH
RUANG DAPUR		
1.	Rak penyimpanan alat memasak seperti tray/pinggan dan gelas tidak bersih	9
2.	Peti sejuk untuk menyimpan bahan mentah dan bahan masakan tidak bersih	3
DEWAN MAKAN		
3.	Lantai/kipas/meja makan tidak bersih	1
4.	Peralatan makanan seperti tray/pinggan, mangkuk, gelas dan sudu tidak bersih	12
KESELAMATAN		
5.	Alat pemadam api telah tamat tempoh	15

Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 6

Kolej Vokasional Bachok, Kelantan
- Peti Sejuk Tidak Bersih
(12.03.2019)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 7

SM Maktab Sabah, Sabah
- Pemadam Api Telah Tamat Tempoh pada 23.03.2016
(22.02.2019)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas KPM yang diterima pada 6 Mac 2020

KPM telah mengadakan perbincangan bersama BKMM KPM pada 18 Februari 2020 untuk menambah baik aspek kebersihan dan kualiti makanan melalui ProKEM dan pengiktirafan BeSS untuk dijadikan salah satu kriteria dalam penilaian tender BMB dan pelanjutan kontrak BMB bagi memastikan kebersihan dan keselamatan makanan terjamin.

ProKEM ini bakal dilaksanakan bagi menggantikan Program Pemeriksaan Sendiri (KENDIRI). KENDIRI di sekolah adalah merupakan salah satu *tool* bagi mengurangkan risiko berlakunya kejadian keracunan makanan di kantin dan dapur asrama. Mekanisme pelaksanaan Program KENDIRI di kantin/dapur asrama sekolah melibatkan perkongsian tanggungjawab di mana pihak kontraktor perlu menjalankan pemeriksaan sendiri terhadap tahap kebersihan premis dan status kebersihan premis dipantau secara terus oleh pihak sekolah, PPD, Pejabat Kesihatan Daerah (PKD), JPN, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN), KPM dan KKM.

ProKEM adalah satu kaedah yang menggariskan keperluan kebersihan dan keselamatan makanan yang lebih bersistem bagi mengelakkan kejadian keracunan makanan di dapur asrama sekolah. ProKEM akan dipantau oleh pengusaha dan penyelia asrama. Program ini juga adalah lebih praktikal dan fokus kepada rekod pembekal, rekod suhu dan rekod memasak. Pihak KKM akan memantau pelaksanaan program dan memberikan bimbingan yang sewajarnya. Melalui program ini, KPM dapat memastikan perkara berikut ditambah baik:

- i. Garis panduan pematuhan kontrak perkhidmatan BMB bagi menggantikan program KENDIRI.
- ii. Membantu meminimumkan kejadian keracunan makanan.
- iii. Memastikan pelajar mendapat keperluan nutrisi dan jumlah kalori yang diperlukan setiap hari.

Maklum balas KPM yang diterima pada 19 September 2019 dan 1 Oktober 2019

Pendedahan berkenaan pentadbiran kontrak kepada Pentadbir Sekolah dilaksanakan semasa Lawatan Pematuhan oleh BPL dengan kerjasama JPN dan PPD di sepuluh (10) negeri sepanjang tahun 2019.

BPL KPM juga telah mengeluarkan Surat Tunjuk Sebab kepada 42 sekolah bertarikh 26 dan 27 September 2019 ke atas ketidakpatuhan kontrak. Surat peringatan bertarikh 27 September 2019 turut dikeluarkan kepada JPN berhubung pematuhan pengurusan kontrak. Sekolah juga telah mengeluarkan surat peringatan/amaran kepada kontraktor.

Pada pendapat Audit, ketidakpatuhan terhadap syarat kontrak dalam pelaksanaan program BMB berpunca daripada kelemahan pemantauan yang kurang memuaskan di peringkat KPM/JPN/Sekolah khususnya Penyelia Asrama. Keadaan ini juga telah memberi kesan kepada pencapaian objektif pembekalan makanan bermasak di sekolah berasrama.

6.2.5. Kualiti Bahan Makanan

a. Kualiti Bahan Makanan Mentah

Mengikut Perenggan 2.1 kontrak, kontraktor hendaklah membekalkan bahan makanan mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam Lampiran D. Makanan hendaklah disediakan dengan menggunakan bahan yang bermutu, halal dan tidak luput tarikh guna serta tertakluk kepada Akta Makanan 1983 yang berkuatkuasa.

i. Bekalan Daging dan Ayam

- Lampiran D kontrak - Spesifikasi Bahan Makanan antara lainnya menetapkan agar semua daging dan ayam perlu dibuang lemak yang kelihatan termasuk kulit ayam sebelum dimasak.
- Lawatan fizikal Audit telah dibuat pada 21 Februari sehingga 20 Mac 2019 terhadap daging ayam yang sedia untuk dimasak. Adalah didapati ***kontraktor tidak membuang kulit dan lemak ayam dengan sempurna sebelum dimasak di sembilan (9) sekolah (21.4%) daripada 42 sampel sekolah yang dilawati.*** Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 16** serta **Gambar 8** dan **9**.

JADUAL 16
KULIT DAN LEMAK AYAM TIDAK DIBUANG SEMPURNA SEBELUM DIMASAK

NEGERI	BIL. SEKOLAH	NAMA SEKOLAH
Sabah	6	SMKA Kota Kinabalu, Kolej Vokasional Likas, SMK Likas, SMKA Tun Datu Mustapha, SMK Majakir, SMK Bandaraya
Kelantan	1	Kolej Vokasional Pasir Mas
Johor	2	SM Agama Kota Tinggi, SMK Sultan Ismail
JUMLAH	9	

Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 8



SMK Bandaraya, Sabah
- Kulit dan Lemak Ayam Tidak Dibuang Sebelum Dimasak
(27.02.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 9



SMK Sultan Ismail, Johor
- Kulit dan Lemak Ayam Tidak Dibuang Sebelum Dimasak
(20.03.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

ii. Bekalan Ikan

- Lampiran D kontrak antara lainnya menetapkan ikan yang dibekalkan hendaklah isi pejal dan anjal serta tidak pecah perut. Ikan sejuk beku hendaklah dikekalkan pada suhu di bawah -18°C dan bungkusan berada dalam keadaan yang baik dan sempurna.
- Lawatan fizikal Audit pada 21 Februari sehingga 20 Mac 2019 mendapati **lima (5) sekolah (11.9%) daripada 42 sampel sekolah menyimpan lebihan ikan segar/sejuk beku yang telah tidak segar.** Hasil temubual dengan pihak kontraktor mendapati ikan sejuk beku dibeli dalam kuantiti yang banyak dan telah digunakan pada hari/minggu sebelumnya. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan tempoh sebenar penyimpanan dan tahap kesegaran ikan pada tarikh ia diterima kerana ketiadaan maklumat/rekod daripada pihak kontraktor dan sekolah. Selain itu, tiada tempoh penyimpanan yang ditetapkan bagi ikan sejuk beku dan tiada tempoh tarikh luput pada pembungkusannya.
- Walaupun ikan sejuk beku disimpan dalam suhu yang ditetapkan, pemeriksaan Audit mendapati isi ikan tersebut tidak lagi pejal dan anjal. Lebihan ikan yang tidak segar ini dikhuatiri akan digunakan untuk menu murid akan datang kerana ia disimpan dalam kuantiti yang banyak. Pihak

sekolah juga memaklumkan tidak menyedari perkara ini yang mana menunjukkan kelemahan pemantauan di peringkat sekolah. Kesannya murid tidak mendapat makanan yang segar serta berkualiti. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 17** serta **Gambar 10** dan **11**.

JADUAL 17
LEBIHAN IKAN DISIMPAN DALAM TEMPOH YANG LAMA

BIL.	NAMA SEKOLAH	TARIKH LAWATAN	TARIKH PEMBELIAN	TEMPOH PENYIMPANAN (Hari)*	ULASAN AUDIT
SABAH					
1.	Kolej Vokasional Likas	27.02.2019	TM	TM	Lebihan dua (2) bekas ikan selar. Isi ikan telah tidak pejal dan anjal.
KELANTAN					
2.	SMKA Tok Bachok	12.03.2019	16.02.2019	24	Lebihan ikan cencaru 20kg dan ikan kembung 20kg.
3.	Kolej Vokasional Bachok	12.03.2019	TM	TM	Lebihan ikan cencaru dan ikan kembung masih disimpan. Isi ikan telah tidak pejal dan anjal.
JOHOR					
4.	SM Agama Kota Tinggi	18.03.2019	TM	TM	Lebihan ikan kembung yang digunakan bagi menu lima (5) hari lalu. Isi ikan telah tidak pejal dan anjal.
5.	SMK Tunku Abdul Rahman Putra	19.03.2019	TM	TM	Lebihan 10 plastik ikan bawal, siakap, keli dan talapia yang digunakan untuk menu minggu-minggu sebelumnya.

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: (*) - Tempoh Penyimpanan Dikira daripada Hari Pembelian hingga ke Hari Lawatan Audit
(TM)- Tiada Maklumat Perolehan kerana Invois Pembelian Tidak Dapat Dikemukakan oleh Kontraktor

GAMBAR 10



Kolej Vokasional Likas, Sabah
- Lebihan Ikan Selar yang Tidak Segar
(27.02.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 11



SM Agama Kota Tinggi, Johor
- Lebihan Ikan Kembung yang Tidak Segar
(18.03.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

b. Kualiti Bahan Makanan Kering

Mengikut Perenggan 2.1 kontrak, kontraktor hendaklah membekalkan bahan makanan kering mengikut jenama yang ditetapkan dalam Lampiran E. Antaranya bahan makanan kering yang digunakan hendaklah mempunyai logo halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), tidak luput tarikh guna,

pembungkusan masih sempurna serta tiada kehadiran serangga atau bahan asing. Penyelia Asrama hendaklah menjalankan pemeriksaan terhadap bahan kering dua (2) kali dalam tempoh sebulan.

i. Jenama Bahan Makanan Kering

- Lampiran E kontrak - Senarai Jenama Bahan Yang Digunakan menetapkan hanya jenama yang disenaraikan sahaja boleh digunakan. Sebarang permohonan pertukaran jenama adalah tertakluk kepada kelulusan daripada Pentadbir Sekolah.
- Lawatan fizikal Audit pada 21 Februari sehingga 20 Mac 2019 mendapati ***23 sekolah (54.8%) daripada 42 sampel sekolah dibekalkan 59 bahan kering yang berbeza daripada jenama ditetapkan dan tiada kelulusan Pentadbir Sekolah*** diperoleh bagi pertukaran jenama tersebut. Perkara ini disebabkan kurang pemantauan dan pemeriksaan oleh Penyelia Asrama terhadap pematuhan jenama bahan kering sepertimana ditetapkan dalam kontrak. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
KETIDAKPATUHAN JENAMA BAHAN KERING YANG DIBEKALKAN

NEGERI (BIL. SEKOLAH)	JUMLAH SEKOLAH	BAHAN KERING	JENAMA DITETAPKAN DALAM KONTRAK	JENAMA YANG DIBEKALKAN
Sabah (8) Kelantan (8) Johor (7)	23	Teh	Boh, Lipton, Cap Masjid	888
		Beras	Faiza, Jati, Jasmin, Rambutan	Bataras
		Sos Cili	Kimball, Maggi, Life, Adabi	Yamie, Mak Anna, Comel, Emas
		Sos Tomato	Cap Udang, Maggi, Twinnie	Yamie, Mak Anna, Comel, Emas
		Sos Tiram	Kimball, Maggi, Lige, Jalen, Adabi	Machi, Yamie, Mak Anna, Comel, Emas
		Bijirin	Nestle, Quaker, Tiger Puff, Kellogg's	My King Cocoa, Magic Tiger
		Marjerin	Planta, Daisy, Pelangi	2 Cows Ranaspiti, Bunga Mas
		Daging Burger	Ramly, Azmi, Ayamas, Saudi, Fiesta, Garing	Honey Chick
		Jem	Yeo's, Lady's Choice, Aliza	Cap Tesco
		Kopi	Kapal Api, Cap Tabib, Nescafe	Cap Tangan, Cap Tupai
		Biskut	Kraft, Hup Seng, Hwa Tai	Roma
		Minuman Bermalta	Horlick, Vico, Ovaltine	Sedap Manis
		Aiskrim	Wall's, Nestle, Marigold	Suntolia Pelangi

Sumber: Jabatan Audit Negara

ii. Logo Halal yang Diiktiraf oleh JAKIM

- Pekeling Persijilan Halal Malaysia Bil. 2 Tahun 2014 – Pelaksanaan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Semakan Ketiga) 2014 yang dikeluarkan oleh JAKIM menetapkan Logo Halal Malaysia hendaklah dicetak/ditampal dengan terang pada setiap produk yang dipersijilkan dan menepati spesifikasi yang telah ditetapkan. JAKIM juga mengeluarkan *The Recognised Foreign Halal Certification Bodies & Authorities as at February 13th, 2019* bagi semakan ke atas logo badan Islam yang diiktiraf di luar negara.
- Lawatan fizikal Audit pada 21 Februari sehingga 20 Mac 2019 mendapati **bahan kering di 30 sekolah (71.4%) daripada 42 sampel sekolah tidak mempunyai logo halal dan tidak mempunyai logo halal yang diiktiraf JAKIM.** Hal ini disebabkan oleh kurang kepekaan pihak sekolah dan kontraktor dalam memastikan setiap bahan kering mempunyai logo halal yang diiktiraf JAKIM. Penggunaan logo halal ini penting bagi memastikan produk berkenaan adalah selamat, bersih dan suci. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 19** serta **Gambar 12** dan **13**.

JADUAL 19
BAHAN KERING TIADA LOGO HALAL DAN LOGO HALAL
YANG DIIKTIRAF JAKIM

NEGERI	BIL. SEKOLAH	BAHAN KERING	TANDA HALAL	
			ADA (/) / TIADA (X)	DIIKTIRAF [YA (/) / TIDAK (X)]
Sabah	9	Rempah, serbuk koko, tepung dhal	x	-
		Bihun, mee kering	x	-
		Agar-agar, papadom	x	-
Kelantan	12	Papadom, belacan	x	-
		Serbuk lada putih, pewarna	x	-
		Garam, cuka	x	-
		Tepung jagung	x	-
		Jagung manis, tepung ubi kayu	/	x
Johor	9	Minyak bijan, garam	x	-
		Rempah soto, sup dan kurma	x	-
		Sayur campuran, rempah beriyani	/	x
JUMLAH	30			

Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 12

SMK Kinarut, Sabah
- Mee Kering Cap Me-Q Tiada Cop Halal
(25.02.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 13

SMK Putera, Kelantan
- Cop Halal Jagung Manis Tidak Diiktiraf JAKIM
(11.03.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

iii. Tarikh Guna dan Tarikh Luput Bahan Makanan

- Lawatan fizikal Audit pada 21 Februari sehingga 20 Mac 2019 mendapati **28 bahan kering di 13 sekolah (31.0%) daripada 42 sampel sekolah tidak mempunyai tarikh luput dan telah luput tarikh guna antara satu (1) hingga 427 hari.** Ini disebabkan tiada pemeriksaan dibuat oleh kontraktor dan Penyelia Asrama terhadap tarikh luput stok bahan dan kaedah pengeluaran stok oleh kontraktor yang tidak menggunakan konsep *First In First Out* (FIFO). Keadaan ini boleh menyebabkan risiko keracunan makanan kepada murid. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 20** serta **Gambar 14** dan **15**.

JADUAL 20
BAHAN KERING TIADA TARIKH LUPUT DAN TELAH LUPUT TARIKH GUNA

BIL	NAMA SEKOLAH	TARIKH LAWATAN AUDIT	BAHAN KERING	TARIKH LUPUT [ADA(/) / TIADA(X)]	LUPUT TARIKH GUNA		
					TARIKH TAMAT	BIL. UNIT	TEMPOH LUPUT (HARI)
SABAH							
1.	SM Maktab Sabah	22.02.2019	Rempah beriyani	/	25.09.2018 - 22.10.2018	6	123 - 150
			Serbuk rendang	/	26.01.2018 - 29.01.2019	5	24 - 392
			Serbuk cili	/	19.01.2018 - 08.12.2018	9	76 - 399
			Serbuk kurma	/	22.12.2017 - 21.09.2018	2	154 - 427
2.	SMKA Limauan	25.02.2019	Serbuk koko	x	-	-	-
			Inti kacang hitam	x	-	-	-
3.	SM Sains Sabah	27.02.2019	Serbuk kunyit	/	02.11.2018	1	117
			Marjerin	/	08.02.2019	4	19
4.	SMK Likas	27.02.2019	Bijirin	/	23.02.2019	7	4
			Serbuk kari ikan dan daging	/	31.12.2018 - 29.01.2019	3	29 - 58

BIL	NAMA SEKOLAH	TARIKH LAWATAN AUDIT	BAHAN KERING	TARIKH LUPUT [ADA(/)/TIADA(X)]	LUPUT TARikh GUNA		
					TARIKH TAMAT	BIL. UNIT	TEMPOH LUPUT (HARI)
			Serbuk kunyit	/	12.01.2019	1	46
			Serbuk rendang	/	10.05.2018	1	293
			Papadom	/	Jun 2018	2	271
KELANTAN							
5.	SMK Putera	11.03.2019	Puri tomato	/	11.05.2018	8	304
			Serbuk teh	/	08.02.2019	3	31
			Perencah sup	/	13.04.2018	2	332
6.	SMKA Falahiah	11.03.2019	Marjerin	x	-	-	-
7.	SMKA Tok Bachok	12.03.2019	Bawang goreng	/	28.02.2019	4	12
8.	Kolej Vokasional Bachok	12.03.2019	Campuran sos perang	/	04.02.2019	1	36
9.	SMKA Lati	13.03.2019	Perencah nasi goreng kampung	/	16.02.2019	2	25
JOHOR							
10.	SMK Tasek Utara	17.03.2019	Mee kuning (basah)	/	16.03.2019	9	1
11.	Sekolah Maahad Pontian	18.03.2019	Tauhu kering	x	-	-	-
			Fish cake	x	-	-	-
12.	SMK Bandar Putra	19.03.2019	Sweet corn	x	-	-	-
			Tauhu kering	x	-	-	-
13.	SMK Tunku Abdul Rahman Putra	19.03.2019	Rempah soto dan sup	x	-	-	-
			Mee kuning (basah)	/	17.03.2019	6	2

Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 14



SM Maktab Sabah, Sabah
- Rempah Luput Tempoh Guna Sejak 22.12.2017
(22.02.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 15



SMK Putera, Kelantan
- Rempah Luput Tempoh Guna Sejak 13.04.2018
(11.03.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

iv. Spesifikasi Bahan Makanan Kering

- Lampiran E kontrak antara lain menetapkan spesifikasi bahan kering hendaklah mempunyai pembungkusan yang masih sempurna, tiada

kehadiran serangga/bahan asing dan tidak lembap/basah atau berkulat. Lawatan fizikal Audit pada 21 Februari sehingga 20 Mac 2019 mendapati **kualiti bahan makanan kering yang digunakan oleh kontraktor di 19 sekolah (45.2%) daripada 42 sampel sekolah tidak menepati spesifikasi yang ditetapkan**. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 21** serta **Gambar 16 hingga 19**.

JADUAL 21
KUALITI BAHAN KERING TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI DITETAPKAN

NEGERI	BIL. SEKOLAH	BAHAN KERING	KUALITI SPESIFIKASI BAHAN KERING YANG TIDAK DIPATUHI
Sabah	5	Kacang tanah, biji bali, kismis, beras, mee kering	
Kelantan	6	Kacang hijau, kacang dhal, kaya, suhun, gula melaka, chacha, tepung gandum	
Johor	8	Kacang dhal, ikan bilis, gula, kaya	
JUMLAH	19		

Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 16



SMKA Kota Kinabalu, Sabah
- Kacang Tanah Berhabuk dan Mengandungi Bubuk
(21.02.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 17



Kolej Vokasional Bachok, Kelantan
- Kacang Dhal Mengandungi Bubuk
(12.03.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 18



SMKA Lati, Kelantan
- Bekas Penyimpanan Tepung yang Kotor
(13.03.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 19



SMK Tasek Utara, Johor
- Penyimpanan Ikan Bilis dalam Bekas Kunyit yang Tidak Dibersihkan
(17.03.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- Keadaan ini berlaku kerana pihak kontraktor tidak menyimpan stok bahan kering dalam bekas bertutup yang dibersihkan terlebih dahulu serta kurang pemantauan oleh Penyelia Asrama terhadap stor bahan kering. Hal ini memberi kesan terhadap kualiti makanan dan risiko keracunan makanan kepada murid.

v. Penggunaan Bahan/Perisa Makanan dan Minuman

- Lampiran D kontrak menetapkan penggunaan *monosodium glutamat* (MSG) atau perisa komersial dalam makanan adalah dilarang. Susu pekat manis atau krimer pekat manis tidak boleh digunakan dalam baucuhan minuman sebaliknya ditekankan pengambilan susu tepung penuh krim atau susu penuh krim UHT.
- Lawatan fizikal Audit pada 21 Februari sehingga 20 Mac 2019 mendapat **23 sekolah (54.8%) daripada 42 sampel sekolah menggunakan bahan/perasa yang mengandungi MSG**. Selain itu, terdapat lima (5) sekolah (11.9%) menyimpan stok susu pekat manis bagi penyediaan minuman. Ini disebabkan kurang pemantauan oleh Penyelia Asrama dalam memastikan penggunaan bahan yang tidak dibenarkan dalam penyediaan makanan/minuman murid. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 22** serta **Gambar 20** dan **21**.

JADUAL 22
PENGGUNAAN BAHAN/PERASA YANG TIDAK DIBENARKAN

NEGERI	PENGGUNAAN BAHAN/PERASA YANG TIDAK DIBENARKAN (BILANGAN SEKOLAH)	
	MSG	SUSU PEKAT MANIS
Sabah	10	3
Kelantan	5	1
Johor	8	1
JUMLAH	23	5

Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 20



SMKA Tun Ahmad Syah, Sabah
- Ajinamoto dan Maggi Cukup Rasa yang Mengandungi MSG
(21.02.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 21



SMK Bandaraya, Sabah
- Susu Pekat Manis yang Tidak Dibenarkan
(27.02.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas KPM yang diterima pada 6 Mac 2020

BPL telah melaksanakan 12 Lawatan Pematuhan ke JPN yang melibatkan 284 premis di bawah KPM. Hasil dapatan semasa lawatan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pematuhan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan, Kebersihan Bangunan dan Kawasan dan Bekalan Makanan Bermasak Bil. 1/2019 (JKPP3K) sebagai peringatan kepada semua JPN berkaitan pemantauan dan pentadbiran kontrak.

Dalam masa yang sama, BPL sedang menyediakan Garis Panduan Lawatan Pematuhan KPM untuk menyelaras, memperluas dan memperkasakan pemantauan sehingga ke peringkat JPN/PPD.

Maklum balas KPM yang diterima pada 19 September 2019 dan 1 Oktober 2019

Pendedahan berkenaan pentadbiran kontrak kepada Pentadbir Sekolah dilaksanakan semasa Lawatan Pematuhan oleh BPL dengan kerjasama JPN dan PPD sepanjang tahun 2019. BPL KPM juga telah mengeluarkan Surat Tunjuk Sebab kepada 42 sekolah bertarikh 26 dan 27 September 2019 ke atas ketidakpatuhan kontrak. Surat peringatan bertarikh 27 September 2019 turut dikeluarkan kepada JPN berhubung pematuhan pengurusan kontrak. Sekolah juga telah mengeluarkan surat peringatan/amaran kepada kontraktor.

Pada pendapat Audit, ketidakpatuhan terhadap syarat kontrak dalam pelaksanaan program BMB berpunca daripada kelemahan pemantauan yang kurang memuaskan di peringkat KPM/JPN/Sekolah khususnya Penyelia Asrama. Keadaan ini juga telah memberi kesan terhadap kualiti dan nutrisi makanan yang diterima oleh murid di asrama.

6.2.6. Pemantauan

a. Peringkat Bahagian Perolehan (BPL) KPM

- i. Garis Panduan Penilaian Prestasi Kontraktor Perkhidmatan Bekalan Makanan Bermasak (BMB), Perkhidmatan Kebersihan Bangunan dan Kawasan (KBK) serta Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (PKK) yang dikeluarkan oleh KPM berkuat kuasa pada 1 April 2016 telah menetapkan supaya semua sekolah melaksanakan penilaian prestasi perkhidmatan kontraktor. BPL KPM perlu merumus dan membentangkan laporan prestasi kontraktor yang diterima daripada sekolah melalui JPN dalam Mesyuarat Penilaian Prestasi Kontraktor KPM yang diadakan sebanyak dua (2) kali setahun. Skor pemarkahan yang digunakan seperti dalam **Jadual 23**.

JADUAL 23
SKOR PEMARKAHAN YANG DITETAPKAN

SKOR	CIRI SKOR	SKALA MARKAH	GRED SKOR
1	<ul style="list-style-type: none"> Tahap perkhidmatan yang diberikan sentiasa menepati spesifikasi yang telah ditetapkan dalam syarat/terma kontrak dan kerapkali melangkaui ekspektasi pelanggan. Proaktif dan komited melaksanakan perkhidmatan dengan cemerlang. Tidak pernah gagal mengambil tindakan serta merta terhadap sebarang aduan. 	90 – 100	Cemerlang
2	<ul style="list-style-type: none"> Tahap perkhidmatan yang diberikan adalah sentiasa menepati spesifikasi yang telah ditetapkan dalam syarat/terma kontrak. Sentiasa memberikan kualiti perkhidmatan yang baik. Sentiasa bersikap responsif terhadap aduan yang dikemukakan. 	80 – 89	Baik
3	<ul style="list-style-type: none"> Terdapat sedikit penyimpangan dan ianya tidak menjelaskan kualiti perkhidmatan seperti yang dikehendaki dalam syarat/terma kontrak. Ada komitmen untuk melaksanakan langkah pembetulan dan penambahbaikan terhadap kesalahan yang dilakukan. Bersikap responsif terhadap aduan yang dikemukakan. 	60 – 79	Sederhana
4	<ul style="list-style-type: none"> Kerapkali berlaku penyimpangan terhadap spesifikasi perkhidmatan, kurang mengambil komitmen serta langkah pembetulan dan penambahbaikan terhadap kesalahan yang dilakukan. Kurang bersikap responsif terhadap aduan yang dikemukakan. 	40 – 59	Tidak Memuaskan
5	<ul style="list-style-type: none"> Tidak menepati spesifikasi perkhidmatan dan tiada komitmen untuk mengambil langkah penambahbaikan terhadap kesalahan yang dilakukan. Tidak bersikap responsif terhadap aduan yang dikemukakan. 	0 – 39	Lemah

Sumber: Garis Panduan Penilaian Prestasi Kontraktor Perkhidmatan BMB, KBK dan PKK

ii. Analisis Audit terhadap Laporan Prestasi Kontraktor yang dibentangkan dalam lima (5) mesyuarat sepanjang tempoh tahun 2016 hingga 2018 mendapati daripada 6,353 kontraktor, **sebanyak 1,181 kontraktor (18.6%) berada di tahap cemerlang, 3,516 kontraktor (55.3%) baik, 1,551 kontraktor (24.4%) sederhana, 93 kontraktor (1.5%) tidak memuaskan dan 12 kontraktor (0.2%) lemah.** Secara keseluruhan, dapat dirumuskan bahawa tahap perkhidmatan kontraktor adalah sederhana. Tahap prestasi yang sederhana ini disebabkan oleh ketidakpatuhan kontraktor terhadap terma kontrak yang memberi kesan kepada kuantiti, kualiti dan keselamatan makanan yang diterima oleh murid. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 24.**


JADUAL 24
LAPORAN PRESTASI PERKHIDMATAN KONTRAKTOR
BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018

BIL. / TARIKH MESYUARAT	TEMPOH PELAPORAN	STATUS PRESTASI PERKHIDMATAN KONTRAKTOR										JUMLAH	
		CEMERLANG		BAIK		SEDERHANA		TIDAK MEMUASKAN		LEMAH			
		BIL.	%	BIL.	%	BIL.	%	BIL.	%	BIL.	%		
1/2016	April – Julai 2016	166	14.0	660	55.9	328	27.8	27	2.3	0	0	1,181	
1/2017	Ogos – Dis. 2016	171	13.5	638	50.3	410	32.3	42	3.3	7	0.6	1,268	

BIL. / TARikh MESYUARAT	TEMPOH PELAPORAN	STATUS PRESTASI PERKHIDMATAN KONTRAKTOR									
		CEMERLANG		BAIK		SEDERHANA		TIDAK MEMUASKAN		LEMAH	
		BIL.	%	BIL.	%	BIL.	%	BIL.	%	BIL.	%
2/2017	Jan. – Jun 2017	214	16.5	715	55.2	354	27.4	10	0.8	1	0.1
1/2018	Okt. – Dis. 2017	291	23.0	730	57.7	230	18.2	10	0.8	4	0.3
2/2018	April – Sept. 2018	339	25.2	773	57.5	229	17.0	4	0.3	0	0
JUMLAH		1,181	18.6	3,516	55.3	1,551	24.4	93	1.5	12	0.2
Sumber: Minit Mesyuarat Penilaian Prestasi Kontraktor Perkhidmatan KPM											

iii. Analisis Audit selanjutnya mendapati bilangan kontraktor yang mencapai tahap prestasi cemerlang dan baik bagi tahun 2016 hingga 2018 menunjukkan trend peningkatan. Sementara bilangan kontraktor yang mencapai tahap sederhana, tidak memuaskan dan lemah menunjukkan trend menurun bagi tempoh tersebut. Perkara ini disebabkan oleh perkhidmatan kontraktor telah ditambahbaik. Butiran lanjut seperti dalam **Rajah 3**.

RAJAH 3
TREND PRESTASI KONTRAKTOR BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018



Sumber: Minit Mesyuarat Penilaian Prestasi Kontraktor Perkhidmatan KPM

iv. Walaupun mekanisme pemantauan telah diwujudkan oleh KPM, didapati terdapat kelemahan dalam pengurusan mesyuarat tersebut. Analisis Audit terhadap minit mesyuarat tersebut mendapati laporan prestasi kontraktor tidak dibentangkan secara berkala seperti dalam **Jadual 25**. Selain itu, KPM hanya membentangkan rumusan pelaporan prestasi kontraktor tanpa membincangkan dengan terperinci aduan atau masalah yang dihadapi oleh

sekolah berkaitan perkhidmatan kontraktor BMB. Keadaan ini menyebabkan isu berkaitan prestasi kontraktor tidak dapat diambil tindakan segera.

JADUAL 25
MESYUARAT PENILAIAN PRESTASI KONTRAKTOR
BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018

BIL.	MESYUARAT		TEMPOH PELAPORAN	CATATAN
	BIL.	TARIKH		
1.	1/2016	24.08.2016	April – Julai 2016	Minit mesyuarat dan laporan telah disediakan
2.	1/2017	28.03.2017	Ogos – Disember 2016	Minit mesyuarat dan laporan telah disediakan
3.	2/2017	07.09.2017	Januari – Jun 2017	Minit Mesyuarat tidak ditandatangan
4.	1/2018	16.04.2018	Oktober – Disember 2017	Tiada pelaporan bagi tempoh bulan Julai – September 2017
5.	2/2018	12.12.2018	April – September 2018	Tiada pelaporan bagi tempoh bulan Januari – Mac 2018

Sumber: Minit Mesyuarat Penilaian Prestasi Kontraktor

- v. Mesyuarat turut menetapkan bagi kontraktor yang memperolehi status prestasi “Tidak Memuaskan atau Lemah”, JPN/Bahagian dikehendaki untuk memantau prestasi kontraktor tersebut di peringkat masing-masing. Sekiranya prestasi perkhidmatan masih tidak memuaskan atau lemah, JPN/Bahagian dikehendaki mengambil tindakan penamatan seperti yang ditetapkan dalam syarat kontrak selari dengan Garis Panduan Pengurusan Kontrak Tahun 2015. Namun berdasarkan minit mesyuarat tersebut, pihak Audit mendapati tindakan pemantauan dan susulan yang dijalankan oleh JPN/Bahagian tidak dilaporkan dalam mesyuarat berikutnya bagi memastikan prestasi kontraktor telah ditambahbaik. Prestasi kontraktor yang berada di tahap tidak memuaskan dan lemah memberi kesan terhadap kualiti perkhidmatan BMB yang diterima oleh murid di asrama.
- vi. Analisis Audit juga mendapati **Laporan Prestasi Kontraktor yang dibentangkan dalam mesyuarat ini tidak merangkumi keseluruhan sekolah yang menerima perkhidmatan BMB. Terdapat sekolah yang tidak mengemukakan Laporan Prestasi Kontraktor** kepada JPN/KPM sepetimana yang ditetapkan. Keadaan ini menyebabkan pihak Audit tidak dapat mengesahkan prestasi kontraktor secara individu bagi 71 kontraktor di 42 sekolah yang dilawati untuk tahun 2016 hingga 2018.

b. Peringkat Bahagian KPM/JPN/PPD

- i. Semakan Audit di JPN Sabah, Johor dan Kelantan mendapati isu dan permasalahan berkaitan perkhidmatan BMB dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun oleh JPN Kelantan dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan oleh JPN Sabah. Kedua-dua mesyuarat turut dihadiri oleh semua Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). JPN Johor pula membincangkan isu prestasi kontraktor dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Prestasi Kontraktor Perkhidmatan JPN Johor.
- ii. Semakan Audit juga mendapati BPSH menjalankan Pemantauan Bantuan Makanan Asrama secara atas talian (online). Pemantauan dilaksanakan oleh JPN/PPD untuk semua asrama harian sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun menggunakan instrumen yang telah disediakan. Selain itu, BPSBP juga menjalankan penarafan Anugerah Asrama Terbilang menggunakan borang penilaian yang diedarkan ke 69 buah SBP.
- iii. BPI juga telah menjalankan pemantauan terhadap 50 SABK bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada pemantauan telah dibuat oleh BPLTV bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 kerana tiada dokumen pemantauan dikemukakan untuk pengesahan Audit.

c. Peringkat Sekolah

- i. SAP KPM - Penggunaan Borang Baru Bagi Pengesahan Pelaksanaan Kerja Bagi Perkhidmatan BMB menetapkan tanggungjawab Penyelia Asrama dalam pelaksanaan program BMB di peringkat sekolah. Antara perkara yang perlu dipantau oleh penyelia asrama adalah menu yang disajikan, bekalan bahan makanan mentah dan kering, perkhidmatan pekerja serta keselamatan dan kebersihan dewan.
- ii. Semakan Audit mendapati *secara keseluruhannya, pemantauan terhadap program BMB di peringkat sekolah oleh Pengetua dan Penyelia Asrama di 42 sekolah yang dilawati adalah tidak cekap dan berkesan.* Oleh itu, masih terdapat kelemahan dalam pelaksanaan program ini di peringkat sekolah. Perkara ini disebabkan pihak sekolah tidak merujuk kepada kontrak dan pekeliling berkaitan BMB.
- iii. Selain itu, semakan Audit juga mendapati pihak sekolah tidak mengeluarkan surat amaran dan mengenakan denda terhadap ketidakakuran kontraktor. Selain itu, pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada isu/prestasi perkhidmatan BMB ada dibincangkan dalam mana-mana mesyuarat kerana maklumat ini tidak dikemukakan oleh pihak sekolah.

Maklum balas KPM yang diterima pada 6 Mac 2020

BPL KPM telah mengeluarkan surat amaran kepada sebanyak 42 buah sekolah pada bulan September 2019 dan maklum balas yang diterima antara bulan Oktober 2019 hingga Januari 2020 sedang dianalisa selanjutnya bagi membolehkan input ini dimaklumkan kepada semua JPN/Bahagian/Institusi sebagai langkah penambahbaikan pada masa hadapan.

Maklum balas KPM yang diterima pada 19 September 2019

KPM telah melaksanakan taklimat pentadbiran kontrak perkhidmatan BMB kepada pentadbir kontrak yang terdiri daripada kalangan Pentadbir Sekolah bagi sepanjang tahun 2019. KPM juga telah memperluaskan program tersebut kepada penyelia asrama sekolah di bawah KPM dengan sesi pertama pada 5 September 2019. Struktur baru BPL telah mewujudkan Seksyen Pematuhan yang bertanggungjawab untuk melaksanakan Lawatan Pematuhan Pentadbiran Kontrak ke sekolah/institusi pendidikan mulai 1 November 2018.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya, pemantauan terhadap perkhidmatan BMB di peringkat KPM, JPN/Bahagian dan sekolah adalah tidak memuaskan. Perkara ini adalah disebabkan ketidakseragaman kaedah pemantauan yang digunakan di setiap peringkat atau bahagian daripada aspek kekerapan dan elemen pemantauan. Keadaan ini boleh menyebabkan objektif program BMB tidak tercapai sepenuhnya.

7. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop dan sampel Audit, dapat dirumuskan bahawa pengurusan BMB tidak dilaksanakan dengan cekap dan berkesan terutamanya melibatkan pemantauan oleh KPM, JPN/Bahagian dan sekolah yang menjadi punca kepada ketidakpatuhan terhadap syarat kontrak. Kelemahan ini menyebabkan objektif program yang ditetapkan masih belum dicapai sepenuhnya. Selain itu, terdapat juga kelemahan dalam proses perolehan, pentadbiran kontrak dan pelaksanaan program.

8. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan lagi kecekapan pengurusan BMB, adalah disyorkan KPM mengambil langkah seperti berikut:

- 8.1. mengadakan pemantauan berkala terhadap pengurusan asrama agar lebih cekap dalam memantau pelaksanaan perkhidmatan BMB supaya kuantiti, kualiti, spesifikasi

makanan yang sepatutnya, kebersihan, keselamatan dan perkhidmatan pekerja perlu ditekankan; dan

8.2. meningkatkan penyeliaan dan penguatkuasaan oleh KPM, JPN/Bahagian dan Sekolah bagi memastikan syarat kontrak dipatuhi sepenuhnya oleh kontraktor dan mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor yang gagal mematuhi syarat kontrak.

BAHAGIAN PERMATA

Pengurusan Program PERMATA Negara

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BAHAGIAN PERMATA
PENGURUSAN PROGRAM PERMATA NEGARA**

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditan melibatkan penilaian terhadap Program PERMATA Negara bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 yang meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan program.
- Prestasi program dinilai berdasarkan dua (2) perkara iaitu pencapaian output dan *outcome*.
- Pengurusan program pula meliputi enam (6) perkara iaitu prestasi kewangan, pemilihan anak PERMATA, bayaran sumbangan bulanan, pengurusan pendidik, kemudahan fizikal dan persekitaran pembelajaran serta pemantauan.
- Pengauditan dilaksanakan di Bahagian PERMATA dan 14 Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN) di tujuh (7) negeri. Bagi menilai pengurusan program, sebanyak 14 (15.7%) daripada 89 PAPN telah dipilih sebagai sampel Audit. Lawatan Audit turut dijalankan di PAPN Merlimau bagi melihat persekitaran PAPN dan perjalanan operasi harian.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Program PERMATA Negara merupakan program asuhan dan didikan awal kanak-kanak di bawah umur empat (4) tahun. Program ini menggunakan pakai Kurikulum PERMATA Negara, selaras dengan Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan.
- Sehingga 31 Disember 2018, Bahagian PERMATA telah mempunyai 89 PAPN di seluruh negara dengan kos pembinaan dan naik taraf berjumlah RM58.3 juta.
- Bahagian PERMATA telah diperuntukkan sejumlah RM229.17 juta bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 meliputi peruntukan belanja mengurus sejumlah RM52.30 juta, RM58.55 juta dan RM76.67 juta masing-masing serta peruntukan pembangunan sejumlah RM41.65 juta.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya berdasarkan skop pengauditan, dapat dirumuskan bahawa pengurusan Program PERMATA Negara belum mencapai tahap kecekapan yang optimum di mana sasaran yang ditetapkan belum dapat dicapai sepenuhnya. Selain itu, wujud kelemahan dalam pengurusan pemilihan anak PERMATA, bayaran sumbangan bulanan, pengurusan pendidik, kemudahan fizikal dan persekitaran pembelajaran serta pemantauan. Keadaan ini boleh memberi kesan kepada pencapaian objektif program dan pengurusan berhemat. Terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- Sebanyak 29 (32.6%) daripada 89 PAPN tidak mencapai kuota pengisian yang ditetapkan bagi tahun 2018.
- Pemberhentian bayaran sumbangan bulanan dan kelulusan pengurangan dibuat oleh pegawai yang tidak mempunyai kuasa.
- Pengurusan kutipan sumbangan bulanan adalah tidak teratur kerana rekod tidak diselenggara menyebabkan kutipan dan perbelanjaan tidak dapat disahkan.
- Sebanyak 57 (42.2%) daripada 135 Rancangan Pelaksanaan Aktiviti (RPA) tidak disediakan dengan lengkap manakala 28 (20.8%) RPA gagal dikemukakan untuk diaudit.
- Kerosakan kemudahan infrastruktur tidak dibaiki memandangkan hanya sejumlah RM111,965 diperuntukkan untuk penyenggaraan PAPN bagi tahun 2016 hingga 2018.
- Sebanyak 28 (32%) daripada 89 PAPN tidak pernah dipantau secara fizikal oleh Pegawai Paksi dalam tempoh tiga (3) tahun.
- Laporan Pemantauan PAPN oleh Pegawai Paksi tidak dilaporkan dalam Mesyuarat Pengurusan Bahagian PERMATA.
- Sebanyak 14 (16.3%) daripada 86 PAPN mendapat pensijilan PERMATA Q.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

BAHAGIAN PERMATA

1. PENGURUSAN PROGRAM PERMATA NEGARA

FAKTA UTAMA PROGRAM PERMATA NEGARA

Jun 2006	Mei 2007	RM58.3 Juta
<ul style="list-style-type: none">Jemaah Menteri meluluskan Dasar Anak PERMATA Negara	<ul style="list-style-type: none">Projek perintis inisiatif Program PERMATA Negara telah dilaksanakan di lima (5) Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN)	<ul style="list-style-type: none">Kos pembinaan dan naik taraf 89 PAPN
Program PERMATA Negara	<ul style="list-style-type: none">Merupakan program asuhan dan didikan awal kanak-kanak di bawah umur empat (4) tahun.Melibatkan keluarga berpendapatan kurang daripada RM4,000 serta berada di kawasan luar bandar.Mengguna pakai Kurikulum PERMATA Negara selaras dengan Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan.	
Jabatan Perdana Menteri (JPM)	Sekretariat Pendidikan Awal Kanak-kanak ditubuhkan pada tahun 2006 dan diletakkan di bawah JPM.	
Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	Bahagian PERMATA diletakkan di bawah KPM pada 30 Mei 2018 dan pada bulan April 2019, dijenamakan semula sebagai Bahagian GENIUS serta PAPN ditukar kepada Pusat Anak GENIUS Negara (PAGN).	

1. LATAR BELAKANG

1.1. Program PERMATA Negara merupakan program asuhan dan didikan awal kanak-kanak di bawah umur empat (4) tahun. Inisiatif Program PERMATA Negara berpegang kepada falsafah Setiap Anak PERMATA Negara. Falsafah ini membawa maksud bahawa setiap anak adalah permata negara dan jika diasuh, diajar dan diasah dengan betul semasa perkembangan awal mereka, ia boleh membawa kegembilangan negara di masa akan datang. Falsafah ini telah disusuli dengan pembangunan Kurikulum PERMATA Negara dan program ini mengguna pakai kurikulum tersebut selaras dengan Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan.

1.2. Pada bulan Jun 2006, Jemaah Menteri telah meluluskan Dasar Anak PERMATA Negara yang memberi fokus kepada penyediaan program asuhan dan didikan awal kanak-kanak di bawah umur empat (4) tahun. Pada bulan September 2006, Sekretariat Pendidikan Awal Kanak-kanak telah ditubuhkan dan diletakkan secara pentadbiran di bawah Jabatan Perdana Menteri bagi melaksanakan Program PERMATA Negara di bawah projek pembangunan sosial Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9). Pada bulan Mei 2007, projek perintis inisiatif Program PERMATA Negara telah dilaksanakan di lima (5) Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN) iaitu Putrajaya, Subang Jaya, Mempaga, Chini dan Kepala Batas.

1.3. Pada 1 November 2012, Sekretariat Pendidikan Awal Kanak-Kanak telah ditukar nama kepada Bahagian PERMATA dan mulai 30 Mei 2018, Bahagian PERMATA telah diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Pada bulan April 2019, Bahagian PERMATA telah dijenamakan semula sebagai Bahagian GENIUS, KPM dan PAPN ditukar nama kepada Pusat Anak GENIUS Negara (PAGN).

1.4. Inisiatif Program PERMATA Negara mensasarkan kanak-kanak di bawah umur empat (4) tahun dan di kalangan keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM4,000 serta berada di kawasan luar bandar. Bagaimanapun, Mesyuarat Penyelarasan Hala Tuju Program PERMATA Negara pada bulan Oktober 2015 telah bersetuju supaya PAPN yang masih mempunyai kekosongan untuk menerima masuk kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan melebihi RM4,000 dengan dikenakan bayaran sumbangan bulanan. Objektif Program PERMATA Negara adalah seperti dalam **Rajah 1**.


RAJAH 1
OBJEKTIF PROGRAM



Sumber: Bahagian PERMATA, KPM

1.5. Bahagian PERMATA diketuai oleh Setiausaha Bahagian (SUB) Gred JUSA C. Bagi Program PERMATA Negara, SUB dibantu oleh dua (2) Ketua Penolong Setiausaha Kanan (KPSUK) Gred M52. Sehingga 31 Disember 2018, Bahagian PERMATA mempunyai 10 pegawai di peringkat pengurusan dan profesional, 424 Pendidik gred DG44/41, 41 Penolong Pendidik gred DG29 dan 26 kakitangan sokongan. Sehingga 31 Disember 2018, Bahagian PERMATA telah mempunyai 89 PAPN di seluruh negara dengan kos pembinaan dan naik taraf berjumlah RM58.3 juta. Bagi menguruskan pengoperasian PAPN, Bahagian PERMATA telah melantik empat (4) Pegawai Paksi yang ditempatkan di Bahagian PERMATA dan bertugas mengikut zon iaitu Zon Utara, Zon Timur dan Negeri Sarawak, Zon Tengah dan Negeri Sabah serta Zon Selatan. Selain itu, Ketua Pendidik turut dilantik bagi mengetuai operasi di setiap PAPN. Struktur organisasi Bahagian PERMATA bagi Program PERMATA Negara adalah seperti dalam **Carta 1**.

CARTA 1
CARTA ORGANISASI BAHAGIAN PERMATA BAGI PROGRAM PERMATA NEGARA



Sumber: Bahagian PERMATA, KPM

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan Program PERMATA Negara telah dirancang dan dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi program dan pengurusan Program PERMATA Negara bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018. Prestasi program dinilai berdasarkan dua (2) perkara iaitu pencapaian output dan pencapaian *outcome*. Pengurusan program pula meliputi enam (6) perkara iaitu prestasi kewangan, pemilihan anak PERMATA, bayaran sumbangan bulanan, pengurusan pendidik, kemudahan fizikal dan persekitaran pembelajaran serta pemantauan. Pengauditan dilaksanakan di Bahagian PERMATA dan 14 PAPN di tujuh (7) Negeri.

SAMPEL

14 daripada 89 PAPN
7 Negeri

3.2. Bagi menilai pengurusan program, sebanyak 14 (15.7%) daripada 89 PAPN telah dipilih sebagai sampel Audit. Pemilihan sampel adalah berdasarkan enam (6) faktor iaitu mengikut zon, PAPN yang dibina baharu dengan kos RM1 juta dan ke atas, PAPN yang dinaik taraf, jumlah pengisian anak PERMATA yang rendah berbanding kuota, PAPN yang mendapat pensijilan PERMATA Q dan PAPN yang tidak pernah dilawati atau dipantau secara fizikal oleh Pegawai Paksi Bahagian PERMATA. Lawatan Audit turut dijalankan di PAPN Merlimau bagi melihat persekitaran PAPN dan perjalanan operasi harian.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail serta menganalisis data yang berkaitan dengan Program PERMATA Negara di 14 PAPN yang menjadi sampel audit. Lawatan dan pemeriksaan fizikal terhadap pengurusan program serta temu bual juga dibuat dengan pegawai Bahagian PERMATA dan Pendidik di PAPN yang terlibat.

5. RUMUSAN AUDIT

5.1. Pengauditan yang dijalankan pada bulan November 2018 hingga Mac 2019 merumuskan perkara seperti berikut:

a. Prestasi Program PERMATA Negara	Pencapaian pengisian anak PERMATA berdasarkan kuota	Tahun 2018 : 29 (32.6%) daripada 89 PAPN tidak mencapai kuota pengisian.
Bahagian PERMATA telah menetapkan penubuhan PAPN berdasarkan sasaran satu (1) Parlimen satu (1) PAPN. Pencapaian output diukur berdasarkan bilangan	Pencapaian <i>Outcome</i>	tidak dapat diukur kerana Bahagian PERMATA tidak menyediakan maklumat menyeluruh berhubung perkembangan anak PERMATA selepas tamat pendidikan awal kanak-kanak.

PAPN yang ditubuhkan di mana 89 PAPN telah dibina/naik taraf di seluruh negara dengan kos RM58.3 juta. Penubuhan PAPN adalah berdasarkan permohonan daripada Kerajaan Negeri/Agensi dan syor daripada mantan Penaung PERMATA (isteri mantan YAB. Perdana Menteri).

Berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh Bahagian PERMATA, sebanyak **29 (32.6%) daripada 89 PAPN tidak mencapai kuota pengisian anak PERMATA bagi tahun 2018. Pencapaian outcome tidak dapat diukur kerana Bahagian PERMATA tidak menyediakan maklumat menyeluruh berhubung perkembangan anak PERMATA selepas tamat pendidikan awal kanak-kanak.**

b. Pengurusan Program PERMATA Negara

Secara keseluruhannya, pengurusan program belum mencapai tahap optimum dari segi kecekapan dan pengurusan berhemat. Ini disebabkan wujud kelemahan dalam urusan pemilihan anak PERMATA, bayaran sumbangan bulanan, pengurusan pendidik, kemudahan fizikal dan persekitaran pembelajaran serta pemantauan.

5.2. Penemuan utama Audit yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- a. sebanyak 29 (32.6%) daripada 89 PAPN tidak mencapai kuota pengisian yang ditetapkan bagi tahun 2018;
- b. pemberhentian bayaran sumbangan bulanan dan kelulusan pengurangan dibuat oleh pegawai yang tidak mempunyai kuasa;
- c. pengurusan kutipan sumbangan bulanan adalah tidak teratur kerana rekod tidak diselenggara menyebabkan kutipan dan perbelanjaan tidak dapat disahkan;
- d. sebanyak 57 (42.2%) daripada 135 Rancangan Pelaksanaan Aktiviti (RPA) tidak disediakan dengan lengkap manakala 28 (20.8%) RPA gagal dikemukakan untuk diaudit;
- e. kerosakan kemudahan infrastruktur tidak dibaiki memandangkan hanya sejumlah RM111,965 diperuntukkan untuk penyenggaraan PAPN bagi tahun 2016 hingga 2018;
- f. sebanyak 28 (32%) daripada 89 PAPN tidak pernah dipantau secara fizikal oleh Pegawai Paksi dalam tempoh tiga (3) tahun;
- g. Laporan Pemantauan PAPN oleh Pegawai Paksi tidak dilaporkan dalam Mesyuarat Pengurusan Bahagian PERMATA; dan
- h. sebanyak 14 (16.3%) daripada 86 PAPN mendapat pensijilan PERMATA Q.

6. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Perkara yang ditemui serta maklum balas Bahagian PERMATA telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 30 April 2019. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:

6.1. Prestasi Program

6.1.1. Pencapaian Output

Bagi mencapai output yang optimum, sasaran hendaklah ditetapkan selaras dengan sumber sedia ada seperti kapasiti, sumber manusia, kewangan, kemudahan fasiliti dan keperluan pasaran. Semakan Audit terhadap pencapaian output mendapati perkara berikut:

a. Penubuhan PAPN

- i. Berdasarkan Minit Mesyuarat Majlis Penyelaras Dasar PERMATA Negara Bilangan 1 Tahun 2007, tindakan pelaksanaan projek perintis dan perluasan PAPN telah dilaksanakan secara berperingkat. Mesyuarat telah bersetuju untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dan Jabatan/Agensi Kerajaan seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT) bagi menubuhkan PAPN dengan mengenal pasti premis dan lokasi bersesuaian di negeri masing-masing.
- ii. Semakan Audit mendapati Bahagian PERMATA telah menubuhkan 89 PAPN di mana 63 (70.8%) daripadanya merupakan bangunan bina baharu, 23 (25.8%) bangunan naik taraf dan baki tiga (3) (3.4%) merupakan premis yang disediakan oleh Jabatan/Agensi yang memohon.
- iii. Keputusan mesyuarat Majlis Pelaksanaan Program PERMATA pada 2 April 2014 menetapkan sasaran penubuhan PAPN adalah berdasarkan satu (1) kawasan Parlimen satu (1) PAPN. Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2018, hanya 77 (34.7%) daripada 222 kawasan Parlimen mempunyai PAPN. Selain itu, terdapat 10 kawasan Parlimen yang mempunyai lebih daripada satu (1) PAPN seperti dalam **Jadual 1**.

PENUBUHAN PAPN

63 PAPN

bangunan bina baharu

23 PAPN

bangunan naik taraf

3 PAPN

premis disediakan
Jabatan/Agensi yang
memohon

JADUAL 1
PENUBUHAN 21 PAPN DI 10 KAWASAN PARLIMEN

BIL.	NAMA PAPN	KAWASAN PARLIMEN	BILANGAN PAPN	NEGERI
1.	Alor Gajah	Masjid Tanah	2	Melaka
2.	Taboh Naning			
3.	Jasin	Jasin	3	Melaka
4.	Merlimau			
5.	Serkam			
6.	Bukit Katil	Bukit Katil	2	Melaka
7.	Bukit Peringgit			
8.	Chembong	Rembau	2	Negeri Sembilan
9.	Rembau			
10.	Gemencheh	Tampin	2	Negeri Sembilan
11.	Tampin			
12.	Bentong	Bentong	2	Pahang
13.	Mempaga			
14.	Arau	Arau	2	Perlis
15.	Tambun Tulang			
16.	Kota Kinabalu	Tuaran	2	Sabah
17.	Tuaran			
18.	Air Panas	Wangsa Maju	2	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
19.	Seri Semarak			
20.	Presint 16	Putrajaya	2	Wilayah Persekutuan Putrajaya
21.	Putrajaya			

Sumber: Bahagian PERMATA, KPM

Maklum balas Bahagian PERMATA, KPM yang diterima pada 2 Mei 2019


Sasaran satu (1) Parliment satu (1) PAPN turut mengambil kira TASKA-TASKA di bawah Agensi Kerajaan yang lain seperti KEMAS, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan YPKT. Selain itu, kawasan bagi pembinaan PAPN telah dicadangkan oleh Kerajaan Negeri seperti yang diputuskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dasar Program PERMATA Negara Bilangan 1/2010 pada 5 Februari 2010 yang dipengerusikan oleh mantan Penaung PERMATA. Bagi memastikan penubuhan PAPN di sesuatu kawasan mencapai sasaran, kajian tapak telah dijalankan melalui lawatan fizikal bersama wakil Kerajaan Negeri. Antara kriteria yang dipertimbangkan adalah kesesuaian dan keluasan tapak, kemudahan lain yang disediakan Kerajaan (sekolah, TASKA, klinik kesihatan dan lain-lain), bangunan sedia ada/bangunan baru dan jenis perumahan penduduk di sekitar tapak. Bagi pembinaan PAPN yang baharu, laporan lawatan tapak telah diperincikan seperti mendapatkan maklumat demografi penduduk di sekitar kawasan tapak dan maklumat kadar kelahiran anak di klinik kesihatan terdekat.

Pada pendapat Audit, penubuhan PAPN yang melebihi satu dalam kawasan Parliment yang sama boleh menjelaskan pencapaian matlamat Program PERMATA Negara di mana ia tidak dapat diperluaskan kepada kumpulan sasar di kawasan Parliment yang lain.

b. Pencapaian Pengisian Anak PERMATA Berdasarkan Kuota

- Berdasarkan Perenggan 4.1(i) Surat Pekeliling Pentadbiran Pusat Anak PERMATA Negara (SPP PAPN) Bilangan 1 Tahun 2016, kuota bagi pengambilan anak PERMATA adalah berdasarkan kepada kesesuaian dan keluasan sesebuah PAPN. Kuota bilangan anak PERMATA adalah tidak kurang daripada 25 orang dan tidak melebihi 60 orang pada satu-satu masa. Bagaimanapun, bagi PAPN Langkawi yang siap dinaik taraf pada tahun 2018, kuota yang ditetapkan adalah 100 orang.
- Semakan Audit terhadap pengisian anak PERMATA di 89 PAPN bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018, terdapat 45 hingga 29 PAPN yang tidak mencapai kuota pengisian yang ditetapkan seperti dalam **Rajah 2** berikut:

RAJAH 2
PENGISIAN ANAK PERMATA



Sumber: Bahagian PERMATA, KPM

- Semakan lanjut terhadap 14 PAPN yang dilawati mendapati pengisian anak PERMATA adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PENGISIAN ANAK PERMATA DI PAPN BERBANDING KUOTA YANG DITETAPKAN BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

BIL.	NAMA PAPN	NEGERI	KUOTA	PENGISIAN ANAK PERMATA					
				2016		2017		2018	
				BIL.	LEBIH/ (KURANG)	BIL.	LEBIH/ (KURANG)	BIL.	LEBIH/ (KURANG)
1.	Langkawi	Kedah	100	TB	TB	TB	TB	60	(40)
2.	Yan	Kedah	40	46	6	53	13	48	8
3.	Tambun Tulang	Perlis	25	24	(1)	26	1	26	1

BIL.	NAMA PAPN	NEGERI	KUOTA	PENGISIAN ANAK PERMATA					
				2016		2017		2018	
				BIL.	LEBIH/ (KURANG)	BIL.	LEBIH/ (KURANG)	BIL.	LEBIH/ (KURANG)
4.	Bagan Pinang	Negeri Sembilan	35	35	-	35	-	35	-
5.	Bukit Peringgit	Melaka	30	27	(3)	25	(5)	33	3
6.	Serkam	Melaka	40	20	(20)	40	-	40	-
7.	Sungai Udang	Melaka	40	33	(7)	34	(6)	38	(2)
8.	Kota Tampan	Perak	40	27	(13)	27	(13)	31	(9)
9.	Bercham	Perak	40	44	4	44	4	45	5
10.	Cameron Highlands	Pahang	30/35*	30	-	32	(3)	36	1
11.	Bentong	Pahang	40	26	(14)	29	(11)	29	(11)
12.	Ranau	Sabah	45	49	4	41	(4)	34	(11)
13.	Tuaran	Sabah	30	29	(1)	30	-	30	-
14.	Kota Kinabalu	Sabah	40	43	3	36	(4)	30	(10)

Sumber: Senarai Anak PERMATA dan Lampiran A SPP PAPN Bilangan 1 Tahun 2016

Nota: (TB) - Tidak Berkenaan Kerana PAPN Langkawi Mula Beroperasi pada Tahun 2018

(*) - Bagi Tahun 2016, Kuota Cameron Highlands Adalah 30 Manakala pada Tahun 2017 dan 2018 Adalah 35

- iv. Berdasarkan **Jadual 2**, pengisian anak PERMATA di PAPN Sungai Udang, Kota Tampan dan Bentong kurang daripada kuota yang ditetapkan bagi tiga (3) tahun berturut-turut. Selain itu, pengisian anak PERMATA di PAPN Langkawi adalah kurang 40 (40%) orang daripada kuota yang ditetapkan.
- v. Lawatan fizikal Audit di PAPN Bentong pada 6 Mac 2019 mendapati pengisian anak PERMATA bagi tahun 2016 hingga 2018 di PAPN tersebut adalah antara 26 hingga 29 orang berbanding kuota yang ditetapkan iaitu 40 orang. Berdasarkan temu bual dengan Pendidik, kekurangan pengisian adalah kerana lokasi berkenaan merupakan kawasan kejiranan yang kurang kanak-kanak di bawah umur empat (4) tahun.

Maklum balas Bahagian PERMATA, KPM yang diterima pada 2 Mei 2019

PAPN Langkawi dibuka secara rasmi pada pertengahan bulan Februari 2018. Bilangan anak di PAPN Langkawi pada tahun 2019 telah bertambah kepada 74 orang berbanding pada tahun 2018. Promosi secara berterusan masih giat dijalankan bagi memenuhi kuota anak di PAPN.

Kekurangan pengisian di PAPN Bentong adalah disebabkan oleh PAPN terletak di kawasan kampung yang tidak mempunyai permintaan tinggi, trend demografi keluarga muda di kawasan tersebut semakin berkurangan kerana berhijrah ke bandar, PAPN terletak bersebelahan dengan TADIKA KEMAS Kampung Bukit Gajah di mana TADIKA tersebut turut menerima masuk kanak-kanak berusia tiga (3) tahun

ke atas. Selain itu, terdapat ibu bapa tidak berminat ke PAPN kerana tidak dapat memberikan komitmen terhadap aktiviti penglibatan ibu bapa dan anak selama empat (4) jam sebulan seperti yang diwajibkan dalam Program PERMATA Negara. Kekurangan pengisian di PAPN Ranau, Kota Tampan dan Kota Kinabalu disebabkan kekurangan promosi dan kurang kesedaran ibu bapa tentang kepentingan asuhan dan didikan awal kanak-kanak. Bagaimanapun, prestasi enrolmen keseluruhan anak PERMATA di PAPN bagi tahun 2016 hingga 2019 adalah antara 89.1% hingga 96.3%.

Antara punca kurang pengisian kuota:

kawasan kampung yang tiada permintaan tinggi dan trend demografi keluarga muda semakin berkurang kerana berhijrah ke bandar serta kurang kesedaran tentang kepentingan didikan awal kanak-kanak.

Pada pendapat Audit, pengurusan pengisian anak PERMATA berdasarkan kuota di PAPN masih belum mencapai tahap kecekapan yang memuaskan. Ini adalah kerana bagi tahun 2016 hingga 2018, hanya 43 (48.9%) hingga 60 (67.4%) daripada 89 PAPN yang mencapai kuota pengisian pengambilan anak PERMATA.

6.1.2. Pencapaian *Outcome*

a. Pencapaian Perkembangan Anak PERMATA Selepas Tamat Program

- i. Berdasarkan 1Pekeling Perbendaharaan-PB 1.1, perancangan di peringkat kementerian perlu dibuat untuk tempoh lima (5) tahun dengan berasaskan kepada *outcome* yang ingin dicapai sepanjang tempoh tersebut. Perancangan bermula dengan membangunkan kerangka keberhasilan di peringkat kementerian dengan menetapkan sasaran prestasi pencapaian *outcome* dan output yang dipersetujui.
- ii. Semakan Audit mendapati pencapaian keseluruhan anak PERMATA di 89 PAPN tidak dapat diukur kerana Bahagian PERMATA tidak menyediakan maklumat menyeluruh berhubung perkembangan anak PERMATA selepas tamat pendidikan awal kanak-kanak.

Maklum balas Bahagian PERMATA, KPM yang diterima pada 2 Mei 2019

Bahagian PERMATA melalui Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-Kanak Negara (NCDRC), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah melaksanakan dua (2) kajian pada tahun 2016 dan 2017. Kajian tersebut ialah Kajian Pengesahan Pelajar Lepasan Kohort Pertama Program PERMATA Negara dari Aspek Akademik dan Perkembangan Holistik serta Kajian Pra-Perbandingan Pencapaian Kanak-Kanak Berusia Tujuh (7) dan Lapan (8) Tahun Yang Mengikuti dan Tidak Mengikuti

Program PERMATA Negara. Bagaimanapun, kajian tersebut menekankan pencapaian akademik yang mana berbeza dengan Kurikulum PERMATA Negara yang menekankan enam (6) bidang perkembangan.

Penambahbaikan kajian dan penyelidikan yang lebih komprehensif akan dilaksanakan untuk mengukur pencapaian perkembangan anak PERMATA selepas tamat program. Kajian jangka masa panjang akan dilaksanakan bagi membolehkan perkembangan holistik kanak-kanak diprofilkan.

Pada pendapat Audit, dengan ketiadaan maklumat menyeluruh berkaitan perkembangan anak PERMATA menyebabkan Bahagian PERMATA tidak dapat menilai keberkesanan Program PERMATA Negara. Ini seterusnya menyebabkan tindakan penambahbaikan secara lebih berfokus tidak dapat dirangka.

6.2. Pengurusan Program

6.2.1. Prestasi Kewangan

- a. Berdasarkan Arahan Perbendaharaan 54, seseorang Pegawai Pengawal dikehendaki mengawal perbelanjaan berkenaan dengan sesuatu program dan aktiviti atau projek yang diperuntukkan dalam Maksud Perbelanjaan Anggaran Belanjawan di bawah kawalannya supaya peruntukan tidak terlebih dibelanjakan.
- b. Semakan Audit mendapati Bahagian PERMATA telah diperuntukkan sejumlah RM229.17 juta bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 meliputi peruntukan belanja mengurus sejumlah RM52.30 juta, RM58.55 juta dan RM76.67 juta masing-masing serta peruntukan pembangunan sejumlah RM41.65 juta. Perbelanjaan mengurus bagi tahun 2016 hingga 2018 adalah sejumlah RM54.24 juta, RM52.68 juta dan RM65.10 juta masing-masing serta perbelanjaan pembangunan adalah sejumlah RM15.28 juta.
- c. Semakan lanjut mendapati perbelanjaan Bahagian PERMATA adalah melibatkan Program PERMATA Negara, Program PERMATA Kurnia dan Program PERMATA STEM Talent. Berdasarkan temu bual dengan Pegawai Bahagian Kewangan PERMATA, perbelanjaan bagi ketiga-tiga program tersebut tidak dapat diasingkan kerana menggunakan kod akaun yang sama. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN
BAHAGIAN PERMATA BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	BAKI (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
MENGURUS				
2016	52.30	54.24	-1.94	103.7
2017	58.55	52.68	5.87	90.0
2018	76.67	65.10	11.57	84.9
PEMBANGUNAN				
2016	5.40	0.57	4.83	10.6
2017	8.53	4.22	4.31	49.5
2018	27.72	10.49	17.23	37.8
JUMLAH	41.65	15.28	26.37	36.7
JUMLAH KESELURUHAN	229.17	187.30	41.87	81.7

Sumber: Bahagian PERMATA, KPM

Nota: Peruntukan dan Perbelanjaan Bagi Tahun 2016 Hingga 2018 Adalah Merangkumi Program PERMATA Negara, Program PERMATA Kurnia dan Program PERMATA STEM Talent

Maklum balas Bahagian PERMATA, KPM yang diterima pada 2 Mei 2019 dan 6 Ogos 2019

Bahagian PERMATA telah mengemukakan permohonan rasmi kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) bagi tujuan pewujudan kod program/aktiviti khusus untuk setiap program. Permohonan tersebut telah diluluskan pada 20 Jun 2019 dan Bahagian PERMATA telah mewujudkan kod program/aktiviti khusus untuk setiap program dalam i *Government Financial Management Accounting System (iGFMAS)*.

Pada pendapat Audit, pengasingan perbelanjaan mengikut program/aktiviti akan memudahkan serta meningkatkan keberkesanan pemantauan dan penilaian program/aktiviti yang dilaksanakan.

6.2.2. Pemilihan Anak PERMATA

a. Jawatankuasa Pemilihan Anak PERMATA

- Perenggan 4.3 SPP PAPN Bilangan 1 Tahun 2016 menetapkan setiap permohonan yang diterima akan disaring di peringkat Pegawai Paksi. Seterusnya proses pemilihan akan dilakukan oleh Jawatankuasa Pemilihan Anak PERMATA yang terdiri daripada pegawai di Bahagian PERMATA. Jawatankuasa ini berfungsi untuk menjalankan urusan pemilihan bagi semua PAPN berdasarkan kepada kriteria yang telah ditetapkan.

- ii. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2016 dan 2017, pemilihan anak PERMATA tidak dilaksanakan melalui jawatankuasa. Kelulusan kemasukan anak PERMATA hanya diputuskan oleh setiap Pegawai Paksi mengikut zon masing-masing.

Maklum balas Bahagian PERMATA, KPM yang diterima pada 2 Mei 2019 dan 10 Januari 2020

Pemilihan anak PERMATA pada tahun 2016 hingga 2017 ada dibuat secara bersama dengan SUB dan KPSUK. Bagaimanapun atas kekangan masa, ia tidak diminitkan. Jawatankuasa Pemilihan Anak PERMATA telah pun mengadakan mesyuarat untuk kemasukan anak tahun 2019 mengikut zon pada 28 dan 30 November 2018 serta 3 Disember 2018. Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Anak GENIUS Negara bagi tahun 2020 telah diadakan pada 11 hingga 14 November 2019 meliputi pemilihan anak di PAGN seluruh Malaysia.

Pada pendapat Audit, pemilihan anak PERMATA melalui jawatankuasa dengan disokong dokumen yang lengkap boleh meningkatkan ketelusan proses pemilihan anak PERMATA serta meminimumkan ketidakpatuhan kepada peraturan ditetapkan.


b. Kriteria Pemilihan Anak PERMATA

Perenggan 4.3 SPP PAPN Bilangan 1 Tahun 2016 menetapkan kriteria pemilihan anak PERMATA adalah kanak-kanak mestilah berumur di bawah empat (4) tahun, dari keluarga berpendapatan rendah iaitu kurang daripada RM4,000 atau berpendapatan sederhana mengikut per kapita dan tinggal berhampiran dengan PAPN iaitu 10 kilometer dari rumah.

i. Usia Kanak-Kanak

- Semakan Audit terhadap data enrolmen bagi 89 PAPN yang dikemukakan mendapati seramai 44 anak PERMATA di empat (4) PAPN berusia lima (5) tahun turut diterima mengikuti pendidikan di PAPN seperti dalam **Rajah 3**.

RAJAH 3
**BILANGAN ANAK PERMATA YANG MELEBIHI
 UMUR EMPAT (4) TAHUN DI PAPN**



Sumber: Bahagian PERMATA, KPM

ii. Pendapatan Ibu Bapa

- Berdasarkan Mesyuarat Penyelarasan Hala Tuju Program PERMATA yang dipengerusikan oleh mantan Penaung PERMATA pada 20 Oktober 2015, mesyuarat telah bersetuju supaya PAPN yang masih mempunyai kekosongan untuk menerima masuk kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan melebihi RM4,000. Kemasukan ini akan dikenakan bayaran sumbangan bulanan.
- Semakan Audit mendapati pengambilan anak PERMATA di kalangan keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM4,000 hanya mencapai 74.2% iaitu 7,292 daripada 9,822 anak PERMATA manakala baki 25.8% iaitu 2,530 adalah dari kalangan keluarga berpendapatan melebihi RM4,000 seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
PENDAPATAN ISI RUMAH IBU BAPA
ANAK PERMATA NEGARA BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

PENDAPATAN KELUARGA	BILANGAN ANAK PERMATA			JUMLAH	
	2016	2017	2018	BILANGAN	PERATUS (%)
RM4,000 dan ke bawah	2,475	2,469	2,348	7,292	74.2
Melebihi RM4,000	649	847	1,034	2,530	25.8
JUMLAH	3,124	3,316	3,382	9,822	100.0

Sumber: Laporan Enrolmen PAPN dan Data Permohonan, Bahagian PERMATA, KPM

Maklum balas Bahagian PERMATA, KPM yang diterima pada 2 Mei 2019

Keputusan pengambilan kanak-kanak empat (4) tahun ke atas telah diputuskan oleh SUB melalui Pekeliling Pentadbiran Bahagian PERMATA Bil 3/2012 "Pelaksanaan

Modul Tambahan – Modul 6 Untuk Aplikasi Pengajaran Kanak-kanak Umur 4 tahun ke atas di PAPN". Keputusan ini dibuat berdasarkan permintaan daripada ibu bapa yang ingin menyambung program PERMATA atas sebab kekangan menempatkan anak di mana-mana TASKA atau TADIKA. Mulai tahun 2019, tiada pengambilan dibuat untuk kanak-kanak berusia empat (4) tahun ke atas.

Pencapaian pengambilan anak PERMATA daripada kalangan keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM4,000 hanya mencapai 74.2% adalah disebabkan trend pendapatan penduduk semakin meningkat, keluarga berpendapatan kurang daripada RM4,000 lazimnya terdiri daripada ibu yang tidak bekerja dan kurang kesedaran masyarakat tentang kepentingan asuhan dan didikan awal kanak-kanak terutamanya keluarga yang berpendapatan RM4,000 ke bawah.

Bahagian PERMATA sentiasa mengadakan promosi dan program kesedaran di kawasan-kawasan yang kekurangan permohonan anak seperti membuat kunjungan rumah ke rumah, mengedar *flyers* dan *pamphlet*, mengadakan kerjasama dengan komuniti setempat, memberi ceramah berkenaan kepentingan asuhan dan didikan awal kanak-kanak dan menampal iklan/*banner*. Kekerapan promosi akan ditambah ketika permohonan baru dibuka pada bulan September dan pada suku tahun pertama sekiranya masih terdapat kekosongan.

Pada pendapat Audit, pengambilan anak PERMATA dari kalangan keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM4,000 adalah belum mencapai sasaran inisiatif Program PERMATA Negara sepenuhnya.

6.2.3. Bayaran Sumbangan Bulanan

a. Pemberhentian Bayaran Sumbangan Bulanan

- i. Berdasarkan Surat Pekeliling Pusat Anak PERMATA Negara Bilangan 1 Tahun 2016 yang dikeluarkan oleh Bahagian PERMATA, bayaran sumbangan bulanan hendaklah diakaunkan ke akaun khas Program PERMATA Negara. Ketua Pendidik diberi kuasa melalui surat pekeliling untuk menerima kutipan daripada ibu bapa/penjaga anak PERMATA.
- ii. Tujuan sumbangan ini bagi membiayai sebahagian kos pengoperasian PAPN seperti penyenggaraan kecil, pembelian barang guna habis, alat bantu mengajar dan program kecemerlangan pendidik dan anak PERMATA.
- iii. Anak PERMATA daripada kalangan keluarga berpendapatan melebihi RM4,000 dikenakan bayaran sumbangan bulanan dan kadar yang ditetapkan adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
KADAR BAYARAN SUMBANGAN BULANAN YANG DITETAPKAN

PENDAPATAN ISI RUMAH	KADAR SUMBANGAN SEBULAN
RM4,000 dan ke bawah	Tiada sumbangan dikenakan
RM4,001 sehingga RM5,000	RM60
RM5,001 sehingga RM6,000	RM90
RM6,001 sehingga RM7,000	RM120
RM7,001 sehingga RM8,000	RM150
RM8,001 sehingga RM9,000	RM190
RM9,001 dan ke atas	RM230

Sumber: Surat Pekeliling Pusat Anak PERMATA Negara Bilangan 1 Tahun 2016

- iv. Pada tahun 2016, kutipan bayaran sumbangan bulanan anak PERMATA di PAPN telah diakaunkan ke Akaun Yayasan PERMATA Malaysia (YPM) yang dikendalikan oleh Bahagian PERMATA. YPM berdaftar dengan Bahagian Hal Ehwal Undang Undang, Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan menerima sumbangan daripada badan korporat dan individu. YPM ini mempunyai 13 Ahli Lembaga Pemegang Amanah dan dipengerusikan oleh Penaung PERMATA pada waktu itu.
- v. Berdasarkan Memo Perhubungan Bahagian PERMATA bertarikh 19 Februari 2017 yang ditandatangani oleh SUB, Bahagian PERMATA ketika itu telah membuka akaun sementara di Commerce International Merchant Bankers (CIMB) pada 21 Februari 2017. Pembukaan akaun sementara ini telah dipersetujui oleh YPM sebagai satu akaun interim bagi maksud untuk menyimpan bayaran sumbangan bulanan secara selamat sehingga satu ketetapan berhubung pembukaan akaun sementara ini diputuskan oleh Pengurusan Tertinggi.
- vi. Pada 14 Mei 2018, terdapat arahan pemberhentian kutipan bayaran sumbangan bulanan telah dikeluarkan oleh SUB ketika itu melalui Memo Perhubungan Bahagian PERMATA tanpa menyatakan secara jelas justifikasi pemberhentian tersebut. Semakan lanjut mendapati Akaun CIMB tersebut telah ditutup pada 15 Mei 2018 dan baki akaun berjumlah RM522,148 telah dipindahkan ke Akaun Amanah Tabung Kesejahteraan Kanak-kanak Sedunia (TKKKS).

Maklum balas Bahagian PERMATA, KPM yang diterima pada 2 Mei 2019 dan 10 Januari 2020

Pemberhentian kutipan pada 14 Mei 2018 adalah bagi menambah baik prosedur dan tatacara kutipan serta perbelanjaan sumbangan ibu bapa. Ketika keputusan pemberhentian ini dilaksanakan, Jawatankuasa Pelaksanaan Program PERMATA

telah dibubarkan berikutan perubahan Kerajaan semasa pada 9 Mei 2018. Bahagian ini akan mengangkat kertas cadangan kepada Majlis Program GENIUS yang dipengerusikan oleh YB. Menteri Pendidikan pada bulan April 2020 agar kutipan sumbangan ini diteruskan semula.

Pada pendapat Audit, pemberhentian kutipan sumbangan bulanan adalah tidak teratur kerana keputusan dibuat oleh SUB ketika itu dan tanpa menyatakan secara jelas justifikasi pemberhentian kutipan.

b. Pengurangan Bayaran Sumbangan Bulanan

- i. Mesyuarat Pemantauan Bersama Ketua Jabatan Bahagian PERMATA Bilangan 2 Tahun 2016 pada 8 Ogos 2016 menetapkan pengurangan bayaran sumbangan bagi keluarga berpendapatan RM4,000 ke atas diluluskan dengan perbincangan antara KPSUK, Pegawai Paksi dan Ketua Pendidik.
- ii. Semakan Audit mendapati Ketua Pendidik telah membuat kutipan bayaran sumbangan bulanan dan telah dibankkan ke akaun yang ditetapkan. Bagaimanapun, ***tiada Buku Tunai disediakan bagi merekod kutipan bayaran sumbangan bulanan. Akibatnya jumlah kutipan dan perbelanjaan sebenar tidak dapat disahkan.***
- iii. Selain itu, terdapat PAPN yang mengutip bayaran sumbangan bulanan kurang dari amaun yang sepatutnya dikutip. Daripada lima (5) PAPN yang dilawati, amaun yang sepatutnya dikutip adalah RM48,470 manakala amaun yang diterima adalah RM41,320 iaitu perbezaan sejumlah RM7,150. Ini adalah kerana terdapat ibu bapa/penjaga yang telah membuat rayuan bagi pengurangan bayaran bulanan dan ia telah diluluskan oleh Pegawai Paksi seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
JUMLAH KUTIPAN BAYARAN SUMBANGAN
KURANG DARI JUMLAH YANG SEPATUTNYA

NAMA PAPN	TAHUN	JUMLAH SEPATUTNYA DITERIMA (RM)	JUMLAH BAYARAN DITERIMA (RM)	PERBEZAAN (RM)
Kota Tampan	2018	3,250	2,200	1,050
Serkam	2017	10,080	7,020	3,060
Sungai Udang	2017	11,480	10,400	1,080
	2018	4,200	3,920	280
Bukit Peringgit	2017	5,010	4,830	180
	2018	1,920	1,650	270
Bagan Pinang	2017	8,610	7,840	770
	2018	3,920	3,460	460
JUMLAH		48,470	41,320	7,150

Sumber: PAPN dan Bahagian PERMATA, KPM

- iv. Analisis Audit terhadap Laporan Bayaran Sumbangan Bulanan di PAPN Serkam dan Sungai Udang mendapati lapan (8) rayuan pengurangan bayaran sumbangan bulanan oleh anak PERMATA adalah di kalangan keluarga berpendapatan isi rumah antara RM4,800 hingga RM12,500. Antara sebab rayuan pengurangan yang telah diluluskan adalah masalah peribadi dan komitmen bayaran pinjaman bulanan.
- v. Semakan lanjut mendapati kelulusan rayuan bayaran sumbangan bulanan ditandatangani oleh Pegawai Paksi dan tiada bukti kelulusan pengurangan bayaran dibuat melalui mesyuarat antara KPSUK, Pegawai Paksi dan Ketua Pendidik. Seterusnya, ***tiada surat penurunan kuasa bagi Pegawai Paksi meluluskan pengurangan bayaran sumbangan bulanan.*** Ini menyebabkan berlaku ketidakseragaman dalam jumlah bayaran sumbangan yang sepatutnya dikenakan terhadap ibu bapa/penjaga.

Maklum balas Bahagian PERMATA, KPM yang diterima pada 2 Mei 2019 dan 10 Januari 2020

Bahagian PERMATA tidak menggunakan Buku Tunai bagi tujuan kutipan bayaran sumbangan bulanan. Bagaimanapun, Bahagian PERMATA telah menyediakan buku resit rasmi PAPN kepada semua PAPN bagi tujuan kutipan dan sumbangan daripada ibu bapa. Selain itu, kutipan dan sumbangan yang diterima daripada ibu bapa direkodkan oleh Ketua Pendidik dalam *microsoft excel* untuk semakan berkala.

Pengurangan diberikan atas sebab bebanan kewangan kepada ibu bapa. Mesyuarat Pemantauan Bersama Ketua Jabatan Bilangan 2 Tahun 2016 telah bersetuju untuk tidak mengenakan atau mengurangkan bayaran sumbangan bagi keluarga berpendapatan RM4,000 ke atas jika terdapat rayuan dengan sebab yang kukuh. Keputusan mesyuarat ini dilaksanakan bagi setiap permohonan yang diterima di mana perbincangan dibuat secara formal bersama pegawai yang ditetapkan dan dipersetujui hanya secara lisan.

Pada pendapat Audit, pengurusan bayaran sumbangan bulanan adalah tidak teratur kerana rekod tidak diselenggara menyebabkan kutipan dan perbelanjaan tidak dapat disahkan. Selain itu, kelulusan pengurangan bayaran sumbangan bulanan oleh Pegawai Paksi yang dipersetujui secara lisan menunjukkan pengurusan tadbir urus yang tidak teratur.

6.2.4. Pengurusan Pendidik

a. Nisbah Pendidik

- i. Berdasarkan Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan, KPM bertanggungjawab untuk menyediakan tenaga pendidik termasuk perkara berkaitan penetapan kelayakan tenaga pendidik. Berdasarkan Perenggan 4.1(v) SPP PAPN Bilangan 1 Tahun 2016, nisbah pembahagian anak PERMATA dan Pendidik adalah seperti berikut:

• Lahir hingga 1 tahun	:	3 Anak dengan 1 Pendidik
• 1 Tahun ke 2 Tahun	:	5 Anak dengan 1 Pendidik
• 2 Tahun ke 3 Tahun	:	8 Anak dengan 1 Pendidik
• 3 Tahun ke 4 Tahun	:	10 Anak dengan 1 Pendidik
- ii. Semakan Audit mendapati Pendidik di 89 PAPN adalah pegawai pendidikan lantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan dan merupakan jawatan kader daripada KPM. Berdasarkan Waran Perjawatan, perjawatan yang diluluskan bagi Pendidik DG41/44/48/52/54 adalah seramai 424 orang dan Penolong Pendidik Gred DGA29/32/34/38 adalah seramai 41 orang. Kenaikan pangkat bagi pegawai perkhidmatan pendidikan adalah secara *time-based*.
- iii. Semakan lanjut mendapati Pendidik di PAPN telah dibahagikan mengikut kumpulan umur anak PERMATA dan mengikut nisbah antara anak dan Pendidik. Semakan lanjut di 14 PAPN mendapati jumlah Pendidik adalah seramai 70 orang yang terdiri daripada empat (4) Penolong Pendidik Gred DGA29 dan 66 Pendidik Gred DG44/41 manakala jumlah anak PERMATA adalah seramai 489 orang. Purata bilangan Pendidik/Penolong Pendidik ialah seramai lima (5) Pendidik dan purata bilangan anak PERMATA ialah seramai 35 orang bagi setiap PAPN menjadikan purata nisbah Pendidik dengan anak PERMATA adalah 1:7. Berdasarkan purata nisbah tersebut, pihak Audit mendapati ia adalah selari dengan nisbah yang ditetapkan dan Pendidik mampu melaksanakan tugas serta tanggungjawab yang telah ditetapkan.

b. Tugas dan Tanggungjawab Pendidik

- i. Berdasarkan Perenggan 9 SPP PAPN Bilangan 1 Tahun 2016, antara tugas dan tanggungjawab pendidik adalah menyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti (RPA) mengikut perancangan pengajaran dan hendaklah disemak oleh Ketua Pendidik setiap hari. Selain itu, Buku Log Harian Anak PERMATA adalah diwajibkan di mana ia merupakan sebuah buku catatan yang perlu diisi oleh ibu bapa dan Pendidik setiap hari. Ibu bapa perlu mengisi

maklumat berkaitan keadaan anak di rumah dan menyerahkan kepada Pendidik di waktu pagi semasa datang ke TASKA. Pendidik perlu mencatat dan menuliskan apa yang berlaku terhadap kanak-kanak sepanjang hari.

- ii. Semakan Audit terhadap 135 buah Rancangan Pelaksanaan Aktiviti (RPA) yang sepatutnya disediakan oleh Pendidik mengikut perancangan tahunan dan bulanan mendapat ***hanya 50 (37%) daripada 135 RPA disediakan dengan lengkap.*** Manakala 57 (42.2%) RPA tidak disediakan dengan lengkap dan 28 (20.8%) RPA gagal dikemukakan untuk diaudit. Selain itu, ***hanya 37 (34.6%) daripada 107 RPA disemak oleh Ketua Pendidik setiap hari*** seperti dalam **Jadual 7.**

JADUAL 7
PENYEDIAAN RANCANGAN PELAKSANAAN AKTIVITI

PERKARA	BILANGAN PENDIDIK			JUMLAH
	2016	2017	2018	
RPA disediakan dengan lengkap	14	14	22	50
RPA disediakan dengan tidak lengkap	15	19	23	57
Gagal mengemukakan RPA	15	11	2	28
JUMLAH	44	44	47	135
RPA telah disemak oleh Ketua Pendidik	9	10	18	37

Sumber: Rancangan Pelaksanaan Aktiviti

- iii. Semakan Audit terhadap Buku Log Harian Anak PERMATA di 14 PAPN pula mendapat sebahagian Pendidik di PAPN tidak mengisi buku tersebut setiap hari, buku tidak diisi dengan lengkap dan tidak ditandatangani oleh Pendidik. Selain itu, semakan Audit terhadap 117 Rekod Pentaksiran Perkembangan Kanak-Kanak PERMATA mendapat 99 (84.6%) rekod telah diisi oleh Pendidik manakala 18 (15.4%) rekod tidak diisi. Semakan lanjut terhadap rekod yang diisi mendapat perkara dalam senarai semak tidak dilengkapkan dan Pendidik tidak membuat perjumpaan dengan ibu bapa setiap empat (4) bulan bagi melaporkan perkembangan anak PERMATA. Rekod ringkasan perkembangan anak PERMATA mengikut penggal juga tidak diisi dan ditandatangan oleh Pendidik serta ibu bapa/penjaga. Pendidik hanya mengadakan perjumpaan dengan ibu bapa/penjaga bagi 74 (63.2%) anak PERMATA untuk penggal pertama, 45 (38.5%) anak PERMATA untuk penggal kedua dan hanya 25 (21.4%) anak PERMATA untuk penggal ketiga.
- iv. Pihak Audit juga mendapat tiada indikator pelaporan pencapaian perkembangan dan pentaksiran anak PERMATA di setiap PAPN untuk dilaporkan kepada Bahagian PERMATA. Ini menyebabkan Bahagian PERMATA tidak mempunyai data/rekod pencapaian perkembangan bagi setiap anak PERMATA yang telah mengikuti Program PERMATA Negara.

Maklum balas Bahagian PERMATA, KPM yang diterima pada 2 Mei 2019 dan 10 Januari 2020

Bahagian PERMATA mengambil maklum dan memandang serius teguran ini dan tindakan telah diambil dengan mengeluarkan Surat Tunjuk Sebab kepada Pendidik terlibat dan surat peringatan kepada semua PAPN pada 23 April 2019, memastikan RPA bagi Pendidik yang terlibat dilengkapkan, memastikan pemantauan secara berterusan dan mengejut dibuat di PAPN, memastikan Pendidik melengkapkan Rekod Pentaksiran Perkembangan Kanak-Kanak PERMATA serta mengadakan perjumpaan bersama ibu bapa bagi melaporkan perkembangan anak PERMATA dibuat sekurang-kurangnya tiga (3) kali setahun.

Untuk perancangan jangka masa panjang, Bahagian GENIUS akan menggunakan modul tambahan untuk melaksanakan penyediaan RPA secara dalam talian melalui sistem *National Child Data Centre* (NCDC). Penggunaan RPA secara dalam talian ini akan memudahkan pengisian RPA yang lebih ringkas dan mempunyai pautan kepada pentaksiran perkembangan anak.

Pada pendapat Audit, ketidakpatuhan Pendidik terhadap proses dan prosedur yang ditetapkan menunjukkan ketidakcekapan dalam penyampaian perkhidmatan program.


6.2.5. Kemudahan Fizikal dan Persekutaran Pembelajaran

Objektif pewujudan kemudahan infrastruktur dan persekitaran pembelajaran termasuk peralatan pembelajaran yang berkualiti adalah untuk membolehkan pencapaian hasil pembelajaran yang positif dan berpanjangan. Ini adalah berdasarkan Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan yang diluluskan pada tahun 2008. Kemudahan fizikal dan persekitaran pembelajaran akan menyumbang kepada pembinaan keyakinan, keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak. Semakan Audit terhadap kemudahan fizikal dan persekitaran pembelajaran di 14 PAPN mendapati perkara seperti berikut:

a. Kemudahan Infrastruktur dan Penyenggaraan

- i. Perenggan 2 Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2012 mengenai Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan menyatakan penyediaan kemudahan/fasiliti adalah berdasarkan kepentingan untuk menyediakan ruang/tempat yang sesuai dan mencukupi. Ini bagi membolehkan Kementerian/Jabatan/Agensi memberi penyampaian perkhidmatan yang berkesan mengikut fungsi masing-masing.
- ii. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2016 hingga 2018, Bahagian PERMATA telah memohon peruntukan penyenggaraan dan pumbaikan kecil sejumlah

RM13.92 juta manakala yang diluluskan sejumlah RM13.21 juta. Sejumlah RM111,965 (1%) dibelanjakan untuk penyenggaraan dan pembaikan kerosakan di PAPN manakala RM11.15 juta (84%) digunakan bagi pembayaran berkontrak (pembersihan, bekalan makanan dan keselamatan) dan RM1.95 juta (15%) bagi penyenggaraan kenderaan Jabatan.



- iii. Lawatan fizikal Audit di 14 PAPN mendapati kemudahan infrastruktur tidak disenggara seperti dalam **Jadual 8** dan **Gambar 1** hingga **Gambar 7**.

JADUAL 8
KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR YANG TIDAK DISENGGARA

BIL.	NAMA PAPN	PERIHAL KEROSAKAN	RUJUKAN GAMBAR	TARIKH KEROSAKAN
1.	Serkam	Keretakan dan rekahan di dinding luar bangunan	1	Mei 2014
		Kerosakan bumbung yang belum dibaiki	2	Julai 2017
		Pagar telah rosak dan membolehkan orang luar menceroboh masuk	3	Disember 2014
		<i>Wading-pool</i> yang tidak selamat digunakan kerana berada di bawah bumbung yang rosak	4	Disember 2014
2.	Tuaran	Kerosakan siling akibat kebocoran atap belum dibaiki	5	Januari 2018
		Dinding bangunan kayu yang telah reput dan rosak	6	Januari 2018
		Tiang penahan yang telah pecah dan retak membahayakan keselamatan	7	Januari 2018

Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 1



PAPN Serkam
- Keretakan dan Rekahan di Dinding Luar Bangunan
(30.01.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



PAPN Serkam
- Kerosakan Bumbung yang Belum Dibaiki
(30.01.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 3



PAPN Serkam
- Pagar Telah Rosak dan Membolehkan Orang Luar Menceroboh Masuk (30.01.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4



PAPN Serkam
- Wading-pool/Yang Tidak Selamat Digunakan Kerana Berada di Bawah Bumbung yang Rosak (30.01.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 5



PAPN Tuaran
- Kerosakan Siling Akibat Kebocoran Atap Belum Dibaiki (13.03.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 6



PAPN Tuaran
- Dinding Bangunan Kayu yang Telah Reput dan Rosak (13.03.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)



GAMBAR 7

PAPN Tuaran
- Tiang Penahan yang Telah Pecah dan Retak Membahayakan Keselamatan (13.03.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

iv. Selain itu, terdapat juga kerosakan kemudahan infrastruktur di PAPN Bukit Peringgit, Merlimau, Sungai Udang, Kota Tampan dan Kota Kinabalu. Bagaimanapun setelah teguran Audit, Bahagian PERMATA telah membuat pembaikan kerosakan selepas menerima peruntukan tambahan berjumlah RM200,000 pada 21 Ogos 2019. Pembaikan kerosakan yang telah dijalankan seperti dalam **Gambar 8** hingga **Gambar 27**.

**SEBELUM
GAMBAR 8**



PAPN Bukit Peringgit
- Wading-Pool yang Tidak Digenakan Kerana
Water Pump Rosak
(28.01.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**SELEPAS
GAMBAR 9**



PAPN Bukit Peringgit
- Wading-Pool Telah Ditutup dengan Simen dan Akan
Digantikan dengan Portable Water Play
(07.10.2019)
(Sumber: Bahagian PERMATA)

**SEBELUM
GAMBAR 10**



PAPN Merlimau
- Kerosakan Bumbung yang Belum Dibaiki
(31.01.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**SELEPAS
GAMBAR 11**



PAPN Merlimau
- Kerosakan Bumbung yang Telah Dibaiki
(10.10.2019)
(Sumber: Bahagian PERMATA)

**SEBELUM
GAMBAR 12**



PAPN Merlimau
- Kerosakan Siling yang Belum Dibaiki
(31.01.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**SELEPAS
GAMBAR 13**



PAPN Merlimau
- Kerosakan Siling yang Telah Dibaiki
(10.10.2019)
(Sumber: Bahagian PERMATA)

**SEBELUM
GAMBAR 14**



PAPN Merlimau
- Mangkuk Tandas Kanak-Kanak yang Telah Rosak
Masih Digunakan
(31.01.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**SELEPAS
GAMBAR 15**



PAPN Merlimau
- Mangkuk Tandas Kanak-Kanak yang Telah Dibaiki
(10.10.2019)
(Sumber: Bahagian PERMATA)

**SEBELUM
GAMBAR 16**



PAPN Merlimau
- Papan Tanda PAPN yang Telah Rosak
(31.01.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**SELEPAS
GAMBAR 17**



PAPN Merlimau
- Papan Tanda yang Telah Dibaiki
(10.10.2019)
(Sumber: Bahagian PERMATA)

**SEBELUM
GAMBAR 18**



PAPN Sungai Udang
- Pemasangan Grill/Pagar yang Tidak Sesuai
(01.02.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**SELEPAS
GAMBAR 19**



PAPN Sungai Udang
- Grill/Pagar yang Telah Diganti
(23.09.2019)
(Sumber: Bahagian PERMATA)

**SEBELUM
GAMBAR 20**



PAPN Kota Tampan
- Kerosakan Siling Belum Dibaiki
(11.02.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**SELEPAS
GAMBAR 21**



PAPN Kota Tampan
- Siling yang Rosak Telah Dibaiki
(16.10.2019)
(Sumber: Bahagian PERMATA)

**SEBELUM
GAMBAR 22**



PAPN Kota Tampan
- Hanging Bridge yang Telah Reput Dan Rosak
(11.02.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**SELEPAS
GAMBAR 23**



PAPN Kota Tampan
- Hanging Bridge yang Rosak Telah Diganti dengan
Monkey Bars
(08.11.2019)
(Sumber: Bahagian PERMATA)

**SEBELUM
GAMBAR 24**



PAPN Bercham
- Kerosakan Bumbung Belum Dibaiki
(12.02.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**SELEPAS
GAMBAR 25**



PAPN Bercham
- Kerosakan Bumbung Telah Dibaiki
(11.10.2019)
(Sumber: Bahagian PERMATA)

**SEBELUM
GAMBAR 26**



PAPN Kota Kinabalu
- Penyambungan Wayar Elektrik yang Tidak Mengikut Peraturan-Peraturan Elektrik Boleh Membahayakan Keselamatan
(14.03.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**SELEPAS
GAMBAR 27**



PAPN Kota Kinabalu
- Penyambungan Wayar Elektrik Telah Ditambahbaik
(10.10.2019)
(Sumber: Bahagian PERMATA)

Maklum balas Bahagian PERMATA, KPM yang diterima pada 2 Mei 2019 dan 12 Februari 2020

Penyenggaraan PAPN tidak dapat dijalankan secara berkala kerana kekangan peruntukan. Keutamaan penyenggaraan sebelum ini diberi kepada PAPN yang sangat memerlukan pemberian segera di mana menyebabkan PAPN tidak dapat beroperasi dan terpaksa ditutup sementara. Pada 24 Januari 2020, Bahagian GENIUS telah menerima peruntukan sejumlah RM1.46 juta bagi tujuan pemberian dan penyenggaraan PAPN di seluruh negara.

**Penyenggaraan tidak
dijalankan secara
berkala kerana
kekangan peruntukan**

Kekangan peruntukan

Pada pendapat Audit, kelewatan melaksanakan kerja pemberian dan penyenggaraan dikhawatirinya boleh menimbulkan risiko keselamatan anak PERMATA dan Pendidik di samping boleh menyebabkan kos pemberian meningkat. Selain itu, kerosakan terhadap kemudahan infrastruktur dan peralatan pembelajaran boleh menjelaskan keberkesanan pelaksanaan Kurikulum PERMATA Negara.

b. Peralatan Yang Tidak Digunakan

- i. PAPN Langkawi merupakan projek naik taraf bangunan sedia ada milik LADA dan ia telah siap dinaik taraf pada tahun 2018 serta mula beroperasi pada 13 Februari 2018. Berdasarkan Kontrak Kerja Menaiktaraf Tingkat 1, Blok B, Medan Budaya, Kompleks LADA Untuk Dijadikan PAPN, kerja menaik taraf adalah termasuk pembekalan peralatan untuk kegunaan PAPN Langkawi.
- ii. Lawatan Audit yang dijalankan pada 18 November 2018 mendapati peralatan telah dibekalkan sebagaimana kehendak kontrak. Bagaimanapun, terdapat

peralatan iaitu 10 buah katil bayi dan 40 *stackable cot* tidak digunakan seperti dalam **Gambar 28** dan **Gambar 29**.

GAMBAR 28



PAPN Langkawi
- Katil Bayi yang Tidak Digunakan
(18.11.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 29



PAPN Langkawi
- Stackable Cot yang Tidak Digunakan
(18.11.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas Bahagian PERMATA, KPM yang diterima pada 2 Mei 2019 dan 12 Februari 2020

Bahagian PERMATA mengambil maklum akan teguran Audit berhubung perkara ini. Katil bayi masih belum digunakan kerana tiada pengambilan bayi memandangkan Pendidik di PAPN Langkawi masih belum dilengkapi dengan Kursus Penjagaan Bayi. Bagaimanapun, katil bayi tersebut akan digunakan sebaik sahaja PAPN Langkawi menerima kemasukan bayi yang dijangka pada bulan September 2020. Perolehan *stackable cot* pula adalah bagi memenuhi keperluan kuota anak seramai 100 orang. Terdapat peningkatan pada tahun 2019 dan 2020 di mana pengisian anak adalah seramai 77 dan 80 orang.

Pada pendapat Audit, peralatan diperoleh yang tidak dimanfaatkan secara optimum merupakan satu kerugian.


6.2.6. Pemantauan

Sistem pemantauan yang berkesan perlu diwujudkan bagi memastikan pengurusan program dapat mencapai objektif serta mematuhi peraturan yang ditetapkan. Pemantauan yang cekap, berkesan serta berterusan akan menjamin kelancaran dan kejayaan sesebuah aktiviti agar ia menepati segala hasrat yang dirancang.

a. Pemantauan oleh Pegawai Paksi

- i. Perenggan 15 SPP PAPN Bilangan 1 Tahun 2016 menetapkan Pegawai Paksi akan melaksanakan pemantauan secara fizikal sebanyak dua (2) kali setahun ke atas PAPN di bawah tanggungjawabnya. Selain itu, Pegawai Paksi adalah bertanggungjawab untuk menyediakan laporan hasil lawatan pemantauan.

- ii. Semakan Audit mendapati empat (4) Pegawai Paksi Gred DG41 telah dilantik bagi memantau operasi setiap PAPN mengikut zon. Analisis terhadap data pemantauan bagi 89 PAPN bagi tahun 2016 hingga 2018 mendapati purata 9 (10%) PAPN dilawati dua (2) kali oleh Pegawai Paksi, 52 (58%) PAPN dilawati sekali manakala baki **28 (32%) daripada 89 PAPN tidak pernah dipantau secara fizikal oleh Pegawai Paksi dalam tempoh tiga (3) tahun** seperti dalam **Rajah 4**.



Sumber: Bahagian PERMATA, KPM

- iii. Semakan lanjut mendapati Pegawai Paksi yang melaksanakan lawatan pemantauan di PAPN telah menyediakan laporan pemantauan tetapi laporan tersebut tidak dibentangkan dalam mesyuarat pengurusan untuk tindakan.

Maklum balas Bahagian PERMATA, KPM yang diterima pada 2 Mei 2019 dan 10 Januari 2020

Bahagian ini mengambil maklum dan akur akan teguran Audit berhubung pemantauan yang dilaksanakan oleh Pegawai Paksi. Bagi tahun 2019, sebanyak 57 PAGN telah dilawati oleh Pegawai Paksi dengan memberi keutamaan kepada PAGN yang belum dilawati pada tahun 2018 dan PAGN yang mempunyai isu-isu berbangkit. Laporan pemantauan telah dibincangkan dalam Mesyuarat Pemantauan secara berkala. Laporan pemantauan bagi bulan April 2019 telah dibentangkan semasa Mesyuarat Pengurusan Bahagian pada 7 Mei 2019.

Pada pendapat Audit, pemantauan adalah kurang berkesan dengan ketiadaan jadual pusingan pemantauan yang konsisten dan kegagalan membuat susulan.

b. Pemantauan Melalui Mesyuarat

- i. Pemantauan merupakan elemen penting bagi pihak pengurusan mengenal pasti kelemahan dan masalah pada peringkat awal serta membolehkan tindakan penyelesaian segera diambil.
- ii. Semakan Audit mendapati Mesyuarat Pemantauan yang dipengerusikan oleh KPSUK telah diadakan sebanyak tiga (3) kali pada tahun 2017 dan 2018. Antara perkara yang dibincangkan adalah berkaitan pengurusan/operasi PAPN dan isu berbangkit. Bagaimanapun, tiada perbincangan berkenaan pemantauan fizikal di PAPN dilaporkan dalam Mesyuarat Pengurusan yang dipengerusikan oleh SUB.

Maklum balas Bahagian PERMATA, KPM yang diterima pada 2 Mei 2019 dan 10 Januari 2020

Mesyuarat Pengurusan Bahagian PERMATA hanya membincangkan isu-isu pembelajaran dan Pendidik PAPN. Bagaimanapun, Unit Pemantauan telah menambah baik proses pelaporan dan mulai bulan Mei 2019, Mesyuarat Pengurusan telah dilaksanakan secara berkala dengan memasukkan Laporan Pemantauan Pengurusan PAPN sebagai agenda tetap.

Pada pendapat Audit, pembentangan Laporan Pemantauan di PAPN dalam Mesyuarat Pengurusan membolehkan masalah berbangkit di PAPN dapat diambil tindakan segera.

c. PERMATA Q

- i. PERMATA Q merupakan satu Instrumen Pengukuran Kualiti dan Standard PERMATA Negara yang telah dibangunkan oleh Jawatankuasa Naziran PERMATA Negara. PERMATA Q merupakan alat penanda aras pematuhan dan kualiti iaitu yang boleh diguna pakai oleh semua TASKA kelolaan Kerajaan bagi menentukan tahap pematuhan dan kualiti perkhidmatan program pendidikan awal yang disediakan. Ia bertujuan untuk membolehkan penilaian berterusan dilaksanakan ke atas TASKA terutama PAPN yang menggunakan pakai Kurikulum PERMATA Negara bagi memastikan perkhidmatan yang disediakan berada pada tahap kualiti yang terbaik.

Penilaian PERMATA Q mempunyai enam (6) standard kualiti (SQ) berdasarkan kepada enam (6) aspek Kurikulum PERMATA Negara. Proses penilaian PERMATA Q terbahagi kepada tiga (3) peringkat seperti dalam **Rajah 5**.

RAJAH 5
PROSES PENILAIAN PERMATA Q



Sumber: Unit PERMATA Q, Bahagian PERMATA, KPM


- ii. Semakan Audit mendapati PERMATA Q mula dilancarkan pada bulan Mei 2017 dan Unit PERMATA Q di Bahagian PERMATA telah ditubuhkan pada bulan November 2017. Unit ini bertanggungjawab untuk menjalankan proses jaminan kualiti Kurikulum PERMATA Negara kepada TASKA yang mengguna pakai Kurikulum PERMATA Negara. Unit PERMATA Q tidak mempunyai *Key Performance Indicator* (KPI) bagi memastikan semua PAPN mendapat pensijilan PERMATA Q kerana tiada ketetapan bagi perkara tersebut.
- iii. Setakat 31 Disember 2018, sebanyak 86 (96.6%) daripada 89 PAPN telah membuat penilaian PERMATA Q1. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 34 (39.5%) PAPN telah gagal PERMATA Q1, 34 (39.5%) PAPN telah lulus PERMATA Q1, 4 (4.7%) PAPN dalam peringkat perakuan dan ***hanya 14 (16.3%) daripada 86 PAPN telah mendapat pensijilan PERMATA Q*** seperti dalam **Jadual 9** dan **Carta 2**.

JADUAL 9
STATUS PENSIJILAN PERMATA Q BAGI PAPN

PERKARA	BILANGAN	PERATUS (%)
• Gagal PERMATA Q1	34	39.5
• Lulus PERMATA Q1 dan menunggu penilaian PERMATA Q2	34	39.5
• Peringkat perakuan oleh Jawatankuasa Jaminan Kualiti PERMATA Q	4	4.7
- PAPN Alor Gajah, Melaka		
- PAPN Taboh Naning, Melaka		
- PAPN Desa Tun Hussein Onn, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur		
- PAPN Air Panas, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur		
• Telah mendapat pensijilan PERMATA Q	14	16.3
- PAPN Pasir Mas, Kelantan		
- PAPN Raja Alias, Negeri Sembilan		
- PAPN Rembau, Negeri Sembilan		
- PAPN Rahang, Negeri Sembilan		
- PAPN Gemencheh, Negeri Sembilan		
- PAPN Mempaga, Pahang		
- PAPN Tanjung Lumpur, Pahang		
- PAPN Cameron Highlands, Pahang		
- PAPN Nibong Tebal, Pulau Pinang		
- PAPN Besout, Perak		
- PAPN Sungai Siput, Perak		
- PAPN Kerinchi, Kuala Lumpur		
- PAPN Hulu Selangor, Selangor		
- PAPN Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya		
JUMLAH	86	100

Sumber: Unit PERMATA Q, Bahagian PERMATA, KPM

CARTA 2
STATUS PENSIJILAN PERMATA Q



Sumber: Unit PERMATA Q, Bahagian PERMATA, KPM

Maklum balas Bahagian PERMATA, KPM yang diterima pada 2 Mei 2019 dan 12 Februari 2020

Sebanyak 34 PAPN yang telah lulus Q1 tetapi masih belum melalui Q2 dan Perakuan disebabkan oleh jumlah panel penilai yang terhad, kos yang tinggi untuk lawatan penilaian dan panel penilai yang baharu tidak dapat dilantik. Bahagian PERMATA berpendapat bahawa penilaian Q1 dimulakan semula bagi PAPN yang belum dinilai di peringkat Q2 dan Perakuan memandangkan ketika penilaian Q1 dibuat pada tahun 2015, ia telah melebihi tempoh tiga (3) tahun dan dikhuatir tidak lagi relevan. Sistem PERMATA Q juga sedang dalam proses migrasi daripada vendor kepada KPM.

Ahli Jawatankuasa Jaminan Kualiti yang baharu telah dilantik oleh Ketua Setiausaha KPM pada 19 Disember 2019 dan pada 20 Januari 2020, jawatankuasa tersebut telah menetapkan KPI bagi penilaian validasi. Bagi Penilaian Kendiri Q1 tiada perubahan dilakukan manakala bagi Penilaian Validasi Q2 ianya memerlukan penambahbaikan untuk memastikan indikator yang digunakan lebih relevan.

Pada pendapat Audit, pengurusan jaminan kualiti yang dilaksanakan oleh Bahagian PERMATA masih belum dibuat secara menyeluruh dan berterusan kerana tiada KPI ditetapkan bagi menjamin impak terhadap kualiti perkhidmatan.

7. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya berdasarkan skop pengauditan, dapat dirumuskan bahawa pengurusan Program PERMATA Negara belum mencapai tahap kecekapan yang optimum di mana sasaran yang ditetapkan belum dapat dicapai sepenuhnya. Selain itu, wujud kelemahan dalam pengurusan pemilihan anak PERMATA, bayaran sumbangan bulanan, pengurusan pendidik, kemudahan fizikal dan persekitaran pembelajaran serta pemantauan. Keadaan ini boleh memberi kesan kepada pencapaian objektif program dan pengurusan berhemat.

8. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang, adalah disyorkan tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- 8.1. Bahagian GENIUS, KPM hendaklah mengkaji semula kaedah pemilihan lokasi pengoperasian PAPN yang akan datang untuk menjamin pengisian anak PERMATA adalah maksimum serta mengikut kuota;

- 8.2. Bahagian GENIUS, KPM hendaklah mengkaji mekanisme untuk meningkatkan pengambilan anak PERMATA daripada kumpulan sasar melalui hebahan/promosi yang lebih efektif dan dilaksanakan secara meluas;
- 8.3. Bahagian GENIUS, KPM hendaklah menyediakan latihan *capacity building* yang sesuai untuk Pendidik. Selain itu, pematuhan dalam pelaksanaan Kurikulum PERMATA Negara oleh Pendidik perlu dipantau dengan lebih berkesan bagi menjamin kualiti perkhidmatan;
- 8.4. Bahagian GENIUS, KPM hendaklah mengambil tindakan menyenggara bangunan dan peralatan pembelajaran yang telah rosak dengan segera bagi menjamin keselamatan anak PERMATA dan Pendidik;
- 8.5. Bahagian GENIUS, KPM hendaklah memastikan pensijilan PERMATA Q diperluas dan dilaksanakan secara konsisten serta berterusan; dan
- 8.6. Bahagian GENIUS, KPM hendaklah melaksanakan kajian pencapaian perkembangan anak PERMATA memandangkan program ini telah dilaksanakan melebihi 10 tahun.

PENUTUP

PENUTUP

1. Pada umumnya, kementerian/jabatan/agensi Kerajaan Persekutuan mempunyai perancangan yang baik untuk melaksanakan program/projek/aktiviti. Bagaimanapun, daripada segi pelaksanaannya masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu ditangani segera bagi memastikan sesuatu program/projek/aktiviti dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan mencapai objektif yang ditetapkan.
2. Berdasarkan pengauditan yang dijalankan, terdapat kelemahan dalam pelaksanaan sesuatu aktiviti berpunca daripada beberapa faktor. Antaranya adalah kerana kurang pemantauan/penyeliaan oleh pihak berkenaan, kurang kepakaran teknikal dan kebergantungan sepenuhnya kepada perunding/kontraktor. Selain itu, ketiadaan penyelarasan antara agensi berkenaan serta masalah dalaman kontraktor turut menyumbang kepada kelemahan pelaksanaan. Kelemahan ini menyebabkan program/aktiviti/projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh ditetapkan, kualiti kerja tidak memuaskan, kos meningkat dan Kerajaan tidak mendapat nilai faedah wang yang dibelanjakan. Objektif pelaksanaan program/projek/aktiviti juga tidak dapat dicapai sepenuhnya dan kurang memberi impak kepada kumpulan sasaran. Sehubungan ini, adalah disyorkan perkara berikut:
 - a. kajian terperinci terhadap cadangan projek dijalankan terlebih dahulu sebelum ia diluluskan. Bagi tujuan ini, selaras dengan Arahan Perbendaharaan 182.1, jabatan/agensi perlu mengemukakan maklumat lengkap seperti kedudukan status tapak projek, ringkasan projek, siling projek, peruntukan tahunan dan jadual pelaksanaan projek kepada jabatan teknikal. Langkah ini perlu untuk memastikan semua projek dilaksanakan mengikut jadual dan Kerajaan mendapat nilai faedah wang yang dibelanjakan;
 - b. perancangan bersepadu dan penyelarasan antara jabatan/agensi terlibat perlu dilakukan terutama bagi projek yang besar dan aktiviti yang melibatkan kepentingan serta keselamatan negara. Contohnya, aktiviti kawalan sempadan darat dan maritim adalah penting untuk menjaga keselamatan dan kedaulatan negara. Aspek keselamatan dan kedaulatan ini ada kaitan dengan kegiatan ekonomi serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Oleh itu, setiap projek utama Kerajaan perlu diselaraskan supaya pelaksanaannya adalah efektif dan menyumbang kepada kesejahteraan dan pembangunan negara;
 - c. kementerian/jabatan hendaklah mematuhi Panduan Pelaksanaan Pengurusan Nilai dalam program/projek Kerajaan yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi bagi projek-projek yang bernilai melebihi RM50 juta;

- d. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mahir dalam prosedur perolehan dan memberi latihan secukupnya kepada pegawai-pegawai yang terlibat dalam pengurusan perolehan. Langkah ini penting untuk mengelakkan salah laku, ketirisan dan memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara serta Kerajaan mendapat nilai faedah terbaik bagi setiap perolehan;
- e. penguatkuasaan dan pemantauan hendaklah dipertingkatkan untuk memastikan projek/program/aktiviti dapat dilaksanakan mengikut jadual serta mematuhi syarat dan spesifikasi kontrak yang ditetapkan. Langkah ini akan mengelakkan pembaziran dan kegagalan mencapai impak yang diharapkan daripada pelaksanaan projek/program/aktiviti;
- f. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mempertingkatkan pengurusan aset Kerajaan untuk mengelakkan pembaziran dan memandang serius tugas penyenggaraan, pemantauan dan penyelepasan. Rekod mengenai aset perlu sentiasa dikemas kini sebagai persiapan Kerajaan Persekutuan ke arah pelaksanaan perakaunan akruan;
- g. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan terhadap isu-isu yang ada unsur penyelewengan, pembaziran dan pemborosan. Tindakan tatatertib atau surcaj perlu diambil terhadap pegawai yang telah terbukti cuai/gagal melaksanakan tanggungjawabnya tanpa sebab-sebab yang munasabah sehingga menyebabkan Kerajaan menanggung kerugian; dan
- h. sebagai bukti komitmen yang tinggi, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah mengambil tindakan segera terhadap teguran Ketua Audit Negara. Laporan tindakan dan dokumen sokongan berkaitan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Susulan Audit, Jabatan Audit Negara bagi membolehkan segala status tindakan dikemaskinikan ke dalam *Auditor General's Dashboard* di <http://agdashboard.audit.gov.my>.

3. Pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara (JAN) adalah berdasarkan kepada sampel dan skop tertentu sahaja. Sehubungan itu, Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan yang berkenaan perlu menjalankan pemantauan rapi dan pemeriksaan secara menyeluruh untuk menentukan sama ada program/aktiviti/projek lain juga mempunyai kelemahan yang sama. Jika terdapat kelemahan yang serupa tindakan pembetulan dan penambahbaikan juga perlu diambil. Di samping itu, selain daripada menjalankan penilaian terhadap sistem kawalan dalaman, Unit Audit Dalam perlu juga diminta untuk menjalankan pengauditan prestasi terhadap pengurusan

program/aktiviti/projek. Tujuannya adalah untuk menentukan sejauh mana program/aktiviti/projek telah dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan berkesan.

4. Oleh itu, saya berharap Laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan lagi usaha penambahbaikan serta meningkatkan akauntabiliti dan integriti Sektor Awam di Malaysia. Laporan ini juga penting dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti, kreativiti dan inovasi dalam perkhidmatan awam serta mewujudkan budaya kerja yang cepat, tepat dan berintegriti.

**Ketua Audit Negara
Malaysia**

Putrajaya

14 Mei 2020

AKRONIM

AKRONIM

A

AA	<i>Asset Accounting</i>
ABC	<i>Activity Based Costing</i>
AADK	Agenzi Antidadah Kebangsaan
ACC	<i>Area Control Centres</i>
ACDC	<i>Alternating Current Direct Converter</i>
AFSB	Alam Flora Sdn. Bhd.
AIS	<i>Automatic Identification System</i>
AK	Arahan Kerja
AKB	Akaun Kena Bayar
AKSEM	Agenzi Kawalan Sempadan Malaysia
Akta 120	Akta Kontrak Kerajaan 1949
Akta 167	Akta Kuarantin Tumbuhan 1976
Akta 298	Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959
Akta 522	Akta Kawalan Padi dan Beras 1994
Akta 728	Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011
Akta 776	Akta Majlis Keselamatan Negara 2016
ANM	Akauntan Negara Malaysia
AO	<i>Accounting Office</i>
AP	<i>Account Payable</i>
APAD	Agenzi Pengangkutan Awam Darat
APG	<i>Automatic Platform Gate</i>
APK	Arahan Perubahan Kerja
APMM	Agenzi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
APP	Agenzi Perakuan Pembetungan
AR	<i>Account Receivable</i>
ATM	Angkatan Tentera Malaysia
ATS	<i>Automatic Train Supervision</i>

B

B40	Isi Rumah Berpendapatan 40% Terendah
------------	--------------------------------------

BAS	<i>Branch Accounting System</i>
BCA	<i>Border Crossing Agreement</i>
BCC	<i>Backup Operations Control Centre</i>
BI	<i>Business Intelligence</i>
Bil.	Bilangan
BK	Bahagian Kewangan
BKH	Bukit Kayu Hitam
BKKM	Bahagian Keselamatan dan Kedaulatan Maritim Malaysia
BKPF	<i>Accounting Document Header</i>
BMA	Bantuan Makanan Asrama
BMB	Bekalan Makanan Bermasaki
BMM	Bekalan Makanan Mentah
BMS	<i>Building Management System</i>
BN	Batu Nautika
Borang K8	Borang Transit Kastam
Borang MA3	Borang Pengisytiharan Transit
BPA	Beting Patinggi Ali
BPE	Bahagian Pembangunan Ekuiti
BPF	Bahagian Pengurusan Fasiliti
BPI	Bahagian Pendidikan Islam
BPL	Bahagian Perolehan
BPLTV	Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknik Vokasional
BPMB	Bank Pembangunan Malaysia Berhad
BPO	Bahagian Pembangunan Organisasi
BPOPA	Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agenzi
BPTM	Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat
BPP	Bahagian Pembangunan dan Penswastaan
BPPAM	Bahagian Perumahan Penjawat Awam Malaysia
BPPP	Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek
BPSBP	Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh
BPSH	Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
BQ	<i>Bill of Quantities</i>
BR1M	Bantuan Rakyat 1Malaysia
BS	Belum Selesai

BSEG	<i>Accounting Document Segment</i>	CPC	<i>Certificate of Practical Completion</i>	
BSI	<i>Bangunan Sultan Iskandar</i>	CPPP	<i>Cawangan Penguatkuasaan Pasar/Pusat Penjaja</i>	
BTN	<i>Backbone Transmission Network</i>	CPZ	<i>Cawangan Penguatkuasaan Zon</i>	
BW	<i>Business Warehouse</i>	CSA	<i>Certificate of System Acceptance</i>	
C				
CAATTs	<i>Computer Assisted Auditing Technique and Tools</i>	CSC	<i>Certificate of System Completion</i>	
CAP	<i>Consumers Association of Penang</i>	CSRU	<i>Civil Servant Reserve Unit</i>	
CBM	<i>Collaborated Border Management</i>	CSS	<i>Customer Service System</i>	
CBR	<i>Customer Balance Report</i>	D		
CC (m/s 2-54)	<i>Completion Certificate</i>	DA	<i>Development Agreement</i>	
CC (m/s 2-70)	<i>Communication Controller</i>	DBKL	<i>Dewan Bandaraya Kuala Lumpur</i>	
CCB	<i>Change Control Board</i>	DCC	<i>Depot Control Centre</i>	
CCC	<i>Certificate of Completion and Compliance</i>	DCNM	<i>Data Center Network Management</i>	
CCG	<i>China Coast Guard</i>	DLP	<i>Defect Liability Period</i>	
CCTV	<i>Closed Circuit Television</i>	DLPFRB	<i>Defect Liability Period Failure Review Board</i>	
CCU	<i>Contact Centre Unit</i>	DMT	<i>Data Migration Tools</i>	
CFMS	<i>Customer Feedback Management System</i>	DNA	<i>Deoxyribonucleic Acid</i>	
CFO	<i>Certificate of Fitness for Occupation</i>	DOA	<i>Deed of Assignment</i>	
CIDB	<i>Construction Industry Development Board Malaysia</i>	DoA	<i>Jabatan Pertanian</i>	
CIMB	<i>Commerce International Merchant Bankers</i>	DoF	<i>Jabatan Perikanan Malaysia</i>	
CIQ	<i>Customs, Immigration, Quarantine</i>	DOIL	<i>Door Opening Indicator Light</i>	
CIS	<i>Central Integrated System</i>	DPMM	<i>Dewan Perniagaan Melayu Malaysia</i>	
CKC	<i>Cawangan Kejuruteraan Cerun</i>	DTS	<i>Data Transmission System</i>	
CM (m/s 2-29)	<i>Cash Management</i>	DVS	<i>Department of Veterinary Services</i>	
CM (m/s 2-48)	<i>Corrective Maintenance</i>	E		
CMGD	<i>Certificate of Making Good Defects</i>	EAC	<i>Electronic Access Control</i>	
CMMS	<i>Centralised Maintenance Management System</i>	ECC	<i>ERP Central Component</i>	
CMTS	<i>Commercial Mobile Telecommunication System</i>	EFT	<i>Electronic Fund Transfer</i>	
COMMS	<i>Communications</i>	EML	<i>Electromagnetic Lock</i>	
		EOT	<i>Extension of Time</i>	
		eP	<i>ePerolehan</i>	
		EPU	<i>Economic Planning Unit</i>	
		ERPPC	<i>Enterprise Resource Planning Central Component</i>	

eSPKB	Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan Elektronik	GUMIS	<i>Government Unclaimed Money Integrated System</i>
ET	<i>Electric Train</i>	H	
EU	<i>Electric Unit</i>	HO&OA	<i>Handing Over and Operating Agreement</i>
F			
FAMA	Federal Agricultural Marketing Authority	I	
FAT	<i>Final Acceptance Test</i>	IAMU	I Am Usahawan
FBW	<i>Flash Butt Welding</i>	ICA	Immigration & Checkpoints Authority
FDPS	<i>Fire Detection and Protection System</i>	ICJ	International Court of Justice
FELDA	Federal Land Development Authority	ICP	<i>International Circulation Permit</i>
FESSB	Felda Engineering Services Sendirian Berhad	ICQS	Immigration, Customs, Quarantine Security
FFR	<i>Free Fault Running</i>	ICT	<i>Information & Communication Technology</i>
FM	<i>Fund Management</i>	ICU	Implementation Coordination Unit
FMAD	Facilities Maintenance and Administration Department	ID	<i>Identifier Pengguna</i>
FIC IPM	Felda Investment Corporation Integrated Property Management Sendirian Berhad	iGFMAS	<i>Integrated Government Financial Management Accounting System</i>
FIFO	<i>First In First Out</i>	IKRAM	Pertubuhan IKRAM Malaysia
FOC	<i>Fiber Optic Converters</i>	ILC	<i>Interlocking Local Control</i>
FSCADA	<i>Facility SCADA</i>	ILKA	Institut Latihan Kemahiran Awam
G			
GALMOS	<i>Government Advance and Loans Monitoring System</i>	ILKS	Institut Latihan Kemahiran Swasta
GBC MALINDO	<i>General Border Committee Malaysia-Indonesia</i>	ILS	<i>Investment and Loan System</i>
GBC MALTHAI	<i>General Border Committee Malaysia-Thailand</i>	iMAQIS	<i>MAQIS Integrated Information System</i>
GDC	<i>Gross Development Cost</i>	IP	<i>Incident Proforma</i>
GDS	<i>Government Debt Securities</i>	IPB	Bahagian Industri Padi dan Beras
GFMAS	<i>Government Financial Management Accounting System</i>	IPS	<i>Intrusion Prevention System</i>
GL	<i>General Ledger</i>	IS	<i>Islamic State</i>
GM	<i>Genetically Modified</i>	ISMS	<i>Information Security Management System</i>
GMO	<i>Genetically Modified Organism</i>	iSPAAA	Sistem Pemantauan Aduan Agensi Awam Bersepadu
GPS	<i>Global Positioning System</i>	iSPLN	Sistem Perakaunan Luar Negeri Akruan
GRN	<i>Good Received Notes</i>	IT	<i>Information Technology</i>
GSMIS	<i>Government Securities Management Integrated System</i>	IWK	Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.

J		K	
JANM	Jabatan Akauntan Negara Malaysia	JPN (m/s 5-15)	Jabatan Perumahan Negara
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	JPN (m/s 7-4)	Jabatan Pendidikan Negeri
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli	JPNIN	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
JBK	Jabatan Biokeselamatan	JPPP	Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Penjaja
JHEM	Jabatan Hal Ehwal Maritim	JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran
JIM	Jabatan Imigresen Malaysia	JUPEM	Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia
JK	Jawatankuasa		K
JKAS	Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar	KATS	Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli
JKDM	Jabatan Kastam Diraja Malaysia	KALBAR	Kalimantan Barat
JK Khas	Jawatankuasa Khas	KBC	Kedai Bebas Cukai
JKKMAR	Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah	KBK	Kebersihan Bangunan dan Kawasan
JKKN	Jawatankuasa Keselamatan Negeri	KeTTHA	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air
JKKPO	Jawatankuasa Kerja Pembangunan Organisasi	KSAB	Kompleks Sultan Abu Bakar
JKPB	Jabatan Kejuruteraan Awam dan Pengangkutan Bandar	KBS	Kementerian Belia dan Sukan
JKM	Jabatan Kimia Malaysia	KDN	Kementerian Dalam Negeri
JKR	Jabatan Kerja Raya	KKK	Ketua Keselamatan Kompleks
JKTK	Jawatankuasa Teknikal dan Kewangan	KKLW	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
JKT OSC	Jawatankuasa Teknikal Pusat Setempat	KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
JLH	Juta Liter Sehari	KKR	Kementerian Kerja Raya
JLM	Jabatan Laut Malaysia	KLIA	Kuala Lumpur International Airport
JMB	<i>Joint Management Body</i>	KLN	Kementerian Luar Negeri
JMG	Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia	KPDNHEP	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam	KPI	<i>Key Performance Indicator</i>
JPCC	<i>Joint Police Cooperation Committee</i>	KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
JPEP	Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan	KPLB	Kementerian Pembangunan Luar Bandar
JKP	Jabatan Penguatuasaan	KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
JPG	Jawatankuasa Perancang Gerakan	KPSUK	Ketua Penolong Setiausaha Kanan
JPGN	Jawatankuasa Perancang Gerakan Negeri	KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
JPJ	Jabatan Pengangkutan Jalan	KSAB	Kompleks Sultan Abu Bakar
JPM	Jabatan Perdana Menteri	KSN	Ketua Setiausaha Negara
		KSU	Ketua Setiausaha

KTJ	Kawasan Tanggungjawab
KTM	Keretapi Tanah Melayu
KTMB	Keretapi Tanah Melayu Berhad
KTN	Kanun Tanah Negara
KV	Kolej Vokasional
KVMRT	<i>Klang Valley Mass Rapid Transit</i>
KWP	Kementerian Wilayah Persekutuan

L

LA	<i>Local Administrator</i>
Lab SRI	<i>Strategic Reform Initiative Lab</i>
LAD	<i>Liquidated and Ascertained Damages</i>
LADA	Langkawi Development Authority
LHDN	Lembaga Hasil Dalam Negeri
LGM	Lembaga Getah Malaysia
LIDAR	<i>Light Detection and Ranging</i>
LKAN	Laporan Ketua Audit Negara
LKIM	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
LMS	<i>Loan Management System</i>
LRA	Loji Rawatan Air
LRT	<i>Light Rapid Transit</i>
LV	<i>Low Voltage</i>

M

M&E	<i>Mechanical and Electrical</i>
MAQIS	Malaysian Quarantine and Inspection Services
MAMPU	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
MANTAP	Mahasiswa Turun Parlimen
MBPJ	Majlis Bandaraya Petaling jaya
MC	<i>Management Corporation</i>
MCC	<i>Main Control Centre</i>
MCB	<i>Miniature Circuit Breaker</i>
MCMC	Malaysian Communications and Multimedia Commission
MEA	Ministry of Economic Affairs
MESTECC	Ministry of Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change

MTIB	Malaysian Timber Industry Board
MIEC	Maritime Information Exchange Centre
MITI	Ministry of International Trade and Industry
MKD	Menteri Kewangan Diperbadankan
MKN	Majlis Keselamatan Negara
MM	<i>Material Management</i>
MO	<i>Management Office</i>
MoA	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
MoF	Kementerian Kewangan
MOTAC	Ministry of Tourism, Arts and Culture Malaysia
MPKB	Majlis Perbandaran Kota Bharu
MRL	<i>Maximum Residue Limit</i>
MRT	<i>Mass Rapid Transit</i>
MRT Corp.	Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd.
MSB	<i>Main Switch Board</i>
MSCL	<i>Mild Steel Cement Lining</i>
MSG	<i>Monosodium Glutamate</i>
MTIB	Malaysian Timber Industry Board
Multi-GNSS	<i>Multi-Global Navigation Satellite System</i>
MSJTC	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama Malaysia-Singapura

N

NAAM	New Affirmative Action Movement
NAR	<i>Network Architecture Review</i>
NBCT	North Butterworth Container Terminal
NCDC	National Child Data Centre
NCDRC	National Child Data Research Centre
NGO	Non-Governmental Organisation
NMS	<i>Network Management System</i>
NP	Notis Penamatian
NPE	New Pantai Expressway

NRW	<i>Non Revenue Water</i>	PGA	Pasukan Gerakan Am
NTL	<i>Not To Land</i>	PHK	Pelarasian Harga Kontrak
NTP	Notis Tujuan Penamatian	PHP	<i>PHP Hypertext Preprocessor</i>
O		PICN	Pelan Induk Cerun Negara
O&M	<i>Operation and Manual</i>	PjH	Putrajaya Holdings Sdn. Bhd.
OBB	<i>Outcome Based Budgeting</i>	PKHEM	Penolong Kanan Hal Ehwal Murid
OBC	<i>Outcome Based Costing</i>	PKK	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan
OCC	<i>Operations Control Centre</i>	PKKP	Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan
OEM	<i>Original Equipment Manufacturer</i>	PLAN	<i>People's Liberation Army Navy</i>
OKS	Orang Kena Saman	PLUS	Projek Lebuhraya Utara Selatan
OKU	Orang Kelainan Upaya	PM	<i>Preventive Maintenance</i>
Ops. Tegas	Operasi Tegas	PMC	<i>Project Management Consultant</i>
OSS	<i>Online Services System</i>	PMO	<i>Project Management Office</i>
P		PO	<i>Purchase Order</i>
1PP	1Pekeling Perbendaharaan	POLRI	Kepolisian Negara Republik Indonesia
3P	Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan	PP	Pegawai Penguasa
PAE	<i>Public Awareness and Education</i>	PP-A	Pendaftaran Pengguna – <i>Authorisation</i>
PAGN	Pusat Anak GENIUS Negara	PPAM	Perumahan Penjawat Awam Malaysia
PAIP	Pengurusan Air Pahang Berhad	PPA1M	Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia
PAPN	Pusat Anak PERMATA Negara	PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PATI	Pendatang Asing Tanpa Izin	PPIM	Persatuan Pengguna Islam Malaysia
PAY	<i>Payroll System</i>	PPj	Perbadanan Putrajaya
PBA	Pihak Berkuasa Awam	PPKK	Program Peningkatan Kapasiti dan Kapabiliti Kumpulan Khusus
PBC	<i>PTJ Based Costing</i>	PPM PDRM	Pasukan Polis Marin Polis Diraja Malaysia
PBRC	Peta Bahaya dan Risiko Cerun	PPM1M	Program Pemerkasaan Masyarakat 1Malaysia
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan	PPR	Program Perumahan Rakyat
PCI	<i>Peripheral Component Interconnect</i>	Prasarana	Prasarana Malaysia Berhad
PDMA	<i>Project Development and Management Agreement</i>	PR1MA	Perumahan Rakyat 1Malaysia
PDRM	Polis Diraja Malaysia	PS	<i>Particular Specification</i>
PDP	<i>Projet Delivery Partner</i>	PSCADA	Power SCADA
PDPA	<i>Project Delivery Partner Agreement</i>		
PEC	<i>Passenger Emergency Call</i>		
PERHILITAN	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara		
PFI II	<i>Private Finance Incentive II</i>		

PSDS	<i>Power Supply and Distribution System</i>	SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
PTD	Panglima Tentera Darat	SAINS	Syarikat Air Negeri Sembilan
PTG	Pejabat Tanah dan Galian	SAP (m/s 2-22)	<i>System Applications and Products</i>
PTJ	Pusat Tanggungjawab	SAP (m/s 7-18)	Surat Arahan Pentadbiran
PTO	Perintah Tetap Operasi	SBP	Sekolah Berasrama Penuh
PTP	Pelabuhan Tanjung Pelepas	SBK	Sungai Buloh - Kajang
PTPK	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran	SCR	<i>Station Control Room</i>
PUU	Penasihat Undang-undang	SFTP	<i>Secure File Transfers Protocol</i>
Q		SIRIM QAS	SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
QEA	<i>Quick Eye Assessment</i>	SIT	<i>Site Integration Test</i>
QRAS	<i>Quantitative Risk Assesment Study and Establishment of New Formula for Hazard & Risk Map</i>	SKH	Stesen Kuarantin Haiwan
R		SKLM	<i>Secure Key Lifecycle Manager</i>
RAMS	<i>Reliability, Availability, Maintainability and Safety</i>	SLAS	<i>Subsidiary Ledger Accounting System</i>
Rapid Rail	Rapid Rail Sdn. Bhd.	SM	Sekolah Menengah
RATC	<i>Region Automatic Train Cabinet</i>	SMK	Sistem Maklumat Kastam
RATO	<i>Region Automatic Train Operation</i>	SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
RATP	<i>Region Automatic Train Protection</i>	SMT	Sekolah Menengah Teknik
RBF	<i>River Bank Filtration</i>	SMU(A)	Sekolah Menengah Ugama (Arab)
RELA	Jabatan Sukarelawan Malaysia	SNMP	<i>Simple Network Management System</i>
RFP	<i>Request for Proposal</i>	SOLMAN	<i>Solution Manager</i>
RICA	<i>Risk Issue Continuous Improvement Action</i>	SO	<i>Supervisor Officer</i>
RM	Ringgit Malaysia	SOP	<i>Standard Operating Procedure</i>
RMK	Rokok dan Minuman Keras	SPA	<i>Security Posture Assessment</i>
ROE	<i>Rules of Engagement</i>	SPAN	Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara
RPA	Rancangan Pelaksanaan Aktiviti	SPJ	Sistem Penguatkuasaan Jabatan
RRV	<i>Rail Reprofiling Vehicle</i>	SPPII	Sistem Pemantauan Projek II
RSM	<i>Rock Slope Mapping</i>	SPP PAPN	Surat Pekeliling Pentadbiran Pusat Anak PERMATA Negara
RSS	<i>Remote Sensor Sites</i>	SPPP	Sistem Pengurusan Permohonan PPAM Putrajaya
RTO	<i>Rent To Own</i>	SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
RTS	<i>Robotic Total Station</i>	SPRN	Sistem Pengurusan Perumahan Negara
S		SPSDC	<i>Signalling Platform Screen Door Controller</i>
S	Selesai		
SAA	Sistem Amaran Awal		

SP2U	Sistem Pemantauan Undang-Undang	UNHCR	<i>United Nations High Commission for Refugees</i>
SQ	<i>Standard Quality</i>	UPE	Unit Perancang Ekonomi
SST	Surat Setuju Terima	UPEN	Unit Perancang Ekonomi Negeri
STP	<i>Sewerage Treatment Plant</i>	UPS	<i>Uninterruptible Power Supply</i>
STRAITREP	<i>Mandatory Ship Reporting System in the Straits of Malacca and Singapore</i>	USI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
STS	Surat Tunjuk Sebab	USA	United States of America
SUB	Setiausaha Bahagian	USP	Unit Siasatan dan Pembangunan
SUIM	<i>User Information System</i>	UUK	Undang-undang Kecil
SUK	Setiausaha Kerajaan	V	
SWASLA	Sistem Pengawasan Laut Malaysia	VAC	<i>Ventilation Air Conditioning</i>
SWCorp.	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam	VM	<i>Value Management</i>
SYABAS	Syarikat Bekalan Air Selangor	VMS	<i>Vessel Monitoring System</i>
SYSMAQ	Laporan Sistem MAQIS	VO	<i>Variation Order</i>
T			
T&C	<i>Testing and Commissioning</i>	VTU	<i>Vessel Tracking Unit</i>
TASKA	Taman Asuhan Kanak-Kanak	W	
TC	<i>Train Controller</i>	WDCS	<i>Wireless Data Communication System</i>
TDM	Tentera Darat Malaysia	WJP	Wang Jaminan Pelaksanaan
TERAJU	Unit Peneraju Agenda Bumiputra	WO	<i>Work Order</i>
TKKKS	Tabung Kesejahteraan Kanak-kanak Sedunia	WP	Wilayah Persekutuan
TLDM	Tentera Laut Diraja Malaysia	WPC	<i>Work Package Contractor</i>
TMS	<i>Train Management System</i>	WPKL	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
TNB	Tenaga Nasional Berhad	WTCP	Woodlands Train Checkpoint
TNM	<i>Track Network Maintenance</i>	Y	
TO	<i>Train Officer</i>	YMA	Yuran Makan Asrama
TPATA	Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan	YPKT	Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu
TSAP	<i>Train Service Availability Performance</i>	YPM	Yayasan PERMATA Malaysia
TSS	<i>Traffic Separation Scheme</i>	YPPB	Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputra
TTD	Tidak Dapat Ditentukan	Z	
TWP	<i>Train Wash Plant</i>	ZAPT	Kod <i>Table</i> dalam iGFMAS
U			
UAT	<i>User Acceptance Test</i>	ZEE	Zon Ekonomi Eksklusif
UKAS	Unit Kerjasama Awam Swasta	ZMM	Zon Maritim Malaysia
UKSF	Unit Kawal Selia FELDA	ZMMT	Kod <i>Table</i> dalam iGFMAS



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2020
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



Jabatan Audit Negara
Aras 1-9, Block F2 & F3, Kompleks F
Lebuh Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 Putrajaya, Malaysia
www.audit.gov.my